

MALAYSIA

WARISAN DAN PERKEMBANGAN

Zainal Abidin bin Abdul Wahid
Khoo Kay Kim
Muhd. Yusof bin Ibrahim
Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman
Mohd. Amin bin Hassan

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1992

Cetakan Pertama 1992

© Zainal Abidin bin Abdul Wahid,
Khoo Kay Kim, Muhd. Yusof bin Ibrahim,
Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman,
dan Mohd. Amin bin Hassan, 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog dalam-Penerbitan

Malaysia: warisan dan perkembangan /

Zainal Abidin Abdul Wahid ... [et al.]

ISBN 983-62-2022-2

1. Malaya--History. 2. Malaya--Politics and government.
3. Malaysia--History. 4. Malaysia--Politics and government.

I. Zainal Abidin Abdul Wahid, Datuk.
959.5

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Century School Book
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
\$15.00

666197

22 FEB 1994
Perpustakaan Negara
Malaysia

Cetakan Pertama 1992

© Zainal Abidin bin Abdul Wahid,
Khoo Kay Kim, Muhd. Yusof bin Ibrahim,
Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman,
dan Mohd. Amin bin Hassan, 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan

Malaysia: warisan dan perkembangan /

Zainal Abidin Abdul Wahid ... [et al.]

ISBN 983-62-2622-2

1. Malaya--History.
2. Malaya--Politics and government.
3. Malaysia--History.
4. Malaysia--Politics and government.

I. Zainal Abidin Abdul Wahid, Datuk.

959.5

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Century School Book
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
\$15.00

666197

Kandungan

PRAKATA	iv
Bab 1 PRASEJARAH MALAYSIA <i>Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman</i>	1
Bab 2 ZAMAN PROTOSEJARAH MALAYSIA <i>Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman</i>	10
Bab 3 PENGASASAN MELAKA DAN HUBUNGAN AWAL DENGAN CHINA DAN SIAM <i>Muhd. Yusof bin Ibrahim</i>	15
Pengasasan Melaka	15
Raja Melaka yang Pertama: Keturunan Srivijaya	16
Dari Raja Temasik Menjadi Raja Melaka	16
Pengaruh Animisme dan Agama Hindu	16
Asal-usul Raja	17
Sistem Masyarakat	17
Ciri-ciri Tempatan	17
Melaka Mula Menjadi Masyhur	18
Hubungan Awal dengan China	18
Lawatan Laksamana Cheng Ho	18
Pengkiktirafan daripada Maharaja China	19
Lawatan Rombongan Melaka ke China	19
Sultan Muhammad Shah (1424-1444)	20
Hubungan Awal dengan Siam	21
Pengukuhan Pertahanan Melaka untuk Menghadapi Ancaman Siam	21
Lawatan Sultan Muhammad Shah ke China	21
Bab 4 KEDATANGAN AGAMA ISLAM DAN KESANNYA TERHADAP KEBUDAYAAN DAN ADAT RESAM ORANG MELAYU <i>Muhd. Yusof bin Ibrahim</i>	23
Kedatangan Agama Islam ke Asia Tenggara	23

	Agama Islam di Sumatera	23
	Teori Kedatangan Islam	24
	Kedatangan Agama Islam ke Tanah Melayu: Batu Bersurat Sungai Teresat	25
*	Kedatangan Agama Islam ke Melaka	25
*	Mahkota Iskandar Shah Memeluk Agama Islam	25
	Perkembangan Agama Islam	26
*	Peranan Sultan Muzaffar Shah	26
*	Sultan Mansur Shah	27
	Perubahan Setelah Memeluk Agama Islam	27
	Tulisan Jawi	28
	Kesusasteraan	28
	Peranan Ulama	28
	Undang-undang	29
	Penghayatan Agama Islam di Melaka	29
	Penyesuaian dalam Adat Resam	30
* Bab 5	PERKEMBANGAN KUASA PÖLITIK MELAKA	31
	<i>Muhd. Yusof bin Ibrahim</i>	
	Rampasan Kuasa di Istana	31
	Tun Perak Disingkir ke Klang	32
	Serangan Siam pada Tahun 1456	32
	Sultan Muzaffar Shah Menyambung Semula Hubungan dengan China	33
	Sultan Mansur Shah (1459-1477)	33
	Hubungan dengan China Diteruskan	34
	Perkembangan Kuasa Politik dan Jajahan Takluk Melaka di Tanah Melayu	34
	Perkembangan Kuasa Politik dan Jajahan Takluk ke Pantai Timur Sumatera	35
	Melaka Menjadi Empayar Kelautan yang Agung	36
	Tun Perak	36
	Membina Empayar Melaka	36
	Hang Tuah	37
	Sistem Undang-undang dan Pentadbiran	38
	Kekuatan Sistem Pertahanan	39
* Bab 6	MASYARAKAT MELAKA DAN KEGIATAN PERDAGANGAN	40
	<i>Muhd. Yusof bin Ibrahim</i>	
	Gambaran Masyarakat Melayu Tradisi	40
	Perkembangan Penduduk	40
	Bentuk Masyarakat	41
	Golongan Raja	41

Golongan Bangsawan	41	
Bangsa atau "Orang Merdeheka"	42	
Golongan Hamba dan Abdi	42	
Berbangsa-bangsa Tetapi Bukan Berkasta	43	
Perubahan Taraf dan Golongan	43	
Hubungan Kemasyarakatan	44	
Keamanan dan Kedamaian Masyarakat	45	
Islam Sebagai Asas Masyarakat Melaka	45	
Tempat Pertembungan Pedagang Antarabangsa	47	
Barang Dagangan Melaka	47	
Barang Dagangan Luar Negeri	47	
Peranan Pedagang Melaka	48	
Orang Kiwi	48	
Usaha Pertanian dan Penternakan	48	
Mata Wang	49	
Sistem Perekonomian yang Teratur	49	
Sistem Pencukaian	49	
Bab 7	KEMEROSOTAN MELAKA	51
	<i>Muhd. Yusof bin Ibrahim</i>	
*	Melaka Menjelang Kurun ke-16	51
*	Sultan Mahmud Shah Turun Takhta Akibat Pembunuhan Tun Mutahir	52
	Fitnah Para Saudagar	52
	Perlantikan Sultan Ahmad Shah	53
	Kelemahan Sultan Mahmud Shah dan Ketokohan Tun Mutahir	53
	Sultan Ahmad Shah	54
	Kedatangan Portugis ke Timur	54
	Orang Portugis di Melaka	56
	Perang Melaka-Portugis I	56
	Perang Melaka-Portugis II	57
	Saudagar yang Belot	57
	Kelemahan Tentera Melaka	57
	Melaka Jatuh ke Tangan Portugis	57
	Permulaan Penjajahan Barat	58
	Portugis Hanya Berkuasa di Bandar Melaka	58
	Berundur dan Mengelolakan Perjuangan	59
Bab 8	KEDATANGAN ORANG EROPAH	60
	<i>Khoo Kay Kim</i>	
	Kedatangan Orang Portugis	60
	Acheh dan Hubungannya dengan Portugis	62
	Kebangkitan Kesultanan Johor	63
	Kesultanan Pahang	64

	Kesultanan Perak	65
	Belanda di Melaka	67
	Kemunculan Orang Bugis	67
	Orang Minangkabau di Semenanjung	69
	Hubungan Bugis dengan Belanda	71
Bab 9	NEGERI MELAYU DAN PERKEMBANGAN PENGARUH BRITISH 1786 - 1873	73
	<i>Khoo Kay Kim</i>	
	Kedatangan Inggeris ke Timur	73
	Ketibaan Francis Light	74
	Light Membuat Petempatan di Pulau Pinang	75
	Hubungan Inggeris-Belanda	76
	Singapura Diserahkan kepada British	77
	Tentangan Belanda	78
	Kesan Persetiaan 1824	80
	Perjanjian Burney	80
	Negeri-Negeri Selat	82
	Kemasukan Orang Cina	83
Bab 10	SISTEM RESIDEN DAN PENGENALANNYA DI PERAK DAN SELANGOR	86
	<i>Khoo Kay Kim</i>	
	Matlamat dan Tugas Residen	87
	Masalah Awal Sistem Residen	87
	Sistem Residen di Perak	88
	Hak Memungut Cukai	88
	Penghapusan Amalan Hamba Abdi	89
	Pertelingkahan dan Permusuhan	89
	Pihak British Terus Mendesak	91
	Pakatan Melawan Pihak British	91
	Birch Dibunuh	91
	Perang Perak	92
	Hukuman	93
	Raja Yusof Menjadi Sultan	93
	Pihak British Masih Bimbang	93
	Putera-putera Sultan Abdullah	94
	Pentadbiran Hugh Low	94
	Sistem Residen di Selangor	96
	Residen J.G. Davidson	96
	Tengku Kudin	97
	Frank Swettenham	98
	Kapitan Cina Yap Ah Loy	98

Bab 11	PERLUASAN SISTEM RESIDEN KE NEGERI SEMBILAN DAN PAHANG	99
	<i>Mohd. Amin bin Hassan</i>	
	✓ Sistem Residen di Negeri Sembilan	99
	✓ Sistem Residen di Pahang	101
	Orang Kaya Datuk Bahaman	102
	Penyertaan Tok Gajah	105
	Kesimpulan	106
	Kejayaan Penjajahan British	107
Bab 12	PENGUKUHAN PENJAJAHAN BRITISH MELALUI PENUBUHAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU	109
	<i>Mohd. Amin bin Hassan</i>	
	✓ Kelemahan Sistem Residen	109
	Masalah Pahang	111
	Penubuhan Persekutuan	112
	Perlantikan Residen-Jeneral	113
	Kedudukan Residen	113
	Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu	114
	Perkembangan dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	114
	Penggunaan Bahasa Melayu	116
	Perkembangan Ekonomi	116
Bab 13	PENGAGIHAN DAN PENGEMBALIAN KUASA	117
	<i>Mohd. Amin bin Hassan</i>	
	Kesan Pembentukan Persekutuan	117
	Majlis Perundangan Persekutuan 1909	119
	✓ Kedudukan Raja-Raja Melayu Semakin Buruk	119
	Peringkat Pertama	120
	Kedudukan Raja-Raja Melayu Bertambah Baik	121
	Peringkat Kedua	121
	Peringkat Ketiga	122
	Kesimpulan	122
Bab 14	KEADAAN DAN PERKEMBANGAN DI NEGERI JOHOR	124
	<i>Mohd. Amin bin Hassan</i>	
	Johor	125
	Temenggung Daeng Ibrahim	125
	Maharaja Abu Bakar	126
	Maharaja Abu Bakar Menjadi Sultan Johor	127
	Penghapusan Sistem Kangcu	128
	Kedudukan dan Tanggungjawab Kangcu	128

	Memaju dan Memodenkan Johor	129
	Kemangkatan Bapa Johor Moden	130
	Pemerintahan Sultan Ibrahim	130
Bab 15	NEGERI-NEGERI MELAYU DI UTARA DAN TIMUR / TANAH MELAYU	132
	<i>Mohd. Amin bin Hassan</i>	
	Negeri-negeri Melayu Utara	132
	Hubungan Pihak British dengan Siam	132
	Konsesi Kerajaan Kelantan kepada Duff	134
	Perjanjian British-Siam Tahun 1902	134
	Perjanjian Bangkok Tahun 1909	135
	Sambutan Kerajaan Negeri-negeri Melayu di Utara	136
	Pihak British Menguasai Kedah	136
	Perlis	137
	Kelantan	138
	Penentangan terhadap Penjajah British	138
	Punca Penentangan	138
	Tok Janggut Ingin Membayar	139
	Surat Saman	139
	Peperangan Tok Janggut	140
	Menentang Hingga ke Titisan Darah Terakhir	140
	Penghinaan Penjajah	140
	Terengganu	141
	Penolakan Sultan	141
	Sultan Memajukan Terengganu	142
	Kemangkatan Sultan Zainal Abidin III dan Penguasaan Penjajah British	142
	Sultan Muhammad Meletakkan Jawatan	143
	Penentangan terhadap Penjajah British	143
	Penentangan Tahun 1921	143
	Tuan Haji Abdul Rahman Limbong	144
	Penentangan Tahun 1925	144
	Penentangan Tahun 1928	145
	Kesimpulan	145
	Penutup	146
Bab 16	ASAS PERKEMBANGAN EKONOMI TANAH MELAYU: BIJIH TIMAH DAN GETAH	147
	<i>Mohd. Amin bin Hassan</i>	
	Bijih Timah	147
	Harga Bijih Timah	151
	Getah	152
	Permintaan Dunia	154

Galakan Kerajaan	155
Perkembangan Perusahaan Getah di Tanah Melayu	155

Bab 17

ASAS PERKEMBANGAN EKONOMI TANAH MELAYU: KEMASUKAN BURUH DAN PERKEMBANGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

Mohd. Amin bin Hassan

158

Buruh Cina	158
Sistem Tiket Kredit	159
Sistem Pengambilan Personel	159
Sistem Pengambilan Rumah Kongsi	159
Buruh India	160
Buruh Kontrak	162
Sistem Kangany	162
Buruh Bebas	163
Sistem Perhubungan	163
Landasan Kereta Api	165
Jalan Raya	167

Bab 18

PENDUDUKAN JEPUN 1942 - 1945

Zainal Abidin bin Abdul Wahid

170

Order Baru Asia Timur Raya	170
Britain Tidak Bersedia	171
Alat dan Cara Peperangan Jepun di Tanah Melayu	172
<u>Pengintipan dan Maklumat</u>	172
Peranan Kesatuan Melayu Muda	173
Pearl Harbour Dibom	174
Negara Thai Berubah Sikap	174
Pemerintahan Tentera Tanah Melayu	174
<u>Dasar terhadap Sultan</u>	174
Perbezaan Dasar dengan Pelaksanaan	175
Jepun Menguasai Pentadbiran Negara	176
Pelajaran dan Kebudayaan	177
Sekolah Jepun	177
Menghapuskan Pengaruh Barat	178
Ekonomi	178
Getah dan Bijih Timah	178
Pasar Gelap	179
Penderitaan Rakyat	179
<u>Wabak Penyakit</u>	180
<u>Jalan Kereta Api Maut</u>	180
Keadaan Politik	180
Rahmat yang Terselindung	181

✓	Penubuhan PETA	182
✓	Jaminan Kemerdekaan	182
✓	Penubuhan KRIS	182
	Kegiatan Orang Keturunan India	183
✓	Kerajaan Azad Hind	184
✓	Kegiatan Orang Keturunan Cina	184
✓	Parti Komunis Malaya dan Bintang Tiga Sabah dan Sarawak	185/186

X	Bab 19	PENUBUHAN KONGRES MELAYU SE-MALAYA DAN KELAHIRAN UMNO	188
		<i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	
		Syarat-syarat Malayan Union	190
		Tentangn terhadap Malayan Union	190
		Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya	192
		Tentangn terhadap Malayan Union di Britain	193
		Tindakan terhadap Malayan Union dan Penghapusannya	193
		Penubuhan UMNO	195

X	Bab 20	KE ARAH PEMBENTUKAN NEGARA MALAYSIA: MENUJU PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU	197
		<i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	
		Majlis Tindakan Bersama Seluruh Tanah Melayu (<i>All-Malaya Council of Joint Action - AMCJA</i>)	197
		Pusat Tenaga Rakyat	198
		Prinsip Perjuangan PUTERA	198
		Persekutuan Tanah Melayu 1948	199
		Penyatuan di bawah Satu Pentadbiran	201
		Menuju Pemerintahan Sendiri	202

X	Bab 21	KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN PARTI POLITIK 1948 - 1951	204
		<i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	
		Percubaan Mengatasi Masalah Perkauman	206
		Datuk E.E.C. Thuraisingham	206
		Kongres India Tanah Melayu (MIC)	207
		Datuk Tan Cheng Lock	208
		Penubuhan Persatuan Cina Tanah Melayu (MCA)	210
		UMNO Menyusun Kedudukannya	212
		Dato' Onn Meletakkan Jawatan	213

Bab 22	KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN PARTI POLITIK 1951 - 1955 <i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	215
	Penubuhan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu	215
	Kegagalan IMP	216
	Pilihanraya dan Perkembangan Parti-parti ✓	217
	Parti Buruh	217
	Parti Negara	219
	Penubuhan Parti Islam Se-Tanah Melayu	220
Bab 23	DARURAT 1948 - 1960 ✓ <i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	222
	✓ Darurat	223
	✓ Rancangan Petempatan Semula	223
	✓ Kesan Darurat	226
Bab 24	KE ARAH KEMERDEKAAN DAN SELEPASNYA <i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	229
	Pilihanraya ✓	229
	Parti-parti Lain ✓	231
	Kemenangan Perikatan	232
	* Rundingan Baling	233
	Rundingan Kemerdekaan ✓	233
	✓ Suruhanjaya Perlembagaan ✓	234
	Pendapat Penduduk Tanah Melayu (Memorandum)	235
	Tentangan terhadap Memorandum Perikatan	236
	Rang Perlembagaan ✓	236
	Mencapai Kemerdekaan ✓	238
	Perlembagaan Tahun 1957 ✓	239
	Prinsip <i>Jus Soli</i>	240
Bab 25	PENUBUHAN MALAYSIA: TUJUAN DAN TINDAKAN <i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	242
	Sikap Tanah Melayu terhadap Kemasukan Singapura	244
	Bumiputera di Sabah dan Sarawak Terbiar	245
	Soal Kemerdekaan Sabah dan Sarawak	245
	Singapura Tidak Boleh Hidup Sendiri	246
	Mendapat Sokongan dan Tentangan	246
	Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia	247
	Rundingan Tanah Melayu-Singapura	247
	Rundingan dengan Kerajaan British ✓	248

MALAYSIA: WARISAN DAN PERKEMBANGAN

	Keadaan di Wilayah Borneo	248
	Usaha Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia	250
	Suruhanjaya Cobbold	251
	Laporan Suruhanjaya Cobbold	253
	Referendum Singapura	255
Bab 26	PENUBUHAN MALAYSIA: REAKSI DAN KESUDAHAN	256
	<i>Zainal Abidin bin Abdul Wahid</i>	
	Brunei dan Malaysia	256
	Indonesia dan Malaysia	257
	Filipina dan Malaysia	258
	Maphilindo	258
	Tentangan Indonesia	259
	INDEKS	261

Prakata

Bilangan buku-buku sejarah Malaysia yang lengkap untuk digunakan oleh para pelajar sekolah menengah dan juga orang awam, termasuk para pelancong yang ingin mengetahui sejarah Malaysia melalui pembacaan yang agak ringan, sangatlah terhad. Kebanyakan buku mengenai sejarah Malaysia yang ada sekarang hanyalah buku-buku yang diulang cetak daripada naskhah yang telah diterbitkan bertahun-tahun yang lalu. Maka dengan itu, isi kandungan, tahap perkembangan dan tafsiran serta pandangan sebahagian besar daripadanya tidak banyak berbeza daripada penulisan yang dihasilkan oleh sejarawan pihak penjajah British dahulu. Hakikat ini menyebabkan kekosongan yang amat dirasakan. Oleh itu, buku *Malaysia: Warisan dan Perkembangan* ini cuba ditulis dan diterbitkan dengan tujuan dapat memenuhi sebahagian daripada kekosongan itu. Walaupun buku ini ditulis dengan menggunakan bahasa dan pendekatan popular, tetapi isi kandungannya didasarkan kepada sumber-sumber penyelidikan yang boleh dipercayai keasliannya.

Menerusi sumber-sumber yang diperoleh, para penulis telah cuba untuk mengemukakan pendekatan dan tafsiran yang lebih munasabah dan wajar bagi sejarah Malaysia. Semoga dengan itu pandangan yang merendah-rendahkan sejarah tanahair kita seperti yang dilakukan oleh sesetengah sejarawan Barat dan diikuti oleh penulis-penulis upahan tempatan, dapat diperbaiki terutama sekali di kalangan generasi muda dan anak-anak yang masih bersekolah. Sebenarnya, masa untuk membuat seruan seperti ini sudah lama berlalu, tetapi memandangkan usaha untuk membawa kepada perubahan itu tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan sepenuhnya dalam pembinaan bangsa dan semangatnya maka terpaksa diulang-ulang dengan harapan akhirnya akan membentuk perkembangan pemikiran yang lebih positif dan progresif.

Sidang Penulis

Bab 1

Prasejarah Malaysia

Sejarah Malaysia bermula dengan zaman prasejarah. Seperti yang kita sedia maklum bahawa pada zaman itu tidak seorang pun yang tahu membaca atau menulis. Ini disebabkan tulisan belum wujud lagi. Oleh yang demikian untuk mengkaji sejarah manusia pada zaman itu, maka perlulah bagi seseorang ahli sejarah menggunakan kaedah atau pendekatan arkeologi. Dengan melalui kaedah arkeologi sahaja segala tinggalkan manusia dapat dikaji untuk membina kembali sejarah masyarakat pada zaman itu. Perkembangan kedua dan seterusnya dalam sejarah Malaysia ialah yang berlaku pada zaman protosejarah. Zaman itu menampakkan titik-titik perkembangan awal yang akan membawa kepada zaman seterusnya iaitu zaman sejarah. Tulisan telah mula wujud pada zaman itu dalam masyarakat walaupun secara kecil-kecilan. Hanya beberapa individu sahaja yang tahu membaca dan menulis. Untuk mengetahui keadaan masyarakat di Malaysia pada zaman itu, maka perlulah ahli-ahli sejarah merujuk kepada tulisan-tulisan oleh orang luar seperti orang Yunani, Cina dan India yang menceritakan tentang masyarakat tempat itu. Dengan menggabungkan maklumat luar dan maklumat arkeologi, maka penulisan sejarah masyarakat protosejarah Malaysia dapat dilaksanakan.

Tahap ketiga dalam sejarah Malaysia ialah tahap sejarah dan sumber utama untuk mengkaji zaman itu adalah sumber

bertulis. Sumber-sumber ini sebahagian besarnya terdapat dalam negara kita yang merupakan hasil karya orang tempatan dan orang asing yang pernah berada di tempat itu dan menulis atau melaporkan tentang tempat itu. Berbagai-bagai jenis sumber bertulis digunakan. Antaranya ialah laporan, buku rekod, buku catatan majalah dan akhbar. Namun begitu sumber arkeologi masih boleh digunakan bagi memperkukuh lagi data-data bertulis dalam penulisan sejarah terutama sekali tentang sejarah kebudayaan.

Zaman prasejarah Malaysia bermula dengan kewujudan manusia terawal di Malaysia lebih kurang 35 000 tahun dahulu. Bukti tentang wujudnya manusia sejak zaman itu ialah tinggalan mereka di dua buah tempat di Malaysia. Tempat-tempat itu ialah di Gua Niah Sarawak dan Kota Tampan, Perak. Dalam konteks sejarah perkembangan kebudayaan manusia, tahap kebudayaan mereka itu dikenali sebagai zaman Paleolitik.* Nama kebudayaan itu mencerminkan bahawa alat-alat utama yang digunakan untuk berburu, memotong, melapah dan mempertahankan diri di buat daripada batu. Alat-alat itu dibuat daripada anak-anak batu sungai dan dikenali sebagai alat pemotong, kapak genggam, dan alat batu repehan. Alat-alat batu yang dicipta pada zaman itu tidak di-

*Istilah Paleolitik ini merujuk kepada Paleolitik Malaysia.

licinkan dan tidak menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi dalam seni cipta. Alat-alat itu dicipta khusus kerana fungsinya yang boleh membantu memenuhi keperluan hidup manusia semasa berburu, menangkap ikan dan memungut hasil-hasil hutan. Selain alat-alat batu, mungkin juga ada alat-alat daripada kayu dan buluh yang dicipta tetapi tinggalannya tidak mungkin dijumpai. Matlamat penciptaan alat-alat batu ialah untuk membantu orang berkebudayaan Paleolitik meneroka sumber alam sekitarnya.

Tapak kediaman orang zaman Paleolitik di Kota Tampan terletak dekat dengan sebuah sungai. Tetapi sungai itu telah mengalir jauh daripada tapak itu pada masa ini. Kawasan tinggalan orang zaman Paleolitik itu telah dijadikan kebun kelapa sawit. Bandar yang terdekat dengan Kota Tampan pada masa ini ialah Lenggong.

Bukti tentang kewujudan manusia berkebudayaan Paleolitik di Gua Niah adalah lebih jelas. Di kawasan yang terletak di muka sebelah barat Gua Besar di Gua Niah itu terdapat bukti-bukti yang penting. Selain sisa makanan, dijumpai juga tinggalan-tinggalan lain seperti kapak batu. Jumpaan paling penting ialah sebuah tengkorak kanak-kanak yang dianggarkan berusia 35 000 tahun. Tengkorak itu jelas menunjukkan sifat-sifat tengkorak *homo sapiens* iaitu *sapiens* manusia moden seperti kita. Maka inilah bukti manusia terawal di Malaysia. Tengkorak manusia zaman Paleolitik dijumpai juga di tempat lain di Asia Tenggara iaitu di Pulau Palawan Filipina.

Jumpaan berbagai-bagai jenis tulang binatang yang dagingnya dimakan oleh orang berkebudayaan Paleolitik di Gua Niah itu menjadi bukti kepada kepercayaan bahawa kawasan itu merupakan kawasan kediaman manusia sejak dari zaman Paleolitik lagi. Hutan tropika yang terdapat di sekeliling Gua Niah menjadi sumber utama bagi orang zaman Paleolitik untuk men-

dapat bahan makanan. Sungai yang mengalir beberapa meter di bawah Gua Niah itu juga menjadi punca bekalan air dan ikan.

Di Sabah terdapat sebuah tapak tinggalan orang zaman Paleolitik. Tempat itu ialah Tingkayu. Pada zaman prasejarah, tempat kediaman orang zaman Paleolitik itu terletak dekat dengan sebuah tasik. Namun begitu pada masa ini tasik itu telah pun kering. Orang zaman Paleolitik mula mendiami kawasan itu pada lebih kurang 28 000 tahun dahulu. Bukti kewujudan orang zaman Paleolitik di situ seperti juga di Kota Tampan ialah tinggalan kapak batu. Di Kota Tampan, bilangan kapak batu yang dijumpai adalah lebih banyak kerana kapak-kapak batu dibuat di tempat itu. Tetapi di Tingkayu tidak dapat dipastikan sama ada wujud tempat membuat kapak batu.

Manusia zaman Paleolitik dipercayai tidak mengalami perubahan yang mendadak berdasarkan tinggalan yang dijumpai. Alat-alat batu yang dijumpai menunjukkan tidak berlaku perubahan yang besar dari mula hingga akhir. Pembuat alat-alat itu lebih mementingkan fungsinya daripada memikirkan tentang seni. Dalam jangka masa hampir 20 000 tahun, tidak terdapat perubahan yang besar dalam tradisi alat-alat batu orang zaman Paleolitik. Hanya pada lebih kurang 15 000 hingga 12 000 tahun dahulu, barulah terdapat sedikit kemajuan dari segi jenis dan seni alat-alat batu orang zaman Paleolitik.

Pada zaman Paleolitik itu keadaan muka bumi Asia Tenggara berbeza daripada keadaan yang wujud pada hari ini. Kawasan Pentas Sunda merupakan satu kawasan tanah yang luas. Sungai mengalir perlahan-lahan kerana tanahnya agak mendatar. Pentas Sunda itu masih belum ditenggelami air. Dalam istilah ilmu geologi, zaman itu dikenali sebagai zaman Pleistosen atau Zaman Air Batu. Pada zaman itu,

suhu dunia adalah lebih rendah dan cuacanya lebih sejuk daripada yang dirasakan pada hari ini. Di kawasan tropika pada masa itu juga lebih sejuk daripada yang dapat dirasakan pada hari ini. Akibat daripada penurunan suhu itu, maka paras air laut turun. Ini mengakibatkan kawasan tanah lebih luas daripada yang dapat dilihat pada zaman sekarang. Sementara itu, di utara dan selatan dunia ini, sungai dan laut beku sepanjang tahun. Maka tidak hairanlah kalau ada orang mengatakan bahawa seseorang itu boleh berjalan dari Asia Tenggara ke utara Eropah tanpa menyeberangi laut. Oleh itu, Selat Melaka, Selat Sunda, Laut China Selatan tidak ditenggelami air hampir di kesemua bahagian.

Tetapi pada lebih kurang 11 000 tahun dahulu, keadaan cuaca itu mula berubah. Suhu dunia telah berada hampir seperti pada tahap hari ini. Perubahan cuaca akibat perubahan suhu dunia juga membawa kepada perubahan nama zaman geologi. Nama Pleistosen itu bertukar menjadi Holosen. Perubahan suhu itu juga menyebabkan perubahan muka bumi di Asia Tenggara. Borneo dan kepulauan Indonesia telah terpisah dari Semenanjung Malaysia. Pentas Sunda telah ditenggelami air.

Daripada perspektif sejarah kebudayaan, perubahan muka bumi itu memisahkan orang zaman Paleolitik di Semenanjung Malaysia dengan orang zaman Paleolitik di Borneo. Bermula lebih kurang 11 000 tahun itu, kebudayaan manusia di Malaysia telah berubah kepada kebudayaan Zaman Batu Tengah atau Mesolitik. Ungkapan Mesolitik itu adalah ungkapan yang lahir di Barat. Kebudayaan Mesolitik Asia Tenggara di kenali dengan nama kebudayaan "Hoabinh". Nama ini lahir daripada nama sebuah tempat di Vietnam.

Kebudayaan Mesolitik ini dikaitkan dengan kebudayaan "Hoabinh" kerana dipercayai bahawa kebudayaan Mesolitik

Asia Tenggara ini sama seperti di Hoabinh dan mungkin berkembang dari tanah besar Asia Tenggara ke kepulauan Asia Tenggara. Pandangan itu lahir kerana ada persamaan dalam beberapa aspek kebudayaan Mesolitik Asia Tenggara dengan kebudayaan Hoabinh. Kapak-kapak batu zaman Mesolitik Asia Tenggara memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan kapak-kapak batu yang dicipta di Hoabinh. Anggapan bahawa kebudayaan Mesolitik Asia Tenggara datang dari Hoabinh itu berasaskan pada pencapaian dalam teknologi pembuatan alat-alat batu di Asia Tenggara adalah lebih lewat daripada yang berlaku di Hoabinh mengikut sesetengah pendapat.


Sesetengah ahli arkeologi yang masih menggunakan ungkapan kebudayaan Paleolitik kepada kebudayaan yang berkembang di Malaysia selepas 11 000 tahun. Mereka tidak nampak wujudnya perkembangan yang besar dari segi cara hidup dan teknologi pembuatan alat-alat batu. Maka ungkapan Paleolitik lebih tepat daripada ungkapan Hoabinh kepada mereka.

Persoalan tentang asal-usul kebudayaan Hoabinh di Asia Tenggara pada amnya dan Malaysia khususnya, sering diperkatakan. Walaupun tidak salah mengguna ungkapan kebudayaan Hoabinh untuk menamakan kebudayaan Mesolitik di Malaysia, namun tidak seharusnya mencerminkan kebudayaan itu dipengaruhi oleh kebudayaan Hoabinh. Tidak mustahil wujud persamaan bentuk alat-alat batu di beberapa tempat yang berlainan, walaupun masyarakatnya tidak pernah menjalin hubungan. Ini adalah kerana apabila batu dibentuk untuk dijadikan kapak, maka teknik untuk membuatnya adalah sama dan bentuk kapak yang dihasilkan juga mungkin sama. Sekiranya wujud persamaan dalam penghasilan alat-alat batu di beberapa tempat, maka tidak semestinya wujud pengaliran pengaruh. Maka kebudayaan Mesolitik di Malaysia walaupun dinamakan sebagai

kebudayaan Hoabinh tidak bermakna pengaruh kebudayaan itu datang dari Hoabinh.

Di Malaysia, masyarakat zaman Hoabinh tinggal di kawasan gua batu kapur, di bawah batu perlindungan, di pesisiran pantai dan di tebing-tebing sungai. Lebih daripada 50 buah gua batu kapur dan batu perlindungan di Malaysia mempunyai tinggalan masyarakat zaman Hoabinh. Antaranya ialah Bukit Chuping di Perlis, Gua Debu di Kedah, Gua Kerbau di Perak, Kota Tongkat, Gunung Senyum dan Gua Kecil di Pahang, Gua Ca dan Gua Musang di Kelantan, Gua Niah di Sarawak, Gua Madai, Gua Gomantong dan Gua Tengkorak di Sabah. Tapak-tapak peninggalan zaman Hoabinh di kawasan terbuka dijumpai di beberapa tempat seperti Guar Kepah di Kedah, Jenderam Hilir di Selangor dan lain-lain lagi.

Orang zaman Hoabinh ini masih lagi hidup sebagai pemburu, pemungut hasil hutan dan penangkap ikan. Pada tahap permulaan zaman Hoabinh ini, kegiatan bercucuk tanam dan penternakan binatang belum lagi wujud. Namun begitu, alat-alat batu yang dicipta oleh orang zaman Hoabinh itu adalah lebih baik dan telah menunjukkan perubahan. Perubahan itu bukanlah berlaku secara mendadak. Selain kapak batu, terdapat juga alat-alat batu lain seperti penumbuk lesung batu, batu



Batu artifak zaman neolitik yang dijumpai di Gua Ca, Kelantan.



Contoh alat-alat batu seperti penumbuk, batu penggiling, dan batu penggali.

penggiling, dan batu penggali.

Walaupun di Malaysia tidak terdapat bukti yang jelas tentang kegiatan bercucuk tanam di kalangan masyarakat pada zaman Hoabinh ini, tetapi di Negara Thai, beberapa tapak arkeologi telah menghasilkan bukti yang menunjukkan masyarakat pada zaman Hoabinh itu telah tahu bercucuk tanam. Di Malaysia, kemungkinan aktiviti bercucuk tanam muncul pada tahap-tahap terakhir zaman Hoabinh. Pertanian yang terawal mungkin secara kecil-kecilan dan jenis tanamannya ialah jenis ubi. Tanaman itu untuk menambah bahan makanan.

Semasa menjalankan penyelidikan arkeologi di tapak-tapak arkeologi zaman Hoabinh ini, jumpaan yang biasa ialah sisa makanan, alat-alat batu, dan rangka manusia. Kalau zaman Hoabinh itu adalah zaman Hoabinh yang terkemudian, maka akan dijumpai juga alat-alat tembikar tanah. Sementara itu, tinggalan sisa makanan biasanya terdiri daripada berbagai-bagai jenis tulang ikan, tulang binatang dan kulit siput paya bakau, sungai atau laut. Kalau tapak itu di kawasan pedalaman, maka jenis siput laut itu adalah jumlah yang terkecil ataupun tidak wujud langsung.

Apabila orang zaman Hoabinh ini mati, mereka dikebumikan di kawasan

tempat tinggal mereka. Mayat mereka dikebumikan bersama-sama dengan peralatan kubur yang terdiri daripada alat tembikar tanah dan kapak batu. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap cara mayat orang zaman Hoabinh di Gua Ca dikebumikan, maka didapati bahawa mayat itu dikebumikan dengan lututnya dibengkok dan dilipat ke perut. Cara ini berbeza dengan cara orang prasejarah dikebumikan pada zaman selepas zaman Hoabinh di Malaysia.

Pada zaman Hoabinh, mereka yang tinggal di kawasan terbuka, khususnya di tebing-tebing sungai dan pesisiran pantai, telah tahu membina perahu. Berikutan dari itu, masyarakat zaman Hoabinh telah berjaya bergerak dari satu tempat ke satu tempat dengan menyusur sungai atau pantai. Secara tidak langsung, keadaan itu memberi atau membuka peluang kepada kewujudan perdagangan primitif. Perdagangan itu adalah antara penduduk yang tinggal berdekatan di pesisiran pantai dengan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Pada tahap itu, perdagangannya adalah dalam bentuk sistem tukar barang. Sistem ini menjadi asas kepada perdagangan yang lebih maju pada tahap zaman Neolitik nanti. Barang-barang yang dihasilkan di kawasan pesisiran akan ditukar dengan bahan-bahan hutan yang diperolehi oleh penduduk di pedalaman.

Zaman Hoabinh di Sarawak berakhir lebih kurang 8000 ke 6000 tahun dahulu. Di tempat-tempat lain di Malaysia, zaman itu berakhir lebih kurang 4000 tahun dahulu. Ada dua pendapat tentang hubungan antara orang zaman Neolitik dengan orang zaman Hoabinh. Pendapat pertama mengatakan bahawa orang Neolitik berasal daripada keturunan orang zaman Hoabinh, sementara pendapat kedua mengatakan orang zaman Neolitik itu datang yang kemudian dan bukan berketurunan daripada orang zaman Hoabinh

Malaysia. Tetapi tinggalan orang zaman Neolitik hampir di semua petempatan mereka mengukuhkan pendapat yang pertama kerana menunjukkan kebudayaan itu berevolusi daripada kebudayaan Hoabinh.

* Orang zaman Neolitik masih lagi bergantung pada aktiviti menangkap ikan, memungut hasil hutan dan berburu untuk menyara diri. Di samping itu, berbagai-bagai jenis ubi telah menjadi bahan makanan penting. Aktiviti menanam ubi mula berkembang pada tahap-tahap akhir zaman Hoabinh. Pada zaman Neolitik, aktiviti pertanian terus berkembang. Namun begitu, kegiatan menanam daripada biji-bijian seperti padi dan jagung mungkin belum wujud di kalangan masyarakat zaman Neolitik di kawasan pedalaman.

* Zaman Neolitik ini bermula dengan terjumpanya artifak-artifak batu seperti kapak batu, beliung dan bahan-bahan perhiasan seperti gelang batu dan lain-lain yang dilicinkin. Alat-alat batu itu juga lebih banyak jenisnya jika dibandingkan dengan bilangan alat-alat batu pada zaman-zaman sebelumnya. Di Sarawak, kapak batu yang dilicinkin dijumpai di Gua Niah, yang menunjukkan tradisinya bermula lebih kurang antara 8000 ke 6000 tahun dahulu. Sementara itu, di beberapa tapak peninggalan orang zaman Neolitik lain, tarikh permulaan zaman Neolitik itu adalah antara 5000 ke 4000 tahun dahulu. Maka boleh dikatakan bahawa di Semenanjung Malaysia, permulaan zaman Neolitik itu adalah lebih kurang 4000 tahun dahulu, sementara di Sarawak pula lebih kurang antara 8000 dan 6000 tahun dahulu. Antara kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia, permulaan zaman itu tidak sama.

Tapak-tapak kediaman orang zaman Neolitik itu terletak di gua dan di bawah batu perlindungan di kawasan batu kapur


di pedalaman serta juga di kawasan terbuka iaitu di pesisiran atau di tepi sungai. Gua batu kapur dan batu perlindungan tempat kediaman orang zaman "Hoabinh" terus didiami oleh orang zaman Neolitik. Begitu juga di kawasan terbuka seperti di Guar Kepah (Seberang Perai) yang menjadi tapak kediaman orang zaman Hoabinh terus didiami oleh orang zaman Neolitik pula. Namun begitu, kawasan kediaman orang zaman Neolitik di kawasan terbuka kebanyakannya telah musnah akibat aktiviti pembangunan yang telah berjalan sejak lebih dari 200 tahun dahulu. Kesan kediaman orang zaman Neolitik boleh dikesan berdasarkan tinggalan timbunan kulit kerang di kawasan pesisiran. Sementara itu, kebanyakannya tapak kediaman mereka di kawasan tebing sungai mungkin telah diliputi oleh timbunan tanah yang tebal akibat banjir.

Tapak-tapak tinggalan orang zaman Neolitik yang terkenal di Malaysia ialah di Gua Kecil (Pahang), Gua Ca dan Gua Musang (Kelantan), Bukit Chuping (Perlis), Gua Kerbau (Perak), Gua Madai (Sabah), Gua Tengkorak (Sabah), Gua Niah (Sarawak) dan Jenderam Hilir (Selangor). Masyarakat zaman Neolitik yang tinggal di kawasan pesisiran itu dipercayai telah berjaya membina perahu yang baik bagi membolehkan mereka berlayar ke tempat yang lebih jauh, di samping menggalakkan mereka mengeksplotasikan sumber laut. Sumber laut yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis ikan, siput dan kerang dijadikan bahan makanan. Kemungkinan besar kulit siput dan kerang dijadikan kepada perhiasan yang diperdagangkan kepada masyarakat lain. Ada antara barang ciptaan penduduk di pesisiran itu sampai ke kawasan pedalaman. Beberapa buah tapak tinggalan masyarakat orang zaman Neolitik di gua-gua dan di bawah batu perlindungan menghasilkan tinggalan barang yang dibawa dari kawasan pantai.

Tidak mungkin orang pedalaman yang pergi sendiri ke laut untuk mendapatkan barang-barang tersebut. Kemungkinan besar barang-barang itu sampai ke pedalaman kerana wujud perdagangan melalui pertukaran barang-barang luar dengan hasil hutan. Sebelum sampai kepada masyarakat pedalaman itu, bahan-bahan tersebut telah bertukar tangan beberapa kali.

Perkembangan dalam pembinaan perahu yang lebih baik dan pengetahuan tentang mencipta layar dan pertambahan ilmu pelayaran bukan sahaja berkembang di kalangan masyarakat zaman Neolitik di Malaysia, malah di kalangan masyarakat zaman Neolitik lain di Asia Tenggara. Justeru itulah sejak lebih kurang 4000 tahun dahulu telah berkembang pula perdagangan antara masyarakat pesisiran di rantau Asia Tenggara ini. Permulaan perdagangan bahan hutan dan bahan laut itu mewujudkan perdagangan melalui jalan laut yang lebih aktif pada zaman-zaman kemudiannya. Ini berterusan sehingga zaman protosejarah dan sejarah.

Bukan hanya bahan mentah dan artifak yang bertukar tangan tetapi juga idea dan teknologi. Penduduk di pesisiran yang mula-mula mengalami perubahan dalam aktiviti perdagangan, merupakan orang yang paling awal menerima idea dan teknologi dari luar melalui perdagangan dengan masyarakat luar. Mereka menjadi penapis dan pengembang idea dan teknologi luar kepada masyarakat pedalaman. Namun begitu tidak semua idea dan teknologi luar itu sampai ke pedalaman. Melalui perdagangan itu juga, bahan dan barangan luar di tapak-tapak arkeologi orang zaman Neolitik di bawa masuk. Di tapak tinggalan masyarakat zaman Neolitik dijumpai alat-alat batu juga, berbagai-bagai jenis dan cantik buatannya, tembikar tanah seperti mangkuk, periuk, belanga dan pinggan. Besar kemungkinan-



Contoh pinggan dan tembikar yang digunakan pada zaman dahulu.

nya bukan sahaja alat-alat batu dan periuk belanga yang diimport, bahkan juga cara pembuatannya juga diimport. Idea dan teknologi itu digunakan untuk memperbaiki teknologi lama yang telah wujud sejak zaman Hoabinh itu.

Tinggalan orang zaman Neolitik di beberapa petempatan menunjukkan wujud hubungan di antara mereka dengan masyarakat di tanah besar Asia Tenggara. Berbagai-bagai jenis bentuk perkakas tembikar tanah seperti mangkuk berkaki, perkakas berbentuk timba, mangkuk berbahu, kaki periuk-belanga, dan bekas yang mukanya berbentuk loceng yang berhias dengan hiasan seperti hiasan cakar. Hiasan lorek yang dijumpai di Gua Cha boleh meyakinkan kita bahawa alat-alat itu diimport berserta dengan idea dan teknologi pembuatannya didatangkan dari tanah besar Asia Tenggara.

Alat tembikar zaman Neolitik akhir dan Zaman Gangsa awal di Ban Kao (Thailand) dan di beberapa tempat lain di selatan Thailand menunjukkan pada asasnya wujud persamaan dari segi bentuk dan teknologi, dengan alat tembikar dari Gua Ca. Selain itu, gelang batu yang dijumpai di Gua Ca dan di beberapa buah tapak arkeologi lain di Malaysia juga menunjukkan wu-

jud perkaitan idea dan teknologi di antara kawasan-kawasan tersebut. Alat tembikar berkaki yang dijumpai di Jenderam Hilir, Kodiang (Kedah) dan Bukit Cuping juga dipercayai lahir daripada idea dan teknologi yang sama seperti yang terdapat di Ban Kao.

Bukti-bukti itu menunjukkan bahawa masyarakat zaman Neolitik Malaysia telah menjalin hubungan dengan masyarakat lain di Asia Tenggara khususnya tanah besar Asia Tenggara. Hubungan itu mungkin berkembang melalui perdagangan. Idea dan teknologi membuat tembikar tanah serta alat-alat tembikar yang lain telah sampai kepada masyarakat zaman Neolitik di Malaysia melalui aktiviti perdagangan. Semasa masyarakat Malaysia berada pada tahap zaman Neolitik akhir itu, ada masyarakat di tanah besar Asia Tenggara yang telah pun memasuki ke zaman Logam. Alat-alat yang digunakan oleh masyarakat di tanah besar Asia Tenggara di buat daripada gangsa sejak lebih kurang 4000 tahun dahulu.

Selain berdagang, masyarakat dari tanah besar Asia Tenggara datang ke Semenanjung Malaysia mungkin juga kerana hendak mencari logam mentah. Logam timah dan tembaga merupakan dua jenis logam utama dalam pembuatan alat gangsa. Sejak zaman Neolitik, Semenanjung Malaysia memang terkenal sebagai kawasan yang kaya dengan bijih timah dan emas. Ini dapat dibuktikan melalui jupuan alat-alat tertentu di kawasan yang terdapat bijih timah. Alat-alat tertentu seperti alat tembikar berkaki tiga dijumpai di kawasan yang kaya dengan bijih timah merupakan alat-alat yang ada kaitan dengan pengaruh dari tanah besar Asia Tenggara. Jupuan alat untuk membuat kain kulit kayu serta jupuan gelang tangan batu di kawasan bijih timah itu juga menunjukkan adanya hubungan dengan tanah besar Asia Tenggara kerana kegiatan

an mencari logam timah. Alat-alat tertentu itu dijumpai juga di tapak arkeologi di tanah besar Asia Tenggara yang terlibat dalam pembuatan alat logam.

Hubungan di antara Malaysia dengan tanah besar Asia Tenggara yang terjalin pada zaman Neolitik akhir itu terus berkembang. Beberapa alat gangsa seperti gendang gangsa, loceng gangsa dan mangkuk gangsa dijumpai di beberapa tempat di Malaysia. Alat-alat itu dipercayai dibawa masuk dari luar. Tempat asal alat-alat itu ialah tanah besar Asia Tenggara. Gendang gangsa dijumpai di Kampung Sungai Lang (Selangor), Batu Buruk (Terengganu), Sungai Tembeling (Pahang) dan Tempasuk (Sabah). Loceng gangsa dijumpai di Kelang (Selangor), dan di Kampung Pencu (Muar, Johor). Mangkuk gangsa pula dijumpai di beberapa tempat seperti di tebing sungai di Perak, Selangor dan Pahang. Mata kapak gangsa dijumpai di beberapa tempat di kawasan lombong. Acuan untuk membuat mata kapak dijumpai di Gua Harimau (Perak) dan juga di Sabah. Hiasan pada gendang dan loceng gangsa itu mempunyai beberapa persamaan dengan hiasan pada gendang dan loceng gangsa yang dibuat di Dong Son (Vietnam). Justeru itu kedua-dua alat itu dipercayai dibawa dari Dong Son.

Penemuan alat-alat gangsa itu sangat penting dalam kajian sejarah Malaysia. Berdasarkan jumpaan alat-alat gangsa itu, maka boleh dikatakan bahawa zaman Gangsa di Malaysia bermula sejak lebih kurang 2500 tahun dahulu. Gendang gangsa dan loceng gangsa merupakan barang-barang mewah yang dibawa ke Malaysia pada zaman Gangsa itu. Masyarakat yang memiliki barang-barang tersebut telah mencapai taraf kehidupan yang tinggi dan tersusun. Hanya individu atau keluarga yang kaya atau yang terkemuka sahaja dapat memiliki alat-alat itu. Alat-alat tersebut melambangkan status pemiliknya.

Tempat alat-alat gangsa itu dijumpai merupakan tempat yang terkenal pada zamannya. Masyarakat di petempatan tersebut telah menjalin hubungan dengan masyarakat luar. Hal ini tidak mustahil memandangkan tempat-tempat itu mempunyai kedudukan yang istimewa. Petempatan itu dipercayai menjadi jalan keluar untuk membawa bahan logam dari kawasan pedalaman. Batu Buruk di Kuala Terengganu mungkin menjadi pusat mengumpul bahan dari pedalaman negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kelang menjadi pusat pengedaran barang-barang logam dari pedalaman di sekitar Selangor dan Perak. Kampung Pencu mungkin menjadi pusat pengumpul dan pengedar barang-barang di sekitar kawasan Johor dan Negeri Sembilan.

Dengan terjumpanya acuan-acuan untuk membuat mata kapak gangsa di beberapa tempat di Malaysia, maka boleh dikatakan bahawa bukan sahaja barang-barang mewah daripada gangsa yang dibawa masuk ke Malaysia dari tanah besar Asia Tenggara, bahkan juga idea dan teknologi untuk mencipta alat-alat itu telah sampai di Malaysia. Masyarakat yang berada di ambang zaman Logam itu telah berjaya memulakan zaman Logam di Malaysia melalui pengambilan idea dan teknologi luar itu. Penciptaan alat logam itu memerlukan kemahiran teknologi yang tinggi.

Kebolehan mencipta seni logam pada lebih kurang 2500 tahun dahulu di Malaysia menunjukkan satu pencapaian yang tinggi. Mereka yang terlibat dalam kerja seni logam itu mestilah lahir dalam masyarakat yang telah lama hidup menetap di satu-satu petempatan. Kedudukan ekonomi masyarakat itu juga mestilah sudah mencapai tahap yang tinggi. Masyarakat itu mempunyai beberapa golongan individu dan telah pun wujud satu susun lapis masyarakat yang teratur. Masyarakat itu tidak lagi menjalankan kegiatan

yang berbentuk sara diri sahaja, bahkan menjalankan kegiatan yang lebih luas.

Selepas itu, dijumpai juga alat-alat yang diperbuat daripada besi jenis bersoket. Di Kampung Sungai Lang telah dijumpai gendang gangsa serta manik, serpihan bekas tembikar dan alat besi bersoket. Di Batu Buruk dijumpai mata panah besi berserta dengan gendang gangsa. Jumpaan itu meyakinkan kita bahawa zaman Logam di Malaysia bukan berkembang dari zaman Gangsa ke zaman Besi tetapi zaman Gangsa dan zaman Besi bermula serentak.

Pada zaman Gangsa-Besi Malaysia, alat-alat besi yang dicipta berbentuk kapak besi berhulu panjang, pisau pemotong atau pemedang besi, berbagai-bagai jenis pisau besi, mata panah besi, dan tulang mawas besi. Kebanyakan daripada alat-alat besi itu mempunyai soket. Soket ialah untuk memasang hulu. Alat-alat yang paling aneh sekali ialah tulang mawas. Sehingga sekarang belum ada penjelasan yang paling munasabah tentang fungsi tulang mawas itu. Oleh sebab pada kebiasaannya tulang mawas itu dijumpai di kawasan lombong, maka fungsinya mungkin ada kaitan dengan aktiviti perlombongan pada zaman purba. Mungkin juga digunakan sebagai alat mengorek tanah.

Alat-alat besi dijumpai di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia khususnya di pantai barat, tetapi ada juga yang dijumpai di tebing Sungai Tembeling. Namun jumlah yang dijumpai di pantai timur Semenanjung Malaysia, di Sabah dan Sarawak adalah kecil. Semasa dijumpai,

alat-alat besi itu terletak pada satu tempat seperti yang diceritakan tentang penemuan di Bukit Jati (Kelang, Selangor). Tetapi ada juga yang dijumpai satu atau dua alat sahaja. Ada pula yang dijumpai dalam makam yang diperbuat daripada batu granit kepingan. Makam-makam itu terletak di kawasan sekitar Sungai Slim di Selatan Perak dan di Sungai Bernam di Hulu Selangor.

Makam-makam batu granit kepingan itu dijumpai tertimbus sedalam lebih kurang lima kaki. Saiz makam itu lebih kurang 8 kaki panjang, 2 kaki lebar dan 2 kaki dalam. Dalam makam itu biasanya dijumpai kapak besi bersoket, pisau atau pemedang pemotong besi, tulang mawas, serpihan tembikar tanah, manik kaca dan manik akid merah. Tetapi setakat ini belum pernah dijumpai tinggalan tulang manusia. Dua kemungkinan boleh dicadangkan tentang tidak terdapatnya tinggalan tulang itu. Satu kemungkinan ialah tulangnya telah hancur dan juga mayatnya telah dibakar sebelum abunya disemadikan dalam makam itu.

Daripada bukti tinggalan masyarakat zaman Gangsa-Besi di Malaysia itu, maka boleh dikatakan bahawa kebudayaan itu berkembang sehingga kurun pertama Masihi. Tahap zaman prasejarah itu boleh dianggap sebagai tahap pembentukan yang paling penting dalam sejarah prasejarah itu. Pembentukan yang berlaku pada zaman itu membawa kepada pertumbuhan dan kemunculan kerajaan awal pada zaman protosejarah.

Bab 2

Zaman Protosejarah Malaysia

Zaman protosejarah Malaysia bermula dengan kemunculan kerajaan awal. Bukti tentang kewujudan kerajaan itu didapati daripada sumber bertulis dan arkeologi. Sumber bertulis itu terdiri daripada sumber Yunani, India, China, Arab dan Parsi. Tetapi untuk menggunakan sumber-sumber itu harus berhati-hati. Ini adalah kerana nama-nama tempat yang disebut dalam tulisan-tulisan itu tidak dapat ditentukan dengan sah berdasarkan lokasinya yang sebenar. Sementara itu, kajian arkeologi boleh mengenal pasti beberapa petempatan kerajaan awal di Malaysia tetapi kita tidak tahu nama kerajaan itu kerana tidak ada bukti bertulis yang menyebut nama negeri tentang petempatan yang dijumpai itu.


Hubungan Malaysia dengan tanah besar Asia Tenggara, India dan China telah wujud sejak zaman akhir prasejarah. Sumber Cina yang paling awal menyebut tentang Asia Tenggara ialah *Chien Han Shu* yang ditulis pada zaman Maharaja Wu (141 - 87 S.M.). *Chien Han Shu* menyebut tentang wujudnya masyarakat di kepulauan Asia Tenggara yang terdiri daripada orang Cham, Melayu, Indonesia dan lain-lain. Kemudian dalam penulisan orang Cina menyatakan bahawa masyarakat itu dikenali dengan nama Kun-Lun. Perkataan Kun-lun diberikan kepada masyarakat yang membina perahu untuk pelayaran di laut dan terlibat dalam

perdagangan antarabangsa. Merekalah yang membawa saudagar dan ahli agama dari China yang hendak pergi ke India. Pada zaman Maharaja Ping (1 - 5 Masihi), kapal belayar di antara China dan India mengenali Pulau Pisang yang terletak di pantai barat negeri Johor sekarang.

Sementara itu, sumber Yunani iaitu *Natural History* yang ditulis oleh Pliny, dan *Periplus of the Erythrean Sea* dan *Geography* yang dikaitkan dengan Ptolemy memberi gambaran tentang Asia Tenggara. Pliny menceritakan tentang bagaimana pedagang dari Asia Tenggara belayar di Lautan Hindi untuk pergi ke Afrika timur. Mereka menjual hasil hutan tropika dari Asia Tenggara kepada orang Arab.

Mengenai hubungan dengan orang India pada permulaan kurun Masihi, boleh diperoleh daripada karya-karya sastera orang India. Karya itu menceritakan tentang lawatan pedagang India ke Asia Tenggara. Dalam karya *Jataka* terdapat cerita tentang pelayaran dari Bharukeccha, India ke Suvarnabhumi sebagai membalas lawatan pedagang dari Asia Tenggara. Karya *Kathasaritsagara* menyebut nama sebuah kerajaan bernama Kataha. Kataha ialah nama kerajaan Kedah dalam bahasa Sanskrit.

Berdasarkan sumber Cina, pada abad ke-3 Masihi, telah pun wujud kerajaan awal di



Tapak candi yang terdapat di Lembah Bujang, Kedah.

Malaysia. Antara kerajaan-kerajaan itu ialah Tun-sun, Chu-tu-kun, Chiu-chih dan Chin-li-pi-shih. Tun-sun, Chu-tu-kun dan terletak di Semenanjung Malaysia, sementara Chin-li-pi-shih terletak di lembah sungai Sarawak.

Menurut sumber Cina lagi, pada kurun ke-7 Masihi, dua buah lagi kerajaan awal terdapat di Malaysia. Kerajaan itu ialah Chih-tu dan Chieh-cha. Kemudian wujud kerajaan seperti Tan-tan, Lo-Yueh dan Foshih-pu-lo dalam sumber Cina antara kurun ke-7 dan 10 Masihi.

Chao Ju-kua yang menulis pada tahun 1225 Masihi menyebut tentang nama beberapa buah kerajaan lagi. Kerajaan itu ialah Fo-lo-an, Teng-ya-nung, Chi-la-tan dan Peng-feng. Fo-lo-an dipercayai terletak di Kuala Berang. Teng-ya-nung pula adalah Terengganu, manakala itu Chi-la-tan dan Peng-feng adalah sebutan untuk Kelantan dan Pahang.

Sumber arkeologi yang terdapat di Lembah Bujang (Kedah), Kuala Selinsing (Perak), Jenderam Hilir (Selangor), Santubong (Sarawak) dan di gua-gua seperti Gua Kurong Batang (Perlis) memberi beberapa maklumat penting tentang kerajaan awal di Malaysia. Di Lembah Bujang didapati bukti tentang kewujudan sebuah kerajaan

awal. Antara bukti-bukti itu ialah tinggalan bahagian asas candi, tembikar tanah tempatan, tembikar luar dari China dan Asia Barat, arca agama Buddha dan Hindu, manik, bekas yang diperbuat daripada kaca dan inskripsi yang ditulis dalam bahasa Sanskrit.

Maklumat itu menunjukkan bahawa di Lembah Bujang telah pun wujud sebuah kerajaan yang didirikan pada kurun ke-6 Masihi. Kerajaan itu wujud sehingga kurun ke-14 Masihi. Nama kerajaan itu dalam bahasa Sanskrit ialah Kataha dan dalam bahasa Tamil dalam inskripsi Raja Chola, pada kurun ke-11 pula ialah Kadaram atau Kidaram. Sementara penulis Cina mengenalinya dengan nama Chieh-Cha. Mungkin juga orang Arab dan Parsi menyebut kerajaan ini dengan nama Kalah.

Kerajaan di Lembah Bujang itu (dari kurun ke-6 hingga ke-10) berpusat di kawasan Lembah Sungai Muda, iaitu di Kampung Sungai Mas. Pusat kerajaan itu kemudiannya berpindah ke kawasan Lembah Sungai Bujang di utara pada kurun ke-10 Masihi. Dari kurun ke-6 sehingga kurun ke-10, agama utamanya ialah agama Buddha. Tetapi dari kurun ke-11 sehingga kurun ke-14, agama yang utama ialah agama Hindu mazhab Siva. Pusat pemerintahannya terletak di lembah Sungai Bujang iaitu di kawasan Pangkalan Bujang. Pelabuhannya juga terletak di Pangkalan Bujang.

Di Lembah Sungai Kinta dipercayai telah wujud sebuah kerajaan pada masa itu. Kerajaan itu juga mengamalkan agama Buddha. Nama kerajaan itu tidak diketahui. Hampir kesemua kesan kewujudan kerajaan itu telah musnah. Tinggalan kerajaan itu dijumpai dalam bentuk patung agama Buddha yang tertanam berpuluh-puluh kaki dalam lombong. Kesan petempatan kerajaan yang lain telah hilang kerana banjir dan perubahan pada arah pengaliran Sungai Perak. Pada zaman an-

tara kurun ke-6 sampai kurun ke-10 Masihi, beberapa kawasan di negeri Perak, Kedah dan Perlis menunjukkan masyarakatnya telah menganut agama Buddha. Di Gua Kurong Batang di Perlis, dijumpai tinggalan sejarah seperti ketulan tanah liat yang tertera dengan arca agama Buddha dan tulisan mantra agama Buddha dalam bahasa Sanskrit. Semua tinggalan itu menunjukkan bahawa pengaruh agama Buddha tersebar luas di kawasan itu.

Keadaan itu wujud kerana pada kurun ke-7 telah muncul kerajaan Melayu Srivijaya yang berpusat di Palembang. Srivijaya dipercayai telah menakluk beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia. Kedah menjadi tanah jajahan Srivijaya yang terpenting. Menurut cerita rahib Cina yang bernama I Ching, Kedah ditakluk oleh Srivijaya antara tahun 671 - 695 Masihi. Kerajaan lain seperti Melayu-Jambi juga ditakluki oleh Srivijaya.

Dari kurun ke-7 hingga kurun ke-10, Srivijaya merupakan kuasa politik dan perdagangan yang terkuat di Selat Melaka. Srivijaya menguasai perdagangan antara India dan China. Agama utama di Srivijaya ialah agama Buddha Mahayana. Oleh yang demikian tanah jajahannya juga menganiuti agama itu.

Kemerosotan kerajaan Srivijaya pada kurun ke-11 disebabkan oleh serangan Raja Chola dari India selatan. Dengan itu berlakulah perubahan dari segi politik dan agama di kebanyakan tanah jajahannya. Kedah umpamanya menunjukkan bahawa agama Buddha tidak lagi menjadi agama yang dianuti oleh masyarakatnya. Agama Hindu pula dianuti oleh orang Kedah. Keadaan ini berterusan sehingga kurun ke-15 apabila agama Islam telah menjadi agama kerajaan Kedah.

Di Santubong, bukti arkeologi juga menjelaskan wujudnya sebuah petempatan yang telah menjalin hubungan dengan India dan China. Tinggalan arca agama

Buddha dan kesan candi menunjukkan agama Buddha adalah agama masyarakat di situ. Seperti di Lembah Bujang terdapat tinggalan barang dagangan, iaitu tembikar Cina dan berbagai-bagai jenis manik dan barang kaca. Zaman keagungan petempatan itu adalah antara kurun ke-6 dan 10 Masihi. Masyarakat di situ terlibat secara langsung dalam perdagangan antarabangsa, iaitu antara Timur dan Barat.

Kerajaan awal di Malaysia muncul disebabkan adanya aktiviti perdagangan. Setelah sesebuah kerajaan itu menjadi maju, maka pemerintahnya akan cuba untuk mendapat pengiktirafan daripada maharaja Cina. Mereka akan menghantar misi atau rombongan ke China berserta dengan hadiah. Misi itu diterima dengan baik dan diberi layanan mengikut taraf kedudukan kerajaan itu. Pada kebiasaannya maharaja Cina akan menghantar utusan balas.

Daripada catatan tentang misi-misi yang dihantar dan laporan lawatan balas oleh orang Cina, menunjukkan wujudnya kerajaan-kerajaan awal itu. Sebagai contoh, kerajaan Tun-sun pada kurun ke-3 Masihi terdiri daripada persekutuan lima buah negeri. Pemerintahnya mengamalkan kebudayaan dari India. Dalam sistem pemerintahan, raja menggunakan nama India. Raja berada di puncak sistem pemerintahan. Di bawahnya terdapat beberapa orang pembesar yang mempunyai gelaran-gelaran tertentu. Gelaran itu menunjukkan tugas dan kedudukannya dalam sistem pemerintahan. Di negeri Tan-tan pada kurun ke-3 Masihi, golongan *Brahman* mempunyai kedudukan yang tinggi. Mereka adalah pembesar-pembesar yang tertinggi. Sementara itu, di Chih-tu pada kurun ke-7 orang *Brahman* diberi peranan penting semasa istiadat perlantikan raja dan istiadat lain dalam kehidupan raja dan keluarganya.

Catatan orang Cina juga menjelaskan bahawa amalan asal penduduk di kerajaan

awal itu masih wujud. Sebagai contohnya di Tun-sun, pada kurun ke-3 Masihi, mayat tidak dibakar atau dikebumikan tetapi dibiarkan di tempat terbuka yang dikhaskan untuk dimakan oleh binatang dan burung.

Sejak dari kurun ke-3 Masihi, kerajaan awal itu mempunyai sistem pentadbiran yang tersusun. Susun lapis masyarakat juga jelas. Selain wujudnya golongan pemerintah dan pembesarnya, terdapat pula golongan rakyat. Setiap kerajaan itu mempunyai adat istiadat yang melambangkan kebesaran dan keagungan sesebuah kerajaan dan seseorang pemerintah. Upacara seperti pertabalan raja dan mengarak surat perutusan dari luar seperti daripada maharaja Cina adalah mengikut adat istiadat yang diasaskan di setiap kerajaan awal itu.

Jika diteliti daripada laporan dalam sumber Cina, maka boleh dikatakan bahawa pada asasnya wujud persamaan dengan cara sambutan yang dijalankan pada zaman selepas kurun ke-15 Masihi di negeri-negeri Melayu di Malaysia. Sumber Cina menceritakan bagaimana perutusan dari China disambut di negeri Chih-tu pada kurun ke-7 Masihi.

Apabila perutusan dari China tiba di pelabuhannya, raja Chih-tu menghantar putera mahkotanya untuk pergi menyambut. Putera mahkota itu diiringi oleh pengiringnya dan sebagai tanda memuliakan perutusan itu, sebuah dulang emas berisi dengan bau-bauan untuk upacara mandi dihadiahkan kepada rombongan yang membawa perutusan itu. Pada hari yang sama, perutusan dari China diarak di atas dua ekor gajah dan diiringi oleh seratus orang lelaki dan wanita dengan paluan gong masuk menghadap raja. Setibanya rombongan itu di balai penghadapan, maka surat utusan dibaca. Perisytiharan diumumkan dan rombongan China itu dijemput duduk dan permainan muzik diperunjukkan. Setelah itu rombongan itu diiringi pulang ke tempat penginapan mereka.

Mereka diberi makanan dan layanan yang baik. Layanan dan upacara sambutan yang diberi itu mencerminkan wujudnya aturcara diplomatik yang matang pada zaman itu. Tradisi diplomatik sedemikian diteruskan oleh kerajaan yang muncul kemudian di Asia Tenggara.

Dalam sejarah politik antarabangsa Asia Tenggara pada kurun pertama sehingga abad ke-14 Masihi, terdapat beberapa buah kerajaan yang paling kuat dan berpengaruh. Dari kurun pertama sehingga kurun ke-6 Masihi, kuasa politik itu terletak pada kerajaan yang berpusat di Lembah Sungai Mekong. Kerajaan itu dikenali dengan nama Funan. Tetapi pada hakikatnya Funan itu bukan berpusat di satu tempat atau pada satu dinasti pemerintah tetapi beruba-ubah. Namun begitu, kuasa politik yang terletak di Lembah Sungai Mekong itu menguasai kerajaan awal di Asia Tenggara termasuklah kerajaan awal yang terletak di Semenanjung Malaysia.

Pada kurun ke-7 Masihi, kerajaan Srivijaya telah mengambil alih peranan Funan itu. Keadaan itu berterusan sehingga kurun ke-11 Masihi. Setelah diserang oleh Raja Chola pada tahun 1025, kekuasaan Srivijaya mulai merosot. Pusat kerajaan itu telah berpindah ke Jambi. Kemerosotan Srivijaya juga adalah kerana berlakunya perebutan kuasa dengan kerajaan di Jawa. Bermula dari kurun ke-13, kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu telah mengisytiharkan kemerdekaan masing-masing. Kuasa Srivijaya ke atas kerajaan-kerajaan di selatan negara Thai telah hilang pada tahun 1230. Kerajaan Tambralinga mengisytiharkan negerinya sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai kuasa sendiri. Pada tahun 1270, selatan Thailand terletak di bawah kuasa negara Thai di bawah Raja Rama Kamheng. Kemungkinan juga kerajaan lain di Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah yang wujud pada

masa itu menerima tekanan daripada raja Thai itu.

Pada akhir kurun ke-13, agama Islam mulai bertapak di Sumatera iaitu di Jambi, Perlak dan Samudera. Keadaan ini dilaporkan oleh Marco Polo pada tahun 1297. Pada tahun 1281, kerajaan Jambi telah melantik orang Islam untuk mewakilinya dalam misi ke China. Inskripsi yang dijumpai di Kuala Berang, Terengganu, bertarikh tahun 1303 juga menunjukkan agama Islam mula berkembang di pantai timur Semenanjung Malaysia. Kedatangan agama Islam juga menjadi faktor penting dalam kemerosotan Srivijaya yang mengamalkan agama Buddha.

Pada akhir kurun ke-13, muncul kerajaan Temasik atau Singapura. Buku *Sejarah Melayu* menceritakan tentang pembukaan Singapura oleh seorang putera dari Palembang yang berketurunan daripada Sri Tri Buana. Sri Tri Buana memerintah selama 48 tahun. Baginda digantikan oleh puteranya yang bergelar Paduka Sri Pikrama Wira. Pada zaman pemerintahan Sri Pikrama Wira, Singapura terpaksa bertahan daripada serangan raja Jawa iaitu Hayam Wuruk. Kemudiannya, baginda diganti oleh Sri Rana Wikarma. Selepas memerintah tiga belas tahun puteranya yang bergelar Paduka Sri Maharaja memerintah Singapura.

Menjelang kurun ke-14, Majapahit mula meluaskan kuasanya ke atas kerajaan-keraja-

an di Semenanjung Malaysia dan Borneo. Majapahit menjadi kerajaan yang unggul dan teragung di Jawa pada zaman Gajah Mada menjadi Mapatih di Majapahit. Selama lebih kurang 30 tahun, Gajah Mada menjadi orang yang paling berpengaruh dalam kerajaan Majapahit. Beliau telah merencanakan penaklukan dan tidak lagi mengamalkan dasar terbaik-baik melalui hubungan diplomatik seperti yang dilakukan pada zaman sebelumnya. Pada tahun 1350, Hayam Wuruk menjadi Bhatara atau Raja Majapahit. Menurut cerita dalam tulisan seorang penyair Jawa yang terkenal bernama Prapanca, Majapahit merupakan sebuah empayar yang agung dan masyhur pada zaman Hayam Wuruk. Dalam bukunya bertajuk *Nagarakertagama*, Prapanca melaporkan bahawa keseluruhan pulau Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu termasuk Patani, Borneo, Bali Makasar dan Maluku menjadi jajahan takluk Majapahit. Semenanjung Tanah Melayu yang dikenal pasti sebagai kawasan yang dikatakan menjadi jajahan Majapahit bermula pada pertengahan kurun ke-14 ialah Pahang, Kelantan, Terengganu, Paka, Sungai Ujong, Kelang, Kedah dan Jerai. Kuasa Majapahit ke atas kawasan-kawasan di Semenanjung Tanah Melayu ini dicabar oleh kerajaan yang muncul di Melaka pada awal kurun ke-15. Akhirnya Kesultanan Melayu Melaka menjadi kuasa yang teragung di Selat Melaka.

Bab 3

Pengasasan Melaka dan Hubungan Awal dengan China dan Siam

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sejarah Malaysia khususnya dan di kepulauan alam Melayu amnya. Kemunculan Melaka pada penghujung kurun ke-14 banyak membawa perubahan terhadap Tanah Melayu dan juga rantau Asia Tenggara. Kemunculannya juga merupakan kemunculan sebuah lagi empayar Melayu di Alam Melayu, iaitu selepas runtuhnya empayar Melayu Srivijaya yang berpusat di Palembang, Sumatera. Ahli sejarah berpendapat bahawa pada asasnya empayar Melaka merupakan sambungan daripada empayar Srivijaya. Antara sebabnya ialah raja yang pertama memerintah Melaka, Raja Iskandar Shah, ataupun Parameswara adalah juga raja yang terakhir memerintah di Palembang sebelum baginda diusir oleh tentera Majapahit. Oleh itu tidak hairanlah jika sedikit sebanyak daripada adat istiadat diraja, sistem pentadbiran dan sistem masyarakat yang lazimnya terdapat di Palembang, diamalkan pula di Melaka, terutamanya pada bahagian awal sejarahnya.

Pengasasan Melaka

Tarikh Melaka mula dijadikan kerajaan oleh Raja Iskandar Shah tidaklah dapat kita berikan jawapan yang tepat kerana ke-

tiadaan sumber-sumber sejarah yang membolehkan kita berbuat demikian. Ahli sejarah kerap bertelagah mengenai tarikh wujudnya kerajaan Melaka oleh Raja Iskandar Shah. Namun demikian, kebanyakan sejarawan pada kurun ini bersejua Melaka diasaskan pada penghujung kurun ke-14. O.W. Wolters mengatakan Raja Iskandar Shah telah mula berkeajaan di Melaka pada kira-kira tahun 1399 atau tahun 1400.

Walau bagaimanapun, sebelum Raja Iskandar Shah mendirikan kerajaan di Melaka, Melaka merupakan sebuah perkampungan kecil yang telah wujud di situ sejak beberapa lama dahulu. Perkara inilah yang kerap menimbulkan kekeliruan kerana ada penulis yang tidak dapat membezakan di antara kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Raja Iskandar Shah dengan perkampungan yang kemudiannya menjadi tapak bagi kerajaan tersebut. Umpamanya, seorang penulis Portugis yang bernama Gaspar Correa mengatakan Melaka telah pun dibuka tujuh ratus tahun sebelum dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Seorang lagi penulis Portugis, iaitu de Barros, mengatakan Melaka telah dibuka kira-kira dua kurun setengah sebelum ditawan Portugis pada tahun 1511. Tome

Pires, seorang lagi penulis Portugis yang pernah tinggal di Melaka selama kira-kira tiga tahun (1512-1515) selepas kekalahan Melaka itu, menganggarkan yang Melaka telah dibuka kira-kira satu kurun sebelum kekalahannya. Jika dibandingkan pandangan-pandangan di atas, jelaslah pandangan Tome Pires itulah yang lebih tepat, iaitu perkampungan kecil tersebut telah dibuka menjadi sebuah kerajaan oleh Raja Iskandar Shah pada sekitar tahun 1399 atau tahun 1400. Kerajaan itu dinamakan Melaka, kononnya mengikut nama sebatang pokok tempat baginda bersandar ketika baginda serta pengikutnya mula sampai ke tempat itu.

Raja Melaka yang Pertama: Keturunan Srivijaya

Raja Melaka yang pertama ialah Raja Iskandar Shah, iaitu seperti yang dinyatakan dalam *Sejarah Melayu*. Namun begitu, menurut sumber lain, terutamanya dari China dan Portugis, mencatatkan nama baginda sebagai *Pai-li-mi-sula* atau Parameswara. Kemungkinan besar nama ini menunjukkan bahawa baginda masih beragama Hindu, iaitu agama yang dianutinya semasa memerintah Srivijaya dahulu. Sebenarnya baginda adalah salah seorang menantu Hayam Wuruk, iaitu Raja Majapahit yang terakhir. Oleh kerana Hayam Wuruk tiada mempunyai putera bagi mewarisi takhta kerajaan Majapahit, maka apabila baginda mangkat pada tahun 1389, menantu-menantu baginda telah bersengketa untuk berkuasa. Parameswara ialah salah seorang yang terlibat dalam pertelingkahan itu. Tetapi baginda telah gagal dan terpaksa melarikan diri.

Dari Raja Temasik Menjadi Raja Melaka

Baginda dan pengikutnya telah melarikan diri ke arah utara Pulau Sumatera. Mereka

sampai ke Temasik yang pada ketika itu dikuasai oleh kerajaan Siam. Kerajaan Siam telah melantik seorang gabenor untuk tinggal di Temasik dan mentadbir pulau tersebut. Kedatangan Parameswara telah dialu-alukan dan disambut baik oleh Gabenor Siam yang bernama Tumagi. Walau bagaimanapun, tidak lama kemudian Parameswara telah merampas kuasa dan membunuh gabenor tersebut. Dengan itu, Parameswara menjadi Raja Singapura dan memerintah selama kira-kira lima tahun. Selepas itu, baginda diserang oleh tentera Majapahit. Sekali lagi baginda terpaksa melarikan diri ke arah utara dengan harapan akan dapat membuka sebuah negeri baru. Baginda dan rombongan telah berhenti di beberapa perkampungan seperti Muar, Biawak Busuk dan Sungai Ujong, tetapi semuanya didapati tidak sesuai dijadikan negeri. Akhirnya mereka sampai ke Kuala Sungai Bertam dan memandang kawasan di situ sangat sesuai, maka baginda memutuskan untuk membuka negeri di situ. Pada ketika itu Melaka sudah pun wujud sebagai sebuah perkampungan dan tempat persinggahan yang kecil. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada Orang Laut atau Orang Selat, yang bekerja sebagai nelayan dan pedagang kecil yang berulang-alik di antara Singapura, Muar dan Melaka. Parameswara telah membuat kerajaan di situ pada hujung kurun ke-14 dan menamakannya Melaka. Parameswara menjadi Raja Melaka yang pertama dan memerintah sehingga akhir tahun 1413 atau awal tahun 1414.

Pengaruh Animisme dan Agama Hindu

Ada yang beranggapan Parameswara atau Raja Iskandar Shah beragama Hindu pada peringkat awal Melaka, termasuklah pengikut baginda. Mereka terus menganut serta mengamalkan agama Hindu sejak dari Sri-

vijaya lagi. Masyarakat tempatan juga dikatakan masih beragama Hindu. Ada pula di antara mereka yang percaya adanya roh atau semangat pada benda-benda seperti busut, tunggul, pokok kayu, dan sungai. Oleh itu mereka menyembah benda-benda tersebut. Walau bagaimanapun, bentuk kepercayaan mereka adalah bercampur-aduk. Agama Hindu yang mereka anuti itu juga tidaklah seperti asalnya kerana banyak disesuaikan dengan keadaan tempatan. Oleh kerana itu, wujudlah budaya atau cara hidup dan adat istiadat tempatan yang dipengaruhi oleh agama Hindu.

Asal-usul Raja

Salah satu aspek pengaruh agama Hindu ialah tentang asal-usul Raja Iskandar Shah. Baginda dikatakan berasal daripada keturunan anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain iaitu Raja Makadunia yang terkenal itu. Mereka dikatakan telah keluar dari dasar laut, lalu turun di Bukit Siguntang Gunung Maha Meru di Palembang. Nama anak-anak raja itu ialah Nila Pahlawan, Krishna Pandita dan Sang Nila Utama. Sesetengah pendapat mengatakan Raja Iskandar Shah berketurunan daripada Sang Nila Utama yang bergelar Sri Tri Buana setelah baginda menjadi raja di Palembang. Ada pula yang mengatakan baginda berketurunan daripada Nila Pahlawan yang bergelar Sang Seperba. Sebenarnya kisah asal-usul ini tidaklah mempunyai bukti sejarah yang benar dan kukuh.

Sistem Masyarakat

Masyarakat Melaka merupakan masyarakat yang berbagai-bagai golongan, iaitu mengikut keturunan masing-masing. Golongan yang tertinggi sekali ialah golongan raja, iaitu terdiri daripada raja dan kerabat baginda. Kemudian diikuti oleh

golongan bangsawan yang secara amnya dikenali juga sebagai orang kaya-kaya. Seterusnya golongan orang merdeka, iaitu orang kebanyakan atau orang awam. Selepas itu ialah golongan hamba abdi. Asal-usul masyarakat berbagai-bagai golongan ini tidak dapat diketahui, tetapi kemungkinan besar diwarisi dan disesuaikan daripada sistem masyarakat di Srivijaya. Ahli sejarah mengatakan bahawa masyarakat Hindu Srivijaya juga terbahagi kepada beberapa golongan yang hampir sama dengan yang terdapat di Melaka. Jika ini benar, maka bolehlah dianggap bahawa masyarakat Melaka, terutamanya pada awalnya dipengaruhi oleh unsur agama Hindu dari Srivijaya.

Begitu jugalah keadaannya dengan beberapa adat istiadat yang diamalkan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Misalnya, dalam adat istiadat perkahwinan, upacara seperti berinai, bersanding dan makan beradap menunjukkan wujudnya pengaruh agama Hindu.

Ciri-ciri Tempatan

Pengaruh agama Hindu yang terdapat pada zaman awal Melaka itu bukanlah seluruhnya sama dengan bentuk yang asal yang wujud di India, iaitu tempat lahirnya agama tersebut. Persamaan lebih banyak didapati dengan unsur agama Hindu yang wujud di Srivijaya. Contohnya ialah sistem masyarakat. Dalam agama Hindu yang diamalkan di India pada masa itu, masyarakatnya dibahagikan kepada empat kasta yang berlainan taraf dan kedudukan masing-masing. Kasta yang tertinggi sekali kedudukannya ialah *Brahmin* (sami-sami), diikuti dengan *Ksatriya* (hulu-balang dan tentera), seterusnya *Vaishya* (pedagang dan petani) dan keempat, *Sudra* (hamba abdi). Setiap kasta itu mempunyai tugas, kedudukan dan hak masing-masing. Ahli atau anggota kasta itu tidak boleh

mengubah kastanya. Misalnya, jika seseorang itu daripada kasta *Ksyatriya*, tarafnya ataupun keturunannya akan tetap dalam kasta itu.

Dalam masyarakat Melayu Srivijaya dan zaman awal Melaka, sistem masyarakat berkasta itu tidak wujud. Pembahagian masyarakat berdasarkan kepada beberapa golongan atau bangsa. Anggota atau ahli dalam sesuatu bangsa, terutamanya yang lain daripada bangsa raja, boleh pula mendapat taraf atau kedudukan yang lebih baik. Di Melaka, misalnya seorang hamba berhutang boleh menjadi orang merdeka setelah berjaya menjelaskan hutangnya. Orang merdeka boleh menjadi orang bangsawan jika mendapat anugerah daripada raja kerana jasa ataupun kekayaannya. Jika perempuan daripada golongan merdeka dan bangsawan bersuamikan orang dari golongan raja maka keturunan mereka akan menjadi keturunan raja. Sebaliknya, jika perempuan daripada keturunan raja bersuamikan orang merdeka maka keturunannya akan kehilangan taraf raja.

Keadaan seperti ini menunjukkan unsur-unsur agama Hindu ini telah berubah mengikut keadaan dan kepentingan tempatan. Ia mempunyai ciri-ciri tersendiri yang sesuai dengan keadaan setempat. Walau bagaimanapun, kepercayaan sebahagian daripada mereka masih tetap kepada agama Hindu, iaitu yang berasaskan penyembahan kepada patung yang melambangkan dewa-dewa seperti Krisna, Syiva dan Visnu. Sebahagian daripada mereka masih berpegang kepada kepercayaan terhadap roh dan semangat.

Melaka Mula Menjadi Masyhur

Pada peringkat awalnya, kerajaan Melaka yang baru itu belum begitu teratur lagi. Namun demikian, mereka berusaha dengan tekun dan bersungguh-sungguh untuk

membina sebuah negeri yang aman dan makmur. Orang tempatan juga turut membantu. Sebenarnya, ketibaan Parameswara dan rombongannya ke Melaka dan hasrat mereka untuk membuat negeri di situ sudah pun diketahui oleh penduduk tempatan. Mereka menyambut hasrat itu dengan baik dan memberikan pertolongan yang sewajarnya. Tidak lama kemudian, pengikut Parameswara semakin ramai yang tiba dari Palembang untuk bersama-sama membuka negeri itu. Dengan usaha yang gigih itu, maka dalam masa kira-kira empat ataupun lima tahun sahaja, Melaka telah mula dikenali oleh kuasa-kuasa luar. Dengan kata lain, Melaka sudah mula menjadi masyhur. Akibatnya ada kuasa luar yang ingin bersahabat dan ada pula yang ingin mengancam dan menakluknya. Parameswara bertindak dengan sebaik-baiknya untuk memelihara negerinya yang baru itu, terutamanya daripada pihak-pihak yang mengancamnya.

Hubungan Awal dengan China

Salah sebuah negara yang telah mengetahui tentang kemunculan negara baru yang bernama Melaka itu ialah negara China. Pada masa itu China adalah sebuah kuasa yang kuat dan mempunyai dasar luar negeri yang suka berbaik-baik dengan negara asing. Namun demikian, China tidaklah menganggap negara asing itu sama taraf dengannya, malah menganggap semua negara asing yang bersahabat dengannya sebagai negara di bawah nunggunya. Negara lain mungkin menerima anggapan China itu sebagai satu helah untuk berniaga kerana sebagai ganjarannya, China akan mengiktiraf kekuasaan raja dari negara yang berkenaan dan memberi kemudahan perdagangan yang sewajarnya. Ia juga akan menentukan agar negara tersebut tidak diserang

oleh musuhnya.

Demikianlah yang berlaku ke atas negeri Melaka yang baru mula terkenal itu. Pada tahun 1403, China telah menghantar satu rombongan yang diketuai oleh seorang laksamana yang bernama Yin Ching. Tujuan kedatangannya ialah untuk bersahabatan. Memandangkan kekuatan dan kemasyhuran China pada masa itu, maka Parameswara bersetuju menerima tawaran persahabatan tersebut. Dengan berbuat demikian, baginda berharap China akan dapat melindungi Melaka. Harapan baginda ini tidaklah disia-siakan. China memang berusaha supaya Melaka tidak diganggu oleh musuhnya terutamanya Siam. Siam telah diberi amaran oleh China supaya berbaik-baik dengan negara jirannya yang baru muncul itu. Dengan bantuan moral daripada China itu, Melaka dapat berkembang maju secara beransur-ansur.

Lawatan Laksamana Cheng Ho

Pada tahun 1405, Laksamana Cheng Ho yang beragama Islam telah dihantar oleh Maharaja Yung Lo melawat Melaka. Tujuannya ialah untuk mengeratkan lagi persahabatan antara kedua-dua buah negara. Parameswara menyambut baik ketibaan rombongan Laksamana Cheng Ho dan sebagai membalas lawatan itu, baginda telah menghantar pula satu rombongan melawat China. Rombongan itu menaiki kapal Laksamana Cheng Ho yang berangkat pulang ke China pada tahun itu juga.

Laksamana Cheng Ho telah datang semula ke Melaka pada tahun 1409. Tetapi sebelum beliau sampai ke Melaka, beliau telah diperintahkan supaya singgah di Siam dahulu. Tujuannya ialah untuk memberi amaran kepada Siam supaya jangan melakukan serangan ke atas Melaka kerana Melaka sepertimana juga Siam, adalah sahabat China. Siam terpaksa menurutinya kerana takut tindak balas dari China.

Selepas itu, barulah Laksamana Cheng Ho berlepas ke Melaka membawa kembali rombongan yang telah mengikutinya pada tahun 1405. Beliau juga membawa surat pengiktirafan Maharaja Yung Lo ke atas Parameswara sebagai raja dan pemerintah Melaka yang sah dan berdaulat.

Pengiktirafan daripada Maharaja China

Pengiktirafan ke atas Parameswara itu telah pun diberi oleh Maharaja Yung Lo pada tahun 1406, iaitu apabila rombongan Melaka yang dibawa oleh Laksamana Cheng Ho tiba di China. Maharaja Yung Lo telah menganugerahkan sekaki payung berwarna kuning, kain sutera dan sebuah cop mohor sebagai tanda pengiktirafan. Bagi Parameswara sudah tentulah pengiktirafan oleh satu kuasa besar itu merupakan perkara yang berfaedah supaya baginda dapat memajukan negaranya tanpa gangguan dan ancaman dari negara lain, terutamanya dari Siam. Pengiktirafan China ini tidak bermakna naungan kerana Itali dan Portugal juga dianggap oleh China sebagai di bawah naungannya. Seterusnya Melaka telah berkembang menjadi sebuah empayar Melayu yang agung dan bandar Melaka menjadi sebuah pusat perdagangan yang terpenting di peringkat antarabangsa. Di samping itu, Melaka juga menjadi pusat perkembangan dan penyebaran agama Islam yang terpenting di Asia Tenggara.

Lawatan Rombongan Melaka ke China

Sebagai tanda persahabatan, Melaka kerap menghantar rombongan melawat China. Tujuannya ialah untuk mengeratkan lagi tali persahabatan dan juga memperluaskan perdagangan Melaka. Rombongan yang pertama telah dihantar pada tahun 1405, iaitu yang pergi bersama-sama dengan kapal

Laksamana Cheng Ho. Kemudian pada tahun 1411, Parameswara telah mengetahui rombongan melawat China. Ketibaan baginda disambut dengan meriah oleh Maharaja Yung Lo serta diberikan layanan yang sewajarnya semasa baginda berada di sana.

Kemudian, pada tahun 1414 satu lagi rombongan dari Melaka telah melawat China. Rombongan itu diketuai oleh Mahkota Iskandar Shah, iaitu raja yang baru sahaja menaiki takhta kerajaan Melaka menggantikan Parameswara yang telah mangkat pada tahun 1413/14. Rombongan ini mempunyai beberapa tujuan yang penting selain untuk meluaskan perdagangan dan mengeratkan persahabatan antara kedua-dua buah negara. Tujuan utama ialah untuk memberitahu Maharaja Cina bahawa Parameswara telah mangkat dan putera baginda telah menaiki takhta kerajaan Melaka. Di samping itu, baginda juga memberitahu Maharaja Cina bahawa baginda telah memeluk agama Islam. Namun demikian, dasar persahabatan Melaka dengan China tidak berubah. Baginda berharap Maharaja Cina juga tidak mengubah dasarnya terhadap Melaka. Maharaja Cina telah memberikan pengiktirafannya kepada Mahkota Iskandar Shah dan menghadiahkan barang-barang berharga seperti emas, perak dan kain sutera. Ini adalah sebagai membalas hadiah yang diberikan oleh rombongan Melaka itu. Maharaja Yung Lo juga memberi jaminan bahawa dasar China terhadap Melaka adalah sama seperti dahulu.

Sesungguhnya Mahkota Iskandar Shah telah meneruskan usaha ayahandanya untuk memajukan Melaka. Apabila baginda memeluk agama Islam, ramailah pedagang Islam yang singah dan berdagang dengan Melaka. Kedatangan mereka telah memesatkan lagi perkembangan Melaka kerana pada masa itu pedagang Islam telah

menguasai jalan dagangan laut dan darat di antara Asia Barat dan China. Kemajuan itu telah menimbulkan rasa irihati Siam. Siam merancang hendak menyerang Melaka. Khabar tentang rancangan Siam ini telah sampai ke Melaka.

Berikutan dengan itu, Mahkota Iskandar Shah telah mengetahui satu rombongan melawat China. Rombongan itu berangkat pada tahun 1419. Mereka telah disambut dengan baik oleh Maharaja Yung Lo. Dalam pertemuan Raja Mahkota Iskandar Shah dengan Maharaja Yung Lo, antara lain baginda telah memberitahu Maharaja itu tentang ancaman dari Siam. Maharaja Yung Lo berjanji akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap negara yang mengancam hendak mencero bohi Melaka. Sekali lagi Maharaja Cina memberi amaran kepada Raja Siam supaya jangan mengganggu perkembangan negeri Melaka. Dengan itu, ancaman dari Siam menjadi reda buat sementara waktu.

Sultan Muhammad Shah (1424-1444)

Hubungan yang erat dengan China telah diteruskan oleh pengganti Mahkota Iskandar Shah. Baginda telah mangkat pada tahun 1424, dan putera baginda yang bernama Sultan Muhammad Shah ditabalakan menjadi raja Melaka yang ketiga. Baginda telah memakai gelaran Seri Maharaja, iaitu gelaran yang diwarisi daripada kerajaan Srivijaya. Seperti ayahandanya, baginda juga telah melakukan lawatan ke China pada awal pemerintahannya. Tujuan utamanya ialah untuk memberitahu Maharaja Yung Lo tentang kemangkatan ayahanda baginda dan pertabalan baginda sebagai raja Melaka yang baru. Baginda juga menyatakan hasrat Melaka untuk meneruskan dasar persahabatan yang erat dan berharap China tidak akan mengubah dasarnya.

Hubungan Awal dengan Siam

Dalam pada itu, ancaman dari Siam telah berlaku semula menjelang tahun 1431. Sekali lagi Sultan Muhammad Shah terpaksa memberitahu Maharaja Cina tentang ura-ura dari Siam itu. Berikutan dengan itu, Maharaja Yung Lo telah menghantar Laksamana Cheng Ho ke Siam untuk menyampaikan amaran yang keras terhadap Raja Siam tentang tindak-tanduknya itu. Raja Siam juga diingatkan supaya berbaik-baik dengan negara jirannya yang tidak pun mengancam Siam. Dengan amaran yang keras itu, Siam terpaksa membatalkan rancangannya itu. Sebenarnya tindak-tanduk Siam itu menggambarkan bahawa hubungan awal di antara Melaka dengan Siam tidaklah baik. Siam memang memusuhi Melaka dan sentiasa berusaha untuk menyerang Melaka kerana dua sebab. Siam ingin membalas dendam kerana perbuatan Parameswara membunuh Tumagi dan mengambil alih pemerintahan di Singapura dahulu. Di samping itu, Siam bimbang Melaka akan berkembang menjadi kuasa yang kuat. Siam merasakan bahawa pada masa itu kuasa merekalah yang kuat. Oleh itu Siam tidak mahu melihat sebuah kuasa lain muncul untuk menyainginya. Oleh kerana itu, Siam sentiasa menunggu masa yang sesuai untuk menyerang Melaka.

Pengukuhan Pertahanan Melaka untuk menghadapi Ancaman Siam

Pada tahun 1433, Maharaja Yung Lo telah mangkat. Penggantinya tidak berhasrat untuk menyambung dasar luar yang telah dijalankan oleh Yung Lo. Ertinya Maharaja Wangsa Ming yang baru ini nampaknya tidaklah begitu berminat untuk menjalankan dasar luar yang aktif seperti Maharaja Yung Lo dahulu. Pada tahun tersebut Laksamana Cheng Ho juga telah meninggal dunia. Oleh kerana itu kapal-kapal peronda China tidaklah kelihatan lagi

di perairan Laut China Selatan dan Lautan Hindi untuk memberi nasihat ataupun amaran kepada mana-mana negeri sahabat yang cuba mengancam atau menceroboh negara sahabat yang lain.

Lambat-laun perkembangan di China itu sampai juga ke Melaka. Oleh itu Melaka haruslah memperbaiki dan memperkemas lagi pertahanannya. Ini perlu kerana musuh utama Melaka pada masa itu, iaitu Siam, sudah tentu akan melancarkan serangan terhadap Melaka apabila Siam mengetahui tentang dasar luar Maharaja Cina yang baru itu. Bagi melaksanakan usaha pengukuhan itu, baginda Raja Muhammad telah berusaha menyatupadukan rakyatnya dan menambahkan lagi pengeluaran senjata peperangan. Baginda juga meminta pertolongan daripada pedagang, khususnya pedagang Islam yang telah ramai berdagang di Melaka, agar mereka membantu baginda mempertahankan Melaka sekiranya diserang oleh Siam. Mereka bersedia pula memberi pertolongan kerana kepentingan perdagangan mereka dan juga hakikat pertalian persaudaraan sesama Islam. Dalam pada itu ada pula antara mereka, terutamanya yang telah menjadi kaya telah berkahwin dengan kerabat di raja Melaka dan diberikan jawatan serta gelaran yang sewajarnya. Usaha dan perkembangan seperti ini telah dapat mengukuhkan sistem pertahanan Melaka untuk menghadapi mana-mana musuh yang akan menyerangnya.

Lawatan Sultan Muhammad Shah ke China

Ancaman dan serangan yang ditunggu-tunggu dari Siam itu tidak kunjung tiba. Pada masa itu Siam sedang menghadapi masalah dalam negara. Ketiadaan ancaman dan serangan itu membolehkan Melaka menjadi lebih aman dan makmur.

Perdagangan dan hubungan antarabangsa semakin bertambah luas.

Sultan Muhammad Shah ingin meneruskan semula hubungan persahabatan yang erat dengan China yang telah terputus sejak kemangkatan Maharaja Yung Lo dahulu. Baginda berpendapat bahawa hubungan yang erat itu haruslah disambung semula terutamanya demi kepentingan perdagangan Melaka. China adalah sebuah negara yang luas yang merupakan pasaran yang besar bagi barangan yang dibawa oleh pedagang dari Melaka. Begitu juga China mempunyai banyak hasil dagangan yang boleh dijual dengan larisnya di

pasaran Melaka khususnya dan pasaran lain. Antara barang dagangan China itu termasuklah teh, tembikar dan sutera.

Sultan Muhammad Shah telah mengetuai rombongan melawat China pada kira-kira tahun 1442. Rombongan itu telah disambut baik oleh Maharaja China yang kemudiannya menerangkan dasar luar yang diamalkan oleh China. China ingin menumpukan perhatian yang lebih kepada perkembangan dan pembangunan dalam negeri. Sultan Muhammad Shah memahami dasar itu dan berharap agar perhubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara akan dapat diteruskan dengan sebaik-baiknya.

Catatan

Menurut Abdul Samad Ahmad, ejaan jawi bagi perkataan Megat Iskandar Shah sebenarnya ialah Mahkota Iskandar Shah.

Bab 4

Kedatangan Agama Islam dan Kesannya terhadap Kebudayaan dan Adat Resam Orang Melayu

Kedatangan Agama Islam ke Asia Tenggara

Seperti yang telah dinyatakan agama Islam telah diterima secara rasmi di Melaka apabila Raja Mahkota Iskandar memeluk agama tersebut pada tahun 1414. Tetapi sebelum itu, terdapat beberapa bukti tentang agama Islam telah bertapak di beberapa kawasan di Asia Tenggara, terutamanya di Gugusan Kepulauan Melayu, sejak kurun ke-7 yakni bersamaan dengan tahun Hijrah yang pertama. Namun begitu anggapan ini tidaklah dapat dibuktikan dengan jelas. Ini hanya berdasarkan adanya saudagar Islam yang giat berdagang di Asia Tenggara menjelang kurun tersebut.

Setakat ini bukti yang dianggap paling awal bagi menunjukkan penyebaran agama Islam di Asia Tenggara, didapati daripada sebuah batu nisan yang telah dijumpai di Grisek, Tanah Jawa. Batu nisan itu bertarikh sekitar tahun 1082 atau 1102. Tetapi oleh kerana batu nisan itu hanya sebuah sahaja, maka tidaklah dapat dijadikan bukti yang kukuh bagi mengatakan bahawa masyarakat Islam telah wujud di situ. Batu nisan itu mungkin kubur seorang pedagang Islam yang telah meninggal dunia dan dikebumikan di situ oleh

sahabat handainya. Selain itu, terdapat pula dakwaan dari orang Campa di Indo-China, bahawa mereka telah pun beragama Islam sejak kurun ke-11. Dakwaan ini juga didapati tidak tepat. Ada sumber sejarah yang membuktikan bahawa orang Campa hanya memeluk agama Islam pada kurun ke-15. Dalam buku *Sejarah Melayu* mengatakan orang Campa menerima agama Islam pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah (1459-1477).

Agama Islam di Sumatera

Daripada sumber bertulis, terutamanya sumber dari China, didapati masyarakat Islam telah wujud di Sumatera sejak penghujung kurun ke-13. Pada tahun 1281 Kerajaan Melayu yang terletak di pantai timur Sumatera telah menghantar satu utusan ke China. Utusan ini diketuai oleh dua orang yang beragama Islam, iaitu Sulaiman dan Samsuddin. Catatan Marco Polo pula mengatakan bahawa masyarakat Islam telah wujud di Perak semasa beliau singgah pada tahun 1292. Menjelang tahun 1297 Islam juga telah tersebar ke Samudera. Ini terbukti dengan terjumpanya batu nisan Sultan Malik-ul-Salleh, iaitu raja Samudera yang pertama

memeluk agama Islam. Selepas Samudera, agama Islam berkembang pula ke Pasai. Dalam lawatannya ke Samudera-Pasai pada kira-kira tahun 1345/1346, Ibnu Battuta, pengembara Islam yang terkenal itu telah mencatatkan tentang keadaan masyarakat Islam di kedua-dua kerajaan yang telah bercantum itu. Beliau menyatakan Raja Samudera-Pasai, iaitu Sultan Al-Malik Al-Zabir, adalah sultan yang adil dan saksama, menghormati serta mengasihni para alim ulama serta memerintah dengan cemerlang. Baginda juga kuat menjalankan dakwah terhadap orang yang belum beragama Islam. Namun demikian, baginda tidak bersikap takabur, malah suka merendah diri. Pada hari Jumaat, baginda hanya berjalan kaki sahaja pergi ke masjid untuk menunaikan sembahyang fardu Jumaat. Rakyat baginda juga sentiasa membantu baginda dalam kegiatan dakwah dan penyebaran agama Islam.

Seterusnya apabila Ma Huan melawat Jambi, Haru dan Pedir pada awal kurun ke-15, beliau mendapati agama Islam telah pun diterima serta diamalkan di ketiga-tiga kerajaan tersebut.

Dengan keadaan yang demikian, maka jelaslah bahawa agama Islam telah pun bertapak dengan kukuhnya di beberapa buah kerajaan yang terkenal di Sumatera sebelum sampai ke Melaka. Dengan kata lain, tatkala Parameswara mula berkerajaan di Melaka, agama Islam sudah merupakan tenaga yang kuat, khususnya di Sumatera. Ramai pedagang Islam yang datang berniaga ke kerajaan-kerajaan Islam di situ. Akibatnya, kerajaan tersebut menjadi makmur dan maju.

Teori Kedatangan Islam

Ada dua teori mengenai kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Pertama, teori yang mengatakan agama Islam itu telah dibawa oleh pedagang Islam, terutamanya dari

India, yang datang berdagang ke Asia Tenggara termasuklah ke Gugusan Kepulauan Melayu. Teori ini sangatlah popular dan diterima oleh ramai ahli sejarah. Tetapi teori ini sudah mula dipersoalkan kebenarannya. Dengan itu juga dikemukakan pula satu teori baru yang mengatakan agama Islam itu bukan dibawa ke Asia Tenggara ini oleh para pedagang Islam, tetapi oleh pendakwah, khususnya para alim ulama.

Kedua-dua teori ini mempunyai alasan dan bukti tertentu. Pendokong teori yang pertama mengatakan bahawa pedagang Arab dan India telah pun giat berdagang di Asia Tenggara dan juga China sejak sebelum kemunculan agama Islam lagi. Apabila mereka memeluk agama Islam, maka di samping menjalankan perdagangan, mereka juga menjalankan kegiatan dakwah seperti yang dituntut oleh agama Islam. Pendokong teori yang kedua pula mengatakan bahawa pedagang-pedagang itu tidak mempunyai waktu dan pengetahuan yang lengkap untuk menjalankan dakwah bagi menyebarkan agama Islam. Oleh itu alim ulama bertanggungjawab menyebarkan agama Islam ke Asia Tenggara. Dalam buku *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa Islam telah dibawa ke Melaka oleh seorang makhдум dari Jeddah, yang bernama Syed Abdul Aziz. Beliaulah yang telah mengislamkan raja Melaka yang bernama Raja Kecil Besar. Selepas itu sebahagian besar rakyat Melaka memeluk agama Islam, iaitu kerana mengikut jejak langkah raja mereka.

Sebenarnya kedua-dua teori ini boleh diterima dan boleh diselaraskan. Adalah mustahil jika dikatakan pedagang Islam itu tidak langsung menjalankan usaha dakwah, walaupun pengetahuan setengah-setengah mereka mengenai Islam dikatakan tidak begitu mendalam. Ini adalah kerana berdakwah itu merupakan satu tuntutan agama Islam. Pedagang-pedagang itu

memang ada menjalankan kegiatan dakwah bergantung kepada keupayaan mereka. Mereka berjaya mengislamkan beberapa kelompok masyarakat di Asia Tenggara yang mereka kunjungi. Selepas itu usaha mereka itu telah diperluas dan diperhebatkan lagi oleh alim ulama.

Dalam pada itu bukanlah mustahil bahawa ada pula antara pedagang itu yang terdiri daripada alim ulama. Kegiatan perdagangan bukanlah sesuatu yang menyalahi ajaran Islam, asalkan dilakukan menurut aturannya. Jadi memanglah munasabah jika pedagang seperti itu menjalankan kegiatan dakwah sambil mereka menguruskan perdagangan.

Kedatangan Agama Islam ke Tanah Melayu: Batu Bersurat Sungai Teresat

Di Tanah Melayu, bukti paling awal tentang wujudnya agama Islam ialah sebuah batu bersurat yang telah dijumpai berhampiran dengan Sungai Teresat di Terengganu. Batu itu bertarikh tahun Hijrah 702 yang dianggarkan bersamaan dengan tahun 1303. Batu Bersurat ini mencatatkan beberapa peraturan dalam undang-undang jenayah Islam. Oleh kerana batu ini dijumpai di Terengganu, maka timbullah pula pendapat yang mengatakan kemungkinan



Replika batu bersurat yang dijumpai berhampiran dengan Sungai Teresat di Terengganu pada tahun Hijrah 702.

agama Islam itu dibawa ke Tanah Melayu dari China dan bukannya dari Asia Barat ataupun dari India. Tetapi andaian ini haruslah diselidik dengan lebih mendalam lagi dan bukti yang kukuh perlu dikemukakan bagi menguatkannya. Sementara itu bukti yang kukuh menunjukkan bahawa di Melaka, agama Islam telah mula bertapak di tanah air kita ini dan berkembang ke seluruh empayar itu khasnya dan di Gugusan Kepulauan Melayu amnya.

Kedatangan Agama Islam ke Melaka

Seperti yang telah dinyatakan, tatkala Parameswara atau Raja Iskandar Shah, mendirikan kerajaan di Melaka, agama Islam telah pun berkembang dengan pesatnya di beberapa buah kerajaan yang terkenal di Sumatera. Ramai pula pedagang Islam yang datang berdagang ke sana. Sudah tentulah mereka ada mendengar tentang kerajaan yang baru ditubuhkan itu dan ada pula yang cuba meluaskan perdagangan mereka. Ada pula antara mereka itu yang berhasrat mengembangkan agama Islam itu ke Melaka. Dengan demikian, maka kedatangan agama Islam ke Melaka itu tidaklah berlaku dengan secara tidak langsung ataupun kebetulan sahaja. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal itu mereka belumlah begitu berjaya, terutamanya untuk mengislamkan golongan pemerintah Melaka. Kehadiran, keunggulan serta kegigihan mereka dalam perdagangan memanglah menarik perhatian Raja Melaka, tetapi baginda belumlah berkesempatan memeluk agama Islam.

Mahkota Iskandar Shah Memeluk Agama Islam

Setelah Raja Iskandar Shah meninggal dunia, barulah agama Islam dapat berkembang dengan kukuh di Melaka. Ini berlaku

berikutan dengan kejayaan pendakwah Islam memujuk Raja Mahkota Iskandar Shah supaya memeluk agama itu. Catatan orang Portugis, iaitu oleh Tome Pires dan Alfonso d'Albuquerque, menyatakan Mahkota Iskandar Shah telah memeluk agama Islam akibat daripada kegiatan dakwah oleh maulana yang telah datang ke Melaka bersama-sama dengan pedagang Islam. Tome Pires juga mengatakan Raja Mahkota Iskandar Shah berasa sangat beruntung dengan kedatangan pedagang Islam yang semakin ramai, terutamanya dari Pasai. Baginda terus berusaha menarik lebih ramai lagi pedagang Islam datang ke Melaka. Di Melaka, pedagang Islam diberikan layanan yang baik. Mereka dibenarkan menjalankan dakwah dan juga mengamalkan ajaran Islam. Mereka menganggap Raja Mahkota Iskandar Shah sebagai raja yang sangat adil. Baginda juga membenarkan mereka membina masjid dan surau untuk beribadat dan sebagainya. Pendakwah dan pedagang itu pula sentiasa mendampingi dan memujuk baginda agar memeluk agama Islam. Tome Pires seterusnya mengatakan bahawa akhirnya baginda memutuskan untuk menerima dan memeluk agama Islam. Perkhabaran ini sangat mengembirakan Raja Pasai. Baginda menghantar lebih ramai lagi pendakwah dan ulama yang lebih berkebolehan untuk menguatkan lagi keyakinan baginda. Iskandar telah memeluk agama Islam pada tahun 1414. Selepas itu baginda telah berkahwin dengan seorang puteri Raja Pasai. Pembesar dan juga kerabat baginda juga kemudiannya turut memeluk agama Islam. Berikutan dengan itu, agama Islam mula tersebar di kalangan rakyat jelata. Dengan itu agama Islam semakin berkembang luas dalam kerajaan Melaka. Sesungguhnya baginda telah berusaha untuk mengukuhkan kedudukan agama yang baru diterimanya itu. Dengan usaha dan galakan baginda

Melaka beransur-ansur menjadi sebuah pusat perkembangan agama Islam.

Perkembangan Agama Islam

Pada peringkat awal perkembangan agama Islam itu tidaklah berjalan dengan begitu lancar dan pesat. Malah ada pandangan yang mengatakan bahawa golongan yang masih lemah keimanan mereka terhadap agama Islam berusaha untuk mengukuhkan semula agama Hindu dan juga kepercayaan yang berbentuk animisme. Tetapi pandangan ini tidaklah dapat diterima sepenuhnya. Sebenarnya pada peringkat awal itu usaha untuk menyesuaikan cara hidup yang berdasarkan agama Islam sedang berlaku. Sudah tentulah terdapat banyak masalah yang harus diselesaikan. Perubahan yang berlaku itu adalah besar maka haruslah dihadapi dengan hati-hati, tegas dan penuh kebijaksanaan. Oleh itu memerlukan masa untuk membolehkan agama Islam berkembang dengan lebih pesat dan lancar.

Peranan Sultan Muzaffar Shah

Setelah Sultan Muzaffar Shah atau nama asal baginda Raja Kassim, menaiki takhta kerajaan Melaka, barulah dapat dijalankan usaha yang pesat untuk mengukuhkan dan menyebarkan agama Islam di Melaka dan kawasan yang berhampiran. Sultan Muzaffar telah menjadikan hukum Islam sebagai asas pemerintahan baginda.

Di bawah pemerintahan baginda, dakwah Islamiah bukan sahaja pesat berlaku di Melaka, malah juga di kawasan yang berdekatan. Kumpulan dakwah bergiat untuk mengajar hukum Islam. Dengan cara itu mereka dapat membantu mendalami pengetahuan agama Islam dan juga menarik lebih ramai lagi penganut agama Islam. Baginda telah memberikan galakan dan kemudahan yang sewajarnya bagi melaksanakan rancangan untuk mengembangkan agama Islam. Dengan asas yang

demikian, Melaka akhirnya menjadi sebuah pusat pengajian perkembangan dan penyebaran agama Islam yang terpenting di Asia Tenggara. Tambahan lagi, Sultan Muzaffar Shah dan pembesar Melaka yang penting, juga berusaha bersungguh-sungguh untuk meluaskan lagi empayar Melaka. Baginda bercita-cita menjadikan Melaka sebuah empayar kelautan yang agung dan pusat pengajian serta perkembangan agama Islam yang terkenal. Sesungguhnya pada masa pemerintahan baginda inilah Melaka mula menuju puncak kemasyhuran.

Sultan Mansur Shah

Usaha Sultan Muzaffar Shah dipertingkatkan lagi oleh Sultan Mansur Shah yang menggantikan baginda pada tahun 1459. Sesungguhnya pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah itulah dakwah Islamiah dari Melaka itu berkembang dengan luasnya ke seluruh Asia Tenggara, terutamanya ke Gugusan Kepulauan Melayu. Kumpulan dakwah dari Melaka telah pergi ke Pulau Jawa, Pulau Borneo dan juga bahagian selatan Filipina untuk menyebarkan agama Islam. Pendakwah itu bukanlah terdiri daripada rakyat Melaka sahaja, malah orang-orang dari daerah itu sendiri yang telah datang ke Melaka untuk mempelajari agama Islam. Mereka kemudian kembali ke negeri masing-masing untuk menyebarkan agama Islam. Pulau Jawa pernah dikiaskan sebagai diislamkan di Melaka. Ertinya, selain pendakwah Melaka sendiri, ada di kalangan pedagang yang sememangnya ramai datang ke Melaka untuk berniaga telah mempelajari agama Islam dan kemudian menyebarkannya pula ke negeri masing-masing.

Sultan Melaka pula telah menjadikan istana baginda sebagai sebuah perpustakaan untuk pengajian Islam. Terdapat kitab agama Islam yang dikumpulkan di situ

yang boleh digunakan sebagai bahan bacaan dan rujukan pengkaji. Kemudahan seperti ini sangat diperlukan oleh para pendakwah dan juga alim ulama. Ia juga sangat bersesuaian dengan kedudukan Melaka sebagai pusat perkembangan dan penyebaran agama Islam yang terpenting di Asia Tenggara.

Dalam pada itu dasar perluasan kuasa Melaka juga telah membantu mengembang dan menyebarkan agama Islam, khususnya ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa kerajaan di Sumatera. Di negeri-negeri yang telah ditakluk oleh Melaka, seperti Johor, Pahang, Terengganu, Rokan dan Inderagiri, kebanyakan penduduknya turut memeluk agama Islam. Ada pula negeri-negeri yang secara sukarela meminta menjadi sebahagian jajahan takluk Melaka, seperti Kedah dan Patani dan seterusnya menerima agama Islam.

Perubahan Setelah Memeluk Agama Islam

Perubahan besar telah berlaku selepas raja dan orang Melaka menerima Islam sebagai agama baru mereka. Ini telah melahirkan suatu era baru bagi Melaka. Perubahan yang terbesar ialah dari segi kepercayaan ataupun keimanan mereka. Sejak itu masyarakat Melaka telah meninggalkan kepercayaan mereka yang berasaskan agama Hindu dan animisme, dan telah menggantikannya dengan agama Islam.

Sedikit sebanyaknya perubahan kepercayaan ini menimbulkan pula kesannya ke atas keadaan masyarakat Melaka. Secara beransur-ansur mereka menerima dan mengamalkan dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dari segi ekonomi pula, perubahan yang dibawanya sungguh mengagumkan. Dengan penerimaan agama Islam, Melaka semakin menjadi tumpuan saudagar Islam. Melaka menjadi sebuah pelabuhan per-

dagangan yang sungguh terkenal, sehingga mengatasi kerajaan di pantai timur Sumatera seperti Haru, Jambi, Pedir dan Samudera-Pasai. Menjelang pertengahan kurun ke-15, Melaka berkembang menjadi sebuah kuasa dan empayar kelautan yang agung dan gagah.

Tulisan Jawi

Kedatangan Islam telah memperkenalkan tulisan Jawi di Melaka. Dengan berkembangnya agama Islam, tulisan Jawi juga turut berkembang. Di samping digunakan dalam penulisan kitab agama, seperti kitab *Duri'l-Mazlum*, tulisan Jawi juga digunakan bagi penulisan yang lain, seperti surat menyurat diraja, watakah, hukum kanun, surat peribadi dan karya sastra. Malah boleh dikatakan bahawa semua penulisan yang dilakukan dalam empayar Melaka adalah dalam tulisan Jawi. Oleh kerana itu, naskhah asal yang ada kaitan dengan empayar Melaka seperti *Sejarah Melayu*, *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* ditulis dalam tulisan Jawi.

Kesusasteraan

Begitulah juga halnya dengan karya kesusasteraan yang dihasilkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sama ada karya asli ataupun yang diterjemahkan daripada bahasa Arab dan Parsi. Antara karya sastra yang paling popular pada zaman itu ialah *Hikayat Muhammad Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Iskandar Dzulkarnain*. Mungkin banyak lagi karya sastra pada zaman itu, tetapi sebahagian besarnya telah musnah akibat peperangan dengan orang Portugis pada tahun 1511. Orang Portugis juga telah merampas sebahagian besar harta, termasuklah buku dan kitab dalam istana Raja Melaka, lalu membawa kha-

zanah itu kembali ke negeri mereka. Perbuatan jahat orang Portugis itu sudah tentulah merugikan kita.

Melalui tulisan Jawi itulah agama Islam diperkembangkan. Bahasa dan kesusasteraan Melayu juga berkembang melalui tulisan Jawi. Dalam pada itu bahasa Melayu itu telah diperkayakan dengan kata-kata pinjaman serta istilah daripada bahasa Arab. Perkembangan ini dapat dilihat bukan sahaja dalam kitab serta karya sastra semasa pada zaman Melaka, malah dalam karya-karya pada zaman selepas itu. Malah buku *Sejarah Melayu* yang sangat terkenal itu mempunyai tajuk asal dalam bahasa Arab, iaitu *Sulalatus Salatin*. Begitulah juga buku-buku seperti *Bustanul Salatin*, *Tajus Salatin* dan *Tuhfat-al-Nafis*. Bahasa Arab digunakan dengan meluas, terutamanya di bandar Melaka yang menurut Tomes Pires menggunakan lapan puluh empat bahasa pada sesuatu ketika.

Peranan Ulama

Ulama memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkembangkan serta menyebarkan agama Islam. Pada mulanya mereka mengajar perkara asas tentang agama Islam. Kemudian setelah agama Islam berkembang, mereka memperluaskan serta memperdalamkan lagi pengajaran mereka dalam bidang tafsir, hadis dan tasawuf.

Ulama bertugas sebagai *mualim*, atau guru agama, kadi, dan pendakwah. *Sejarah Melayu* mencatatkan adanya makhdum, maulana, kadi dan pendeta tasawuf di Melaka. Menurut seorang pengembara Portugis, iaitu de Eredia, mereka itu datang dari Tanah Arab untuk melaksanakan tugas suci mengajar agama Islam di Melaka. Kehadiran mereka itu mengukuhkan lagi kedudukan Melaka sebagai pusat perkembangan dan penyebaran

agama Islam di Asia Tenggara.

Tidaklah dapat diketahui berapa ramai-ka jumlah ulama yang tinggal di bandar Melaka dan dalam empayar Melaka itu secara keseluruhannya. Pengaruh mereka juga, khususnya dari segi politik, terhadap pihak pemerintah belumlah lagi dapat dipastikan. Namun begitu, peranan mereka dalam adat istiadat yang berkaitan dengan agama dan kegiatan yang berupa amal ibadat sangatlah luas. Selain menjadi guru agama, mereka juga menjadi imam, jurunikah, serta juga khatib. Ada pula di antara mereka yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan Melaka dan pembesar-pembesar. Antaranya ialah Maulana Abu Bakar yang datang dari Makkah. Maulana ini telah menjadi guru agama kepada Sultan Mansur Shah. Seorang lagi ialah Kadi Yusof. Beliau kemudian meletakkan jawatannya lalu menjadi seorang ahli sufi dan bergelar Maulana Yusof. Sebelum itu beliau menjadi guru agama kepada Sultan Mahmud Shah. Sultan Mahmud juga berguru kepada seorang lagi ulama, iaitu Makhdum Sadar Jahan yang juga datang dari Makkah.

Undang-undang

Melaka juga mempunyai undang-undang awam dan jenayahnya sendiri yang didasarkan undang-undang syariah dan juga undang-undang adat. Undang-undang ini termaktub dalam *Hukum Kanun Melaka* yang dipercayai mula-mula digubal oleh Sultan Muzaffar Shah. *Hukum Kanun Melaka* meliputi semua tanah, sungai, dusun dan setiap tanah jajahan takluk Melaka. Satu lagi ialah *Undang-undang Laut Melaka* yang meliputi perusahaan perkapalan, perdagangan di laut dan di darat dan kegiatan yang berkaitan dengannya.

Kedua-dua kumpulan undang-undang ini adalah didasarkan kepada hukum sya-

riah dan juga hukum adat yang telah wujud sejak zaman berzaman lagi. Walaupun begitu, dari segi amalannya, undang-undang syariah itu sangatlah dipentingkan. Pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah, undang-undang Islam itu dijalankan dengan agak tegas jika dibandingkan dengan zaman pemerintahan sultan-sultan yang lain.

Penghayatan Agama Islam di Melaka

Sungguhpun demikian, bukanlah bererti sultan-sultan yang lain telah mengabaikan agama Islam. Sejak agama itu diterima oleh Raja Mahkota Iskandar Shah, agama Islam telah berkembang secara beransur-ansur ke seluruh masyarakat Melaka. Dengan kata lain, masyarakat Melaka telah rela menerima agama Islam yang telah dianuti oleh raja mereka. Dengan penerimaan itu, mereka berusaha pula untuk mengamalkan serta menghayati ajaran dan hukum Islam dengan sebaik-baik yang dapat mereka lakukan. Sedikit sebanyaknya kegiatan dalam pergaulan dan juga cara hidup mereka sehari-hari ada menggambarkan penerimaan dan penghayatan terhadap Islam. Misalnya, kegiatan keagamaan seperti muzakarah, kuliah dan ceramah sentiasa diadakan. Perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji disambut dengan meriah. Adat istiadat seperti perkahwinan, pertabalan, dan kenduri-kendara, di samping adanya unsur tradisi, juga berasaskan ajaran Islam. Jika ada kematian, maka jenazah juga akan diselenggarakan mengikut ajaran Islam.

Mereka juga membaca al-Quran dan mempelajari cara bacaannya. Ada juga yang mempelajari ilmu tafsir al-Quran daripada para ulama ataupun mualim yang mengajar di Melaka pada ketika itu. Anak-anak mereka juga diajar cara hidup menurut agama Islam.

Melaka mempunyai kemudahan bagi sesiapa yang berhasrat untuk mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam. Adanya ulama-ulama yang terkenal di Melaka menunjukkan bahawa hasrat seperti itu dapat dipenuhi. Secara lumrahnya pula, maka sudah tentulah al-Quran menjadi bahan bacaan dan kajian yang terpenting. Dengan hal yang demikian, nyatalah bahawa agama Islam sangat disanjung dan dihayati seperti yang dinyatakan. Sultan-sultan Melaka telah mengambil berat untuk menyebarkan agama Islam di dalam dan luar negeri. Hal ini menyebabkan timbulnya pandangan bahawa agama Islam merupakan agama rasmi bagi empayar Melaka.

Penyesuaian dalam Adat Resam

Walau bagaimanapun bukanlah semua perkara berubah atau diubah setelah orang Melaka memeluk agama Islam. Ada beberapa perkara yang mereka kekalkan, dan ada pula perkara yang mereka rasa perlu disesuaikan dengan ajaran agama Islam. Pembahagian masyarakat kepada empat golongan tidaklah mereka hapuskan. Sungguhpun pembahagian itu agak longgar. Ini ialah kerana pada pandangan mereka pembahagian secara demikian tidaklah bertentangan dengan akidah Islam. Begitu juga beberapa adat istiadat dan amalan kehidupan mereka sehari-hari. Misalnya dalam adat istiadat perkahwinan seperti merisik, menghantar tanda, tepak siri, berinai, mengandam dan bersanding itu terus mereka amalkan. Pada anggapan

mereka upacara seperti itu tidaklah bertentangan dengan akidah Islam. Begitu juga cara berpakaian. Mereka tidak perlu meniru pakaian orang Islam dari Tanah Arab atau lain-lain. Sebaliknya mereka harus memakai pakaian yang sesuai dengan ajaran Islam, iaitu kemas, bersih dan menutup aurat. Mereka mendapati cara mereka berpakaian dan juga fesyen pakaian mereka sesuai dengan kehendak Islam. Oleh itu mereka tidak perlu mengubahnya.

Begitu jugalah dengan sistem kerajaan di Melaka. Mereka tidaklah menyamakan atau meniru sepenuhnya sistem kerajaan Islam yang asal, iaitu seperti yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. di Madinah yang kemudiannya diikuti oleh keempat-empat Khalifah-ar Rasyidin. Penyesuaian telah dilakukan. Umpamanya, kuasa memerintah di Melaka berada sepenuhnya di tangan sultan dan setelah baginda mangkat, putera ataupun zuriatnya yang layak akan menggantikan tempat baginda. Keadaan ini tidak berlaku pada peringkat awal pemerintahan kerajaan Islam. Ia berlaku pada peringkat kemudiannya, misalnya pada zaman pemerintahan Umayyah (661 - 750) dan Abbasiyah (750 - 1258). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa Melaka telah menyesuaikan sistem kerajaannya dengan sistem kerajaan yang wujud selepas peringkat awal pemerintahan Islam. Sesungguhnya agama itu telah menjadi suatu tenaga yang mendorong kemunculan serta perkembangan Melaka sebagai sebuah empayar kelautan yang agung.

Catatan

Ada kemungkinan Parameswara telah memeluk agama Islam mengikut sumber oleh R.O. Winstedt dalam bukunya bertajuk *Malaya in History*.

Bab 5

Perkembangan Kuasa Politik Melaka

Lebih kurang dua tahun selepas lawatan ke China pada tahun 1442 itu, Sultan Muhammad Shah telah mangkat. Baginda memerintah selama kira-kira dua puluh tahun. Semasa pemerintahan baginda, Melaka berada dalam keadaan aman dan semakin bertambah makmur. Keadaan politiknya juga stabil. Baginda telah digantikan oleh puteranya yang bernama Raja Ibrahim. Setelah menaiki takhta kerajaan Melaka, Raja Ibrahim telah memakai gelaran Seri Parameswara Dewa Shah.

Rampasan Kuasa di Istana

Raja Ibrahim ataupun Seri Parameswara Dewa Shah memerintah Melaka selama kira-kira satu tahun lima bulan sahaja. Pada pertengahan tahun 1445, satu peristiwa rampasan kuasa telah berlaku dalam istana baginda. Rampasan kuasa ini berpunca daripada rasa tidak puas hati saudara tiri baginda yang bernama Raja Kassim, yang tidak terpilih menjadi Raja Melaka menggantikan ayahandanya. Sebenarnya Raja Kassim bukanlah anak gahara, ataupun berketurunan raja sepenuhnya kerana bondanya adalah orang kebanyakan keturunan salah seorang saudagar India-Muslim yang terkaya di Melaka pada ketika itu. Oleh kerana tidak sepenuhnya berketurunan raja, maka Raja Ibrahim di-

anggap lebih berhak untuk ditabalkan menjadi Raja Melaka yang baru. Tetapi semasa ditabalkan menjadi raja, Raja Ibrahim masih terlalu muda. Oleh kerana itu, tampuk kekuasaan terletak di tangan Raja Rokan iaitu bapa saudara baginda. Banyak pula tingkah laku Raja Rokan yang menyinggung para pembesar, termasuklah Bendahara Seri Amar Diraja dan Seri Nara Diraja. Raja Kassim telah disingkirkan daripada istana.

Keadaan ini menyebabkan beberapa orang pembesar berasa gelisah. Akhirnya Raja Kassim mengambil keputusan untuk bertindak. Dengan bantuan daripada bapa saudaranya, iaitu Tun Ali dan seorang saudagar Arab yang bernama Jalaludin, Raja Kassim telah merempuh masuk ke dalam istana dengan menaiki seekor gajah serta diikuti oleh penyokongnya. Dalam keadaan kelam-kabut yang berlaku pada malam serangan itu dilancarkan, Seri Parameswara Dewa Shah telah terbunuh di tangan Raja Rokan.

Raja Kassim telah ditabalkan menjadi Raja Melaka dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah. Jawatan pembesar-pembesar lain tetap dikekalkan sekurang-kurangnya buat sementara waktu. Jawatan Bendahara tetap disandang oleh Seri Amar Diraja. Tidak lama kemudian apabila beliau meninggal dunia, jawatan itu diwariskan pula kepada anak saudara-

nya, iaitu Seri Wak Raja, ayahanda kepada Tun Kudu dan Tun Perak. Namun demikian, Seri Wak Raja berasa tidak senang hati melihat keadaan yang tidak begitu tenteram selepas peristiwa rampasan kuasa itu. Melaka tidaklah berada dalam keadaan huru-hara tetapi jelaslah bahawa pembesar-pembesarnya tidak bersatu. Pandangan dan pendapat beliau sendiri sentiasa tidak dipedulikan oleh Sultan Muzaffar Shah. Malah beliau berasa terasing daripada golongan yang berkuasa pada ketika itu.

Tun Perak Disingkir ke Klang

Memandangkan keadaan yang demikian itu, Bendahara Seri Wak Raja merasakan khidmat beliau tidak diperlukan lagi oleh sultan. Lalu beliau mengasingkan diri dan akhirnya dikatakan meninggal dunia kerana termakan racun.

Sultan memanglah berasa kesal dan sedih terhadap kejadian yang menimpa Bendahara Seri Wak Raja itu. Tetapi baginda tidak pula mengambil langkah yang sewajarnya untuk membaiki suasana yang muram itu. Malah baginda telah memburukkan lagi keadaan dengan tidak mewariskan jawatan Bendahara itu kepada Tun Perak, anakanda Seri Wak Raja, iaitu seperti yang lazimnya dilakukan. Tun Perak telah disingkirkan dan dijadikan penghulu di daerah Klang.

Seterusnya baginda melantik bapa saudara baginda, iaitu Tun Ali (Seri Nara Diraja) sebagai Bendahara. Lantikan ini dibuat kerana mengenang jasa Tun Ali dalam peristiwa rampasan kuasa dahulu. Baginda juga berharap akan dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai Raja Melaka yang baru. Namun begitu, tindakan baginda itu tidaklah dapat menyelesaikan perselisihan pembesar-pembesar yang menyebabkan suasana menjadi tegang dan muram.

Serangan Siam pada Tahun 1446

Rupa-rupanya suasana yang tidak tenteram di Melaka itu telah sampai ke pengetahuan Siam. Tanpa membuang masa, Siam telah bertindak untuk menangkuk di air yang sedang keruh itu. Angkatan laut Siam telah menyerang Melaka pada hujung tahun 1446 melalui perairan Muar. Sultan Muzaffar Shah telah memanggil seluruh rakyat dari jajahan takluknya, termasuk Tun Perak di Klang, untuk mempertahankan Melaka daripada serangan Siam itu. Dengan kebijaksanaan Tun Perak serta pahlawan-pahlawan Melaka yang lainnya, seperti Seri Bija Diraja dan anaknya Tun Omar, serta Seri Nara Diraja, maka serangan Siam yang pertama ke atas Melaka itu telah dapat dikalahkan. Jelaslah bahawa Tun Perak memang mempunyai ciri-ciri kepemimpinan yang agung. Beliau telah dapat menyatupadukan pembesar-pembesar dan rakyat Melaka untuk menentang musuh yang mengancam kedaulatan dan kesejahteraan negara mereka. Sementelah itu juga beliau sangat popular dan disukai pula oleh sebahagian besar rakyat Melaka. Semasa menjadi penghulu di Klang, beliau telah menjalankan tugasnya dengan baik dan sangat disegani pula oleh penduduk Klang. Semua ini telah diperhatikan dengan teliti oleh Sultan Muzaffar Shah yang pada ketika itu sedang mencari jalan untuk menyelesaikan keadaan di Melaka yang tidak tenteram akibat rampasan kuasa dahulu dan juga serangan Siam yang baharu sahaja dapat dipatahkan itu.

Akhirnya baginda memutuskan untuk menyelesaikan keadaan itu secara kekeluargaan. Baginda telah memujuk Tun Ali, iaitu bapa saudara baginda, supaya melepaskan jawatan Bendahara Melaka. Jawatan itu kemudiannya diserahkan kepada warisnya yang sebenar, iaitu Tun

Perak. Bagi menyejukkan hati Tun Ali, Sultan Muzaffar Shah telah menceraikan isterinya yang bernama Tun Kudu dan dikahwinkan dengan Tun Ali. Tun Kudu adalah kakak Tun Perak. Dengan kata lain, perkahwinan itu telah menghubungkan tali kekeluargaan di antara Tun Perak dengan Tun Ali dan Sultan Muzaffar Shah. Dengan itu, persengketaan yang tercetis akibat rampasan kuasa dahulu telah dapat diselesaikan oleh baginda. Baginda dan pembesar-pembesar Melaka kemudiannya meneruskan usaha untuk memajukan lagi negara dan juga memperkemaskan sistem pertahanan dan meluaskan jajahan takluknya.

Serangan Siam pada Tahun 1456

Sungguhpun angkatan laut Siam telah dapat dikalahkan pada tahun 1446 tetapi nampaknya kekalahan itu tidaklah mematahkan cita-citanya untuk menyerang dan menakluk Melaka. Lantas pada tahun 1456, Siam menyerang Melaka sekali lagi. Pada kali ini serangan dilakukan oleh angkatan daratnya pula. Angkatan Siam itu bergerak melalui Pahang menuju ke Batu Pahat. Mereka bercadang menjadikan Batu Pahat sebagai pangkalan mereka. Mereka akan bergerak menyerang Melaka dari Batu Pahat.

Walau bagaimanapun, rancangan Siam itu telah dapat diketahui oleh orang Melaka. Dengan kebijaksanaan kepimpinan Bendahara Tun Perak juga, ketumbukan Siam di Batu Pahat itu dapat dikalahkan dan askar Siam diusir dari situ. Kedua-dua kemenangan ke atas serangan Siam itu menunjukkan bahawa Melaka sudah berupaya mempertahankan dirinya tanpa perlu bantuan daripada kuasa luar. Dengan kata lain, Melaka sudah mempunyai pertahanan yang kukuh. Namun begitu, Melaka tidaklah berhasrat untuk terus bermusuhan dengan Siam. Melaka tidak

ingin bermusuhan dengan mana-mana negara, malah ingin bersahabat dengan setiap negara jirannya. Dengan mempunyai banyak negara sahabat, Melaka boleh memperluaskan perdagangannya ke negara-negara tersebut. Oleh itu, usaha-usaha pun dilakukan bagi memperbaiki hubungan di antara Melaka dengan Siam.

Sultan Muzaffar Shah Menyambung Semula Hubungan dengan China

Usaha-usaha juga dijalankan untuk menyambung semula hubungan persahabatan dengan China yang sudah sekian lama terputus. Sultan Muzaffar Shah telah menghantar dua rombongan melawat ke negara tersebut pada tahun 1456 dan 1458. Rombongan itu bertujuan menyatakan hasrat Melaka untuk menyambung semula persahabatan yang erat di antara kedua-dua buah negara yang telah wujud sejak awal pembukaan Melaka lagi. Melaka juga ingin memperluaskan lagi perdagangannya dengan China. Kedua-dua lawatan itu diketuai oleh Tun Telanai dan dibantu oleh Menteri Jana Putera, iaitu dua orang diplomat Melayu yang sangat terkenal pada ketika itu. Dengan usaha yang bersungguh-sungguh untuk bersahabat dengan negara-negara asing serta memperkembangkan perdagangannya, maka Melaka semakin menjadi satu kuasa yang disegani di rantau Asia Tenggara ini.

Sultan Mansur Shah (1459-1477)

Sultan Muzaffar Shah memerintah selama lebih kurang tiga belas tahun. Baginda telah mangkat pada tahun 1459 ketika berusia kira-kira 42 tahun. Baginda telah digantikan oleh putera sulung baginda yang bernama Raja Abdullah. Tatkala menaiki takhta kerajaan Melaka, baginda berumur kira-kira 27 tahun dan sudah beristerikan

Tun Putih anak Seri Nara Diraja. Baginda memakai gelaran Sultan Mansur Shah setelah ditabalkan menjadi Raja Melaka yang keenam.

Seperti Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah adalah seorang daripada beberapa orang Raja Melaka yang agung. Baginda menjalankan pemerintahan dengan sebaik-baiknya dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meluaskan lagi perdagangan Melaka. Selain itu, baginda juga telah berusaha dan berjaya menjadikan Melaka sebuah empayar kelautan yang makmur, masyhur dan gagah. Pada zaman baginda, Melaka telah menakluk kebanyakan kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu dan juga beberapa buah kerajaan di pantai timur Sumatera. Perkembangan kuasa politik dan jajahan takluk Melaka berlaku dengan pesatnya pada zaman pemerintahannya baginda.

Hubungan dengan China Diteruskan

Hubungan yang baik dengan China juga telah diteruskan. Malah Maharaja Cina telah memberi gelaran "raja langit" kepada Sultan Mansur Shah, serta mengutus surat bersama dengan hadiah persembahannya sekali ke Melaka. Maharaja Cina menyatakan hendak bersahabat dengan Raja Melaka. Sultan Mansur Shah kemudiannya telah membalas hantaran itu dengan memerintahkan Tun Perpatih Putih, adik Tun Perak, mengetuai rombongan melawat China. Rombongan itu telah disambut dengan baik oleh Maharaja Cina. Sebagai tanda penghormatan dan untuk mengertatkan persahabatan di antara kedua-dua buah negara, Maharaja Cina telah berkenan menghantar seorang puterinya yang bernama Hang Li Po, ke Melaka untuk dijadikan isteri Sultan Mansur Shah. Puteri Hang Li Po diiringi oleh lima ratus orang dayang dan lima ratus orang pembantu lelaki. Puteri

Hang Li Po berserta dengan pengiringnya itu akan berangkat ke Melaka bersama dengan rombongan Tun Perpatih Putih yang akan kembali ke Melaka.

Sultan Mansur Shah telah menghantar satu lagi rombongan lawatan ke China selepas rombongan yang diketuai oleh Tun Perpatih Putih itu. Pada kali ini rombongan itu diketuai oleh dua orang diplomat Melayu yang tidak asing lagi, iaitu Tun Telanai dan Menteri Jana Putera.

Kemakmuran dan kemasyhuran empayar Melaka pada ketika itu memanglah jelas. Hubungan persahabatan dengan negara-negara asing bukanlah terhad kepada China sahaja. Melaka juga membuat hubungan persahabatan dengan beberapa negara Islam di Asia Barat, dengan India, dan negara-negara lain di Asia Tenggara, seperti Burma, Siam, Maluku dan Brunei. Malah kemakmuran itu dapat dilihat daripada kehidupan orang Melaka yang agak mewah pada ketika itu. Sultan Mansur Shah telah memerintahkan Bendahara Paduka Raja supaya membina sebuah istana baru untuk baginda. Daripada sumber-sumber yang didapati, istana itu dikatakan telah dibina daripada bahan binaan yang baik dan bermutu tinggi. Tetapi malangnya istana itu telah musnah terbakar.

Perkembangan Kuasa Politik dan Jajahan Takluk Melaka di Tanah Melayu

Hasil daripada usaha yang gigih oleh pemerintah dan juga rakyat Melaka itu, maka Melaka pada awalnya berkembang menjadi sebuah negara pelabuhan yang terkenal. Dengan itu Melaka mula meluaskan jajahan takluknya demi kepentingan keselamatan dan juga ekonominya. Pada awalnya Melaka merupakan sebuah pelabuhan kecil dan satu petempatan yang terletak di Hulu Bertam yang telah

didirikan sebuah istana. Menjelang tahun 1424, iaitu selepas kemangkatan Mahkota Iskandar Shah (yang memerintah di antara tahun 1414-1424), kuasa politik dan jajahan takluk Melaka telah berkembang menyusuri pantai ke bahagian barat laut dan tenggara. Melaka telah menguasai keseluruhan wilayah yang terletak di antara Kuala Linggi dan Kuala Kesang. Tetapi wilayah ini masih kecil dan Melaka pun masih belum kukuh kedudukannya, terutama dari segi pertahanan. Melaka masih memandang ke China sebagai tempat mengadu sekiranya ada kuasa-kuasa luar yang mengganggu ataupun menyerangnya. Namun demikian, Melaka tidaklah mahu bergantung kepada China terus-menerus. Oleh kerana itu, seperti yang kita lihat lebih awal tadi, Melaka telah berusaha untuk memperbaiki sistem pentadbiran dan pertahanannya sejak awal lagi. *Sejarah Melayu* mengisahkan bahawa raja yang mula-mula sekali mengatur pentadbiran Melaka ialah Raja Melaka yang kedua, iaitu Mahkota Iskandar Shah. Kemudian telah diperkemas lagi oleh raja yang ketiga, iaitu Sultan Muhammad Shah.

Antara jawatan yang telah jelas ada sejak awal pemerintahan baginda ialah Laksamana yang merupakan ketua turus angkatan tentera, terutama sekali angkatan laut. Kedudukan dan kuasa Laksamana ini adalah hampir sama dengan Bendahara. Malah dari segi perkara-perkara yang berkait dengan peperangan, beliau adalah lebih penting daripada Bendahara. Ini menunjukkan dalam usaha memperkemas pentadbiran itu, baginda juga tidak lupa untuk menjalankan usaha memperkemas angkatan tentera dan sistem pertahanannya. Lantas apabila China tidak lagi berminat untuk menjalankan dasar luar negeri yang giat sejak awal tahun 1430-an, maka Melaka sudah bersedia untuk menghadapi ancaman dari-

pada musuh-musuh luarnya. Kekuatan angkatan tentera itu kemudiannya digunakan untuk menyerang serta menguasai beberapa buah kerajaan di Tanah Melayu dan persisiran pantai timur Sumatera. *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa setelah Sultan Muhammad Shah mangkat pada tahun 1444, Melaka sudah mempunyai jajahan yang semakin banyak di Tanah Melayu: "Yang arah ke barat hingga Beruas Ujung Karang, arah ke timur hingga Terengganu".

Akan tetapi perluasan kuasa Melaka itu hanya berlaku dengan pesatnya setelah Sultan Muzaffar Shah menaiki takhta kerajaan menggantikan Sultan Abu Shahid. Pada masa pemerintahan baginda, kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu yang dapat dikuasainya termasuklah Singapura, Muar, Selangor, Dinding dan Pahang. Seterusnya pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah, Bernam dan Perak pula dikuasai. Ringkasnya, penguasaan ke atas Tanah Melayu, termasuk Singapura dan Patani telah dapat diperluaskan semasa pemerintahan sultan yang berikutnya, iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah.

Perkembangan Kuasa Politik dan Jajahan Takluk ke Pantai Timur Sumatera

Di samping meluaskan kekuasaan politik dan wilayahnya di Tanah Melayu, Melaka juga menakluk kerajaan-kerajaan di pantai timur Sumatera. Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah, Melaka telah menguasai Bentan dan Kampar. Inderagiri, Siantan dan Siak pula dapat dikuasai pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah. Seterusnya pada masa Sultan Alauddin Riayat Shah, Kepulauan Riau-Lingga pula telah dapat dikuasai. Oleh kerana itu, jika kita ingatkan kembali kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu yang telah dikuasainya

tadi, menjelang awal kurun ke-16, jajahan takluknya terdiri daripada seluruh kerajaan di Tanah Melayu termasuklah Singapura dan Patani, dan juga Kepulauan Riau-Linga dan sebahagian daripada kerajaan di pantai timur Sumatera.

Melaka Menjadi Empayar Kelautan yang Agung

Jelaslah bahawa usaha yang sesungguhnya gigih untuk meluaskan jajahan takluk Melaka itu berlaku sejak pemerintahan Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1446, khususnya setelah Melaka dapat mengalahkan serangan Siam pada tahun tersebut. Namun demikian, pada mulanya usaha ini berjalan agak lembab. Setelah Tun Perak menjadi Bendahara pada awal tahun 1450-an, barulah perluasan kuasa itu dapat berjalan dengan lancar. Dengan demikian, kira-kira dua puluh tahun kemudian, iaitu semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1459-1477) Melaka telah berjaya menjadi sebuah empayar kelautan yang agung. Melaka telah menguasai hampir seluruh kerajaan di Tanah Melayu dan juga sebahagian kerajaan di pantai timur Sumatera. Tanah jajahan itu diperluaskan lagi oleh Sultan Melaka yang berikutnya sehingga meliputi seluruh kerajaan di Tanah Melayu. Sesungguhnya, kebanyakan Sultan Melaka memang sentiasa berusaha bersungguhsungguh untuk menjadikan negara mereka sebuah kuasa politik dan empayar kelautan yang gagah dan makmur.

Namun demikian, usaha Sultan Melaka untuk memaju serta menjadikan Melaka sebuah empayar yang gagah dan makmur itu, tidaklah terlaksana tanpa bantuan para pembesar yang setia, tekun serta jujur dalam melaksanakan tugas masing-masing. Salah seorang daripada pembesar baginda yang ternama, pintar dan cekap menjalan-

kan tugasnya ialah Tun Perak.

Tun Perak

Tun Perak ialah putera Bendahara Seri Wak Raja, iaitu Bendahara Melaka yang keempat. Setelah berlaku peristiwa rampasan kuasa pada tahun 1446, Tun Perak sepatutnya mewarisi jawatan ayah-andanya sebagai Bendahara Melaka tetapi telah disingkirkan dengan melantik beliau sebagai penghulu di Klang. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Bentara setelah beliau menunjukkan keahliannya dalam mengelolakan pertahanan Melaka semasa Siam melancarkan serangannya yang pertama. Selepas itu, beliau dilantik menjadi Perdana Menteri dengan gelaran Paduka Raja. Oleh kerana kebijaksanaannya, Tun Perak telah dilantik menjadi Bendahara Melaka yang keenam, iaitu setelah Seri Nara Diraja (Tun Ali) bersedia melepaskan jawatan tersebut sesudah beliau berkahwin dengan Tun Kudu. Langkah ini adalah satu langkah yang bijaksana kerana dengan itu rakyat Melaka dapat bersatu semula untuk membangun dan memper-tahankan negara.

Tun Perak sekali lagi menunjukkan kepintaran serta keahliannya sebagai pemimpin apabila dapat mengalahkan serangan Siam pada tahun 1456. Dengan kekalahan Siam itu, Siam tidak lagi mengancam Melaka. Melaka juga membuktikan bahawa negerinya sudah cukup kuat untuk mempertahankan diri daripada ancaman musuh.

Membina Empayar Melaka

Tun Perak telah berkhidmat di bawah empat orang Sultan Melaka, iaitu dari Sultan Muzaffar Shah sehingga kepada Sultan Mahmud Shah. Sebagai ketua pentadbir, beliau bertindak melaksanakan setiap perintah sultan dan juga memberi nasihat kepada sultan dalam hal-hal yang

berkaitan dengan kebaikan negara.

Beliau telah memberikan khidmat yang sungguh cemerlang kepada Melaka. Ahli sejarah menganggap beliaulah yang bertanggungjawab meluaskan jajahan takluk Melaka dan menjadikan Melaka sebuah empayar kelautan Melayu yang agung pada kurun ke-15 dan awal kurun ke-16. Pandangan ini memang ada kebenarannya. Tetapi kita juga harus ingat bahawa sultan yang memerintah dan pembesar serta pahlawan dan juga perajurit, mempunyai peranan dalam membangun dan mempertahankan keagungan empayar Melaka itu.

Bagi Tun Perak pula, beliau sentiasa bersedia memberikan khidmatnya yang jujur dan ikhlas terhadap raja dan negaranya. Kesetiaan beliau terhadap raja dan negaranya tidak pernah luntur. Beliau tidak pernah bertindak untuk menderhaka atau memberontak terhadap rajanya. Pada suatu ketika, anakanda beliau sendiri telah dibunuh oleh Raja Muhammad, iaitu bakal yang akan menjadi Sultan Melaka menggantikan Sultan Mansur Shah. Sungguhpun Tun Perak sangat berduka-cita, tetapi beliau tetap bertenang dan memerintahkan pengikutnya supaya jangan menderhaka. Beliau sedar bahawa tindakan yang demikian akan menyebabkan negara menjadi huru-hara, rakyat tidak bersatu dan keamanan pun tidak terpelihara. Walau bagaimanapun, Tun Perak memohon mendapatkan perkenan Sultan yang Raja Muhammad tidak akan menjadi raja Melaka.

Dengan sikap dan pandangan yang sedekian itu, Tun Perak dapat membantu menjadikan Melaka menjadi sebuah empayar yang aman, makmur dan stabil. Dalam usaha meluaskan jajahan takluk Melaka, beliau telah berkali-kali mematuhi perintah sultan agar mengetuai angkatan tentera Melaka yang menyerang sesebuah negeri. Beliau telah memimpin angkatan Melaka yang pergi menakluk In-

dera Pura atau Pahang. Antara pahlawan yang mengiringi beliau ialah Tun Pikrama, Tun Wijaya Maha Menteri, Seri Bija Diraja, Tun Bija Setia dan berpuluh-puluh hulubalang yang lain. Beliau juga telah mengetuai angkatan yang menyerang dan mengalahkan Pasai.

Demikianlah, semasa Tun Perak menjadi Bendahara Melaka, negeri yang dahulunya kecil telah berkembang menjadi sebuah kerajaan yang kuat dan seterusnya menjadi empayar kelautan yang terkenal. Pahang, Terengganu, Johor-Riau-Lingga, Bengkalis dan Kepulauan Karimon telah dapat dikuasainya. Di samping untuk menjamin keselamatan perjalanan di Selat Melaka, beberapa buah negeri di persisiran pantai timur Sumatera juga telah dikuasai. Negeri-negeri itu ialah Rokan, Siak, Kampar, Jambi, Inderagiri dan Haru.

Selain menjalankan tugas penaklukan itu, Tun Perak juga terlibat dalam usaha mengembangkan agama Islam ke seluruh Asia Tenggara. Beliau adalah seorang yang taat menjalankan perintah agama. Tun Perak telah meninggal dunia pada tahun 1498, iaitu setelah negaranya mencapai kejayaan yang begitu cemerlang. Beliau telah digantikan oleh adinda baginda, iaitu Tun Putih. Semasa Tun Putih menjadi Bendahara Melaka, Manjung, Beruas (Perak) dan Kelantan telah menjadi jajahan takluk empayar Melaka. Kedah dan Patani pula memohon nobat semasa Tun Mutahir memegang jawatan Bendahara. Dalam pada itu, jasa Tun Perak kepada raja dan negerinya tidaklah dapat dihitungkan banyaknya. Malah sejarah Melaka itu sendiri tidaklah lengkap jika tidak dimuatkan peranan Tun Perak di dalamnya.

Hang Tuah

Begitulah juga halnya dengan jasa seorang lagi pahlawan dan pembesar Melaka yang sungguh terbilang sehingga namanya

telah menjadi legenda tanah air kita. Beliau itu tidak lain dan tidak bukan ialah Hang Tuah. Jasa, kegiatan, kehandalan dan ketokohan serta kemasyhuran Hang Tuah berserta dengan empat orang pahlawan Melaka yang lain, iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu telah dituliskan dalam sebuah cerita legenda yang bernama *Hikayat Hang Tuah*. Walau bagaimanapun, dari sudut sejarah yang sebenarnya, Hang Tuah dan sahabatnya itu banyak menumpahkan jasa mereka kepada negeri semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah. Hang Tuah kerap mengiringi Bendahara Paduka Raja dalam usaha untuk meluaskan jajahan takluk Melaka. Beliau juga kerap mengiringi Sultan Melaka dalam lawatan ke luar negeri. Malah beliau biasa pula ditugaskan sebagai diplomat bagi mengetuai rombongan Melaka ke negeri-negeri asing. Salah sebuah negeri yang pernah dilawatinya ialah China.

Dengan jasanya itu, Sultan Mansur Shah telah menganugerahkan jawatan Laksamana kepada beliau, iaitu salah satu daripada empat jawatan yang terpenting di Melaka pada ketika itu. Dengan penganugerahan itu, Hang Tuah telah menjadi salah seorang pembesar yang terpenting di Melaka. Sebagai Laksamana, tugasnya yang utama ialah mengetuai angkatan laut Melaka. Di bawah pimpinannya angkatan laut Melaka menjadi angkatan yang terkuat sekali di Asia Tenggara. Ketaatan Hang Tuah kepada raja dan negaranya tidak berbelah bahagi. Beliau pernah difitnah oleh pembesar-pembesar lain semata-mata kerana didorong oleh rasa hasad dengki mereka terhadap beliau yang sangat dipercayai oleh sultan.

Beliau juga sanggup bertarung dengan sahabatnya yang paling karib, iaitu Hang Jebat demi mempertahankan maruah rajanya dan juga menyelamatkan negeri dari-

pada menjadi kacau bilau. Walaupun Hang Jebat mendakwa memberontak kerana membela Hang Tuah tetapi Hang Tuah terpaksa mengetepikan dakwaan itu demi kepentingan raja dan negaranya. Akhirnya Hang Jebat dapat ditewaskan dan Melaka kembali aman. Seperti Bendahara Paduka Raja Tun Perak, Hang Tuah berkhidmat dengan cemerlangnya kepada raja dan negaranya sehinggalah ke akhir hayatnya.

Sistem Undang-undang dan Pentadbiran

Sebagai sebuah empayar kelautan yang gagah, Melaka berupaya mengawal keselamatanannya, termasuklah perairannya, terutamanya Selat Melaka yang merupakan laluan perdagangan yang sangat penting pada ketika itu. Empayar Melaka mempunyai sistem pertahanan yang kukuh yang boleh mengatasi serangan musuhnya, sama ada dari darat ataupun dari laut. Seperti yang telah dinyatakan, empayar Melaka juga mempunyai sistem undang-undang yang baik, yang sedikit sebanyak didasarkan kepada undang-undang syariah. Undang-undang itu bukanlah wujud secara lisan sahaja, malah telah dituliskan supaya mudah difahami dan digunakan. Dua daripada kumpulan undang-undang itu yang masih dapat kita lihat ialah *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.

Di samping itu, empayar Melaka juga mempunyai sistem pentadbiran yang teratur. Hal ini membolehkan pula pemerintahan yang stabil diwujudkan. Sungguhpun masyarakat Melaka terdiri daripada berbagai-bagai golongan seperti yang akan kita baca dalam bab yang berikut nanti, tetapi itu tidaklah menjejaskan kestabilan pentadbiran dan pemerintahannya.

Kekuatan Sistem Pertahanan

Sebagai sebuah empayar kelautan, Melaka mestilah mempunyai satu sistem pertahanan yang kuat terutamanya bagi mempertahankan perairannya. Kekuatan dan kehandalan tentera Melaka itu memang terbukti sejak awal lagi. Umpamanya, Melaka telah dapat mengalahkan kedua-dua serangan Siam pada tahun 1445 dan 1456. Kehandalannya juga terbukti apabila Melaka melancarkan dasar perluasan kuasa dengan menakluk kerajaan di Tanah Melayu dan di pantai timur Sumatera. Tentera Melaka itu diketuai oleh Laksamana yang mengimbaskan bahawa tentera Melaka itu adalah tentera laut sahaja. Ini tidaklah benar, sebenarnya laksamana juga merupakan ketua turus angkatan tentera darat. Pada ketika itu angkatan tentera belumlah dibahagi-bahagikan seperti sekarang ini, iaitu kepada angkatan tentera darat, laut dan udara. Namun begitu, sebagai sebuah empayar kelautan, maka kekuatan pertahanan Melaka bergantung pada kehandalan angkatan lautnya mempertahankan perairannya. Oleh kerana itu, sebahagian besar daripada alat kelengkapan tentera Melaka itu adalah terdiri dari-

pada kapal-kapal dan juga bahtera yang boleh digunakan untuk bertahan daripada serangan musuh ataupun membuat serangan. Kapal dan bahtera mempunyai peranan yang sangat penting dalam sistem pertahanan empayar Melaka. Selain Laksamana, Bendahara adalah pembesar yang bertanggungjawab ke atas seluruh angkatan tentera Melaka.

Kapal dan bahtera juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam kegiatan perdagangan. Selain itu terdapat berbagai-bagai jenis kapal lain seperti ghali, ghalias, jong, geliong dan lancaran, memang diperlukan bagi membawa barang dagangan keluar ataupun memasuki pelabuhan Melaka. Oleh kerana itu sesiapa yang mampu akan membelinya untuk kepentingan perdagangannya. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa pada hujung kurun ke-15, orang Melaka yang kaya rata-rata mempunyai kapal. Sesungguhnya ini menggambarkan kegiatan masyarakat Melaka itu sendiri dan juga sedikit sebanyaknya tentang keadaan masyarakat itu. Kita akan membaca tentang masyarakat Melaka itu dalam bab yang seterusnya nanti.

Bab 6

Masyarakat Melaka dan Kegiatan Perdagangan

Gambaran Masyarakat Melayu Tradisi

Masyarakat pada zaman Melaka dahulu berbeza dengan masyarakat pada zaman ini. Secara amnya masyarakat zaman Melaka dikenali sebagai masyarakat tradisi, iaitu masyarakat yang belum mengenal serta menerima pengaruh peradaban Barat seperti yang kita lihat pada masa ini. Kita telah tahu bahawa pada bahagian awalnya, masyarakat Melaka ini masih dipengaruhi oleh agama Hindu yang dibawa dari Srivijaya. Kemudian setelah kedatangan agama Islam, agama ini pula dijadikan sebagai asasnya. Daripada bacaan kita dalam bab-bab yang awal, kita mendapat gambaran bahawa masyarakat Melaka itu bukan masyarakat yang mundur. Masyarakat Melaka merupakan sebuah masyarakat yang maju mengikut keadaan pada masa itu. Malah jika dibandingkan dengan masyarakat Eropah pada masa itu, nyatalah masyarakat di Melaka lebih maju terutamanya jika ditinjau dari sudut kegiatan perdagangan dan perniagaannya. Dari segi ini, seperti yang telah kita nyatakan tadi, Alfonso d' Albuquerque yang telah mengetuai angkatan Portugis menyerang Melaka, mengatakan bahawa segala apa sahaja barangan yang dikehendaki boleh didapati di Melaka. Tome Pires dalam *The Suma Oriental* mengatakan bahawa sesiapa menguasai Melaka, mereka boleh

menguasai bandar Venice, iaitu sebuah pelabuhan dan pintu masuk perdagangan dari Asia yang terpenting di selatan Eropah pada masa itu.

Sebagai masyarakat tradisi, masyarakat Melaka mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Beberapa bahagian daripada ciri-cirinya itulah yang membezakannya daripada masyarakat kita sekarang. Umpamanya, masyarakat Melaka merupakan satu masyarakat yang berbagai-bagai golongan atau kelas. Bentuk masyarakat yang sedemikian wujud dengan agak kukuh di Melaka. Bentuk itu kemudiannya telah menjadi ikutan masyarakat Melayu tradisi setelah berakhirnya empayar Melaka.

Perkembangan Penduduk

Semasa Melaka mula dijadikan kerajaan oleh Parameswara, penduduknya dianggarkan berjumlah kira-kira seribu orang. Menjelang pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488), jumlahnya dikatakan telah meningkat kepada 40 000 orang. Pada awal kurun ke-16, *Sejarah Melayu* mencatatkan anggaran penduduk Melaka pada masa itu seramai sembilan belas laka ataupun 190 000 orang. Jumlah di atas adalah bagi bandar Melaka itu sahaja dan tidak termasuk seluruh empayar Melaka. Jumlah bagi keseluruhan empayar Melaka itu tidaklah diketahui.

Dalam pada itu, jumlah di atas mungkin juga tidak begitu tepat. Namun begitu, jumlah tersebut menunjukkan bahawa penduduk Melaka itu telah bertambah dari semasa ke semasa. Ada beberapa perkara yang menyebabkan berlakunya pertambahan penduduk itu. Antaranya ialah kedatangan pedagang, perluasan jajahan takluk Melaka dan juga kelahiran. Oleh kerana itu, secara keseluruhannya penduduk Melaka ada juga terdiri daripada orang dari "Barat", "Timur" dan orang Melayu itu sendiri. Namun begitu, orang Melayu itulah yang paling ramai sekali dan bahasa Melayu telah dijadikan bahasa perantaraan di kalangan pedagang dan juga bagi seluruh empayar tersebut.

Bentuk Masyarakat

Seperti yang telah diterangkan, masyarakat Melayu di Melaka pada masa itu terdiri daripada berbagai-bagai golongan. Pada asasnya setiap golongan itu berdasarkan darah keturunan masing-masing. Umpamanya, seseorang yang berketurunan raja itu adalah golongan raja. Perubahan ataupun pertukaran golongan ada berlaku tetapi tidaklah kerap. Walaupun begitu keadaannya, tidaklah bermakna setiap golongan itu hidup dengan memencil diri daripada golongan yang lain. Keadaan hidup mereka sehari-hari memerlukan mereka bertemu dan bergaul di antara satu sama lain. Kegiatan ekonomi, sosial, dan politik memerlukan mereka saling bantu-membantu. Agama Islam merupakan satu faktor yang kuat yang menjalinkan hubungan di antara berbagai-bagai golongan itu.

Golongan Raja

Golongan yang paling tinggi darjatnya dalam masyarakat Melaka ialah raja. Mereka terdiri daripada raja ataupun

sultan yang sedang memerintah dan juga kaum kerabat baginda. Semua golongan lain lazimnya mematuhi dan menghormati golongan ini. Mereka merupakan golongan pemerintah yang tertinggi sekali. Seseorang raja ataupun sultan yang memerintah itu dianggap mempunyai kuasa mutlak ke atas negara dan golongan rakyat yang lain. Oleh itu, raja ataupun sultan yang sedang memerintah itu adalah seorang pemimpin yang paling dihormati dan ditaati. Baginda menjalankan pemerintahan dengan bantuan daripada kaum kerabat yang boleh dipercayai dan juga oleh pembesar-pembesar yang bijak, cekap dan rapat dengan baginda. Golongan raja ini mempunyai hak keistimewaan yang antaranya ada dimuatkan dalam *Hukum Kanun Melaka*.

Golongan Bangsawan

Di bawah golongan raja itu ialah golongan pembesar dan juga kaum kerabat mereka. Kadangkala mereka ini dikenali juga sebagai golongan bangsawan. Seseorang daripada mereka pula mempunyai hubungan kekeluargaan dengan raja. Umpamanya, Tun Perak, iaitu Bendahara Melaka yang terulung itu, berkerabat dengan setiap sultan yang memerintah pada zaman beliau menjadi Bendahara Melaka. Kebanyakan daripada mereka diberikan tugas sebagai pentadbir. Mereka membantu sultan menjalankan pentadbiran empayar Melaka. Mereka itu bolehlah disamakan dengan menteri-menteri kita pada masa ini. Mereka mempunyai taraf kedudukan masing-masing. Paling kanan di kalangan mereka ialah Bendahara yang kadangkala bergelar Paduka Raja ataupun Seri Maharaja. Tun Perak bergelar Bendahara Paduka Raja dan Tun Mutahir bergelar Bendahara Seri Maharaja. Selepas Bendahara ialah Penghulu Bendahari

yang antara lain, mempunyai tugas mengendalikan pentadbiran kewangan negeri. Selepas beliau ialah Temenggung yang diikuti pula oleh Laksamana. Sebagai pentadbir yang berpangkat dan mempunyai kedudukan yang penting, mereka mempunyai pembantu. Selain orang yang berjawatan seperti di atas dengan kaum kerabat masing-masing, golongan itu juga adalah terdiri daripada mereka yang digelar Orang Kaya-Kaya. Pada kebiasaan, gelaran ini merujuk kepada pembesar-pembesar negeri seperti Seri Bija Diraja, Tun Pikrama dan Sang Setia tetapi juga digunakan secara amnya yang merujuk kepada orang yang sebenarnya kaya-kaya. Selain itu, gelaran ini juga merujuk kepada mereka yang telah mendapat taraf bangsawan sama ada kerana kekayaannya, jasanya ataupun dengan anugerah daripada sultan.

Bangsa atau "Orang Merdeheka"

Selepas golongan bangsawan ialah rakyat biasa yang dikenali sebagai "orang merdeheka". Pada amnya, mereka adalah orang awam yang bebas daripada ikatan pihak kerajaan ataupun golongan atasan. Mereka bukan hamba, apatah lagi abdi. Ada antara mereka bertugas sebagai pentadbir bawahan. Kebanyakan mereka mencari kehidupan dengan bekerja sendiri seperti bertani, berdagang dan bertukang. Secara umumnya, golongan ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu saudagar dan peniaga kecil, buruh dan pekerja biasa, petani dan tukang yang mahir umpamanya dalam bidang membuat senjata dan ukir-mengukir kayu. Antara saudagar itu termasuklah juga orang kiwi. *Undang-undang Laut Melaka* menyebut orang kiwi sebagai kumpulan pedagang tempatan yang sangat giat menjalankan perdagangan dan perniagaan.

Golongan Hamba dan Abdi

Golongan yang wujud selepas "orang merdeheka" itu ialah satu golongan yang secara keseluruhannya disebut hamba abdi. Seperti golongan yang telah disebutkan tadi, golongan ini telah pun wujud di Melaka sejak awalnya lagi. Malah dalam empayar Melayu sebelum Melaka, golongan ini sudah pun ada. Umpamanya dalam empayar Srivijaya, golongan hamba abdi ini disebut *penulis*. Sebenarnya tidaklah ada pendapat yang muktamad tentang asal-usul golongan ini. Kemungkinan besarnya ia diwarisi daripada masyarakat Melayu beragama Hindu yang wujud sebelum munculnya masyarakat Melayu Islam di Melaka. Sesungguhnya kewujudan mereka adalah diperlukan dalam empayar Melaka itu, terutamanya di bandar dan di pelabuhan. Mereka adalah pembantu dan orang suruhan. Oleh kerana itulah kewujudannya diteruskan selepas Islam datang ke Melaka, walaupun Islam tidak menggalakkannya. Malah mereka wujud dalam masyarakat Melayu sehinggalah akhir kurun ke-19.

Golongan hamba abdi ini juga mempunyai taraf ataupun kedudukan masing-masing. Kumpulan yang tertinggi sekali di kalangan mereka ialah orang raja ataupun hamba raja. Sebenarnya mereka berasal daripada orang merdeheka. Mereka telah menjadi hamba kerana sesuatu kesalahan jenayah yang berat yang telah mereka lakukan. Untuk mengelak daripada menerima hukuman, maka mereka telah memohon ampun daripada raja ataupun kerabat baginda yang terdekat. Jika pengampunan diberi, maka mereka berjanji menjadi orang raja ataupun hamba raja tadi.

Kumpulan hamba yang seterusnya ialah orang berhutang, ataupun hamba hutang. Mereka juga asalnya adalah orang merdeheka, tetapi kerana gagal menjelaskan hutang, mereka terpaksa menjadi hamba

kepada orang yang memberikan hutang sehingga hutang itu selesai. Setelah hutang itu diselesaikan, maka mereka akan menjadi orang merdeka semula. Selain kedua-dua kumpulan itu, terdapat tiga lagi kumpulan yang dinamakan hamba, sahaya dan abdi. Mereka inilah yang sebenarnya merupakan hamba. Mereka berasal daripada keturunan hamba dan keturunan mereka pula akan terus menjadi hamba. Mereka ini didapati dengan secara dibeli, pemberian, pertukaran ataupun melalui peperangan.

Secara amnya semua bangsa hamba dan abdi itu harus taat kepada tuannya. *Undang-undang Melaka* juga menyatakan hal ini. Tuan-tuan itu pula, sama ada mereka daripada golongan atasan ataupun rakyat biasa, mempunyai kuasa penuh untuk menyuruh hamba-hamba mereka melaksanakan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan. Misalnya kerja sehari-hari seperti menjaga kebersihan rumah, bercucuk tanam atau menjaga dusun. Kadangkala mereka juga disuruh menjaga kedai ataupun menjadi wakil memungkah barang dagangan tuannya dari pelabuhan untuk dibawa ke gudang ataupun ke pasar. Mereka itu tidak diberikan bayaran ataupun upah oleh tuan mereka. Namun begitu, mereka diberikan makanan, pakaian dan juga tempat tinggal yang sewajarnya. Kerap kali mereka itu dianggap sebagai sebahagian daripada keluarga tuan mereka.

Dalam pada itu, hamba abdi lelaki pula boleh mencari pendapatan daripada kegiatan-kegiatan lain. Misalnya mereka boleh mengambil upah melalui kerja perburuhan dengan orang lain. Mereka boleh mengambil upah membuat kerja menggali parit, membuat perigi, memanjat pokok buah-buahan seperti duku, manggis dan petai. Ada juga hamba-hamba yang telah menjadi kaya disebabkan kerajinan mereka. Tetapi mereka hendaklah mendapat kebenaran daripada tuan mereka ter-

lebih dulu sebelum mereka boleh bekerja dengan orang lain.

Berbangsa-bangsa Tetapi Bukan Berkasta

Jadi jelaslah masyarakat Melayu Melaka itu merupakan sebuah masyarakat yang berbangsa-bangsa, ataupun mempunyai golongan masing-masing. Secara amnya mereka terdiri daripada empat golongan iaitu bangsa raja, orang-orang besar ataupun bangsawan, orang merdeka (pedagang, petani, tukang dan sebagainya) dan hamba abdi. Sudah tentulah setiap golongan itu mempunyai hak keistimewaan, taraf dan kedudukan masing-masing. Hak keistimewaan itulah yang pada zahirnya membezakan mereka. Tetapi mereka tidaklah memencilkan golongan masing-masing sehingga tidak boleh bercampur, apatah lagi berkahwin dengan golongan lain. Mereka berbangsa-bangsa tetapi bukanlah berkasta seperti dalam masyarakat Hindu. Sistem kasta tidak pernah wujud dalam masyarakat Melaka ataupun masyarakat Melayu tradisi selepas kejatuhan empayar tersebut. Sistem kasta tidak membolehkan seseorang anggota dalam satu kasta mengubah ataupun memperbaiki taraf kastanya. Tetapi dalam masyarakat Melaka dan masyarakat Melayu tradisi, perubahan taraf itu ada berlaku.

Perubahan Taraf dan Golongan

Perubahan taraf dan golongan dalam masyarakat Melaka boleh berlaku dengan berbagai-bagai cara. Seseorang itu boleh memperbaiki taraf kedudukan ekonominya sekiranya berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang yang boleh mendatangkan kekayaan kepadanya. Kejayaan ekonomi itu kadangkala boleh menyebabkan perubahan taraf sosialnya. Jika orang merdeka, mungkin sultan akan menganuge-

rahkan gelaran yang sesuai dengannya yang membolehkannya tergolong dalam golongan Orang Kaya-Kaya. Perubahan seperti ini boleh juga berlaku sekiranya seseorang itu telah banyak berjasa kepada negara. Contoh yang paling termasyhur ialah Hang Tuah lima bersaudara yang merupakan anak-anak orang biasa tetapi akhirnya telah menjadi pahlawan dan Orang Kaya-Kaya Melaka. Hang Tuah telah menjadi pembesar yang ternama dan diberikan jawatan Laksamana, iaitu salah satu jawatan pentadbiran yang terpenting di Melaka.

Perubahan taraf golongan itu boleh juga berlaku dalam golongan hamba, terutamanya hamba raja dan orang berhutang. Hamba raja itu boleh menjadi orang bebas sekiranya raja mengizinkannya. Orang berhutang pula boleh menjadi orang merdeka setelah dapat menyelesaikan hutang-piutangnya. Malah hamba abdi juga, terutamanya kaum wanita, boleh mendapat taraf orang merdeka sekiranya berkahwin secara sah dengan orang kebanyakan ataupun dengan tuannya. Maknanya perkahwinan boleh mengubah taraf seseorang, biasanya dari bawah ke atas, tetapi kadangkala berlaku juga perubahan daripada golongan atasan ke bawah. Misalnya, jika wanita daripada golongan bangsawan, ataupun rakyat biasa sahaja, berkahwin dengan golongan raja, maka anaknya akan dianggap sebagai golongan itu. Oleh itu mereka akan memakai gelaran raja. Kadangkala sultan yang memerintah menganugerahkan gelaran raja kepada isteri baginda yang bukan berketurunan raja. Misalnya, Sultan Mahmud telah melantik Tun Fatimah, anak Bendahara Tun Mutahir menjadi Raja Perempuan Besar Melaka setelah baginda memperisterikannya. Anak daripada perkahwinan itu diberi nama Raja Putih.

Sebaliknya jika seseorang wanita dari-

pada bangsa raja berkahwin dengan orang golongan lain yang rendah darinya, maka anak-anak mereka tidaklah boleh lagi memakai gelaran raja itu. Umpamanya, jika mereka berkahwin dengan orang biasa, maka anak lelaki mereka akan memakai gelaran Megat dan anak perempuan memakai gelaran Puteri. Tetapi ini tidak berlaku dengan jelasnya dalam masyarakat Melaka. Kemungkinan besar gelaran Megat dan Puteri itu belum lagi dipakai pada masa itu. Gelaran ini dipakai dalam masyarakat tradisi Melayu selepas zaman Melaka, terutamanya di Perak. Umpamanya, salah seorang pahlawan dan Bendahara Perak yang terkenal ialah Megat Terawis.

Hubungan Kemasyarakatan

Walaupun masyarakat Melaka berbeza dari segi golongan itu, tetapi hubungan kemasyarakatan di antara satu sama lain tetap wujud. Hubungan itu berasaskan kepada hormat-menghormati, bersopan-santun dan taat setia. Umpamanya hamba abdi haruslah taat kepada tuannya. Orang merdeka haruslah hormat dan bersopan-santun terhadap golongan bangsawan dan begitulah juga sebaliknya. Semua golongan haruslah memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada bangsa raja dan taat setia kepada sultan yang sedang bertakhta. Amalan yang berdasarkan asas-asas tersebut didapati berlaku di sepanjang sejarah empayar tersebut. Seterusnya tergambar dalam kata-kata yang digunakan sehari-hari; misalnya, jika seseorang itu bercakap dengan raja, maka dia akan membahasakan dirinya patik, sedangkan raja itu pula tuanku. Pembesar dan pentadbir yang terpenting dipanggil dengan gelaran datuk dan ada pula antara mereka yang dipanggil tun. Di kalangan orang biasa, ataupun di kalangan sesuatu golongan itu, seseorang itu membahasakan-

kan dirinya hamba dan orang yang dilawan bercakap sebagai tuan hamba.

Keamanan dan Kedamaian Masyarakat

Dalam pada itu golongan yang bertaraf tinggi, seumpama raja atau sultan yang memerintah dan juga bangsawan, haruslah mempunyai sikap hormat dan bersopan santun terhadap rakyat biasa dan juga hamba mereka. Mereka haruslah menjadi contoh kepada golongan bawah. Dengan adanya sikap demikian pada mereka, rakyat akan taat dan yakin terhadap pimpinan mereka. Sebenarnya asas-asas itu bertujuan untuk menjaga keamanan dan kedamaian masyarakat Melaka itu juga. Dengan adanya keamanan dan kedamaian, maka politik dan pentadbiran yang stabil dapat diwujudkan.


Golongan atasan itu juga diharapkan menjalankan tugas memimpin dan mentadbir negara dengan baik dan jujur. Mereka mestilah taat menjalankan tugas mereka. Dengan itu, rakyat dan negara akan mendapat manfaatnya. Dalam pada itu, semua golongan, kecuali golongan raja, adalah tertakluk di bawah undang-undang dan peraturan seperti *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* itu. Sebenarnya undang-undang dan peraturan itu diadakan semata-mata untuk kebaikan mereka jua. Orang-orang daripada keturunan raja, pada kebiasaannya tidak tertakluk kepada undang-undang dan peraturan seperti itu. Misalnya, raja ataupun sultan yang sedang bertakhta tidaklah boleh dihukum mengikut undang-undang seperti di atas sekiranya baginda melakukan kesalahan. Begitulah juga halnya dengan kerabat baginda yang terdekat. Tetapi baginda sendiri boleh pula menghukum kerabat yang terdekat itu mengikut hukuman yang baginda fikirkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Umpa-

manya, Sultan Mahmud telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada sepupu baginda sendiri, iaitu Raja Zainal, kerana kegiatannya yang tidak menyenangkan baginda. Malah baginda juga telah menjatuhkan hukuman yang sama ke atas putera baginda sendiri, iaitu Sultan Ahmad atas alasan yang sama. Sungguhpun golongan raja itu tidak tertakluk kepada undang-undang negara, tetapi mereka tertakluk kepada undang-undang raja atau sultan yang sedang bertakhta.

Selain itu, seperti juga halnya dengan setiap golongan yang lain golongan raja itu adalah tertakluk kepada hukum Islam. Oleh kerana itu, walaupun raja yang memerintah itu mempunyai kuasa penuh, namun baginda tidaklah boleh bertindak dengan sesuka hati sahaja. Sebagai raja, baginda haruslah memerintah dengan adil dan saksama kerana itu, adalah tuntutan agama. Tugas dan tanggungjawab raja yang memerintah itu begitu jelas dimuatkan dalam wasiat Sultan Alauddin Riayat Shah. Antara lain, baginda mengatakkan seseorang raja itu janganlah berlengah-lengah dalam membantu rakyat yang sedang dalam kesusahan. Raja juga haruslah bersikap adil dan menyelidik sesuatu perkara itu dengan mendalam sebelum mengambil tindakan yang sewajar. Baginda juga hendaklah berunding dengan pembesar dan pegawai kenamaan kerana dengan cara itu sahajalah baginda boleh berjaya memakmurkan negara dan mewujudkan keadilan.

Islam Sebagai Asas Masyarakat Melaka

Wasiat baginda itu juga menggambarkan tentang hubungan dan tugas kemasyarakatan di antara berbagai-bagai golongan di Melaka. Sebahagian besarnya hubungan dan tugas-tugas itu adalah berdasarkan ajaran Islam. Ada juga yang didasarkan kepada adat resam, tetapi disesuaikan pula



Masjid menjadi pusat penyebaran agama Islam, khususnya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

dengan tuntutan agama Islam.

Secara keseluruhannya, agama Islam menjadi asas kepada kehidupan masyarakat Melaka. Wujudnya golongan dalam masyarakat Melaka tidaklah pula diasaskan kepada amalan yang menyalahi hukum-hukum Islam itu sendiri. Keseluruhan sistem dan hubungan kemasyarakatan yang diwujudkan itu dapat berfungsi mengaman dan mendamaikan masyarakat mereka. Sesungguhnya masyarakat Melaka itu adalah sebuah masyarakat yang gagah dan maju. Sejarah empayar itu sendiri menjadi bukti kepada kegagahan dan kemajuannya dan menjadikannya sebuah empayar yang makmur. Pada awal kurun ke-16, iaitu sebelum diserang dan dikalahkan oleh orang Portugis, *Sejarah Melayu* menyebutkan tentang Melaka:

Ada pada zaman itu negeri Melaka terlalulah ramainya, segala dagang pun bertambah-tam-

bah berkampung; dari sebelah Kampung Keling datang ke Kuala Penajuh, rapat rumah; orang pergi-pergian dari Melaka hingga datang ke Jugra tiada membawa api; barang di mana ia berhenti, di sana adalah kampung orang. Dari sebelah sini datang ke Batu Pahat, demikian juga; kerana rakyat Melaka sembilan belas laka banyaknya yang dalam negeri juga itu.

Daripada gambaran itu, kita mungkin ingin mengetahui berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan kegiatan mereka, misalnya, kegiatan mereka dalam bidang ekonomi. Bagaimanakah penglibatan mereka dalam bidang tersebut? Jika mereka terlibat dalam perdagangan, bagaimanakah bentuk perdagangan itu? Adakah Melaka mempunyai sistem ekonomi yang teratur ataupun tidak? Adakah kegiatan perdagangannya tersusun dengan rapi ataupun tidak? Sejak bilakah Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting?

Tempat Pertembungan Pedagang Antarabangsa

Seperti yang telah dinyatakan, raja Melaka yang kedua, iaitu Mahkota Iskandar Shah telah memeluk agama Islam pada tahun 1414. Keputusan baginda itu telah membawa kebaikan kepada Melaka. Berikutan dengan itu, semakin ramai pedagang Islam yang datang dari Tanah Arab, Parsi dan India datang berdagang ke Melaka. Pedagang bukan Islam, terutamanya dari China, Jawa dan lain-lain kawasan di Asia Tenggara juga semakin ramai datang ke Melaka membawa barang dagangan mereka. Mereka mendapati Melaka adalah sebuah bandar pelabuhan yang baik untuk berdagang. Melaka terletak di pertengahan jalan perdagangan di antara Barat dan Timur iaitu di antara Asia Barat, India, dan Burma dengan Indochina dan Asia Timur. Melaka menjadi tempat persinggahan yang selamat dan menguntungkan bagi mereka, kerana pelayaran mereka dari Barat ke Timur ataupun sebaliknya sangatlah bergantung pada angin monsun di Lautan Hindi ataupun di Laut China Selatan. Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun itu. Oleh itu, pedagang-pedagang yang datang dari Asia Barat untuk ke Asia Timur, ataupun sebaliknya, akan singgah di Melaka dahulu, sementara menunggu tibanya angin bagi mereka meneruskan pelayaran masing-masing. Dengan demikian, Melaka telah menjadi tempat pertembungan pedagang-pedagang antarabangsa tadi. Sementara menunggu pertukaran angin monsun, mereka memperdagangkan pula barang dagangan mereka. Dengan itu, dalam sedikit masa sahaja, Melaka telah berkembang menjadi sebuah pusat perdagangan yang sangat penting. Dengan itu juga pedagang-pedagang yang datang sama ada dari Barat, Timur ataupun Gugusan Kepulauan Melayu boleh mendapatkan barang da-

agangan yang mereka perlukan dari Melaka sahaja. Mereka tidak perlu lagi pergi ke tempat lain untuk mendapatkan barang-barang itu. Sebagai pusat perdagangan, dalam sedikit masa sahaja Melaka telah menjadi salah sebuah negara yang mewah dan kaya.

Barang Dagangan Melaka

Seperti pedagang-pedagang luar negeri tadi, pedagang Melaka juga turut bergiat dalam lapangan tersebut. Antara barang dagangan tempatan ialah emas, timah, kayu-kayan, bahan-bahan ubatan daripada akar, kulit dan daun kayu, ukiran-ukiran kayu dan damar. Di samping itu, buah-buahan tempatan, seperti durian, cempedak, langsung, duku, pulasan dan manggis merupakan barang dagangan yang sangat digemari oleh pedagang luar negeri. Di antaranya ialah buah durian yang paling popular. Orang Portugis setelah mereka menakluki Melaka pada tahun 1511, menganggap buah durian tembaga itu sebagai buah yang paling sedap dimakan.

Barang Dagangan Luar Negeri

Dari luar negeri pula, berbagai-bagai jenis barangan dibawa masuk oleh pedagang-pedagang. Pedagang-pedagang dari Barat seperti Tanah Arab dan India membawa masuk barangan seperti kain benang kapas, alat solek seperti gincu dan bauan, senjata, tembaga merah dan kain hiasan. Mereka juga membawa bahan-bahan yang boleh dicampurkan menjadi ubat, seperti raksa dan candu. Saudagar dari China pula membawa barang-barang yang memang sudah terkenal iaitu tembikar, kain sutera yang halus dan teh. Di samping itu, mereka juga membawa barang-barang hiasan seperti kipas, payung dan juga kain satin dan benang emas.

Pedagang-pedagang dari negara-negara

yang berhampiran seperti Burma (Pegu), Jawa, dan kerajaan di Sumatera, juga datang membawa barang dagangan masing-masing. Dari Burma dibawa barang perhiasan seperti batu permata, delima dan akek, juga bijih timah, serta bahan makanan. Dari Tanah Jawa dan pulau-pulau yang berhampiran seperti Maluku, Banda dan Timur dibawa pula beras, cengkik, buah pala, rempah, kayu gaharu dan cendana. Pedagang-pedagang dari Sumatera membekalkan Melaka dengan beras, lada hitam dan emas. Kalimantan (Borneo) pula membekalkan kapur barus, bijih timah dan emas. Barang-barang dagangan ini di samping diperdagangkan dan digunakan di Melaka, juga dieksport ke negeri-negeri lain.

Peranan Pedagang Melaka

Pedagang-pedagang Melaka juga melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan yang sangat menguntungkan itu. Mereka itu bukan sahaja terdiri daripada orang biasa, malah pembesar-pembesar negara juga turut mengambil bahagian. Di samping menjadi pemborong dan pengimport barang-barang dari luar dan dalam negeri, mereka juga menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan yang diperlukan oleh pedagang-pedagang dari luar negeri. Umpamanya, mereka menyediakan gudang untuk disewakan bagi menyimpan barang dagangan. Mereka juga menyediakan tempat penginapan bagi pedagang yang menginap di Melaka untuk menguruskan perdagangan mereka. Mereka juga menyediakan perkhidmatan mahir seperti memperbaiki kapal, jahit-menjahit, dan bungkus-membungkus. Selain itu, mereka juga bekerja sebagai kakitangan dan buruh di pelabuhan Melaka yang sentiasa sibuk itu.

Terdapat juga antara mereka yang membuka kedai runcit dan gerai. Ramai pula di

antara yang mengendalikan kedai runcit dan gerai itu terdiri daripada kaum wanita. Kaum wanita juga turut memainkan peranan yang aktif dalam kegiatan perdagangan di Melaka. Ini tidaklah menghairankan kerana lapangan perdagangan itu memang terbuka luas bagi mereka menyertainya. Tambahan lagi, agama Islam tidak menghalang kaum wanita Melaka bergiat dalam bidang tersebut.

Orang Kiwi

Dalam pada itu ada segolongan rakyat Melaka yang digelar orang kiwi. Mereka adalah pedagang ataupun peniaga yang sangat giat menjalankan perdagangan ataupun perniagaan. Kegiatan mereka bukan tertumpu di Melaka sahaja, malah mereka pergi pula membawa barang dagangan mereka ke India, China dan negeri-negeri di Gugusan Kepulauan Melayu. Mereka mempunyai kapal untuk berdagang. Kadangkala mereka menyewa kapal daripada pedagang lain untuk membawa barang dagangan mereka. Mereka juga berhubung baik dengan pembesar-pembesar dan pemerintah Melaka. Tetapi mereka bukanlah terdiri daripada hamba raja ataupun orang suruhan pembesar Melaka. Mereka adalah orang awam yang bebas, ataupun orang merdeheka. Mereka digelar demikian kerana kegiatan dan kejayaan mereka dalam perniagaan dan perdagangan. Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika ada pendapat yang mengatakan bahawa orang kiwi ini boleh dianggap sebagai golongan pertengahan dalam masyarakat Melaka yang giat berdagang itu. Seperti golongan rakyat Melaka yang lain, sumbangan mereka kepada perkembangan dan kemajuan negara mereka adalah membanggakan.

Usaha Pertanian dan Penternakan

Selain kegiatan ekonomi yang berupa per-

niagaan dan perdagangan itu, usaha pertanian dan penternakan juga dilakukan. Umpamanya dari segi penternakan, mereka membela binatang ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan itik. Kawasan rumah mereka juga dikehendaki dipagar supaya binatang ternakan itu tidak keluar berkeliaran memasuki kawasan orang lain dan merosakkan tanaman. Dari segi pertanian pula, mereka menanam pokok buah-buahan seperti durian, langsung, duku, manggis, pisang serta menanam sayur-sayuran dan padi. Walau bagaimanapun, Melaka mengimport sebahagian besar bahan makanan utamanya, iaitu beras, dari negara jiran seperti Pulau Jawa, Siam dan Burma. Oleh kerana itu, hasil pertanian Melaka tidaklah begitu penting jika dibandingkan dengan hasil yang didapati daripada kegiatan perdagangan dan perniagaan. Sebahagian besar daripada hasil itu adalah untuk kegunaan tempatan dan bagi memenuhi keperluan seharian.

Mata Wang

Dalam pada itu masyarakat Melaka yang mementingkan perdagangan itu, memang memerlukan satu cara yang lebih rapi bagi menetapkan nilai barang dagangan. Dengan itu, mata wang pula diperkenalkan. Setelah Melaka semakin maju, wang semakin meluas digunakan. Menjelang pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, wang emas telah pun digunakan bagi tujuan perdagangan. Di samping itu, wang perak dan timah juga digunakan bagi tujuan yang sama. Kesemua mata wang itu dikeluarkan ataupun dibuat di Melaka.

Sistem Perekonomian yang Teratur

Jelaslah bahawa Melaka mempunyai sistem perekonomian yang teratur berasaskan kegiatan perniagaan dan perdagangan. Kegiatan ini bukan sahaja setakat

di dalam negeri, tetapi juga berlaku dengan meluas dengan beberapa banyak negara luar. Negara-negara tersebut mendapati Melaka sebagai sebuah tempat yang sangat sesuai untuk berdagang. Kegiatan perniagaan dan perdagangan ini dilengkapkan pula dengan hasil pertanian dan penternakan yang bertujuan menambah bahan makanan yang diperlukan. Meluasnya kegiatan ekonomi yang teratur itu, terutamanya dari segi perniagaan dan perdagangan terbukti dengan adanya penggunaan mata wang. Di samping itu diadakan pula sistem penukaran yang disusun dengan rapi dan jelas. Sudah tentulah sistem penukaran itu telah dirangka oleh pihak kerajaan bagi memenuhi perbendaharaannya.

Sistem Pencukaian

Daripada sumber-sumber yang didapati, Melaka mengenakan cukai ke atas barang dagangan dan juga harta yang dijual. Dengan itu, barang dagangan yang dibawa masuk melalui pelabuhan Melaka dikenakan kadar bayaran cukai yang tertentu. Umpamanya, kapal dagangan yang datang dari Barat, seperti dari Tanah Arab, India dan Pegu, dikehendaki membayar cukai sebanyak enam peratus daripada jumlah nilai barang dagangan mereka. Pedagang-pedagang dari Timur pula, iaitu seperti dari China, Annam, Kemojoa, Pulau Ryukyu, Maluku dan Pulau Jawa, pada kebiasaannya tidaklah dikehendaki membayar cukai ke atas barang dagangan mereka. Tetapi sebaliknya mereka dikehendaki memberikan persembahan kepada sultan. Nilai persembahan itu adalah bergantung pada taksiran yang dilakukan oleh pegawai kastam ke atas barangan mereka. Pedagang Melaka pula dikehendaki membayar cukai ke atas barang dagangan mereka, iaitu sebanyak tiga peratus. Walau bagaimanapun, adalah menjadi

kebiasaan bagi pedagang-pedagang itu, sama ada yang datang dari luar negeri atau dalam negeri, membawa persembahan kepada Sultan, Bendahara dan juga pembesar-pembesar Melaka yang lain. Pada umumnya persembahan itu bernilai kira-kira satu ataupun dua peratus daripada jumlah nilai barangan mereka.

Selain cukai-cukai yang dikenakan ke atas barang dagangan itu, cukai juga dikenakan ke atas harta yang dijual. Umpamanya, seseorang yang menjualkan tanah ataupun rumahnya, hendaklah membayar sedikit cukai kepada kerajaan. Mereka juga harus mendapat kebenaran daripada sultan sebelum menjual hartanya itu. Hasil kutipan cukai itu digunakan untuk

membiayai pertahanan empayar Melaka dan juga untuk meluas serta memesatkan lagi kegiatan ekonomi serta beberapa kegiatan politik, sosial dan agama Islam, umpamanya untuk membantu golongan miskin. Sebahagian daripadanya pula adalah untuk kegunaan raja dan kaum kerabat. Walau bagaimanapun, sumber ekonomi raja dan pembesar-pembesar Melaka yang lain tidaklah bergantung sepenuhnya ke atas hasil kutipan cukai. Sumber ekonomi mereka yang utama ialah hasil perdagangan dan perniagaan yang mereka kelolakan. Bentuk harta ataupun khazanah yang gemar mereka kumpulkan ialah emas dan perak.

Bab 7

Kemerosotan Melaka

Melaka Menjelang Kurun ke-16

Menjelang kurun ke-16, Melaka masih merupakan sebuah empayar yang gagah, makmur dan masyhur. Malah Melaka telah dapat meluaskan kuasa dan empayarnya dengan menakluk Manjong dan Beruas (Perak) dan juga Kelantan. Manjong telah diserang dan dikalahkan oleh pasukan tentera Melaka yang diketuai oleh Paduka Tuan, dan Beruas pula telah menyerah dan menerima kekuasaan Melaka. Sedangkan Kelantan telah diserang dan ditakluk oleh pasukan tentera Melaka yang diketuai oleh Temenggung Seri Maharaja Tun Mutahir. Kemudian setelah Tun Mutahir menjadi Bendahara, Patani dan Kedah pula datang memohon nobat, yakni mengaku menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Melaka.

Tun Mutahir telah dilantik menjadi Bendahara Melaka pada tahun 1500 menggantikan Tun Putih. *Sejarah Melayu* menganggap perlantikan Tun Mutahir sebagai satu petanda baik bagi Melaka kerana dengan itu "Melaka pun semakin makmur, lagi dengan ramainya, kerana Bendahara Seri Maharaja terlalu saksama, serta adil dengan murahnyanya dan terlalu sangat pada memelihara segala dagang". Gambaran yang demikian dan juga kejayaan di Perak dan di Kelantan, menunjukkan bahawa Melaka nampaknya masih ber-

upaya mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah empayar yang unggul.

Walau bagaimanapun, menjelang kurun ke-16 itu juga, segalanya tidaklah berjalan dengan begitu licin lagi. Suasana yang kurang menyenangkan mula timbul sejak Raja Mamad atau Sultan Mahmud Shah ditabalkan menjadi sultan pada tahun 1488 menggantikan Sultan Alauddin Riayat Shah yang telah mangkat pada tahun itu. Namun demikian, keadaan itu dapat ditubalkan oleh Tun Perak, Bendahara Paduka Raja, yang terbilang itu. Tetapi Tun Perak meninggal dunia pada tahun 1498, yang menyebabkan Melaka kehilangan seorang pembimbing, pentadbir dan peneraju kerajaan yang sangat berwibawa. Kehilangan Tun Perak bagi Melaka adalah seumpama kehilangan Aria Pateh Gajah Mada bagi empayar Majapahit pada kurun ke-14. Melaka kehilangan tonggak yang sangat sukar dicari ganti. Sedikit sebanaknya kehilangan Tun Perak yang dianggap sebagai pemilih raja dan pembentuk empayar Melaka itu juga telah membawa kemerosotannya. Selepas kematian Tun Perak, hanya terdapat seorang sahaja Bendahara Melaka yang boleh dikatakan dapat menyamai kebolehannya, iaitu Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Tetapi Tun Mutahir akhirnya menjadi mangsa fitnah saudagar-saudagar yang tidak bertanggungjawab dan juga

nafsu berahi Sultan Mahmud. Beliau dan ahli keluarganya dibunuh dengan perintah Sultan Mahmud yang sedang berdendam kerana Tun Mutahir tidak mempersembahkan anak gadisnya yang cantik jelita, iaitu Tun Fatimah, supaya menjadi isteri baginda.

Sultan Mahmud Shah Turun Takhta Akibat Pembunuhan Tun Mutahir

Dalam pada itu kebanyakan sumber asing, khususnya tulisan orang Portugis mengatakan bagindalah yang merupakan sultan yang terakhir bagi Melaka. Tetapi ini tidaklah tepat. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa raja yang terakhir memerintah empayar Melaka sebelum bandar pelabuhan Melaka jatuh ke tangan Portugis ialah Sultan Ahmad, iaitu putera Sultan Mahmud.

Mengikut *Sejarah Melayu*, Sultan Mahmud telah turun takhta, ataupun "membuang kerajaan" selepas baginda memerintahkan hukuman bunuh ke atas Bendahara Tun Mutahir bersama keluarganya yang terdekat kecuali Tun Fatimah, walau bagaimanapun, Tun Hamzah terselamat. Sebenarnya baginda telah lama menaruh hati terhadap Tun Fatimah yang telah dinikahkan oleh Tun Mutahir dengan Tun Ali, anak Seri Nara Diraja. Oleh kerana terlalu berahinya baginda kepada Tun Fatimah, maka baginda sentiasa menaruh dendam terhadap Bendahara yang tidak mempersembahkan Tun Fatimah untuk diperisterikannya. Baginda sentiasa mencari sebab-sebab yang munasabah untuk membalas dendam. Akhirnya, sebab yang ditunggu-tunggu itu telah didapati apabila baginda mendengar berita daripada Laksamana Khoja Hassan bahawa Bendahara Tun Mutahir hendak memberontak dan merampas takhta kerajaan Melaka. Dengan tidak berlengah-lengah lagi, baginda terus memerintahkan Tun Sura

Diraja dan Tun Indera Segara beserta beberapa orang hamba raja untuk membunuh Bendahara dan kerabatnya yang terdekat. Empat orang semuanya yang telah dibunuh itu, iaitu Bendahara Tun Mutahir, Seri Nara Diraja, Tun Hassan Temenggung dan Tun Ali, suami Tun Fatimah. Selepas itu baginda pun berkahwin dengan Tun Fatimah. Namun demikian suasana menjadi muram.

Fitnah Para Saudagar

Baginda akhirnya menyedari bahawa sembah Laksamana Khoja Hassan mengenai Tun Mutahir hanyalah fitnah semata-mata. Fitnah ini berpunca daripada perbalahan di antara dua orang saudagar yang terkenal di Melaka pada ketika itu, iaitu Nina Sura Dewana dan Raja Mudaliar. Mereka telah datang menemui Tun Mutahir untuk dibicarakan. Tetapi oleh kerana hari sudah petang, Bendahara Tun Mutahir menyuruh mereka pulang dahulu. Namun begitu, Nina Sura Dewana telah datang menemui Bendahara pada sebelah malamnya dan menghadiahkan emas kepada beliau dengan harapan beliau akan memihak kepadanya apabila putus perbicaraan nanti. Bendahara telah menerima pemberian tersebut tanpa menyedari hasrat Nina Sura Dewana itu. Bagi Bendahara Tun Mutahir, pemberian seperti itu hanyalah satu perkara biasa sahaja kerana beliau memang kerap menerima pemberian daripada saudagar kaya di Melaka dan juga yang datang dari negara luar.

Walaupun bagaimanapun, perbuatan Nina Sura Dewana itu telah dilihat oleh Kitul, iaitu keluarga beliau sendiri. Kitul ada berhubung dengan Raja Mudaliar. Pada fikirannya inilah peluang baginya untuk menyelesaikan hutangnya dengan Raja Mudaliar. Lalu beliau menemui Raja Mudaliar dan mengatakan kepadanya kononnya Nina Sura Dewana dan Benda-

hara Tun Mutahir telah bermuafakat untuk membunuh Raja Mudaliar. Seperti yang telah dijangkakan, Raja Mudaliar sangat berterima kasih atas berita itu dan dengan serta-merta menghapuskan hutang Kitul. Selepas itulah mereka bermuafakat untuk memberi rasuah kepada Laksamana Khoja Hassan supaya menyampaikan kepada Sultan Mahmud bahawa Bendahara Tun Mutahir sedang bersiap sedia untuk memberontak dan mengambil alih kuasa di Melaka. Fitnah inilah, ditambah dengan dendam berahi baginda ke atas Tun Fatimah, yang membawa berlakunya peristiwa pembunuhan Bendahara Tun Mutahir dan kerabatnya.

Perlantikan Sultan Ahmad Shah

Seperti yang telah dinyatakan, peristiwa itu sangatlah mendukacitakan baginda. Apatah lagi Tun Fatimah! Sungguhpun beliau dijadikan permaisuri tetapi beliau terus berdukacita. Walaupun semua yang terlibat menimbulkan fitnah tadi telah dijatuhi hukuman yang setimpal, tetapi penyesalan dan suasana dukacita itu tidak juga dapat dipulihkan. Dalam keadaan yang demikian itulah, Sultan Mahmud telah "membuang kerajaan" dan melantik puteranya menggantikannya dengan gelaran Sultan Ahmad Shah (Sultan Ahmad menjadi Sultan Melaka yang terakhir di Melaka. Bagindalah yang mengetuai angkatan tentera Melaka mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis.

Kelemahan Sultan Mahmud Shah dan Ketokohan Tun Mutahir

Daripada sumber-sumber yang didapati, memang benarlah bahawa Sultan Mahmud adalah seorang sultan yang lemah. Baginda tidak cekap menjalankan pemerintahan negeri. Baginda suka berfoya-foya dan menyalahgunakan kuasa. Walau bagaimanapun,

pada peringkat awal pemerintahan baginda, Bendahara Tun Perak masih memberikan nasihat dan petunjuk. Pada tahun 1498, iaitu kira-kira sepuluh tahun baginda memerintah, Tun Perak telah meninggal dunia, dan digantikan oleh Tun Perpatih Putih.

Mujurlah Tun Perpatih Putih hanya menjadi Bendahara selama dua tahun sahaja. Pada tahun 1500 beliau meninggal dunia dan dengan desakan daripada bonda Sultan Mahmud, baginda telah melantik Tun Mutahir sebagai Bendahara yang baru. Tun Mutahir terbukti sebagai Bendahara yang cekap, pintar dan bijaksana dalam melaksanakan tugasnya. Beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki keadaan politik dan pentadbiran empayar Melaka. Beliau telah meneruskan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Tun Perak. *Sejarah Melayu* mengisahkan bahawa Tun Mutahir adalah "besar daripada Bendahara yang lain" dan seperti yang telah dikatakan lebih awal setelah beliau dilantik menjadi Bendahara, "Melaka menjadi makmur, lagi dengan ramainya, segala dagang berkampung. Maka dari Ayer Leleh datang ke Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampung Keling ke Kuala Penajah itu pun tiada berputusan."

Demikianlah kebijaksanaan Tun Mutahir itu sehingga orang Portugis mengakui bahawa, "jikalau lagi ada Bendahara Seri Maharaja, berapa pun besarnya angkatan Goa mau menyerang, Melaka tiada akan alah." Tetapi seperti yang telah kita baca lebih awal tadi, Tun Mutahir telah dijatuhi hukuman bunuh. Setelah Tun Mutahir meninggal dunia, Sultan Mahmud melantik Paduka Tuan, iaitu anak Tun Perak menjadi Bendahara. Pilihan baginda itu mungkin kerana mengenang jasa almarhum Bendahara Paduka Raja tetapi bukanlah satu pilihan yang bijak. Paduka Tuan bukanlah seorang pembesar yang

berkebolehan untuk menguruskan pentadbiran dan politik empayar yang luas itu kerana beliau sudah terlalu tua dan uzur. Beliau sendiri menyedari kelemahannya dan enggan menerima jawatan tersebut. Tetapi Sultan Mahmud terus mendesak agar beliau menerimanya. Buku *Sejarah Melayu* memuatkan catatan yang berikut mengenai Bendahara Paduka Tuan:

Setelah itu maka Paduka Tuan, anak Bendahara Paduka Raja, dijadikan oleh Sultan Mahmud Shah Bendahara; akan Paduka Tuan itu telah tuaiah, gigi pun sudah tanggal habis, dan kaki pun telah tepok, duduk di muka pintu, berak pun di sana dan kecing pun di sana. Apabila orang banyak datang mengadap di selasar, dinaikkanlah tabir, dan apabila Paduka Tuan hendak masuk dilabuhkan tabir. Setelah Paduka Tuan mendengar ia hendak dijadikan Bendahara, ia menjatuhkan dirinya dari tempat duduknya itu ke bawah, seraya katanya, "Bendahara apatah ini, yang tepok dan lesu demikian ini?" Maka Paduka Tuan bermohon tiada mau jadi Bendahara; digagahi juga oleh Sultan Mahmud Shah dijadikan Bendahara. Apabila ada kerja, maka disuruh tandu masuk ke dalam, setelah datang ke balai rong, maka diletakkan pada tempat Bendahara duduk; inilah yang disebut orang Bendahara Lubuk Batu, yang banyak beranak, anaknya semuanya seibu sebapa belaka; dan anak, cucu-cicit, piut, yang didapati oleh Bendahara Lubuk Batu jua, tujuh puluh tujuh banyaknya.

Sultan Ahmad Shah

Selepas perlantikan Bendahara Paduka Tuan, Sultan Mahmud telah turun takhta dan melantik puteranya, Raja Ahmad menjadi Sultan Melaka yang baru. Sultan Ahmad pula bertindak saling tak tumpah seperti ayahanda baginda dalam menjalankan tugas dan juga menggunakan kuasa baginda. Seperti ayahandanya, baginda juga merupakan seorang sultan yang lemah dalam menjalankan urusan pentadbiran negeri. Baginda tidak begitu menghiraukan nasihat dan tunjuk ajar pembesar-pembesar yang sudah berpenga-

laman. Baginda suka berfoya-foya dengan teman-teman yang muda sebaya dengan baginda. Baginda tidak berminat untuk memperbaiki pentadbiran Melaka yang sudah tidak begitu kukuh dengan ketiadaan dua orang Bendaharanya yang bijaksana itu dan akibat daripada kelemahan dan tindak-tanduk ayahandanya.

Dalam keadaan yang demikian itulah, orang Portugis yang telah datang ke Melaka sejak tahun 1509, telah mendapat satu helah yang sangat baik melaksanakan rancangan menyerang dan menakluk Melaka. Sebenarnya rancangan mereka itu adalah selari dengan rencana asal mereka datang ke Timur.

Kedatangan Portugis ke Timur

Orang Portugis merupakan kuasa Eropah yang mula-mula sekali berjaya belayar ke Timur dengan mengelilingi pantai selatan benua Afrika. Tujuan mereka ialah untuk menguasai perdagangan rempah dan memusnahkan monopoli perdagangan di Asia yang pada ketika itu dikuasai oleh pedagang Islam seperti di Gujerat, Arab, Parsi, Mesir dan Melayu. Rempah pula merupakan bahan perdagangan yang sangat diperlukan di Eropah untuk pelbagaigunaan. Tetapi harganya sangat mahal kerana mereka hanya dapat membelinya daripada saudagar-saudagar di Venice dan Genoa yang mendapat bekalan rempah daripada pedagang-pedagang Islam. Mereka juga ingin mengembangkan agama Kristian, di samping meneruskan Perang Salib dengan orang Islam yang telah berlaku di Eropah sejak kurun ke-11. Dengan pergi ke timur, mereka berharap dapat menyekat perkembangan agama Islam yang telah berlaku dengan pesatnya di situ. Dengan memenuhi tujuan-tujuan ini, maka orang Portugis berharap akan dapat menjadikan negaranya sebagai empayar yang kuat dan

dan Sultan Ahmad menampakkan banyak kelemahan jika dibandingkan dengan sultan-sultan yang terdahulu. Sebahagian besar daripadanya disebabkan oleh kelemahan kedua-dua sultan yang terakhir terutamanya Sultan Mahmud kerana baginda yang memerintah lebih lama daripada Sultan Ahmad. Baginda suka berfoya-foya dan tidak begitu menghiraukan pentadbiran empayar baginda. Baginda juga kerap tidak tegas dalam menjalankan tugas. Peribadi baginda juga adalah lemah dan senang dipengaruhi oleh pembesar-pembesar yang mempunyai kepentingan peribadi. Baginda juga mudah mendengar fitnah dan hasutan pembesar-pembesar dan saudagar-saudagar yang bersifat demikian.

Keadaan yang demikian itu berlaku khususnya setelah Bendahara Tun Perak meninggal dunia pada tahun 1498. Sebelum itu, beliaulah yang menjalankan tugas mengawasi kestabilan politik empayar Melaka. Dengan kebijaksanaannya, empayar itu dapat mengekalkan keamanan dan kemakmurannya. Empayar Melaka telah kehilangan seorang pentadbir dan ahli politik yang cekap dan bijaksana dalam melaksanakan tugasnya. Sultan Melaka tidak mengambil sesuatu langkah yang wajar untuk memperbaiki kelemahan peribadinya itu. Malah baginda melakukan pula beberapa tindakan yang telah memburukkan keadaan.

Berundur dan Mengelolakan Perjuangan

Setelah bandar Melaka jatuh ke tangan Portugis, Sultan Ahmad dan juga Sultan

Mahmud serta pengikutnya berundur ke hulu Muar. Sultan Ahmad menetap di Pagoh dan ayahandanya pula di Batu Hampar. Dari situ mereka merancang untuk melancarkan serangan ke atas orang Portugis dan mengambil semula bandar Melaka. Tetapi orang Portugis telah menyerang Pagoh. Oleh itu mereka terpaksa berundur pula ke Pahang dengan melalui Jalan Penarikan. Selepas itu mereka kembali ke Johor, lalu ke Bentan. Dalam pada itu, Sultan Mahmud telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas puteranya, iaitu Sultan Ahmad kerana tindakan-tindakannya yang tidak menyenangkan. Selepas itu, Sultan Mahmud telah menjadi Sultan Melaka semula.

Oleh itu, jika direnung kembali kita dapati kelemahan sultan-sultannya yang terakhir, kematian pemimpinya yang cekap dan bijaksana serta kelemahan dan kelalaian pihak tenteranya itulah yang menyebabkan Melaka akhirnya kalah di tangan orang Portugis. Raja, pembesar-pembesar dan ramai rakyat Melaka terpaksa melarikan diri. Dengan itu juga, pusat kekuasaan politik Melayu berpindah dari Melaka ke beberapa petempatan di Johor dan Riau. Empayar Melaka itu semakin merosot dari segi keluasan jajahan takluknya kerana satu demi satu tanah jajahannya itu berkembang menjadi kerajaan-kerajaan ataupun negeri-negeri yang bebas. Menjelang kurun ke-17 empayar Melaka telah digantikan pula oleh sebuah empayar yang baru, iaitu yang dikenali sebagai empayar Johor.

Bab 8

Kedatangan Orang Eropah

Kedatangan Orang Portugis

Kalau pelajar membaca sejarah awal negara-negara Eropah, istilah 'Zaman Kegelapan' akan ditemui. Zaman ini bermula pada kira-kira kurun ke-5 dan berakhir lebih kurang pada kurun ke-15. Dalam jangka masa itu, Eropah sangatlah mundur. Penduduknya seolah-olah hidup dalam kegelapan. Boleh dikatakan tidak ada kemajuan yang berlaku kerana ahli-ahli sains dan ahli fikir kerap dianggap sebagai ahli sihir. Mereka sentiasa mendapat hukuman yang berat seperti dibakar atau dibunuh.

Berlainan sekali tamadun Islam pada waktu yang sama. Kemajuan berlaku dalam berbagai-bagai bidang seperti sains, perubatan, falsafah, sastra, matematik dan lain-lain. Beberapa ciptaan dapat dihasilkan. Ilmu-ilmu ini kemudian sampai kepada pengetahuan orang Eropah. Orang Eropah, misalnya, telah meniru ciptaan kompas pelayaran dan kincir angin dari orang Islam. Hubungan itu berlaku melalui perdagangan serta perkembangan Islam ke Eropah khususnya ke Sepanyol dan Portugal, malah melalui Perang Salib yang merupakan pertempuran di antara orang Kristian (Eropah) dengan orang Islam.

Orang Portugis telah dapat menggunakan kompas pelayaran yang dicipta oleh orang Islam. Dengan adanya kompas, me-

reka mula belayar ke Asia. Sesungguhnya pada waktu itulah Constantinople dikuasai oleh orang Islam dari Turki. Ini menyebabkan jalan perdagangan orang Portugis dan Eropah lain ke Asia Barat tertutup. Mereka terpaksa berusaha mencari jalan perdagangan yang baru. Raja mereka yang bernama Putera Henry, seorang ahli pelayaran (1394-1460) adalah raja yang bertanggungjawab menggalakkan orang Portugis belayar ke Asia. Beliau sangat berminat dalam bidang pelayaran dan pernah beberapa kali mengetuai angkatan pelayaran. Tujuannya ialah supaya orang lain akan mencontohi usaha beliau. Sungguhpun beliau tidak dapat menyaksikan kejayaan yang kemudian dicapai oleh orang Portugis, namun usaha yang ditunjukkannya merupakan perangsang yang sangat mustahak. Lantas pada tahun 1486, Bartholomew Diaz telah belayar melalui Tanjung Pengharapan sehingga sampai ke Teluk Algoa. Pada tahun 1498 pula, Vasco da Gama mendarat di Calicut, India.

Pelayaran orang Portugis itu memberi peluang yang semakin baik untuk mereka meluaskan perdagangan dengan negara-negara Asia. Dari India, mereka kemudian tiba di Melaka pada tahun 1509 yang diketuai oleh Diego Lopez de Sequeira. Tetapi mereka tidak berjaya mewujudkan persahabatan dengan pemerintah Melaka. Beberapa orang Portugis telah ditawan.

Pada tahun 1510, Raja Portugal menghantar satu lagi angkatan ke Melaka di bawah pimpinan Diego Mendes de Vasconcellos. Tetapi angkatan itu telah dialihkan tujuannya oleh Alfonso d' Albuquerque untuk menyerang Goa di India. Selepas itu barulah Albuquerque memberi perhatian kepada usaha untuk menawan Melaka. Pada tahun 1511, beliau mengetuai angkatan untuk menyerang Melaka. Portugis berjaya menakluk Melaka pada bulan Ogos 1511.

Orang Portugis memang mengetahui akan pentingnya Melaka sebagai pusat perdagangan. Kedudukannya sangat sesuai bagi pedagang-pedagang yang datang dari Barat (Tanah Arab, Parsi, India dan Afrika) dan Timur (terutamanya China). Melaka juga menjadi tumpuan pedagang dari merata tempat di Gugusan Kepulauan Melayu. Orang Portugis memerlukan Melaka terutamanya untuk mengawal perniagaan rempah di Maluku.

Langkah pertama Portugis ialah untuk mengukuhkan kedudukannya. Albuquerque membina sebuah kota di sana. Kota itu diberi nama A Famosa (Yang Terkenal). Melaka menjadi salah satu daripada tiga pusat pentadbiran bagi kawasan yang dikuasai oleh Portugis di Timur. Pusat yang lain ialah di Afrika dan India. Goa di India merupakan markas Portugis di Timur. Tujuan utama Portugis di Timur ialah untuk memajukan perdagangan mereka. Oleh sebab itu mereka tidak melibatkan diri dalam pentadbiran negara-negara peribumi selain daripada menakluk beberapa kawasan strategik.

Di Melaka, Albuquerque dengan segera menjalin hubungan persahabatan dengan orang Pegu, Jawa, Hindu, Cina, Siam dan juga penduduk dari Sumatera. Tujuannya untuk memulihkan perdagangan yang terganggu kerana perang Portugis-Melaka. Pada dasarnya orang Portugis mengamalkan dasar monopoli di Melaka. Kapal-

kapal yang menggunakan Selat Melaka dikehendaki singgah di Melaka. Mereka juga mengawal perdagangan eksport kain kapas dan belacu dari pelabuhan Gujerat dan Koromandel. Mereka mengenakan cukai sebanyak 10 peratus ke atas barang-barang dari China dan 8 peratus ke atas barang-barang dari Benggala. Pedagang Arab dan Gujerat seringkali berjaya mengelakkan kawalan Portugis.

Dari Melaka, Portugis juga cuba membolot perniagaan rempah. Pada hujung tahun 1511, Antonio d'Abreu dan Francisco Serrao telah dihantar untuk memulakan hubungan persahabatan dengan Maluku dan Pulau Banda. Mereka berjaya kerana satu persetujuan perdagangan telah ditandatangani dengan Sultan Ternate.

Selanjutnya, pada tahun 1517, angkatan Portugis yang dipimpin oleh Fernao Peres d'Andrade sampai di Canton. Tetapi mereka tidak mencapai matlamatnya sehingga tahun 1550 apabila satu persetujuan telah ditandatangani yang membenarkan orang Portugis menjadi pembawa dagangan di antara China dengan Jepun. Kemudian pada tahun 1554, orang Portugis berjaya menubuhkan petempatan di Macau.

Portugis juga telah berusaha mewujudkan hubungan perdagangan dengan pelabuhan-pelabuhan penting di Sumatera, terutama sekali Pasai dan Pedir. Tetapi mulai tahun 1521, mereka menghadapi tentangan yang kuat daripada Aceh. Kejatuhan Melaka telah memberi kesempatan kepada Aceh muncul sebagai pelabuhan yang menjadi tumpuan pedagang Islam. Aceh juga berkembang sebagai sebuah kuasa politik yang bercita-cita menakluk Melaka.

Selain perdagangan, satu lagi sebab penting yang mendesak orang Portugis meluaskan pengaruhnya ialah agama. Di Melaka, selain membina kota A Famosa, Albuquerque juga memberi perintah supaya dibina sebuah gereja. Tetapi gereja itu

hanya siap dibina pada tahun 1515. Selanjutnya sebuah lagi gereja yang didirikan ialah Gereja Our Lady of the Visitation. Pada tahun 1521, Duarte Coelho membina sebuah lagi gereja, iaitu Gereja St. Paul yang dibuat daripada kayu. Pada tahun 1590 barulah gereja itu diganti dengan sebuah bangunan batu.

Walaupun Portugis mengambil berat tentang agama mereka, iaitu agama Katolik, namun kegiatan mubaligh hanya dimulakan dengan bersungguh-sungguh setelah Francis Xavier tiba di Melaka pada tahun 1545 dalam perjalanannya ke Maluku. Beliau berada di Melaka sejak tahun 1550 dan 1553 dalam perjalanan ke Asia Timur. Di Melaka, beliau menubuhkan pusat mubaligh Jesuit serta Sekolah St. Paul. Beliau juga menyelenggarakan terjemahan Rukun Sepuluh dan beberapa doa ke dalam bahasa Melayu. Pada keseluruhannya Francis Xavier berasa kecewa dengan sikap penduduk Melaka terhadap agama Kristian. Kegiatan beliau tidak mencapai kejayaan.

Acheh dan Hubungannya dengan Portugis

Semasa Portugis menakluk Melaka, kerajaan Acheh sedang berkembang di bawah pemerintahan Sultan Ali Mughayat Shah. Apabila Portugis memerintah di Melaka, pedagang Islam yang dahulunya melawat Melaka mula menumpukan kegiatan mereka di Acheh. Kemajuan perdagangan menjadikan Acheh sebuah kuasa politik yang kemudian berjaya mengawal bahagian timur Pulau Sumatera. Kejadian ini tidak sekali-kali menyenangkan Portugis.

Akibatnya, pada tahun 1521, Portugis menyerang Acheh tetapi gagal dan pada tahun 1524, pasukan Acheh menghalau Portugis dari Pedir. Permusuhan di antara Portugis dengan Acheh menjadi semakin hebat. Pada tahun 1537, Sultan Alauddin

Riayat Shah memerintah Acheh. Beliau mengamalkan dasar luar yang agresif. Pada tahun yang sama, Acheh menyerang Melaka tetapi tidak berjaya menembusi kota Melaka. Percubaan selanjutnya pada tahun 1539 dan 1547 juga tidak berhasil.

Dasar luar yang agresif tidak pula memberi kesan buruk kepada perkembangan Acheh sebagai pusat perdagangan. Pada pertengahan kurun ke-16, Portugis menganggap Acheh sebagai negara utama dalam perdagangan di antara Asia Barat dan India dengan Gugusan Kepulauan Melayu. Kedudukan Portugis pula lemah. Melaka diancam oleh kerajaan-kerajaan Melayu di sekelilingnya. Pada tahun 1551, Johor, Perak dan Pahang, dibantu oleh Japara, cuba menawan Melaka tetapi tidak berjaya.

Di antara tahun 1558 sehingga tahun 1575, Acheh beberapa kali menyerang Melaka. Serangan yang dilancarkan pada tahun 1568 melibatkan 20 000 orang termasuk 400 orang askar Turki. Namun demikian, sekali lagi Acheh tidak dapat menakluk Melaka sebagaimana juga serangan-serangan yang berlaku pada tahun 1574 dan 1575. Portugis bernasib baik kerana setiap kali Acheh menyerang Melaka, tiada kerajaan Melayu lain memberi bantuan. Sebaliknya perang sentiasa berlaku di antara Acheh dengan kerajaan Johor. Perak pula telah dikuasai oleh Acheh pada tahun 1575.

Acheh seterusnya berkembang dan mencapai puncak kekuatannya pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda yang mula memerintah pada tahun 1607. Baginda berjaya meluaskan daerah takluk Acheh dan berkali-kali melancarkan serangan ke atas Portugis di Melaka. Tetapi kota A Famosa tidak dapat ditembusi. Selanjutnya Acheh menumpukan tenaganya untuk menyerang negeri-negeri Melayu. Pada tahun 1613, Batu Sawar di Sungai Johor dimusnahkan. Pada tahun

1617 pula, Pahang ditakluk dan pada tahun 1620, Perak sekali lagi dikuasai oleh Aceh. Pengaruh Aceh meliputi hampir seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Sultan Iskandar Muda mangkat pada tahun 1636. Di bawah pemerintahan Iskandar Thani (1636-1641), Aceh mula merosot dan kekuatannya pudar sama sekali selepas tahun 1641. Dari tahun 1540 sehingga tahun 1640, Aceh dan Portugis menguasai Semenanjung Tanah Melayu. Di Selat Melaka, kepungan lalulintas pelayaran serta usaha-usaha pemulauan perdagangan menyebabkan kelemahan Portugis. Akhirnya, sebelum Sultan Iskandar Thani mangkat, pada bulan Januari 1641, Belanda dengan mudah berjaya menawan kota Melaka.

Kebangkitan Kesultanan Johor

Setelah Portugis menawan Melaka, Sultan Mahmud dengan pengiringnya berpindah ke kawasan pedalaman, kemudian menetap di Pahang selama satu tahun. Seterusnya baginda belayar ke Bentan. Sultan Mahmud berada di Bentan selama hampir dua belas tahun. Pada tahun 1521, Portugis menyerang Bentan tetapi tidak dapat menaekuknya. Pada masa itu Bentan merupakan pusat kerajaan Sultan Mahmud yang meliputi segala jajahan takluk yang wujud sebelum tahun 1511, kecuali kawasan Melaka dan Naning.

Pada tahun 1526, Portugis sekali lagi menyerang Bentan. Pada kali ini Sultan Mahmud terpaksa meninggalkan Bentan dan berpindah ke Kampar. Di sana baginda mangkat pada tahun 1528. Penggantinya ialah Sultan Alauddin Riayat Shah, putera Sultan Mahmud. Sultan baru itu membuat kediamannya di Sungai Johor, besar kemungkinan di Kota Tinggi. Dari Johor, baginda meneruskan usahanya untuk menawan kembali negeri Melaka.

Sebagaimana telah disebutkan, semen-

tara itu Aceh muncul sebagai pusat perdagangan bagi orang Islam yang datang ke Gugusan Kepulauan Melayu dari Asia Barat, India dan juga negara-negara di rantau ini. Aceh dan Johor bermusuhan. Di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (lebih kurang 1537-1571) Aceh telah menyerang Johor beberapa kali.

Portugis juga menjadi musuh Aceh serta Johor. Maka bermulalah perang tiga penjuru yang merupakan persaingan untuk membolot perdagangan di Selat Melaka. Tetapi Aceh mempunyai cita-cita yang lebih luas daripada Portugis. Aceh ingin menetapkan kedudukannya sebagai kuasa politik utama di Selat Melaka, menggantikan Johor.

Pada tahun 1536, Portugis menyerang Johor. Banyak kapal orang Johor dibakar. Tetapi kerana bimbang tentang ancaman Aceh, Johor telah berdamai dengan Portugis selepas peristiwa tahun 1536. Persahabatan itu tidak kekal, kerana pada tahun 1551, berlaku lagi perang di antara Johor dengan orang Portugis. Johor mengepung Melaka tetapi kemudian terpaksa berundur kerana kekuatan angkatan laut Portugis.

Selanjutnya, pada tahun 1564, Johor diserang pula oleh Aceh. Sultan Alauddin dan keluarganya ditawan dan dibawa ke Aceh. Di sana baginda mangkat tetapi puteranya dibenarkan pulang ke Johor dan memerintah kerajaan itu dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah.

Persaingan tiga penjuru itu berterusan. Johor adalah yang paling lemah. Pada tahun 1613, semasa Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda, sekali lagi Aceh melanggar Johor. Batu Sawar di Sungai Johor dimusnahkan. Sultan Alauddin Riayat Shah (1597-1613) yang sedang memerintah kerajaan Johor, bersama keluarganya termasuk saudaranya Raja Seberang (Raja Abdullah) serta beberapa orang pembesar,

dibawa ke Aceh. Raja Seberang dikahwinkan dengan puteri Sultan Iskandar Muda dan seterusnya dihantar balik ke Johor untuk memegang teraju pemerintahan dengan gelaran Sultan Hammat Shah, juga dikenali sebagai Sultan Abdullah.

Sultan Hammat Shah mengambil langkah untuk memperkuatkan kedudukannya. Oleh kerana takutkan Aceh, Sultan Hammat Shah juga mewujudkan persahabatan dengan Portugis di Melaka. Ini membolehkan baginda mengusir orang Aceh dari Johor. Sementara itu, baginda berpindah ke Bentan kerana Sungai Johor dianggap kurang selamat. Tidak lama kemudian, baginda berpindah lagi dan kali ini ke Lingga.

Di sanalah Sultan Hammat Shah cuba mengembangkan perdagangan. Johor berjaya menarik kapal-kapal dari Siam, Patani, Jawa dan Makassar. Beras dan berbagai-bagai barangan dibawa ke pulau itu. Dari sana barangan itu dieksport ke Melaka. Dengan perdagangan yang semakin berkembang, Sultan Hammat Shah berjaya meningkatkan kekuatan kerajaannya. Malangnya, pada tahun 1623, Aceh sekali lagi berjaya memusnahkan ibu kota Johor. Sultan Hammat Shah terpaksa melarikan diri ke Pulau Tambelan, dan baginda mangkat di sana.

Penggantinya ialah Sultan Abdul Jalil (1623-1677) anak saudaranya. Pada masa itu kerajaan Johor muncul kembali sebagai pusat perdagangan yang maju. Satu faktor yang membantu Johor ialah ketewasan Aceh dalam satu pertempuran besar dengan Portugis pada tahun 1629. Ini memberi peluang kepada Johor untuk memulihkan kekuatannya di Alam Melayu. Walaupun ancaman daripada Aceh belum pudar sama sekali, namun kekuatan Aceh, sebagaimana yang telah disebutkan, jelas mula merosot selepas Sultan Iskandar Muda mangkat pada tahun 1636.

Pada tahun 1641, dua peristiwa berlaku

yang memberi keistimewaan kepada Johor. Sultan Iskandar Thani mangkat dan Aceh selanjutnya, sehingga hujung kurun ke-17, diperintah oleh raja-raja perempuan. Mereka pula ditawan oleh Belanda yang telah mendapat bantuan penting dari Johor. Sehingga tahun 1699, Johor wujud dalam keadaan makmur walaupun diserang oleh Jambi pada tahun 1673. Ramai pedagang dari beberapa buah negara bertemu di Johor. Pembesar-pembesar Johor seperti Bendahara, Temenggung, Laksamana dan Raja Indra Bongsu menjadi sangat kaya dan berpengaruh. Menurut laporan Belanda pada tahun 1687, pelabuhan Riau sentiasa penuh sesak kerana begitu banyak kapal datang ke sana. Barang-barang yang dapat dibeli di Riau termasuk sutera dari China dan benang emas serta candu dari Jepun.

Kesultanan Pahang

Kerajaan Pahang sebenarnya lebih tua daripada kerajaan Johor (Lama). Pahang pernah menjadi tanah jajahan kerajaan Siam pada kurun ke-14. Pada kurun ke-15, kerajaan Melaka telah mencabar kewibawaan Siam di Pahang. Akibatnya, Pahang menjadi tanah jajahan kerajaan Melaka. Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1459-1477), putera baginda telah dilantik sebagai Sultan Pahang. Menurut ceritanya, perkara ini berlaku akibat satu peristiwa bermain sepak raga.

Pada suatu hari, Raja Muhammad, putera Sultan Mansur Shah, sedang berkuda di kampung Bendahara Paduka Raja. Pada masa itu juga, Tun Besar, anak Bendahara, bermain sepak raga bersama rakan-rakannya. Kebetulannya bola raga itu terkena destar Raja Muhammad dan jatuh ke tanah. Raja Muhammad menjadi marah, lalu beliau pun menikam Tun Besar dengan keris. Tun Besar meninggal dunia.

Semua anak buah Bendahara Paduka Raja keluar dengan alat senjata mahu

menuntut bela. Bendahara telah mendengar keriuhan itu dan keluar bertanya. Setelah diberitahu tentang anaknya ditikam mati, Bendahara membidas anak buahnya. Kata beliau, adat orang Melayu tiada pernah menderhaka. Tetapi anak raja itu janganlah dipertuankan.

Apabila semua peristiwa itu diketahui oleh Sultan Mansur Shah, kata-kata Bendahara diterima. Sultan Mansur Shah mengarahkan Seri Bija Diraja membawa Raja Muhammad ke Pahang dan merajakan beliau di sana. Di samping itu dilantik juga seorang Bendahara, seorang Penghulu Bendahari, seorang Temenggung serta pembesar-pembesar lain. Ternyata pentadbiran yang diwujudkan di Pahang hampir sama dengan pentadbiran di Melaka. Keluasan kerajaan Pahang pada masa itu ialah dari Sedili Besar hingga ke sempadan Terengganu. Tetapi hubungan di antara Pahang dengan Melaka tidak selalunya baik, terutamanya pada masa pemerintahan Sultan Ahmad, pemerintah kedua kerajaan Pahang.

Setelah Melaka ditawan oleh Portugis, Pahang juga menganggap orang Portugis sebagai musuh, tetapi Portugis tidak cuba menakluk Pahang. Hubungan di antara Pahang dengan Johor (Lama) adalah baik dan kedua-dua buah kerajaan itu berpakat menentang Portugis. Keadaan hanya berubah pada masa pemerintahan Sultan Abdul Kadir Shah, pada lewat kurun ke-16. Pada masa itu, Pahang sanggup berbaik-baik dengan Portugis. Ini mungkin disebabkan oleh ancaman daripada Aceh.

Apabila Sultan Abdul Ghafur (yang memerintah Pahang dari tahun 1591 hingga 1614) mangkat, Portugis menggunakan pengaruhnya untuk melantik Raja Bujang, putera Sultan Johor, sebagai Sultan Pahang. Putera Sultan Abdul Ghafur diketepikan. Tetapi dari masa itu sehingga Portugis diusir dari Melaka, tiada krisis

berlaku di antara Pahang dengan Portugis.

Pada tahun 1636, Pahang terpaksa menghadapi bahaya daripada Aceh. Sultan Iskandar Muda telah diganti oleh Sultan Iskandar Thani. Sultan baru itu adalah putera Sultan Ahmad Shah yang pernah memerintah Pahang selama satu tahun pada awal kurun ke-17. Oleh sebab itu Aceh cuba menetapkan pengaruhnya di Pahang. Bagi menyekat rancangan Sultan Iskandar Thani, Johor telah menyerang Pahang pada tahun 1638. Selepas Sultan Iskandar Thani mangkat pada tahun 1641, Pahang telah diambil oleh Johor. Sultan Johor (Abdul Jalil III) melantik sepupunya, Raja Bajau, sebagai Yamtuan Muda dengan kewibawaannya ke atas Pahang. Kemudian putera Raja Bajau dilantik sebagai Sultan Johor, pada tahun 1677, dengan gelaran Sultan Ibrahim.

Kesultanan Perak

Menurut *Sejarah Melayu dan Salasilah Perak* (sumber yang dijumpai pada lewat kurun ke-19), kerajaan Perak yang masih wujud sekarang muncul pada tahun 1528. Sultan Perak yang pertama ialah Sultan Muzaffar Shah. Baginda adalah putera Sultan Mahmud, Melaka, dan saudara kepada Sultan Alauddin Riayat Shah, Sultan Johor yang pertama. Secara ringkas, kisah penubuhan kerajaan Perak adalah seperti berikut.

Setelah kejatuhan Melaka pada tahun 1511, Sultan Mahmud dengan pengiringnya berpindah. Semasa baginda berada di Pulau Bentan pada tahun 1520-an, satu rombongan datang dari Perak. Rombongan itu diketuai oleh dua orang terkemuka di Perak iaitu Tun Saban dan Nakhoda Kassim. Mereka memohon seorang putera baginda untuk dirajakan di Perak.

Sultan Mahmud mengurniakan puteranya yang bernama Raja Muzaffar untuk menjadi raja di Perak. Setelah tiba masanya, Raja Muzaffar belayarlah ke Perak


dengan rombongannya, dibawa bersamanya alat-alat kebesaran yang diberi oleh Sultan Mahmud. Alat-alat itu termasuklah pedang yang bernama Cura Si Manjakini yang menurut tradisi, pernah digunakan oleh Iskandar Zulkarnain dan Parameswara.

Sejarah Perak bermula dari pertengahan kurun ke-16 dan seterusnya sehingga lebih kurang 100 tahun kemudian, seperti sejarah Kedah, Pahang dan Johor (Lama), pada masa yang sama, perlu dikaitkan dengan Aceh. Perak pernah ditakluk oleh Aceh pada tahun 1575. Sultan Mansur dan keluarganya ditawan dan dibawa ke Aceh. Tetapi putera baginda kemudian dilantik menjadi Sultan Aceh dengan gelaran Sultan Alauddin Mansur Shah. Saudaranya pula dihantar balik untuk memerintah Perak. Beliau ialah Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Perak yang ketiga.

Oleh sebab itu, hubungan di antara Aceh dengan Perak selanjutnya agak mesra sehingga awal kurun ke-17, apabila Sultan Perak membenarkan Portugis mendirikan sebuah gudang di Sungai Perak

bagi mendapat sumber bekalan timah. Hal ini menimbulkan kemurkaan Sultan Aceh, Sultan Iskandar Muda, yang gagah perkasa. Perak, sebagaimana juga Kedah, Johor dan Pahang, diserang oleh Aceh.

Setelah kemangkatan Sultan Iskandar Muda, pada tahun 1636, Aceh tidak berdaya lagi mengekalkan pengaruhnya ke atas negeri-negeri di Semenanjung, kecuali Perak. Sultan Perak yang kesembilan, Sultan Sallehuddin, juga mangkat pada tahun 1636, di Aceh. Sultan Iskandar Thani menghantar Raja Sulung, yang berasal dari Siak, untuk memerintah di Perak, dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah. Hubungan dengan kerabat diraja adalah melalui permaisuri yang merupakan keturunan Sultan Perak yang pertama, iaitu Sultan Muzaffar Shah, putera Sultan Mahmud, Melaka. Dengan cara itu, zuriat kerabat diraja Perak dapat dikekalkan. Putera merekalah yang selanjutnya memerintah Perak pada tahun 1654 dengan gelaran Sultan Mahmud Iskandar. Lihat rajah berikut:



Kawalan Aceh ke atas Perak tamat lebih kurang pada tahun 1641. Selama lebih kurang 150 tahun selanjutnya, Belanda merupakan faktor penting dalam sejarah Perak.

Belanda di Melaka

Negara Belanda mula memberi perhatian kepada Gugusan Kepulauan Melayu pada hujung kurun ke-17. Mereka ingin mendapat rempah secara langsung dari Timur dan bukan melalui orang Portugis. Bagi menjayakan rancangan mereka, pada tahun 1602 telah ditubuhkan Syarikat Hindia Timur Bersatu, iaitu gabungan beberapa syarikat supaya persaingan tidak berlaku sesama sendiri. Untuk membolot perniagaan di Gugusan Kepulauan Melayu, mereka perlu juga menguasai Melaka yang menjadi tempat yang strategik. Percubaan-percubaan yang awal pada tahun 1606, 1608 dan di antara tahun 1623 dan 1627 gagal, walaupun mereka mendapat bantuan daripada kerajaan Johor.

Belanda sekali lagi bersatu dengan Johor untuk melancarkan serangan ke atas Melaka pada pertengahan tahun 1640. Orang Belanda hanya dapat menewaskan orang Portugis selepas enam bulan. Pada bulan Januari 1641, Portugis menyerah kalah kerana tiada bantuan. Belanda mewujudkan monopoli ke atas seluruh perdagangan di Kepulauan Melayu. Tetapi dalam rancangan Belanda yang lebih khusus, Betawi akan menjadi pusat perdagangan dan Melaka menjadi pangkalan Belanda untuk mengawal negeri-negeri di Semenanjung yang kaya dengan bijih timah. Oleh sebab itu, mereka tidak sungguh-sungguh cuba menyebarkan kuasanya di luar negeri Melaka.

Cara orang Belanda meluaskan perdagangan mereka di sini ialah dengan meminta sesebuah negeri itu membuat perjanjian berdagang dengannya. Perjanjian

itu biasanya berat sebelah, iaitu menguntungkan Belanda sahaja. Barang dagangan dari negeri-negeri Melayu yang sangat diperlukan oleh orang Belanda adalah bijih timah. Pada awal tahun 1642, Belanda telah mendesak Johor menandatangani satu perjanjian. Perjanjian itu menghendaki agar semua kapal yang belayar ke utara melalui perairan Melaka, termasuklah ke Selangor, Perak dan Kedah yang kesemuanya kaya dengan bijih timah, terlebih dahulu hendaklah mendapat kebenaran daripada Belanda. Ini bermakna Belanda tidak menggalakkan negara-negara lain belayar ke negeri-negeri tersebut. Ujung Salang atau Puket juga dikenakan perjanjian yang sama. Tetapi perjanjian itu tidak diambil berat oleh negeri-negeri Melayu yang terlibat. Mereka terus berniaga serta berdagang dengan negara-negara lain yang memberikan harga yang lebih mahal. Perak, misalnya, tetap berniaga dengan pedagang-pedagang yang datang dari Aceh, Jawa, Bengkulu, Pantai Koromandel dan Surat. Walau bagaimanapun, sehingga hujung kurun ke-17, kedudukan orang Belanda agak kukuh. Pada kurun ke-18, mereka menghadapi cabaran dan persaingan hebat daripada orang Bugis.

Kemunculan Orang Bugis

Orang Bugis telah lama belayar di Alam Melayu iaitu sejak kurun ke-16 lagi. Orang Bugis berasal dari Sulawesi selatan, khususnya di Pulau Makasar. Pada masa itu, Makasar adalah pelabuhan persinggahan bagi pedagang-pedagang yang menjalankan perdagangan rempah dengan Pulau Maluku. Oleh kerana sistem monopoli perdagangan Portugis di Melaka agak ketat, juga sebab Melaka sentiasa diancam oleh Aceh, maka pedagang-pedagang berasa lebih selamat berdagang di Johor.

Pada hujung kurun ke-17, perang sau-

dara berlaku di Makasar. Akibatnya, ramai orang Bugis berhijrah ke negeri-negeri lain. Begitu juga pada tahun 1669, apabila Belanda berpakat dengan kerajaan Bone dan Soppeng untuk menewaskan kerajaan Goa, maka ramai orang Bugis dari kerajaan yang tewas itu berhijrah ke tempat lain di Gugusan Kepulauan Melayu, misalnya ke Pulau Jawa, Jambi dan Palembang.

Satu keluarga yang terkenal pada masa itu ialah keluarga Daeng Rilaka dan lima orang anak lakinya yang bernama Daeng Parani, Daeng Merewah, Daeng Menambun, Daeng Celak dan Daeng Kemasi. Daeng Rilaka telah meluaskan pengaruh Bugis bukan hanya di Kalimantan tetapi juga di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka telah menetap di Kuala Selangor dan Linggi (Kuala Linggi sekarang) sejak hujung kurun ke-17.

Mereka menjadi semakin bebas dan pada awal kurun ke-18, kerajaan Johor menghadapi masalah mengawal mereka. Kebetulan huru-hara timbul di Johor pada awal kurun ke-18. Pada tahun 1699, Sultan Mahmud telah mangkat. Menurut ceritanya, baginda dibunuh oleh Megat Seri Rama sewaktu di julang di tengah pekan menuju ke masjid. Pada tahun 1700, Bendahara Abdul Jalil menaiki takhta dan memakai gelaran Sultan Abdul Jalil.

Perlantikan Bendahara sebagai sultan dan hakikat bahawa sultan baru itu bukan keturunan kerabat diraja Melaka-Johor kurang disenangi oleh setengah pihak di Johor, terutamanya Orang Laut. Hubungan mereka dengan Kesultanan Melayu yang memerintah sejak zaman Melaka membawa ke zaman Johor merupakan sesuatu yang istimewa.

Namun demikian, Sultan Abdul Jalil (bekas Bendahara) dapat memerintah kerajaan Johor hampir 20 tahun. Tetapi dalam pada itu, muncul seorang putera dari Siak, Raja Kecil namanya, yang mendakwa

dirinya sebagai putera Sultan Mahmud (Mangkat Dijulang). Kononnya beliau lahir setelah kemangkatan Sultan Mahmud.

Raja Kecil mula mencabar Sultan Abdul Jalil. Bagi menguatkan kedudukannya, beliau telah membuat perjanjian dengan Daeng Perani untuk mendapat bantuan orang Bugis. Raja Kecil berjanji jika beliau menang dalam peperangan itu, beliau akan memberi jawatan Yamtuan Muda kepada pemimpin orang Bugis. Tetapi sebelum orang Bugis sempat menghantar bantuan, Raja Kecil telah menyerang Johor pada awal tahun 1718.

Ramai pembesar Johor bersama sebilangan Orang Laut menyokong Raja Kecil. Kerajaan Johor jatuh kepada Raja Kecil yang mengisytiharkan dirinya Sultan Johor dan memakai gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Sultan Abdul Jalil diturunkan pangkat menjadi Bendahara semula.

Tetapi beliau enggan menerimanya lalu melarikan diri ke Terengganu. Di sana baginda mendirikan kerajaan dengan sokongan pembesar-pembesar dari Pahang dan Kelantan. Tetapi pemerintahannya di Terengganu tidak lama. Pada lewat tahun 1721, beliau telah dibunuh di Kuala Pahang atas arahan daripada Raja Kecil.

Hubungan Raja Kecil dengan orang Bugis menjadi renggang kerana pada tahun 1721, beliau cuba mengusir orang Bugis dari Linggi. Sebagai balasan, orang Bugis menyerang Riau dan berjaya menawannya. Mereka seterusnya menabalkan Raja Sulaiman (bekas Bendahara/Sultan Abdul Jalil) sebagai Sultan Johor. Apa yang berlaku, pada hakikatnya, ialah orang Bugis telah muncul sebagai kuasa yang utama di Johor. Ketua orang Bugis, Daeng Merewah, telah dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor. Walaupun beliau telah tewas, Raja Kecil belum putus asa. Dengan menggunakan Siak sebagai pang-

kalannya, Raja Kecil dari semasa ke semasa, menyerang orang Bugis. Raja Kecil juga cuba mengerah tenaga orang Minangkabau untuk mencabar kekuatan Bugis.

Orang Minangkabau di Semenanjung

Kawasan-kawasan di sebelah timur Melaka telah lama didiami oleh orang Minangkabau dari Sumatera. Mereka telah datang pada masa wujudnya Kesultanan Melayu Melaka. Tempat-tempat seperti Naning, Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Jempul terdapat dalam peta yang dilukis oleh seorang Portugis, Emanuel Godinho de Eredia, pada tahun 1613.

Kawasan-kawasan itu pernah patuh kepada Kesultanan Melayu Melaka dan selanjutnya kepada Kesultanan Johor (Lama). Tetapi keadaan politik mula berubah apabila orang Bugis menetap di Linggi pada lewat kurun ke-17. Orang Minangkabau berasa gelisah apabila kekuatan Johor merosot dan orang Bugis menjadi semakin bebas. Orang Minangkabau mula memandang ke Pagar Ruyung sebagai punca kewibawaan politik. Pada tahun 1677, Naning, Rembau dan Sungai Ujong berpakat untuk menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung untuk memerintah kawasan-kawasan di Semenanjung yang didiami oleh orang Minangkabau. Kemudian tibalah Raja Ibrahim. Tetapi percubaan untuk menubuhkan kerajaan yang bebas dari Johor penuh cabaran. Pada bulan Oktober 1678, Raja Ibrahim terbunuh di Rembau. Orang Bugis dipercayai bertanggungjawab dalam peristiwa itu.

Menurut cerita lisan, selepas Raja Ibrahim mangkat, Raja Kasah pula datang dari Pagar Ruyung tetapi dianggap tidak sesuai dan terpaksa kembali ke Sumatera. Cerita-cerita lisan itu sebenarnya sangat kabur. Dikatakan, misalnya, pada tahun

1773, Raja Melewar pula yang tiba dan seterusnya kerajaan Negeri Sembilan telah ditubuhkan.

Tetapi sumber-sumber Belanda memberikan gambaran yang lebih tepat. Nama Raja Melewar disebutkan dalam sumber Belanda pada tahun 1727, iaitu lebih kurang 50 tahun lebih awal. Pada tahun 1727, Raja Kecil masih terlibat dalam konflik dengan orang Bugis. Raja Kecil cuba mendapat bantuan orang Minangkabau di Semenanjung melalui Raja Melewar yang disebutkan dalam sumber Belanda sebagai 'Raja Rembau'. Tetapi Raja Melewar enggan menyokong Raja Kecil. Akibatnya, Raja Kecil menghantar Raja Khatib untuk menguasai Rembau dan menggulingkan Raja Melewar.

Mula-mula Raja Khatib berjaya menetapkan kuasanya. Dari Rembau, beliau cuba meluaskan pengaruhnya ke Naning yang pada masa itu di bawah naungan Belanda. Raja Khatib disokong oleh ketua-ketua Sri Menanti, Johol dan Tampin. Tetapi dalam serangan balas itu, Raja Melewar berjaya menewaskan Raja Khatib. Pada tahun 1728, Raja Khatib telah ditangkap oleh Belanda dan dihantar balik ke Siak.

Menurut penyelidikan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Ingeris yang berada di Melaka pada awal 1830-an, sumber-sumber Belanda menunjukkan bahawa gelaran Yang Dipertuan Besar mula-mula sekali digunakan pada tahun 1777, iaitu selepas Daeng Kemboja meninggal dunia. Daeng Kemboja adalah ketua orang Bugis yang telah dilantik sebagai Yamtuang Muda Johor pada tahun 1748. Beliau kemudian diberi kekuasaan ke atas negeri-negeri yang didiami oleh orang Minangkabau. Ini menunjukkan selepas Raja Melewar meninggal dunia (tarikhnya tidak diketahui), orang Minangkabau kehilangan kebesarannya buat sementara waktu, walaupun jawatan 'Raja Rembau' mungkin dikekal.

kan. Besar kemungkinan, Raja Rembau yang kedua ialah Raja Adil, juga dari Pagar Ruyung. Sumber Belanda membuktikan Raja Adil berada di Rembau pada tahun 1757 dan hubungannya dengan orang Bugis adalah baik.

Menurut penyelidikan pegawai British, Raja Adil meninggal dunia pada tahun 1795 atau 1796. Kalau itu benar, maka Raja Adil dan bukan Raja Melewar mula-mula menggunakan gelaran Yang Dipertuan Besar pada tahun 1777. Pengganti Raja Adil ialah Raja Hitam yang juga berasal dari Pagar Ruyung. Raja Hitam memerintah lebih kurang 15 tahun. Anak raja yang ke-4 dari Pagar Ruyung ialah Raja Lenggang Laut. Beliau mangkat pada tahun 1824. Pada tahun 1826 datang seorang lagi anak raja Pagar Ruyung, iaitu Raja Labu.

Pada peringkat itu di "Negeri Sembilan" telah muncul satu golongan anak raja tempatan terutamanya keturunan Raja Adil dan Raja Hitam. Mereka enggan menerima anak raja dari Pagar Ruyung sebagai Yamtuan Besar. Perebutan kuasa di antara Raja Labu dengan anak-anak raja tempatan berakhir pada tahun 1832. Raja Labu kehilangan sokongan dan terpaksa kembali ke Sumatera. Dengan itu maka tamatlah amalan di "Negeri Sembilan" menjemput anak raja dari Pagar Ruyung untuk menjadi Yang Dipertuan Besar.

Satu perkara yang masih kabur ialah bilakah nama 'Negeri Sembilan' mula-mula digunakan untuk kerajaan orang Minangkabau di Semenanjung. Pada tahun 1757 dan 1759, dalam perjanjian di antara Belanda dengan pembesar-pembesar tempatan, yang disebutkan ialah 'Rembau dengan negeri sembilannya'. Itu menunjukkan Rembau adalah negeri induk kerajaan orang Minangkabau di Semenanjung. Tetapi 'Negeri Sembilan' sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat tidak disebutkan oleh pegawai-pegawai British yang menulis tentang negeri-negeri Melayu

pada tahun 1830-an. Mereka hanya menyebut Rembau, Sri Menanti, Sungai Ujong, Nanning dan sebagainya secara berasingan dan kesemua itu disifatkan sebagai 'Negeri-negeri di kawasan pedalaman'. Tetapi selepas campur tangan British pada pertengahan tahun 1870-an, pegawai-pegawai British mula merujuk kepada kerajaan 'Negeri Sembilan'.

Masyarakat Minangkabau mengamalkan adat perpatih. Prinsip asasnya ialah warisan menurut garis keturunan ibu. Dari segi politik, masyarakat Minangkabau dibahagi-bahagikan berasaskan suku dan bukan kawasan. Di Negeri Sembilan, terdapat 12 suku kesemuanya: Biduanda atau Waris, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu. Setiap suku adalah seperti satu keluarga yang besar, iaitu mereka mempercayai mempunyai nenek moyang yang sama. Biasanya suku dipecahkan kepada unit kekeluargaan yang lebih kecil, iaitu perut. Setiap perut mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai buapak. Buapak dilantik oleh anak buah.

Di peringkat yang lebih tinggi, masyarakat dipecahkan mengikut kawasan yang dipanggil luak atau negeri, sama seperti jajahan atau daerah di negeri-negeri Melayu yang lain. Jumlah luak (biasanya sembilan) menjadi kerajaan atau alam. Di setiap susun pangkat itu, terdapat ketua-ketua yang tertentu. Kata pepatah Negeri Sembilan:

*Alam nan beraja,
Luak nan berpenghulu,
Suku bertua (berlembaga),
Anak buah berbuapak.*

Ketua-ketua pula dipilih; diterangkan begini:

*Bulat anak buah menjadi buapak,
Bulat buapak menjadi lembaga,
Bulat lembaga menjadi penghulu,
Bulat penghulu menjadi Raja.*

Sebenarnya, hanya empat orang penghulu yang diberi kewibawaan memilih Yang Dipertuan Besar, iaitu Penghulu (sekarang dipanggil Undang) Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Jelebu. Pada masa awal, Yam-tuan Besar tidak diberi kuasa, baginda hanya berfungsi sebagai lambang keutuhan kerajaan. Maka dikatakan bahawa:

*Adapun raja itu tiada mempunyai negeri
dan tiada boleh mencukai kharajat, melain-
kan berkeadilan sahaja serta permakanan-
nya duit sesuku, beras dua gantang, nyiur
setali.*

Perkembangan selanjutnya, khususnya selepas tamat amalan melantik Yam-tuan Besar dari Pagar Ruyung, mengubah keadaan dan Yam-tuan Besar dengan bersansur-ansur berjaya menambahkan kuasa politiknya. Namun demikian terdapat satu perbezaan di antara institusi raja di Negeri Sembilan dengan institusi raja di negeri-negeri Melayu yang lain. Di Negeri Sembilan, raja memperoleh wibawanya daripada rakyat (anak buah) kerana prinsip pemilihan bermula dari bawah. Di negeri-negeri Melayu lain, segala kewibawaan berasal daripada raja. Oleh sebab itulah, biasanya dikatakan bahawa sistem Negeri Sembilan lebih demokratik.

Hubungan Bugis dengan Belanda

Kemunculan Bugis sebagai golongan yang paling berkuasa di Johor mengubah keadaan politik di Selat Melaka kerana orang Bugis juga telah membina kekuatannya di Selangor dan Linggi. Orang Bugis bukan hanya mempunyai kekuatan angkatan laut, sebagai ahli pelayaran yang cekap dan di samping itu mempunyai pengalaman dalam bidang perdagangan, mereka sememangnya bercita-cita mem-

bolot perdagangan di Selat Melaka.

Ini jelas bertentangan dengan dasar Belanda yang condong kepada monopoli. Bugis tidak menghormati persetujuan yang telah diadakan di antara negeri-negeri Melayu dengan Belanda. Mereka menjual bijih timah dengan bebas di Riau. Hubungan Belanda dengan Bugis merosot lagi pada pertengahan kurun ke-18 kerana Sultan Sulaiman, dihipit oleh orang Bugis, cuba mendapat pertolongan dari Belanda. Pada tahun 1757, baginda menandatangani perjanjian menyerahkan Rembau dan Linggi kepada Belanda walaupun pada hakikatnya Sultan Sulaiman kehilangan kuasa ke atas kedua-dua tempat itu.

Tetapi Belanda tidak dapat menolong Johor apabila Raja Haji, anak saudara Daeng Kemboja, membawa angkatan laut Bugis ke Riau untuk mengancam Johor. Pada pertengahan tahun 1760, Sultan Sulaiman terpaksa menghantar puteranya, Raja Di Baroh, untuk menjemput Daeng Kemboja ke Riau. Pada akhir tahun 1760, Sultan Sulaiman mangkat. Orang Bugis melantik Raja Di Baroh sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Muazam Shah. Tetapi baginda mangkat di Selangor pada bulan Januari 1761, mungkin kerana diracun. Jenazahnya dibawa ke Riau oleh Daeng Kemboja dan kemudian mengisytiharkan putera Sultan Abdul Jalil sebagai Sultan Ahmad Riayat Shah. Kerana sultan baru itu masih muda, Daeng Kemboja menjadi wali. Sultan yang muda itu juga mangkat dalam masa yang singkat, dan orang Bugis melantik Raja Mahmud, putera Sultan Abdul Jalil Muazam Shah, yang lahir pada tahun 1760, sebagai pengganti Sultan Ahmad. Dari masa itu sehingga tahun 1777, Daeng Kemboja tinggal di Riau. Raja Haji menjadi pembantunya dan menyandang gelaran Tok Kelana.

Daeng Kemboja mengamalkan dasar berdamai dengan Belanda. Di samping itu beliau mewujudkan perdagangan secara

terbuka dengan pedagang Inggeris. Menurut *Tuhfat al-Nafis*, sejarah Johor yang ditulis oleh Raja Ali Haji, pujangga Bugis yang terkenal, Riau pada masa pemerintahan Daeng Kemboja menjadi semakin makmur. Penduduknya ramai, hampir 100 000 orang termasuk 600 orang anak raja.

Selepas Daeng Kemboja meninggal dunia, Raja Haji telah dilantik sebagai Yamtuan Muda. Sehingga tahun 1782, Raja Haji meneruskan dasar Daeng Kemboja berbaik-baik dengan Belanda. Pada tahun 1782, perselisihan berlaku di antara Raja Haji dengan Belanda. Pergaduhan itu timbul daripada satu peristiwa apabila sebuah kapal Perancis telah menahan sebuah kapal Inggeris yang mengangkut lebih daripada 1000 kotak candu. Menurut orang Perancis, mereka diberi kebenaran oleh Raja Haji untuk merampas kapal

Inggeris itu. Raja Haji menafikan kenyataan orang Perancis tetapi menuntut setengah daripada nilai barang yang dirampas. Tetapi orang Belanda menolak tuntutan Raja Haji dan berkongsi dengan orang Perancis barang rampasan. Itu menimbulkan kemarahan Raja Haji dan beliau mengumpulkan tentera dari Selangor dan Rembau untuk menyerang Melaka. Pada tahun 1784, berlaku pertempuran hebat di antara Belanda dengan Bugis di Teluk Ketapang. Raja Haji terbunuh. Peristiwa itu memberi kesan yang penting kepada negeri Melayu.

Pengaruh dan kekuasaan orang Bugis seterusnya merosot walaupun kedudukan mereka di Selangor tidak tergugat. Kerajaan Johor (Lama) juga tidak lagi berdaya mengekalkan kedaulatannya ke atas jajahan takluknya. Pada hujung kurun ke-18, kuasa British menggantikan Belanda sebagai kuasa utama di Selat Melaka.

Bab 9

Negeri Melayu dan Perkembangan Pengaruh British 1786 - 1873

Kedatangan Inggeris ke Timur

Pada kurun ke-17, Syarikat Hindia Timur Inggeris semakin aktif di Asia Tenggara. Pada tahun 1602, James Lancaster berjaya mendirikan sebuah loji di Bantam. Sehingga tahun 1682, tempat inilah yang menjadi pusat perdagangan Inggeris di Gugusan Kepulauan Melayu. Selepas itu orang Inggeris telah membina loji di merata tempat di Asia Tenggara, termasuk Aceh, Jambi, Patani, Maluku dan Banda. Tetapi pihak Inggeris menghadapi tentangan daripada Belanda yang ingin membolot perdagangan di Gugusan Kepulauan Melayu. Pada tahun 1623, berlaku pembunuhan orang Inggeris secara beramai-ramai yang dilakukan oleh orang Belanda di Pulau Ambon. Lantaran itu orang Inggeris mengurangkan kegiatan mereka di Asia Tenggara.

Selanjutnya keadaan politik di England juga berubah. Setelah Raja Charles I dibunuh, dari tahun 1649 sehingga tahun 1660, Oliver Cromwell memerintah England. Pada masa itu, England menjadi sebuah republik. Kedudukan Syarikat Hindia Timur yang dahulunya dilindungi oleh piagam diraja mula dicabar oleh pedagang swasta yang datang terus ke Asia Tenggara dan membawa balik barang-barang untuk diperniagakan di London.

Dengan cara itu memberi saingan kepada Syarikat Hindia Timur.

Kegiatan pedagang persendirian semakin penting di Gugusan Kepulauan Melayu dan nakhoda-nakhoda kapal Syarikat Hindia Timur juga mula memberi kerjasama kepada golongan pedagang ini yang dikenali sebagai pedagang negeri. Mereka bukan kakitangan Syarikat Hindia Timur dan tidak seperti pedagang yang lebih awal yang hanya datang ke Timur untuk membawa balik barang-barang niaga, malah pedagang-pedagang baru ini tinggal di Timur. Oleh sebab itulah mereka dipanggil 'pedagang negeri'.

Sehingga awal kurun ke-18, pedagang-pedagang ini hanya menumpukan perhatian kepada kawasan utara Selat Melaka iaitu Aceh, Kedah dan Sungai Salang. Mereka mengelakkan konfrontasi dengan Belanda. Walau bagaimanapun, kapal-kapal Inggeris yang menuju ke China bebas menggunakan Selat Melaka dan sejak tahun 1680-an lagi, kapal-kapal mereka sering singgah di Sungai Johor atau Riau.

Pada tahun 1730-an, pedagang Inggeris mula datang ke Kuala Selangor, Linggi, dan Kuala Terengganu. Ini sebenarnya ada kaitan dengan kemunculan orang Bugis di Selat Melaka. Orang Bugis sanggup meng-

adakan perdagangan dengan orang Inggeris yang membayar harga yang lebih tinggi untuk bijih timah berbanding dengan Belanda.

(Pada tahun 1760-an, Syarikat Hindia Timur Inggeris mahu memajukan perdagangannya di Gugusan Kepulauan Melayu. Ini ada kaitannya dengan perdagangan di China. Dalam perdagangan Inggeris dengan China terdapat keadaan yang tidak seimbang. Orang Inggeris lebih banyak membeli daripada menjual barang kepada orang Cina. Tetapi banyak barang daripada Gugusan Kepulauan Melayu yang dikehendaki oleh orang Cina, misalnya, bijih timah, sarang burung, lada, hasil hutan seperti rotan dan kapur barus dan kayu manis. Syarikat Inggeris perlu menggunakan barang-barang ini untuk mengurangkan pembayaran wang perak kepada China.

Oleh kerana itulah Syarikat Hindia Timur Inggeris ingin mencari sebuah pangkalan di Gugusan Kepulauan Melayu bagi mendapatkan barang-barang tempatan dan juga sebagai tempat persinggahan untuk kapal-kapalnya dalam perjalanan ke China.) Pulau Balambangan pernah dipilih oleh Alexander Dalrymple yang mewakili Syarikat Inggeris. Tetapi tempat itu dianggap terlampau jauh dari jalan perdagangan ke China. Tambahan pula berbagai-bagai masalah timbul terutamanya pemerintah tempatan tidak setuju dengan kehadiran orang Inggeris. Pada bulan Februari 1775, petempatan di pulau itu telah diserbu dan dibinasakan.

Ketibaan Francis Light

(Walaupun sehingga tahun 1775, orang Inggeris mempunyai petempatan di Balambangan, namun usaha untuk mencari pusat perdagangan yang lebih sesuai tetap diteruskan. Francis Light yang berkhidmat dengan Syarikat Jourdain, Sullivan dan De

Souza di Madras, tiba di Kedah pada tahun 1771. Pada masa itu Sultan Kedah (Muhammad Jiwa) sedang menghadapi masalah rumit. Orang Bugis telah menyerang Kedah pada tahun 1770. Di dalam negeri pula berlaku perselisihan di kalangan anak-anak raja yang melemahkan kerajaan Kedah. Baginda membuat keputusan meminta bantuan Inggeris untuk mengukuhkan kedudukannya di Kedah. Baginda sanggup memberi lesen kepada Syarikat Jourdain, Sullivan dan De Souza untuk berdagang di Kedah dan di samping itu, memberi hak kepada syarikat itu untuk membuka rumah agensi di Kuala Kedah.)

(Sebagai syaratnya, baginda meminta supaya syarikat itu menempatan 100 orang sehari di Kedah untuk menjaga negeri itu.) Beberapa bulan kemudian, Sultan Kedah membuat tawaran baru, iaitu jika syarikat itu dapat membantu Kedah menyerang Selangor yang diperintah oleh orang Bugis, Kuala Kedah akan dipajak kepada Syarikat Jourdain, Sullivan dan De Souza. Perundingan gagal kerana syarikat itu tidak dibenarkan oleh kerajaan British untuk mencampuri hal-hal negeri Melayu. >

Pada tahun 1772, Sultan Muhammad Jiwa cuba membuat tawaran yang sama kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan syarat-syarat yang sama juga. Sikap kerajaan British tetap tidak berubah. Tetapi Francis Light tidak berputus asa. Sebagai seorang pedagang, dia ingin mencari peluang yang terbaik untuk memajukan kepentingannya.)

Pada tahun 1778, Sultan Muhammad Jiwa telah mangkat dan diganti oleh puteranya yang memakai gelaran Sultan Abdullah Mukaram Shah. Penggantian kali ini tidak mendatangkan kekacauan dalam negeri. Tetapi perkembangan di luar negeri menimbulkan masalah kepada Sultan Abdullah. Pada tahun 1782, muncul dua orang pemerintah baru, seorang di

Burma (Raja Bodawpaya) dan seorang lagi di negeri Siam (Rama I). Kedua-duanya mengamalkan dasar agresif. Burma dan Siam telah pun bermusuhan sejak tahun 1758. Pada tahun 1785, kemungkinan perang akan berlaku lagi. Walaupun Kedah secara langsung tidak terlibat, tetapi Sultan Abdullah bimbang Kedah akan disuruh membantu Siam.

Kebetulannya pada masa itu Francis Light telah cuba dan gagal mendapat Ujung Selang bagi pihak Syarikat Inggeris. Oleh yang demikian, sekali lagi Light memberi perhatiannya kepada usaha untuk mencari sebuah pangkalan di Selat Melaka. Pulau Pinang telah dipilih. Sultan Abdullah pula sanggup menawarkan pulau ini dengan syarat:

1. Syarikat Inggeris hendaklah mengawal laut dan melindungi sultan daripada musuhnya dengan perbelanjaannya sendiri.
2. Semua kapal dagang hendaklah dibenarkan berniaga dengan bebas sama ada di Kedah atau di Pulau Pinang.
3. Sebagai sagu hati, kerana kehilangan perdagangan, syarikat hendaklah membayar \$30 000 (Sepanyol) setahun kepada Sultan Kedah.
4. Sultan tidak bertanggungjawab di atas hutang saudara-mara atau rakyatnya kepada syarikat.
5. Sesiapa dalam negeri yang menjadi musuh sultan akan juga menjadi musuh syarikat.
6. Syarikat hendaklah membantu sultan, dengan perbelanjaan baginda, untuk menyekat sebarang serangan dari darat.

Light Membuat Petempatan di Pulau Pinang

Sultan Abdullah melantik Light sebagai

wakilnya untuk berunding dengan syarikat di Calcutta. Malangnya, Light tidak memberi penjelasan yang selaras dengan permintaan Sultan Kedah. Beliau memperakukan bahawa bayaran \$10 000 (Sepanyol) sebagai sagu hati sudah memadai.

Jawapan Gabenor-Jeneral MacPherson tidaklah sebagaimana yang dikehendaki oleh Sultan Abdullah. Walaupun syarikat sanggup mengadakan sebuah kapal perang untuk mengawal Pulau Pinang dan pantai Kedah, tetapi tidak memberi jaminan akan membantu sultan menentang musuhnya. Tentang soal sagu hati pula, dikatakan bahawa keputusan tidak dapat diambil tanpa kebenaran raja dan syarikat di England.

Walaupun tiada perjanjian ditandatangani, pada 29 Jun 1786, Francis Light telah membuat petempatan di Pulau Pinang. Pada 11 Ogos 1786, Light menduduki Pulau Pinang atas nama Raja George III. Pada tahun yang sama, Sultan Abdullah menghadapi bahaya sebagaimana yang telah diramalkannya. Perang berlaku di antara Burma dengan Siam. Sultan Kedah dipaksa memberi bantuan kepada Burma tetapi baginda menghantar surat menyatakan taat setianya kepada Bangkok. Siam menewaskan Burma, justeru itu Kedah terancam. Sultan Abdullah cuba mendapatkan bantuan Inggeris tetapi rayuannya tidak dilayani.

Pada tahun 1791, Sultan Kedah cuba mendapatkan semula Pulau Pinang tetapi Francis Light bergerak lebih awal dan menyerang kawasan Perai. Tentera Kedah tewas dan Sultan Abdullah terpaksa meminta damai. Pada 1 Mei 1791, perjanjian di antara Kedah dengan Inggeris telah ditandatangani buat kali pertama. Syarat-syarat penting ialah:

1. Syarikat akan membayar \$6000 (Sepanyol) setahun kepada Sultan

- Kedah selagi Inggeris menduduki Pulau Pinang.
2. British akan membeli barangan yang dikeluarkan oleh Kedah tanpa sebarang sekatan atau cukai.
 3. Bangsa-bangsa Eropah lain tidak dibenarkan menetap di Kedah.
 4. Kedua-dua belah pihak akan sama-sama mengembalikan hamba abdi, orang berhutang, pembunuh dan penipu.
 5. Pulau Pinang tidak dibenarkan melindungi penjenayah dari Kedah.

Dengan perjanjian tahun 1791, Pulau Pinang secara rasmi diduduki oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris.

Hubungan Inggeris-Belanda

Walaupun Belanda berjaya mematahkan kekuatan Bugis pada tahun 1784, namun kedudukan mereka di Selat Melaka semakin merosot. Saudagar Inggeris dengan sikap yang lebih liberal telah berjaya mengawal perdagangan di Selat Melaka. Tambahan pula, kedudukan negeri Belanda di Eropah tidak begitu kukuh. Pada tahun 1793, berlaku peperangan di antara Britain dengan Perancis. Belanda dan Perancis menandatangani Perjanjian The Hague pada tahun 1795 yang memaksa Belanda memihak kepada Perancis dalam Perang Napoleon itu.

Tetapi Raja Belanda melarikan diri ke England dan di sana menandatangani perjanjian dengan Raja England yang memberi hak kepada Britain untuk mengambil alih buat sementara waktu tanah jajahan Belanda di seberang laut. Tujuannya ialah untuk menyekat tanah jajahan itu daripada jatuh kepada Perancis. Akibatnya, pihak British telah menduduki Melaka pada tahun 1795. Tetapi bukan semua tanah jajahan Belanda menyerah tanpa bantah-

an. Stamford Raffles terpaksa menyerang Pulau Jawa untuk menguasainya.

Menyedari bahawa kedudukan mereka di Melaka adalah sementara sahaja, maka pegawai British di sana cuba memusnahkan tempat itu. Inggeris cuba menentahkan kota A Famosa. Kemudian persediaan dibuat untuk memindahkan penduduk Melaka ke Pulau Pinang. Tetapi pada tahun 1808, Stamford Raffles datang ke Melaka dari Pulau Pinang untuk bercuti. Beliau terperanjat dengan apa yang sedang diusahakan. Bagi Raffles yang sangat berminat dalam sejarah dan budaya tempatan, Melaka merupakan warisan sejarah yang sangat bernilai. Tambahan pula, kalau Britain meninggalkan Melaka, ada kemungkinan kuasa lain akan mendudukinya. Beliau pun menghantar laporan kepada pihak yang berkuasa di India meminta supaya Melaka dipelihara. Syarikat Hindia Timur menyambut baik cadangan Raffles dan akibatnya Melaka dapat diselamatkan.

Perang Napoleon tamat pada tahun 1815, maka pihak British mengambil langkah untuk mengembalikan kota dan loji-loji yang telah dikuasai pada waktu perang kepada Belanda. Melaka diduduki semula oleh orang Belanda pada tahun 1818. Dengan serta-merta Belanda mengambil tindakan untuk mengawal semula negeri-negeri peribumi dan membolot semula perdagangan di rantau ini. Tindakan Belanda ini melambatkan perkembangan perdagangan di Selat Melaka. Ini sudah disadari oleh Stamford Raffles yang dari tahun 1811 sehingga tahun 1816 menjadi Leftenan-Gabenor Jawa. Apabila Jawa dipulangkan kepada Belanda, Raffles telah dihantar ke Bengkulu sebagai Leftenan-Gabenor.

Sebenarnya, sebelum itu Raffles telah pun cuba memujuk kerajaan British supaya menguasai Selat Sunda. Ini dapat dicapai dengan menubuhkan satu pelabuhan di Teluk Semangka dan jika ini gagal,

mereka bolehlah mencuba di Kallamyan pula. Kemudian, beliau cuba menjadikan Sumatera sebagai negeri naungan British dengan menetapkan kedudukan British di Palembang atau Padang. Rancangan dan kegiatan Raffles dibantah secara rasmi oleh Belanda. Raffles tidak berhenti dan mengambil keputusan akan mendapat sokongan Gabenor-Jeneral India. Pada tahun 1818, Raffles berlayar ke India untuk berjumpa dengan Gabenor-Jeneral Waren Hastings di Calcutta. Hastings bersimpati dengan Raffles memandangkan bahawa perdagangan British di China begitu genting.

Pada hujung tahun 1818, Raffles diberi kebenaran untuk membuka sebuah petempatan di Riau setelah beliau membuat persetujuan perdagangan dengan Aceh. Tetapi beliau diingatkan supaya mengelakkan pergaduhan dengan Belanda. Kerajaan British tidak mahu hubungan dengan kerajaan Belanda menjadi renggang. Raffles diberitahu jika orang Belanda telah terlebih awal berada di Riau, beliau dikhendaki cuba membuka petempatan di Johor.

Sementara itu berlaku perkembangan baru dalam kerajaan Johor yang kemudian memberi peluang kepada Raffles untuk mencapai cita-citanya. Pada tahun 1812, Yang Dipertuan Johor, Sultan Mahmud telah mangkat. Yamtuan Muda pada masa itu ialah Raja Jaafar, keturunan Bugis, yang sangat berpengaruh. Sultan Mahmud mempunyai beberapa orang putera, di antaranya Raja Hussein (atau Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman. Semasa Sultan Mahmud mangkat, Tengku Hussein berada di Pahang, dan apabila jenazah Sultan Mahmud dikebumikan di Langga, beliau tidak hadir. Maka para pembedar dan pengiring mereka berkumpul di balai-rong seri. Raja Jaafar menyuruh seorang anak raja mengumumkan kepada semua rakyat bahawa Tengku Abdul Rahman

yang menggantikan Sultan Mahmud dengan gelaran Sultan Abdul Rahman Shah. Apabila Tengku Hussein kembali dari Pahang, beliau menetap di Riau.

Apabila Raffles balik dari Calcutta pada bulan Disember 1818, beliau mendengar berita bahawa orang Belanda sudah menduduki Riau. Seorang Residen Belanda yang bernama Kapten Kones telah pun berada di sana. Sebenarnya, pihak British yang tiba lebih awal di Riau. William Farquhar yang memerintah Melaka sebelum negeri itu dikembalikan kepada Belanda, telah berada di Riau sebelum kedatangan Belanda. Tetapi Belanda mempunyai seorang pegawainya yang bernama Adrian Koek, juga dari Melaka yang sangat berpengaruh. Mendengar tentang rancangan Farquhar, beliau dengan segera pergi ke Riau dan berjaya memujuk Raja Jaafar supaya menerima seorang Residen Belanda di Riau.

Farquhar kemudian telah berjumpa dengan Raja Jaafar, tetapi Yamtuan Muda itu tidak melayan rayuan Farquhar. Tetapi Farquhar tidak putus asa dan berjumpa dengan Tengku Long serta Temenggung Johor yang kedua-duanya tidak bersetuju dengan tindakan Raja Jaafar.

Singapura Diserahkan kepada British

Setelah Farquhar meninggalkan Riau, Temenggung Abdul Rahman seterusnya belayar ke Singapura. Farquhar ke Melaka dan terus menyerahkan Melaka kepada Belanda, iaitu sebagai menurut arahan daripada kerajaan British. Kemudian beliau belayar ke Singapura. Sesungguhnya, pada masa itu, Raffles masih belum berjumpa dengan Hastings. Di Singapura, Farquhar berjumpa dengan Temenggung. Mereka mencapai persetujuan supaya Singapura diserahkan kepada British dan Tengku Long akan dilantik sebagai Yang Dipertuan. Tetapi Farquhar tidak mahu

mengiktiraf persetujuan itu sehingga Raffles pulang dari Calcutta.

Apabila Raffles pulang ke Pulau Pinang, beliau tidak dapat bertindak dengan serta-merta kerana tentangan daripada Gabenor Bannerman di Pulau Pinang yang tidak mahu memusuhi Belanda. Menurut Raffles, permusuhan tidak akan berlaku jika British tidak mendirikan petempatan di kawasan Hindia Timur. Beliau pun bertolak dari Pulau Pinang pada 19 Januari 1919 menuju Singapura.

Di Singapura, Raffles telah bertemu dengan Farquhar bersama-sama dengan Tengku Long dan Temenggung Abdul Rahman. Maka diumumkanlah:

Bahawa sesungguhnya hendaklah diketahui oleh segala orang-orang, yang Tuan Gabenor Jeneral Benggala mengangkat Tengku Long bergelar Sultan Hussein Shah ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Shah di dalam Negeri Singapura, rantau takluk jajahannya.

Perlu diperhatikan bahawa Tengku Hussein dilantik sebagai sultan 'di dalam negeri Singapura' dan bukan Johor. Baginda juga dikenali sebagai 'Yang Dipertuan Selat'.

Di samping itu, satu perjanjian ditandatangani oleh Raffles, Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman yang menyatakan bahawa:

1. Syarikat Inggeris dibenarkan membina loji di Singapura atau mana-mana bahagian wilayah sultan.
2. Syarikat akan membayar sebanyak \$5000 (Sepanyol) tiap-tiap tahun kepada Sultan dan \$3000 (Sepanyol) kepada Temenggung.
3. Syarikat akan memberi perlindungan dan sokongan kepada Sultan dan Temenggung. Sebaliknya mereka hendaklah membantu melindungi petempatan British itu daripada sebarang musuh. Mereka

tidak akan membuat perjanjian dengan sebarang kuasa Eropah lain atau Amerika.

4. Syarikat setuju tidak akan campur tangan dalam negeri sultan atau menegakkan wibawa syarikat dengan menggunakan kekerasan.
5. Syarikat akan mentadbir dan menanggung perbelanjaan pelabuhan Singapura.
6. Sultan dan Temenggung berhak mendapat separuh daripada cukai yang dipungut daripada kapal-kapal orang peribumi.

Tentangan Belanda

Selepas itu kedudukan Inggeris di Singapura masih belum terjamin. Walaupun Singapura bukan terletak di bahagian Hindia Timur, tetapi Gabenor Belanda di Melaka iaitu Thyssen dan Gabenor-Jeneral di Jawa, Baron van Capellan telah membantah dengan kerasnya tindakan Raffles. Mujurlah bagi Raffles, surat itu telah dihantar kepada Hastings dan bukan ke England. Sementara itu, Singapura sudah mulai muncul sebagai pusat perdagangan yang sangat meyakinkan. Pedagang-pedagang di Calcutta mengumumkan bahawa pengambilan Singapura merupakan tindakan yang paling penting untuk perdagangan dengan China. Kemudian, di London pula, golongan pedagang me-muji langkah yang diambil oleh Raffles dan menyifatkan Singapura sebagai sesuatu yang telah diidam-idamkan kerana dapat memberi faedah kepada perdagangan antara pihak British dengan China. Dengan pertimbangan kepentingan ekonomi, kerajaan British mengambil langkah untuk berunding dengan kerajaan Belanda.

Sementara menunggu keputusan dari England, Raffles telah sekali lagi membuat persetujuan dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman. Persetiaan

itu ditandatangani pada 7 Jun 1823. Syarat-syaratnya ialah:

1. Sultan dan Temenggung bersetuju menyerahkan semua hak monopoli mereka yang tradisional atas hasil-hasil tertentu; juga hak memungut cukai atas perahu peribumi dan orang Cina.
2. Mereka juga bersetuju menyerahkan kembali tanggungjawab mereka sebagai hakim mahkamah. Walau bagaimanapun pentadbiran British akan memberi pertimbangan yang sewajarnya serta menghormati agama dan adat resam orang Melayu.
3. Semua tanah, kecuali yang telah dimiliki oleh Sultan dan Temenggung boleh digunakan oleh kerajaan British.

Di Eropah pula, perundingan di antara pihak British dengan Belanda berjaya menghasilkan satu persetujuan pada bulan Mac 1824. Syarat-syarat Persetiaan Inggeris-Belanda itu adalah seperti yang berikut:

✦ Syarat Mengenai Wilayah

1. Negeri Belanda

- (a) Akan menyerahkan kepada Britain semua lojinya di India dan melepaskan semua keistimewaan serta pengecualian yang berkaitan dengannya.
- (b) Akan menarik balik semua bantahannya mengenai pendudukan Singapura.
- (c) Akan menyerahkan bandar dan kota Melaka serta segala jajahan takluknya kepada Britain.
- (d) Tidak akan membuka sebarang petempatan atau membuat sebarang persetujuan dengan raja-raja

tempat di mana-mana bahagian Semenanjung Tanah Melayu.

2. Britain

- (a) Akan menyerahkan Bengkulu kepada Belanda dan semua kawasan kepunyaan Syarikat Hindia Timur di Sumatera.
- (b) Tidak akan membuka sebarang petempatan atau membuat persetujuan di Sumatera dan tidak akan menandatangani sebarang persetujuan dengan mana-mana pemerintah peribumi di sana.
- (c) Tidak akan membuat sebarang perjanjian atau persetujuan di Pulau Karimon, Kepulauan Riau-Lingga atau mana-mana pulau ke selatan Singapura.

3. Am

- (a) Semua wilayah yang berkenaan hendaklah diserahkan kepada kuasa masing-masing pada 8 Mac 1825 dan penduduk di tempat yang berkenaan diberi tempoh enam tahun untuk menguruskan harta benda mereka dan pergi ke mana-mana mereka suka.
- (b) Tiada satu pun daripada wilayah yang diserahkan boleh dipindah kepada sebarang kuasa lain pada bila-bila masa.
- (c) Jika mana-mana pihak berundur dari salah satu kawasan, maka hak untuk menduduki tempat tersebut akan jatuh kepada pihak yang satu lagi.
- (d) Pegawai-pegawai British atau Belanda di Timur tidak akan dibenarkan membuka sebarang petempatan baru di mana-mana pulau di Laut Timur tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada kerajaan masing-masing di Eropah.

Syarat Perdagangan

1. Negeri Belanda diberi monopoli di Kepulauan Rempah tetapi bukanlah perdagangan di Gugusan Kepulauan Melayu seluruhnya; persetujuan monopoli khusus tidak boleh dibuat.
2. Negeri Belanda janganlah hendak membezakan perdagangan Inggeris secara tidak adil.
3. Tiap-tiap satu kuasa hendaklah memberi layanan 'negara paling istimewa' kepada yang satu lagi di India, Ceylon dan Gugusan Kepulauan Melayu. Peraturan am mengenai tugas-tugas yang harus dilaksanakan telah disediakan.
4. Persetiaan monopoli bijih timah di antara Belanda dengan Perak dan Selangor akan berakhir. Semua persetujuan monopoli khusus juga akan berakhir.
5. Kedua-dua kuasa akan membenarkan golongan peribumi membuat hubungan bebas dengan pelabuhan di kedua-dua buah kerajaan itu atau kerajaan-kerajaan peribumi.
6. Kedua-dua kuasa akan bekerjasama bagi menghapuskan pelanunan.

Syarat Kewangan

Hal-hal kewangan telah diselesaikan apabila Belanda bersetuju membayar £100 000 sebagai bayaran penuh hutang-hutangnya.

Kesan Persetiaan 1824

Dengan termeterainya persetujuan itu, hubungan di antara Britain dengan Belanda bertambah baik. Namun demikian, British masih berasa perlu menandatangani satu lagi persetujuan dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada bulan Ogos 1824. Pada kali ini John Crawford, pengganti Raffles, mewakili

British. Menurut persetujuan itu, Pulau Singapura bersama-sama laut yang berhampiran, selat dan pulau-pulau kecil yang terdapat dalam jarak sepuluh batu dari Singapura diserahkan kepada Syarikat Inggeris serta pengganti-penggantinya buat selama-lamanya. Sebagai balasan, Sultan Hussein akan diberi \$33 200 (Sepanyol) dan pencen sebanyak \$1300 (Sepanyol) sebulan. Temenggung akan menerima \$25 800 (Sepanyol) dan pencen berjumlah \$700 (Sepanyol) sebulan.

Persetiaan Inggeris-Belanda membahagikan kawasan Gugusan Kepulauan Melayu kepada dua bahagian. Kawasan Semenanjung Tanah Melayu di bawah pengaruh Inggeris dan kawasan Indonesia sekarang, terserah kepada pengaruh Belanda. Persetiaan 1824 ini selanjutnya memecahkan kerajaan Johor yang memang telah lemah sejak kurun ke-18 lagi. Pada tahun 1885 muncul kerajaan Johor yang baru di Semenanjung. Jelas Persetiaan Inggeris-Belanda 1824 membenarkan British mengukuhkan kedudukannya di Semenanjung. Kemudian melalui satu perjanjian lain, pengaruh British diperluaskan. Perjanjian itu ialah perjanjian Burney.

Perjanjian Burney

Negeri-negeri Melayu yang berkongsi sempadan dengan Siam memang sentiasa dalam keadaan serba salah. Sebagai negeri-negeri yang kecil, maka perlulah merendahkan diri di bawah kuasa yang lebih kuat itu. Sementara itu, negeri-negeri Melayu ingin memelihara kedaulatannya. Oleh keranaimbang dengan ancaman dari utara, bukan Siam sahaja tetapi juga Burma, Kedah kemudian kehilangan Pulau Pinang. Pada tahun 1821, Kedah telah ditakluk oleh Siam yang selanjutnya memerintah Kedah secara langsung selama lebih kurang 20 tahun.

Selepas Kedah ditakluk oleh Siam, selanjutnya Siam bercita-cita meluaskan pengaruhnya ke Perak dan Selangor. Tetapi pada tahun 1824 tiba pula seorang Gabenor baru di Pulau Pinang, iaitu Robert Fullerton. Beliau tidak mahu Siam meluaskan sempadannya ke bahagian selatan Semenanjung. Bagi menghalang kemaraan Siam, Fullerton berjaya memujuk Gabenor-Jeneral di India supaya menghantar satu perwakilan ke Bangkok untuk mengadakan perundingan dengan pemerintah Siam. Kapten Henry Burney yang dihantar pada tahun 1825 telah memujuk Siam supaya menerima tiga syarat dalam satu persetujuan awal yang ditandatangani pada 31 Julai 1825.

Menurut persetujuan itu, Ligor berjanji tidak akan menyerang Perak dan Selangor. Ada kemungkinan Kedah akan dikembalikan kepada sultannya dan persediaan akan diadakan untuk satu perundingan di Bangkok bagi memajukan perdagangan di antara Britain dengan Siam. Kemudian Kapten Burney dihantar untuk berunding di Bangkok.

Perundingan itu mengambil masa selama enam bulan. Siam tidak begitu mahu bertolak ansur. Kemudian lahirlah satu perjanjian yang dirangka dalam bahasa yang samar-samar dan mudah ditafsir mengikut kehendak masing-masing. Syarat-syarat Perjanjian Burney (1826) itu adalah seperti berikut:

1. Pedagang British di Bangkok hanya perlu membayar cukai biasa dan bebas berjual-beli tanpa gangguan daripada pegawai Siam.
2. Kedah akan kekal sebagai sebuah jajahan takluk Siam, tetapi rakyat British dibenarkan berdagang di sana tanpa gangguan dan hanya dikehendaki membayar cukai kastam yang adil. Eksport barang-barang makanan akan dikecuali-

kan daripada cukai. British tidak akan membenarkan sultan Kedah mendapat balik takhtanya atau menyerang Siam atau tinggal di Pulau Pinang, Seberang Perai, Perak, Selangor atau Burma.

3. Perak bebas untuk menentukan sama ada menghantar bunga emas atau tidak kepada kerajaan Siam. Siam boleh menghantar rombongan diplomatik yang mengandungi 40 hingga 50 orang tetapi selain itu jangan mencabul, menyerang atau mengacau Perak atau Selangor. British juga bersetuju tidak akan campur tangan dalam hal-hal kerajaan Perak dan Selangor tetapi akan menghalang Selangor daripada menyerang Perak.
4. Siam tidak akan menghalang atau mengganggu perdagangan di Kelantan dan Terengganu. Saudagar British akan berdagang di negeri-negeri itu seperti biasa tetapi mereka janganlah mencabul, menyerang atau mengacau negeri-negeri tersebut.

Perjanjian Burney itu tidak mendapat sambutan baik daripada pegawai British di Pulau Pinang terutamanya syarat-syarat mengenai Kedah, Kelantan dan Terengganu. Status negeri Kelantan dan Terengganu itu tetap kabur. Tidak jelas sama ada negeri-negeri itu di bawah naungan Siam atau menjadi tanah jajahan Siam. Masalah ini menjadi lebih rumit pada hujung kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Walau bagaimanapun, Perak dan Selangor selamat daripada ancaman Siam.

Persetiaan Inggeris-Belanda 1824 dan Perjanjian Burney 1826 sebenarnya memberi kesan yang penting kepada perkembangan ekonomi negeri-negeri Melayu barat. Ternyata bahawa perkembangan

perusahaan bijih timah di Perak, Selangor dan Sungai Ujong berlaku dengan pesat mulai lewat tahun 1829-an, iaitu apabila keadaan politik di negeri-negeri Melayu tersebut menjadi stabil dan pembesaran-pembesaran Melayu serta saudagar Negeri-Negeri Selat berasa lebih bebas untuk memajukan perdagangan.

Negeri-Negeri Selat

Perluasan pengaruh British di kawasan Selat Melaka dan penetapan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka sebagai petempatan British membawa kepada usaha untuk mengemas dan menyeragamkan pentadbiran di ketiga-tiga petempatan itu. Pada tahun 1826, petempatan itu telah digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat.

Pada masa itu India masih diperintah oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris. Begitu juga Negeri-Negeri Selat yang secara rasmi dijadikan sebahagian negara India. Banyak masalah yang dihadapi. Pertama, India terletak jauh dari Negeri-Negeri Selat. Sistem perhubungan pada masa itu masih bergantung kepada kapal layar. Oleh sebab itu, pentadbiran Negeri-Negeri Selat perlu menunggu masa yang lama untuk mendapat persetujuan pemerintah syarikat di India. Kedua, pegawai-pegawai tinggi di India kurang memahami keadaan dan masalah Negeri-Negeri Selat. Juga ada kecenderungan untuk pegawai-pegawai di India menganggap Negeri-Negeri Selat sebagai jajahan sampingan. Keperluan Negeri-Negeri Selat tidak diberi keutamaan.

Namun demikian, Negeri-Negeri Selat telah berkembang dengan pesat kerana perdagangan begitu maju. Ramai saudagar Negeri-Negeri Selat menjadi kaya. Dengan kekayaan itu mereka ingin melabur lagi dan negeri-negeri Melayu dianggap sangat sesuai untuk dibangunkan. Saudagar

British terutamanya menjadi semakin berpengaruh. Sebilangan besar datang ke Negeri-Negeri Selat, terutamanya ke Singapura, pada tahun 1820-an dan 1830-an. Pada tahun 1860-an sebahagian mereka yang bersara telah kembali ke England dan mengasaskan syarikat yang mempunyai kaitan rapat dengan syarikat-syarikat yang telah mereka asaskan di Negeri-Negeri Selat.

Golongan ini muncul sebagai satu golongan lobi yang kuat di England. Mereka mengenali dan dapat mempengaruhi orang-orang ternama dan berpengaruh di England. Oleh sebab itu, kempen untuk memisahkan Negeri-Negeri Selat daripada India menjadi semakin kuat pada tahun 1860-an. Kemajuan Negeri-Negeri Selat merupakan faktor terpenting menguatkan tuntutan mereka supaya Negeri-Negeri Selat dijadikan Tanah Jajahan Mahkota British.

Desakan-desakan mereka kemudiannya berjaya. Kerajaan British berasa yakin Negeri-Negeri Selat mampu menjalankan pentadbirannya dengan lebih bebas. Hasil-hasil juga mencukupi untuk membiayai pentadbiran yang lebih rapi. Pada tahun 1867, Negeri-Negeri Selat telah ditukar statusnya menjadi Tanah Jajahan Mahkota British. Sebuah Majlis Perundangan



Contoh mata wang yang digunakan pada zaman pentadbiran Negeri-Negeri Selat.

ditubuhkan dan seorang gabenor dilantik. Gabenor yang pertama ialah Sir Harry Ord.

Kemasukan Orang Cina

Walaupun orang Cina sudah lama berdagang di negeri-negeri Melayu tetapi kemunculan penduduk yang lebih tetap hanya berlaku setelah British bertapak di Tanah Melayu. Orang Cina yang menetap di Melaka agak kecil bilangannya sebelum kurun ke-18. Saudagar Cina yang berada di Melaka pada kurun ke-19 lebih biasa dikenali sebagai 'baba'.

Sesungguhnya, pada masa itu bilangan penduduk Cina jauh lebih ramai di negeri-negeri Melayu timur iaitu di Kuala Kelantan, Kuala Terengganu dan Kuala Pahang. Terdapat kampung Cina yang agak besar di setiap kawasan itu. Mereka juga datang kerana perdagangan. Tetapi ramai telah meninggalkan tempat-tempat itu pada awal kurun ke-19, kerana, mungkin negeri-negeri Melayu barat lebih maju pada masa itu dan juga, perang saudara yang berlaku di negeri-negeri pantai timur memberi kesan buruk kepada perkembangan ekonomi di negeri-negeri yang berkenaan.

Di sebelah barat Semenanjung pula, pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786 menyaksikan kemasukan orang Cina yang semakin ramai. Proses itu menjadi lebih pesat apabila Singapura dibuka pada tahun 1819. Sebenarnya, saudagar-saudagar Cina yang paling awal menetap di Singapura ialah saudagar dari Melaka. Selain perdagangan, pertanian juga menjadi mata pencarian penting bagi penduduk awal di Pulau Pinang dan Singapura. Di Pulau Pinang, terutamanya di Province Wellesley (Seberang Perai), pada tahun 1830-an telah dimulakan usaha-usaha untuk membuka ladang tebu. Lebih kurang sepuluh tahun kemudian barulah orang Eropah juga membuka ladang tebu di Province Wellesley. Tanaman tebu banyak diusaha-

kan oleh orang Cina Teochew.

Golongan Teochew juga mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam di Singapura pada tahun 1820-an dan menjelang pertengahan kurun ke-19, mereka mula berpindah ke Johor kerana kekurangan tanah di Singapura. Sehingga awal kurun ke-20, Johor telah menjadi pengeluar lada hitam dan gambir yang penting. Ladang-ladangnya terletak di sepanjang sungai terutamanya di bahagian barat Johor.

Sementara itu, semakin banyak lombong di buka di negeri-negeri Melayu barat, mula-mula oleh pembesar Melayu yang mengupah pekerja Cina. Pada tahun 1840-an keadaan mula berubah. Saudagar-saudagar Negeri-Negeri Selat yang mempunyai modal berjaya mendapat konsesi di negeri-negeri Melayu dan mereka membuka lombong sendiri. Pada pertengahan kurun ke-19, negeri-negeri Melayu banyak mengeluarkan bijih timah yang mula dieksport dengan jumlah yang besar ke Britain. Perindustrian papan-timah menyebabkan permintaan bijih timah meningkat dengan pesatnya. Bijih timah di pasaran Britain lebih dikenali sebagai timah Selat.

Oleh sebab lombong-lombong banyak terdapat di Larut, Lembah Klang, Sungai Ujong dan Lukut, maka di tempat-tempat itulah bilangan penduduk Cina semakin ramai. Mereka datang melalui Pulau Pinang dan Melaka, setengah-setengahnya telah bermastautin di petempatan itu selama 10 atau 20 tahun. Tidak seperti penanam tebu, gambir dan lada hitam, pekerja-pekerja lombong terdiri daripada golongan Hakka.

Tetapi pemodal-pemodal, lebih biasa dikenali sebagai tauke labur, umumnya terdiri daripada golongan Hokkien. Kebanyakan saudagar Negeri-Negeri Selat yang kaya adalah orang Hokkien yang telah mengumpulkan kekayaan mereka melalui perdagangan. Tauke labur tidak semestinya

mereka yang memiliki lombong. Pemilik lombong biasanya mendapat pinjaman daripada tauke labur untuk membuka lombong dan tauke lombong juga yang mencari pekerja. Setengah-setengah pekerja mendapat upah tetapi kebanyakannya mendapat habuan daripada keuntungan yang diperoleh oleh tauke lombong.

Bijih timah yang dikeluarkan itu dibawa ke Negeri-Negeri Selat untuk dieksport. Maka setiap kawasan perlombongan dihubungkan dengan pelabuhan yang paling dekat, misalnya, Larut dengan Kuala Larut, Ampang dengan Kuala Klang dan Sungai Ujong dengan Simpang (pertemuan di antara Sungai Linggi dengan Sungai Rembau). Di pelabuhan-pelabuhan itu juga bilangan penduduk Cina bertambah ramai. Oleh sebab perdagangan dan perkapalan dibolot oleh orang Hokkien, maka orang Cina yang paling ramai di pelabuhan-pelabuhan itu terdiri daripada orang Hokkien.

Kedatangan orang Cina secara beramai-ramai ke negeri-negeri Melayu mulai tahun 1830-an memberi kesan yang penting kepada negeri-negeri yang banyak mengeluarkan bijih timah. Biasanya seorang Kapitan Cina dilantik untuk mengawal penduduk Cina yang terdiri daripada berbagai-bagai golongan kedaerahan. Mereka sentiasa bergaduh dan pergaduhan ini kadang-kadang menimbulkan rusuhan besar. Keadaan ini tercetus kerana wujudnya kongsi gelap dikalangan orang Cina. Kongsi gelap merupakan pasukan pejuang kerana ada pahlawan-pahlawan profesional. Oleh sebab itu, orang Cina sukar dikawal oleh pemerintah tempatan. Di Larut, misalnya, perbalahan di antara kongsi gelap berlaku pada tahun 1861, 1865 dan awal tahun 1870-an. Setiap huru-hara yang berlaku telah mengganggu kerja-kerja perlombongan. Pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat diminta

untuk mewujudkan kembali keamanan di Perak.

Kedatangan orang Cina juga mencetuskan persaingan di kalangan anak-anak raja dan para pembesar untuk merebut kuasa. Perkembangan perusahaan bijih timah menjadikan nilai tanah semakin meningkat. Anak raja dan pembesar yang mempunyai hak pentadbiran ke atas satu-satu kawasan dapat menambahkan pendapatan masing-masing dengan memberi konsesi kepada saudagar Cina. Sebaliknya, saudagar Cina juga biasanya menyokong anak raja atau pembesar yang tertentu dengan harapan akan mendapat konsesi jika ketua-ketua yang mereka sokong itu memegang teraju pemerintahan. Akibatnya saudagar Negeri-Negeri Selat terlibat dalam perang saudara di negeri-negeri Melayu. Misalnya, dalam Perang Klang (1867-1873) Raja Mahdi dan Raja Abdullah disokong dan dibantu oleh saudagar-saudagar Melaka yang berasingan.

Pada awal tahun 1870-an, negeri-negeri Melayu barat dalam keadaan huru-hara. Perang Larut dan Perang Klang, di samping konflik di antara Raja Abdullah dengan Ngah Ibrahim (di Perak), Tengku Kudin dengan Raja Mahdi (di Selangor) dan Dato' Bandar dengan Dato' Kelana (di Sungai Ujong) menyebabkan kegiatan ekonomi tergendala. Kejadian ini memberi kesan yang buruk kepada Negeri-Negeri Selat kerana ramai saudagarnya mempunyai kepentingan di negeri-negeri Melayu. Bagi British, kemajuan Negeri-Negeri Selat memang begitu penting supaya Tanah Jajahan British yang baru itu tidak menjadi satu beban kepada kerajaan British. Saudagar-saudagar British mula mendesak kerajaan British mengambil langkah bukan hanya untuk melindungi pelaburan British tetapi juga untuk membuka peluang pelaburan yang lebih besar di negeri-negeri Melayu. Lord Kimberley, Setiausaha Tanah Jajahan,

pada tahun 1873 membuat keputusan meminta gabenor Negeri-Negeri Selat, iaitu Sir Andrew Clarke, menyiasat dan mem-

buat laporan tentang kemungkinan British mencampuri hal-ehwal negeri-negeri Melayu untuk melindungi kepentingan British.

Bab 10

Statement of the
 the British in the
 Malay States

... the British in the Malay States ...

Bab 10

Sistem Residen dan Pengenalannya di Perak dan Selangor

Campur tangan British di Tanah Melayu secara rasmi bermula pada 20 Januari 1874 dengan termeterainya Perjanjian Pangkor. Menerusi Perjanjian Pangkor ini, British telah mula memasuki bidang pentadbiran negeri Perak. Antara syarat Perjanjian Pangkor ialah Sultan Perak menerima perlantikan seorang Residen British yang akan menasihati sultan dalam semua aspek pentadbiran negeri kecuali dalam hal-hal yang bersangkutan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Nasihat Residen perlu diikuti oleh sultan. Semua pentadbiran negeri termasuk pungutan dan kawalan cukai akan dijalankan di atas nama sultan tetapi disusun dan diatur menurut nasihat residen. Residen akan dibayar gaji dan elaun sara hidup oleh sultan dan bukannya oleh kerajaan British.

Penggunaan Residen merupakan satu helah penjajah British untuk mengadakan pentadbiran dan pemerintahan secara tidak langsung di Perak dan seterusnya di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Pada masa itu pihak British boleh berkuasa ke atas negeri-negeri Melayu tanpa menanggung bebanan belanja tambahan dan tanggungjawab sepenuhnya seperti yang dilakukan di Negeri-Negeri Selat. Sistem Residen bererti bahawa pengawasan penjajah British akan dilaksanakan melalui institusi politik yang sedia ada,

yang akan dipelihara dan dipergunakannya. Adalah dirasakan bahawa susunan pentadbiran Melayu Perak umpamanya masih dapat digunakan terus untuk melaksanakan dasar-dasar baru yang akan disarankan oleh Residen. Diharapkan bahawa Residen akan dapat menggunakan sistem tradisional untuk melakukan perubahan secara perlahan. Akan tetapi sistem dan institusi pemerintahan yang sedia ada di Perak adalah berteraskan hukum adat yang telah lama diamalkan dan didapati tidak sesuai untuk kepentingan ekonomi penjajah British. Akibatnya berlakulah pergeseran di antara kedua-dua pihak sehingga menyebabkan berlakunya pembunuhan dan penentangan di Perak.

Sistem Residen atau pemerintahan secara tidak langsung ini bukanlah sesuatu yang baharu atau unik bagi Tanah Melayu sahaja. Cara pemerintahan yang serupa ini juga telah diperkenalkan oleh Lord Lugard di utara Nigeria (Afrika) pada kurun ke-19. Malah sejak kurun ke-18 lagi, Tanah Melayu sudah biasa dengan sistem yang telah diperkenalkan oleh putera-putera Raja Bugis apabila mereka mula campur tangan dalam politik dan pentadbiran empayar Johor-Riau. Bezanya ialah mereka menggunakan perlantikan seorang Yamtuan Muda, bukannya Residen, bagi membantu serta menasihati

sultan dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Pada hakikatnya Yamtuan Muda sebenarnya yang berkuasa sama seperti halnya dengan Residen British di negeri-negeri Melayu berkenaan.

Matlamat dan Tugas Residen

Terdapat tiga matlamat utama, dan setiap matlamat berkaitan dengan yang lain, dalam pengenalan Sistem Residen ini. Pertama, menegakkan keamanan melalui undang-undang; kedua, mewujudkan satu sistem pentadbiran awam dan pungutan cukai yang teratur; ketiga, memajukan ekonomi melalui eksploitasi sumber semula jadi negeri-negeri Melayu berkenaan. Oleh itu adalah menjadi tugas Residen untuk memastikan ketiga-tiga matlamat ini dapat dilaksanakan. Akan tetapi Residen terpaksa menggunakan budi bicaranya untuk mencapai matlamat tersebut. Residen tidak boleh mengharapkan bantuan dari kerajaan British kerana di peringkat awal ini, Pejabat Tanah Jajahan British di London mahu menghadkan penglibatan kerajaan British ke paras yang paling minimum dan bebas daripada sebarang pergeseran dengan negeri-negeri Melayu yang berkenaan. Di sinilah letaknya keanehan dalam Sistem Residen yang diperkenalkan itu. Residen akan dilantik oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat dengan persetujuan daripada Setiausaha Negara Tanah Jajahan British di London. Tugas-tugas yang diberikan kepada Residen merupakan tanggungjawab yang diarahkan oleh kerajaan British dan bukannya sultan. Elaun dan gajinya pula tidak dibayar oleh kerajaan British tetapi oleh negeri-negeri Melayu yang berkenaan.

Masalah Awal Sistem Residen

Pada permulaan sistem ini diperkenalkan di Perak, tentulah Residen British itu

menghadapi beberapa masalah dalam menjalankan tugasnya. Tidak ada satu panduan atau peraturan yang jelas yang boleh dijadikan pegangan dalam melaksanakan tugasnya. Selain tidak mendapat bantuan kewangan dan Residen Perak juga tidak mempunyai bantuan ketenteraan daripada kerajaan British. Dengan kata lain, Residen pertama di Perak tidak mempunyai kuasa yang cukup dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Sungguhpun pada zahirnya tugas memberi nasihat itu kelihatan mudah, tetapi amatlah rumit apabila nasihat yang diberikan itu tidak mahu diterima atau dilaksanakan oleh sultan. Tambahan pula sultan biasanya berkuasa penuh, tidak memerlukan nasihat dan tidak mengetahui cara pentadbiran yang dianggap baik dan cekap oleh British. Sesungguhnya negeri-negeri Melayu telah pun mempunyai tradisi sistem pemerintahan dan pentadbirannya sendiri, iaitu sistem yang telah diwarisi dari Kesultanan Melayu Melaka. Tradisi inilah yang cuba diubah oleh Residen British.

Bagi mencapai matlamat sistem ini, seseorang Residen itu perlu mempunyai inisiatifnya sendiri, perlu bekerja keras dan menggunakan kebijaksanaannya. Residen perlu membuat lawatan ke merata pelosok negeri untuk memerhati dan mengetahui keadaan yang sebenarnya. Residen juga perlu memahami sistem sosial dan politik orang Melayu, perlu memahami sikap dan pandangan hidup orang Melayu. Residen juga perlu menghormati adat resam dan kepercayaan orang Melayu. Ringkasnya, Residen perlu menjaga perasaan dan kedudukan sultan dan pembesar-pembesar negeri. Berjaya atau gagalanya seseorang Residen itu bergantung pada watak pribadi Residen itu dan sejauh mana Residen itu dapat berdiplomaasi dan berhati-hati dan mempengaruhi sultan dan pembesar-pembesar. Akan tetapi Residen yang pertama di

Perak tidak mempunyai ciri-ciri ini dalam perlakuan peribadinya, dengan itu wujudlah penentangan terhadap Residen oleh sultan dan pembesar-pembesar negeri Perak.

Sistem Residen di Perak

Sungguhpun Perjanjian Pangkor telah ditandatangani pada 20 Januari 1874, namun Residen yang pertama hanya dapat dihantarkan ke Perak pada bulan November 1874. Dalam masa sepuluh bulan sebelum seorang Residen dihantar ke Perak, negeri Perak telah ditadbirkan oleh Sultan Abdullah yang telah dilantik oleh kerajaan British menerusi Perjanjian Pangkor. Baginda tidak dapat memerintah dan mentadbir negeri Perak dengan baik. Akibatnya baginda banyak berhutang hingga terpaksa menjualkan daerah Kerian untuk membayar hutangnya. Malah untuk menambahkan sumber kewangannya, baginda telah memajakkan dengan harga \$26 000.00 hak memungut cukai di Kuala Sungai Perak kepada seorang saudagar Cina di Singapura yang bernama Cheng Tee. Saudagar ini juga ialah sahabat baginda.

Di samping itu, Sultan Abdullah juga tidak dapat menguasai dan mengawal semua pembesar negeri. Ada antara mereka yang telah mengutip cukai yang tinggi di daerah masing-masing. Tambahan pula masih ada pembesar-pembesar dan kerabat di raja Perak yang berasa tidak berpuas hati dengan perlantikan Raja Abdullah sebagai Sultan Perak. Raja Ismail masih menganggap dirinya sebagai Sultan Perak dan enggan menyerahkan alat-alat kebesaran negeri kepada Sultan Abdullah. Residen Perak yang pertama bernama J.W.W. Birch. Birch pernah berkhidmat di Ceylon (Sri Lanka) dan Labuan sebelum menjadi Residen di Perak. Pada pandangan penjajah British, Birch merupakan orang yang paling layak

dilantik menjadi Residen Perak. Birch berharap akan dapat menggunakan pengalaman pentadbirannya untuk mengubah keadaan di negeri Perak supaya sesuai dengan kehendak dan kepentingan pihak British.

Apabila Birch sampai di Perak, beliau merasakan keadaannya begitu genting dan perlukan satu tindakan yang segera. Sungguhpun tidak ada timbul huru-hara di Perak, tetapi beliau beranggapan bahawa negeri itu amat mundur dan perlu dimajukan dengan segera untuk kepentingan penjajah British. Perubahan haruslah dilakukan supaya kemajuan dapat dicapai dengan secepat mungkin. Dalam keghairahannya hendak melakukan perubahan, beliau tidak menghiraukan perasaan orang Melayu, terutama pembesar-pembesar dan termasuk juga Sultan Abdullah. Tambahan pula Birch tidak pernah berkhidmat di Tanah Melayu, dan tidak pandai berbahasa Melayu serta tidak tahu sopan santun dan adat tertib masyarakat Melayu.

Sebagai seorang pegawai British, Birch memandang rendah terhadap orang Melayu. Ini jelas daripada sikapnya yang gopoh dalam melakukan perubahan dan juga keenggannya mencuba berbaik-baik dengan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar negeri Perak. Sesungguhnya Birch tidak sabar melihat keadaan dan masalah yang wujud di negeri Perak pada masa itu. Dia ingin memperbaikinya dengan secepat mungkin supaya faedahnya akan dapat pula dinikmati dengan segera. Pada anggapan beliau, perubahan yang akan dilaksanakan sedikit sebanyaknya akan menguntungkan rakyat negeri Perak juga.

Hak Memungut Cukai

Antara perkara yang awal dan utama yang ingin diubah oleh Birch ialah sistem pemungutan cukai. Beliau menghendaki

semua cukai dikutip oleh pegawai kerajaan negeri. Tujuannya ialah untuk memperbaiki keadaan kewangan, menjelaskan hutang-piutang negeri dan membayar gaji pegawai-pegawai termasuklah gaji Residen. Sebenarnya Birch bertujuan untuk mengambil alih hak atau kuasa memungut cukai daripada tangan sultan dan pembesar-pembesar Melayu. Oleh kerana tidak memahami tatasusila masyarakat Melayu, Birch tidak menyedari bahawa hak tersebut merupakan adat orang Melayu juga. Tetapi beliau tidak menghiraukan hakikat ini. Matlamat beliau ialah untuk mencapai kejayaan yang cepat dengan melakukan perubahan yang segera.

Penghapusan Amalan Hamba Abdi

Satu lagi perubahan yang cuba dilakukan oleh Birch ialah menghapuskan amalan menyimpan dan menggunakan hamba abdi dalam masyarakat Melayu. Sama ada beliau memang benar-benar kasihan terhadap hamba abdi ataupun mempunyai tujuan lain, tidaklah dapat dipastikan. Apa yang nyata ialah beliau ada memberikan perlindungan kepada beberapa orang hamba hutang yang telah melarikan diri ke rumahnya. Setengah-setengah daripada mereka itu pula terdiri daripada hamba hutang perempuan. Sebenarnya kejadian hamba abdi melarikan diri daripada tuannya itu bukanlah sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam masyarakat Melayu tradisional. Kejadian seperti itu sentiasa berlaku sejak zaman-berzaman, iaitu sejak amalan hamba abdi wujud. Amalan menyimpan dan menggunakan hamba abdi itu juga telah dilakukan sejak beberapa lama. Amalan ini telah menjadi sebahagian daripada warisan masyarakat Melayu dan sudah menjadi adat kepada mereka. Agama Islam pula tidaklah melarang amalan tersebut, walaupun tidak menggalakkannya.

Dari segi pandangan dan hukum agama Islam, orang Islam dibenarkan mempunyai hamba abdi, tetapi mereka itu mestilah diberikan layanan yang baik dan berperikemanusiaan. Dalam masyarakat Melayu tradisi, hamba abdi kerap pula dianggap sebagai ahli keluarga sendiri dan diberikan tugas-tugas penting seperti menjaga dusun, menjadi wakil penerima barang dagangan dan menjadi pengawal peribadi tuannya. Daripada laporan dan pemerhatian yang dilakukan oleh beberapa orang pegawai British, keadaan hamba abdi di Perak semasa Sistem Residen dimulakan tidaklah begitu buruk jika dibandingkan dengan keadaan di negara-negara lain, terutamanya di Rusia dan Amerika Syarikat. Nyatalah bahawa Birch bersikap melulu apabila beliau menganggap institusi hamba abdi di Perak itu sangat buruk keadaannya sehingga perlu dihapuskan. Sikapnya yang gopoh dan melulu itu bertentangan dengan arahan daripada Gabenor Andrew Clarke. Sebenarnya Andrew Clarke meminta Birch bertindak dengan berhati-hati dan bersabar melayani serta menghadapi sikap orang Melayu, terutama sekali pembesar-pembesar, yang sudah tentu berlainan dengan sikap orang Inggeris. Tetapi Birch tidak begitu menghiraukan arahan tersebut dan bertindak dengan angkuh mengikut caranya sendiri. Dengan itu timbullah pertelingkahan pendapat dan pegangan di antara beliau dengan orang Melayu, khususnya pembesar-pembesar dan sultan, yang membawa kepada timbulnya permusuhan.

Pertelingkahan dan Permusuhan

Sebenarnya tindakan Birch yang melulu dan tergopoh-gapah itu membuktikan keangkuhannya. Beliau ingin terus memaksakan "nasihat-nasihatnya" ke atas Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Melayu Perak. Desakan demi desakan

dilakukan ke atas baginda supaya mem-persetujui tindakan beliau. Misalnya, dalam hal pemungutan cukai, tindakan Birch ternyata melulu dan angkuh. Selepas hanya lebih kurang tiga bulan menjadi Residen, beliau telah mendesak Sultan Abdullah supaya menandatangani surat perisytiharan yang membolehkan Birch mengambil alih kuasa dan tugas memungut cukai di Perak. Gesaan ini dilakukannya berturut-turut sebanyak dua kali dan apabila Sultan Abdullah masih enggan menurunkan tandatangannya, Birch telah memberikan amaran kepada Sultan Abdullah pada 20 Januari 1875. Jika Sultan Abdullah gagal menandatangani perisytiharan itu, baginda akan dilucutkan sebagai Sultan Perak. Ini telah menimbulkan kemarahan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar yang menyokong baginda.

Sebenarnya, Sultan Abdullah memang tidak mahukan seorang Residen yang bertindak lebih daripada kedudukannya sebagai penasihat sahaja. Baginda dan penyokong baginda tidak meminta pihak British ataupun Residen, menjadi pemerintah Perak. Seorang penasihat hanyalah bertugas memberikan nasihat sahaja, itu pun apabila nasihatnya diminta. Nasihatnya itu pula tidaklah semestinya diikuti oleh sultan. Tetapi pihak British, seperti yang ditunjukkan oleh Birch dan juga kemudiannya oleh William Jervois, yang menggantikan Andrew Clarke sebagai Gabenor, berfikir sebaliknya. Ini menunjukkan pihak British memang ingin menguasai dan menjajah Perak.

Kemarahan Sultan Abdullah terhadap Birch telah menyebabkan baginda menulis surat kepada Andrew Clarke agar Birch ditukarkan ataupun disekat tindakannya yang telah melanggar adat dan tatasusila orang Melayu. Tetapi Andrew Clarke melarang baginda menulis terus kepada Gabenor melainkan hendaklah dilakukan

melalui Residen Perak, iaitu Birch. Surat perisytiharan penyerahan kuasa memungut cukai itu akhirnya ditandatangani oleh Sultan Abdullah pada 24 Julai 1875. Dengan itu juga kuasa memungut cukai di negeri Perak telah diambil alih oleh Residen British. Malah dari segi pandangan baginda dan pembesar-pembesar negeri, pihak British telah merampas hak mereka untuk memungut cukai. Tetapi pandangan itu tidaklah dihiraukan oleh Birch kerana tujuan utama beliau bukanlah menyenangkan sultan dan pembesar-pembesar tetapi memperbaiki keadaan di Perak untuk kepentingan penjajah British.

Dalam pada itu, Gabenor yang baru dilantik menggantikan Andrew Clarke, iaitu William Jervois telah menyemarakkan lagi pertelingkahan itu. Beliau berasa tidak berpuas hati dengan kuasa yang telah diberikan kepada Birch, kerana dengan kuasa memberikan nasihat sahaja, pihak British tidak akan dapat menguasai Perak, ataupun mana-mana negeri Melayu yang lain. Beliau mahu pihak British menguasai semua aspek pentadbiran negeri selain hal-hal yang bersangkutan dengan agama dan adat resam orang Melayu. Dengan kata lain, semua urusan pungutan cukai, perlantikan pegawai, polis, pembinaan jalan raya dan sebagainya, mestilah di bawah pentadbiran pihak British atas nama Sultan Abdullah. Bagi melaksanakan tujuan itu, Gabenor telah melawat Perak pada bulan September 1875. Sekali lagi Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar yang menyokong baginda didesak supaya menerima rancangan Gabenor untuk menguasai semua aspek pentadbiran negeri itu. Sudah tentulah baginda tidak akan mempersetujuinya. Begitu jugalah sikap kebanyakan pembesar-pembesar Perak, kecuali Raja Yusof dan menantunya, Raja Idris yang telah pun dilantik menjadi hakim dalam perisytiharan sebelumnya.

Pihak British Terus Mendesak

Sultan Abdullah hanya diberi tempoh selama lima belas hari untuk berunding dengan pembesar-pembesar baginda dan memper-setujui rancangan Gabenor. Oleh kerana terpaksa, maka pada 2 Oktober 1875, baginda bersetuju menandatangani dua surat perisytiharan yang melantik hakim British serta membenarkannya mengendalikannya semua aspek pentadbiran negeri, termasuk urusan kutipan dan pentadbiran cukai, perlantikan datuk-datuk dan penghulu-penghulu. Dengan itu juga (tamatlah kuasa sebenar Sultan Abdullah) Kuasa itu telah diambil oleh pihak British dengan cara rakus sekali. Pada hujung bulan Oktober 1875 itu, Frank Swettenham telah ditugaskan untuk menghebahkan perisytiharan itu ke seluruh negeri Perak supaya orang Melayu mengetahui tentang penguasaan pihak British ke atas negeri itu. Tetapi beliau juga mendapati kebanyakan pembesar Perak tidak menyetujui perisytiharan itu.

Pakatan Melawan Pihak British

Sebenarnya tindak-tanduk pihak British, terutamanya Birch, memang tidak disenangi sejak awal lagi oleh orang Melayu, khususnya Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar baginda. Menjelang (ketibaan Frank Swettenham untuk menghebahkan perisytiharan pada 2 Oktober itu) Sultan Abdullah dan pembesarnya termasuklah Raja Ismail, telah pun bersetakat untuk melawan pihak British demi menjaga maruah dan juga kepentingan mereka. Terdahulu daripada itu, pada 21 Julai 1875, Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak, kecuali Raja Yusof, telah mengadakan mesyuarat di Durian Sebatang, untuk membincangkan rancangan yang wajar dilakukan bagi menyekat tindak-tanduk pihak British yang semakin berleluasa itu.

(Dalam mesyuarat tersebut, mereka bersetuju untuk melawan dengan secara kekerasan.) Langkah pertama yang akan dilakukan ialah membunuh Birch yang mewakili kuasa British di negeri Perak. Datuk Maharajalela dan pengikutnya termasuk Datuk Sagor, telah menyatakan kesanggupan melaksanakan tugas tersebut.) Mereka harus mempertahankan hak mereka dengan melawan orang Inggeris yang dengan jelas berusaha untuk memerintah negeri mereka serta merosakkan adat istiadat mereka.

Seterusnya, pada (hujung bulan Julai 1875, Sultan Abdullah telah menghantar utusan ke Pulau Pinang untuk membeli senjata yang mungkin diperlukan nanti.) Pendeknya, sambil pihak British membuat desakan demi desakan, ancaman demi ancaman untuk mendapatkan kuasa menadbir dan memerintah, orang Melayu pula telah mengadakan persediaan bagi menentang tujuan tersebut. (Tetapi rancangan itu tidaklah dilaksanakan dengan serta-merta.) Mereka harus menunggu waktu dan keadaan yang sesuai untuk melancarkannyanya. Sementara itu, (Sultan Abdullah terpaksa menunjukkan sikap terbaik-baik dengan pihak British dan bersetuju dengan rancangan mereka, walaupun perbuatan itu bererti menggalakkan lagi orang Inggeris untuk bertindak lebih jauh dan berani.)

Birch Dibunuh

Pihak (British yang berasa lega kerana telah dapat menguasai Perak sepenuhnya melalui surat perisytiharan bertarikh 21 Oktober 1875 itu, mula bergerak untuk menyebarkan berita itu ke seluruh negeri Perak.) Selain Birch, Frank Swettenham juga diberikan tugas tersebut. (Pada 27 Oktober 1875, perisytiharan tersebut telah ditampalkan di tempat kediaman Residen di Bandar Baharu.) Upacara ini telah di-

iringi dengan tembakan hormat sebanyak dua puluh satu das. Kini pihak British telah menjadi pemerintah negeri Perak secara langsung, walaupun pemerintah itu kononnya dilakukan dengan nama sultan.

↳ Dalam pada itu, Sultan Abdullah dan pembesar baginda sudah tidak dapat bersabar dengan telatah pihak British itu. Masanya sudah sampai untuk mereka bertindak. Maruah sudah tercabul. Kedaulatan negeri dan raja sudah tergugat. Oleh itu mereka harus melawan. Dengan itu Sultan Abdullah dan Raja Ismail telah mengizinkan Datuk Maharajalela dan orang-orangnya mengambil tindakan yang sewajarnya, iaitu memulakan penentangan. Tindakan itu akan dimulakan dengan pembunuhan pegawai British khasnya yang sedang bertugas menyebarkan risalah perisytiharan itu.

↳ Tugas Datuk Maharajalela dan orang-orangnya, seperti Datuk Sagor dan Pandak Endut, ialah membunuh Birch apabila Residen itu tiba di Pasir Salak. Birch tiba di Pasir Salak pada 11 November 1875 dan akan memulakan tugasnya pada pagi yang berikutnya. Pada pagi esoknya, Birch telah mengarahkan keraninya, iaitu Mat Arshad, supaya mula menampalkan risalah-risalah tersebut di Pasir Salak, sementara beliau pergi mandi dahulu. Pada ketika itulah Datuk Maharajalela menyuruh orang-orangnya memulakan tindakan. Mat Arshad yang sedang menjalankan usaha menampalkan risalah itu pada mulanya telah dihalang oleh orang-orang Datuk Maharajalela supaya tidak meneruskan kerja yang diperintahkan oleh Birch itu. Tetapi oleh kerana Mat Arshad berkeras juga untuk melaksanakan perintah Birch itu, maka beliau telah dibunuh. Sementara sekumpulan lagi telah pergi ke tempat Birch. Salah seorang pengikut Datuk Maharajalela yang setia, iaitu Seputum, telah meringkuk Birch dengan sebilah lem-

bing dan seterusnya menetaknya hingga mati. Frank Swettenham juga diberitakan nyaris menemui ajalnya dalam perjalanannya menghilir Sungai Perak itu.

Perang Perak

Daripada kejadian tersebut, kita dapat melihat bahawa tujuan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesarnya bukanlah semata-mata untuk membunuh Birch sahaja. Baginda ingin menghalau kuasa British dari negeri Perak dan mendapatkan semula kuasa baginda dan juga pembesar-pembesar negeri yang telah dirampas oleh pihak British melalui perisytiharan 2 Oktober 1875. Kita bolehlah menganggap bahawa peristiwa tersebut sebagai salah satu daripada peristiwa penentangan orang Melayu terhadap penjajahan Barat yang telah bermula sejak awal kurun ke-16, iaitu semasa Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Pembunuhan reaksi yang ganas daripada pihak British. Dengan segera mereka telah menghantar pasukan tentera ke Pasir Salak, dan Pasir Salak berjaya ditawan. Bagi mengukuhkan lagi kedudukannya, pihak British telah membawa masuk ramai tentera dari India dan Hong Kong. Negeri Perak diletakkan di bawah kawalan tentera British sehingga bulan Mac 1876.

Dalam jangka masa itu, berlakulah beberapa pertempuran di antara orang Melayu dan Inggeris. Tetapi kerana persiapan senjata orang Melayu tidak mencukupi, maka mereka tidak dapat bertahan lama. Pihak British telah menawarkan hadiah sebanyak \$6000.00 kepada sesiapa yang berjaya menangkap Datuk Maharajalela dan \$3000.00 bagi dua orang pengikutnya yang disyaki terlibat. Peristiwa pertempuran ini dikenali juga sebagai Perang Perak yang berlaku selama hampir

setengah tahun. Malangnya, pihak British telah berjaya mengalahkan pejuang Perak dan menangkap pembesar yang terlibat pada pertengahan tahun 1876.

Hukuman

Berikutan kejayaan itu, pihak British telah menjatuhkan hukuman yang dianggap wajar ke atas mereka yang telah menentang. Daripada penyiasatan, mereka mengatakan hampir semua pembesar negeri Perak terlibat, kecuali Raja Yusof dan Raja Idris. Setelah diadakan perbicaraan yang ringkas, mereka telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas Datuk Maharajalela beserta dengan lima orang pengikutnya yang setia, termasuklah Datuk Sagor dan Pandak Endut. Mereka telah digantung di Matang pada bulan Januari 1876. Raja Ismail pula telah dibuang negeri ke Johor, Sultan Abdullah, Menteri Larut, Datuk Lakamana dan Datuk Syahbandar telah dihukum buang negeri di Pulau Seychelles iaitu sebuah pulau kecil di Lautan Hindi. Hukuman ini sudah tentulah bertujuan menjadi teladan kepada sesiapa yang ingin meneruskan perjuangan melawan pihak British. Sesungguhnya perjuangan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesarnya menentang pihak British menjadi peristiwa yang bersejarah bagi tanah air kita.

Raja Yusof Menjadi Sultan

Walau bagaimanapun, pihak British tidaklah terus mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Perak. Sebenarnya mereka juga belajar daripada apa yang telah berlaku itu. Bagi mengelakkan bencana yang lebih besar lagi, pihak British mengambil keputusan untuk meneruskan sistem Residen tetapi dengan cara yang sesuai dengan sikap dan pandangan orang Melayu dan tidak secara rakus dan angkuh

seperti yang telah dijalankan oleh Birch dan Gabenor Jervois.

Bagi memenuhi kekosongan jawatan sultan, pihak British telah melantik Raja Yusof menjadi Sultan Perak mulai tahun 1877. Raja Idris pula, yang pada masa itu sedang menyandang jawatan Hakim Besar Perak, telah dilantik menjadi Raja Muda. Pihak British telah mengambil alat-alat kebesaran negeri Perak dan dibawa ke England. J.G. Davidson telah dilantik sebagai Pemangku Residen sementara menunggu calon yang difikirkan lebih layak. J.G. Davidson telah meletakkan jawatannya pada bulan Februari 1877 dan pada bulan April, Residen British yang baru, iaitu Hugh Low, telah tiba di Perak untuk meneruskan dan melaksanakan cita-cita pihak British.

Pihak British Masih Bimbang

Dalam pada itu, Sultan Abdullah yang telah dihukum buang negeri ke Pulau Seychelles masih membimbangkan pihak British kerana baginda masih mempunyai ramai penyokong di negeri Perak. Oleh itu setiap permintaan baginda untuk pergi ke England bagi mengemukakan rayuan kes baginda, telah ditolak. Kes baginda itu telah dibawa ke Parlimen British, malah seterusnya telah dibuat pula rayuan peribadi kepada Ratu England, tetapi semuanya ditolak belaka. Ini menunjukkan betapa seriusnya pandangan pihak British terhadap tindakan sultan dan pembesar Melayu Perak melawan mereka. Sultan Abdullah tidak langsung dibenarkan melawat England apatah lagi negeri-negeri Melayu.

Kadaan ini berjalan selama kira-kira empat belas tahun. Pada tahun 1891 atas rayuan kedua-dua putera baginda iaitu Raja Ngah Mansur dan Raja Chulan, barulah Sultan Abdullah dibenarkan kembali ke Singapura. Baginda telah tinggal di

Jalan Selegi, Singapura, selama lima belas tahun. Pada tahun 1916, baginda dibenarkan pulang ke Kuala Kangsar, Perak untuk menghabiskan sisa-sisa hidup baginda. Pada masa itu baginda pun sudah tua dan boleh dikatakan semua pembesar yang menyokong baginda dahulu telah pun meninggal dunia. Sudah tentulah pengaruh baginda juga sudah berkurangan. Oleh sebab itu, pihak British tidaklah berasa bimbang lagi tentang keupayaan Sultan Abdullah meneruskan perjuangan baginda.

Putera-putera Sultan Abdullah

Setelah Sultan Abdullah dihantar ke Pulau Seychelles, pihak British memikirkan pula cara yang baik untuk mengelakkan penyokong baginda daripada meneruskan perjuangan menentang mereka. Salah satu daripadanya ialah dengan menunjukkan sikap terbaik-terhadap keluarga dan putera-putera baginda, iaitu Raja Ngah Mansur dan Raja Chulan. Mereka telah dihantar belajar di Sekolah Tinggi Melaka. Gabenor Jervis telah meminta guru besar sekolah tersebut agar membimbing dan menjaga mereka dengan sebaik-baiknya menurut cara orang Inggeris. Di bawah jagaan guru besar itu, mereka dibesarkan sebagai anak-anak Inggeris dalam serba-serbinya. Kedua-duanya terbukti merupakan anak-anak yang pintar belaka. Mereka cukup fasih berbahasa Inggeris dan juga telah mengamalkan cara hidup seperti orang Inggeris. Akibatnya mereka hampir lupa akan bahasa ibunda dan adat resam Melayu. Setelah tamat pelajaran, mereka telah pulang ke Perak, dan mereka telah mempelajari bahasa dan adat resam Melayu semula. Mereka juga telah dilantik menjadi Pegawai Muda dalam perkhidmatan awam negeri Perak. Raja Mansur bertugas sebagai Setiausaha kepada Resi-

den dan Raja Chulan sebagai Pemungut Hasil Tanah (Pegawai Daerah) bagi Larut dan Matang.

Kejayaan pendidikan yang dicapai oleh kedua-dua putera Sultan Abdullah itu sangatlah memuaskan hati pihak British. Dengan memberikan pendidikan yang demikian, diharap akan dapat "mengeriskan" mereka. Dengan itu, mereka akan dapat melupakan pahit maung yang telah dialami oleh ayahanda mereka semasa menentang pihak British dahulu. Mereka diharap akan memihak kepada pihak British bagi mengukuhkan kedudukan penjajah British. Oleh yang demikian, tidaklah lagi berlaku penentangan terhadap pihak British.

Nampaknya harapan pihak British itu tidaklah dihampakan. Mereka tidak memberontak dan tidak melakukan kegiatan penentangan. Dengan itu pihak British berasa yakin bahawa mereka memihak kepadanya. Larangan ke atas keluarga Sultan Abdullah berhubung dengan hak mewarisi takhta kerajaan Perak telah ditarik balik. Tindakan itu telah membolehkan Raja Chulan dilantik menjadi Raja di Hilir Perak. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga ke akhir hayatnya pada tahun 1933, dalam usia kira-kira 63 tahun.

Di samping jawatan tersebut, Raja Chulan juga dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak, ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan dan menjadi Hakim. Jasa beliau yang lain termasuklah menubuhkan pasukan askar Melayu. Kerajaan British telah menganugerahkan gelaran "Sir" kepada beliau.

Pentadbiran Hugh Low

Penjajahan dan penguasaan British di Perak mencapai kejayaan yang gemilang di bawah pentadbiran Hugh Low,

Residen British yang ketiga di negeri itu. Hugh Low telah tinggal lama di negeri Melayu. Tatkala beliau berumur sembilan tahun lagi beliau sudah berada di Sarawak menjalankan kajian ke atas beberapa jenis tumbuhan di situ. Beliau bekerja dengan Raja Sarawak, iaitu Raja James Brooke. Selepas itu beliau telah menjawat jawatan Setiausaha Tanah Jajahan British bagi cawangan Labuan, selama lebih kurang 30 tahun, sebelum beliau menjadi Residen British di Perak.

Tatkala Hugh Low sampai di Perak pada bulan April 1877, beliau mendapati masih ada tugas yang harus dilakukan untuk menjadikan negeri itu sesuai dengan



Sir Hugh Low, Residen British ketiga di Perak.

kepentingan pihak British. Banyak perkara yang didapatinya tidak sesuai, dan seperti pandangan Birch dahulu, harus diubah. Tetapi beliau tidaklah bercadang hendak bertindak dengan gopoh, angkuh dan terburu-buru seperti Birch. Di samping berpengalaman luas di Alam Melayu, pandai berbahasa Melayu dan mengetahui adat resam Melayu, Hugh Low juga telah mempelajari kesusilaan yang telah dilakukan oleh Birch. Oleh itu, beliau harus bertindak dengan berdiplomasi, bersabar dan berhati-hati, iaitu seperti seorang yang bersopan-santun dan beradab. Dengan itu juga, beliau telah berjaya melakukan banyak perubahan untuk kepentingan pihak British, sedangkan orang Melayu hanya mendapat sedikit sahaja faedah daripadanya.

Hugh Low telah mendirikan pejabatnya di Kuala Kangsar. Tugas beliau yang utama ialah memperkemaskan sistem pentadbiran negeri. Pada masa itu boleh dikatakan hampir semua daerah di negeri Perak telah mempunyai seorang Inggeris sebagai ketua pentadbirannya. Oleh itu Hugh Low perlu menyelaras dan memperkemasnya lagi. Beliau telah berjaya melaksanakan usaha ini dalam masa lebih kurang tiga bulan sahaja. Seterusnya beliau telah menubuhkan pula sebuah Majlis Mesyuarat Negeri yang bertujuan memberikan peluang kepada ahli-ahli untuk mengemukakan pandangan tentang pentadbiran negeri. Pencen bagi pembesaran yang telah kehilangan hak memungut cukai juga diuruskan. Beliau juga menubuhkan sebuah pasukan polis yang kebanyakannya terdiri daripada orang Punjab. Dengan cara berhati-hati beliau juga dapat mengatasi masalah hamba abdi menjelang tahun 1883.

Kejayaan Hugh Low memperbaiki pentadbiran negeri Perak telah membolehkan kemajuan dalam berbagai-bagai bidang. Kemajuan yang nyata sekali ialah dalam

bidang ekonomi iaitu sesuai dengan tujuan pihak British menjajah Perak khususnya dan Tanah Melayu amnya. Hugh Low telah memberikan sokongan yang kuat dan menampakkan minat yang besar terhadap kemajuan dan perkembangan perlombongan bijih timah. Dahulunya, sektor ini dikuasai oleh orang Melayu dan Cina, tetapi dengan secara beransur-ansur Hugh Low menggalakkan pengusaha Inggeris membuka lombong di Perak. Begitulah juga halnya dengan bidang pertanian. Hugh Low telah memperkenalkan pokok getah di Tanah Melayu dan juga membuat percubaan menanam kopi dan teh secara perdagangan. Tetapi sebahagian besar faedah usaha pertaniannya itu hanyalah untuk kepentingan orang Inggeris. Misalnya, ladang getah dan lombong bijih timah yang besar yang dibuka, dan diusahakan oleh orang Inggeris dan bukannya orang Melayu. Begitu jugalah kemajuan kemudahan asas seperti jalan raya dan kereta api. Landasan kereta api yang pertama telah dibina pada tahun 1885 yang menghubungkan kawasan perlombongan Taipung dengan pelabuhan Weld. Selain itu, hubungan telefon dan sebagainya telah diadakan di sekitar kawasan ladang orang Inggeris, kawasan perlombongan, bandar-bandar dan bukannya di kawasan luar bandar yang mengandungi ramai penduduk Melayu. Oleh itu, di sebalik adanya kemajuan, orang tempatan, khususnya orang Melayu, tetap berkeadaan seperti dahulu jua.

Hugh Low berkhidmat sebagai Residen Perak selama dua belas tahun (1877-1889). Dalam jangka masa tersebut beliau telah berjaya memperbaiki pentadbiran British di negeri itu dan berjaya pula mewujudkan suasana yang sesuai bagi perkembangan ekonomi penjah. Tidak hairanlah jika pentadbiran beliau itu telah menjadi contoh kepada Residen-Residen British di negeri-negeri Melayu yang lain.

Sistem Residen di Selangor

Di Selangor tidak ada sebarang perjanjian rasmi untuk memperkenalkan sistem Residen seperti yang terdapat dengan Perjanjian Pangkor di Perak. Menurut Gabenor Sir Andrew Clarke, tidak ada sebarang kekerasan digunakan ke atas Sultan Abdul Samad supaya menerima seorang Residen British. Clarke telah bertemu dengan Sultan Abdul Samad sebanyak tiga kali dan telah menghantar seorang pegawai Inggeris bernama Frank Swettenham, bersama Sultan Abdul Samad untuk menasihati sultan secara tidak rasmi. Swettenham telah disertai dengan 20 orang askar Sepoi. Askar-askar ini kononnya ialah untuk menjaga keselamatan sultan. Swettenham berjaya mempengaruhi sultan untuk menerimanya sehinggakan sultan bersedia membayar elau dan gaji Swettenham. Akuan penerimaan Penasihat British ini telah dinyatakan oleh Sultan Abdul Samad dalam suratnya bertarikh 1 Oktober 1874 kepada Gabenor Andrew Clarke.

Residen J.G. Davidson

Sungguhpun demikian, untuk meningkatkan keyakinan dan menarik lebih banyak modal ke Selangor, Clarke telah dengan rasminya melantik seorang Residen bagi negeri Selangor dan pada bulan Januari 1875 satu perisytiharan telah dikeluarkan oleh Gabenor Clarke bahawa pegawai British sedang membantu Sultan Abdul Samad membuka dan mentadbirkan negeri Selangor. Swettenham pula dilantik sebagai Penolong Residen.

J.G. Davidson ialah seorang peguam dari sebuah syarikat bijih timah di Selangor. Oleh kerana beliau sudah lama berada di Selangor, Davidson telah bersahabat baik dengan beberapa pembesar Selangor dan juga dengan Sultan Abdul Samad.

Davidson juga mempunyai watak penyabar, boleh berbahasa Melayu dan memahami adat resam masyarakat Melayu.

Kebanyakan pembesar Melayu di Selangor pula sudah tidak aktif lagi untuk berjuang seperti yang telah dilakukan oleh Raja Mahdi sejak Perang Klang tahun 1867-1873 itu. Raja Mahdi dan penyokongnya telah dikalahkan oleh pihak British pada bulan Mac 1874. Raja Mahdi telah dip perintah buang negeri ke Johor dan telah meninggal dunia di sana pada 10 Januari 1882. Ini telah menyebabkan ramai pembesar Melayu Selangor yang beranggapan bahawa pentadbiran British akan menguntungkan mereka juga.

Tengku Kudin

Sistem Residen di Selangor tidak menghadapi masalah seperti di Perak. Malah sistem Residen bolehlah dianggap berjaya dilaksanakan di Selangor kerana beberapa sebab. Pertama ialah kerana adanya menantu sultan, Tengku Kudin, yang telah diberi kepercayaan penuh oleh Sultan Abdul Samad. Tengku Kudin telah menerima pendidikan Inggeris di Pulau Pinang dan amat sesuai dengan pemikiran dan perubahan yang dianjurkan oleh pihak British. Beliau mudah menerima nasihat dan senang dipengaruhi oleh rancangan perubahan yang dikemukakan. Tengku Kudin telah menubuhkan satu pasukan polis di Klang, dengan bantuan Residen untuk menjaga keamanan negeri. Beliau juga bersahabat baik dengan Kapitan Cina, Yap Ah Loy dan telah meminta Kapitan Cina itu menjaga keamanan di rumah-rumah kongsi di kawasan perlombongan. Tengku Kudin telah mentadbir negeri Selangor dengan cekapnya. Perbendaharaan Selangor bertambah dan Sultan Abdul Samad memperoleh keuntungan yang besar. Malah kedudukan Sultan Abdul Samad sebagai pemerintah negeri Selangor

terjamin dan tidak lagi tergugat.

Sementara itu desakan-desakan tidak berpuas hati daripada kerabat diraja Selangor juga mula timbul apabila Tengku Kudin dilantik menjadi Pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada tahun 1877. Biasanya pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri ialah sultan negeri itu. Kedudukan kuasa British di Selangor pula sudah kukuh. Oleh itu pihak British mula mengtepetikan Tengku Kudin. Akhirnya Tengku Kudin telah meletakkan jawatan pada tahun 1878. Beliau dibayar sugu hati sebanyak \$30 000.00 dan diberikan pencen diri dan keluarga sebanyak \$700.00.



Tengku Kudin telah dilantik oleh Sultan Abdul Samad sebagai wakil sultan.

Frank Swettenham

Satu lagi faktor yang menolong kelancaran sistem Residen di Selangor ialah adanya Frank Swettenham. Pada mulanya Swettenham menjadi Penolong Residen kepada Davidson dan akhirnya sebagai Residen Selangor dari tahun 1882 sehingga tahun 1889. Apabila J.G. Davidson dilantik menjadi Residen Perak selepas Birch dibunuh, tempatnya sebagai Residen Selangor telah digantikan oleh Kapten Bloomfield Douglas (1876-1880). Douglas ialah seorang pegawai angkatan tentera laut British dan tidak berminat untuk mentadbir. Beliau juga tidak sabar dengan sikap dan adat resam orang Melayu. Oleh itu, semasa menjadi Residen di Selangor, prestasi pentadbiran negeri telah menurun. Mujurlah tempatnya telah digantikan oleh Frank Swettenham. Sebagai seorang pegawai British yang telah lama berkecimpung dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu, Swettenham amat memahami selok-belok, sikap, perangai dan adat resam pembesar-pembesar Melayu. Pengalamannya sebagai Penolong Residen Selangor sejak tahun 1875 telah digunakan untuk mentadbir negeri Selangor dengan baiknya bagi kepentingan ekonomi kerajaan penjajah British.

Kapitan Cina Yap Ah Loy

Kelancaran sistem Residen di Selangor juga telah dibantu oleh Yap Ah Loy yang menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur sejak tahun 1869. Beliau telah membawa masuk ramai pelombong Cina ke Kuala Lumpur. Sungguhpun perlantikan asalnya sebagai Kapitan Cina telah dibuat oleh Raja Mahdi, akan tetapi dalam Perang Klang yang berlaku seterusnya, Yap Ah Loy telah memihak kepada Tengku Kudin. Apabila Tengku Kudin dan pihak British dapat mengalahkan Raja Mahdi pada

tahun 1874, Yap Ah Loy telah dikekalkan sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Beliau telah berjaya menjaga keamanan di Lembah Klang khususnya di kalangan pelombong Cina. Pada tahun 1879, kerajaan British telah melantik seorang ketua pentadbir berbangsa Inggeris bagi Kuala Lumpur, dan seterusnya Yap Ah Loy dan kapitan-kapitan Cina selepas beliau hanya berperanan sebagai penasihat mengenai orang Cina kepada ketua pentadbir British itu.



Kapitan Yap Ah Loy.

Bab 11

Perluasan Sistem Residen ke Negeri Sembilan dan Pahang

Sistem Residen di Negeri Sembilan

Sistem Residen di Negeri Sembilan bermula pada 10 Oktober 1874 apabila Dato' Kelana Sungai Ujong telah mengibarkan bendera British di situ. Seterusnya seorang hakim dari Melaka yang bernama Isemonger telah dilantik sebagai Residen Sungai Ujong dan seorang pegawai tentera Kapten Tatham telah dilantik sebagai Penolong Residen. Setelah itu pihak British telah memperluaskan penjajahannya ke daerah lain dengan berbagai-bagai muslihat dan cara tetapi dengan kadar yang agak perlahan dan berhati-hati.

Daerah kedua dikuasai oleh pihak British di Negeri Sembilan ialah Rembau iaitu pada tahun 1883. Pada ketika itu daerah Rembau bukanlah merupakan satu kawasan yang mempunyai tarikan ekonomi, sebaliknya merupakan kawasan yang termiskin di Tanah Melayu menurut kaca mata pihak British. Perkara yang menyebabkan mereka mengembangkan kuasanya di situ ialah kerana kedudukan Rembau yang bersempadan dengan Melaka dan Sungai Ujong. Persengketaan di antara Datuk-datuk Penghulu Rembau untuk menjadi Undang telah membimbangkan pihak British di Melaka dan Sungai Ujong. Akhirnya satu persidangan antara pembesar-pembesar Rembau telah diadakan di Melaka pada

tahun 1883. Datuk Syahbandar Serun telah dilantik menjadi Undang Rembau dan beliau bersama-sama dengan Datuk-datuk Lembaganya bersetuju menerima dan mengikuti nasihat Gabenor British di Melaka. Gabenor telah mengunjungi Rembau beberapa kali untuk memberi nasihat kepada Undang Rembau menyelesaikan beberapa perkara dan mengawasi pembinaan jalan raya. Pembinaan jalan raya ini mendapat pinjaman kewangan daripada kerajaan British. Persengketaan di kalangan pembesar-pembesar daerah Rembau seterusnya menyebabkan satu perjanjian ditandatangani di antara British dengan Undang Rembau dan pembesar-pembesarnya pada 17 September 1887. Menurut perjanjian ini seorang pegawai British yang berjawatan Majistret dan Pemungut Hasil Tanah akan dilantik oleh Gabenor untuk menyelesaikan masalah kutipan cukai, dan untuk membantu pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang. Sebagai balasannya, pembesar-pembesar Rembau akan dibayar satu pertiga daripada pungutan hasil tahunan daerah itu.

Selepas itu kuasa British telah meluas ke Jelevu. Daerah Jelevu dipercayai oleh British sebagai satu kawasan yang berpotensi dengan hasil bijih timah. Oleh itu kerajaan British amat berminat terhadap Jelevu. Perebutan kuasa antara Yamtuan

Muda Abdullah dan Penghulu Syed Ali menyebabkan pihak British mendesak mereka dan waris-warisnya menandatangani satu perjanjian pada bulan September 1886 dan akan menempatkan seorang pegawai bertaraf Majistret dan Pemungut Hasil Tanah di Jelebu. Tugas pegawai ini ialah mengawasi pemungutan hasil dan pentadbiran supaya tidak dicampurkan dengan soal-soal yang berkaitan dengan hukum syarak. Seterusnya Jelebu telah ditadbirkan sebagai sebuah daerah di bawah kekuasaan Residen Sungai Ujong.

Keadaan yang hampir sama juga berlaku di Seri Menanti. Yamtuan Antah yang telah menjadi Undang dan atas desakan pihak British telah menandatangani perjanjian bagi menempatkan seorang pegawai British yang berjawatan Majistret dan Pemungut Hasil Tanah di Kuala Pilah pada 4 Jun 1887. Tujuan perjanjian ini ialah untuk menegakkan keamanan dan memberi jaminan keselamatan kepada nyawa dan harta, untuk mewujudkan kekuasaan British dan untuk memajukan sumber-sumber semula jadi daerah Seri Menanti.

Menjelang tahun 1888 keadaan di Negeri Sembilan adalah seperti berikut. Jelebu telah menjadi sebahagian kawasan pentadbiran Residen Sungai Ujong. Rembau dan Seri Menanti mempunyai seorang pegawai British yang berjawatan Majistret dan Pemungut Hasil Tanah. Pegawai-pegawai ini diawasi oleh Gabenor British di Melaka. Manakala daerah Tampin pula masih belum membuat hubungan rasmi dengan kuasa British. Atas desakan pihak British pada 13 Julai 1889 Seri Menanti, Tampin dan Rembau telah dengan rasminya disatukan di bawah kuasa perlindungan British dalam bentuk satu persekutuan. Unit pentadbiran ini dikenali sebagai Negeri Sembilan dan pembesar-pembesar telah memohon bantuan seorang Residen.

Pegawai British yang dilantik ialah Martin. Lister. Dengan itu terdapat dua unit pentadbiran pada tahun 1889. Unit pertama di bawah Residen Sungai Ujong. W.F.B. Paul yang merangkumi kawasan Sungai Ujong dan Jelebu. Unit kedua ialah di bawah Martin Lister dan merangkumi kawasan persekutuan Negeri Sembilan, iaitu Seri Menanti, Tampin dan Rembau.

Pada tahun 1895 Yamtuan Besar Seri Menanti bersama-sama dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu dan Tampin telah bersetuju mewujudkan persekutuan yang diberi nama Negeri Sembilan yang dahulunya digunakan bagi persekutuan antara Seri Menanti, Tampin dan Rembau. Semua pembesar persekutuan ini telah memohon bantuan khidmat seorang Residen British dan mereka berjanji akan sedia mengikuti semua nasihat residen ini dalam hal-hal pentadbiran yang selain perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Sistem Residen di Negeri Sembilan telah bermula di Sungai Ujong sejak tahun 1874. Selepas itu perkembangan kuasa Residen ke daerah lain di Negeri Sembilan berlaku secara berperingkat-peringkat, bermula dengan penerimaan keputusan Gabenor British di Melaka dalam semua persengketaan dan diikuti dengan bantuan kewangan daripada kerajaan penjajah. Kemudian disusuli pula dengan pengawalan kuasa British ke atas hasil-mahsul dan lain-lain aspek pentadbiran daerah. Perkara yang nyata ialah pemberian nasihat tanpa penguasaan dan mengelak daripada melakukan sesuatu perubahan yang besar dan mengejut. Ini berlaku kerana beberapa sebab.

Pertama, sungguhpun persengketaan merebut jawatan Undang dan pembesar-pembesar daerah sering berlaku di Negeri Sembilan, tetapi tidaklah begitu serius untuk memerlukan satu tindakan yang segera seperti yang berlaku di Perak.

Kedua, penentangan orang Melayu pada tahun 1870-an di Perak dan Selangor telah menyebabkan Gabenor Negeri-Negeri Selat berhati-hati dalam tindakannya di Negeri Sembilan. Tambahan pula keadaan politik di Negeri Sembilan lebih rumit berbanding dengan di negeri-negeri Melayu lain kerana sistem Adat Perpatih. Ketiga ialah pihak Pejabat Tanah Jajahan British di London amat berkeberatan untuk meneruskan peluasan kuasa di negeri-negeri Melayu pada tahun 1882 dan 1883. Oleh itu Gabenor berpendapat adalah lebih wajar baginya untuk bertindak dengan perlahan-lahan, dari satu tahap ke satu tahap, menasihati, memberi bantuan yang aktif dan akhirnya barulah penguasaan. Tambahan pula kawasan Negeri Sembilan tidak mempunyai hasil galian yang kaya dan dilindungi oleh Melaka dan Sungai Ujong daripada kuasa-kuasa asing. Oleh itu tiada keperluan untuk mengambil tindakan yang segera bagi melindungi kepentingan ekonomi dan strategik kuasa British.

Dengan faktor-faktor inilah Gabenor dan Pejabat Tanah Jajahan British berpuas hati dengan tindakan secara berperingkat-peringkat dalam menegakkan kuasa British di Negeri Sembilan, dan tidak perlu dipercepatkan.

Sistem Residen di Pahang

Sistem Residen di Pahang bermula dengan termeternainya perjanjian di Pekan pada 8 Oktober 1887 di antara Bendahara Wan Ahmad yang menjadi Sultan Pahang dengan kerajaan British. Sebenarnya perjanjian ini telah diidam-idamkan oleh kerajaan British sejak awal tahun 1883 lagi. Pihak British telah menghantar beberapa wakilnya untuk mempengaruhi, malah untuk mendesak Bendahara Wan Ahmad agar bersetuju menempatkan seorang pegawai British di Pahang.

Dengan Perjanjian 1887 ini Hugh Clifford telah dilantik sebagai wakil British di Pahang. Tetapi beliau tidak mempunyai kuasa untuk mentadbir dan membantu memajukan negeri Pahang. Clifford juga dapat mempengaruhi sultan dan pembesar-pembesarnya. Sementara itu, bilangan pemodal British dan Cina dari Singapura yang mendapat kurnia Bendahara Wan Ahmad untuk membuka lombong dan membalak di Pahang sedang meningkat. Pihak British mahu mengawal pemberian hak melombong dan membalak. Ini bermakna bahawa hanya dengan menempatkan seorang Residen di Pahang sahaja, barulah kuasa Bendahara Wan Ahmad sebagai sultan dapat dihadkan. Pihak British telah menggunakan alasan pembunuhan seorang rakyat British yang berketurunan Cina bernama Goh Hui untuk mendesak Wan Ahmad supaya menandatangani satu lagi perjanjian dengan pihak British. Pada 24 Ogos 1888 Wan Ahmad menandatangani satu surat yang membenarkan penempatan seorang pegawai British sebagai Residen di Pahang. Di samping itu, baginda juga memohon agar semua hak dan kuasa pemerintahan tradisionalnya dikekalkan, dan semua adat istiadat yang berkaitan dengan agama Islam dikecualikan daripada penguasaan Residen. Dengan itu, keadaan di Pahang sama seperti di Perak, Selangor dan Sungai Ujong, pertimbangan kepentingan ekonomi telah menyebabkan pihak British berusaha menempatkan seorang Residen di negeri itu.

J.P. Rodger telah dilantik menjadi Residen Pahang yang pertama. Beliau menghadapi beberapa masalah dalam menjalankan tugasnya. Beliau yang disertai oleh 25 tentera Sikh sebagai pengawal Residen tidak disenangi oleh Sultan Wan Ahmad. Malah Residen Rodger telah berhati-hati dan tidak terus menjalankan kutipan cukai dan menguasai pentadbiran Pahang. Sistem Residen hanya mula dilaksanakan di

Pahang pada bulan Julai 1889. Pada masa itu, satu pasukan polis yang terdiri daripada 50 polis Sikh dan 150 polis Melayu telah ditubuhkan di Hulu Pahang untuk menjaga keamanan. Hugh Clifford dilantik sebagai penguasa polis.

Melalui sistem Residen, pihak British telah mengatur semula pentadbiran Pahang, terutamanya dalam pemungutan cukai. Tetapi Pahang tidak begitu kaya seperti Perak ataupun Selangor. Pahang tidak banyak mengeluarkan hasil bijih timah. Kebanyakan barang dagangannya adalah hasil hutan sahaja. Ini menyebabkan pihak British menghadapi kesukasan untuk mendapatkannya dan juga untuk mendapatkan sumber kewangan yang cukup bagi membayar pencen pembesar-pembesar apabila hak mengutip cukai itu diambil alih daripada mereka nanti. Pembesar-pembesar pada masa itu masih menjalankan kerja memungut cukai di daerah masing-masing. Nyatalah bahawa orang Pahang tidak sukakan campur tangan kuasa British. Pembesar-pembesar Pahang juga menuntut ganti rugi yang besar sekiranya pihak British merampas hak mereka memungut cukai di daerah mereka sendiri.

Sultan Ahmad berasa kurang senang terhadap kemasukan kuasa British ke negeri baginda. Sebagai tanda tidak berpuas hati itu, baginda telah berangkat ke Pulau Tawar di Hulu Pahang dan melantik Tengku Mahmud, iaitu puteranya yang sulung, sebagai Pemangku Raja. Oleh itu terpaksa J.P. Rodger berulang-alik ke Pulau Tawar untuk berunding dengan baginda mengenai perkara yang penting untuk perhatian baginda.

Sementara itu, Hugh Clifford yang menjadi *superintendent* di Hulu Pahang, berusaha mengkaji keadaan dan perkembangan di situ. Kajian ini penting bukan sahaja untuk memudahkan pentadbiran, tetapi juga memudahkan pihak British ber-

tindak sewajarnya jika berlaku pergeseran. Pengetahuan tersebut terbukti berguna setelah Hugh Clifford menjadi Pemangku Residen British di Pahang menggantikan J.P. Rodger. Semasa Hugh Clifford mula menjadi Pemangku Residen itulah berlakunya penentangan orang Pahang terhadap pihak British. Penentangan ini disebabkan oleh kemarahan orang Pahang, terutama sekali pembesar-pembesarnya, terhadap penjajah British yang telah menguasai negeri mereka dan merampas hak-hak mereka, terutamanya hak mengutip cukai.

Orang Kaya Datuk Bahaman

Penentangan ini diketuai oleh seorang pembesar Pahang yang dikenali sebagai Orang Kaya Datuk Bahaman, ataupun Orang Kaya Pahlawan Semantan. Nama sebenar beliau ialah Abdul Rahman, ataupun Bahaman. Beliau mula berkhidmat sebagai pegawai istana. Sifat pemimpin yang ada padanya, kegagahan serta keberanian yang ditunjukkannya dalam Perang Klang dan Perang Pahang telah menyebabkan beliau mendapat kurnia daripada Sultan Wan Ahmad sebagai Datuk Setia Perkasa Pahlawan.

Sejak awal lagi Datuk Bahaman dan orang-orangnya tidak menyetujui kemasukan kuasa British ke Pahang. Oleh kerana itu beliau enggan menerima perintah Residen supaya memberhentikan kerja-kerja mengutip cukai di daerahnya iaitu Semantan. Hanya Sultan Ahmad sahaja yang berhak memerintahkan beliau berbuat sesuatu, bukannya Residen. Pihak British telah membina sebuah balai polis di Lubuk Tena, untuk memerhatikan pergerakan serta kegiatan Datuk Bahaman dan orang-orangnya. Datuk Bahaman menganggap tindakan tersebut sebagai mencabul haknya serta mengancam kedudukannya. Sebagai tindak balasnya, beliau mengancam hakim British di Temerloh

dengan mengirim sepucuk surat ugutan kepadanya. Beliau juga menulis sepucuk surat kepada W.E. Maxwell, Residen Selangor, meminta beliau memasukkan daerah Semantan ke dalam pentadbiran negeri itu. Pihak British terus menjalankan pemerintahannya dan Datuk Bahaman tetap dengan pendiriannya tidak mengiktirafnya.

Pihak British telah mendesak sultan supaya memujuk Datuk Bahaman. Sultan Ahmad telah mengutus Tok Raja, yang juga dikenali sebagai Datuk Maharaja Perba Jelai ke Semantan. Tugas Tok Raja ialah memujuk Datuk Bahaman supaya datang ke Pulau Tawar merundingkan masalah hak mengutip cukai dan juga beberapa sungutan lain. Tetapi Datuk Bahaman menyedari bahawa Tok Raja bercakap bagi pihak British dan bukannya sultan. Oleh itu beliau enggan berunding dan enggan pergi ke Pulau Tawar. Sebaliknya beliau telah pergi ke Kelantan untuk mendapatkan bantuan serta senjata sebagai persiapan sekiranya berlaku serangan oleh pihak British.

Tidak berapa lama kemudian, Datuk Bahaman kembali ke Semantan. Beliau mendapati balai polis di Tena masih ada dan ini menunjukkan pihak British masih berjaga-jaga. Memandangkan hal ini dan memikirkan kemungkinan yang buruk yang akan timbul, maka beliau mengambil keputusan hendak menyerahkan hak atau kuasa mengutip cukai itu kepada pihak British, dan meminta agar ganti rugi tahunan yang sewajarnya itu sebanyak \$6000 setahun dibayar kepada beliau. Sementara menunggu jawapannya, beliau terus mengutip cukai di daerah Semantan. Pihak British enggan memenuhi permintaan Datuk Bahaman itu, sebaliknya menuduh pula beliau telah mengutip cukai secara haram di daerahnya. Seterusnya dalam satu persidangan Majlis Mesyuarat Negeri, pihak British telah mencadangkan kepada sultan agar menarik se-

mula gelaran yang telah diberikan kepada Datuk Bahaman. Dengan perasaan yang berat Sultan Ahmad telah melucutkan gelaran Datuk Setia Perkasa Pahlawan.

Hukuman melucutkan gelaran kebesaran ini amat memalukan Datuk Bahaman. Bagi menjaga maruahnyanya dan juga pengikutnya, beliau telah mula menentang pihak British dan bukannya sultan ataupun pembesar-pembesar Pahang yang lain. Beliau masih tetap taat kepada sultan dan tidak mahu menderhaka kepada baginda.

Datuk Bahaman memulakan penentangannya dengan mengugut akan menyerang dan memusnahkan balai polis Lubuk Tena. Pihak British menghantar dua puluh lima orang anggota polis tambahan untuk menguatkan kedudukan. Ketuanya telah diberi kuasa supaya menangkap Datuk Bahaman. Dalam perjalanan menuju ke Lubuk Tena itu, mereka telah menangkap tiga orang pengikut Datuk Bahaman atas tuduhan mengeluarkan hasil hutan tanpa kebenaran. Mereka telah membicarakan orang-orang yang ditangkap itu di Lubuk Tena itu juga sebagai menunjukkan kuasa mereka.

Tindakan pihak British ini telah menyemarakkan lagi semangat penentangan Datuk Bahaman serta pengikutnya. Beliau melancarkan serangan ke atas balai polis Lubuk Tena dan mencederakan tiga orang anggota polis di situ. Balai polis tersebut dapat ditawan. Apabila J.P. Rodgers, yang pada ketika itu berada di Selangor, mendengar berita itu, beliau dengan tergesa-gesa kembali ke Pahang bersama-sama dengan satu pasukan polis. Setibanya di Raub beliau mengarahkan agar beberapa balai polis yang terletak di daerah sempadan kawasan Semantan dilengkapi dengan menambah jumlah anggota dan bilangan senjatanya. Beliau bimbang Datuk Bahaman dan pengikutnya akan bergerak dan mempengaruhi pembesar-pembesar yang lain supaya bangun menentang.

Residen British kemudiannya meminta Sultan Ahmad mematahkan penentangan Datuk Bahaman itu. Dengan meminta Sultan berbuat demikian, Residen berharap dapat menguji kesetiaan Sultan Ahmad terhadap pihak British. Dengan berbuat demikian, Residen berharap dapat mengaduk-adukan Sultan Ahmad dengan pembesar-pembesarnya supaya mereka tidak bersatu menentang pihak British seperti yang berlaku di Perak. Pihak British juga tidak mahu menanggung kerugian yang besar jika mereka terlibat secara langsung dalam peristiwa seperti yang berlaku di Perak. Walau bagaimanapun, pihak British telah memberikan bantuan dengan menghantarkan dua ratus pucuk senapang dan 10 000 butir peluru.

Sultan Ahmad bersetuju memimpin pasukan yang cuba mematahkan penentangan Datuk Bahaman. Putera baginda, iaitu Tengku Ali juga turut serta. Baginda diiringi oleh kira-kira seribu orang askar Melayu dan beberapa orang pembesar Melayu. Pasukan tersebut telah dapat memusnahkan benteng dan kubu pertahanan Datuk Bahaman tetapi Datuk Bahaman tidak dapat ditawan. Sultan kemudiannya mengeluarkan perisytiharan memberi pengampunan penuh kepada mereka yang terlibat dengan syarat mereka pulang ke kampung masing-masing dalam tempoh sebulan. Namun begitu, Datuk Bahaman dan kebanyakan pengikutnya tidaklah mengikut perisytiharan itu. Pada 9 Mac 1882, mereka telah menyerang dan menawan kembali Lubuk Tena. Tetapi mereka dikalahkan semula oleh pasukan yang diketuai oleh Pemangku Raja. Pihak British telah menawarkan hadiah \$2000 kepada sesiapa yang berjaya menangkap Datuk Bahaman.

Dalam pada itu semangat penentangan dan bencikan penjajah British yang dimulakan oleh Datuk Bahaman telah mula merebak dan mempengaruhi pembesar-pembesar

Pahang yang lain. Mereka telah menghadap sultan di Pulau Tawar dan bermesyuarat bersama baginda. Mereka telah bermuafakat akan taat kepada sultan tetapi tidak akan mengadakan hubungan dengan Residen ataupun Gabenor melainkan melalui sultan. Mereka juga merancang untuk meneruskan perjuangan menentang pihak British. Rancangan ini telah diketahui oleh Sultan Ahmad, walaupun baginda dipercayai tidak turut sama merencangkannya.

Salah seorang pembesar yang sungguh berazam untuk menentang pihak British ialah Tok Gajah, Orang Kaya Jajahan Pulau Tawar. Dalam rancangan itu, pihak sultan diminta mempertahankan kawasan Chenor sekiranya pihak British menyerang. Panglima Muda akan menyerang pasukan British di daerah Pekan dan Tok Gajah mengawal kawasan Tembeling. Anak beliau, iaitu Mat Kilau dan Tok Raja akan menyerang pasukan British di Kuala Lipis. Penentangan ini dimulakan dengan membunuh dua orang pekerja Inggeris di sebuah syarikat milik British dan juga dengan menawan bandar Pekan. Panglima Muda mengatakan bahawa tujuannya mereka ialah untuk menghalau keluar kerana telah merampas hak dan kebebasan orang Pahang. Penentangan seterusnya telah merebak ke Kuala Lipis. Perkembangan ini membimbangkan pihak British. Gabenor telah menghantar dua kapal tentera laut dari Singapura untuk membantu Residen menumpaskan pejuang-pejuang itu.

Pihak British telah memberi amaran kepada Sultan Ahmad agar baginda berusaha bersungguh-sungguh menentang dan menumpaskan pejuang-pejuang itu, jika tidak, pihak British akan bertindak ke atas baginda. Bagi menyelamatkan kedudukan baginda, Sultan Ahmad telah menghantar utusan ke Kuala Lipis meminta Tok Raja memberhentikan rancangannya hen-

dak menyerang Kuala Lipis. Tok Raja taat kepada permintaan baginda, tetapi Mat Kilau enggan, lalu melarikan diri ke Budu. Pada 6 Mei 1892, sultan meminta pertolongan Tok Gajah memulakan serangan ke atas Datuk Bahaman dan pengikut-pengikutnya. Tok Gajah bersetuju kerana taat kepada perintah sultan. Dalam pertempuran itu, Datuk Bahaman dapat dikalahkan dan seorang daripada anaknya telah terbunuh. Namun begitu, Datuk Bahaman dan beberapa pengikutnya dapat melarikan diri, dan Tok Gajah pula enggan terus membunuh Datuk Bahaman dan pengikutnya.

Sementara itu, sespasukan polis British yang diketuai oleh Lt. Kolonel Walker dan Hugh Clifford telah memasuki dan membakar daerah Budu, iaitu kubu Mat Kilau. Mat Kilau dapat menyelamatkan diri dan menyertai kumpulan Datuk Bahaman di kawasan Cheka. Dari situ Mat Kilau bergerak terus menentang penjajahan British di Pahang.

Penyertaan Tok Gajah

Dalam pada itu, Tok Gajah telah mendengar berita tentang perbuatan pihak British di Budu dan juga tentang pelarian anaknya, Mat Kilau ke Cheka. Beliau sungguh terharu, lalu memutuskan untuk menyertai Datuk Bahaman menentang pihak British. Penyertaan Tok Gajah ini semakin membimbangkan pihak British. Gabenor telah meminta jasa baik Maharaja Johor untuk menyertainya dalam perundingan dengan Sultan Ahmad di Pekan. Pihak British memang berasa syak bahawa Sultan Ahmad turut terlibat, tetapi mereka tidak mempunyai bukti yang kuat. Rundingan itu mengambil keputusan mengampunkan semua orang yang menentang pihak British melainkan Tok Gajah dan Datuk Bahaman. Mereka dikehendaki menyerah diri dengan dijanjikan akan

dibicarakan dengan adil. Tetapi mereka tetap ingin meneruskan perjuangan kerana mereka dapat menjangka bahawa mereka akan menerima nasib yang sama seperti pejuang Perak setelah pihak British membicarakan mereka. Oleh itu, buat sementara waktu, Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau telah mengetahui pejuang-pejuang itu melarikan diri ke Terengganu dan seterusnya ke Kelantan.

Pihak British dan Sultan Ahmad bersetuju melantik Tok Raja menjadi orang perantara untuk memujuk Datuk Bahaman dan Tok Gajah supaya menyerah diri dan dibawa ke pengadilan. Akan tetapi Tok Raja juga tidak berjaya memujuk mereka. Sementara itu semangat pejuang-pejuang ini telah dipengaruhi oleh seorang ulama dari Terengganu yang dikenali sebagai Engku Sayid. Beliau telah menyemarakkan semangat perjuangan mereka itu dengan mengajar ilmu kebal kepada mereka. Mereka juga mendapat bantuan daripada beberapa orang besar Kelantan. Engku Sayid dan pengikutnya dari Kelantan juga telah memberi perlindungan kepada pejuang-pejuang dari Pahang itu tatkala mereka melarikan diri ke Terengganu dan Kelantan.

Dengan sokongan yang baru itu, Datuk Bahaman dan Tok Gajah kembali ke Pahang untuk meneruskan perjuangan. Pada 14 Jun 1894, mereka telah menyerang dan menawan balai polis di Kuala Tembeling. Serangan itu menggemparkan pihak British. Mereka bertindak untuk menumpaskan Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau serta pengikutnya. Sementara itu, pihak British telah dapat memujuk sebahagian besar pembesar Pahang agar menyebelahi mereka. Oleh itu mereka telah melantik Tok Raja untuk mengetahui pasukan polis yang akan menentang Datuk Bahaman dan pengikutnya di Kuala Tembeling. Pasukan Tok Raja akhirnya dapat mengalahkan pengikut

Datuk Bahaman. Selepas itu barulah pasukan yang dipimpin oleh Lt. Kolonel Walker dan Hugh Clifford terus memburu Datuk Bahaman sehingga ke Terengganu dan Kelantan. Rupanya serangan Datuk Bahaman dan orang-orangnya ke atas Kuala Tembeling itu merupakan serangan mereka yang terakhir dalam perjuangan mereka menghalau penjajah British dari Pahang. Tidak lama selepas itu Datuk Bahaman terpaksa menyerah diri kepada kerajaan Siam dan pada bulan November 1895 beliau telah dibawa ke Bangkok. Kemudian timbul pula berita yang tidak dapat disahkan yang mengatakan Tok Gajah dan Mat Kilau juga telah meninggal dunia di Terengganu. Dengan itu perjuangan orang Pahang melawan penjajah British pun berakhir.

Pihak British menganggap peristiwa itu hanya sebagai kekacauan sahaja dan menuduh pejuang-pejuang Pahang, seperti pejuang Perak dahulu, sebagai pemberontak. Anggapan ini merupakan anggapan pihak penjajah British dan tidaklah seharusnya kita terima begitu sahaja. Mereka mempunyai tujuan yang tertentu dalam mengemukakan tuduhan yang sedemikian. Mereka ingin menjadikan sejarah tanah air kita sebagai sejarah kegiatan penjajahan orang Eropah, khususnya orang Inggeris. Peranan orang tempatan bagi mereka adalah tidak penting. Jika orang tempatan itu melakukan penentangan, mereka dicap sebagai pemberontak, walaupun tujuannya ialah untuk membebaskan tanah ibu pertiwi mereka daripada cengkaman penjajah. Dengan tamatnya perjuangan di Pahang itu, maka pihak British berjaya meluaskan serta mengukuhkan lagi kekuasaannya ke atas sebuah lagi negeri Melayu, iaitu Pahang. Sistem Residen juga menjadi kukuh. Keamanan dan ketenteraman menerusi undang-undang dapat diwujudkan. Sistem pentadbiran awam dan

pungutan cukai yang teratur dapat diadakan.

Kesimpulan

Pemerintah British telah memperkenalkan sistem Residen yang pertama di Tanah Melayu, iaitu di Perak pada tahun 1874. Sistem ini telah diperluaskan ke Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Asas sistem ini ialah Perjanjian Pangkor 1874. Pada teorinya Residen hendaklah menasihati sultan dalam semua perkara kecuali hal-hal yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Tugas Residen ialah menasihati bukan memerintah kerana yang memerintah ialah sultan, tetapi pada praktiknya sultan mesti bertindak mengikut nasihat dan arahan Residen.

Tugas Residen amat berat iaitu menajalankan tanggungjawabnya menurut dasar yang ditetapkan oleh kerajaan British. Tetapi kerana tiada peraturan atau arahan yang jelas yang dapat diikutinya, Residen terpaksa bertindak bersendirian. Dari awal lagi, kuasa Residen tidak terhad kepada memberi nasihat sahaja kerana pada praktiknya melibatkan pengambilan tugas pentadbiran oleh pegawai British tempatan. Residen perlu menegakkan undang-undang dan menghapuskan sebarang tentangan. Ini memerlukan satu pentadbiran yang lancar. Residen bukan sahaja menjadi penasihat sultan, tetapi perlu mengarahkan sultan dan kadang-kadang perlu memerintah sesebuah negeri itu. Bagi kepentingan ekonomi penjajah British, Residen telah mengadakan pungutan cukai yang teratur supaya negeri tersebut dapat dibangunkan sesuai dengan kepentingan modal yang kekuasaan penjajah British. Residen-Residen telah memerintah negeri Melayu dengan menggunakan sultan sebagai perisai untuk mengabui mata rakyat. Sungguhpun demikian rakyat negeri terus menentang sehingga berlakunya

penumpahan darah seperti di Perak dan di Pahang. Pada umumnya sistem Residen ini telah dapat berjalan dengan baiknya kerana kedudukan sultan menjadi selamat dan bebas daripada ancaman rebutan kuasa yang ditimbulkan oleh kerabat diraja lainnya. Dengan perlindungan yang diberikan oleh pihak British, sultan telah bekerjasama dengannya untuk melaksanakan sesuatu perintah atau undang-undang. Penjajah British juga sedar bahawa orang Melayu sangat taat dan setia kepada rajanya seperti kata pepatah Melayu, "Pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya."

Sultan juga berasa senang apabila pihak British membangunkan dan memajukan negerinya. Kemajuan negeri-negeri Melayu menguntungkan kerajaan British. Mereka terus menyusun strategi untuk mengukuhkan penguasaan mereka dan mengeksploitasi ekonomi negeri-negeri Melayu melalui pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896.

Kejayaan Penjajahan British

Kejayaan yang dicapai hanyalah untuk kepentingan orang Eropah, khususnya orang Inggeris. Dari segi jangka pendek kejayaan yang mereka capai itu seolah-olah telah menguntungkan orang tempatan. Tetapi perubahan yang mereka lakukan itu membolehkan pula perubahan selanjutnya dilakukan, khususnya dalam bidang ekonomi dan kemudahan awam. Dalam bidang ekonomi umpamanya, ladang dan lombong bijih dibuka dengan banyaknya. Kebanyakan ladang dan lombong bijih itu dimiliki oleh orang Eropah. Apa yang jelas ialah mereka tidak pernah menggalakkan, malah memberi peluang kepada orang tempatan, khususnya orang Melayu untuk membuka lombong dan ladang yang besar, seperti mana mereka menggalakkan dan memberi

peluang kepada orang Eropah berbuat demikian. Orang tempatan hanya diberi peluang membuka kebun kecil dan mereka dikedalkan sebagai pekebun kecil.

Mereka juga membawa perubahan dalam bidang pendidikan, iaitu dengan memperkenalkan sistem pendidikan yang formal. Imbasannya ialah sistem pendidikan yang lain, seperti sistem pendidikan Islam umpamanya, adalah tidak formal ataupun dilakukan secara sambil lewa dan tidak serius. Tujuan sistem pendidikan itu, khususnya bagi orang Melayu, ialah untuk melahirkan pekerja-pekerja yang boleh mengisikankan kekosongan dalam bidang perkeranian, pelayan pejabat, pemandu kereta dan sebagainya. Dalam bidang pertanian dan pertukangan, tujuannya ialah untuk melahirkan petani dan tukang yang lebih baik sedikit daripada ibu bapa pelajar itu dan bukannya untuk menjadikan pengusaha ataupun pengurus yang berkebolehan. Dengan kata lain, pihak British tidak bertujuan untuk memberikan pendidikan yang sepenuhnya dan sebaik-baiknya kepada orang tempatan.

Oleh itu dari segi jangka pendeknya, sistem Residen itu seolah-olah telah membawa keuntungan. Dari segi jangka panjang pula, iaitu dilihat dari segi akibatnya, sistem ini telah membawa kerugian dan menimbulkan berbagai-bagai masalah pula khususnya kepada penduduk tempatan. Melalui sistem tersebut, beberapa negeri Melayu telah terjajah, dan pihak penjajah melakukan pula perubahan-perubahan mengikut kehendak mereka yang sebahagian besarnya adalah untuk kepentingan mereka.

Dalam pada itu, pihak British belum puas dengan penguasaannya melalui sistem Residen. Mereka ingin mengukuhkan lagi kekuasaan mereka di samping cuba menarik perhatian negeri-negeri Melayu lain untuk menerima kekuasaan British. Dengan itu, pihak British telah berusaha untuk

menubuhkan persekutuan bagi negeri-negeri Melayu yang telah mereka kuasai. Sistem Residen telah dimansuhkan pada tahun 1896 dan sebagai gantinya diwujudkan

kan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kita akan membaca mengenainya dalam bab yang berikut.

Bab 12

Pengukuhan Penjajahan British Melalui Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Perluasan kuasa British ke atas negeri-negeri Melayu telah dijalankan menerusi sistem Residen. Cara sistem ini diperkenalkan juga mempunyai kelainannya mengikut keadaan di sesebuah negeri itu. Pengenalan sistem ini memakan masa yang berbeza lamanya. Ada negeri yang hanya menerima sistem Residen ini pada tahun 1889. Sistem Residen berada di tahap-tahap yang berlainan di antara negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Di Perak dan Selangor, sistem Residen telah dapat mendatangkan keuntungan kepada pihak British, manakala di Negeri Sembilan dan Pahang pula keadaannya pada dekad akhir kurun ke-19 masih belum begitu nyata lagi. Kebolehan Residen juga berbeza di antara negeri-negeri Melayu yang berkenaan.

Kelemahan Sistem Residen

Terdapat beberapa kelemahan dalam sistem Residen yang diperkenalkan di negeri-negeri Melayu sejak tahun 1874. Kelemahan utamanya ialah tidak ada 'sistem' dalam sistem Residen ini. Apa yang berlaku di negeri-negeri Melayu yang berkenaan adalah atas budi bicara Residen masing-masing. Pada mulanya kesukaran perhubungan dan masalah-masalah yang

husus di tiap-tiap negeri telah menyebabkan Residen diberi kuasa yang penuh untuk meneruskan usaha perintis dalam menegakkan asas satu pentadbiran yang moden. Residen diharap akan dapat mengekalkan keamanan, memungut cukai dan hasil serta memajukan sumber kekayaan sesebuah negeri tanpa diberitahu secara khusus tentang cara pelaksanaannya. Apabila sistem ini berkembang, maka Residen-Residen telah menjadi terlalu bebas di negeri-negeri mereka sendiri. Menjelang tahun 1890-an, keempat-empat buah negeri tersebut sedang terpisah dengan sendirinya, di bawah Residen negeri masing-masing.

Semenangnya setiap Residen itu dikehendaki selalu merujuk kepada Gabenor mengenai pentadbiran di negeri masing-masing. Gabenor pula cuba mengawal perkara yang penting seperti claun kepada pembesar-pembesar Melayu, konsesi, perlantikan pegawai, anggaran belanjawan negeri dan undang-undang negeri. Pengawasan ini telah menyebabkan Gabenor terpaksa meluangkan masa yang lebih untuk melawat negeri-negeri yang mempunyai seorang Residen. Malah Gabenor juga terpaksa memikul beban yang baru apabila daerah-daerah lain dari Sungai Ujong dalam Negeri Sembilan dan Pahang turut

menerima penempatan seorang Residen British di tempat mereka menjelang tahun 1889. Pada tahun 1890-an, adalah menjadi satu tanda tanya di kalangan pegawai-pegawai British lain sama ada Gabenor boleh terus meluangkan masa untuk melawat negeri-negeri Melayu di samping menjalankan tanggungjawab di Negeri-Negeri Selat dengan memuaskan. Pada tahun 1889, negeri-negeri Melayu yang ditadbir oleh empat orang Residen meliputi kawasan seluas 27 000 kaki persegi dengan jumlah pendapatannya sebanyak \$4613 juta.

Tambahan pula negeri-negeri ini didapati memerlukan pentadbiran yang cekap dan bantuan segera agar mereka dapat mewujudkan keseragaman, kecekapan dan peningkatan ekonomi dalam usaha memerintah negeri. Masih terdapat perbezaan yang nyata dalam berbagai-bagai lapangan, seperti dalam hal pencukaaian, pencen, keadilan dan pembukaan tanah. Dalam suasana yang tidak mempunyai peraturan yang nyata, perbezaan-perbezaan yang terdapat ini berkemungkinan menjadi lebih besar apabila negeri dan daerah-daerah baru masuk di bawah pentadbiran British.

Selain itu, kecekapan pentadbiran juga memerlukan satu sistem yang lebih formal bagi negeri-negeri Melayu yang mempunyai Residen, dan bukannya bergantung pada budi bicara seseorang Residen semata-mata. Sungguhpun hal ini menguntungkan pihak British pada peringkat permulaan pengenalan sistem Residen itu, namun apabila asas pentadbiran moden telah diperkenalkan di Perak dan Selangor, jelaslah ketiadaan satu sistem yang formal amatlah melemahkan penjajahan British. Malah perbalahan di antara Residen dan Gabenor juga telah menghalang kecekapan pentadbiran dan menjejaskan penerusan kemajuan di Perak dan Selangor.

Semua masalah ini berkait rapat dengan usaha mewujudkan pemerintahan yang

cekap dan lancar di negeri-negeri Melayu. Kesedaran semakin bertambah di kalangan Residen-Residen dan di kalangan pegawai-pegawai British di Negeri-Negeri Selat dan di London tentang pentingnya diadakan pakatan bekerjasama di antara negeri-negeri Melayu yang mempunyai Residen. Mereka yakin dengan adanya pakatan itu dan dengan adanya keseragaman dalam polisi mereka, akan terbentuklah satu pentadbiran yang lebih cekap dan menjimatkan. Jelaslah bahawa setengah-setengah jabatan seperti kereta api, pos dan telegraf akan mendapat manfaat jika dasar dan kegiatannya diseragamkan di keempat-empat buah negeri. Dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya juga mewujudkan satu kuasa pusat adalah baik agar tidak ada kerja-kerja yang bertindan dilakukan oleh pegawai-pegawai kanan British di London dan di Tanah Melayu. Mereka merumuskan bahawa jabatan-jabatan yang berkaitan dengan jalan raya, kereta api, telegraf, perlombongan, hal-ehwal orang Cina, pelajaran dan jabatan-jabatan lain juga mungkin berfaedah disatukan di bawah satu kuasa pusat. Mereka juga merasakan bahawa pentadbiran keadilan di negeri-negeri Melayu yang mempunyai Residen perlu disusun semula. Penggubalan undang-undang juga perlu diselaraskan supaya boleh digunakan di keempat-empat buah negeri itu.

Pertimbangan kewangan merupakan satu lagi alasan yang kukuh terhadap perlunya usaha menyusun semula dan menyelaraskan pentadbiran serta mengeratkan hubungan di kalangan beberapa buah negeri. Negeri Perak dan Selangor kaya dengan hasil bijihnya dan oleh itu mempunyai pendapatan berlebihan. Ini amat berbeza pula dengan Sungai Ujong dan Pahang yang sentiasa kekurangan dalam belanjawan mereka. Pada tahun 1889 Perak mempunyai lebih sebanyak

\$1.818 juta, Selangor mempunyai lebihan sebanyak \$768 ribu, manakala Sungai Ujong mempunyai hutang sebanyak \$185 ribu, Negeri Sembilan berhutang sebanyak \$129 000 dan Pahang berhutang sebanyak \$153 000 Pegawai-pegawai British berpendapat bahawa dengan penyatuan keempat-empat buah negeri itu, negeri-negeri yang miskin seperti Sungai Ujong, Negeri Sembilan dan Pahang akan mendapat manfaat, di samping mengurangkan belanja elaun dan gaji pegawai negeri-negeri itu.

Masalah Pahang

Keadaan yang diterangkan di atas bermakna bahawa penyusunan semula dan penyelarasan pentadbiran yang akan mengurangkan beban Gabenor perlu segera dijalankan. Tetapi keadaan yang mempercepatkan penyelarasan ini ialah keadaan kewangan Pahang. Pahang terus terhutang tanpa sebarang daya untuk membayarnya semula sejak menerima Residen British pada tahun 1889. Jika dibandingkan dengan Perak dan Selangor, Pahang mempunyai beberapa kekurangan. Pahang tidak boleh dihubungi dengan jalan laut selama enam bulan dalam setahun pada musim tengkujuh angin timur laut. Pahang juga sukar dihubungi dengan jalan darat dari pantai barat Semenanjung Tanah Melayu kerana Banjaran Titiwangsa yang membujur di tengah-tengah Semenanjung Tanah Melayu. Tidak seperti Perak dan Selangor, Pahang tidak mempunyai hasil bijih timah yang banyak. Malah pihak British mendapati bahawa kekayaan hasil emas Pahang yang dilaung-laungkan dulu itu hanyalah tipu helah dan propaganda pihak-pihak yang berkepentingan di Pahang agar pihak British cepat masuk campur di negeri itu. Kerja-kerja perlombongan bijih timah dan emas yang telah dijalankan oleh orang Siam, Melayu dan Cina sejak dulu lagi telah menyebab-

kan bekalan bahan-bahan galian itu kehabisan. Di samping itu, ketiadaan penduduk bangsa Cina yang ramai seperti yang terdapat di Perak dan Selangor juga merupakan suatu keburukan kepada pihak British di Pahang. Ini disebabkan bilangan penduduk Cina yang ramai seperti di Perak dan Selangor akan menjamin pendapatan yang lumayan daripada cukai candu, arak dan perjudian yang dikutip daripada masyarakat Cina. Di samping itu, pemberian kurnia dan konsesi tanah lombong dan tanah hutan balak kepada orang-orang tertentu oleh Bendahara Wan Ahmad sebelum tahun 1889 telah menyebabkan tanah ini tidak diusahakan oleh pemiliknya. Ini ialah kerana konsesi itu telah diberikan tanpa sebarang syarat yang jelas supaya tanah itu dimajukan.

Belanja permulaan menubuhkan sistem Residen di Pahang juga adalah lebih besar daripada di negeri-negeri lain. Ini ialah kerana Pahang hampir sekali ganda lebih besar daripada negeri Perak, dan hampir tiga setengah kali ganda lebih besar daripada negeri Selangor dan empat kali ganda lebih besar daripada Negeri Sembilan. Bagi membiayai peralihan daripada pemerintahan Sultan Wan Ahmad kepada pentadbiran moden, pihak British telah memberikan pinjaman kewangan kepada Pahang. Pinjaman ini berjumlah \$22 000 (1888), \$55 000 (1889) dan \$385 000 (1890); dan pada tahun 1891 jumlah hutangnya ialah \$610 000. Harapan untuk menjelaskan hutang ini amat sukar kerana pendapatan hasilnya hanyalah \$66 000 sehingga \$77 000 sahaja pada tahun 1890 dan 1891. Apabila keadaan meleset turut mengurangkan hasil Negeri-Negeri Selat pada tahun 1891, maka kerajaan British di Negeri-Negeri Selat telah memaklumkan kepada London tentang ketidakmampuannya memberikan pinjaman lagi kepada Pahang. Sebaliknya Gabenor telah mengesyorkan supaya Pahang meminjam dari Selangor ataupun

Perak pula. Penentangan Datuk Bahaman dan orang Pahang terhadap pihak British selama empat tahun (1891-1895) telah memburukkan lagi keadaan kewangan Pahang.

Apakah langkah yang harus dilakukan bagi mengatasi masalah ini? Pihak British pernah memikirkan untuk keluar dan menyerahkan semula Pahang kepada kekuasaan Sultan Ahmad dan pembesar-pembesar baginda. Tetapi tindakan ini tidaklah bijak, kerana akan menjatuhkan maruahnyanya. Pihak British juga belum lagi dapat mengkaji dan mengetahui kekayaan Pahang yang sebenarnya kerana mereka boleh dikatakan baru sahaja dapat menguasai negeri itu. Oleh itu tidaklah bijak jika mereka bertindak secara terburu-buru.

Langkah akhir yang harus dilakukan ialah dengan mendapatkan sumbangan kewangan daripada negeri-negeri jajahan yang lain, khususnya Perak dan Selangor seperti yang disyorkan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat. Tetapi ini juga tidak dapat dilaksanakan kerana negeri-negeri itu bukanlah bergabung. Walaupun tiap-tiap negeri itu merupakan tanah jajahan British tetapi sistem Residen telah menjadikannya berasingan. Jadi bagi memudahkan sumbangan kewangan seumpama itu dilakukan, maka haruslah negeri-negeri yang berkenaan ditadbir secara kerajaan pusat. Kebetulan pada masa itu, pihak British sedang menggalakkan penubuhan kerajaan pusat yang berbentuk persekutuan di tanah jajahannya seperti di Afrika dan Australia. Tujuan utamanya ialah untuk memperluas serta mengukuhkan lagi kekuasaan mereka. Di samping itu, tanah-tanah jajahannya yang kaya akan mudah pula dapat mengalirkan bantuannya ke tanah-tanah jajahannya yang miskin. Dengan masalah Pahang dan kepentingan penyelarasan dalam pentadbiran, maka pihak British berpendapat bahawa perkara

ini dapat diselesaikan dengan mewujudkan hubungan yang rapat di antara negeri-negeri Melayu yang bernaung di bawahnya. Hubungan ini akan mempunyai satu pentadbiran pusat, perbendaharaan bersama, dan pentadbiran yang diselaraskan.

Dalam rancangan kerajaan British menggalakkan penubuhan kerajaan pusat di tanah-tanah jajahannya melalui cara persekutuan itu, Frank Swettenham menyiapkan satu laporan lengkap tentang keadaan negeri-negeri Melayu di bawah sistem Residen. Di samping menghuraikan masalah ataupun kelemahan sistem Residen itu, beliau juga mengemukakan cadangan agar negeri-negeri tersebut dijadikan sebuah persekutuan yang mempunyai satu kerajaan dan pentadbiran pusat. Laporan itu telah dihantar ke London untuk kajian dan tindakan selanjutnya oleh kerajaan British. Setelah diteliti, kerajaan British mendapati laporan dan cadangan Frank Swettenham itu akan membawa kebaikan serta keuntungan jika dilaksanakan. Tetapi sebelum dilaksanakan, ianya mestilah mendapatkan persetujuan daripada sultan-sultan dari negeri-negeri Melayu yang berkenaan dahulu. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan timbulnya syak wasangka tentang tujuan pihak British sebenarnya. Frank Swettenham haruslah meyakinkan sultan-sultan bahawa pembentukan persekutuan itu kononnya adalah demi kepentingan baginda semua juga.

Penubuhan Persekutuan

Pada tahun 1895, kerajaan British telah mengarahkan Frank Swettenham mendapatkan persetujuan sultan-sultan yang berkenaan. Tugas ini bukanlah merupakan satu tugas yang terlalu sukar untuk dilaksanakan oleh beliau. Dengan budi bahasanya yang kadang-kadang lembut dan kadang-kadang mengancam, beliau telah

berjaya mendapatkan persetujuan itu. Antara lainnya, beliau berdalih bahawa tujuan utama penubuhan persekutuan itu ialah untuk menyekat kuasa Residen British. Dengan itu kuasa sultan akan di kembalikan semula. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Pahang pula sangat bersetuju kerana dengan pentadbiran baru itu kerana mereka boleh mendapat bantuan kewangan dari Selangor dan Perak.

Dengan persetujuan itu, maka satu perjanjian telah ditandatangani di antara Raja-Raja Melayu dengan pihak British pada 1 Julai 1896. Perjanjian itu dinamakan Perjanjian Persekutuan 1896. Dengan itu lahirlah Persekutuan Negeri-Negeri Melayu ataupun Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Perjanjian itu mengandungi beberapa fasal penting yang mengukuhkan lagi kuasa British ke atas negeri-negeri yang berkenaan. Perjanjian itu tidak pula mengandungi fasal yang bertujuan mengembalikan kuasa sultan yang telah semakin pupus akibat sistem Residen dahulu.

Perlantikan Residen-Jeneral

Antara fasalnya yang terpenting ialah perlantikan seorang Residen-Jeneral yang dianggap sebagai wakil kerajaan British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu itu. Walau bagaimanapun, kedudukan Residen-Jeneral adalah di bawah Gabenor Negeri-Negeri Selat yang juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Residen-Jeneral mempunyai kuasa ke atas jabatan-jabatan di peringkat kerajaan negeri dan juga Persekutuan untuk melicinkan pentadbiran. Beliau juga merupakan Ketua Pentadbiran bagi Kerajaan Persekutuan.

Frank Swettenham telah dilantik menjadi Residen-Jeneral yang pertama dari tahun 1896 sehingga tahun 1901. Banyak



Bangunan Sultan Abdul Samad, yang menjadi pusat pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

perubahan pentadbiran yang telah dilakukan oleh beliau untuk mengukuhkan lagi kekuasaan British. Misalnya, beliau telah mewujudkan jabatan-jabatan di peringkat kerajaan negeri dan juga persekutuan untuk melicinkan pentadbiran. Beliau melantik ketua-ketua bagi setiap jabatan. Ketua-ketua itu adalah terdiri daripada orang Inggeris belaka. Sebagai Residen-Jeneral, Frank Swettenham telah menjalankan tugas mengukuh serta meluaskan kekuasaan British itu dengan cemerlang. Beliau telah berjaya mewujudkan satu sistem pentadbiran negeri dan Persekutuan yang selaras dan menempatkan pegawai-pegawai British bagi menentuai setiap jabatan itu. Orang tempatan tidak mendapat peluang yang luas untuk menjawat jawatan tinggi dalam sistem pentadbiran tersebut. Frank Swettenham juga telah memilih Kuala Lumpur sebagai bandar bagi menempatkan ibu pejabat kerajaan persekutuan. Sesuai dengan itu semua jabatan di bawah perkhidmatan awam Persekutuan ditempatkan di Kuala Lumpur.

Kedudukan Residen

Jawatan Residen bagi tiap-tiap negeri dikedekalkan, tetapi fungsinya tidak-

lah sebagai penasihat sultan. Fungsi itu telah diambil alih oleh Residen-Jeneral. Kini Residen bertugas sebagai Ketua Pentadbir negeri masing-masing, sedangkan sultan dianggap sebagai Ketua Negeri sahaja. Satu Majlis Mesyuarat Negeri juga telah ditubuhkan yang berfungsi menggubal undang-undang dan dasar yang akan dilaksanakan oleh jabatan-jabatan negeri. Sebagai Ketua Pentadbir, Residen menguasai jabatan-jabatan negeri. Dengan demikian, dapatlah Residen mengawal dan menguasai perjalanan dan perkembangan pentadbiran di peringkat negeri. Residen-Jeneral pula bertindak demikian di peringkat Persekutuan.


Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu

Perjanjian Persekutuan itu juga mewujudkan satu Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu, ataupun yang dikenali dengan panggilan Durbar. Majlis ini dianggotai oleh Sultan atau Raja-Raja Melayu, pembesar-pembesar yang dilantik dan Residen-Jeneral berserta keempat-empat Residen British. Fungsi majlis ini hanyalah bermesyuarat, berbahas dan mengemukakan cadangan-cadangan sahaja. Majlis ini tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, dan mengarahkan supaya keputusan itu dilaksanakan, kecuali yang menyentuh agama Islam atau adat istiadat Melayu. Akibatnya majlis ini hanyalah merupakan majlis pertemuan yang seterusnya berakhir dengan jamuan teh dan sebagainya. Tempoh bagi mengadakan tiap-tiap Durbar itu juga tidak ditentukan. Durbar yang pertama telah diadakan di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897. Inilah kali yang pertama keempat-empat raja negeri-negeri Melayu yang telah dikuasai sepenuhnya oleh pihak British bertemu. Durbar yang kedua diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1903.

Perkembangan dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Tidaklah dinafikan bahawa dengan terubuhnya Persekutuan, pihak British telah dapat mempercepat dan memesatkan lagi perubahan di keempat-empat negeri Melayu yang berkenaan. Misalnya, sistem perhubungan, seperti jalan raya dan landasan kereta api, telah diperluaskan sehingga akhirnya menghubungkan keempat-empat buah negeri itu. Pentadbiran yang telah diselaraskan melalui sistem jabatan-jabatan itu membolehkan kerajaan negeri dan kerajaan pusat ditadbir dengan lancar. Kedudukan kewangan juga dapat diperbaiki dan diperkukuhkan. Pentadbiran yang telah diselaraskan itu telah dapat menyelamatkan sejumlah besar perbelanjaan pentadbiran. Tidaklah lagi timbul soal pembaziran wang dari segi mentadbir kerana perbelanjaan itu telah diselaraskan di peringkat kerajaan pusat.

Dalam pada itu, bantuan kewangan dapat diberikan oleh negeri-negeri yang kaya khususnya Selangor dan Perak kepada negeri-negeri yang miskin iaitu Negeri Sembilan dan Pahang kerana pentadbiran kewangan telah pun dipusatkan di Kuala Lumpur. Dengan itu, pendapatan setiap negeri telah dikumpulkan di sana. Selepas itu barulah diagihkan mengikut perkiraan dan keperluan setiap negeri. Dengan cara yang demikian, Pahang dan Negeri Sembilan boleh mendapat peruntukan kewangan yang memuaskan walaupun hasil pendapatannya tidaklah begitu baik. Dengan cara itu juga pinjaman tidaklah perlu dibuat dari Negeri-Negeri Selat ataupun Perbendaharaan kerajaan British jika ada di antara negeri-negeri itu yang mengalami kesulitan kewangan. Sesungguhnya masalah hutang negeri Pahang telah dapat diselesaikan menerusi penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.



Tanah Melayu di bawah tiga bentuk pemerintahan dan pentadbiran.

Penggunaan Bahasa Melayu

Satu perkara yang menarik ialah pihak British telah membenarkan penggunaan bahasa Melayu dalam persidangan Durbar. Ini mungkin perkara kecil sahaja, tetapi menunjukkan betapa hati-hatinya pihak British menjaga perasaan Raja-Raja dan pembesar-pembesar Melayu. Pihak British juga menggunakan tulisan Jawi dalam urusan surat-menyurat mereka dengan Raja-Raja dan pembesar-pembesar Melayu. Dengan berbuat demikian, mereka berharap Raja-Raja dan pembesar Melayu dapat lebih memahami tindakan mereka.

Perkembangan Ekonomi

Perkara yang lebih penting lagi ialah pentadbiran cara baru itu telah dapat membawa perkembangan dan kemajuan ekonomi yang sangat memuaskan, terutamanya bagi pihak British. Pemodal-pemodal Eropah semakin bertambah ramai dan yakin untuk mengusahakan lombong-lombong bijih timah dan juga ladang getah di keempat-empat buah negeri Melayu itu. Mereka memperkenalkan cara melombong yang baru dan yang lebih cekap, seperti menggunakan kapal korek dan modal yang lebih besar. Dengan itu mereka mendapat hasil yang lebih banyak. Mereka juga dapat mengatasi usaha perlombongan yang lebih terdahulu daripada mereka, iaitu yang diusahakan oleh orang Melayu dan Cina. Dalam jangka masa yang agak singkat sahaja, mereka telah berjaya menguasai sebahagian besar perusahaan perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu yang berkenaan.

Mereka juga menanam modal dalam

perusahaan perladangan, terutamanya untuk menanam getah. Pada masa itu getah dan bijih timah merupakan dua bahan mentah yang sangat diperlukan di England khususnya, dan di negara-negara Barat yang lain amnya. Bagi menayakan ladang getah, mereka telah membawa masuk buruh India untuk bekerja di ladang.

Orang Cina pula semakin ramai memasuki negeri-negeri Melayu. Mereka menjadi pekerja lombong, membuka kedai runcit, ataupun menjalankan perniagaan yang menguntungkan. Kebanyakan mereka menetap di sekitar bandar-bandar perlombongan seperti di Ipoh, Taiping, Ampang dan Kuala Lumpur. Kemasukan mereka itu telah menjadikan jumlah penduduk di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertambah dengan agak pesat. Pada tahun 1891, penduduk negeri-negeri tersebut berjumlah lebih kurang 424 218 orang. Sepuluh tahun kemudian telah bertambah menjadi 678 590 orang.

Hasil pendapatan juga telah bertambah. Pada tahun 1895, hitung panjang hasil pendapatan bagi kesemua negeri itu ialah lebih kurang \$8.5 juta. Sepuluh tahun kemudian telah meningkat kepada kira-kira \$24 juta. Pihak British telah menggunakan sebahagian daripada hasil tersebut untuk memperbaiki kemudahan awam, kesihatan dan membina sekolah. Tetapi seperti yang telah dinyatakan dalam bab yang lalu, segala kemudahan itu tidaklah sebenarnya dan sepenuhnya dimaksudkan bagi kepentingan dan kenikmatan rakyat tempatan, terutamanya yang tinggal di luar bandar. Rakyat tempatan hanya mendapat nikmat sampingan daripada kemajuan tersebut.

Bab 13

Pengagihan dan Pengembalian Kuasa

Kesan Pembentukan Persekutuan

Di sebalik adanya beberapa kebaikan sistem Persekutuan itu telah menimbulkan kesan yang mengecewakan, terutama sekali terhadap Raja-Raja dan kerajaan negeri yang terlibat. Ini berpunca daripada pemusatan kuasa kepada kerajaan pusat yang dikuasai pula oleh Residen-Jeneral di Kuala Lumpur. Residen-Jeneral mempunyai kuasa yang luas dalam semua bidang pentadbiran. Perjanjian Persekutuan tidak menggariskan dengan tepatnya bidang kuasa kerajaan pusat dan bidang kuasa yang harus dikekalkan di peringkat negeri. Akibatnya, Frank Swettenham dan John Anderson telah mengambil alih sebahagian besar tugas dan kuasa kerajaan negeri. Pada praktiknya, kuasa Residen yang telah diserahkan itu tidak kembali kepada sultan tetapi telah dikuasai oleh Residen-Jeneral pula. Ini menyebabkan lebih banyak kuasa pentadbiran terserah kepada kerajaan pusat di Kuala Lumpur. Segala keputusan penting mengenai keempat-empat buah negeri itu dibuat di Kuala Lumpur dan kerajaan negeri kehilangan kuasa dan peluang untuk mentadbir negeri masing-masing. Residen, sultan dan pembesar-pembesar Melayu di keempat-empat buah negeri itu kehilangan kuasa mereka. Sultan dan pembesar-pembesar Melayu merasakan mereka telah diperkecil dan diketepikan, walaupun pihak

British telah berusaha mengabui mata mereka dengan kemegahan adat istiadat diraja dalam upacara-upacara rasmi.

Dalam sistem Persekutuan, bilangan pegawai British telah bertambah. Jabatan-jabatan pentadbiran telah bertambah dan akibatnya pentadbiran telah diambil alih oleh pegawai British dengan alasan untuk mengadakan satu pentadbiran yang cekap dan lancar.

Sungguhpun sistem yang diwujudkan itu ialah satu bentuk gabungan melalui persekutuan tetapi pada praktiknya bukanlah satu persekutuan dalam erti kata yang sebenarnya. Tidak ada pembahagian kuasa yang jelas antara negeri-negeri dan pentadbiran pusat. Malah tidak ada sebarang percubaan dilakukan terhadap masalah pembahagian kuasa ini. Perkara yang terpenting dalam gabungan itu ialah hal-hal mengenai hasil negeri, cukai dan kewangan, telah terletak di bawah kuasa kerajaan pusat. Oleh kerana kuasa kewangan berada di tangan kerajaan pusat, maka kerajaan pusat jugalah yang menguasai pentadbiran di negeri-negeri dengan berkesannya.

Bagi pihak British kesan yang sedemikian tidaklah mengecewakan mereka. Dengan bertambahnya kuasa mereka melalui kerajaan pusat, maka mereka boleh bertindak dengan lebih bebas untuk meluaskan kepentingan mereka. Pembedal-

pemodal Eropah telah diberikan galakan untuk menambahkan lagi tanaman modal mereka. Pegawai-pegawai mereka dilantik untuk memegang jawatan penting dalam jabatan-jabatan kerajaan pusat dan negeri. Oleh sebab itu, orang Melayu, malah bangsa-bangsa lain juga, tidak mendapat peluang yang sewajarnya dalam bidang ekonomi dan pentadbiran negeri.

Residen-residen British tidaklah banyak mengemukakan bantahan mereka terhadap perkembangan ini. Walaupun mereka telah kehilangan kuasa, tetapi yang lebih penting ialah negara dan bangsa mereka telah mendapat keuntungan yang setimpal. Pihak British tidaklah kehilangan kuasa, tetapi mendapat kuasa yang lebih.

Bantahan yang serius telah disuarakan oleh Raja-Raja dan pembesar-pembesar Melayu. Pada mulanya sultan memang menyetujui pembentukan Persekutuan kerana pihak British telah mengatakan bahawa kedudukan mereka terjamin. Tetapi setelah mereka mendapati kedudukan dan kuasa mereka diambil alih oleh Residen-Jeneral, maka timbullah rasa tidak puas hati di kalangan mereka. Perasaan ini disuarakan oleh Sultan Idris dalam Durbar yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1903.

Sultan Idris menjadi Sultan Perak pada tahun 1887. Sebelum itu baginda menjadi Hakim Besar Perak. Baginda ialah seorang sultan yang bijak dan berani. Seperti raja-raja yang lain, baginda memang berasa gembira dengan kemajuan dan kemakmuran yang dicapai hasil daripada pembentukan Persekutuan. Tetapi sistem Persekutuan telah menyebabkan baginda, Residen Perak dan juga Majlis Mesyuarat Negeri kehilangan kuasa. Tanpa kuasa, kedudukan baginda samalah seperti pegawai-pegawai Ingeris yang lain. Malah baginda berasa diketepikan kerana banyaknya pegawai British yang mengendalikan

pentadbiran. Pegawai British itulah yang menguasai pentadbiran dengan arahan daripada Residen-Jeneral.

Dalam Durbar yang diadakan pada tahun 1903 itu, baginda telah menyatakan bantahannya terhadap kedudukan Residen-Jeneral yang terlalu berkuasa. Orang-orang tempatan tidak banyak mendapat peluang berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan. Pegawai-pegawai British telah memegang jawatan penting di jabatan-jabatan kerajaan. Majlis Mesyuarat Negeri tidak lagi boleh menggubal undang-undang. Undang-undang digubal oleh pegawai-pegawai British di Kuala Lumpur tanpa berunding dengan Raja-Raja Melayu. Baginda juga berpendapat pembaharuan pentadbiran akan dapat menarik minat negeri-negeri Melayu lain untuk turut sama berada di bawah kekuasaan British.

Dengan bantahan itu, pihak British mencadangkan untuk mengadakan pembaharuan dalam pentadbiran dan mengembalikan beberapa kuasa pentadbiran kepada Raja-Raja Melayu. Sebenarnya pihak British tidaklah bertujuan untuk memberikan semula semua kuasa itu, tetapi hanyalah mengagihkannya sahaja daripada kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan akan memberikan beberapa kuasa pentadbiran yang difikirkannya patut kepada kerajaan-kerajaan negeri. Beberapa bidang kuasa lagi akan tetap dikekalkan di peringkat Persekutuan. Dengan demikian, kerajaan Persekutuan akan tetap berkuasa ke atas kerajaan negeri.

Sungguhpun pihak British telah bersetuju pada prinsipnya untuk mengadakan pembaharuan dalam pentadbiran dan Residen-Jeneral Frank Swettenham yang amat berkuasa itu telah meletakkan jawatannya pada tahun 1903, namun pelaksanaannya memakan masa yang panjang.

Pada dasarnya tujuan pihak British mengadakan pembaharuan pentadbiran kuasa kerajaan pusat ialah untuk mengem-

balikan semula beberapa bidang kuasa kepada sultan, Residen dan juga Majlis Mesyuarat Negeri. Langkah ini perlu diambil kerana adanya sistem Persekutuan yang telah menyebabkan mereka kehilangan kuasa.

Dalam pada itu, pihak British mahu meluaskan penjajahannya itu ke atas negeri-negeri Melayu yang masih belum dikuasai sepenuhnya. Negeri-negeri tersebut ialah Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor. Pihak British berharap akan dapat menguasai negeri-negeri tersebut melalui sistem Persekutuan, sepertimana mereka telah menguasai negeri-negeri yang telah bersekutu. Oleh kerana itu, pihak British haruslah mewujudkan satu bentuk Persekutuan yang menarik supaya negeri-negeri tersebut akan berminat untuk menyertainya.

Majlis Perundangan Persekutuan 1909

Pihak British hanya mula bertindak kira-kira enam tahun kemudian, iaitu pada tahun 1909. Langkah yang awal ialah menubuhkan sebuah Majlis Perundangan Persekutuan. Majlis ini dianggotai oleh keempat-empat Raja Melayu, Residen, Residen-Jeneral dan empat orang ahli tidak rasmi. Presiden Majlis ini ialah Pesuruhjaya Tinggi British yang pada ketika itu dipegang oleh John Anderson. Empat orang ahli tidak rasmi dilantik oleh Presiden dengan persetujuan kerajaan British. Mereka mewakili badan-badan perniagaan, perusahaan getah dan perlombongan bijih timah; ringkasnya mereka merupakan wakil golongan perniagaan, khususnya orang Cina dan Inggeris sahaja.

Dengan penubuhan Majlis Perundangan itu, pada umumnya pemusatan kuasa di tangan Residen-Jeneral telah dapat dihapuskan. Kini Residen-Jeneral hanya

menjadi salah seorang anggota majlis itu sahaja. Ia juga tidak boleh lagi menggubal undang-undang. Malah ia mestilah meminta nasihat dan pendapat daripada Raja-Raja Melayu sebelum membawa usul undang-undang baru untuk dibincangkan dalam majlis itu. Pada tahun 1910, jawatan Residen-Jeneral itu telah dimansuhkan dan diganti dengan jawatan Ketua Setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi. Sungguhpun jawatan Residen-Jeneral telah dimansuhkan, namun kuasanya masih tetap kekal di peringkat pentadbiran pusat dan kini berada pada Ketua Setiausaha pula.

Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan tidaklah membawa kepada pemulangan kuasa sultan. Tidak ada langkah yang serius dilakukan bertujuan mengembalikannya kuasa itu. Kuasa yang dulunya di tangan Residen-Jeneral, kini telah berpindah ke Majlis Perundangan Persekutuan yang dikuasai oleh Ketua Setiausaha. Pesuruhjaya Tinggi hanyalah merupakan Presiden yang banyak bergantung kepada Ketua Setiausaha untuk melaksanakan pentadbiran di negeri-negeri Melayu.

Kedudukan Raja-Raja Melayu Semakin Buruk

Kedudukan Raja-Raja Melayu semakin bertambah buruk dengan tertubuhnya Majlis Perundangan Persekutuan. Mereka hanya dilantik sebagai ahli biasa sahaja, tanpa mendapat keistimewaan walaupun mereka merupakan raja di negeri masing-masing. Mereka boleh berbincang dan berdebat dalam majlis itu seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli yang lain. Tetapi ini akan menjatuhkan maruah mereka sebagai raja negeri-negeri Melayu. Oleh itu mereka hanyalah mendiamkan diri sahaja dan membiarkan ahli-ahli yang tidak rasmi memainkan peranan penting dalam hal

menggubal undang-undang dan perubahan yang lain. Mereka juga tidak mempunyai kuasa terhadap majlis. Majlis boleh bermesyuarat tanpa kehadiran mereka. Pengesahan undang-undang dan perantaraan jawatan adalah dilakukan oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan persetujuan kerajaan British dan bukannya raja-raja Melayu. Jelaslah apa yang berlaku bukanlah pengagihan kuasa, tetapi pemindahan pemusatan kuasa daripada Residen-Jeneral kepada Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan.

Keadaan seperti ini berjaln terus walaupun ada bantahan, tetapi bantahan ini tidaklah begitu serius kerana kebetulan perkembangan ekonomi negeri-negeri itu sangat memuaskan. Dalam keadaan demikian, kedudukan kewangan setiap negeri adalah baik. Oleh sebab itu baginda semua tidaklah begitu keras dalam menyuarakan tuntutan pengagihan kuasa itu. Tetapi menjelang awal tahun 1920-an kemelesetan ekonomi yang berlaku di Eropah selepas Perang Dunia Pertama telah menimbulkan kesan buruk terhadap tanah jajahan British di Timur. Eksport bahan mentah berkurangan, akibatnya pendapatan negeri juga berkurangan. Rasa tidak puas hati di kalangan sultan memuncak semula.

Dalam pada itu, rancangan untuk menarik negeri-negeri Melayu yang lain supaya menyertai Persekutuan telah gagal. Sebaliknya negeri-negeri tersebut hanya bersetuju menerima Penasihat British sahaja. Dengan itu sultan-sultan di negeri-negeri itu mengekalkan kuasa mereka. Majlis Mesyuarat Negeri juga berfungsi dengan sewajarnya. Keadaan ini terus membuka mata sultan-sultan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Mereka menimbulkan semula permintaan supaya pihak British memulangkan kuasa mereka. Bagi menguatkan lagi permintaan mereka itu, Sultan Idris telah berangkat ke London bagi mengemukakan soal pengem-

balian kuasa itu kepada kerajaan British. Dalam mempertimbangkan masalah pengembalian kuasa ini, ada empat perkara yang telah mempengaruhi kerajaan British. Pertama, hal-hal yang berkaitan dengan hubungan peribadi dan politik antara Pesuruhjaya Tinggi dan Ketua Setiausahanya di Tanah Melayu. Kedua, keadaan kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah menurun dalam masa kemelesetan ekonomi dunia selepas Perang Dunia Pertama. Ketiga, merebaknya pendapat di kalangan pegawai British di Tanah Melayu yang merasakan orang Melayu, sama ada sultan atau rakyatnya, telah dengan tidak adil dan tidak wajarnya, diketepikan jauh ke belakang akibat daripada perkembangan ekonomi dan pentadbiran yang pesat. Keempat, ialah kerumitan dan tidak munasabahny struktur perlembagaan yang ada di Tanah Melayu pada masa itu.

Peringkat Pertama

Pada tahun 1927, Pesuruhjaya Tinggi, Lawrence Guillemard, mula mengambil tindakan untuk melaksanakan pengembalian kuasa yang sebenarnya. Sesungguhnya tindakan ini merupakan tindakan pertama ke arah pengembalian kuasa itu. Beliau bercadang untuk menyusun semula Majlis Perundangan Persekutuan dan mengembalikan semula beberapa bidang kuasa kepada sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri. Dalam pada itu, Lawrence Guillemard telah mencadangkan agar jawatan Ketua Setiausaha dihapuskan dan bidang kuasanya diserahkan kepada Residen. Semua kuasa pentadbiran kerajaan telah diserahkan semula kepada Majlis Mesyuarat Negeri kecuali Jabatan Kereta Api, Kastam dan Eksais, Telegraf dan Pos.

Sultan-sultan telah bersetuju menerima

cadangan Pesuruhjaya Tinggi itu, tetapi golongan peniaga telah menentanginya. Alasan mereka ialah mereka bimbang Majlis Mesyuarat Negeri yang diketuai oleh Raja-Raja tidak akan dapat menjalankan pentadbiran dengan licin dan cekap. Mereka bimbang perniagaan mereka akan terjejas. Pihak British memang mendengar serta melayan aduan daripada golongan peniaga itu. Jika perniagaan dan perdagangan mereka terjejas, maka hasil pendapatan negeri juga akan berkurangan. Ini bukan sahaja merugikan kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan, tetapi juga kerajaan British sendiri. Oleh sebab itu, cadangan-cadangan Lawrence Guillemard itu telah ditarik balik. Tetapi untuk meredakan tuntutan Raja-Raja, sedikit perubahan telah dilakukan khususnya mengenai kedudukan mereka dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Dengan itu, Raja-Raja dibenarkan menarik diri daripada menjadi ahli biasa dalam majlis tersebut. Tempat baginda digantikan oleh empat orang wakil Melayu yang boleh membincang serta membahaskan agenda-agenda yang dimesyuaratkan dengan mengemukakan pendapat masing-masing. Ini telah ditandatangani pada 24 April 1927.

Kedudukan Raja-Raja Melayu Bertambah Baik

Dengan pindaan tersebut, maka kedudukan Raja-Raja Melayu bertambah baik. Baginda tidak lagi menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Baginda akan menghadiri Durbar tahunan bersama-sama dengan Pesuruhjaya Tinggi dan Ketua Setiausaha. Dalam Mesyuarat itu, baginda akan membincangkan perkara yang berkaitan dengan dasar sahaja. Pihak Majlis Perundangan Persekutuan juga mestilah terlebih dahulu menunjukkan kepada Raja-Raja agenda mesyuarat sebe-

lum diadakan. Tandatanganan baginda semua juga dikehendaki sebelum rang undang-undang itu dilulus dan dilaksanakan. Dengan demikian, raja-raja Melayu berasa bahawa hak mereka telah dikembalikan. Walaupun pengembalian kuasa belum dilaksanakan dengan sepenuhnya, tetapi memadailah dahulu dengan pengembalian hak itu. Dalam pada itu, Pesuruhjaya Tinggi telah menambah bilangan ahli majlis kepada dua puluh empat orang; tiga belas daripadanya adalah ahli rasmi dan sebelas ahli tidak rasmi. Kebanyakan ahli-ahli yang rasmi dan tidak rasmi itu terdiri daripada orang Inggeris belaka.

Peringkat Kedua

Keadaan seperti itu berkekalan selama kira-kira empat tahun. Pada tahun 1931, Cecil Clementi, iaitu Pesuruhjaya Tinggi yang baru, telah mengemukakan beberapa cadangan bagi meneruskan usaha pengembalian kuasa itu. Beliau mengemukakan cadangan dalam Durbar yang diadakan di Seri Menanti, Negeri Sembilan. Antara cadangannya ialah membubarkan Persekutuan dan membentuk sebuah kesatuan bagi semua negeri Melayu, termasuklah yang tidak bersekutu dan juga Negeri-Negeri Selat. Kesatuan ini akan diletakkan di bawah penguasaan Pesuruhjaya Tinggi di Singapura. Jawatan Ketua Setiausaha akan dihapuskan. Jabatan Kereta Api, Kastam dan Eksais serta Pos dikekalkan di bawah pentadbiran Persekutuan. Jabatan-jabatan lain ditadbirkan oleh kerajaan negeri, tetapi di bawah penyeliaan Singapura.

Langkah-langkah ini juga telah dipersetujui oleh setiap sultan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tetapi sultan-sultan di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu tidak bersetuju kerana cadangan itu akan menyebabkan mereka kehilangan

kuasa pula. Pelaksanaan cadangan itu akan menyebabkan kuasa mereka berpindah ke tangan Pesuruhjaya Tinggi yang mempunyai kuasa menyelia jabatan-jabatan negeri. Kerajaan Negeri-Negeri Selat juga tidak bersetuju. Begitu juga halnya dengan golongan peniaga yang sentiasa menolak mana-mana rancangan untuk mengembalikan kuasa kepada sultan-sultan. Dengan adanya tentangan itu, maka Cecil Clementi telah menarik balik cadangannya itu. Dengan kata lain, proses pengambilan kuasa itu kekal pada peringkat pertama sahaja.

Peringkat Ketiga

Pada tahun 1932, kerajaan British telah menghantar Samuel Wilson, Setiausaha Rendah Tanah Jajahan untuk membuat penyiasaan tentang usaha pengembalian kuasa itu. Wilson telah mengemukakan cadangannya setahun kemudian. Berdasarkan cadangan Wilson itulah Cecil Clementi mengambil tindakan seterusnya iaitu memansuhkan jawatan Ketua Setiausaha dan menggantikannya dengan Setiausaha Persekutuan dan menyusun semula Majlis Mesyuarat Negeri. Kuasa Ketua Setiausaha diserahkan kepada Residen dan beberapa jabatan diserahkan kepada pentadbiran kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, jabatan-jabatan yang diserahkan itu hanyalah jabatan-jabatan yang tidak begitu penting, seperti pertanian, pelajaran, perubatan dan kerja raya. Dalam pada itu, jabatan-jabatan tersebut kebanyakannya diketuai pula oleh orang Inggeris dan bukannya orang tempatan. Walaupun Majlis Mesyuarat Negeri telah mendapat semula hak menggubal undang-undang, tetapi pelaksanaannya dilakukan oleh jabatan-jabatan yang diketuai oleh orang Inggeris. Wakil-wakil orang Cina, India dan Eropah juga dilantik menjadi ahli tidak rasmi Majlis

Mesyuarat Negeri.

Begitulah keadaan sistem pentadbiran Tanah Melayu di bawah penjajahan British sehingga menjelang tahun 1941. Pada tahun tersebut, tentera Jepun telah menyerang Tanah Melayu dan mengalahkan tentera British. Kekalahan itu telah menambahkan lagi kesedaran orang Melayu bahawa pihak British bukanlah satu kuasa dan bangsa yang tidak boleh dikalahkan. Mereka harus meneruskan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air. Tetapi orang Jepun juga adalah penjajah. Mereka telah datang menyerang dan seterusnya menduduki dan menjajah tanah air kita mengikut cara ketenteraan mereka yang kejam dan bengis. Semasa pendudukan Jepun (1942 – 1945) kita telah mengalami penderitaan dan kesengsaraan. Tetapi perjuangan melawan penjajahan tetap diteruskan.

Kesimpulan

Jika kita lihat kembali akan usaha pihak British untuk mengembalikan kuasa Raja-Raja dan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri yang telah diambilnya dahulu, maka kita dapati mereka mengambil masa yang sungguh lama untuk melaksanakannya. Mengikut ahli-ahli sejarah, proses tersebut dijalankan dalam tiga peringkat iaitu tahun 1909–1927, tahun 1927–1933, dan tahun 1933–1941. Tetapi pembahagian ini tidaklah begitu penting kerana perubahan yang dilakukan tidaklah begitu banyak kecuali selepas tahun 1933. Itu pun tidaklah semua kuasa Raja-Raja dan juga kuasa Majlis Mesyuarat Negeri dan Residen dikembalikan semula. Kuasa yang penting masih dikekalkan di peringkat Persekutuan. Artinya mereka masih terus menguasai jabatan-jabatan yang dianggap penting bagi menjaga kepentingan mereka. Nyatalah bahawa proses pengembalian kuasa itu hanyalah merupakan satu

proses yang sengaja dilambat-lambatkan. Banyak dolak-dalik yang mereka kemukakan bagi menanggukkan pengembalian kuasa yang sebenarnya. Dalam pada itu, mereka kerap mendengar serta menerima cadangan daripada golongan peniaga. Golongan itu sentiasa menentang usah-usaha pengembalian kuasa itu. Kononnya mereka bimbang perniagaan mereka akan terjejas. Pihak British mempersetujui pandangan mereka ini kerana kepentingan ekonomi mereka jua. Maka mereka harus mengekalkan seberapa banyak kuasa di tangan mereka.

Sebenarnya penggunaan istilah pengembalian kuasa itu adalah tidak sesuai. Memang benar pada mulanya pihak British telah mengambil kuasa daripada Raja-Raja Melayu, Majlis Mesyuarat Negeri dan juga Residen British melalui pembentukan Persekutuan pada tahun 1896. Sepatutnya pihak British mengembalikan semula semua kuasa setelah diminta oleh negeri-negeri yang berkenaan. Tetapi mereka tidak berbuat demikian. Jika dilakukannya, maka bererti mereka tidak lagi menguasai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu itu secara keseluruhannya. Negeri-negeri tersebut akan kembali kepada sistem Residen dan pihak British hanya memberi nasihat sahaja dan tidak mentadbir mahupun memerintah. Mereka tidak mahu ini berlaku. Oleh itu mereka memutuskan untuk

mengagihkan kuasa sahaja. Dengan pengagihan kuasa itu, mereka berharap dapat mencapai dua tujuan. Pertama, mereka akan dapat meredakan serta mengembirakan sultan-sultan dan pembesar-pembesar dengan memperbaiki maruah mereka dengan memberikan mereka sedikit kuasa. Dengan itu mereka tidak akan membuat tuntutan yang dianggap melampau oleh pihak British. Secara umumnya mereka berasa berpuas hati, tambahan pula mereka diberikan elauan yang agak lumayan. Pihak British berharap akan dapat mengekal serta mengukuhkan kekuasaannya, kerana dengan pengagihan kuasa itu, mereka akan memegang sebahagian daripada bidang kuasa yang mereka anggap penting.

Dalam pada itu mereka membiarkan proses pengagihan kuasa itu berlarutan sehingga melebihi dua kurun lamanya. Dalam jangka waktu itu, mereka melantik pegawai British untuk mengisi kebanyakan jawatan kerajaan yang penting. Nyatalah mereka tidak menia-siakan masa yang panjang itu untuk memenuhi dan mencapai tujuan penjajahan mereka. Orang-orang tempatan, khususnya orang Melayu, hanyalah diberi peluang yang sedikit sahaja. Tidáklah benar jika dikatakan penjajahan British itu bersifat pro-Melayu. Sebenarnya pihak British bersikap mengutamakan kepentingan mereka sahaja.

Bab 14

Keadaan dan Perkembangan di Negeri Johor

Menjelang akhir kurun ke-19 terdapat tiga unit pentadbiran di Semenanjung Tanah Melayu. Unit-unit ini dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat yang terdiri daripada Singapura, Pulau Pinang dan Melaka, unit kedua ialah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang; dan unit ketiga ialah Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang terdiri daripada Johor, Kelantan, Terengganu dan Kedah-Perlis. Tetapi setiap negeri itu diperintah oleh sultannya sendiri dan masih bebas. Sebagaimana yang kita ketahui daripada bab-bab yang lalu, Negeri-Negeri Selat telah dikuasai sepenuhnya oleh pihak British menjelang pertengahan kurun ke-19, manakala Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula mula dikuasai pada suku akhir kurun ke-19. Kedudukan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu masih lagi di luar kekuasaan British sehinggalah pada awal kurun ke-20. Kita akan meneliti keadaan di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu untuk melihat bagaimana penjajah British menjalankan kegiatannya untuk menguasai negeri-negeri tersebut.

Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu bukanlah merupakan satu entiti politik, seperti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Negeri-Negeri Selat. Mereka tidak mempunyai hubungan dalaman yang

khusus antara mereka. Kelima-lima buah negeri itu terus menjadi kerajaan Melayu yang berdaulat dan merdeka. Negeri-negeri ini dinamakan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu kerana peredaran sejarah menunjukkan bahawa apabila mereka masuk di bawah kuasa British, negeri-negeri Melayu lain sudah pun bersekutu di bawah satu Persekutuan. Tetapi kebebasan dan kemerdekaan mereka juga telah menyebabkan mereka bertindak bersama dalam menentang kemasukan kuasa British dari Singapura dan Kuala Lumpur. Mereka telah mempelajari daripada keadaan yang berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Ini menyebabkan mereka segera bersatu di bawah pimpinan Kedah dan Johor dalam mempertahankan kepentingan bersama untuk mengekalkan polisi pengasingan. Selain memperkatakan perkara yang umum ini, sebarang usaha untuk membincangkan negeri-negeri itu sebagai satu entiti politik akan menemui kegagalan kerana terdapat banyak kelainan di antara negeri-negeri itu. Bagi memudahkan perbincangan, Johor akan diasingkan kerana keunikannya, manakala keempat-empat negeri di utara iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, yang dahulunya berada di bawah kekuasaan Siam, akan disatukan tetapi diberikan penjelasan mengikut negeri-negerinya tersendiri.

Johor

Sebagaimana yang kita ketahui, Johor adalah sebahagian daripada empayar Melayu Melaka selepas Melaka dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Pada akhir kurun ke-19 kedudukan Johor begitu unik sekali. Sungguhpun Johor berjiran dengan pusat kekuasaan British di Tanah Melayu iaitu Singapura, namun Johor dapat terus mengekalkan kemerdekaannya dalam hal-ehwal negerinya walaupun negeri-negeri Melayu lain yang berjiran dengannya telah lama dikuasai oleh pihak British. Tidak seperti negeri-negeri Melayu lain yang telah kehilangan kuasa setelah menerima Residen British dan dibanjiri oleh kedatangan orang luar, kuasa pemerintahan Johor menjadi bertambah kukuh. Dengan sokongan daripada pihak British, Temenggung Johor telah menjadi Maharaja pada tahun 1868 dan seterusnya menjadi Sultan Johor pada tahun 1885. Keunikan Johor ini adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kebolehan dan kepintaran Temenggung Daeng Ibrahim dan penggantipenggantinya. Johor telah menikmati manfaat daripada perkembangan dan kemajuan ekonomi yang berlaku di Singapura.

Temenggung Daeng Ibrahim

Apabila Temenggung Abdul Rahman meninggal dunia pada tahun 1825, beliau telah diganti oleh puteranya yang bernama Daeng Ibrahim. Daeng Ibrahim terus mendapat elaun bulanan sebanyak \$350 yang diberi oleh pihak British dan hanya ditabalkan sebagai Temenggung Johor di hadapan Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura pada tahun 1841. Temenggung Ibrahim dan Sultan (Tengku) Ali telah menandatangani perjanjian persahabatan pada 1 Januari 1855. Menerusi perjanjian ini, seluruh Johor kecuali daerah Kesang di sekitar

Sungai Muar telah diserahkan kepada pemerintahan Temenggung Ibrahim. Sebagai balasannya Sultan Ali akan dibayar sagu hati sebanyak \$5000 dan elaun bulanan sebanyak \$500. Dengan itu Temenggung Ibrahim diiktiraf sebagai pemerintah negeri Johor oleh pihak British. Hubungan antara Johor dengan pihak British menjadi bertambah rapat.

Temenggung Ibrahim adalah seorang pemerintah yang pintar dan cekap. Baginda telah berusaha untuk membangunkan negeri Johor supaya menjadi sebuah negeri yang aman, makmur dan berdaulat. Baginda telah melantik pembesar di setiap jajahan untuk mentadbirkannya. Pegawai-pegawai khas juga dilantik untuk menjaga keamanan dan memungut hasil negeri. Temenggung Ibrahim telah bekerjasama dengan pihak British untuk menghapuskan lanun di sekitar perairan Johor. Baginda telah dianugerahkan sebilah pedang oleh Ratu Victoria sebagai mengenang jasanya ini. Baginda telah bersemayam di Teluk Belanga, Singapura. Baginda juga telah mengambil pegawai British untuk berkhidmat bagi memajukan Johor.

Dari segi politik, baginda telah mengadakan hubungan dengan semua negeri, terutamanya dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan juga dengan kerajaan British. Malah baginda tidak keberatan untuk menerima nasihat daripada kerajaan British dalam usahanya memajukan Johor.

Dari segi ekonomi pula, Temenggung Ibrahim telah membangunkan negeri Johor dengan membawa masuk buruh Cina untuk bercucuk tanam dengan membuka ladang gambir, lada dan lain-lain lagi. Malah petani dan buruh Cina dari Singapura telah digalakkan untuk bercucuk tanam di Johor. Saudagar-saudagar Cina dari Singapura juga digalakkan melabur di Johor dengan membuka ladang gambir dan lada hitam. Mereka juga dibenarkan mem-

buat petempatan di tebing beberapa sungai yang terdapat di negeri itu. Bagi melicinkan dan juga mengawasi orang Cina itu, surat kuasa yang dipanggil *Surat Sungai* diberikan kepada ketua-ketua mereka yang juga dikenali sebagai *Kangcu*. Dipercayai bahawa *Surat Sungai* yang pertama dikeluarkan pada tahun 1833 bagi satu kawasan petempatan di tebing Sungai Skudai. Selepas itu banyakkah lagi *Surat Sungai* dikeluarkan untuk kawasan-kawasan lain. *Surat Sungai* ini memberikan kebenaran kepada ketua orang Cina itu untuk membuka kawasan petempatan dan untuk mengusahakan pertanian di kawasan tertentu. Kawasan pertanian itu dikenali sebagai



Lada hitam yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi Tanah Melayu. Tanaman ini diusahakan melalui sistem *Kangcu* di Johor.

Kangkar. Kerajaan Johor juga memberi hak monopoli menguruskan perjudian, kedai pajak, menjual arak dan candu. Surat-surat kuasa yang demikian itu juga membenarkan mereka mengambil sedikit keuntungan ke atas eksport gambir dan lada hitam dan bagi import beras. Sebagai balasannya *Kangcu* akan membayar sewa, lesen dan cukai-cukai lain. Kesannya, kelompok-kelompok ladang lada hitam dan gambir muncul di tebing Sungai Johor, Sungai Batu Pahat, Sungai Muar, dan Sungai Sedili.

Temenggung Ibrahim telah mangkat pada 31 Januari 1862, iaitu selepas kira-kira tujuh tahun memerintah Johor. Sungguhpun masa pemerintahannya singkat, tetapi dalam tempoh tujuh tahun itu, baginda telah berjaya mentadbir negeri dengan cekapnya. Baginda telah diganti oleh puteranya yang bernama Temenggung Abu Bakar pada 1 Februari 1862.

Maharaja Abu Bakar

Temenggung Abu Bakar tetap meneruskan cita-cita ayahandanya. Baginda dilahirkan di Singapura dan sejak kecil lagi telah menerima didikan dan latihan daripada seorang paderi Inggeris yang bernama Rev. Keasberry. Pendidikan yang diterimanya dan juga pergaulan harian keluarganya menyebabkan cara hidupnya banyak dipengaruhi oleh cara kehidupan orang Eropah. Beliau juga mempunyai ramai sahabat dan penasihat yang terdiri daripada orang Inggeris.

Kecekapan dan kebijaksanaan baginda memerintah dan mentadbir negeri dan juga hubungan baginda yang rapat dengan kerajaan British menyebabkan baginda sangat dihormati. Pada tahun 1868, baginda dianugerahkan pingat *Knight Commander of the Star of India* yang membawa gelaran Maharaja. Gelaran itu dianugerahkan oleh Ratu Victoria ketika Te-

mengging Abu Bakar mengadakan lawatan ke England.

Maharaja Abu Bakar Menjadi Sultan Johor

Sultan Ali mangkat pada tahun 1877. Berikutan dengan itu keseluruhan kawasan yang diperintah oleh almarhum dahulu, ia itu daerah Kesang, telah dicantumkan dengan kawasan-kawasan yang dikuasai oleh Maharaja Abu Bakar. Percantuman itu mewujudkan negeri Johor yang ada sekarang ini. Sebagai balasannya Maharaja Abu Bakar telah menambahkan bayaran pencen bulanan kepada keluarga dan waris Sultan Ali.

Seterusnya pada tahun 1885, dalam perjanjian persahabatan dengan pihak British, baginda telah diiktiraf sebagai sultan yang menguasai seluruh negeri Johor. Negeri Johor juga diiktiraf sebagai sebuah negeri yang merdeka. Dengan kata lain, Johor bukanlah sebuah tanah jajahan British seperti negeri-negeri Melayu yang menerima sistem Residen. Johor adalah sebuah negeri yang mempunyai sistem pemerintahan sendiri dengan sultannya mempunyai kuasa penuh dalam pentadbiran negeri.

Namun begitu, pihak British tidaklah sepenuhnya jujur dalam tindak-tanduknya. Mereka memang ingin mendapatkan keuntungan daripada perjanjian itu, khususnya untuk meletakkan negeri Johor di bawah kekuasaannya. Gabenor Frederick Weld telah cuba menjadikan negeri Johor sebagai tanah jajahan British. Percubaan ini dilakukan dalam rundingan-rundingan awal bagi perjanjian tahun 1885 itu. Tetapi percubaan pihak British itu sentiasa ditolak oleh Sultan Abu Bakar. Rundingan itu telah diadakan di London dan memakan masa selama enam bulan. Baginda dibantu oleh setiausaha baginda yang memang telah dapat menjangkakan tindak-

tanduk pihak British itu. Setiausaha baginda itu ialah Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman, seorang pembesar negeri Johor. Beliau adalah seorang yang sangat bijak dan pintar dalam menghadapi tipu muslihat pihak British yang ingin menghapuskan kemerdekaan Johor.

Namun demikian, dengan Perjanjian Persahabatan yang ditandatangani pada 11 Disember 1885, pihak British dapat menguasai hal-ehwal luar negeri Johor. Johor juga bersedia menerima seorang konsul British sebagai wakil kerajaan British di negeri tersebut, jika pihak British perlu melantiknya nanti. Di samping itu, negeri Johor juga berjanji tidak akan membuat sebarang perjanjian bertulis dengan kuasa-kuasa lain, tanpa kebenaran daripada kerajaan British. Dengan syarat-syarat tersebut, maka sedikit sebanyak menunjukkan bahawa pihak British telah cuba untuk menjajah Johor. Mereka berjanji akan membantu negeri Johor jika diserang



Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak, bijak dan pintar menghadapi tipu muslihat pihak British.

musuh dari luar atau dalam negeri. Pada tahun 1917, kerajaan Johor bersetuju menerima seorang pegawai British di negeri itu sebagai wakil British.

Penghapusan Sistem Kangcu

Sistem kangcu telah dihapuskan oleh kerajaan Johor pada bulan Disember 1917. Antara sebabnya ialah penyelewengan yang dilakukan oleh *kangcu* itu sendiri. Misalnya, mereka membuka tanah dengan sewenang-wenangnya sahaja. Mereka memilih hanya kawasan yang subur sahaja dan meninggalkan kawasan yang kurang subur. Ada pula antara *kangcu-kangcu* itu yang lebih merupakan ketua kongsi gelap daripada seorang tuan tanah yang bertanggungjawab. Mereka kerap mengabaikan tanggungjawab dan tidak memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada kerajaan apabila bantuan mereka diperlukan.


Dalam pada itu, menjelang awal kurun ke-20, permintaan gambir dan lada hitam telah merosot. Oleh kerana *kangkar-kangkar* itu kebanyakannya mengeluarkan hasil tersebut, maka pendapatan mereka pun turut merosot. Akibatnya mereka menanggung beban hutang yang semakin banyak. Keadaan dalam *kangkar-kangkar* juga tidak begitu menyenangkan pihak kerajaan, kerana sering berlaku pergaduhan. Pihak kerajaan telah mengenakan larangan ke atas kegiatan perjudian yang dilakukan secara terbuka. Ini juga telah menimbulkan kerugian kepada *kangcu-kangcu*. Memandangkan keadaan yang sedemikian itu, maka pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk menghapuskannya, dengan menghapuskan *sistem kangcu*.

Kedudukan dan Tanggungjawab Kangcu

Kangcu mempunyai kedudukan sebagai ketua bagi sesebuah *kangkar*. Oleh itu *kangcu* mempunyai hak yang penuh, atau-

pun monopoli ke atas segala kegiatan perniagaan dan sebagainya yang dijalankan di dalam *kangkar*nya itu. *Kangcu* juga mengawal kegiatan mengeksport barang dagangan seperti makanan, pakaian dan sebagainya. Hak monopolinya di dalam *kangkar* itu termasuklah segala kegiatan perjudian, pajak gadai dan sebagainya. Kuasa dan hak monopoli yang dimiliki itu menyebabkan seseorang *kangcu* itu menjadi kaya dan bertindak sebagai pembesar feudal dalam kawasan masing-masing. Ada pula antara mereka yang tidak menetap di kawasan yang dikuasainya, tetapi tinggal di Singapura. Mereka ini akan melantik wakil mereka yang menetap di kawasan *kangkar* itu.

Kangcu-kangcu juga mestilah membayar cukai kepada kerajaan Johor yang telah membenarkan mereka membuka petempatan setelah memperoleh *Surat Sungai*. Dengan demikian, kerajaan dapat menambatkan hasil negeri. Kegiatan pertanian juga semakin berkembang dan maju. *Kangcu-kangcu* juga mesti bekerjasama dan membantu kerajaan melaksanakan undang-undang serta memelihara keamanan dan ketenteraman di kawasan mereka. Walau bagaimanapun, perkembangan dan kemajuannya itu tidaklah terus meningkat. Kadangkala berlaku penyelewengan dan ini ditambah pula dengan beberapa faktor lain yang menyebabkan sistem tersebut tidak memberikan keuntungan lagi. Akhirnya kerajaan Johor telah menghapuskan sistem tersebut dan membatalkan hak *Surat Sungai* itu dan membayar ganti rugi yang sewajarnya kepada pemegangnya. Dianggarkan bahawa kerajaan membelanjakan hampir sejuta ringgit bagi membayar ganti rugi tersebut. Dengan penghapusan itu, kerajaan Johor di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim telah menggubal pula satu sistem yang baharu bagi mengurus serta memajukan tanah dan pertaniannya.



Kawasan sistem kangcu pada hujung kurun ke-19.

Memaju dan Memodenkan Johor

Sultan Abu Bakar sering membuat lawatan ke luar negeri. Daripada pengalaman itu, baginda berusaha untuk memaju serta memodenkan Johor. Dalam bidang pentadbiran, baginda telah memperkenalkan cara pentadbiran British. Dengan itu, baginda berasa yakin bahawa pengurusan dan pentadbiran negeri akan dapat berjalan dengan licin. Kemudahan-kemudahan awam juga diperbaiki dan juga ditambah. Antaranya ialah pembinaan jalan raya, pejabat

pos, dan juga hospital. Pasukan polis dan tentera juga ditubuhkan untuk menjaga keamanan dan ketenteraman negeri. Baginda juga menubuhkan mahkamah awam untuk membicarakan kes-kes awam dan jenayah. Agama Islam telah dijadikan agama rasmi. Oleh kerana minatnya yang mendalam dalam bidang pendidikan, maka baginda telah mendirikan banyak sekolah. Malah baginda juga telah membina sebuah sekolah Inggeris dengan menggunakan perbelanjaan sendiri. Sesuai dengan perkembangan yang berlaku di Johor, maka

baginda telah memindahkan ibu negeri Johor dari Teluk Belanga di Singapura ke bandar Tanjung Puteri. Pemindahan itu dimulakan pada 1 Januari 1866, iaitu kira-kira empat tahun selepas baginda menaiki takhta kerajaan. Tanjung Puteri kemudiannya dinamakan Johor Bahru.

Satu tindakan akhir yang dilakukan oleh baginda untuk kepentingan negerinya sebelum baginda mangkat ialah meluluskan Perlembagaan baru bagi negeri Johor. Perlembagaan ini adalah penting kerana secara tidak langsung dapat menyekat kemaraan penjajahan British ke negeri Johor melalui sistem Residen. Perlembagaan itu memperuntukkan sebuah Majlis Menteri-Menteri yang nasihatnya haruslah diminta oleh Menteri Besar dan juga sultan dalam menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negeri. Ahli-ahli yang menganggotai majlis ini mestilah terdiri daripada orang Melayu sahaja. Sebuah Majlis Mesyuarat Negeri juga dibentuk yang bertugas menggubal undang-undang dan membuat keputusan yang penting bagi kebaikan dan kepentingan negeri. Perlembagaan baru itu telah diluluskan oleh baginda pada tahun 1895, iaitu tidak berapa lama sebelum baginda mangkat.

Kemangkatan Bapa Johor Moden

Dengan pembaharuan-pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh Sultan Abu Bakar, maka tidak hairanlah jika baginda digelar sebagai "Bapa Johor Moden". Dengan kata lain, baginda serta pembantu-pembantu dan pembeda-pembeda negeri telah berjaya memaju serta memodenkan negeri Johor dari beberapa sudut, terutamanya dari sudut politik, ekonomi dan juga kemasyarakatan. Perkembangan ini telah menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang makmur dan aman. Pembaharuan itu juga menyebabkan pihak British tidak dapat mencari helah untuk me-

masuk Johor dan menjajah negeri itu. Dalam pada itu, Sultan Abu Bakar juga bersahabat baik dengan Ratu Victoria, iaitu Ratu British yang bertakhta pada masa itu.

Pada tahun 1895 Sultan Abu Bakar telah melawat England dan mangkat di sana pada tahun tersebut. Selepas kemangkatan baginda itu, pihak British menganggap usahanya untuk menguasai Johor menjadi semakin mudah. Sultan Abu Bakar diganti oleh puteranya yang bernama Sultan Ibrahim.

Pemerintahan Sultan Ibrahim

Sultan Ibrahim memerintah negeri Johor dari tahun 1895 sehingga tahun 1959, iaitu satu jangka masa pemerintahan yang agak lama. Baginda telah meneruskan usahanya ayahanda baginda dan menjalankan pemerintahan negeri berdasarkan Perlembagaan tahun 1895. Walau bagaimanapun, beberapa pindaan dan tambahan telah dibuat terhadap Perlembagaan itu mengikut keperluan semasa. Selain itu, pihak British juga turut mempengaruhi pindaan yang dilakukan bagi memudahkannya menguasai negeri Johor. Antara pindaan yang dibuat ialah penubuhan sebuah Majlis Kerja pada tahun 1912 yang bertugas melaksanakan undang-undang dan keputusan yang telah diambil oleh Majlis Mesyuarat Negeri.

Pada tahun 1914, satu pindaan penting telah dilakukan. Melalui pindaan itu, Sultan Ibrahim telah membenarkan orang luar dan bukan rakyat Johor dan orang Inggeris menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Pada asalnya, hanya rakyat Johor sahaja yang boleh menjadi ahli Majlis tersebut. Selanjutnya pada tahun itu juga, Sultan Ibrahim telah bersetuju menerima seorang Penasihat British yang kononnya bertugas untuk menasihati baginda dalam pemerintahan

dan pentadbiran negeri Johor. Walaupun nasihatnya tidaklah semestinya diikuti, tetapi jelaslah kedudukan dan tugasnya telah diperkecilkan kedudukan dan tugas Majlis Menteri-Menteri.

Walaupun bagaimanapun, keadaan di negeri Johor tidaklah begitu membimbangkan seperti yang berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, kerana pihak British sebenarnya boleh melakukan tindakan untuk meluaskan kepentingan mereka dengan sewenang-wenangnya. Pembesar-pembesar dan pegawai-pegawai Melayu masih memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri Johor. Menteri Besar masih mempunyai kuasa pentadbiran seperti dahulu dan sultan tetap menjadi ketua negeri dan kerajaannya. Dengan kata lain, Johor tidaklah sepenuhnya dapat dikuasai oleh pihak British.



Datuk Mohd. Salleh bin Perang, Menteri Besar Johor yang bertanggungjawab memajukan negeri Johor.



Bangunan Sultan Ibrahim, pernah dijadikan pusat pentadbiran negeri Johor.

Bab 15

Negeri-Negeri Melayu di Utara dan Timur Tanah Melayu

Negeri-negeri Melayu Utara

Negeri-negeri Melayu utara, iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah-Perlis, dikatakan di bawah naungan kuasa Siam, dan ada pula yang mengatakannya sebagai negeri-negeri di bawah pemerintahan Siam. Sebenarnya kedua-dua anggapan itu tidaklah begitu tepat. Raja-raja Melayu di negeri-negeri tersebut tidak pernah beranggapan bahawa negeri mereka di bawah pemerintahan kerajaan Siam. Walau bagaimanapun, mereka menyedari bahawa mereka sentiasa diancam oleh Siam. Malah kadangkala mereka diserang oleh tentera Siam dan kadangkala mereka pula memerangi tentera Siam. Keadaan seperti ini kerap berlaku di Kedah pada hujung kurun ke-18 dan awal kurun ke-19. Ini juga berlaku di Terengganu pada tahun 1860 yang menyebabkan pihak British campur tangan buat sementara waktu. Jadi untuk meredakan ancaman dan mengelakkan daripada serangan itulah, maka Raja-raja Melayu di bahagian utara Tanah Melayu itu telah menghantar ufti yang berupa Bunga Emas. Penghantaran Bunga Emas itu bertujuan menandakan persahabatan dengan kerajaan Siam, dan juga untuk mengekalkan kemerdekaan negeri masing-masing. Dengan hantaran Bunga Emas itu, Siam tidak akan mengganggu

kerajaan negeri-negeri yang berkenaan. Keadaan seperti ini boleh terjadi kerana negeri-negeri Melayu itu berada dalam keadaan lemah disebabkan tiada mempunyai sistem pertahanan yang kuat. Bagi Siam pula, negeri-negeri Melayu utara itu dianggap sebagai berada di bawah kekuasaannya. Tetapi ini hanya tinggal sebagai satu anggapan kosong sahaja kerana negeri-negeri Melayu berkenaan tidak mengakui kekuasaan Siam.

Hubungan Pihak British dengan Siam

Pihak British perlu menjaga hubungannya dengan Siam bagi menjaga kepentingannya. Malah kerajaan British sentiasa memihak kepada Siam seperti yang ditunjukkan dalam Perjanjian Burney 1826 antara kerajaan British dan Siam. Melalui perjanjian ini, Kedah telah diakui oleh kerajaan British berada di bawah kuasa Siam, dan Perlis pula berada di bawah pemerintahan seorang pembesar yang dilantik dan tunduk kepada Siam. Kedudukan Kelantan dan Terengganu tidak berapa jelas kerana kebebasan mereka daripada Siam masih samar lagi. Kesamaran inilah yang menyebabkan Kelantan dan Terengganu beranggapan mereka bebas, manakala Siam pula mengatakan kedua-dua buah negeri ini berada di bawah naungan mereka dan

pihak British terpaksa berbaik-baik dengan Siam demi kepentingan perdagangannya.

Pihak British ingin mendapatkan bekalan beras yang mencukupi bagi tanah jajahannya. Pada ketika itu, sebelum tahun 1886, pihak British masih belum dapat menguasai Burma yang merupakan jelaang padi terpenting di Asia Tenggara. Pihak British juga sedang disaingi oleh Perancis dalam usahanya untuk meluaskan tanah jajahannya di Asia Tenggara. Menjelang tahun 1893 Perancis telah berjaya menjajah negeri-negeri yang dikenali sebagai IndoChina. Dengan itu kedengaran pula desas-desus bahawa Perancis akan meluaskan penjajahannya ke Siam, iaitu untuk menguasai Lembah Menam Chao Praya yang subur itu. Desas-desus ini sangatlah membimbangkan pihak British dan mereka menimbangkan cadangan untuk menguasai Siam sebelum Perancis menguasainya. Tetapi pihak British tidak mahu mengambil langkah ini. Mereka tidak mahu bersempadan dengan Perancis di IndoChina kerana ini akan membawa kepada pertelagahan. Oleh itu, lebih baik jika mereka tidak menjajah Siam. Tetapi Perancis juga tidak seharusnya dibenarkan menakluk negara itu. Oleh itu, pihak British haruslah menyokong Siam supaya tidak diceroboh oleh Perancis. Siam haruslah dijadikan sebuah negara penampan di antara pihak British di Tanah Melayu dan Burma dengan Perancis di IndoChina. Pada tahun 1896 pihak British dan Perancis telah menandatangani satu pengisytiharan yang menjamin kebebasan Lembah Menam Chao Praya itu. Dengan itu, mereka tidak berasa curiga terhadap Perancis buat seketika waktu. Pihak British juga dapat mengalihkan pandangan mereka kepada negeri-negeri Melayu utara Tanah Melayu. Sementara itu, khabar angin tersebar mengatakan bahawa Perancis sedang beraura hendak memotong Segenting Kra

untuk membina sebuah terusan bagi memudahkan perjalanannya ke IndoChina tanpa melalui Singapura. Pihak British sangat bimbang kerana jika benar terusan Segenting Kra dibina, maka perdagangan Singapura sebagai sebuah pelabuhan penting akan terancam. Sementara itu pula, pihak British juga sedar tentang ancaman daripada Jerman yang telah menunjukkan minat mereka ke atas Siam dan negeri-negeri Melayu utara itu.

Berikutan dengan itu, pihak British telah mengadakan rundingan secara sulit dengan Siam mulai pada bulan April 1897. Mereka telah berjaya menandatangani perjanjian sulit dengan Siam. Melalui perjanjian sulit itu, mereka sekali lagi mengakui pengiktirafan Siam ke atas negeri-negeri Melayu utara dan berjanji akan membantu Siam jika ia diserang oleh kuasa lain. Siam pula berjanji tidak akan memberikan wilayahnya di selatan Muang Bao Tapan kepada kuasa lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada kerajaan British.

Perjanjian itu tidak dapat menyelesaikan masalah anggapan Siam ke atas negeri-negeri Melayu utara dan juga kebimbangan dan ketakutan pihak British terhadap kemasukan penjajah lain ke negeri-negeri tersebut. Perjanjian sulit ini menunjukkan pihak British tidaklah jujur dalam tindak-tanduk mereka. Pada tahun 1824 dahulu, kerajaan British telah membuat perjanjian sulit dengan Belanda dan membahagikan Alam Melayu ini kepada kawasan pengaruh British dan Belanda. Perjanjian ini akhirnya telah memusnahkan empayar Johor-Riau, membolehkan Belanda menjajah Indonesia dan pihak British menguasai Tanah Melayu setapak demi setapak.

Seperti yang telah disebutkan, perjanjian sulit itu sebenarnya tidaklah menimbulkan kesan yang diharapkan oleh pihak British terhadap negeri-negeri

Melayu yang berkenaan. Mereka terus bertindak sebagai negeri-negeri yang bebas daripada cengkaman mana-mana kuasa. Memandang hal ini, pihak British telah membuat pula Perjanjian Sempadan dengan Siam pada tahun 1899. Tujuan utama perjanjian ini ialah untuk mengukuhkan lagi pengiktirafan pihak British terhadap anggapan Siam bahawa negeri-negeri itu berada di bawah kekuasaannya. Tetapi kerana mereka tidak dibawa berunding sama dalam Perjanjian Sempadan ini, maka negeri-negeri Melayu utara itu terus bertindak mengikut kepentingannya sendiri.

Konsesi Kerajaan Kelantan kepada Duff

Pada tahun 1900 kerajaan Kelantan telah memberikan konsesi tanah seluas 3000 batu persegi kepada seorang Inggeris yang bernama Duff, untuk ditadbirnya dengan segala hak perdagangan ke atasnya. Pemberian konsesi ini telah menyebabkan kerajaan British berasa serba salah. Keluasan konsesi itu hampir separuh negeri Kelantan dan Duff pula ialah seorang berbangsa Inggeris. Siam tidak mengiktiraf konsesi ini tetapi Sultan Kelantan tidak mengendahkan pandangan Siam itu kerana baginda menganggap negerinya sebagai sebuah negeri yang merdeka. Siam seterusnya telah membuat bantahan kepada kerajaan British atas alasan tindakan Sultan Kelantan itu telah melanggar syarat-syarat dalam Perjanjian Sulit 1897 dan Perjanjian Sempadan 1899. Duff pula mengancam untuk mendapatkan bantuan daripada kuasa Eropah yang lain sekiranya pihak British enggan membantunya dalam hal konsesi ini. Kerajaan British sebenarnya berasa cemas kerana takutkan kuasa Eropah lain akan menggunakan masalah konsesi Duff ini bertapak di Tanah Melayu.

Bagi menyelesaikan masalah konsesi itu, pihak British telah mencadangkan kepada Siam pada awal 1902 supaya melantik pegawai British yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir Awam Siam sebagai Penasihat atau Residen ke Kelantan dan Terengganu. Siam telah menganggap cadangan ini sebagai usaha untuk mempermain-mainkannya sahaja, dan oleh itu Siam telah menolaknya. Sultan Kelantan pula telah meminta Frank Swettenham, selaku Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, untuk memberi perlindungan kepada Kelantan dan menghantar seorang Residen British sebagai Penasihat baginda. Kerajaan British sudah lama ingin meluaskan kuasanya ke Kelantan. Seterusnya mereka telah mengancam akan memenuhi kehendak Sultan Kelantan itu sekiranya Siam tidak mengubah sikapnya. Kerajaan British telah memberi tempoh sehingga bulan September 1902 kepada kerajaan Siam untuk mengiktiraf Kelantan dan Terengganu sebagai negeri yang bebas. Dengan itu, pihak British boleh membuat perjanjian berasingan dengan negeri Kelantan dan Terengganu.

Perjanjian British-Siam Tahun 1902

Siam tidak mempunyai pilihan lagi melainkan terpaksa bersetuju dengan tuntutan pihak British. Pada bulan September 1902 satu lagi perjanjian dengan Siam telah ditandatangani. Perjanjian itu dikenali sebagai Perisytiharan Siam-British. Sekali lagi pihak British telah menyatakan pengiktirafan Siam ke atas negeri-negeri Melayu utara, khususnya Kelantan dan Terengganu. Siam dikehendaki melantik Penasihat dan Penolong Penasihat British di kedua-dua buah negeri tersebut, tetapi Siam tidak boleh mencampuri hal-ehwal dalam negeri-

negeri tersebut, manakala hal-ehwal luar negeri pula diletakkan di bawah pihak British. Siam hanya dibenarkan menerima pampasan sebanyak sepuluh peratus jika hasil negeri-negeri yang berkenaan itu melebihi daripada \$100 000 setahun. Perjanjian ini jelas menguntungkan pihak British. Negeri-negeri Melayu itu pula tidak juga diundang untuk berunding sama. Dengan kata lain, mereka tidak tahu-menahu tentang perjanjian itu. Dengan perjanjian itu bolehlah dikatakan bahawa negeri-negeri tersebut sudah hampir dapat dikuasai oleh pihak British. Dengan itu, mereka berharap akan dapat menghalang kuasa-kuasa lain daripada memasuki dan menguasai negeri-negeri berkenaan.

Seterusnya Frank Swettenham telah pergi ke Kelantan dan Terengganu untuk memberitahu dan mendapatkan persetujuan sultan-sultannya bagi melantik Penasihat British. Sultan Kelantan telah bersetuju dengan rancangan itu. Oleh itu Siam telah melantik seorang Penasihat dan seorang Penolongnya ke Kelantan pada tahun 1903. Tetapi Terengganu tidak mahu menerima perjanjian tersebut. Sultan Terengganu merasakan bahawa negerinya tidak memerlukan penasihat asing untuk menasihati baginda dalam pentadbiran negeri baginda sendiri. Terengganu adalah sebuah negeri yang bebas dan berdaulat. Lagipun baginda tidak pernah dibawa berunding dalam mana-mana rundingan antara pihak British dengan Siam yang berhubung dengan negeri Terengganu. Oleh itu tidaklah wajar bagi baginda menerima cadangan itu.

Perjanjian Bangkok Tahun 1909

Dalam pada itu perkembangan yang berlaku di Eropah telah menyebabkan Britain dan Perancis terpaksa berbaik-baik di antara satu sama lain. Kedua-dua kuasa itu

telah bermesyuarat dan pada 8 April 1904 dan telah menandatangani Pakatan Britain-Perancis. Akibatnya permusuhan dan persaingan di antara mereka, terutamanya dari segi meluaskan tanah jajahan masing-masing telah ditamatkan. Mereka juga bersetuju membantu antara satu sama lain dalam hak memajukan kepentingan masing-masing. Oleh itu apabila Perancis merampas beberapa buah kawasan di sempadan Siam-Kampuchea, Britain tidaklah bertindak membantu Siam mempertahankan negerinya walaupun sudah berjanji untuk berbuat demikian.

Siam berasa kecewa dengan sikap tersebut, dan berasa bimbang serta syak terhadap langkah-langkah yang akan dilakukan seterusnya oleh pihak British. Sebenarnya Siam berasa tidak senang dengan keistimewaan yang telah diberikannya kepada pihak British melalui Perjanjian Sulit tahun 1897 dan 1899. Dengan perjanjian tersebut, Siam terpaksa pula mendapatkan kebenaran pihak British bagi mengendalikan wilayah mereka sendiri. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa Siam berada di bawah naungan kuasa British dan bukannya sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

Oleh itu Siam merasakan perlu baginya mendapatkan semula maruah negaranya. Perjanjian Sulit itu juga haruslah ditarik balik. Tetapi rancangan ini tentulah memerlukan balasan pula kepada pihak British. Satu-satunya jalan yang terbuka baginya ialah menggugurkan anggapan ataupun tuntutan kekuasaannya ke atas negeri-negeri Melayu utara dan menyerahkannya kepada kekuasaan penjajah British. Negeri-negeri tersebut tidak pernah mengiktiraf kekuasaan Siam ke atas mereka. Malah Siam sentiasa menghadapi masalah demi masalah berhubung dengan negeri-negeri Melayu utara itu. Penentangan dan

peperangan terhadapnya sering berlaku. Menjelang tahun 1904 itu pula Kedah sedang menghadapi masalah kewangan yang genting. Kedah berharap Siam akan dapat mengatasi masalah itu, tetapi Siam gagal menyelesaikannya.

Dalam keadaan yang demikian itulah rundingan diadakan dengan pihak British yang memang berminat untuk berunding dengan Siam mengenai negeri-negeri Melayu utara itu. Rundingan itu akhirnya menghasilkan Perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada 9 Julai 1909. Antara syarat-syaratnya yang terpenting ialah:

- i. Keempat-empat negeri Melayu utara itu termasuklah semua pulau berhampiran yang berada di bawah kuasa keempat-empat buah negeri itu diserahkan kepada kekuasaan British.
- ii. Siam bersetuju tidak akan menyewakan mana-mana kawasan-nya kepada sebarang kuasa asing tanpa mendapat kebenaran daripada kerajaan British. Siam juga tidak akan membenarkan kuasa asing membina Terusan Segenting Kra.
- iii. Pihak British menggunakan wang dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menyelesaikan hutang-piutang negeri-negeri utara Tanah Melayu. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu juga akan meminjamkan wang sejumlah empat juta paun kepada Siam untuk pembinaan landasan kereta api di bahagian selatan Siam.
- iv. Pihak British tidak akan campur tangan dalam hal-hwal tanah jajahan Siam yang lain.

Selain itu, Perjanjian Sulit tahun 1897 juga telah dimansuhkan tetapi ini tidaklah membawa apa-apa erti kerana pihak British masih mempunyai pengaruh yang kuat ke atas Siam dengan adanya syarat (ii) di atas.

Sambutan Kerajaan Negeri-negeri Melayu di Utara

Seperti juga halnya dengan rundingan-rundingan terdahulu, Raja-Raja Melayu di sebelah utara negeri-negeri Melayu di sebelah utara tidak dijemput hadir bersama untuk menyertai rundingan yang menghasilkan Perjanjian Bangkok tahun 1909 itu. Oleh kerana itu, perjanjian itu hanya sah di antara kerajaan British dan Siam sahaja, tetapi tidak sah bagi kerajaan negeri Melayu utara yang berkenaan. Tetapi pihak British tetap meneruskan tindakannya untuk meluaskan kuasa penjajahannya ke negeri-negeri tersebut. Melalui Perjanjian Bangkok, pihak British berharap akan dapat menguasai negeri-negeri itu seperti mana menguasai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tetapi sejak awal lagi sambutan daripada negeri-negeri Melayu utara adalah dingin kerana mereka tetap menganggap diri mereka sebagai negeri yang bebas dan berdaulat dan tidak begitu senang dengan ura-ura pihak British hendak menjajah mereka.

Pihak British Menguasai Kedah

Sesungguhnya hubungan Kedah dengan pihak British telah wujud sejak Francis Light mengambil Pulau Pinang pada tahun 1786. Tetapi pada ketika itu, mereka belum lagi begitu berminat menjajah Kedah. Minat itu timbul setelah pihak British dapat menguasai beberapa buah negeri Melayu lain dengan rasminya. Menjelang hujung

kurun ke-19, pihak British sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menjajah dan menguasai Kedah.

Melalui perjanjian tahun 1902, pihak British telah meminta Sultan Abdul Hamid agar menerima seorang Penasihat British yang bekerja dengan kerajaan Siam. Baginda telah menolak permintaan itu. Tetapi menjelang tahun 1904, Kedah menghadapi masalah kewangan yang serius. Oleh itu baginda terpaksa meminjam daripada kerajaan Siam. Siam sanggup memberikan pinjaman itu dengan syarat Kedah hendaklah menerima seorang Penasihat Kewangan berbangsa Inggeris. Oleh kerana keadaan kewangan Kedah begitu genting, maka Kedah terpaksa menerima syarat tersebut. Siam meluluskan pinjaman wang sebanyak \$2 juta dan menghantar W.J.F. Williamson sebagai Penasihat Kewangan yang pertama. Tindakan Siam itu sangat menyenangkan pihak British. Walau bagaimanapun, Penasihat British itu tidaklah dapat menyelesaikan masalah kewangan Kedah dengan memuaskan. Penasihat-penasihat itu lebih ghairah untuk memperbaiki pentadbiran negeri Kedah secara keseluruhannya dan melantik pegawai-pegawai British dalam jabatan-jabatan kerajaan, kononnya untuk memperbaiki pentadbirannya. Dengan cara ini mudahlah nanti bagi pihak British untuk menguasai Kedah.

Apabila Perjanjian Bangkok ditandatangani pada tahun 1909, pihak British menganggap mereka telah menguasai Kedah. Sultan Kedah berasa tersinggung dengan kedua-dua kuasa yang tidak menjemput baginda hadir bersama untuk merundingkan kedudukan negeri baginda sendiri. Oleh itu baginda enggan mengiktirafnya dan enggan menerima seorang Penasihat British. Baginda menyedari betapa Raja-Raja Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah hilang kekuasaan

masing-masing apabila mereka menerima Penasihat British. Walaupun begitu, pihak British tetap akan memberikan nasihat kepada kerajaan Kedah dan telah melantik George Maxwell sebagai penasihatnya yang pertama untuk menjayakan tujuan mereka di negeri tersebut. Pada tahun 1912, pihak British juga telah membina landasan kereta api sehingga ke sempadan Siam, iaitu untuk memudahkan pergerakannya ke situ jika diperlukan. Kanun Tanah juga diperkenalkan pada tahun 1914. Tindakan pihak British ini akhirnya dapat mencapai tujuannya. Pada tahun 1923, Sultan Abdul Hamid telah bersetuju membuat satu perjanjian. Dengan Perjanjian itu Kedah telah menjadi tanah jajahan British dengan secara rasminya.

Perlis

Perkembangan di Perlis juga adalah seiring dengan perkembangan yang berlaku di Kedah. Siam telah menghantar Penasihat Kewangan yang berbangsa Inggeris ke negeri itu apabila Siam meluluskan pinjaman kewangannya. Seperti yang berlaku di Kedah, ikatan ini menyebabkan Perlis dikuasai oleh pihak British. Penasihat Kewangan yang dihantar oleh Siam itu ialah H.E. Duke. Beliau digantikan oleh Kapten Meadows Frost yang seterusnya menjadi Penasihat British setelah Perjanjian Bangkok ditandatangani pada tahun 1909.

Sebenarnya Raja Perlis juga enggan menerima Penasihat British itu atas alasan yang sama seperti Kedah. Tetapi pihak British tidak menghiraukan keengganan Raja Perlis itu, malah meneruskan rancangan mereka untuk menguasai Perlis. Menjelang tahun 1918 pihak British telah menyambung landasan kereta api dari Kedah sehinggalah ke Padang Besar. Sekolah-sekolah telah dibina dan sistem

pentadbiran kewangan telah diperbaiki.

Pada tahun 1930 Perlis telah dapat menyelesaikan hutangnya dengan Siam. Pada tahun itu juga, barulah Raja Perlis, Raja Syed Alwi, bersetuju membuat perjanjian dengan pihak British. Dengan itu Perlis telah dengan rasminya menjadi tanah jajahan British. Penasihat Kewangannya menjadi Penasihat British.

Kelantan

Menerusi perjanjian British dengan Siam pada tahun 1902, Kelantan bersetuju menerima seorang Penasihat British yang dilantik oleh kerajaan Siam. Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula telah menghantar beberapa orang pegawainya untuk berkhidmat di Kelantan. Dengan termeterainya Perjanjian Bangkok pada tahun 1909, Kelantan telah bersetuju menerima Penasihat British.

Namun begitu, penguasaan pihak British di Kelantan dan juga Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain, belumlah menyeluruh seperti di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kuasa Penasihat British tidaklah sama dengan kuasa Residen British yang kerap memaksa sultan-sultan meminta dan melaksana nasihat-nasihat mereka. Sultan-sultan di negeri-negeri Melayu utara masih berkuasa di dalam negerinya. Sultan juga menjadi Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negeri, manakala Penasihat British hanyalah menjadi salah seorang ahli Majlis itu sahaja. Kerajaan British tidak boleh campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri Kelantan selagi sultan dan pembesar-pembesar baginda menjalankan undang-undang dan menjaga keamanan serta ketenteraman negeri. Namun demikian, Penasihat British boleh mempengaruhi sultan, misalnya dalam membentuk beberapa jabatan yang baru. Pegawai-

pegawai British pula dicadangkan untuk mengetuai jabatan-jabatan tersebut. Dengan berbuat demikian, pihak British telah dapat mengukuh kekuasaannya secara beransur-ansur di Kelantan.

Penentangan terhadap Penjajah British

Walaupun demikian, penguasaan British tidaklah dapat berjalan dengan licinnya di Kelantan. Penentangan terhadapnya berlaku pada tahun 1914, iaitu kira-kira 4 tahun selepas Penasihat British ditempatkan di sana. Pusat kebangkitan itu ialah di Jeram, iaitu daerah yang terletak kira-kira 45 kilometer ke selatan Kota Bharu. Daerah itu adalah di bawah kekuasaan seorang pembesar kerabat diraja yang bernama Engku Besar Tuan Ahmad. Engku Besar mempunyai beberapa orang pegawai yang bertugas mentadbir daerah Jeram itu. Salah seorang daripadanya ialah Tuan Haji Mat Hassan, juga dikenali sebagai Tok Janggut, seorang yang alim dan taat beribadat, gagah dan pandai dalam pencak silat. Beliau juga dikatakan mempunyai ilmu kebal mempertahankan diri. Tuan Haji Mat Hassan adalah anak kepada Panglima Munas, iaitu seorang panglima Kelantan yang terkenal.

Punca Penentangan

Beberapa catatan British mengatakan bahawa penentangan itu berpunca daripada perjudian menyabung ayam dan melaga lembu yang menyebabkan kekacauan berlaku di Pasir Puteh. Pihak British kemudiannya telah mendirikan sebuah balai polis di situ kononnya untuk menenteramkan keadaan. Mereka juga melantik seorang Ketua Jajahan (Pegawai Daerah) untuk mengutip cukai.

Sebenarnya tindakan mengenakan cukai itulah yang menjadi sebab penentangan

setelah Kelantan dijajah. Ketua Jajahan yang pertama dilantik bagi daerah itu, iaitu Che Salleh, tidak sampai hati melaksanakan arahan kutipan cukai itu. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1913. Pada tahun tersebut Che Salleh telah diganti oleh Encik Latiff, seorang pentadbir yang telah dibawa dari Singapura. Encik Latiff telah bertindak dengan tegas untuk melaksanakan undang-undang pengutipan cukai itu. Orang-orang yang enggan mematuhi akan ditangkap, didenda ataupun dipenjarakan. Cukai yang dikenakan itu adalah cukai pertanian, cukai ternakan dan cukai kepala. Bagi cukai kepala, tiap-tiap penduduk dikenakan cukai seringgat setahun. Pokok buah-buahan pula dikenakan cukai tiga sen sebatang, buah kelapa tiga sen setandan. Malah pokok sirih juga dikenakan cukai yang agak tinggi, iaitu lima sen sejunjung.

Pelaksanaan undang-undang ini telah menimbulkan kegelisahan rakyat di situ. Mereka berharap agar Engku Besar dan Tok Janggut dapat menyelesaikan masalah cukai yang telah membebankan mereka itu. Walau bagaimanapun, penduduk di situ bersabar dahulu dan mematuhi undang-undang yang dikenakan itu dengan tenang.

Tok Janggut Ingin Membayar

Walaupun Tok Janggut dan pengikutnya berasa tidak senang hati terhadap undang-undang itu, tetapi mereka berusaha juga untuk membayarnya. Kebetulan pada hari mereka pergi hendak membayar itu, orang telah berpusu-pusu datang untuk tujuan yang sama. Keadaan pejabat menjadi penuh sesak. Kakitangan pula tidak disediakan dengan secukupnya. Akibatnya berlakulah kelewatan sehingga ada di antara orang ramai yang telah menunggu sehingga tiga hari berturut-turut semata-

mata untuk menjelaskan cukai itu sahaja. Memandangkan keadaan ini, Tok Janggut dan pengikutnya memutuskan untuk pulang sahaja tanpa menjelaskan bayaran cukai yang berkenaan. Tindakan mereka ini telah dianggap oleh pihak British sebagai cubaan untuk menentang undang-undang tersebut.

Surat Saman

Tiga bulan kemudian, Tok Janggut dan pengikutnya telah diberikan surat saman. Mereka dikehendaki hadir di mahkamah atas tuduhan enggan membayar cukai yang telah dinyatakan tadi. Oleh kerana tuduhan itu tidak benar, Tok Janggut dan pengikutnya enggan hadir ke mahkamah. Berikutan dengan itu, pada 20 April 1915, Sarjan Che Wan, pegawai polis Pasir Puteh, telah diberikan surat waran untuk menangkap Tok Janggut. Dengan bantuan dua orang mata-mata, Sarjan Che Wan telah pergi menyerbu ke rumah Tok Janggut yang kebetulan sedang berada di rumah pada ketika itu. Sarjan Che Wan tidak berjaya menangkapnya, sebaliknya beliau telah mati ditikam oleh Tok Janggut. Dua orang mata-mata pengiring telah melarikan diri, seorang ke Kota Bharu dan seorang lagi ke Pasir Puteh.

Tindakan Tok Janggut itu seolah-olah retak menanti belah sahaja. Pembunuhan Sarjan Che Wan itu bukanlah dilakukannya dengan sesuka hati sahaja. Dia adalah seorang yang alim. Dia bertindak kerana pihak British telah menyebabkan kesusahan kepada rakyat tempatan dan terhadap beliau sendiri. Pihak British tidak pernah mempedulikan penderitaan rakyat. Ramai rakyat tempatan yang telah menyokong tindakan Tok Janggut itu. Peristiwa itu akhirnya membawa kepada kebangkitan yang dikenali sebagai Peperangan Tok Janggut.

Peperangan Tok Janggut

Bersama-sama dengan Engku Besar, Tok Janggut telah menganjurkan kebangkitan yang besar untuk menentang kerajaan yang dikuasai oleh British. Mereka telah mengerahkan pengikut mereka supaya bersiap sedia. Jumlah pengikut mereka itu dikatakan sudah meningkat seramai 2000 orang. Mereka juga disertai oleh Mat Kelantan atau Mat Saman, iaitu seorang pahlawan yang pernah memberi bantuan kepada pejuang-pejuang Pahang dalam Perang Pahang 1891-1895 dahulu. Seterusnya kumpulan Tok Janggut dan Engku Besar itu telah berjaya menyerang dan menawan balai polis Pasir Puteh. Mereka telah berjaya menguasai semula daerah Jeram dan bandar Pasir Puteh dan membebaskannya daripada kekuasaan British. Pentadbir daerah itu, Encik Latiff, telah sempat melarikan diri ke Kota Bharu melalui jalan laut.

Kumpulan Tok Janggut dan Engku Besar telah mengukuhkan kedudukan mereka dan membentuk pemerintahan sementara di daerah Jeram dan Pasir Puteh. Engku Besar telah dijadikan Raja yang memerintah daerah itu, dan Tok Janggut dijadikan sebagai Perdana Menteri. Tindakan mereka ini telah menggemparkan kerajaan British dan juga Sultan Kelantan. Sultan telah menghantar beberapa orang pembesar ke kampung Tok Janggut, iaitu Kampung Nerang, untuk mencari perdamaian. Pembesar-pembesar ini gagal menemui Tok Janggut dan pengikutnya yang telah masuk ke kawasan hutan. Berikutan dengan itu, kerajaan British telah menawarkan hadiah sebanyak \$4500 kepada sesiapa yang berjaya menangkap Tok Janggut ataupun Engku Besar dan pembesar-pembesarnya. Pihak British juga telah menghantar utusan ke Singapura dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu meminta bantuan tentera untuk menentang Tok Janggut.

Menentang Hingga ke Titisan Darah Terakhir

Ketibaan bantuan askar dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Singapura telah melegakan pihak British di Kelantan. Tanpa membuang masa, askar-askar itu telah pergi menyerang Jeram, membakar Istana Jeram dan semua kubu pertahanan di situ. Malah rumah orang awam juga dibakar dengan sewenang-wenangnya. Tok Janggut dan orang-orangnya menentang serangan itu dengan gagahnya. Tetapi malangnya mereka tidak dapat menandingi senjata-senjata yang digunakan oleh pihak musuh. Mereka telah dapat dikalahkan. Ramai di antara kawan-kawannya yang telah melarikan diri ke Siam. Mat Kelantan atau Mat Saman telah ditawan dan kemudiannya dikenakan hukuman penjara selama lima tahun.

Tok Janggut tidak mahu mengalah ataupun melarikan diri. Beliau telah berjuang dan menentang sehingga ke titisan darah yang terakhir. Walaupun beliau dikatakan kebal, tetapi akhirnya beliau terkorban juga.

Penghinaan Penjajah

Setelah dibunuh, penjajah bertindak sewenang-wenang pula ke atas mayat Tok Janggut. Mayatnya telah dibawa ke Kota Bharu dengan sebuah kereta lembu dan di sana mayat itu telah disandarkan ke sebatang kayu yang terletak di kawasan yang sekarang dipanggil Padang Merdeka untuk tontonan kepada orang ramai. Selepas itu barulah dilaksanakan upacara pengebumiannya. Perbuatan penjajah itu sungguh hina, tetapi melalui tindakan-tindakan seperti itu mereka dapat mencapai maksud mereka. Selepas peperangan Tok Janggut itu, boleh dikatakan tidak ada lagi berlakunya kebangkitan

besar melawan penjajah sehinggalah tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945.

Terengganu

Berbeza daripada Kelantan, Terengganu adalah sebuah negeri yang agak "liat" sedikit dalam menerima penguasaan British. Sejak awal lagi raja-raja yang memerintah mengangap negeri mereka sebagai sebuah negeri yang bebas daripada penguasaan negara-negara lain. Walaupun begitu, Terengganu mempunyai hubungan luar yang baik dengan negara-negara lain, terutamanya Siam. Hubungan yang baik ini jelas terjalin tatkala Terengganu diperintah oleh Sultan Zainal Abidin III (1881-1918), iaitu seorang raja yang bijaksana dan adil. Baginda mengangap Siam sebagai sebuah negara sahabat. Begitulah juga anggapan Siam terhadap Terengganu, iaitu sebagai sebuah negara sahabat. Memanglah benar bahawa Terengganu ada menghantar Bunga Emas kepada Siam, tetapi tindakan itu hanyalah menandakan persahabatan yang karib di antara kedua-dua buah negara. Siam juga memberikan hadiah balasan yang sewajarnya dan kerap membantu Terengganu pada waktu-waktu yang diperlukan. Misalnya, apabila berlaku kebakaran yang hampir memusnahkan keseluruhan Kuala Terengganu pada tahun 1882, Siam telah memberikan bantuan sebanyak \$2000 untuk membangunkan semula bandar tersebut. Pihak British juga memberi bantuan sejumlah yang sama. Pada tahun 1887, Raja Siam telah melawat Terengganu dan telah menganugerahkan darjah kehormatan Siam kepada Sultan Zainal Abidin III. Lawatan itu ialah sebagai membalas lawatan Sultan Zainal Abidin III pada bulan Ogos 1896. Pada bulan November 1898, baginda membuat lawatan ke Singapura pula dengan menaiki sebuah

kapal perang yang dipinjamkan oleh Raja Siam.

Sultan Kelantan juga, iaitu Sultan Muhammad IV ada melawat Terengganu bersama-sama dengan rombongan baginda. Begitu juga Frank Swettenham, Gabenor Negeri-Negeri Selat telah membuat lawatan ke Terengganu pada tahun 1902. Seperti yang telah dinyatakan terlebih awal, lawatan Swettenham itu bertujuan meluaskan kekuasaan British ke situ. Kedatangan beliau adalah berkaitan dengan hasratnya untuk meminta sultan menerima perlantikan seorang Penasihat British mengikut syarat perjanjian British-Siam tahun 1902.

Penolakan Sultan

Tetapi hasrat Frank Swettenham tidak dapat diterima oleh Sultan Zainal Abidin III. Baginda belum bersedia untuk menerima seorang Penasihat British. Baginda memberi alasan bahawa baginda tidak mengetahui syarat perjanjian tahun 1902. Pada tahun 1909, pihak British sekali lagi meminta persetujuan baginda agar menerima seorang Penasihat British, iaitu bagi memenuhi salah satu syarat dalam Perjanjian Bangkok. Baginda tidak bersetuju dan telah pergi ke Singapura untuk membuat bantahan terhadap tindak-tanduk pihak British itu.

Tetapi tindakan baginda itu tidaklah menimbulkan apa-apa kesan kepada pihak British yang memang sudah berazam hendak menjajah Terengganu. Dengan kata lain, mereka tidak mengendahkan bantahan dan juga pandangan daripada Sultan Terengganu sendiri. Sebaliknya wakilnya, dan juga wakil Siam, terus mendesak agar baginda bersetuju menerima syarat-syarat Perjanjian Bangkok, khususnya yang berkaitan dengan Terengganu.

Di dalam negeri pula, baginda bermesuarat dengan pembesar bagi mencari

jalan untuk mengelakkan kemasukan kuasa penjajah British. Baginda menganggap tindak-tanduk British itu sebagai ancaman dan fitnah terhadap kemerdekaan kerajaan Terengganu. Baginda juga meminta beberapa orang alim ulama yang terkenal supaya mengadakan sembahyang hajat agar negeri Terengganu terhindar daripada penguasaan British.

Sultan Memajukan Terengganu

Pihak British dan Siam terus mendesak dan akhirnya baginda terpaksa menyetujui syarat Perjanjian Bangkok itu. Kira-kira setahun kemudian, iaitu pada 22 April 1910, satu perjanjian persahabatan British dengan Terengganu telah ditandatangani. Antara lainnya, kerajaan British dan Terengganu berjanji untuk menghapuskan orang-orang yang melakukan jenayah. Pihak British akan menolong Terengganu sekiranya diserang, tetapi Terengganu tidak boleh membuat hubungan dengan kuasa-kuasa lain tanpa kebenaran pihak British. Terengganu juga dikehendaki menerima seorang wakil kerajaan British yang berpejabat di Kuala Terengganu. Dua syarat yang terakhir inilah yang diperlukan oleh pihak British untuk meluaskan kekuasaannya di Terengganu. Dengan itu juga bererti pihak British telah menguasai hal-ehwal hubungan luar Terengganu. Wakilnya itu pula boleh bertindak untuk meluaskan kepentingan pihak British di Terengganu.

Bagi pihak British, persetujuan pada 14 Julai 1906 dan Perjanjian 22 April 1910 itu merupakan satu kemenangan. Ertinya mereka telah berjaya melangkah masuk ke Terengganu untuk meluaskan kekuasaannya, walaupun langkah itu merupakan langkah pertama sahaja.

Tetapi bagi Terengganu, penerimaan itu adalah sesuatu yang terpaksa dilakukannya. Namun demikian sultan masih meng-

anggap negerinya sebagai negeri yang merdeka. Baginda telah berusaha untuk melakukan beberapa perubahan bagi memajukan negeri baginda. Antaranya ialah baginda telah memerintahkan supaya diadakan perlembagaan bertulis yang boleh dijadikan sebagai dasar bagi pemerintahan dan pentadbiran negeri Terengganu. Perlembagaan itu dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Negeri. Kemudahan-kemudahan awam juga diperbaiki dan ditambah. Misalnya, kawat telefon telah diadakan dan jalan raya yang berturap telah dibina di dalam bandar Kuala Terengganu.

Kemangkatan Sultan Zainal Abidin III dan Penguasaan Penjajah British

Sultan Zainal Abidin III adalah seorang sultan yang alim, serta bijaksana memerintah negeri. Sepanjang pemerintahannya, baginda terpaksa menghadapi tuntutan Siam terhadap Terengganu. Baginda juga terpaksa menghadapi ancaman dan kemaraan kuasa British ke atas Terengganu. Tetapi peristiwa-peristiwa seperti itu tidak menyebabkan baginda hilang pedoman dan menyerah kalah. Baginda terus berusaha menghadapi saat-saat dan peristiwa-peristiwa yang sangat mencabar itu. Baginda cuba menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran itu tanpa mengorbankan sepenuhnya kedaulatan dan kemerdekaan negeri baginda. Sepanjang pemerintahan baginda, kuasa Siam dan British saling menghormati baginda sebagai sahabat. Pihak British tidak berjaya menguasai Terengganu sepenuhnya selepas perjanjian tahun 1910 itu. Baginda sendiri telah banyak membawa pemodenan kepada negeri baginda.

Baginda mangkat pada 26 November 1918, dan telah digantikan oleh Sultan Muhammad II. Berikutan dengan kemangkatan baginda itu, pihak British membuat

desakan lagi. Oleh itu pada tahun 1919, Terengganu telah menandatangani satu lagi perjanjian dengan pihak British di Singapura. Dengan perjanjian itu, Terengganu dikehendaki menerima seorang Penasihat British yang tugasnya adalah sama seperti Residen, iaitu menjadi penasihat dalam semua bidang pentadbiran kerajaan melainkan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Nasihatnya hendaklah diminta dan dituruti. Syarat-syarat yang lain adalah hampir sama dengan syarat-syarat perjanjian tahun 1910 dahulu. J.L. Humphreys, yang sejak tahun 1915 menjadi Penolong Wakil British di Terengganu, telah dilantik menjadi Penasihat British yang pertama bagi negeri itu. Dengan perjanjian tahun 1919 itu juga bermakna pihak British telah dapat menguasai Terengganu melalui sistem penasihatnya.

Sultan Muhammad Meletakkan Jawatan

Sultan Muhammad II tidak berasa senang hati dengan perjanjian tahun 1919 itu. Perjanjian itu telah meluaskan kuasa British ke negeri baginda. Di samping itu, kuasa baginda juga telah dibataskan. Baginda terpaksa meminta nasihat daripada Penasihat British itu dalam semua bidang pentadbiran negeri kecuali tentang agama Islam dan adat istiadat Melayu. Nasihat-nasihat itu pula hendaklah dituruti dan dilaksanakan. Hal-ehwal luar negeri baginda juga telah dikuasai oleh pihak British. Dengan kata lain, baginda tidaklah begitu bebas lagi bertindak menguruskan negeri baginda sendiri seperti yang boleh dilakukan oleh Raja-Raja Terengganu yang sebelumnya. Baginda sungguh kecewa dengan perkembangan itu dan seterusnya menyerahkan jawatannya kepada Tengku Muda Sulaiman. Tengku Muda Sulaiman telah dita-

balkan sebagai Sultan Terengganu pada bulan Mei 1920.

Penentangan terhadap Penjajah British

Penempatan seorang Penasihat British di Terengganu juga telah menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan rakyat, terutamanya di bahagian Hulu Terengganu. Mereka telah dikenakan berbagai-bagai larangan dan cukai yang menyebabkan kesusahan bagi mereka menjalankan kerja seharian. Jika rakyat tidak mematuhi larangan-larangan dan juga enggan membayar cukai-cukai yang dikenakan, mereka akan dihadap ke mahkamah dan dihukum. Rakyat menganggap tindakan kerajaan yang dikuasai oleh pihak British itu sebagai menyalahi adat dan agama Islam. Oleh itu ramai antara mereka yang menentang tindakan yang berpunca daripada penjajah British itu.

Penentangan Tahun 1921

Pihak kerajaan yang dikuasai oleh British telah mula ditentang sejak tahun 1921 lagi. Pada tahun tersebut, undang-undang mengenai tanah telah diluluskan dan dikuatkuasakan. Dengan undang-undang ini, sesiapa yang ingin membuka tanah untuk bercucuk tanam dan membuat tempat tinggal sementara hendaklah mendapatkan pas dan membayar cukai sebanyak 50 sen setahun. Mereka juga dilarang menebang pokok-pokok kayu yang berumur kurang daripada tujuh tahun yang terdapat di atas tanah-tanah berkenaan.

Pada bulan Julai dan Ogos 1921, ramai orang di Hulu Terengganu, khususnya kawasan Telemong, telah membuka tanah tanpa memperolehi pas daripada kerajaan. Mereka tidak mengendahkan undang-undang tanah yang telah dikuatkuasakan

dan telah keluar secara beramai-ramai untuk menebang dan membersihkan tanah yang telah mereka pusakai daripada keluarga mereka sendiri. Akibatnya seramai empat puluh tiga orang yang terlibat telah disaman dan dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan. Mereka telah mengadukan masalah yang mereka hadapi itu kepada seorang pemimpin tempatan, iaitu seorang ulama terkenal yang bernama Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid. Beliau juga sangat dikenali dengan gelaran Tuan Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau bersetuju menjadi peguam untuk membela mereka. Semasa perbicaraan dijalankan, seribu-ribu orang yang sebahagian besarnya adalah penyokong-penyokong beliau dari Hulu Terengganu, telah datang menyaksikannya. Dalam perbicaraan itu, beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak berhak mengenakan cukai tanah kerana tanah adalah hak Allah dan bukannya hak negeri. Pihak kerajaan tidak dapat mengatasi hujah Tuan Haji Abdul Rahman Limbong itu. Dengan itu beliau telah berjaya membela orang-orang yang telah disaman itu. Beliau juga mendapat kemenangan dalam ulang bicara yang berikutnya.

Tuan Haji Abdul Rahman Limbong

Ramai orang Terengganu pada ketika itu menganggap beliau sebagai seorang keramat. Beliau memang terkenal sebagai seorang ulama. Beliau sentiasa bersedia menolong orang-orang yang dalam kesusahan dan yang memerlukan bantuan. Di samping itu, beliau juga adalah seorang pedagang. Beliau kerap berulang-alik dari Terengganu ke Kelantan, Kedah, Patani, Pahang, Sarawak, Siam, dan daerah-daerah Alam Melayu yang lain seperti Brunei, Sambas dan Kepulauan Riau.

Beliau dilahirkan di Kampung Jenguk Tong, Beladua Kulam, Kuala Terengganu.

Beliau telah mendapat didikan agama yang secukupnya daripada Tuan Haji Yaakob yang tinggal di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu. Selain itu, beliau pernah juga berguru kepada Engku Sayid Abdul Rahman atau yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Ku Paloh. Melalui pendidikan agama yang secukupnya itu beliau telah menjadi seorang ulama yang mempunyai pengaruh yang luas terutama di kalangan masyarakat di bahagian tengah dan Hulu Terengganu. Beliau juga fasih berbahasa Arab. Sebagai pedagang, beliau bukan sahaja mempunyai harta yang cukup bagi menampung kehidupannya sekeluarga, tetapi dapat pula membantu orang-orang yang datang meminta bantuan. Jadi tidak hairanlah sekiranya orang-orang kampung di situ mengadu kepada beliau apabila mereka menghadapi masalah-masalah yang berat. Beliau pula sentiasa tidak menghampakan orang-orang yang memerlukan bantuan itu.

Penentangan Tahun 1925

Pada tahun 1925, sekali lagi orang-orang Kampung Telemong bertindak menentang Undang-undang Tanah tahun 1921. Pada 3 Mei 1925, seramai antara 300 hingga 500 orang telah berkumpul di Telemong. Tujuan mereka ialah bergotong-royong membersihkan tanah Tengku Nik, iaitu saudara sultan sendiri. Surat perintah kerja itu dikatakan ditulis bersama oleh Tuan Haji Abdul Rahman Limbong dan Tengku Nik. Mereka tidak mengambil pas seperti yang ditetapkan mengikut Undang-undang Tanah tahun 1921. Oleh itu pihak British telah bersedia untuk melakukan tindak balas yang ganas. Walau bagaimanapun, keadaan itu dapat diredakan apabila Tuan Haji Abdul Rahman bersetuju menerima jemputan Sultan Sulaiman supaya beliau datang ke istana untuk menerangkan kejadian itu.

Penentangan Tahun 1928

Kira-kira tiga tahun kemudian, penentangan terhadap pihak British meletus semula. Pada kali ini keadaannya lebih besar daripada yang berlaku pada tahun 1921 dan 1925. Beribu-ribu orang rakyat Terengganu telah terlibat dalam peristiwa yang bersejarah itu. Sekali lagi Tuan Haji Abdul Rahman telah menjadi tumpuan pejuang-pejuang itu untuk mendapatkan nasihat. Misalnya, pada 4 Mei 1928, pemimpin-pemimpin dari Kuala Berang iaitu Penghulu Salleh Pasir Nyior, Tersat, Tahir Pasir Panjang, Abu Bakar Chinting, Mat Tok Pitas, Encik Deraman Haji Daud Peris, Abdullah Juru Kaka dan Ismail Kuala Pos telah datang menemui beliau untuk tujuan tersebut. Dalam pertemuan itu Tuan Haji Abdul Rahman telah mengatakan kepada mereka supaya jangan mengambil pas, atau membayar cukai tanah dan tanam-tanaman.

Tindakan mereka seterusnya ialah mengusir anggota-anggota polis yang berada di Alor Limbat kerana cuba menghalang usaha-usaha mereka membersihkan tanah untuk bercucuk tanam di situ. Dari Alor Limbat, mereka telah bergerak menyerang Pejabat Daerah Kuala Berang. Selepas kejayaan itu mereka merancang dan cuba menyerang Kuala Terengganu. Jelaslah mereka berjuang untuk menentang dan mengusir penjajah British dari tanah air mereka.

Tindak balas pihak British terhadap pejuang-pejuang itu memanglah dijangkakan. Pihak British telah mengisytiharkan perang ke atas mereka. Bantuan askar telah didatangkan dari Kuala Lumpur. Dengan bantuan itu perjuangan yang diketuai oleh Tuan Haji Abdul Rahman Limbong itu dapat dipatahkan. Tuan Haji Abdul Rahman telah ditangkap dan setelah dibicarakan sudah semestinyalah pihak British mendapatinya bersalah. Tetapi untuk mengelak-

kan daripada berlakunya semula peristiwa seperti itu, beliau telah dihukum buang negeri ke Makkah. Pengikut-pengikut yang lain pula telah dijatuhi hukuman penjara. Dengan itu juga terhentailah perjuangan rakyat Terengganu menentang pihak British untuk sementara waktu. Tuan Haji Abdul Rahman Limbong telah meninggal dunia di Makkah pada 16 November 1929.

Kesimpulan

Walaupun pihak British cuba untuk menguasai sepenuhnya Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, tetapi percubaan mereka itu tidaklah tercapai. Negeri-negeri tersebut sentiasa sahaja berusaha mencari jalan supaya negeri mereka tidak terjerumus sepenuhnya ke dalam kekuasaan British. Oleh kerana tidak mahu dijajah sepenuhnya itulah maka mereka enggan menyertai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Mereka dapat melihat dengan jelas betapa kuasa Raja-Raja dan pembesar Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diambil alih oleh pihak British. Mulai tahun 1874, kuasa itu telah diambil alih oleh Residen dan selepas pembentukan Persekutuan pada tahun 1896, Residen-Jeneral pula yang membolot kuasa. Dalam keadaan yang sedemikian itu, Raja-Raja dan pembesar-pembesar Melayu di negeri-negeri tersebut hanyalah dijadikan alat sahaja oleh pihak British untuk melaksanakan rencana mereka. Walaupun mereka mempunyai kuasa untuk menyuarakan sesuatu masalah ataupun keperluan, tetapi mereka tidak pula mempunyai kuasa untuk mengambil keputusan yang boleh pula terus dilaksanakan bagi menyelesaikannya. Hanya dalam urusan tentang agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja mereka boleh berbuat demikian.

Raja-raja dan juga pembesar-pembesar Melayu di Negeri-Negeri Melayu Tidak

Bersekutu tidak mahu keadaan seperti itu berlaku ke atas diri mereka. Mereka ingin mengekalkan sebahagian besar, walaupun tidak semua, kekuasaan mereka. Walaupun mereka terpaksa menerima seorang Penasihat British, tetapi kuasanya itu adalah terbatas, iaitu tidak seluas kuasa seorang Residen. Nasihatnya tidak perlu diminta dalam semua bidang pentadbiran. Nasihatnya juga tidak semestinya dituruti. Dengan adanya kuasa pentadbiran ke atas negeri mereka itu, membolehkan pula mereka menguruskan soal-soal kewangan, perlantikan pegawai British terutamanya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

Dalam pada itu, mereka juga boleh mendapat bantuan kewangan daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu jika mereka benar-benar memerlukannya. Memang benarlah mereka dapat melihat kemajuan berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, tetapi kemajuan itu sebahagian besarnya dilaksanakan oleh pihak British dan untuk kepentingan mereka juga. Sedangkan rakyat tempatan hanyalah mendapat faedah sebenar yang sedikit sahaja. Dengan

kata lain, kemajuan itu hanyalah membawa keuntungan yang besar kepada penjajah British sahaja. Dengan mempertimbangkan perkara itulah, maka pemerintah di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu terus berusaha mengelakkan daripada bergabung dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Penutup

Dengan berlatarbelakangkan pergolakan yang telah berlaku menjelang tahun 1941, terdapat tiga unit kerajaan yang wujud di Tanah Melayu. Unit yang pertama ialah Negeri-Negeri Selat yang merupakan tanah jajahan yang dikuasai sepenuhnya dan secara terus oleh kerajaan British. Unit kedua ialah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, iaitu negeri-negeri Melayu yang telah disekutukan oleh kerajaan British untuk diperintah secara tidak langsung. Unit ketiga ialah negeri-negeri Melayu yang lain, dan dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Bab 16

Asas Perkembangan Ekonomi Tanah Melayu: Bijih Timah dan Getah

Ekonomi Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua adalah berdasarkan kepada dua sumber utama, iaitu bijih timah dan getah. Hasil daripada kedua-duanya telah dapat menampung perkembangan ekonomi Tanah Melayu dan mengisi perbendaharaan kerajaan British. Penjajah British pada mulanya begitu ghairah sekali terhadap bijih timah dan kemudiannya dengan getah, sehingga membahayakan kedudukan ekonomi Tanah Melayu apabila harga bahan-bahan itu merosot dalam Kemelesetan Ekonomi Dunia pada tahun 1929-1933. Perkembangan ekonomi berlaku dalam keadaan yang tidak seimbang, yakni kemajuan diperoleh di kawasan perlombongan bijih timah dan perusahaan getah, manakala di kawasan lain terbiar begitu sahaja. Tanaman bahan-bahan makanan dianggap tidak begitu penting kerana beras yang menjadi makanan ruji penduduk Tanah Melayu dapat diimport dengan murahannya dari negeri-negeri jiran dengan menggunakan keuntungan yang diperoleh daripada bijih timah dan getah.

Bab ini akan memaparkan sejarah perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah, perusahaan getah, buruh Cina, buruh India, dan perkembangan sistem perhubungan dan pengangkutan.

Bijih Timah

Tanah Melayu merupakan pengeluar bijih timah terbesar di dunia. Sebelum Perang Dunia Kedua, antara 30-40 peratus jumlah pengeluaran bijih timah dunia telah dibekalkan oleh Tanah Melayu. Hampir keseluruhan bijih timahnya dieksport ke pasaran dunia. Kemajuan ekonomi negerinegeri Melayu di peringkat awalnya berkait rapat dengan perkembangan perlombongan bijih timah.

Bijih timah telah diketahui oleh penulis Arab sejak kurun ke-9 apabila pedagang Arab telah membeli bijih timah dari Kedah. Bijih timah juga telah disebut sebagai satu bahan dagangan dalam pertengahan kurun ke-13 oleh pedagang Cina; pada masa itu, bijih timah dihasilkan dari Kelantan dan Pahang. Bijih timah telah menjadi salah satu bahan eksport yang penting bagi negara sejak kurun ke-15. Pada tahun 1408, penulis Cina yang terkenal bernama Ma Huan mencatatkan bahawa bijih timah merupakan salah satu bahan eksport utama Melaka. Bijih timah dapat dieksport dari Melaka pada tahun 1416 dan dari Pahang pada tahun 1446. Semasa keagungan Kesultanan Melayu Melaka, bijih timah telah diperdagangkan di Melaka oleh saudagar-saudagar yang datang ke

Melaka. Sungguhpun perdagangan bijih timah pada masa itu terhad tetapi ia merupakan satu bahan dagangan yang penting sehingga percubaan telah dilakukan oleh kuasa-kuasa tertentu untuk menguasai perdagangan bijih timah di rantau ini. Catatan seorang pegawai British menunjukkan bijih timah telah dilombong di Perak pada tahun 1616 iaitu di kawasan Manjong dan Beruas. Kini kawasan utama perlombongan bijih timah di Perak ialah di daerah Kinta dan Larut Matang. Perak terus menjadi negeri pengeluar bijih timah utama negara sehingga sekarang.

Sebelum kurun ke-19 bijih timah telah diusahakan oleh orang Melayu. Pada umumnya ia diusahakan secara kecil-kecilan sahaja dengan cara *melampau* dan *mendulang*. Biasanya sultan di sesebuah negeri itu menjalankan penguasaannya ke atas bijih timah dengan dua cara. Pertama, sesiapa sahaja dibenarkan mengusahakan bijih timah dan menjualnya dengan membayar cukai sebanyak 10 peratus daripada jumlahnya kepada sultan. Cukai ini dibayar dalam bentuk bijih timah. Cara kedua penguasaan sultan ke atas pengeluaran bijih timah ialah sultan akan menjadi pembeli tunggal dan akan melantik seseorang yang mempunyai monopoli ke atas peleburan semua bijih timah yang dikeluarkan di kawasannya. Pelombong akan menjual kepada sultan dan akan dibayar mengikut nilai yang telah ditetapkan untuk bijih timahnya, biasanya pembayaran ini ialah dalam bentuk barangan.

Perlombongan bijih timah hanya merupakan pekerjaan sambilan orang Melayu yang dilakukan semasa lapang. Mereka lebih menumpukan kepada kerja-kerja pertanian. Cara begini hanya dapat mengeluarkan hasil yang sedikit dan tidak sesuai apabila permintaan terhadap bijih timah meningkat. Oleh itu pembesar-pembesar Melayu mula mengupah buruh

Cina untuk mengusahakan lombong-lombong bijih timah mereka, seperti yang dilakukan oleh Long Jaafar di Larut dan Raja Jumaat di Lukut.

Pembesar-pembesar Melayu mendapatkan modal untuk mengusahakan lombong-lombong itu dengan meminjam wang daripada saudagar Cina di Negeri-Negeri Selat. Pembayaran balik biasanya dibuat dalam bentuk barangan bijih timah. Ramailah buruh Cina yang telah dibawa masuk dari Negeri-Negeri Selat untuk mengusahakan perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu. Dengan terjumpanya longgokan bijih timah yang banyak di negeri-negeri Melayu, terutama sekali di Perak, telah menyebabkan perusahaan perlombongan bijih timah berkembang dengan pesatnya. Perlombongan bijih timah semakin meningkat dan memerlukan modal yang lebih besar dan tenaga pekerja yang lebih ramai.

Keadaan ini adalah sejajar dengan perkembangan yang berlaku di Negeri-Negeri Selat. Perdagangan yang dijalankan oleh saudagar-saudagar Cina di Negeri-Negeri Selat, terutamanya di Singapura, telah menjadi amat maju. Kemajuan ini mendatangkan hasil dan keuntungan yang besar kepada mereka. Modal mereka bertambah dan dengan itu timbullah keinginan untuk melaburkan lagi modal itu bagi menambahkan keuntungan mereka. Kekayaan Tanah Melayu dengan sumber bijih timahnya telah menarik perhatian mereka. Justeru itu apabila pembesar-pembesar Melayu memerlukan modal untuk mengusahakan perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu, saudagar-saudagar Cina ini telah dengan pantasnya menyediakan wang yang diperlukan itu. Modal saudagar-saudagar Cina ini semakin bertambah dan dengan itu mereka mendesak agar diberi hak untuk mengerjakan lombong-lombong bijih timah itu secara langsung. Ini berlaku kira-kira pada tahun




Taburan kawasan bijih timah di Tanah Melayu.

1840-an. Permintaan terhadap bijih timah juga semakin meningkat dan dengan itu kemasukan modal dan buruh Cina juga bertambah. Perusahaan perlombongan bijih timah mula dikuasai oleh orang Cina. Cara perlombongan bijih timah telah diperbaiki dengan penggunaan pam-rantai untuk mengelakkan kejadian banjir di lombong-lombong. Menjelang akhir kurun ke-19, Tanah Melayu telah menjadi pengeuar bijih timah yang terbesar di dunia dengan pengeluaran tahunan berjumlah kira-kira 38 000 tan. Dalam tempoh dua puluh tahun pada akhir kurun ke-19, saudagar-saudagar Eropah di Negeri-Negeri Selat juga telah tertarik kepada perusahaan bijih timah kerana harganya yang tinggi di pasaran dunia dan kerana kejayaan yang diperoleh oleh pelombong-pelombong Cina. Kegiatan saudagar Eropah dalam perusahaan perlombongan bijih timah di peringkat awal tidak mencapai kejayaan kerana cara perlombongan yang mereka gunakan adalah terlalu mahal dan tidak setimpal dengan pulangan yang diperoleh. Banyak lombong bijih timah kepunyaan saudagar Eropah yang mengalami kerugian dan terpaksa dijual kepada pelombong Cina. Lombong-lombong itu telah memperoleh keuntungan apabila diusahakan oleh pelombong Cina pula.

Menjelang kurun ke-20, longgokan bijih timah di permukaan tanah di Tanah Melayu mula berkurangan. Usaha-usaha mendapatkan bijih timah dari dalam perut bumi mula dijalankan dan ini amat sesuai dengan sistem perlombongan yang dijalankan oleh saudagar Eropah. Mulai awal kurun ke-20, penguasaan pelombong Eropah di sektor perlombongan bijih timah mula meningkat. Mereka mula menanam modal yang besar dan juga mula memperkenalkan alat baru iaitu kapal korek yang begitu mahal harganya. Cara-cara mencari gali bijih timah yang lebih saintifik dapat

menentukan dengan tepatnya tempat longgokan bijih timah yang banyak di perut bumi. Cara ini menelan belanja yang besar dan tidak pernah digunakan oleh pelombong Cina. Sedikit demi sedikit pelombong Eropah mula menguasai perusahaan perlombongan bijih timah dan akhirnya mereka dapat mengatasi pelombong Cina. Pada tahun 1900, syarikat perlombongan Eropah hanya mengeluarkan 10 peratus dan pelombong Cina 90 peratus daripada jumlah pengeluaran bijih timah Tanah Melayu. Peratus pengeluaran pelombong Eropah meningkat menjadi 22 peratus pada tahun 1910, 36 peratus pada tahun 1920 dan hampir 50 peratus pada tahun 1928. Pada tahun 1929 peratusnya ialah 61 peratus bagi pelombong Eropah dan 39 peratus bagi pelombong Cina. Menjelang tahun 1940 syarikat-syarikat perlombongan Eropah telah mengatasi pelombong Cina sebagai pengusaha utama bijih timah Tanah Melayu.

Ada beberapa faktor yang telah menyebabkan syarikat-syarikat Eropah dapat mengatasi pelombong Cina dalam perusahaan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Mereka mampu mengeluarkan modal yang besar dan cara perlombongan yang berkesan jika dibandingkan dengan



Kapal korek digunakan dalam pengeluaran bijih timah secara besar-besaran.

pelombong Cina. Kehabisan longgokan bijih timah di permukaan tanah juga menyebabkan sistem perlombongan pelombong Cina tidak begitu berkesan; ia juga memerlukan cara mencari gali yang lebih saintifik, dan ini hanya mampu disediakan oleh syarikat perlombongan Eropah sahaja. Di samping itu faktor politik juga menggalakkan penguasaan syarikat Eropah ke atas perusahaan perlombongan bijih timah. Polisi kerajaan penjajah British di Tanah Melayu lebih menguntungkan syarikat Eropah dan bukannya pelombong Cina. Mulai kurun ke-20, beberapa enakmen dan peraturan telah digubal dan diluluskan bagi mewujudkan penguasaan kerajaan ke atas semua peringkat perusahaan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Tiada sesiapa pun boleh membuka dan mengusahakan lombong bijih timah tanpa kebenaran kerajaan. Jumlah modal yang boleh disediakan oleh syarikat perlombongan merupakan salah satu faktor penting dalam mempengaruhi keputusan rasmi kerajaan bagi pemberian lesen melombong bijih timah. Dengan itu apabila ukuran modal ini digunakan, tentulah syarikat perlombongan Eropah yang mempunyai banyak modal yang seribu pejabat di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia mempunyai kelebihan daripada pelombong Cina tempatan yang mempunyai modal yang terhad itu.

Dalam perusahaan perlombongan bijih timah yang dijalankan oleh orang Cina, cara pengeluaran yang kerap digunakan ialah pam kelikir (*gravel pump*) kerana ia memerlukan modal permulaan yang amat kecil sekali. Sebaliknya pula, syarikat Eropah lebih mirip kepada perusahaan perlombongan secara besar-besaran yang melibatkan tanaman modal yang banyak dalam harta tetap seperti kapal korek, *hydraulic*, lombong dedah dan lombong bawah tanah. Oleh kerana cara perlom-

bongan ini memerlukan modal yang banyak, syarikat Eropah tentulah dapat mengatasi pelombong Cina.

Harga Bijih Timah

Harga bijih timah dikuasai oleh pasaran dunia dan tidak tetap. Ini disebabkan oleh keanjalan yang rendah dalam perbekalan dan permintaan bahan itu. Perubahan yang kecil sahaja dalam bekalan dan permintaan bijih timah boleh menyebabkan perbezaan yang besar dalam harganya. Di pihak permintaan keanjalan adalah rendah kerana bijih timah jarang digunakan secara terus dan langsung, dan sebaliknya ia digunakan sebagai sebahagian daripada barangan siap diproses seperti dalam perusahaan mengetin. Perusahaan mengetin menggunakan kira-kira 40 peratus daripada jumlah penggunaan timah dunia, akan tetapi harga bijih timah dalam sesebuah tin tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah kos pengeluarannya. Ini bermakna sebarang perubahan dalam harga bijih timah tidak mungkin banyak mengubah jumlah penggunaan bahan itu dalam perusahaan mengetin.

Di pihak yang membekalkan pula keanjalan adalah rendah kerana peralatannya adalah begitu khusus, dan mengambil masa yang lama untuk menempahnya dan memakan modal yang banyak untuk menyediakannya. Kapal korek dan pam kelikir yang sudah sedia digunakan di Tanah Melayu akan terus mengeluarkan jumlah bijih timah yang sama banyaknya tanpa menghiraukan sama ada harganya naik atau turun.

Hampir semua bijih timah negara ini telah dijual ke luar negeri, terutamanya ke negara-negara perindustrian di Barat. Oleh itu sebarang perubahan dalam suasana perdagangan di negara-negara Barat itu akan mempengaruhi pendapatan negara pengeluar bijih timah seperti Tanah

Melayu. Tanah Melayu amat bergantung pada perkembangan perindustrian negara-negara Barat dan terikat kepada kemewahan dan kemelesetan, keamanan dan peperangan di negara-negara Barat itu.

Kemajuan awal negeri-negeri Melayu berkait rapat dengan perkembangan perlombongan bijih timah. Kekayaan sumber semula jadinya iaitu bijih timah, telah menarik orang Cina dan kemudiannya orang Eropah untuk bergiat dalam perusahaan ini. Bijih timah telah mendatangkan hasil yang lumayan bagi membiayai kemajuan ekonomi yang pesat di negara ini pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Antara tahun 1880 sehingga tahun 1905 cukai eksport ke atas bijih timah sahaja merupakan antara 3 peratus hingga 50 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Dengan wang ini jaringan jalan raya dan landasan kereta api telah dibina untuk menghubungkan lombong-lombong dengan pelabuhan. Dengan terbinanya jalan raya dan kereta api, lebih banyak lagi kawasan dan tanah di Tanah Melayu dibuka untuk dimajukan. Bandar-bandar yang dahulunya didapati hanya di kual sungai sahaja, telah muncul di pusat-pusat perlombongan bijih timah. Kawasan perlombongan bijih timah yang terdapat di kawasan kaki bukit telah menjadi pusat petempatan baru dan dengan berkembangnya perusahaan perlombongan bijih timah, maka petempatan-petempatan ini telah turut berkembang menjadi bandar yang dihubungi antara satu sama lain dengan jaringan jalan raya serta sistem perhubungan yang lain juga.

Getah

Sebelum getah ditanam di Tanah Melayu sebagai tanaman ladang untuk eksport, ada dua jenis tanaman eksport lain yang telah diusahakan. Tanaman itu ialah lada hitam dan kopi. Penanaman lada hitam

merupakan tanaman eksport yang mula-mula diusahakan di Tanah Melayu. Penanaman lada hitam memberi kesedaran kepada penjajah Inggeris tentang kesuburan bumi Tanah Melayu ini. Kesedaran ini telah sampai ke pengetahuan pedagang-pedagang kopi bangsa Eropah di Sri Lanka, dan oleh kerana serangan kulat, serangga dan penyakit yang sedang melanda pohon-pohon kopi di Sri Lanka, pedagang-pedagang itu telah mengalihkan pandangan mereka ke Tanah Melayu pula. Mereka telah cuba memulakan perusahaan kopi secara besar-besaran di Tanah Melayu, dan dalam proses ini mengalami beberapa kerumitan seperti kekurangan tenaga buruh, dan tiadanya kemudahan pengangkutan yang baik di Tanah Melayu. Namun demikian, perkembangan perusahaan kopi di Tanah Melayu telah membawa bersama-sama cara pertanian perladangan secara besar-besaran ke kawasan baru. Tanah-tanah hutan telah diperun dan dibersihkan untuk ditanam dengan kopi, ini meluaskan lagi kawasan petempatan penduduk di Tanah Melayu. Sebagai satu tanaman ladang, kopi telah ditanam di banyak tempat di Tanah Melayu, tetapi hanya menjadi penting di negeri Selangor sahaja. Pengusaha Eropah telah ramai datang ke Tanah Melayu dan mereka memperkenalkan sistem pertanian perladangan secara besar-besaran yang telah menggunakan modal yang besar dan buruh yang ramai. Menerusi perusahaan ini penjajah British telah memberikan perhatian yang besar terhadap pertanian. Mereka telah memberikan syarat-syarat hak milik tanah yang liberal, menyediakan kemudahan pinjaman modal yang besar, dan mengambil tindakan untuk menjamin bekalan buruh yang ramai dan tetap di Tanah Melayu ini. Perusahaan kopi telah memberi pengalaman kepada pedagang Eropah mengenai keadaan iklim, alam dan tanah di Tanah Melayu, serta menunjuk-



Taburan kawasan getah di Tanah Melayu.

kan kepada mereka bahawa banyak lagi perusahaan yang boleh diusahakan di Tanah Melayu ini selain perlombongan bijih timah.

Pada tahun 1860-an, ketua bahagian geografi Pejabat India di London berpendapat bahawa getah patut diperkenalkan di Tanah Melayu. Pada tahun 1876 dua rombongan telah dihantar ke Brazil untuk mengambil biji dan benih getah. Biji getah ini telah ditanam di Taman Bunga Diraja Kew, England oleh Sir Henry Wickham. Pada tahun 1877 dua puluh dua anak pokok getah tiba di Singapura dari Kew, England. Setengah daripada anak benih ini telah ditanam di Taman Bunga Singapura dan selebihnya ditanam di halaman rumah kediaman Residen Perak, Sir Hugh Low, di Kuala Kangsar. Pokok-pokok getah ini ditanam sebagai pohon perhiasan dan nilai ekonominya masih belum wujud lagi.

Pada tahun 1888 H.N. Ridley telah dilantik sebagai Pengarah Taman Bunga Singapura. Beliau percaya bahawa pokok-pokok getah amat berguna dan penanamannya patut digalakkan. Beliau telah menjalankan berbagai-bagai percubaan mengenai cara-cara menoreh getah. Beliau mendapati bahawa sistem torehan cara *ibidem* atau seperti bentuk tulang ikan herring amat sesuai dan tidak merosakkan pokok. Beliau juga telah berusaha memujuk peladang-peladang supaya menanam getah. Pada mulanya sambutan daripada peladang-peladang Eropah di Tanah Melayu adalah dingin.

Pada tahun 1890-an peladang-peladang masih menaruh keraguan terhadap getah kerana (a) getah berasal dari tempat lain, Brazil, oleh itu kesesuaiannya di Tanah Melayu masih diragui; (b) getah belum pernah ditanam secara besar-besaran; (c) pokok getah mengambil masa enam sehingga tujuh tahun sebelum boleh ditoreh untuk mendapatkan hasilnya; dan (d)

tempoh usia getah dapat terus mengeluarkan susunya masih belum diketahui lagi.

Sungguhpun demikian Ridley telah terus berusaha untuk menggalakkan penanaman getah. Dalam hal ini rancangan Ridley telah dibantu oleh beberapa faktor lain pula; (a) kira-kira pada pertengahan tahun 1890-an harga getah di pasaran dunia telah naik, manakala harga kopi pula telah turun. Peladang Eropah di Tanah Melayu mula mengalihkan minat kepada tanaman getah; (b) kejayaan percubaan yang dilakukan terhadap getah memberikan keyakinan kepadanya. Percubaan itu juga membuktikan bahawa susu getah boleh diperoleh tiap-tiap hari tanpa merosakkan pokoknya; (c) kejayaan penanam getah seperti Kindersley (1898), Tan Chay Yan (1896), F.A. Stephens (1897) dan Heslop Hill (1898) membuktikan bahawa getah ialah tanaman jangka panjang yang sesuai ditanam di atas berbagai-bagai jenis tanah dan keadaan bentuk muka bumi di Tanah Melayu. Oleh itu menjelang kurun ke-20 peladang-peladang telah mula tertarik kepada getah dan mula menanamnya secara besar-besaran.

Perkembangan penanaman getah Tanah Melayu disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu permintaan dunia terhadap bahan itu, dan galakan yang diberikan oleh kerajaan penjajah British terhadap penanaman getah.

Permintaan Dunia

Pada pertengahan kedua kurun ke-19 getah telah digunakan untuk membuat berbagai-bagai jenis barangan seperti kasut, tayar kenderaan berat, tayar basikal, botol air panas dan untuk penebatan elektrik. Kebanyakan barang-barang ini menggunakan getah yang telah diproses secara *vulcanization* yang telah diperkenalkan oleh Charles Goodyear, pada tahun 1839. Proses ini menghalang getah daripada

menjadi lembut dan melekat apabila panas atau terlampau keras dan rapuh apabila sejuk. Kegunaan getah bertambah dengan terciptanya tayar angin oleh J.B. Dunlop pada tahun 1888. Tayar jenis baru ini telah dipasang pada kereta-kereta bermotor pada tahun 1895. Perusahaan kereta bermotor pula sedang berkembang dengan giatnya di Amerika Syarikat. Dengan itu permintaan terhadap getah telah meningkat dan ini telah menyebabkan harganya turut melambung dengan cepatnya. Dalam masa yang sama pula harga kopi telah turun dan penanam kopi di Tanah Melayu mula mencari tanaman pengganti dan tanaman getah merupakan tanaman pengganti yang amat sesuai sekali.

Galakan Kerajaan

Pada tahun 1899 kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah membuktikan kesungguhannya terhadap tanaman getah dengan meluluskan peruntukan wang \$400 dalam anggaran kewangan tahun 1900 untuk tujuan menjalankan percubaan getah. Pada tahun 1905 Jabatan Pertanian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, dan jabatan ini telah meneruskan percubaan terhadap getah seperti usaha mencari jenis-jenis pisau toreh yang lebih elok; percubaan untuk membuktikan bahawa penorehan waktu pagi adalah lebih baik dan menghasilkan susu yang lebih daripada menoreh pada waktu petang; menyelidik tentang jarak tanaman antara pokok getah, dan mengkaji tentang kesesuaian penggunaan tanaman tutup bumi bagi pokok getah. Menjelang tahun 1908 percubaan ini telah dapat menyelesaikan hampir semua masalah pertanian yang berkaitan dengan getah.

Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula mengenakan syarat-syarat yang longgar terhadap penanaman getah. Mi-

salnya pada bulan Ogos 1897 tanah yang ditanam dengan getah hanya perlu membayar cukai tanah sebanyak 10 sen seekar untuk jangka masa 10 tahun pertama. Selepas itu cukai tanah dinaikkan kepada 50 sen seekar. Cukai hasil getah pula ialah hanya 2.5 peratus daripada nilainya untuk jangka masa 15 tahun dari tarikh pokok getah mula ditanam. Selepas jangka masa ini cukainya tidak melebihi 5 peratus daripada nilainya.

Perkembangan Perusahaan Getah di Tanah Melayu

Secara amnya penanaman getah di Tanah Melayu bolehlah dibahagikan kepada beberapa peringkat.

I. Jangka masa tahun 1895 - 1904

Jangka masa sebelum kurun ke-20 ialah peringkat perintis dan pokok getah hanya ditanam di celah-celah pokok lain seperti kopi, ubi kayu, lada hitam dan gambir. Mulai kurun ke-20 getah telah ditanam dengan banyaknya di Selangor terutamanya di Lembah Klang, di Negeri Sembilan terutamanya di daerah Seremban, dan di Perak terutamanya di daerah Matang. Menjelang tahun 1904 getah telah mula mengatasi dan menggantikan segala jenis tanaman eksport yang lain. Luas tanah yang ditanam dengan getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah meningkat daripada 345 ekar (1897) menjadi 3227 ekar (1899), 5965 ekar (1901), 11 239 ekar (1903) dan 19 239 ekar (1904).

II. Jangka masa tahun 1905 - 1912

Jangka masa ini mengalami perkembangan yang pesat terhadap penanaman getah di Tanah Melayu akibat kenaikan harga dan permintaannya. Kepesatan berlaku di kawasan yang telah sedia mem-

punyai satu jalinan sistem pengangkutan yang baik. Umpamanya di Selangor, kepesatan tanaman getah tertumpu di Lembah Klang yang mempunyai perhubungan jalan raya dan kereta api di antara Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Klang. Luas tanah yang ditanam dengan getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah melebihi 240 000 ekar pada tahun 1908. Bagi kali pertamanya ini merupakan kawasan yang besar sekali pernah ditanam dengan satu jenis tumbuhan di Tanah Melayu. Dengan keuntungan yang diperoleh oleh peladang-peladang perintis, banyak syarikat baru telah diwujudkan untuk mengusahakan perladangan getah di Tanah Melayu. Pada tahun 1912 terdapat 60 buah syarikat penanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan syarikat-syarikat ini beribu pejabat di Britain dan Eropah. Syarikat ini telah membawa masuk modal yang besar ke Tanah Melayu dan telah memperoleh keuntungan yang besar dan mampu membayar dividen yang lumayan kepada pemegang sahamnya di sekitar purata 68 peratus. Luas tanah yang ditanam dengan getah di Tanah Melayu pada tahun 1912 ialah 642 000 ekar.

Jangka masa ini juga memperlihatkan permulaan penglibatan bangsa-bangsa lain seperti Melayu, Cina dan Jepun dalam penanaman getah di Tanah Melayu. Kebanyakan orang Cina dan hampir kesemua orang Melayu yang terlibat ialah sebagai pekebun kecil sahaja. Penglibatan orang Melayu ini menimbulkan kebimbangan sesetengah pegawai British.

III. Jangka masa tahun 1913-1921

Dalam dua tahun pertama jangka masa ini harga getah telah jatuh dan ini telah membantutkan minat setengah-setengah pemo- dal Eropah untuk melibatkan diri dalam penanaman getah. Ini juga memperlihat-

kan beberapa kelemahan dalam perusaha- an getah. Usaha-usaha diambil bagi mem- perbaiki teknik memproses getah dan sis- tem pemasarannya, dan meningkatkan lagi taraf kecekapan keseluruhan perusahaan getah. Harga getah meningkat semula pada tahun 1915 dan berlakulah pertambahan tanah baru yang ditanam getah. Pada tahun 1917 jumlah tanah yang ditanam dengan getah di Tanah Melayu ialah satu juta ekar.

Malangnya harga getah telah jatuh semula pada tahun 1918 dan ini merumit- kan perusahaan getah di Tanah Melayu kerana pada masa itu kira-kira 60 peratus daripada jumlah luas tanah yang ditanam dengan getah telah sesuai untuk ditoreh. Kos pengangkutan dan pengeluaran pula sedang meningkat. Kesemua ini telah menyebabkan banyak syarikat perladang- an getah tidak mendapat keuntungan. Harga getah pulih semula pada tahun 1919, tetapi menurun pada tahun-tahun berikut- nya.

IV. Jangka masa tahun 1922-1928

Apabila harga getah terus turun, satu ran- cangan mengehendkan pengeluaran yang dinamakan Rancangan Sekatan Getah Stevenson telah dilancarkan oleh kerajaan British pada bulan November 1922. Keraja- an Hindia Belanda di Indonesia enggan mengehendkan pengeluaran dan oleh itu tidak menyertai rancangan ini. Matlamat rancangan ini ialah untuk meningkatkan harga dan menstabilkannya pada kira-kira 54 sen sepaun melalui sekatan pengeluaran dengan mengenakan kuota sebanyak 60 peratus daripada jumlah pengeluaran tahun 1920. Rancangan ini telah diberhen- tikan pada 31 Oktober 1928 oleh kerajaan British kerana eksport dari kawasan yang tidak menjalankan sekatan (Hindia Bel- landa) melebihi jumlah permintaan. Kerajaan British sedar bahawa rancangan

ini akan gagal dalam mengawal pengeluaran getah.

V. Jangka masa tahun 1929 - 1933

Jumlah pengeluaran getah Tanah Melayu melambung naik apabila Rancangan Sekatan Getah Stevenson diberhentikan, walaupun harga getah masih berada di peringkat yang rendah. Malangnya kemelesetan besar ekonomi dunia berlaku pada bulan Oktober 1929 dan mengakibatkan harga getah terus turun sehingga menjadi hanya 7.07 sen sepaun pada tahun 1932. Semasa berlaku kemelesetan besar ekonomi ini, beberapa tindakan telah dilakukan untuk memulihkan perusahaan getah di Tanah Melayu. Rancangan cuti menoreh pada bulan Mei 1930 gagal kerana pekebun kecil masih meneruskan penorehan. Jumlah pekerja di ladang getah dikurangkan dan upah bagi mereka yang tidak diberhentikan telah juga diturunkan.

VI. Jangka masa tahun 1934 - 1943

Oleh kerana harga getah terus berada di paras yang rendah, usaha-usaha telah dijalankan untuk mengadakan sekatan pengeluaran. Pada bulan April 1934, satu perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa telah ditandatangani oleh kerajaan British, Belanda, India, Perancis dan Siam yang memiliki hampir 98 peratus daripada jumlah luas tanah yang ditanam dengan getah

di seluruh dunia. Perjanjian ini berkuatkuasa pada 1 Jun 1934 dan berakhir pada hujung tahun 1938. Perjanjian ini telah dilanjutkan selama lima tahun lagi sehingga tahun 1943.

Dengan berkuatkuasanya Peraturan Getah Antarabangsa ini, harga getah telah naik semula dan menjelang tahun 1937 syarikat-syarikat getah telah mula memperoleh keuntungan semula. Malangnya Perang Dunia Kedua telah meletus pada akhir tahun 1941 dan seterusnya Jepun telah menawan Tanah Melayu sehingga tahun 1945. Perang Dunia Kedua ini telah menyebabkan terputusnya bekalan getah asli untuk pasaran dunia, terutama sekali ke Amerika Syarikat. Ini menyebabkan perusahaan getah tiruan Amerika Syarikat dimajukan, dan telah menggugat kedudukan getah asli dunia amnya, dan getah asli Tanah Melayu khususnya.

Secara keseluruhannya perusahaan getah di Tanah Melayu telah dipengaruhi oleh arus perkembangan dari luar. Permintaan terhadapnya bergantung pada perusahaan kenderaan di Amerika Syarikat. Apabila penggunaan getah dalam industri kenderaan Amerika Syarikat jatuh, maka ia mempengaruhi permintaan dan ini menjejaskan harganya. Harga getah yang tinggi akan meningkatkan pengeluaran, manakala harga yang rendah akan mengurangkan pengeluaran dan kegiatan yang berkaitan dengan penanaman getah.

Bab 17

Asas Perkembangan Ekonomi Tanah Melayu: Kemasukan Buruh dan Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan

Buruh Cina

Hubungan antara Tanah Melayu dengan negara China sudah terjalin sejak awal lagi, dan bertambah rapat lagi dengan kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan yang penting di rantau ini kurun ke-15. Saudagar Cina terus datang berniaga di Melaka semasa Melaka di bawah pemerintahan Portugis dan Belanda. Pendatang bangsa Cina mula bertumpu dengan ramainya ke Pulau Pinang dan Singapura setelah kedua-dua pulau ini dijajah oleh Inggeris pada tahun 1786 dan 1819. Kemasukan secara beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu berlaku dalam jangka masa 1870-1939. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemasukan ini iaitu faktor tolakan keluar dari negara China dan faktor tarikan ke Tanah Melayu.

Sejak akhir kurun ke-19 dan berterusan sehingga awal kurun ke-20, negara China telah mengalami bencana alam yang dahsyat seperti berlaku banjir yang besar dan kemarau yang panjang, dan ini mengakibatkan berlakunya kebuluran dan penderitaan yang melarat. Di samping itu, bilangan penduduk China juga telah meningkat dengan pesatnya.

Oleh kerana kebanyakan penduduknya adalah petani, maka hasil keluarganya berkurangan dan akibatnya mereka tidak dapat menghasilkan tanaman yang mencukupi untuk keperluan mereka. Keadaan buruk ini diruncingkan pula dengan tiada wujudnya pemerintahan yang berkesan yang boleh memenuhi keperluan rakyat Cina. Kerajaan Maharaja Cina lemah, bersikap zalim dan diresapi dengan rasuah. Ini menyebabkan meletusnya pemberontakan demi pemberontakan. Akibatnya kerajaan Cina telah lumpuh, termasuk juga susunan sosial dan ekonominya, dan dalam keadaan sedemikianlah petani-petani yang melarat dan tidak terdaya mula menghalakan pandangan mereka ke seberang laut.

Sejajar dengan keadaan buruk yang menekan orang Cina keluar dari negerinya ialah tarikan di negeri yang dituju. Berita mengenai kekayaan lombong bijih timah di Tanah Melayu menyebabkan ramai yang datang ke sini. Tambahan pula kemasukan kuasa British ke Tanah Melayu telah mewujudkan suatu suasana yang sesuai dengan kedatangan mereka. Penjajah British telah mewujudkan keamanan dan sistem pentadbiran yang berkesan di Tanah Melayu. Mereka telah menjalankan satu dasar

yang menggalakkan kemasukan pendatang Cina. Kerajaan British sedar bahawa pembangunan ekonomi Tanah Melayu memerlukan bekalan buruh yang ramai dan murah, dan ini dapat disediakan dengan senangnya jika kedatangan orang luar digalakkan.

Sistem Tiket Kredit

Melalui sistem ini bakal pendatang ke Tanah Melayu telah dikumpulkan oleh seorang Kheh-Thau (ketua) dari kampung kampung di negara China. Ketua ini akan dibayar sejumlah wang tertentu bagi setiap orang Cina yang dibawa ke pelabuhan. Orang Cina ini dikenali sebagai *Sinkheh* dan akan diberikan tiket yang menunjukkan pelabuhan tujuan mereka dan sama ada mereka bebas atau berhutang. Apabila *Sinkheh* ini sampai di pelabuhan yang dituju, mereka akan diambil alih oleh seorang pemborong kuli. Pemborong ini akan berlagak sebagai orang tengah dan berusaha untuk mendapatkan majikan bagi pendatang baru itu dengan mengenakan bayaran masing-masing, bergantung pada bekalan dan permintaan terhadap kuli-kuli itu.

Mengikut sistem tiket kredit ini, *Sinkheh* ialah barang dagangan dan biasanya mereka diarahkan menaiki kapal yang penuh sesak yang mengangkut mereka. Keadaan ini berterusan hinggalah diwujudkan seorang pegawai pelindung orang Cina di Tanah Melayu pada bulan Mac 1877. Mulai tarikh itu, beberapa undang-undang dan tindakan telah diluluskan untuk memperbaiki keadaan sistem pengambilan buruh Cina. Pada 30 Jun 1914 sistem tiket kredit telah diharamkan oleh kerajaan British di Tanah Melayu. Kedatangan buruh Cina ke Tanah Melayu seterusnya dikendalikan dengan cara lain, iaitu melalui sistem pengambilan personel ataupun melalui sistem pengambilan rumah kongsi.

Sistem Pengambilan Personel

Di bawah sistem ini majikan yang memerlukan buruh akan menghantar seorang pegawainya, biasanya seorang ketua buruh atau pemborong ke China untuk mendapatkan buruh-buruh dari sana. Biasanya pegawai ini akan mengambil buruh-buruh dari kampung. Beliau akan membayar perbelanjaan tambang dan sebagainya untuk buruh itu, dan akan mengiringi buruh-buruh itu hingga sampai ke tempat pekerjaan mereka di Tanah Melayu.

Sistem Pengambilan Rumah Kongsi

Di bawah sistem ini pengambilan dilakukan oleh pegawai yang berada di negara China yang akan mendapatkan buruh-buruh untuk sesebuah rumah kongsi. Mereka akan membiayai segala perbelanjaan untuk buruh-buruh itu hinggalah mereka sampai ke rumah kongsi di Tanah Melayu. Apabila buruh itu diserahkan kepada tuan punya rumah kongsi, pembawa buruh itu akan dibayar dengan kadar yang telah dipersetujui bagi tiap-tiap seorang buruh. Tuan punya rumah kongsi itu akan menyerahkan buruh-buruh itu kepada majikan yang memerlukan mereka.

Kemasukan buruh Cina ke Tanah Melayu berlaku dengan bebasnya sehinggalah tahun 1930. Kemelesetan besar ekonomi dunia yang berlaku pada masa itu menyebabkan kerajaan British menguatkuasakan undang-undang Sekatan Imigresen pada bulan Ogos 1930. Melalui undang-undang ini bilangan pendatang lelaki Cina ke Tanah Melayu tiap-tiap bulan dihadkan seperti berikut: Januari–September 1931 seramai 5238 orang, Oktober 1931 – Julai 1932 seramai 2500 orang, dan Ogos 1932 – Mac 1933 seramai 1000 orang, April–September 1933 diharamkan sama sekali. Seterusnya pada tahun 1933 iaitu pada bulan Januari di Negeri-Negeri Selat dan

pada bulan Ogos di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, kerajaan British telah meluluskan Ordinan Orang Asing. Melalui ordinan ini bilangan pendatang lelaki Cina telah dihadkan kepada 1000 orang sebulan sahaja sehingga bulan April 1934. Kuota ini dinaikkan kepada 2000 orang sebulan pada bulan Mei dan Jun 1934; bilangan ini telah meningkat kepada 3000 orang pada bulan Julai 1934 dan seterusnya meningkat kepada 4000 orang sebulan pada bulan Ogos 1934 sehingga Disember 1936. Melalui ordinan ini, tiap-tiap pendatang akan diberikan permit mendarat setelah mereka membayar \$5 tiap-tiap seorang. Permit ini tidak diberikan jika didapati pendatang itu tidak sesuai sebagai buruh kerana usianya terlalu tua atau kesihatannya membimbangkan.

Sungguhpun demikian, buruh wanita dan kanak-kanak Cina masih bebas masuk ke Tanah Melayu. Mereka tidak dikenakan sebarang sekatan sehinggalah tahun 1938. Oleh itu bilangan buruh wanita Cina yang datang ke Tanah Melayu terus meningkat. Akibatnya kedudukan nisbah wanita Cina dengan lelaki Cina bertambah baik. Antara tahun 1934-1938 seramai 190 000 wanita Cina telah datang ke Tanah Melayu dan mereka ditempatkan di kawasan perusahaan getah, perkilangan dan perusahaan pembinaan.

Sekatan-sekatan yang dilakukan terhadap lelaki Cina menyebabkan mutu kesihatan dan kecergasan mereka yang datang ke Tanah Melayu bertambah baik. Akan tetapi dengan berkurangnya bilangan mereka yang datang ke Tanah Melayu ini dari China, maka syarikat-syarikat perkapalan telah menaikkan tambang kapal bagi mengangkut seorang buruh dari China. Ini menyebabkan harga membawa masuk buruh lelaki Cina ke Tanah Melayu menjadi bertambah mahal lagi. Oleh itu majikan di Tanah Melayu mendapati adalah lebih murah untuk mengambil

buruh-buruh dari kalangan orang Cina yang dilahirkan di Tanah Melayu.

Sejajar dengan ini pihak British mendapati bahawa bekalan tenaga buruh yang diperlukan di Tanah Melayu adalah mencukupi dan tidak perlu digalakkan lagi. Mulai tahun 1938 bilangan mereka yang dibenarkan masuk ke Tanah Melayu ditetapkan ke paras 500 orang lelaki dan 500 orang wanita dan kanak-kanak dalam sebulan. Harga buruh yang dibawa dari China semakin meningkat dan dengan itu berakhirh sejarah kemasukan buruh Cina ke Tanah Melayu.

Buruh India

Buruh India juga penting dalam usaha pihak British membuka Tanah Melayu untuk kepentingan ekonominya. Sebelum buruh India dibawa ke Tanah Melayu, sudah terjalin hubungan perdagangan antara India dengan Tanah Melayu sejak awal lagi. Selepas pihak British mengambil Pulau Pinang dan Seberang Perai pada tahun 1786, barulah bilangan buruh India yang berhijrah ke Tanah Melayu meningkat. Mereka datang dengan bebas ke Tanah Melayu sehinggalah tahun 1857. Pada tahun itu, satu undang-undang Kawalan Penghijrahan Buruh telah diluluskan di India. Inilah undang-undang yang pertama dalam sejarah perburuhan di Tanah Melayu. Penghijrahan buruh India yang terkawal berterusan sehingga tahun 1938. Pada tahun itu pengharaman telah dikenakan ke atas sebarang bentuk penghijrahan buruh dari India ke Tanah Melayu.

Sebelum buruh India berhijrah ke Tanah Melayu, terdapat satu kumpulan orang India lain yang datang ke Pulau Pinang. Kumpulan ini terdiri daripada pesalah-pesalah yang telah dihukum dan dipenjarakan di India. Ini berlaku kerana Pulau Pinang telah digunakan sebagai pusat tahanan banduan India, terutama sekali

mulai tahun 1823 apabila Britain terpaksa menyerahkan Bangkokhulu kepada Belanda. Bangkokhulu juga telah digunakan sebagai pusat tahanan banduan India oleh Britain. Oleh itu dengan penyerahan Bangkokhulu, Britain terpaksa memindahkan banduan India ke Pulau Pinang pula. Sungguhpun bilangan mereka kecil sahaja namun banduan ini merupakan sumber bekalan buruh yang murah bagi Britain. Banduan ini bekerja untuk mengeringkan dan mengairi paya, membina jalan raya, landasan kereta api, jambatan, perparitan dan pelabuhan. Akan tetapi penggunaan banduan India ini telah dikesam oleh pihak-pihak tertentu dan oleh itu penggunaannya sebagai buruh telah diharamkan pada tahun 1860. Pada tahun 1873, semua banduan India di Pulau Pinang telah dihantar pulang ke India.

Bilangan buruh India daripada kumpulan banduan ini berjumlah 772 orang pada tahun 1805 dan meningkat kepada 4063 orang pada tahun 1860. Pada masa yang sama bilangan buruh India yang berhijrah ke Tanah Melayu juga telah meningkat dengan pesatnyanya. Dari tahun 1857 sehingga tahun 1938 kebanyakan buruh India yang datang ke Tanah Melayu berasal dari selatan India, terutamanya dari Trichinopoly, Tanjore, Salem, Coimbatore, Negeripatnam dan Madras.

Ada beberapa faktor yang telah menyebabkan penghijrahan buruh India kasta rendah ini berlaku. Pertama, adat resam dan kasta telah menghadkan bidang pekerjaan tertentu bagi mereka. Orang-orang daripada kasta rendah pada kebiasaannya bekerja sebagai petani dan buruh di India. Dalam keadaan berlebihan penduduk di India, ramailah penduduknya yang tidak mempunyai pekerjaan dan berada dalam keadaan kemiskinan. Bahan makanan juga berkurangan dan tidak mencukupi bagi keperluan semua penduduknya. Tambahan

pula oleh kerana keadaan iklim dan cuaca yang kurang sesuai, petani-petani hanya dapat mengerjakan tanah mereka selama empat bulan dalam setahun. Penderitaan petani ditekan pula oleh kenaikan cukai tanah yang tinggi yang dikenakan oleh penjajah British. Kedudukan ekonomi petani dan buruh bertambah susah kerana keburluran yang kerap berlaku di India dalam tempoh tahun 1860 sehingga tahun 1908.

Keadaan ekonomi yang buruk bagi petani dan buruh India telah ditambah lagi oleh polisi British di India. Sebagai sebuah negara perusahaan, Britain memerlukan pasaran bagi barang perusahaannya seperti benang kapas dan kain. Oleh itu kerajaan British menindas sebarang perusahaan di India yang bersaing dengan barangan perusahaannya. Ini bermakna perusahaan menenun kain dan pertukangan tangan yang merupakan perusahaan utama di India telah ditindas dan dengan itu ramailah pekerja yang diberhentikan. Dalam kerumitan yang demikian itu, oleh kerana sistem kasta dan prasangka yang diwujudkan oleh adat resam mereka sendiri, maka orang India tidak dapat membuat pekerjaan lain dan terpaksa menganggur. Dengan demikian terdapatlah bekalan tenaga buruh yang berlebihan terpaksa berhijrah untuk menampung keperluan hidup mereka.

Keadaan di Tanah Melayu pula amat sesuai dengan kemasukan buruh dari India. Sejak kemasukan kuasa British ke negeri-negeri Melayu, beberapa bahan tanaman telah diusahakan bagi tujuan perdagangan. Penjajah British berharap akan dapat mengusahakan pertanian yang boleh dijadikan bahan mentah bagi keperluan perusahaan di negaranya. Penanaman tebu dan kopi telah diusahakan di Tanah Melayu, akan tetapi kedua-duanya memerlukan ramai tenaga pekerja. Menjelang akhir kurun ke 19, permintaan terhadap

tenaga buruh meningkat dengan pesatnya akibat daripada perkembangan perusahaan getah, pembinaan jalan raya dan landasan kereta api di Tanah Melayu. Penjahaj British dan peladang Eropah mahukan bekalan tenaga buruh yang ramai, murah dan mudah diperolehi. Tambahan pula Britain mahu membawa masuk ramai pekerja dari India dengan harapan ini akan dapat mengimbangkan jumlah buruh Cina yang kian bertambah ramai di Tanah Melayu.

Dari tahun 1857 sehingga tahun 1938, buruh India datang ke Tanah Melayu dengan tiga cara iaitu buruh kontrak, buruh kangany dan buruh bebas.

Buruh Kontrak

Buruh kontrak terus dibawa masuk ke Tanah Melayu sehingga tahun 1910 apabila diharamkan oleh undang-undang. Mengikut sistem ini buruh India yang hendak berhijrah keluar itu akan membuat perjanjian dengan bakal majikannya sebagai balasan kepada pendahuluan tambang kapalny. Buruh itu berjanji akan berkhidmat dengannya untuk satu masa perkhidmatan yang tertentu antara 1 - 3 tahun dengan kadar bayaran yang tetap antara 9 - 13 sen sehari. Majikan biasanya menghantar wakilnya ke India, atau kadangkadangkad menggunakan syarikat pengambilan buruh yang akan mengenakan komisyen dan keuntungan ke atas buruh-buruh yang dibekalkan. Inilah cara utama majikan-majikan di Tanah Melayu memperoleh bekalan buruh. Mereka hanya mementingkan cara bagaimana hendak mendapat dan menyimpan buruh-buruh itu. Dengan demikian sering berlaku pemerasan dan penindasan ke atas buruh-buruh itu. Akan tetapi dengan berlakunya perkembangan yang pesat dalam perusahaan perladangan getah, ramailah buruh kontrak yang lari dan pergi bekerja dengan majikan-majikan

lain. Oleh sebab kekurangan tenaga pekerja, pengambilan secara buruh kontrak ini amatlah mahal dan tidak memuaskan majikan. Bantahan-bantahan dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu dan akhirnya sistem buruh kontrak ini diharamkan oleh Britain di India pada tahun 1910.

Sistem Kangany

Kangany ialah ketua/tandil/mandor dan biasanya seseorang yang dipercayai oleh majikan dan bekerja sebagai penyelia pekerja di ladang-ladang. Beliau merupakan penghubung antara majikan dan buruh-buruh di ladang. Kangany berlagak sebagai wakil majikan yang diberikan kuasa melalui lesen untuk mendapatkan buruh-buruh di India.

Sebelum tahun 1906 lesen ini dikeluarkan oleh residen British, dan mulai tahun 1907 lesen ini dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Imigresen India. Dengan lesen ini, kangany akan pergi ke kampungnya di India untuk memujuk buruh-buruh berhijrah ke Tanah Melayu. Kangany akan diberi wang pendahuluan bagi segala perbelanjaan membawa buruh-buruh ke Tanah Melayu. Buruh-buruh yang dibawa masuk secara demikian akan membuat perjanjian lisan untuk berkhidmat dalam tempoh tertentu dengan majikan kangany berkenaan sehingga hutang tambang dan sebagainya selesai berbayar. Buruh-buruh kangany berkeadaan lebih sihat dan tegap daripada buruh kontrak dan harga mereka juga lebih murah berbanding harga buruh kontrak.

Dengan berkuatkuasanya Undang-undang Tabung Imigresen India pada tahun 1907, pelaksanaan sistem kangany dapat diselaraskan dan diawasi oleh Britain. Bagi mendapatkan buruh, seseorang pengurus ladang di Tanah Melayu akan memilih beberapa orang kangany dan mendapatkan lesen bagi mereka daripada Pengerusi Jawatankuasa Imigresen India.

Lesen yang diperoleh akan dihantar kepada Timbalan Penguasa Buruh di Pulau Pinang untuk didaftarkan. Lesen tidak akan diberikan kepada mereka yang berusia kurang daripada 21 tahun. Dengan lesen itu, kangany akan pergi ke India dan mengemukakan lesen itu untuk pendaftaran di Madras atau Negapatnam. Lesen ini sah untuk 6 bulan dan boleh diperbaharui untuk jangka masa 3 bulan. Kangany akan pergi ke syarikat yang menjadi ejen peladang di Madras atau Negapatnam dan ia akan dibayar elauannya seperti yang diarahkan oleh peladang yang berkenaan. Selepas itu kangany akan pergi ke kampung asalnya untuk mendapatkan buruh tidak melebihi 20 orang setiap kali pengambilan. Bakal buruh yang diperoleh oleh kangany akan dihantar dengan kereta api ke khemah-khemah di Avadi atau Negapatnam. Di khemah itu buruh-buruh akan ditempatkan, diberi makan dan diperiksa oleh doktor sebelum dihantar ke Tanah Melayu dengan kapal. Selepas itu barulah kangany akan memperoleh baki elauannya dan beliau boleh meneruskan usaha mendapatkan lagi buruh ataupun kembali ke ladangnya di Tanah Melayu.

Tidak seperti buruh kontrak yang telah dikedam dengan hebatnya oleh orang ramai di India dan di Tanah Melayu, sistem kangany ini telah mendapat sambutan yang baik. Namun demikian ada juga kecaman terhadapnya, tetapi lebih tertumpu kepada masalah gaji dan kemudahan sosial dan kemudahan asas yang diberikan kepada buruh-buruh itu. Sistem kangany diharamkan pada tahun 1938 apabila sistem ini telah diresapi dengan unsur-unsur penyelewengan oleh kangany itu sendiri.

Buruh Bebas

Buruh bebas adalah penting di peringkat awal pemerintahan Inggeris di Tanah

Melayu. Pada tahun 1809 sudah terdapat 1000 orang buruh bebas di Pulau Pinang. Mulai tahun 1833 buruh bebas digunakan di ladang-ladang dengan kontrak setahun dan ini berterusan sehingga tahun 1859. Pada tahun itu, harga tambang yang melambung akibat wujudnya Undang-undang Penumpang yang dikuatkuasakan oleh Inggeris telah menyebabkan sukar bagi buruh-buruh bebas berhijrah dengan membayar tambangnya sendiri. Bilangan buruh bebas begitu kecil sekali dari tahun 1889 sehingga tahun 1935. Pada tahun 1935 kuota ke atas buruh berbantu dari India telah dikenakan akibat kejatuhan gaji buruh semasa kemelesetan dunia pada tahun 1929 - 1933. Jumlah buruh bebas meningkat semula dan merupakan 70 peratus daripada jumlah semua buruh yang datang ke Tanah Melayu.

Perbezaan antara buruh bebas dengan buruh kontrak atau buruh kangany ialah penghijrahan mereka bukan diatur oleh kumpulan tertentu semata-mata untuk kepentingan ekonomi. Setelah tiba di Tanah Melayu mereka bebas untuk memilih tempat bekerja. Sebaliknya pula semua urusan mengenai buruh kontrak atau buruh kangany telah diatur terlebih dahulu dan mereka terpaksa mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam banci penduduk Tanah Melayu pada tahun 1931 sudah terdapat 621 000 orang India, dan daripada jumlah ini hampir 90 peratus daripada mereka ialah orang India dari daerah Madras, dan hampir semuanya menjadi buruh di ladang-ladang.

Sistem Perhubungan

Perluasan penjajahan British di Tanah Melayu memberi peluang kepada pembukaan lombong bijih timah di kawasan pedalaman secara besar-besaran. Pada peringkat awal, perlombongan bijih timah terhad di sekitar kawasan yang berham-

piran dengan sungai-sungai yang besar dan cabang-cabangnya sahaja. Sungai-sungai ini membolehkan pelombong-pelombong membawa alat-alat perlombongan, dan bekalan makanan ke kawasan pedalaman. Bot dan perahu juga digunakan untuk membawa keluar bijih timah dari kawasan pedalaman ke pelabuhan. Akan tetapi dengan berkembangnya perusahaan melombong bijih timah ini, pelombong-pelombong mula masuk ke kawasan pedalaman untuk mencari kawasan perlombongan yang baru. Selain menggunakan sungai, pelombong-pelombong juga menggunakan jalan kereta lembu dan jalan denai yang menghubungkan kawasan perlombongan mereka dengan tebing sungai.

Pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, saudagar-saudagar Negeri-Negeri Selat telah memperkenalkan penggunaan kapal wap. Kapal wap dari Singapura sering datang ke pelabuhan kecil di pantai

barat Tanah Melayu untuk mengambil hasil pertanian, hasil hutan, bijih timah dan juga penumpang. Akan tetapi penggunaan kapal wap ini terbatas di sungai-sungai yang dalam sahaja, manakala di sungai-sungai yang cetek, sampan dan perahu digunakan untuk membawa keluar bijih timah, hasil hutan dan pertanian dari kawasan pedalaman untuk dimuatkan ke dalam kapal wap. Kapal wap ini akan membawa hasil-hasil tersebut ke Singapura atau Pulau Pinang untuk dieksport.

Peningkatan kegiatan perlombongan bijih timah di kawasan pedalaman menyebabkan banyak anak sungai yang menjadi lebih cetek akibat timbunan geladak dan sisa bijih. Keadaan ini menyulitkan penggunaan sungai sebagai cara mengangkut hasil bijih timah, hasil hutan dan pertanian dari kawasan pedalaman. Tambahan pula penggunaan sampan dan perahu, dan juga kereta lembu terlalu lambat, tidak cekap



Satu cara perhubungan sungai yang masih lagi digunakan di kawasan pedalaman.

dengan muatannya juga terhad. Oleh itu satu sistem pengangkutan yang lebih pantas dan cekap diperlukan untuk kepentingan ekonomi Britain. Malah sistem pengangkutan yang lebih baik juga diperlukan bagi melicinkan pentadbiran. Penggunaan sungai, kereta lembu dan orang berjalan kaki untuk mengirim surat rasmi menyulitkan pentadbiran. Surat-surat rasmi dari Singapura terpaksa mengambil masa berminggu-minggu untuk tiba ke Taiping atau Kuala Lumpur.

Landasan Kereta Api

Penjajah British telah mula membina landasan kereta api pada tahun 1885 bagi mengadakan satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang lebih baik dan cekap. Pada peringkat awal, perkembangan perkhidmatan kereta api di Tanah Melayu ialah di antara tahun-tahun 1885-1895. Pada peringkat ini, empat landasan kereta api yang pendek telah dibina untuk menghubungkan sebuah kawasan perlombongan bijih timah di kawasan pedalaman dengan pelabuhan. Pada tahun 1885 landasan kereta api telah dibina untuk menghubungkan Pelabuhan Weld dengan Taiping yang menjadi pusat perlombongan di kawasan Larut. Pada tahun 1886 landasan kereta api antara Klang dengan Kuala Lumpur telah dibina. Ini memberi kemudahan kepada kawasan lombong di Lembah Klang. Pada tahun 1891 landasan kereta api antara Port Dickson dengan Seremban telah dibina, dan pada tahun 1895 sebuah landasan kereta api telah menghubungkan Pelabuhan Teluk Intan dengan Ipoh dan Batu Gajah. Ini memberi kemudahan kepada kawasan perlombongan di Lembah Kinta.

Peringkat kedua dalam perkembangan perkhidmatan kereta api Tanah Melayu bermula pada tahun 1896 sehingga tahun 1909 dengan tertubuhnya Negeri-Negeri

Melayu Bersekutu. Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ini disusuli dengan usaha menyatukan dan menyambung landasan kereta api yang sedia ada di bawah satu pentadbiran dan pengurusan. Dengan itu muncullah Kereta Api Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1903. Landasan kereta api di keempat-empat buah negeri itu telah diseragamkan dan bagi kepentingan ekonomi British, Perai telah dihubungkan dengan Seremban pada tahun 1903, dan dengan Gemas pada tahun 1906.⁴

Peringkat ketiga ialah antara tahun-tahun 1910-1931. Peringkat ini memperlihatkan sambungan landasan kereta api dari Perai ke Padang Besar dan dari Gemas ke Rantau Panjang/Sungai Golok di Kelantan. Peringkat ini juga memperlihatkan hubungan terus dengan perkhidmatan kereta api Siam. Ianya berlaku selepas penerimaan nasihat Inggeris di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1909. Landasan kereta api antara Bukit Mertajam dengan Alor Setar dibuka pada tahun 1915 dan ke Padang Besar melalui Arau dibuka pada tahun 1918. Dengan pembinaan Tambak Johor pada tahun 1923, landasan kereta api telah disambung ke Singapura. Landasan kereta api untuk menghubungkan kawasan pantai timur Tanah Melayu juga telah dibina. Pembinaan landasan kereta api ini dimulakan dari Gemas pada tahun 1907 dan dari Tumpat pada tahun 1912. Kedua-dua pekan ini telah dihubungkan dengan perkhidmatan kereta api pada tahun 1931. Sementara itu satu cabang landasan kereta api dari Pasir Mas ke Sungai Golok telah dibina pada tahun 1920 dan seterusnya disambung dengan landasan kereta api di negeri Siam.

Menjelang tahun 1937 telah siap dibina sistem kereta api yang menghubungkan pelabuhan Singapura dengan Kuala Lumpur terus ke Perai dan ke Perlis, manakala satu lagi cabangnya menghubungkan



Rangkaian jalan kereta api di Tanah Melayu.

Singapura dengan Gemas terus ke Pasir Mas, Golok dan Siam. Dengan pendapatan yang diperoleh melalui perkhidmatan kereta api di Tanah Melayu terbukti bahawa anggapan penjajah British bahawa kereta api merupakan alat pengangkutan yang boleh membawa barang-barang yang berat dengan cepat dan murah.

Jalan Raya


Seperti yang diterangkan di awal bab ini, jalan-jalan denai dan kereta lembu telah dibina untuk menghubungkan kawasan perlombongan dengan tebing sungai. Menjelang tahun 1890 satu rangkaian jalan kereta lembu telah dibina di Negeri-Negeri Selat dan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Seterusnya jalan kereta lembu ini telah diperbaiki dan diperluaskan untuk kegunaan kereta motor pada tahun 1902. Dengan meningkatnya kemasukan kereta motor seperti motokar, lori dan bas pada tahun-tahun 1910-an kegunaan jalan raya juga bertambah. Rancangan pembinaan jalan raya disusun untuk menghubungkan sebuah bandar dengan sebuah bandar yang lain. Seterusnya jalan raya ini disambungkan dengan jalan tanah merah yang dibina oleh pihak swasta di ladang getah. Ini menyebabkan wujudnya sistem jalan raya yang mempunyai jaringan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Menjelang tahun 1930 sudah terdapat satu jaringan jalan raya yang menghubungkan Perai, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor hingga ke Singapura.

Jalan raya dibina pada mulanya untuk menghubungkan kawasan pedalaman dengan landasan kereta api. Akan tetapi dengan berkembangnya penggunaan kereta motor, jalan raya pun dibina selari dengan landasan kereta api dan akhirnya jalan raya dibina bersaing dengan landasan kereta api. Penggunaan lori dan


pembinaan jalan raya yang berturap dan lebih lebar lagi menyebabkan penggunaan jalan raya untuk mengangkut barang-barang dagangan seperti getah dan hasil pertanian meningkat. Penggunaan jalan raya memudahkan pengedaran barang dagangan dari satu tempat ke satu tempat lain.

Pembinaan landasan kereta api dan jalan raya telah merapatkan lagi hubungan antara negeri-negeri di Tanah Melayu. Ia juga menolong mengubah rupa bentuk muka bumi Tanah Melayu dari tanah yang berhutan belukar dan bergunungan-gang kepada keadaan yang kita dapat lihat sekarang ini. Oleh kerana lombong bijih timah dan ladang getah banyak terdapat di negeri-negeri Melayu pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, maka tidak hairanlah kalau landasan kereta api dan jaringan jalan raya lebih banyak terdapat di kawasan ini. Pengumpulan barang-barang untuk dieksport dan pengagihan barang pengguna bergantung pada satu sistem pengangkutan yang baik. Ini telah dapat disediakan oleh jaringan landasan kereta api dan jalan raya yang dibina daripada hasil eksport bijih timah dan getah. Hasil keuntungan yang diperoleh telah digunakan oleh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menyatu dan menyambung landasan kereta api di setiap negeri dan untuk membiayai pembinaan landasan kereta api dari Gemas ke Golok dan untuk menyambung jalan raya dari Pulau Pinang ke Singapura.

Sistem pengangkutan yang baik adalah penting bagi perkembangan ekonomi dan masyarakat Tanah Melayu. Sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu sudah mempunyai sistem perhubungan yang terbaik di Asia Tenggara. Selain sistem perhubungan air, landasan kereta api dan jalan raya, Tanah Melayu juga mempunyai sistem perhubungan lain seperti telegraf dan telefon, sistem pos,



Rangkaian jalan raya di Tanah Melayu.



Rangkaian jalan raya di Tanah Melayu.

radio dan perkhidmatan udara. Ini telah membolehkan perhubungan dibuat di antara negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan di antara Semenanjung Tanah Melayu dengan negara luar.

Sistem pos dan telegraf bermula dari pusat perkembangan ekonomi, pusat pentadbiran, pelabuhan dan kemudiannya ke kawasan petempatan. Ini jelas kelihatan dalam perkembangan sistem pos dan telegraf di Perak.

Di Perak, sistem pos mula wujud pada tahun 1875 apabila sebuah pejabat pos dibina di Taiping. Dari Taiping, perkhidmatan pos telah berkembang ke seluruh Perak, seperti ke Ipoh, Tapah dan Batu Gajah. Malah pada tahun 1891 setiap daerah di Perak sudah pun dihubungkan melalui talian telegraf dengan Taiping, ibu negeri Perak pada masa itu. Setiap hospital dan balai polis di Perak mempunyai hu-

ngan terus melalui telefon. Pada akhir kurun ke-19, wakil-wakil pos di luar bandar telah ditubuhkan di kawasan petempatan melebihi 1000 orang penduduk. Pada tahun 1906 perkhidmatan pos dan telegraf di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diletakkan di bawah satu jabatan persekutuan. Pada tahun 1909 talian telegraf dari Pulau Pinang ke Singapura telah diadakan. Menjelang tahun 1935 sebanyak 31 200 batu saluran telefon dan telegraf yang dipasang di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diletakkan di bawah satu jabatan persekutuan. Beberapa ibu sawat telefon automatik juga telah dipasang di beberapa tempat di Perak dan pada akhir tahun 1930-an penggilan antarabangsa melalui perkhidmatan radio telefon ke negara-negara Asia Tenggara dan United Kingdom boleh dibuat dari beberapa buah bandar utama di Perak.

Bab 18

Pendudukan Jepun 1942 – 1945

Pendudukan Jepun merupakan satu peristiwa yang sangat penting dalam sejarah negara kita. Ia juga menandakan satu zaman baru bagi Tanah Melayu. Jepun menduduki Tanah Melayu selama lebih kurang tiga tahun setengah. Sungguhpun tidak begitu lama, tetapi telah membawa perubahan yang penting. Pendudukan Jepun telah menimbulkan kesedaran politik yang hebat terutamanya kepada orang Melayu. Penduduk di Tanah Melayu menjadi insaf tentang keburukan penjajahan. Malangnya pendudukan Jepun juga telah menguatkan perasaan dan politik perkauman. Ekonomi Tanah Melayu telah merosot dan kebanyakan penduduknya menderita. Mereka telah menjalankan berbagai-bagai kegiatan untuk menampung kehidupan keluarga. Berbagai-bagai masalah telah timbul, contohnya rasuah.

Order Baru Asia Timur Raya

Satu daripada dasar luar Jepun yang penting sebelum terlibat dalam Perang Dunia Kedua ialah mewujudkan satu Order Baru Asia Timur Raya. Ia bermaksud satu kawasan yang berpusat di sekitar Jepun, China dan Manchuko serta mengandungi Pulau-pulau Amanah (Mandated Islands), Indochina, Negara Thai, Tanah Melayu, Borneo, Hindia Timur, Belanda, Australia, New Zealand dan mungkin India. Wilayah-

wilayah ini juga dinamakan sebagai Kawasan Kemakmuran Bersama yang serba-serbinya cukup dari segi ekonomi dan di bawah naungan politik Jepun. Dasar ini digubal oleh kerajaan Jepun kerana desakan ekonomi dan tekanan daripada pihak Barat misalnya Amerika Syarikat, Britain dan Belanda. Negara Jepun tidaklah begitu besar tetapi ia mempunyai penduduk yang ramai. Kawasan pertanian tidak mencukupi dan bahan galian juga tidak banyak. Jepun terpaksa mengasaskan ekonominya kepada bidang pembuatan dan pengeluaran barang untuk menampung penduduk yang begitu ramai. Ia memerlukan bahan mentah seperti getah, besi dan minyak untuk membangunkan industrinya. Jepun juga perlu mencari pasaran untuk barang keluarannya. Bahan mentah ini kebanyakannya boleh didapati dari Asia Tenggara tetapi, pada masa itu Asia Tenggara, kecuali Negara Thai, adalah dijajah oleh Amerika Syarikat, Britain, Belanda dan Perancis. Sejak tahun-tahun 1930-an, penjajah Barat di Asia Tenggara telah mengenakan sekatan kepada bahan mentah yang boleh dibeli oleh Jepun. Barangan keluaran Jepun juga tidak boleh dipasarkan dengan bebas.

Pada awal tahun-tahun 1940-an, pengaruh golongan tentera di Jepun sangat kuat. Golongan tentera berpendapat bahawa masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang menge-

luarkan bahan mentah dan yang menjadi pasaran. Bagi melaksanakan dasar ini dan dasar-dasar Jepun yang lain, kerajaan Jepun telah mengisytiharkan perang terhadap Amerika Syarikat dan Britain pada 8 Disember 1941. Oleh kerana Tanah Melayu pada masa itu di bawah penjajahan British, maka kita pun terlibat secara langsung dalam Perang Dunia Kedua.

Pada 8 Disember 1941 itu tentera Jepun telah mendarat di Kota Bharu, Kelantan, dan peperangan di Tanah Melayu pun bermula. Dalam tempoh 70 hari sahaja, tentera Jepun telah dapat mara dari Kota Bharu dan selatan Negara Thai terus ke Singapura dan mengalahkan pihak British. Pemerintah British di Tanah Melayu telah menyerah kalah kepada Jepun pada 15 Februari 1942. Mengapa dan bagaimana Jepun telah menang dan Britain telah kalah dengan begitu cepat?

Britain Tidak Bersedia

Perlu diingat bahawa di Eropah, Britain telah mula berperang dengan Jerman dan Itali sejak akhir tahun 1939 lagi. Semasa Jepun mengisytiharkan perang terhadap Britain, kedudukan di Britain tidak begitu selamat. Jadi, sungguhpun kerajaan British bertanggungjawab bagi mempertahankan Tanah Melayu tetapi ia tidak mampu menunaikan janjinya kerana negaranya sendiri terancam. Satu kekurangan yang jelas sekali ialah kapal terbang. Bukan sahaja kapal terbang British sedikit bilangannya tetapi jenisnya pun jenis lama, dan tidak dapat menandingi kapal terbang Jepun. Apabila peperangan bermula, banyak kapal terbang British ini telah ditembak jatuh oleh kapal terbang Jepun. Seseungguhnya telah musnah sebelum sempat naik ke udara kerana dibedil oleh kapal terbang Jepun. Dengan hampir musnahnya kekuatan pihak British di udara, maka

pihak British tidak dapat mempertahankan Tanah Melayu melalui udara. Malahan mereka terdedah kepada serangan udara Jepun. Sebaliknya tentera Jepun dilindungi dan dibantu oleh kapal terbangnya hingga mereka dapat mara dengan cepat.

Kerajaan British juga telah tersalah perhitungan tentang kekuatan dan kebolehan Jepun. Mereka tidak menyangka Jepun sebegitu kuat. Pihak British begitu yakin dengan kekebalan kubu mereka di Singapura. Mengikut pihak British, pertahanan Singapura tidak mungkin ditembusi. Kemudian kerajaan British menghantar dua buah kapal perangnya yang besar iaitu *Prince of Wales* dan *Repulse* untuk mempertahankan Tanah Melayu. Kedua-dua kapal ini dianggap handal, tetapi apabila kapal terbang British telah banyak yang musnah, maka kedua-dua kapal ini tidak lagi dapat dilindungi dari udara. Jadi kapal terbang Jepun dapat terus menyerang kapal perang tersebut. Sungguhpun kapal perang itu mempunyai meriam penangkis kapal terbang tetapi pihak Jepun telah menggunakan cara yang luar biasa. Cara Jepun ini dinamakan *kamikaze*. Tentera kamikaze Jepun ialah tentera yang berani mati. Mereka sedia melakukan apa sahaja arahan asalkan tugas itu untuk kepentingan Maharaja Jepun. Jadi, kapal terbang Jepun yang menyerang *Prince of Wales* dan *Repulse* itu bukan sahaja menembak dengan mesin-gan dan menggugurkan bom, tetapi mereka terus melanggarkan kapal terbang mereka dengan kapal perang itu. Dengan sebab itu, kedua-dua kapal perang itu telah tenggelam di Laut China Selatan berhampiran pantai timur Tanah Melayu. Berita tenggelamnya kedua-dua kapal itu telah mengejutkan pihak British dan melemahkan semangat tenteranya di Tanah Melayu.

Tentera British di Tanah Melayu bukanlah terdiri daripada bangsa British dan

Australia sahaja. Sebahagian daripadanya adalah orang India kerana India pada masa itu di bawah penjajahan British. Sebahagian lagi terdiri daripada orang Melayu yang berkhidmat dalam pasukan Askar Melayu. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, Kerajaan Jepun bercadang hendak memasukkan India ke dalam lingkungan Order Baru Asia Timur Raya. Rakyat India pada masa itu sedang memperjuangkan kemerdekaan India daripada Britain melalui perlembagaan. Tetapi ada juga sekumpulan kecil yang hendak menggunakan kekerasan. Golongan radikal ini diburu oleh pemerintah British di India dan ada antaranya yang lari ke luar negeri dan membuat hubungan dengan Jepun dan Jerman. Kerajaan Jepun telah melantik Mejar Fujiwara Waichi untuk berhubung dan berunding dengan pejuang kebangsaan India ini. Fujiwara telah dapat mengatur beberapa rancangan sulit dengan mereka. Satu daripada rancangan itu ialah memujuk orang India yang berkhidmat dengan tentera British di Tanah Melayu supaya belot terhadap pihak British dan tidak menentang tentera Jepun. Pejuang kebangsaan India ini telah bergerak sebagai penyuluh atau pengintip dan berjaya mempengaruhi ramai juga askar India. Mereka telah menerangkan kepada askar India ini bahawa perkhidmatan mereka dengan tentera British akan melanjutkan penjajahan Britain di India. Kalau Jepun menang dalam peperangan itu, Jepun akan menolong orang India mencapai kemerdekaan dengan memerangi pihak British di India.

Selain itu, terdapat juga askar India yang belot dan meninggalkan tentera British. Ramai pula daripada yang tinggal dalam pasukan British itu yang tidak lagi yakin dengan perjuangan mereka. Keadaan ini turut mempercepatkan kekalahan pihak British kerana ramai askar India yang tidak berperang dengan penuh semangat.

Alat dan Cara Peperangan Jepun di Tanah Melayu

Cara Jepun berperang di Tanah Melayu dan alat-alat yang digunakan jauh lebih berkesan. Selain kekuatan tentera udaranya, Jepun juga menggunakan kereta kebal. Pihak British menganggap kereta kebal tidak begitu sesuai bagi keadaan muka bumi Tanah Melayu kerana banyak hutan belantara. Bagi pihak British, kereta kebal hanya sesuai untuk kawasan terbuka seperti padang pasir. Tetapi Jepun telah menggunakan kereta kebal kecil dan ringan dengan berkesan. Tentera Jepun juga banyak menggunakan basikal. Jadi mereka dapat bergerak dengan pantas melalui jalan kecil dan memintas kedudukan tentera British. Setengah daripada basikal ini dirampas oleh tentera Jepun daripada penduduk Tanah Melayu. Sebaliknya tentera British bergantung kepada lori dan trak tentera untuk bergerak. Kenderaan seperti itu memerlukan jalan raya dan apabila mereka bergerak, selalunya mereka diserang oleh kapal terbang Jepun. Tentera Jepun juga dapat bergerak dengan pantas kerana mereka tidak membawa bekalan makanan yang banyak ataupun berat. Mereka biasanya membawa beras dan ikan kering sahaja. Tetapi tentera British selalunya membawa barang makanan dalam tin yang sudah semestinya lebih berat. Askar Jepun boleh menyamar diri dengan memakai pakaian penduduk Tanah Melayu, dan tentera British lazimnya tidak dapat membezakan antara orang Cina dan Jepun kalau kedua-duanya berpakaian biasa.

Pengintipan dan Maklumat

Selain cara dan alat yang digunakan, tentera Jepun juga mempunyai maklumat yang lengkap tentang keadaan geografi, jalan, malahan hutan di Tanah Melayu. Sebelum Jepun mengisytiharkan perang terhadap Britain di Tanah Melayu, kerajaan

an Jepun telah menjalankan pengintipan di seluruh Asia Tenggara. Di Tanah Melayu, pengintip ini terdiri daripada peniaga Jepun yang bergiat di negara kita. Sebelum Perang Dunia Kedua meletus, ramai orang Jepun yang membuka kedai gambar, kedai ikan peliharaan dan kedai gula-gula. Kebanyakan mereka ini telah mengambil gambar bangunan, jalan raya, jambatan, mengkaji sungai-sungai dan jalan di dalam hutan dengan alasan mencari ikan untuk dijual. Semua maklumat ini telah dikaji oleh pihak tentera Jepun sebelum mereka menyerang Tanah Melayu. Inilah satu daripada sebab tentera Jepun dapat memintas kedudukan tentera British dan menyerangnya dari belakang. Dengan menggunakan taktik ini, masalah yang dihadapi oleh tentera British bertambah rumit.

Peranan Kesatuan Melayu Muda

Sebagaimana India mempunyai pejuang kebangsaan yang radikal, Tanah Melayu pun demikian juga. Golongan radikal di Tanah Melayu terdiri daripada ahli-ahli Kesatuan Melayu Muda (KMM) di bawah pimpinan Ibrahim bin Yaakob. Beberapa orang pemimpin KMM telah membuat hubungan dengan pihak Jepun. Mejar Fujiwara juga terlibat dalam hal ini. Apabila Jepun hendak menyerang Tanah Melayu, Fujiwara telah menghubungi ahli-ahli KMM dan mengadakan perundingan di selatan Negara Thai. Beberapa orang anggota KMM telah mengatur pertolongan untuk Jepun, seperti menunjukkan jalan ataupun memberi maklumat. Ada antara mereka yang telah ikut bekerjasama dengan tentera Jepun dari utara Tanah Melayu hingga ke Singapura. Mereka telah menolong Jepun dengan harapan Jepun akan memberi kebebasan politik yang lebih banyak kepada orang Melayu, kalau pun tidak merdeka sepenuhnya. Mereka

juga berpendapat bahawa penjajahan British patut dihapuskan. Di antara Jepun dengan kerajaan British, kedua-duanya juga bangsa asing, tetapi penjajahan British telah dirasakan dan mungkin kerajaan Jepun lebih bersimpati dengan perjuangan kebangsaan Melayu. Ahli-ahli KMM juga telah dapat mempengaruhi ramai orang Melayu supaya jangan menentang tentera Jepun. Sebaliknya, mereka meminta orang Melayu supaya bekerjasama dengan tentera Jepun semasa menyerang tentera British. Kegiatan KMM ini juga banyak menolong Jepun dan membolehkan Jepun menang dengan lebih cepat lagi.

Pada tahun 1941, kegiatan politik yang berasaskan kepentingan Tanah Melayu hanyalah tersebar di kalangan orang Melayu sahaja. Dalam masyarakat Melayu, KMM merupakan pertubuhan yang paling cergas. Jadi kalau pucuk pimpinan KMM bersimpati dengan Jepun, maka bolehlah dikatakan bahawa kebanyakan orang Melayu tidak akan bermati-matian demi kepentingan penjajah British. Orang Cina dan India pada masa itu umumnya tidak merasakan yang Tanah Melayu ini tanah tumpah darah mereka dan kegiatan politik mereka lazimnya dihaluankan ke negara asal mereka. Ramai juga orang India yang merasakan mereka tidak perlu menentang Jepun kerana kerajaan British bukan menjajah negara mereka. Tetapi kebanyakan orang Cina tidak sukakan Jepun kerana kerajaan Jepun telah berperang dengan China sejak tahun 1937 lagi. Oleh itu, semasa Jepun menyerang Tanah Melayu, orang Cina cuba menentang Jepun terutama apabila tentera Jepun telah sampai ke Singapura. Jadi, dalam serangan Jepun ke atas Tanah Melayu, mereka telah tidak ditentang oleh anak negeri yang sebenarnya kerana ramai penduduk Tanah Melayu tidak begitu merasakan tanah airnya diceroboh, kecuali anggota Askar Melayu yang berkhidmat dengan pasukan

tentera British pada ketika itu yang bilangannya mereka tidaklah besar.

Pearl Harbour Dibom

Selain faktor-faktor yang boleh dianggap sebagai faktor tempatan, kekalahan Britain yang begitu cepat juga telah disebabkan oleh faktor luaran. Salah satu daripadanya ialah serangan mengejut tentera Jepun ke atas Pearl Harbour. Pearl Harbour ialah satu pelabuhan di kepulauan Hawaii yang menjadi pangkalan tentera laut Amerika Syarikat. Sebelum kerajaan Jepun mengisytiharkan perang terhadap Amerika Syarikat dan Britain, tentera Jepun telah bersedia sedia untuk menyerangnya. Sebaik sahaja perisytiharan dibuat, kapal terbang Jepun telah menyerang Pearl Harbour, dan pihak tentera Amerika Syarikat belum sempat bersedia pada masa itu. Banyak kapal perang Amerika Syarikat telah tenggelam dan ini membolehkan Jepun menguasai Lautan Pasifik buat beberapa waktu.

Negara Thai Berubah Sikap

Satu lagi faktor luar yang penting ialah perubahan sikap Negara Thai. Pada mulanya Negara Thai dianggap menyokong Pihak Berikat dan akan menentang Jepun. Pegawai tentera Thai telah diberi peluang melawat pusat pertahanan di Tanah Melayu pada tahun 1941. Tetapi kerajaan Jepun telah dapat mengubah sikap kerajaan Thai dengan menjanjikan bahawa Jepun akan memberikan negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepadanya kalau kerajaan Thai tidak menentang Jepun dan membenarkan tenteranya melalui bumi Thai untuk menyerang Tanah Melayu. Dengan itu, pihak British telah tertipu. Britain menyangka yang Jepun akan terpaksa berperang dengan tentera Negara Thai dahulu sebelum sampai ke sempadan utara Tanah Melayu. Tetapi, dengan terbukanya pintu Negara Thai,

maka Jepun telah dapat sampai dengan cepat ke utara Tanah Melayu dan pihak British belum begitu bersedia pada ketika itu. Semua faktor ini telah mempercepatkan kekalahan pihak British di Tanah Melayu.

Pemerintahan Tentera Tanah Melayu

Apabila pihak British telah menyerah diri di Singapura pada 15 Februari 1942, kerajaan Jepun telah dapat menguasai Tanah Melayu seluruhnya. Panglima tentera British yang menyerah diri itu ialah Lt. Jeneral A.E. Percival. Panglima tentera Jepun yang mengalahkan pihak British itu pula bernama Lt. Jeneral Yamashita Tomoyuki. Oleh kerana Jepun pada masa itu masih berperang di tempat lain, maka pemerintahan di Tanah Melayu merupakan pemerintahan tentera yang dikenali dengan nama Pemerintahan Tentera Tanah Melayu (PTTM). Dasar kerajaan Jepun terhadap negarannya yang ditaklukinya di Asia Tenggara adalah bergantung pada kedudukan negara-negara ini sebelum datangnya Jepun. Kalau perjuangan politik bumiputera sesebuah negara itu telah maju dan pihak penjajahnya pula telah memberi kebebasan politik, maka Jepun pun akan bersedia memberi layanan yang sama. Burma (Myanmar) dan Filipina telah mendapat kemerdekaan daripada Jepun sekurangnya dari segi teorinya. Tetapi bagi Tanah Melayu, kerajaan Jepun berhasrat menjadikannya sebagai tanah jajahan Jepun. Pihak Jepun berhasrat untuk memeras kekayaan Tanah Melayu, khususnya getah dan bijih timah.

Dasar terhadap Sultan

Bagi mencapai maksud ini, Pemerintahan Tentera Tanah Melayu, pada mulanya bertujuan meminta sultan-sultan menyerahkannya hak kedaulatan mereka serta negeri-negeri mereka kepada Maharaja Jepun.

Pihak Jepun tidak mahu mengiktiraf mereka sebagai sultan. Pada bulan September 1942, Pemerintahan Tentera Tanah Melayu telah menukar dasarnya dan sedia mengiktiraf taraf sultan-sultan di Tanah Melayu. Namun demikian, elaun bulanan mereka dikurangkan. Dalam pada itu, kerajaan Jepun merancang beberapa langkah untuk memerangi pihak British di India. Pada masa itu di India terdapat berpuluh-puluh negeri yang mempunyai maharajanya sendiri. Mengikut perkiraan Jepun, kalau sultan-sultan di Tanah Melayu tidak diberi layanan yang baik, maka maharaja di India tentulah tidak akan menolong Jepun apabila Jepun menyerang India kerana mereka takut kedudukannya akan terancam. Jadi Jepun berasa perlu untuk mengubah dasarnya terhadap sultan-sultan di Tanah Melayu demi kepentingan dasarnya yang lebih besar lagi. Pada akhir tahun 1942, marks tentera Jepun di Tokyo telah mengarahkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu supaya lebih berhati-hati tentang sikap dan layanannya terhadap sultan-sultan. Pada 20 Januari 1943, Pemerintahan Tentera Tanah Melayu telah mengadakan persidangan yang dihadiri oleh sultan-sultan dari Tanah Melayu dan Sumatera di Singapura, dan pihak Jepun telah mengumumkan dasar barunya terhadap sultan-sultan. Kerajaan Jepun mengiktiraf hak raja-raja Melayu menggunakan gelaran sultan dan mengesahkan kedudukan mereka sebagai ketua agama Islam. Elaun mereka hendaklah dibayar sama banyak seperti sebelum perang dan mereka dibenarkan menyimpan harta.

Kerajaan Jepun menganggap bahawa kebanyakan orang Melayu tidak akan menentang Jepun kalau sultan-sultan mereka dilayan dengan baik. Pihak Jepun juga berpendapat bahawa orang Melayu perlu dipupuk dengan semangat kuat bekerja. Jepun memberikan layanan yang baik ter-

hadap orang India kerana pihak Jepun memikirkan perlunya kerjasama mereka untuk melaksanakan dasar Jepun memerangi pihak British di India. Berkenaan dengan orang Cina, pihak Jepun mulanya mengambil sikap yang keras dan menindas mereka. Ini adalah lanjutan daripada peperangan Jepun dengan China sejak tahun 1937. Tetapi kemudiannya, Jepun telah menukar sikap dan melayan orang Cina dengan lebih baik kerana Jepun memerlukan kerjasama mereka dalam bidang ekonomi.

Perbezaan Dasar dengan Pelaksanaan

Dasar-dasar Jepun ini nampaknya tidaklah merosakkan tetapi terdapat perbezaan antara dasar dan pelaksanaan. Misalnya, sungguhpun dasar Jepun hendak memberi elaun kepada sultan-sultan sebagaimana yang diperolehinya sebelum perang, tetapi Jepun telah mengaitkan kenaikan elaun dengan kerjasama yang diberi oleh sultan-sultan. Kalau sultan-sultan tidak menolong Jepun, maka kuranglah kenaikan elaunnya. Dalam bidang pentadbiran pula, kedudukan sultan-sultan tidaklah sama seperti sebelum perang. Sebelum pendudukan Jepun, sultan-sultan menjadi pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri tetapi Jepun telah meletakkan gabenornya menjadi pengerusi dan sultan menjadi timbalannya. Keanggotaan Majlis Mesyuarat Negeri juga telah ditukar. Jepun tidak memberi kedudukan istimewa kepada bumiputera dari segi pemilihan anggota Majlis Mesyuarat Negeri. Kecuali di negeri Perak, perwakilan dalam Majlis Mesyuarat Negeri di negeri-negeri lain adalah berasaskan jumlah penduduk daripada sesuatu bangsa atau kaum. Jadi, orang Cina dan India telah mendapat perwakilan yang lebih berbanding dengan sebelum perang. Di Selangor misalnya, daripada 15 ahli Majlis Mesyuarat Negeri, perwakilannya terdiri daripada

5 adalah Melayu, 6 Cina dan 4 India. Di Perak, daripada 21 ahli Majlis Mesyuarat Negeri, 15 adalah Melayu. Nampaknya Sultan Perak pada masa itu lebih berpengaruh atau lebih dihormati oleh Jepun.

Sebelum soal pentadbiran dibincangkan dengan lebih lanjut lagi, ada dua perkara yang perlu dinyatakan. Pertama, kerajaan Jepun telah menggabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran. Kedua, kerajaan Jepun telah menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada kerajaan Thai pada akhir tahun 1943 sebagai tanda penghargaan Jepun kepada kerajaan Thai. Seperti yang telah dinyatakan, kerajaan Thai telah menukar sikapnya di peringkat akhir daripada menentang kepada menolong Jepun dengan membenarkan Jepun melalui negaranya dan memeranjatkan pihak British di sempadan utara Tanah Melayu. Tindakan pertama Jepun itu telah disambut baik oleh kebanyakan orang Melayu yang berminat dalam politik kerana ada yang menganggapnya sebagai satu langkah ke arah pembentukan Melayu Raya. Langkah Jepun yang kedua tidak disukai oleh orang Melayu kerana Jepun telah mencabuli hak orang Melayu. Selain itu, penyerahan keempat-empat buah negeri Melayu itu kepada kerajaan Thai, maka bilangan penduduk Melayu di Tanah Melayu menjadi kurang dibandingkan dengan penduduk bukan-Melayu kerana Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu mempunyai majoriti orang Melayu yang besar. Namun demikian, orang Melayu pada masa itu tidak mampu menentang penyerahan ini dengan kekerasan.

Jepun Menguasai Pentadbiran Negara

Semasa pendudukan Jepun, pentadbiran negara bolehlah dikatakan dikuasai sepenuhnya oleh Jepun. Majlis Mesyuarat Negeri tidak lagi berkuasa membuat undang-

undang seperti sebelum perang. Ia cuma merupakan sebuah badan penasihat sahaja. Sebelum kedatangan Jepun, hal-ehwal agama Islam adalah dalam hak Raja-Raja Melayu tetapi hingga tahun 1944, Majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri Melayu tidak ditubuhkan oleh Jepun. Apabila Jepun merasakan kedudukannya dalam peperangan dengan Pihak Berikat sudah tidak begitu kukuh lagi, maka ia pun cuba mengambil hati penduduk di Tanah Melayu supaya memberikan kerjasama dan pertolongan. Dari bulan Ogos hingga bulan Oktober 1944 majlis agama di negeri Perak, Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan Singapura telah ditubuhkan. Malahan pihak Jepun telah mengadakan persidangan Majlis Agung Agama Islam Melayu pada bulan Disember 1944.

Bentuk pentadbiran Jepun di Tanah Melayu tidaklah begitu berbeza dengan pentadbiran British sebelum perang, sungguhpun dasar asas Jepun berlainan. Jepun menganggap Tanah Melayu sebagai tanah jajahan tetapi kerajaan British mengiktiraf negeri-negeri Melayu sebagai negeri-negeri yang bernaung dan sultan-sultan mempunyai hak kedaulatan. Sebelum Perang Dunia Kedua, pentadbiran Tanah Melayu terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Jepun mentadbir Tanah Melayu (kecuali Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu dari akhir tahun 1943) dan Sumatera sebagai satu unit. Pentadbirannya bercorak kesatuan atau pusat dan bukannya persekutuan. Gabenor Jepun di peringkat negeri menerima arahan terus daripada ketua Pemerintah Tentera Tanah Melayu yang berpejabat di Singapura. Pentadbiran di peringkat daerah tidak mengalami perubahan seperti sebelum perang. Di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, peluang orang Melayu untuk menjadi Pegawai Daerah adalah lebih besar

daripada semasa pemerintahan British. Peluang yang lebih besar ini bukanlah kerana Jepun sayangkan orang Melayu tetapi lebih disebabkan oleh kekurangan pegawai Jepun yang lebih diperlukan di medan peperangan.

Pelajaran dan Kebudayaan

Dalam bidang pelajaran, kerajaan Jepun bertujuan untuk menjadikan penduduk Tanah Melayu mengamalkan cara hidup orang Jepun terutamanya golongan murid sekolah. Jepun hendakkan bahasa Jepun atau Nippon Go menggantikan bahasa Inggeris. Malahan bahasa Jepun hendaklah dijadikan bahasa perantaraan rakyat menggantikan bahasa Melayu. Unsur-unsur kebudayaan Jepun juga mahu disebarkan di kalangan rakyat. Sikap bahawa menyangkal dan bekerja keras dengan tangan itu adalah satu kegiatan yang mulia hendaklah dipupuk menerusi pelajaran.

Pada dasarnya sekolah Inggeris telah dijadikan sekolah Jepun tetapi bahasa Jepun tidak dapat serta-merta menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kerana kekurangan guru yang fasih dalam bahasa Jepun. Kursus pendek bahasa Jepun untuk guru telah dijalankan dengan meluas. Sekolah Melayu dan sekolah Tamil terus wujud seperti sebelum perang. Sekolah Cina tidak dapat terus dibuka di peringkat awal, mungkin kerana sukatan pelajarannya terlampau berhaluankan ke China dan dipengaruhi oleh faham kebangsaan China.

Sekolah Jepun

Pada mulanya semua sekolah berjalan dengan baik. Di sekolah Jepun, murid-murid telah dapat menguasai bahasa Jepun dengan agak cepat. Nyanyian dan muzik menjadi satu mata pelajaran yang diutamakan di sekolah. Pada keseluruhannya lagu-lagu

yang diajar ialah lagu Jepun. Lagu kebangsaan Jepun yang bernama *Kimigayo* diajar kepada semua penduduk Tanah Melayu. Setiap pagi di sekolah, murid-murid dimestikan menyanyikan lagu *Kimigayo* dan tunduk hormat kepada Maharaja Jepun, iaitu ke arah matahari terbit. Di sesetengah sekolah pula, acara menaikkan bendera Jepun diadakan setiap hari dan murid-murid dimestikan menyanyi lagu bendera Jepun iaitu *Umiyukaba*. Latihan jasmani merupakan satu mata pelajaran yang ditekankan. Murid-murid melakukan senaman setiap hari, kadang-kadang dibawa berlari sejauh berbatu-batu. Di sesetengah sekolah pula, diajar gusti Jepun iaitu Sumo, dan bermain pedang Jepun yang bernama Kendo. Pertanian juga dianggap penting. Biasanya di sekolah Inggeris sebelum perang dahulu, murid-murid tidak diajar berkebun tetapi di sekolah Jepun mereka dikehendaki berkebun. Kadang-kadang sebahagian daripada padang permainan sekolah dijadikan kebun.

Di sekolah rendah, murid-murid diajar tulisan Jepun yang dikenali sebagai *Katakana*. Apabila mereka telah pandai menulis *Katakana*, mereka dilatih pula dengan tulisan *Hirakana*. Di peringkat tinggi, murid-murid diajar tulisan *kanji* iaitu tulisan Jepun yang hampir serupa dengan tulisan Cina. Dari segi mata pelajaran seperti Sejarah, Ilmu Alam dan Ilmu Hisab, proses penjepunan tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana kerajaan Jepun tidak mempunyai wang dan masa yang cukup bagi menyediakan buku dan guru yang terlatih. Sebenarnya mulai dari pertengahan tahun 1944, boleh dikatakan semua sekolah telah merosot. Buku dan alat tulis sukar didapati, dan ramai murid yang berhenti.

Namun demikian, dalam masa yang singkat itu, Jepun bolehlah dikatakan telah berjaya menanamkan semangat Jepun. Semangat Jepun ini telah menjadikan seseorang murid itu cergas, rajin, tegas dan

berani. Mereka telah menjadi seorang bakal pejuang yang boleh diharap, sikap berdikarinya kuat dan bersedia menghadapi halangan. Biasanya murid-murid ini bersikap baik terhadap Jepun.

Menghapuskan Pengaruh Barat

Jepun telah berusaha untuk menghapuskan pengaruh Barat, khususnya Britain dan Amerika Syarikat di Tanah Melayu. Selain melalui pelajaran, Jepun telah mengambil beberapa langkah yang lain. Pada bulan Ogos 1942, Pemerintahan Tentera Tanah Melayu telah mengharamkan penggunaan radio gelombang pendek. Langkah ini juga diharapkan akan melumpuhkan kegiatan mengintip yang anti-Jepun. Pada bulan September 1943, filem-filem yang dikeluarkan oleh musuh Jepun telah dilarang tayangannya. Pada bulan Ogos 1944 penduduk Tanah Melayu tidak dibenarkan mendengar muzik Barat. Pada bulan Oktober 1944, tempat menari bagi orang ramai telah ditutup. Semasa sebelum Jepun dahulu, banyak taman hiburan telah didirikan di Tanah Melayu dan boleh dikatakan dalam setiap taman hiburan ini ada tempat menari. Selain itu, Jepun juga telah membenarkan penduduk Tanah Melayu menjadi ahli kelab kenamaan yang dahulunya terhad kepada orang Barat sahaja. Tujuan Jepun mengambil langkah ini ialah menunjukkan buruknya unsur-unsur kebudayaan Barat dan angkuhnya sikap orang Barat. Sebaliknya Jepun cuba membuktikan unsur-unsur kebudayaan mereka luhur dan mereka menganggap orang Asia sama taraf, baik yang Jepun ataupun bukan. Kerajaan Jepun memang selalu menggunakan cogan kata 'Asia untuk orang Asia' sebagai daya penarik supaya orang Asia yang bukan Jepun akan bekerjasama dengannya.

Ekonomi

Usaha Jepun untuk mendapatkan kerja-

sama daripada penduduk Tanah Melayu pada umumnya cuma berjaya di peringkat awal sahaja. Ada orang yang menolong Jepun kerana mereka mengharapkan kebebasan politik yang lebih daripada Jepun; juga kerana Jepun adalah satu bangsa Asia yang telah dapat menunjukkan kebolehannya dengan mengalahkan Britain, satu kuasa Barat yang kuat; ada yang menolong untuk mendapatkan perlindungan bagi diri dan keluarganya; ada pula yang cuba mendapatkan kesenangan hidup; dan ada pula yang bekerjasama kerana dipaksa oleh Jepun. Kecuali dua kumpulan yang terakhir iaitu yang mencari keuntungan dan yang terpaksa, kumpulan yang lain telah hilang kepercayaan kepada Jepun semakin lama Jepun menduduki Tanah Melayu. Ini disebabkan Jepun kurang menepati janji. Misalnya, cogan kata 'Asia untuk orang Asia' dan dasar hendak mendirikan 'Kawasan Kemakmuran Bersama' tidak begitu terlaksana. Tanah Melayu telah dijadikan tanah jajahan, empat negeri Melayu di utara diserahkan kepada Negara Thai dan keadaan kehidupan telah menjadi lebih buruk lagi.

Getah dan Bijih Timah

Hasil utama bagi kekayaan Tanah Melayu sebelum perang ialah getah dan bijih timah. Selepas menawan Tanah Melayu, Jepun mahu memeras bahan-bahan ini tetapi dalam masa yang sama, ia masih menghadapi peperangan di tempat lain. Jadi usaha membangunkan ekonomi tidak dapat dijalankan dengan pesat. Banyak kapal korek bijih timah telah dimusnahkan oleh pihak British sebelum ia berundur ke Singapura. Tindakan pihak British ini menyulitkan lagi pembangunan ekonomi Tanah Melayu. Selain itu, getah dan bijih timah sukar hendak dihantar ke negara Jepun kerana kapal selam Pihak Berikat telah menenggelamkan kapal-kapal-Jepun yang cuba membawa bahan mentah dari Asia

Tenggara ke Jepun. Dengan tiadanya hasil getah dan bijih timah, maka ekonomi Tanah Melayu telah merosot.

Oleh kerana dasar penjajah British ialah menentukan kepentingan ekonomi mereka, maka mereka telah menumpukan usaha kepada getah dan bijih timah. Beras yang menjadi makanan utama penduduk Tanah Melayu juga tidak begitu digalakkan penanamannya. Semasa sebelum perang, kita banyak membeli beras dari Burma dan Negara Thai. Apabila Perang Dunia Kedua meletus, hubungan Tanah Melayu dengan Burma dan Negara Thai telah menjadi sukar. Getah dan bijih timah yang ada pun tidak dapat diusahakan kerana kerajaan British tidak menggalakkan wujudnya kilang-kilang bagi memproses bahan mentah ini. Getah dan bijih timah lazimnya dihantar ke Britain, seterusnya diproses di kilang-kilang di sana, kemudian barulah dieksporth ke Tanah Melayu. Jadi, getah dan bijih timah dari tanah air kita digunakan oleh kerajaan British untuk memberi kerja kepada buruh di Britain serta keuntungan kepada pengusaha kilangnya dan kapal British yang membawa bahan mentah ini ke Britain. Kemudiannya, Britain mengeksport bahan mentah ini ke negara lain.

Pasar Gelap

Apabila getah dan bijih timah tidak lagi memberi keuntungan, beras sukar didapati, kilang-kilang seperti kilang kain, alat tulis dan barang makanan tidak wujud, dan kerajaan Jepun tidak pula dapat mengimport barang keperluan rakyat dengan kadar yang sederhana pun, maka timbulah berbagai-bagai kekurangan. Dengan berkurangnya bekalan barangan ini, maka harganya pun naik. Tetapi gaji pekerja tidak dinaikkan mengikut kenaikan harga barang. Peniaga-peniaga menyorokkan barang-barang. Tentera Jepun pula me-

nyimpan beras, minyak dan barang keperluan yang lain untuk kepentingan peperangan. *Kaisha* atau kedai kompeni Jepun yang besar pun tidak mempunyai barang yang mencukupi. Akhirnya, timbullah pasar gelap atau kegiatan menyorok barang. Sebagai contoh, harga beras Siam di Kuala Lumpur pada tahun 1941 ialah 6 sen sekati. Pada akhir tahun 1943 harganya dalam pasar gelap telah meningkat menjadi \$3.00 sekati dan pada akhir tahun 1944, lebih kurang \$10.00 sekati, mengikut wang Jepun yang lebih dikenali sebagai 'duit pisang' atau 'wang pisang'. Gelaran ini disebabkan wang Jepun yang dikeluarkan oleh Pemerintahan Tentera Tanah Melayu itu mempunyai gambar pokok pisang. Nilai mata wang Jepun jatuh akibat daripada berlakunya inflasi.

Penderitaan Rakyat

Oleh kerana beras sukar diperolehi dan kalau ada pun harganya begitu mahal, maka kebanyakan penduduk Tanah Melayu terpaksa memakan ubi kayu atau keledak. Harga daging, gula pasir, ubat-ubat, kain baju dan berbagai-bagai lagi barang keperluan harian naik melambung tinggi, sungguhpun pihak Jepun cuba membuat cutuan. Selain pasar gelap, keadaan ekonomi yang meruncing ini juga telah menggalakkan rasuah kerana gaji pekerja tidak mencukupi, nilai mata wang Jepun jatuh dan keluarga perlu diberi makan dan pakaian. Di samping itu, ada pula yang meninggalkan kerjanya dan pergi berkebun atau bersawah ke luar bandar. Orang yang berniaga semasa pemerintahan Jepun pula semata-mata memikirkan keuntungan sahaja dan tidak memikirkan tentang kesusahan serta penderitaan orang lain.

Dalam pada itu, keadaan ekonomi yang sungguh buruk ini juga memaksa penduduk Tanah Melayu supaya lebih menggunakan daya ciptanya. Dengan itu tim-

bullah misalnya tayar mati, kasut getah dan lori arang. Tayar mati ialah tayar yang tidak mempunyai tiub, ia merupakan getah padat yang berbentuk seperti tayar. Kasut getah pula dibuat daripada getah keping, dan dilekatkan dengan gam. Lori arang ialah kenderaan yang menggunakan kuasa wap hasil daripada air yang dimasak dengan api arang. Lori arang ini mempunyai satu silinder besi yang digunakan sebagai dapur dan periuk memasak air. Lori ini terpaksa menggunakan kuasa wap kerana minyak petrol sangat sukar didapati dan terlampau mahal. Perusahaan ekonomi tradisional juga telah diusahakan semula pada masa pendudukan Jepun, misalnya membuat minyak kelapa, gula kelapa, rokok daun dan kain benang nanas.

Wabak Penyakit

Kekurangan barang makanan dan ubat menyebabkan penduduk Tanah Melayu lebih terdedah kepada penyakit. Akibat terlampau banyak memakan ubi kayu dan kurang memakan daging, ramai daripada golongan miskin yang menghidap sakit sembab. Penyakit ini menyebabkan orang yang menghidapnya terdapat bengkak-bengkak di muka dan badannya. Selain itu, ramai penduduk Tanah Melayu yang menghidap penyakit berjangkit yang berbahaya.

Jalan Kereta Api Maut

Sungguhpun Tanah Melayu telah ditakluki oleh Jepun tetapi peperangan dengan pihak British dan Amerika Syarikat terus berlaku di Kepulauan Pasifik, New Guinea dan sempadan Burma-India. Pada masa itu kerajaan Jepun bercita-cita menakluki India. Bagi mencapai matlamat ini, pihak Jepun telah menjalankan berbagai-bagai usaha. Satu daripadanya ialah membina jalan kereta api dari Negara Thai hingga ke sempadan Burma dengan India. Jepun ber-

harap, jika ia dapat membina jalan kereta api ini, maka senanglah membawa tentera, senjata dan makanan untuk menyerang India.

Jalan kereta api ini terpaksa dibuat merentas hutan belantara dan beberapa sungai. Rancangan Jepun ini adalah satu perkara yang sukar. Namun demikian, Jepun memerlukan jalan kereta api ini dan ianya perlu disiapkan dengan segera. Pihak Jepun mengambil keputusan menggunakan orang tawanan perang sebagai buruh membina jalan kereta api ini. Beribu-ribu tentera Britain, Australia dan lain-lain lagi yang telah ditawan oleh Jepun telah dihantar ke Negara Thai dan Burma untuk membina jalan kereta api tersebut. Selain orang tawanan perang, pihak Jepun juga telah mengambil orang awam untuk tujuan yang sama.

Orang awam ini telah diambil oleh Jepun melalui berbagai-bagai cara. Ada yang bekerja secara sukarela, atau ditipu oleh Jepun dengan janji-janji yang lumayan dan ramai pula yang diambil dengan paksa. Hingga bulan Jun 1943, lebih daripada 70 000 orang awam dari Tanah Melayu telah dihantar ke Negara Thai dan Burma untuk menjadi buruh membina jalan kereta api ini. Mereka terpaksa menebas hutan tebal. Masa bekerja amat panjang dan makanan tidak mencukupi. Kebanyakan tentera Jepun yang menjaga pekerja jalan kereta api ini adalah ganas dan zalim. Orang yang sakit pun dipaksa bekerja. Kalau sudah sakit kuat dan tidak mampu berdiri lagi, maka pekerja itu dibiarkan mati. Beribu-ribu orang tawanan perang dan orang awam mati semasa membina jalan kereta api ini. Itulah sebabnya ia dinamakan jalan kereta api maut.

Keadaan Politik

Pendudukan Jepun telah membawa beberapa perubahan dan akibat yang penting

terhadap Tanah Melayu. Khususnya terhadap bumiputera, orang Cina dan India. Namun demikian, ada beberapa perkembangan pada masa itu yang memberi kesan secara menyeluruh.

Kekalahan pihak British dan kemenangan Jepun, biarpun tidak lama, telah menyedarkan penduduk Tanah Melayu bahawa kalau orang Asia diberi peluang, maka bukan sahaja mereka boleh maju seperti orang Barat, malahan boleh mengalahkan mereka. Kuasa British khususnya, dan kuasa-kuasa Barat yang lain, tidak lagi dianggap tinggi seperti sebelum Perang Dunia Kedua. Kesedaran ini telah memupuk semula dan memperkuatkan semangat kebangsaan. Faham kebangsaan Melayu dan India berkembang dengan cara terbuka. Sokongan Jepun kepada perkembangan faham kebangsaan Melayu bertukar mengikut masa. Semasa Jepun hendak menyerang Tanah Melayu dan di peringkat awal pendudukannya, Jepun telah meniupkan api faham kebangsaan Melayu kerana Jepun memerlukan pertolongan orang Melayu, khususnya Kesatuan Melayu Muda. Apabila Jepun sudah mula bertapak di Tanah Melayu, ia cuba menyekat perkembangan faham kebangsaan Melayu kerana takutkan orang Melayu akan menuntut kemerdekaan. Tetapi apabila Jepun telah hampir kalah, ia menggalakkannya pula kerana mengharapkan pertolongan orang Melayu untuk menentang kemungkinan kembalinya pihak British. Jepun telah melayan orang India dengan baik jika dibandingkan dengan layanannya kepada orang lain. Jepun mendorong orang India berpolitik, tetapi politik untuk membebaskan India daripada kerajaan British. Faham kebangsaan Cina pula berkembang akibat daripada sikap anti-Jepun kerana Jepun telah menyerang China dan juga Jepun telah bersikap kasar terhadap orang Cina di Tanah Melayu.

Oleh kerana keperluan peperangan, Jepun

tidak mempunyai cukup pegawai bagi memegang semua jawatan yang dahulunya dikendalikan oleh pegawai British. Jadi, penduduk Tanah Melayu berpeluang menyandang jawatan yang semasa zaman British dahulu dipegang oleh orang British sahaja. Dengan cara ini, penduduk Tanah Melayu merasakan bahawa mereka juga boleh mentadbir negara jika diberi peluang. Sikap percaya kepada diri sendiri bertambah meningkat.

Dasar penjajahan British yang terlampau menekankan kepentingan ekonomi Britain adalah dianggap sebagai satu daripada faktor utama yang menyebabkan rakyat Tanah Melayu menderita semasa Pendudukan Jepun. Ini menyedarkan penduduk Tanah Melayu tentang buruknya penjajahan. Faktor ini serta dengan propaganda Jepun yang mengatakan 'Asia untuk orang Asia' telah dapat menyebar dan menguatkan perasaan antipenjajahan yang selalunya disamakan dengan anti-Barat.

Rahmat yang Terselindung

Bagi kebanyakan orang Melayu, pendudukan Jepun merupakan satu rahmat yang terselindung. Pendudukan Jepun telah menimbulkan kesedaran politik yang agak hebat. Sebagaimana yang telah dinyatakan lebih awal lagi, Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ibrahim bin Yaakob, telah pun membuat hubungan dengan kerajaan Jepun sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu. Tujuan Kesatuan Melayu Muda ialah untuk mendapatkan hak-hak politik yang lebih banyak daripada yang diperolehi di bawah pemerintahan British. Semasa Jepun menyerang Tanah Melayu, ada ahli-ahli Kesatuan Melayu Muda yang menolong Jepun semasa menawan Singapura. Apabila pihak British menyerah kalah, anggota-anggota Kesatuan Melayu Muda yang telah dipenjarakan oleh kerajaan British di

Singapura telah dibebaskan. Ahli Kesatuan Melayu Muda yang mengikut tentera Jepun ke Singapura dengan yang baru dibebaskan dari penjara, telah cuba memperkuatkan kedudukan politik orang Melayu. Kesatuan Melayu Muda telah menyelamatkan ramai anggota Askar Melayu dan Pasukan Sukarela Tanah Melayu yang telah ditawan oleh Jepun. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda juga telah meminta pihak tentera Jepun supaya jangan mengganggu orang Melayu. Dalam pada itu, Pemerintahan Tentera Tanah Melayu bertujuan menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan. Harapan Kesatuan Melayu Muda untuk mendapatkan hak-hak politik yang lebih luas tidak begitu dilayan oleh Jepun. Namun demikian, Kesatuan Melayu Muda masih mendapat kedudukan yang istimewa. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda mula kurang percaya kepada Jepun dan telah membuat hubungan dengan Parti Komunis Malaya. Pihak Jepun pula tidak mahu Kesatuan Melayu Muda bergiat cergas membangkitkan faham kebangsaan Melayu apabila Jepun sudah bertapak di Tanah Melayu. Tetapi pihak Jepun masih memerlukan pertolongan Kesatuan Melayu Muda kerana Jepun belum dapat menilai sokongan orang Melayu dari golongan bangsawan yang dianggapnya lebih mirip kepada pihak British. Akhirnya pada bulan Jun 1942, pihak Jepun telah melarang Kesatuan Melayu Muda bergiat cergas.

Penubuhan PETA

Sungguhpun begitu pemimpin Kesatuan Melayu Muda tidaklah berdiam diri. Ibrahim bin Yaakob telah diminta oleh Jepun menubuhkan 'Badan Penasihat Bumiputera pada Pemerintah Tentera Jepun bagi Tanah Melayu dan Sumatera'. Pada tahun 1943, Jepun telah membentuk satu pasukan Melayu yang separuh tentera bernama Pembela Tanahair (PETA) ataupun dalam

bahasa Jepunnya, *Giyu Gun*. Ibrahim bin Yaakob dilantik menjadi ketua dengan berpangkat Leftenan Kolonel. Di peringkat ini, orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun bertujuan menggunakan peluang yang diberi oleh Jepun untuk melatih orang Melayu dalam bidang ketenteraan supaya dapat menjaga kepentingan Melayu kalau diperlukan. Mereka sedar bahawa anggota-anggota gerakan anti-Jepun Parti Komunis Malaya kebanyakannya terdiri daripada orang Cina.

Jaminan Kemerdekaan

Sementara itu, kerajaan Jepun mula sedar bahawa kedudukannya sudah tidak kukuh lagi. Pihak Berikat telah mula mencapai kemenangan. Jepun terpaksa memikirkan cara-cara untuk menentang kemungkinan kembalinya Pihak Berikat. Kalau pada pertengahan tahun 1942, pihak Jepun memberhentikan kegiatan Kesatuan Melayu Muda, dua tahun kemudiannya ia mula memikirkan bagaimana hendak mendapat pertolongan daripada orang Melayu. Perlu diingat pada masa inilah juga pihak Jepun memberi layanan yang agak lebih baik kepada sultan-sultan dengan harapan mendapat kerjasama daripada mereka dan untuk menarik minat orang India supaya menolong Jepun. Selain itu, Jepun cuba menggalakkan orang Melayu bergiat dalam politik dengan tujuan hendak memberi kemerdekaan. Rancangannya ialah hendak memerdekakan Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia. Jepun mengharapkan jika orang Melayu dijanjikan atau diberi kemerdekaan, mereka akan bersedia menentang pihak British sekiranya kembali demi mempertahankan kebebasan politik mereka.

Penubuhan KRIS

Ibrahim bin Yaakob telah diminta mem-

buat persediaan. Pada bulan Juli 1945, satu badan politik telah ditubuhkan dan diberi nama Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS). Tujuan KRIS ialah membangkitkan kesedaran di kalangan orang Melayu bahawa mereka adalah sebahagian daripada Indonesia Raya. KRIS telah merancang mesyuarat pertamanya pada 17 dan 18 Ogos 1945. Beberapa hari sebelumnya, Ibrahim bin Yaakob telah berjumpa dengan Ir. Sukarno dan Dr. Mohd. Hatta di Taiping. Sukarno dan Hatta sedang dalam perjalanan balik dari Saigon selepas mereka berjumpa dengan Panglima Tentera Jepun bagi kawasan Selatan (Asia Tenggara). Dalam perjumpaan itu, Jepun telah bersetuju supaya Indonesia diberi kemerdekaan. Menurut Ibrahim bin Yaakob dalam pertemuannya dengan Sukarno dan Hatta, mereka telah membuat persetujuan supaya kemerdekaan bersama Indonesia dan Tanah Melayu diisytiharkan. Tetapi, rancangan ini tidak dapat dijayakan kerana Pihak Berikat telah memaksa Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945. Oleh kerana itu, rancangan kemerdekaan bersama Indonesia dan Tanah Melayu tidak dapat dilaksanakan kerana Indonesia terpaksa mengisytiharkan kemerdekaannya lebih awal lagi, iaitu pada 17 Ogos 1945, dengan tidak memasukkan Tanah Melayu. Namun demikian, pemimpin-pemimpin Melayu yang telah datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat KRIS, telah bersidang dengan cara tidak rasmi pada petang 17 Ogos itu. Menurut satu sumber, mereka membuat keputusan untuk meneruskan perjuangan bagi mencapai matlamat KRIS.

Kegiatan Orang Keturunan India

Orang India bukan sahaja telah digalakkan berpolitik, malahan pihak Jepun telah mendorong penubuhan Liga Kemerdekaan India. Pada bulan Mei 1942, Rash Behari

Bose, seorang pejuang kebangsaan India yang telah lama bermastautin di Jepun, telah dibawa oleh pihak Jepun ke Tanah Melayu untuk menguatkan faham kebangsaan India. Pada bulan Jun 1942, R.B. Bose telah mengadakan persidangan dengan wakil-wakil Liga Kemerdekaan India dari seluruh Asia Timur di Bangkok. Persidangan ini telah mengumpulkan ramai pejuang kemerdekaan India dan memberikan semangat perpaduan dan keyakinan di kalangan mereka. Sungguhpun demikian, beberapa orang pemimpin Liga Kemerdekaan India kurang percaya terhadap tujuan Jepun yang sebenarnya. Malahan R.B. Bose juga dicurigai kerana beliau dianggap sangat rapat dengan Jepun dan isterinya pun orang Jepun.

Terdahulu dari ini, telah dinyatakan bahawa pihak Jepun cuba memujuk askar India yang berkhidmat dengan tentera British supaya meninggalkan perkhidmatan mereka. Sebenarnya, Mejar Fujiwara, ketua pengintip Jepun dalam hal India di Tanah Melayu dan Sumatera pada masa itu, telah berjaya menarik minat orang India di Bangkok. Salah seorang daripadanya bernama Pritam Singh. Beliau dan kawannya telah membuat hubungan dengan orang keturunan India di Tanah Melayu. Menerusi hubungan ini, Fujiwara dan Pritam Singh telah dapat mempengaruhi orang India yang berkhidmat sebagai tentera British supaya bekerjasama dengan pihak Jepun. Sebagai contoh, satu kumpulan tentera British yang dianggotai hampir keseluruhannya oleh orang India, boleh dikatakan telah terkepong di Alor Setar. Fujiwara dan Pritam Singh telah dapat meyakinkan askar India itu supaya bekerjasama dengan Jepun. Salah seorang daripada askar India itu ialah Kapten Mohan Singh. Fujiwara juga cuba mengalih perhatian Mohan Singh dan askar India kepada pembebasan India daripada penjajahan British. Mohan Singh dan

rakannya telah dapat diyakinkan. Peristiwa ini bolehlah dianggap sebagai benih pertama kepada penubuhan Tentera Kebangsaan India.

Apabila tentera British di Tanah Melayu menyerah kalah di Singapura pada 15 Februari 1942, askar India yang berkhidmat dengan tentera British turut menyerah diri kepada Jepun dan ianya dibuat berasingan daripada tentera British yang berasal dari Britain atau Australia. Daripada seramai 55 000 askar India yang menyerah diri itu, 40 000 askar India itu mengumumkan yang mereka tidak lagi berkhidmat dengan tentera British, tetapi sebaliknya menjadi anggota Tentera Kebangsaan India di bawah pimpinan Kapten Mohan Singh. Tetapi kegiatan Tentera Kebangsaan India tidaklah begitu cergas kerana beberapa orang pegawai India merasakan bahawa Mohan Singh mungkin tidak dapat mempertahankan kepentingan India dengan tegas.

Dalam pada itu, seorang pejuang politik India yang telah melarikan diri dari India ke Jerman pada tahun 1938, telah diminta oleh Jepun mengendalikan perjuangan membebaskan India. Nama pejuang itu ialah Subhas Chandra Bose. Jepun telah membawa beliau ke Singapura pada bulan Julai 1943 untuk menguatkan Tentera Kebangsaan India. Tiga bulan kemudian, S.C. Bose telah menubuhkan kerajaan Azad Hind (India Bebas) di Singapura. Beliau telah memberi nafas baru kepada kegiatan memerdekakan India. Tentera Kebangsaan India merasakan bahawa S.C. Bose boleh memimpinnya dengan berkesan. Ramai orang India telah menganggotai Tentera Kebangsaan India. Selain itu, S.C. Bose telah menubuhkan cawangan wanita dalam Tentera Kebangsaan India dengan nama Regimen Ranee Jhansi. S.C. Bose menggunakan cogan kata yang menarik untuk pejuang India iaitu *Chalo Delhi* yang bermakna 'Mara ke Delhi'.

Kerajaan Azad Hind

Seruan *Chalo Delhi* ini menjadi seperti ucapan salam di kalangan orang India di Tanah Melayu pada masa itu. S.C. Bose mara setapak lagi dalam usahanya membebaskan India daripada kerajaan British dengan menubuhkan Kerajaan Sementara India Bebas yang lebih dikenali dengan nama Kerajaan Azad Hind pada bulan Oktober 1943. Kerajaan Azad Hind ini berpusat di Singapura. Pada awal tahun 1944, Tentera Kebangsaan India berserta dengan tentera Jepun telah bergerak ke sempadan India-Burma untuk memerangi pihak British di India tetapi tidak berjaya. Apabila Jepun menyerah diri pada 15 Ogos 1945, kerajaan Azad Hind dan Tentera Kebangsaan India bubar dengan sendirinya.

Kegiatan Liga Kemerdekaan India, Tentera Kebangsaan India dan Kerajaan Azad Hind hendak memerdekakan India daripada pemerintahan British telah mengha-luankan minat kebanyakan orang India di Tanah Melayu ke arah politik India. Faham kebangsaan India di kalangan mereka bertambah kuat dan ini telah menyukarkan usaha Kerajaan Tanah Melayu kemudiannya hendak menyatupadukan penduduk Tanah Melayu.

Kegiatan Orang Keturunan Cina

Peperangan di antara Jepun dan China yang bermula sejak tahun 1937 telah membangkitkan perasaan anti-Jepun di kalangan orang Cina di Tanah Melayu. Sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu, orang Cina di sini kebanyakannya telah terlibat dalam gerakan anti-Jepun, baik dari segi menderma wang kepada kerajaan China ataupun memulaukan barang buatan Jepun. Kegiatan orang Cina ini memang diketahui oleh Jepun melalui surat khabar dan pengintip Jepun. Jadi, apabila Jepun menyerang Tanah Melayu, kebanyakan orang Cina telah dilayan dengan kasar oleh

Jepun. Secara kebetulan pula orang Cina merupakan penduduk bandar dan di bandarlah tentera Jepun ramai berkumpul dan bertindak dengan ganas. Apabila Jepun mara dengan cepat ke Singapura, ramai orang Cina di Singapura yang menolong pihak British dan sesetengahnya menjadi sukarelawan dan diberi senjata oleh pihak British. Selain perasaan bermusuhan yang memang telah wujud, kegiatan menentang Jepun yang dibuat oleh sukarelawan Cina menyebabkan Jepun bersikap lebih kejam terhadap orang Cina. Selepas tentera British menyerah kalah, tentera Jepun telah membunuh ramai orang Cina dengan tidak menentukan mereka bersalah atau tidak. Kemudian, pihak Jepun telah memaksa orang Cina di Tanah Melayu memberi 'derma' sebanyak \$50 juta kepada Jepun.

Semua peristiwa ini telah memperkuat faham kebangsaan Cina. Tentangan orang Cina terhadap Jepun merupakan lanjutan politik China dan bukan kerana rasa taat setia kepada Tanah Melayu. Jadi, sebagaimana yang telah berlaku kepada orang India, usaha untuk mengubah sikap dan kesetiaan orang Cina selepas Perang Dunia Kedua menghadapi kesukaran.

Parti Komunis Malaya dan Bintang Tiga

Dalam pada itu, Parti Komunis Malaya telah mengambil peluang menggunakan perasaan anti-Jepun, khususnya di kalangan penduduk Cina. Parti Komunis Malaya telah menubuhkan Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu. Keanggotaannya terbuka kepada semua penduduk Tanah Melayu. Topi yang dipakai oleh Tentera Anti-Jepun ini mempunyai tiga bintang yang dianggap mewakili orang Melayu, Cina dan India. Tentera ini juga lebih dikenali sebagai askar Bintang Tiga. Oleh kerana semasa pendudukan Jepun, pertu-

buhan yang teratur dan kuat untuk menentang Jepun ialah Bintang Tiga yang dikendalikan oleh Parti Komunis Malaya, maka ramai orang Cina, yang tidak pun bersimpati dengan faham komunis, telah menganggotai Bintang Tiga kerana mereka bencikan Jepun. Jadi, satu lagi kesan pendudukan Jepun yang penting ialah menguatkan Parti Komunis Malaya.

Usaha Jepun hendak menentang Bintang Tiga membawa kesan yang buruk. Kebanyakan anggota polis Jepun ialah orang Melayu. Apabila Jepun hendak menghapuskan Bintang Tiga, orang Melayu yang menjadi polis Jepun diarah melakukannya. Jadi, sebenarnya pertentangan antara Jepun dan Bintang Tiga, telah merupakan pertikaian orang Melayu dengan orang Cina kerana dalam pasukan polis Jepun, ramai orang Melayu dan dalam Bintang Tiga kebanyakannya orang Cina. Dengan itu, hubungan orang Melayu dan orang Cina menjadi tegang.

Satu perkara yang perlu diingat ialah bukan semua orang Melayu menyokong Jepun atau semua orang Cina menentang Jepun. Dalam pasukan Bintang Tiga pun ada orang Melayu, sungguhpun sedikit sahaja. Ada juga orang Cina yang bekerja dengan Jepun, terutama dalam Kempeitei iaitu polis sulit yang sangat ditakuti oleh penduduk Tanah Melayu. Kempeitei mempunyai kuasa yang besar dan kadangkala menangkap sesiapa sahaja tanpa usul periksa. Kempeitei juga terkenal dengan cara-cara menyeksa orang yang sangat mengerunkan. Selain Bintang Tiga, ada beberapa pertubuhan lain yang menentang Jepun. Satu daripadanya ialah Pasukan 136. Anggota pasukan ini kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu. Mereka telah diberi latihan tentera di India, kemudian dihantar oleh Pihak Berikat ke Tanah Melayu untuk menentang Jepun. Selain itu, terdapat dua lagi kumpulan yang menentang Jepun iaitu Askar Melayu Setia dan

Wataniah. Kedua-dua pasukan ini dianggotai oleh orang Melayu. Mereka juga menerima bantuan daripada Pasukan 136. Di samping itu, ada satu lagi pasukan yang bergelar Bintang Satu. Pasukan ini terdiri daripada orang Cina yang bersimpati dengan pihak China Kebangsaan atau Kuomintang tetapi anggotanya tidak ramai dan kegiatannya juga tidak secerdas Bintang Tiga.

Pendudukan Jepun bukan sahaja telah membawa beberapa pengalaman pahit kepada penduduk Tanah Melayu tetapi ia juga telah memberi faedah tertentu. Satu daripadanya ialah kesedaran politik yang agak meluas di kalangan orang Melayu. Dengan keinsafan ini, orang Melayu telah dapat menentang dengan berkesan percubaan kerajaan British hendak menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan dan menghapuskan kedaulatan sultan-sultan Melayu mengikut rancangan Kesatuan Tanah Melayu atau Malayan Union.

Sabah dan Sarawak

Semasa Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, Sabah yang ketika itu lebih dikenali dengan Borneo Utara adalah di bawah pemerintahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Namun demikian, Sabah dinaungi oleh kerajaan British. Sarawak pula dikuasai oleh keluarga Brooke dan juga berada di bawah naungan kerajaan British.

Rancangan Order Baru Jepun turut meliputi Sabah dan Sarawak. Pada bulan Disember 1941, Sarawak telah diserang oleh Jepun. Pemerintahan Brooke di Kuching telah menyerah kalah pada 24 Disember 1941. Pada 1 Januari 1942, Jepun telah mendarat di Labuan. Boleh dikatakan tentera Jepun tidak menghadapi tentangan yang berkesan sama ada di Sarawak ataupun Sabah. Pada 19 Januari 1942, Sandakan telah ditawan oleh Jepun dan Kompeni

Berpiagam Borneo Utara pun menyerah diri.

Jepun meletakkan Sabah dan Sarawak di bawah satu pentadbiran yang diketuai oleh seorang Gabenor-Jeneral yang beribu pejabat di Kuching. Sabah ditadbir di bawah dua bahagian iaitu timur dan barat. Tiap-tiap satu bahagian dikendalikan oleh seorang Gabenor. Sarawak pula dibahagikan kepada tiga bahagian. Kerajaan Jepun telah menukar nama beberapa buah bandar, contohnya Labuan menjadi Maeda shima, Jesselton ditukar kepada Api dan Sandakan menjadi Elopura. Pusat pentadbiran di Kuching telah dipindahkan ke Sapong di Sabah, selepas Pemberontakan 10:10 berlaku di Sabah pada tahun 1943. Nama pemberontakan ini mengambil sempena tarikh 10 Oktober iaitu hari kebangsaan kerajaan China Kuomintang.

Kedadaan ekonomi dan kemasyarakatan di Sabah dan Sarawak semasa pendudukan Jepun adalah hampir sama dengan yang terdapat di Tanah Melayu. Bahan mentah seperti lada hitam, getah dan kayu balak tidak dapat diekspor dan barang keperluan seperti beras, kain baju, alat tulis dan ubat-ubatan tidak dapat dibawa masuk, terutamanya sekali selepas tahun 1942. Kebanyakan rakyat telah mengalami penderitaan hidup.

Pemerintahan Jepun juga kejam. Semua ini menyebabkan rakyat tidak berpuas hati. Gerakan anti-Jepun bermula dengan lebih meluas terutamanya di Sabah. Di antara tokoh yang terlibat ialah Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, Albert Kwok, Musah dan Panglima Ali. Salah satu daripada kumpulan penentang Jepun yang kuat dikenali sebagai Gerila Kinabalu. Albert Kwok yang memimpin gerakan ini telah melakukan pemberontakan pada malam 9 Oktober 1943 yang dikenali sebagai Pemberontakan 10:10. Sungguhpun kumpulan ini telah dapat menawan Jesselton, Inanam, Tuaran dan beberapa pekan

lagi tetapi tentera Jepun telah berjaya mengambil semula tempat ini.

Sungguhpun Tanah Melayu telah diambil semula oleh tentera British, tetapi Sabah dan Sarawak telah ditawan oleh tentera Australia dengan bantuan tentera Amerika. Pada 10 Jun 1945 tentera Australia telah mendarat di Labuan tetapi tentera Jepun cuma menyerah diri secara rasmi pada bulan September 1945.

Pendudukan Jepun telah memberi pe-

luang yang lebih luas kepada kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak untuk memegang jawatan yang tinggi. Kegiatan politik di kalangan kaum bumiputera tidaklah sehebat di Tanah Melayu. Salah satu perkara yang menarik ialah kegiatan anti-Jepun dilaksanakan bersama di antara kaum bumiputera dengan orang bukan bumiputera. Oleh itu, selepas Jepun kalah, perasaan perkauman tidaklah begitu ketara di Sabah dan Sarawak.

Bab 19

Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya dan Kelahiran UMNO

Perang Dunia Kedua telah membawa beberapa perubahan penting kepada Tanah Melayu. Antara perubahan itu ialah penubuhan Kesatuan Tanah Melayu atau lebih dikenali namanya dalam bahasa Inggeris sebagai Malayan Union. Kesatuan Tanah Melayu merupakan cubaan kerajaan British hendak menukar taraf negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu daripada negeri-negeri yang bernaung kepada tanah jajahan. Sebagai negeri-negeri bernaung, kerajaan British tidak berkuasa penuh di negeri-negeri Melayu. Kerajaan British bertujuan menjadikan negeri-negeri Melayu seperti tanah jajahannya Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Britain hendak berkuasa penuh di Tanah Melayu dan kedaulatan Raja-Raja Melayu hendak dihapuskan. Rancangan Kesatuan Tanah Melayu (Malayan Union) merupakan satu perkara yang sangat penting dalam sejarah Malaysia. Perkara ini telah menukar cara orang Melayu berpolitik. Rancangan Malayan Union menyemarakkan lagi semangat kebangsaan orang Melayu. Ia telah menyatupadukan bangsa Melayu, sekurang-kurangnya buat beberapa ketika. Ia juga telah memulakan gerakan politik anti-British dengan cara terbuka.

Dari masa sebelum Perang Dunia Kedua lagi, kerajaan British memang berminat

hendak mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Misalnya kerajaan British cuba memujuk Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu menyertai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kerana Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah lebih dikuasai oleh kerajaan British. Tetapi Britain tidak berjaya. Jadi Perang Dunia Kedua ini seolah-olah memberi peluang kepada kerajaan British untuk menyatukan negeri-negeri di Tanah Melayu di bawah satu kerajaan pusat.

Rancangan Malayan Union sebenarnya telah mula difikirkan oleh Britain tidak lama selepas ia dikalahkan oleh Jepun di Singapura pada awal tahun 1942. Pada akhir tahun 1943, Setiausaha Negeri bagi Tanah Jajahan dalam kerajaan British telah mengemukakan satu memorandum kepada Kabinet Perang British mengenai masa depan Tanah Melayu. Memorandum itu mengutarakan sebab-sebab umum kenapa perubahan perlu dilakukan dalam perlembagaan Tanah Melayu selepas ditawan semula daripada Jepun. Kerajaan British menganggap Semenanjung Tanah Melayu sebagai satu kawasan penting dari segi keselamatan. Pada peringkat awal pendudukan Jepun di Tanah Melayu lagi, Britain memang telah menganggap bahawa mereka akan dapat menduduki Tanah

Melayu kembali.

Usaha-usaha untuk menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu telah dijalankan semasa Jepun menduduki Tanah Melayu. Kerajaan British telah menubuhkan satu Unit Perancangan Tanah Melayu pada bulan Julai 1943. Unit ini dianggotai oleh bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Jepun menguasai negara kita. Mula-mulanya unit ini cuma mempunyai enam orang pegawai. Apabila Britain merasakan ia akan menang, jumlah pegawai menjadi 40 orang pada awal tahun 1944. Semasa pegawai-pegawai ini menggubal perlembagaan Tanah Melayu, tiga memorandum telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah Jajahan. Satu daripada memorandum ini dikemukakan oleh Persatuan British Malaya dan satu lagi daripada mendiang Tan Cheng Lock yang pada masa itu berada di India. Beliau telah meninggalkan Tanah Melayu apabila Jepun datang. Memorandum yang ketiga dibuat oleh Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Britain.

Memorandum yang dikemukakan oleh Persatuan British Malaya mencadangkan supaya negeri-negeri Melayu, termasuk Seberang Perai dan Melaka, digabungkan di bawah satu pemerintahan. Pulau Pinang dan Singapura terus menjadi tanah jajahan British. Kemudiannya ada ahli-ahli Persatuan British Malaya mencadangkan supaya Pulau Pinang digabungkan dengan negeri-negeri Melayu. Penduduk Tanah Melayu hendaklah diberi peluang yang lebih dalam pemerintahannya dan mentadbir negara mereka. Persatuan ini juga menesyorkan supaya sebuah Majlis Mesyuarat dibentuk tetapi ahli-ahlinya dilantik oleh kerajaan British.

Memorandum Tan Cheng Lock juga mencadangkan supaya semua negeri Melayu termasuk Pulau Pinang, Melaka dan Singapura digabungkan dalam satu kesatuan atau persekutuan. Gabungan ini

ditadbirkan sebagai sebuah pemerintahan tidak terbahagi-bahagi seperti sebelum Perang Dunia Kedua. Penduduk Tanah Melayu hendaklah diberi hak berpolitik yang lebih luas. Beliau juga mengemukakan supaya sebuah Majlis Mesyuarat dibentuk dan majoriti ahlinya terdiri daripada ahli yang bukan rasmi.

Beberapa orang pelajar Melayu yang berada di Britain pada masa Perang Dunia Kedua telah berasa tidak puas hati tentang rancangan kerajaan British hendak mengemukakan satu perlembagaan baru Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Mereka telah menubuhkan sebuah Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu dan mengirinkan satu memorandum kepada kerajaan British pada 25 April 1944.

Mengikut draf memorandum pelajar-pelajar ini, mereka menentang percubaan kerajaan British hendak menukar taraf negeri-negeri Melayu daripada negeri naungan kepada tanah jajahan. Namun demikian, memorandum pelajar ini sedia menerima Penasihat British di tiap-tiap negeri Melayu dan menganggap Negeri-Negeri Selat sebagai tanah jajahan British. Memorandum ini juga mencadangkan supaya negeri-negeri Melayu itu digabungkan tetapi kedaulatan sultan-sultannya diiktiraf. Selain itu, memorandum itu meminta supaya pemberian hak kerakyatan Tanah Melayu tidak mengikut prinsip *jus soli*.

Dua perkara yang agak menarik dalam memorandum pelajar-pelajar Melayu itu ialah, ia berpendapat bahawa matlamat akhir bagi orang Melayu di Tanah Melayu dan di Indonesia ialah pergabungan Gusan Kepulauan Melayu. Gabungan yang dimaksudkan ialah penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia. Gabungan ini dikenali sebagai 'Melayu Raya'. Rancangan Melayu Raya ini pernah dikemukakan oleh Kesatuan Melayu Muda sebelum Perang Dunia Kedua. Kemudian, mereka mencadangkan supaya sebuah universiti Tanah

Melayu ditubuhkan. Kelulusan dalam bahasa Melayu diperlukan sebagai syarat untuk memasuki universiti ini.

Setakat mana memorandum-memorandum itu mempengaruhi kerajaan British, agak sukar hendak ditentukan sungguhpun ada beberapa persamaan antara kandungan memorandum itu dan perlembagaan Malayan Union.

Syarat-syarat Malayan Union

Perlembagaan Malayan Union menukar taraf negeri-negeri Melayu daripada negeri-negeri yang bernaung menjadi tanah jajahan British. Sebagai tanah jajahan, Britain akan berkuasa penuh di seluruh Tanah Melayu. Menerusi Malayan Union, Britain telah menghapuskan kedaulatan sultan-sultan Melayu. Britain telah mengambil alih kuasa sultan-sultan Melayu apabila Sir Harold MacMichael, seorang wakil khas kerajaan British, telah berjaya mendapatkan tandatangan sultan-sultan untuk menyerahkan kedaulatan mereka kepada Britain. MacMichael telah datang ke Tanah Melayu pada bulan Oktober 1945.

(Sebenarnya cara beliau mendapatkan tandatangan sultan-sultan ini boleh dipersoalkan kerana ada sultan yang diugut, misalnya Sultan Kedah. Selain itu, ada pula perjanjian menyerahkan kuasa yang telah ditandatangani oleh sultan-sultan ini yang tidak sah dari segi perlembagaan negeri.) Perlembagaan negeri Johor pada masa itu misalnya, tidak membenarkan sultan dengan cara bersendirian, menyerahkan negeri Johor kepada mana-mana kuasa luar. Fasal 15 dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor menyatakan,

"Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau iktihar hendak menyerahkan akan negeri atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa"

Tetapi oleh kerana kerajaan British kuat dan berkuasa, maka ia telah memaksakan Malayan Union kepada negara kita.)

Mengikut perlembagaan Malayan Union, semua negeri Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka disatukan di bawah satu pemerintahan pusat. Singapura tidak dimasukkan. Malayan Union diperintah oleh seorang Gabenor British yang berkuasa penuh. Sultan-sultan cuma jadi raja kehormat sahaja. Majlis yang membincangkan hal agama Islam dalam Malayan Union dianggotai oleh sultan-sultan tetapi Gabenor yang menjadi pengerusinya. Keadaan ini adalah ganjil kerana seorang yang beragama Kristian menjadi pengerusi majlis yang mengendalikannya hal agama Islam. Perlembagaan Malayan Union cuba memberi hak kerakyatan kepada golongan bukan Melayu menerusi prinsip *jus soli*. Ini bermakna jika seseorang itu dilahirkan di Tanah Melayu selepas Malayan Union ditubuhkan, maka ia berhak menerima hak kerakyatan Tanah Melayu. Prinsip *jus soli* menentukan hak kerakyatan menerusi tempat lahir. Cara ini akan membolehkan orang bukan Melayu mendapat hak kerakyatan dengan senang.)

Perlembagaan Malayan Union juga memerlukan penubuhan sebuah Majlis Penasihat Pusat. Ahli Majlis Penasihat Pusat ini dilantik oleh kerajaan British. Tidak ada cadangan untuk mendapatkan ahli Majlis menerusi pilihanraya, biarpun sebahagian kecil daripadanya. Tiap-tiap negeri dalam Malayan Union mempunyai seorang Pesuruhjaya Residen yang menjadi ketua pentadbir di peringkat negeri. Beliau mentadbir secara langsung dan tidak lagi menjadi penasihat kepada sultan seperti sebelum Perang Dunia Kedua dahulu.)

Tentang terhadap Malayan Union

Pengumuman tentang Malayan Union ini telah dibuat oleh kerajaan British pada 10

Oktober 1945 di London. Pada 11 Oktober 1945 maklumat ini telah disiarkan dalam akhbar-akhbar di Tanah Melayu. Pada 12 Oktober 1945 Sir Harold MacMichael, utusan khas kerajaan British, telah sampai di Pelabuhan Klang. MacMichael telah diberi tugas untuk mendapatkan persetujuan sultan-sultan Melayu menyerahkan kedaulatan dan kuasa mereka kepada kerajaan British. Ini bermakna kalau sultan-sultan telah menyerahkan kedaulatan dan kuasa mereka kepada kerajaan British, maka kerajaan British akan berhak mengemukakan perlembagaan Malayan Union yang akan menukar taraf negeri-negeri Melayu dari negeri-negeri yang bernaung kepada tanah jajahan. Sebagai tanah jajahan, Semenanjung Tanah Melayu boleh diperintah oleh kerajaan British secara langsung. Kerajaan British tidak perlu lagi mendapatkan persetujuan daripada sultan-sultan apabila hendak membuat sesuatu dasar yang baru terhadap

Malayan Union.) MacMichael telah berjaya mendapatkan tandatangan sultan-sultan sungguhpun tidak semuanya boleh dianggap sah.)

(Apabila orang Melayu faham tentang kandungan perlembagaan Malayan Union dan dapat tahu cara-cara MacMichael mendapatkan tandatangan sultan-sultan Melayu, mereka telah membantah rancangan Malayan Union itu.) Misalnya Sultan Kedah tidak bersetuju dengan rancangan Malayan Union. MacMichael telah mengingatkan Sultan Kedah bahawa pernah seorang kerabat diraja Kedah dibuang negeri ke Thailand kerana menentang kehendak British. MacMichael juga memberitahu Sultan Kedah bahawa kalau baginda tidak mahu menandatangani surat penyerahan kedaulatan dan kuasa kepada kerajaan British, maka ada seorang keluarga diraja Kedah yang lain yang sedia menurunkan tandatangannya. Tindakan MacMichael merupakan ugutan dan dianggap tidak sah



Penentangan terhadap Malayan Union oleh orang Melayu.

dari segi undang-undang.

Akhbar-akhbar Melayu juga menentang Malayan Union. Pada 20 November 1945, lapan buah persatuan Melayu di Johor telah bergabung untuk menjadi Liga Melayu Johor. Pada 3 Januari 1946 pula, Gerakan Melayu Semenanjung telah ditubuhkan di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Pada bulan Januari 1946, orang Melayu berusaha dengan giat menghidupkan semula persatuan-persatuan lama dan menubuhkan persatuan-persatuan baru untuk menentang Malayan Union. Dua perkara penting yang ditentang oleh orang Melayu ialah penghapusan kedaulatan sultan-sultan dan pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *jus soli*.

Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya

Sungguhpun orang Melayu menentang Malayan Union dengan hebat tetapi usaha mereka tidak padu. Beberapa pandangan telah dikemukakan dalam akhbar supaya orang Melayu bersatu untuk menentang Malayan Union ini supaya lebih berkesan. Jadi pada 1 Mac 1946 satu persidangan pertubuhan-pertubuhan Melayu telah diadakan di Kuala Lumpur untuk menyatupadukan tenaga orang Melayu. Persidangan ini telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, dari 1 hingga 4 Mac 1946. Persidangan itu telah dihadiri oleh 41 buah pertubuhan Melayu termasuk juga Persatuan Orang Asli. Antara persatuan yang telah menghantar wakil ialah Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Melayu Kelantan, Kesatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Melayu Pahang, Kesatuan Melayu Pulau Pinang, Perikatan Melayu Perak, Persetiaan Muslim Teluk Anson, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Terengganu dan Parti Kebangsaan

an Melayu Malaya. Wakil-wakil yang hadir telah bersetuju menggabungkan pertubuhan-pertubuhan Melayu ini. Gabungan ini dinamakan Kongres Melayu Se-Malaya. Dato' Onn bin Jaafar telah dilantik menjadi pengerusinya.

Kongres Melayu Se-Malaya mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah parti politik Melayu yang kuat. Sebuah jawatankuasa telah dilantik bagi menyediakan perlembagaannya. Kongres menganggap perstujuan sultan-sultan Melayu untuk menyerahkan kuasa mereka kepada kerajaan British sebagai tidak sah kerana,

"Tidak menurut perlembagaan, hak pusaka, adat resam dan amalan tiap-tiap negeri Melayu"

Kongres juga berpendapat bahawa langkakah Britain hendak memaksakan Malayan Union di Tanah Melayu adalah berten-



Dato' Onn bin Jaafar memimpin orang Melayu menentang Malayan Union. Beliau juga menjadi pengasas parti UMNO.

tangan dengan prinsip demokrasi kerana orang Melayu tidak bersetuju menerimanya. Malah cara kerajaan British mendapatkan tandatangan beberapa orang sultan juga dipersoalkan kesahihannya. Oleh kerana Malayan Union akan memberi kuasa penuh kepada kerajaan British, maka Kongres menganggapnya sebagai bertentangan dengan semangat Piagam Atlantik. Piagam Atlantik ialah persetujuan antara Perdana Menteri British dan Presiden Amerika Syarikat dalam masa Perang Dunia Kedua apabila mereka menjanjikan kemerdekaan kepada tanah jajahan mereka jika Britain dan Amerika Syarikat menang dalam perang itu. Tujuan kerajaan British dan Amerika Syarikat membuat janji ini ialah kerana mereka mengharapkan agar penduduk bekas jajahan takluk mereka tidak akan menyokong musuh-musuh mereka seperti Jepun dan Jerman.

Kongres merasakan tindakan kerajaan British hendak menubuhkan Malayan Union itu sebagai tidak adil. Orang Melayu merasakan bahawa kerajaan British selepas Perang Dunia Kedua sepatutnya datang meminta maaf kepada penduduk Tanah Melayu kerana ia telah tidak bersungguh-sungguh mempertahankan Tanah Melayu apabila diserang oleh Jepun. Sebaliknya ia mencabul kedaulatan Raja-Raja Melayu dan menodai hak politik orang Melayu. Oleh itu Kongres meminta kerajaan British menarik balik rancangan Malayan Union dan mengekalkan Tanah Melayu kepada keadaan sebelum tahun 1941.

Tentang terhadap Malayan Union di Britain

Dalam masa orang Melayu membantah Malayan Union di Tanah Melayu, sekumpulan orang British di Britain juga turut menentang Malayan Union. Mereka ter-

diri daripada sebahagian bekas pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli perniagaan British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Mereka berpendapat bahawa kerajaan British tidak bersikap adil terhadap sultan dan orang Melayu. Mereka juga membantah cara MacMichael mendapatkan tandatangan sultan-sultan. Sultan-sultan tidak diberi peluang untuk berunding terlebih dulu dengan semua ahli Majlis Mesyuarat Negeri, kalau tidak pun dengan rakyat. Mereka telah menulis surat bantahan kepada akhbar *Times* di London. Surat itu telah ditandatangani oleh lima orang bekas Gabenor Tanah Melayu, tiga orang bekas Ketua Setiausaha, tujuh orang bekas Residen dan Penasihat serta dua orang bekas Ketua Hakim. Akhbar *Times* merupakan sebuah akhbar yang terkemuka pada masa itu. Kumpulan ini juga telah menyatakan kecaman terhadap kerajaan British menerusi Pejabat Tanah Jajahan British di London.

Rancangan Britain hendak mengenalkan Malayan Union telah menghadapi tentangan dari dalam dan luar Tanah Melayu. Tetapi kerajaan British tidak membuat perkiraan dan kajian yang teliti. Sebaliknya kerajaan British tetap dengan pendiriannya hendak memaksakan Malayan Union di Tanah Melayu.

Tindakan terhadap Malayan Union dan Penghapusannya

Sungguhpun Kongres Melayu Se-Malaya telah menyatakan tentangannya terhadap rancangan Malayan Union tetapi Britain tidak begitu memperdulikannya. Dalam satu perbincangan di Dewan Rakyat British pada 8 Mac 1946, kerajaan British telah menyatakan keazamannya hendak melaksanakan Malayan Union pada 1 April 1946, tetapi fasal yang berkenaan dengan hak kerakyatan telah digantung buat sementara.

Apabila orang Melayu mendengar tu-

juan Britain hendak mengisytiharkan Malayan Union pada 1 April 1946, Kongres Melayu Se-Malaya telah mengambil keputusan untuk mengadakan mesyuarat tergegar pada 29 dan 30 Mac 1946 di Kuala Lumpur. Kongres telah mengambil keputusan:

1. Orang Melayu hendaklah memulaukan istiadat melantik Gabenor Malayan Union.
2. Memohon Raja-Raja Melayu supaya jangan menghadiri majlis istiadat melantik Gabenor itu.
3. Orang Melayu mestilah menunjukkan tanda berkabung dengan melilitkan kain putih di songkok selama 7 hari iaitu mulai 1 April 1946.

Kongres juga telah meminta semua orang Melayu yang telah dilantik menjadi ahli majlis-majlis penasihat Malayan Union di peringkat pusat atau negeri supaya memulaukan majlis-majlis itu. Dato' Onn serta tiga orang pemimpin lain telah ditugaskan oleh Kongres untuk memohon kerjasama Raja-Raja Melayu bagi memulaukan istiadat perlantikan Gabenor Malayan Union.

Di akhir mesyuarat tergegar Kongres Melayu Se-Malaya itu, Raja-Raja Melayu memang telah berkumpul di Kuala Lumpur kerana hendak menghadiri istiadat perlantikan Gabenor Malayan Union. Pada masa itu juga, Raja-Raja Melayu telah sedar bahawa mereka telah tersilap atau terpaksa menandatangani surat persetujuan menyerahkan kedaulatan dan kuasa mereka kepada kerajaan British. Contoh paksaan dan putar belit yang digunakan oleh British dapat dilihat dalam surat Sultan Kedah yang menyatakan:

"Saya telah diberi kata dua dengan mulut dengan masa yang dihadkan dan jikalau saya menolak daripada menurunkan tandatangan ke atas apa yang saya katakan alat menyerah

diri pengganti saya yang akan menurunkan tandatangannya, akan dilantik. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri telah terpaksa menurunkan tandatangan dengan mengaku mereka akan menasihatkan saya supaya menurunkan tandatangan. Saya telah diberitahu iaitu perkara itu adalah perkara syahiah dan sulit dan saya tidak pula dibenar menceritakan apa yang telah berlaku itu".

Mereka juga tahu bahawa ramai orang Melayu yang marah pada raja-rajanya kerana kurang teliti tentang menerima Malayan Union itu. Perasaan marah ini dapat dilihat dalam tulisan-tulisan mereka dalam akhbar. Mereka telah menyuarakan kecamannya dalam bentuk syair, seperti berikut:

Ampun Tuanku duli Mahkota
Fikirlah kepada rakyat jelata
Teriti dibaharui elok sekata
Supaya tidak putih mata

Jika lebih memandang dunia
Rakyat kelak teraniaya
Tuanku semayam di atas bahaya
Hilang kelak taat setia

Harimau terjumlah binatang gagah
Kerana kuku ada berceranggah
Hilang kuku tiada semenggah
Belang sahaja tidaklah megah

Patik semua menunggu rahmat
Mengubah teriti biar cermat
Siasat selidik dengan jimat
Supaya rakyat jadi selamat.

Raja-Raja Melayu juga sedar bahawa orang Melayu sahajalah yang boleh menolong mereka mendapatkan semula kedaulatan mereka. Jadi, apabila Dato' Onn dan rakan-rakannya pergi menghadap, Raja-Raja Melayu telah menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan Kongres Melayu Se-Malaya.

Pada 1 April 1946 apabila pihak British hendak mengadakan istiadat perlantikan Sir

Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union di Kuala Lumpur, tiada seorang pun Raja-Raja Melayu ataupun ahli-ahli Majlis Penasihat Malayan Union daripada orang Melayu yang hadir dalam upacara itu. Orang Melayu telah memulaukannya. Tindakan Kongres Melayu Se-Malaya ini agak mengagumkan. Tentangan orang Melayu terhadap Malayan Union tambah berkesan. Britain tidak menjangka kesedaran politik orang Melayu begitu hebat sehingga mereka boleh bersatu padu secara menyeluruh, bukan sahaja di kalangan rakyat tetapi termasuk juga sultan-sultan.

Penubuhan UMNO

Kongres Melayu Se-Malaya terus bergiat. Pada 11 Mei 1946 satu lagi persidangan telah diadakan di Johor Bahru. Jawatankuasa yang dilantik pada awal bulan Mac 1946 untuk menggubal satu perlembagaan bagi menubuhkan satu parti politik telah melaporkan hasil kerjanya. Setelah dibincangkan dan dibuat pindaan, Kongres bersetuju menerima perlembagaan tersebut. Nama parti politik yang baru ini ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Ringkasan namanya ialah PEKEMBAR. Terjemahan nama parti ini dalam bahasa Inggeris ialah United Malays National Organisation atau ringkasnya UMNO. UMNO telah diasaskan pada 11 Mei 1946. Dengan kelahiran UMNO, Kongres Melayu Se-Malaya telah dibubarkan.

Perlembagaan UMNO yang diasaskan pada bulan Mei 1946 cuba menggabungkan 41 pertubuhan Melayu yang bermesyuarat di Kuala Lumpur pada awal bulan Mac 1946. Pada masa itu UMNO tidak mempunyai ahli perseorangan secara langsung. Keanggotaannya terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan. Seseorang yang hendak menjadi ahli UMNO hendaklah terlebih dahulu menjadi ahli pertubuhan

seperti Perikatan Melayu Perak atau Kesatuan Melayu Kedah atau Persatuan Melayu Pahang. Menerusi persatuan-persatuan inilah seseorang itu menjadi ahli UMNO. Antara tujuan penubuhan UMNO ialah "memajukan dan memperbaiki keadaan orang-orang Melayu".

Beberapa keputusan penting telah dibuat semasa mesyuarat pertama UMNO. Antaranya ialah keputusan hendak mengirimi satu rombongan pemimpin UMNO ke Britain bagi mencari jalan menghapuskan Malayan Union dan bagi menggantikan Malayan Union. UMNO bersetuju menerima satu kerajaan yang berbentuk persekutuan; sebuah badan perhubungan antara UMNO dan Raja-Raja Melayu telah ditubuhkan dan 'Hidup Melayu' telah diterima sebagai cogan kata UMNO.

UMNO terus mengadakan rapat umum dan tunjuk perasaan menentang Malayan Union. Pemimpin UMNO pergi ke seluruh Tanah Melayu menerangkan keburukan Malayan Union dan meminta orang Melayu membantahnya. Kegiatan pemimpin UMNO ini mendapat sambutan daripada orang Melayu. Ini terbukti apabila salah seorang daripada ahli Parlimen British membuat laporan tentang lawatannya ke Tanah Melayu bagi mengkaji soal Malayan Union. Beliau menyatakan bahawa di setiap kampung dan bandar yang dilawati oleh mereka, orang-orang yang keluar menemui mereka begitu ramai seolah-olah seluruh penduduk kampung atau bandar itu telah keluar, lelaki perempuan dan kanak-kanak, untuk menunjukkan tentangan mereka terhadap Malayan Union.

Orang Melayu menentang Malayan Union dengan kuat dan hebat. Kumpulan orang British yang tidak sukakan Malayan Union itu terus mengecam Britain. Kebanyakan orang bukan Melayu di Tanah Melayu pula tidak menyokong Malayan Union dengan berkesan. Malah ada juga sebahagian kecil orang bukan Melayu

yang menentang Malayan Union. Mereka menganggap Malayan Union sebagai tidak berasaskan demokrasi dan sebaliknya memperkuatkan penjajahan British di Tanah Melayu. Dalam keadaan yang sedemikian, Britain telah mengambil keputusan untuk berunding dengan Raja-Raja Melayu dan UMNO.

Pada bulan Julai 1946 satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan oleh kerajaan British. Bidang tugas jawatankuasa ini ialah menggubal satu perlembagaan baru yang boleh diterima oleh orang Melayu dan dapat melahirkan satu pentadbiran yang cekap. Perlembagaan ini juga hendaklah menjadi asas kepada perkembangan politik dan perlembagaan pada masa hadapan bagi mencapai pemerintahan sendiri. Soal hak kerakyatan bagi orang bukan Melayu hendaklah dipertimbangkan. Kedudukan dan hak orang Melayu sebagai bumiputera hendaklah diperlihatkan.

Anggota Jawatankuasa Kerja ini terdiri daripada 4 orang wakil Raja-Raja Melayu, 2 orang wakil UMNO dan 6 orang pegawai kanan British. Pengerusi Jawatankuasa ini ialah Ketua Setiausaha Malayan Union pada masa itu. Keanggotaan Jawatankuasa Kerja ini adalah terhad. Tiada perwakilan daripada orang keturunan Cina dan India. Beberapa kecaman telah disuarakan berkenaan perkara ini, utamanya daripada orang Cina dan India. Namun demikian, jawatankuasa ini meneruskan tugasnya. Sebelum akhir tahun 1946 kerjanya telah selesai dan laporan perlembagaannya telah diterbitkan pada bulan Disember.

Perlembagaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja ini antara lain mencadangkan supaya semua negeri Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka, digabungkan dalam satu persekutuan. Singapura tidak disertakan. Kedaulatan semua Raja-Raja Melayu dikembalikan.

Jawatan Gabenor dihapuskan dan digantikan dengan Pesuruhjaya Tinggi. Gabungan negeri-negeri Melayu ini akan mempunyai sebuah Majlis Perundangan Persekutuan. Majlis ini mempunyai sedikit sebanyak kuasa untuk membuat undang-undang, tidak seperti majlis semasa Malayan Union yang cuma boleh menasihati sahaja. Di tiap-tiap negeri diadakan majlis mesyuaratnya masing-masing. Pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *jus soli* dihapuskan. Namun demikian hak kerakyatan boleh didapati setelah memenuhi syarat-syarat seperti permastautinan.

Semasa Jawatankuasa Kerja ini menjalankan tugasnya, sedikit sebanyak kandungan perlembagaan yang mereka bincangkan telah disiarkan dalam akhbar-akhbar. Setengah-setengah daripada maklumat ini telah dikedam oleh orang bukan Melayu dan sekumpulan orang Melayu yang bukan ahli UMNO. Dalam keadaan yang sedemikian, kerajaan British telah menerima laporan Jawatankuasa Kerja itu secara umum sahaja kerana ia hendak mendapatkan pandangan orang bukan Melayu. Britain cuba hendak menghapuskan kecaman terhadap perlembagaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja itu. Ia telah melantik sebuah Jawatankuasa Perundingan yang dianggotai oleh orang bukan Melayu, termasuk orang British. Jawatankuasa Perundingan ini dikehendaki mendapatkan pandangan orang bukan Melayu dan membuat syor-syor supaya orang bukan Melayu akan sedia menerima perlembagaan yang dicadangkan itu. Jawatankuasa Perundingan telah menjalankan tugasnya dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Kerja pada bulan Mac 1947. Namun demikian masih ramai lagi orang bukan Melayu yang tidak puas hati kerana Jawatankuasa Perundingan itu dianggap tidak sebenarnya mewakili mereka.

Bab 20

Ke Arah Pembentukan Negara Malaysia: Menuju Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

Majlis Tindakan Bersama Seluruh Tanah Melayu (All-Malaya Council of Joint Action - AMCJA)

Semasa Malayan Union mula-mula dikedukukan, orang bukan Melayu tidak begitu menyokongnya. Tetapi apabila orang Melayu menentang Malayan Union dengan hebat, orang bukan Melayu mula berfikir bahawa Malayan Union itu mungkin menguntungkan mereka. Apabila Britain tunduk kepada tentangan orang Melayu dengan mengadakan Jawatan-kuasa Kerja untuk menggubal satu perlembagaan baru, kebanyakan orang bukan Melayu membantah rancangan itu. Sebahagian daripada mereka merasakan Malayan Union agak lebih baik bagi mereka. Sebahagiannya pula tidak suka-kan Malayan Union dan perlembagaan baru yang dicadangkan. Kedua-dua kumpulan itu telah menggabungkan tenaga mereka di bawah satu pertubuhan yang dinamakan Majlis Tindakan Bersama Seluruh Tanah Melayu ataupun dalam bahasa Inggerisnya Pan-Malaya Council of Joint Action. Kemudian nama dalam bahasa Inggeris ini telah ditukar menjadi All-Malaya Council of Joint Action

(AMCJA). AMCJA ditubuhkan pada 22 Disember 1946. Pengerusinya ialah Tan Cheng Lock.

Antara badan-badan yang bergabung dalam AMCJA ialah Kesatuan Demokrasi Tanah Melayu (Malayan Democratic Union), Kongres India Se-Tanah Melayu (Malayan Indian Congress), Liga Belia Demokrasi Baru Tanah Melayu (Malayan New Democratic Youth League) dan beberapa Kesatuan Sekerja. AMCJA mengatakan bahawa ia mempunyai lebih kurang 400 000 orang ahli.

AMCJA memperjuangkan enam prinsip:

- (i) Penyatuan Tanah Melayu, termasuk Singapura.
- (ii) Sebuah Dewan Undangan Pusat yang ahli-ahlinya dipilih oleh rakyat.
- (iii) Hak yang sama bagi semua yang menganggap Tanah Melayu sebagai tanah airnya dan tumpuan taat setianya.
- (iv) Kedaulatan sultan-sultan diteruskan dan mereka menjadi raja berperlembagaan. Mereka akan menerima nasihat menerusi badan-badan yang berunsur demokrasi.

- (v) Perkara-perkara yang berkait dengan agama Islam atau adat resam Melayu adalah di bawah jagaan orang Melayu sahaja.
- (vi) Perhatian yang khas hendaklah diberi kepada soal kemajuan orang Melayu.

Pusat Tenaga Rakyat

Selain kebanyakan orang bukan Melayu, ada sekumpulan orang Melayu yang menentang perlembagaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja itu. Mereka juga membantah Malayan Union. Orang Melayu ini terdiri daripada mereka yang radikal dalam politik. Kebanyakan mereka adalah ahli Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Parti-parti politik berhaluan kiri ini bergabung dalam satu pertubuhan yang diberi nama Pusat Tenaga Rakyat. Ringkasan namanya ialah PUTERA. Pengerusi PUTERA ialah Dr. Burhanuddin Helmi.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), anggota PUTERA yang terbesar, telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1945. PKMM turut serta dalam Kongres Melayu Se-Malaya dan seterusnya dalam UMNO untuk menentang Malayan Union. Pada masa itu, PKMM bukan sahaja tidak bersetuju dengan Malayan Union tetapi juga menentang penjajahan British. UMNO pula, pada ketika itu, sungguhpun menentang Malayan Union tetapi sedia menerima naungan British, buat sementara, kalau kedaulatan raja-raja Melayu dikembalikan seperti sebelum Perang Dunia Kedua dan pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *jus soli* dihapuskan. Dalam keadaan yang demikian, cara perjuangan PKMM dan UMNO adalah berbeza. PKMM tidak mahu bekerjasama dengan pihak British. Ia bertujuan menjadikan Tanah Melayu sebahagian daripada Republik Indonesia.

PKMM juga tidak menganggap kedaulatan Raja-Raja Melayu perlu diutamakan sangat. Jadi, pada bulan Jun 1946, PKMM telah keluar daripada UMNO. Perkara yang digunakan sebagai alasan untuk PKMM keluar daripada UMNO ialah soal bendera. PKMM mahukan UMNO menggunakan bendera berwarna merah dan putih sahaja, iaitu sama seperti bendera Indonesia. Kebanyakan persatuan atau badan-badan lain dalam UMNO tidak bersetuju dengan cadangan PKMM ini. Dengan itu, UMNO dan PKMM pun berpisah.

API dan AWAS memperjuangkan perkara yang sama seperti PKMM. Kebanyakan orang menganggap API sebagai badan pemuda bagi PKMM dan AWAS sebagai bahagian wanitanya.

Prinsip Perjuangan PUTERA

Oleh kerana PUTERA dan AMCJA tidak bersetuju dengan perlembagaan baru yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja itu, dan ada pula golongan radikal dalam AMCJA yang menentang Malayan Union, seperti juga PKMM, maka kedua-dua pertubuhan ini mengambil keputusan untuk bekerjasama. Dalam kerjasama ini, PUTERA bersetuju menerima keenam-enam prinsip perjuangan AMCJA dan AMCJA pula sedia menerima empat prinsip perjuangan PUTERA sebagai tambahan kepada yang enam itu. Jadi PUTERA-AMCJA mempunyai sepuluh prinsip perjuangan.

Prinsip PUTERA yang empat itu ialah:

- (i) Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa rasmi negara.
- (ii) Hal-ehwal luar dan pertahanan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama antara kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British.
- (iii) Perkataan 'Melayu' hendaklah

digunakan sebagai nama kerakyatan atau kewarganegaraan Tanah Melayu.

- (iv) Bendera kebangsaan negara hendaklah mengandungi warna-warna kebangsaan Melayu.

PUTERA-AMCJA berpendapat bahawa Britain patut berunding dengan mereka tentang soal menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu. Mereka menganggap Jawatankuasa Perundingan yang dilantik oleh Britain itu sebagai tidak sebenarnya mewakili orang bukan Melayu. Oleh kerana Britain tidak mahu berunding dengan PUTERA-AMCJA, maka kedua-dua pertubuhan ini telah mengadakan mogok besar yang diberi nama *Hartal* untuk menunjukkan tentangan mereka terhadap Britain. Mereka juga telah menggubal satu perlembagaan baru bagi Tanah Melayu yang dinamakan Perlembagaan Rakyat. Perlembagaan Rakyat ini berasaskan kepada 10 prinsip perjuangan PUTERA-AMCJA.

Sungguhpun PUTERA-AMCJA tidak berjaya mendapatkan Perlembagaan Rakyatnya diterima oleh Britain tetapi ada beberapa perkara yang sangat menarik dalam perlembagaan itu. Perlembagaan Rakyat itu lebih radikal daripada perlembagaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja. Misalnya Perlembagaan Rakyat mencadangkan supaya semua ahli Majlis Perundangan Persekutuan dipilih oleh rakyat. PUTERA-AMCJA telah bersejua untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Mereka juga telah menerima perkataan 'Melayu' sebagai nama kerakyatan atau kewarganegaraan Tanah Melayu. Hak kerakyatan akan diberi kepada semua penduduk Tanah Melayu yang mengaku taat setia kepada negara ini. Peri pentingnya perkara-perkara ini tidak dapat dinafikan terutamanya sekali kerana persetujuan ini telah pun

dicapai sejak tahun 1947 lagi.

Jawatankuasa Perundingan telah membuat beberapa syor dalam laporannya. Jawatankuasa Kerja telah mengkaji syor-syor ini dan membuat beberapa pindaan kepada perlembagaan yang telah dicadangkannya itu. Selepas pindaan-pindaan dibuat, kerajaan British telah menerima perlembagaan tersebut. Pada 21 Januari 1948 Raja-Raja Melayu telah memberi persetujuan mereka. Pada 1 Februari 1948 perlembagaan baru ini telah dilaksanakan dan Malayan Union telah digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Persekutuan Tanah Melayu 1948

Bentuk akhir Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 tidaklah sama dengan kandungan Laporan Jawatankuasa Kerja yang diserahkan pada bulan Disember 1946. Laporan jawatankuasa tersebut telah dipinda berasaskan beberapa syor yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Perundingan. (Salah satu daripada perubahan yang dibuat ialah mengenai jumlah bilangan anggota dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Ia telah ditambah daripada 48 menjadi 75 orang. Anggota yang tidak rasmi juga telah ditambah menjadi 50 orang. Masyarakat Cina juga diberi perwakilan lebih besar iaitu daripada 6 menjadi 14 orang wakil.

Perwakilan daripada masyarakat-masyarakat lain yang lebih kecil juga telah ditambah seimbang dengan nisbah pertambahan yang diberi kepada masyarakat Cina. Kelayakan bermastautin sebagai syarat untuk menjadi warganegara Persekutuan juga telah diringkankan dengan mengurangkan tempohnya.

Perjanjian yang baru ini telah ditandatangani pada 21 Januari 1948, iaitu di antara Raja-Raja Melayu dengan Britain. Berikutnya Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan pada 1 Februari 1948.

Persekutuan Tanah Melayu mengandungi 11 negeri-negeri Melayu di Semenanjung, termasuklah Pulau Pinang dan Melaka.

Menurut peraturan baru dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, kerajaan Persekutuan terdiri daripada seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang dilantik oleh kerajaan British, sebuah Majlis Perundangan Persekutuan dan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja. Pesuruhjaya Tinggi menjadi pengerusi kedua-dua majlis itu. Beliau juga mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan rang undang-undang yang belum diluluskan oleh Majlis Perundangan tetapi selepas dibincangkan selama satu tempoh yang agak panjang. Majlis Mesyuarat Kerja adalah untuk membantu dan memberi nasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi, tetapi beliau tidak semestinya menerima nasihat majlis itu.

Sebuah Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan untuk menasihati Pesuruhjaya Tinggi. Majlis itu akan bersidang pada bila-bila masa jika perlu. Persidangan akan dipengerusikan oleh salah seorang daripada 9 orang raja. Pengerusi akan dilantik oleh Persidangan. Majlis Raja-Raja ini mempunyai kuasa dalam hal kemasukan orang luar atau imigresen. Segala perubahan undang-undang yang berkaitan dengan kemasukan orang luar memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Di setiap negeri Melayu juga ditubuhkan sebuah Majlis Negeri, demikian juga di Pulau Pinang dan Melaka. Negeri-negeri Melayu diberi perlembagaan bertulis. Sebelum itu, hanya Johor (1895) dan Terengganu (1911) yang mempunyai perlembagaan bertulis atau lebih biasa dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Negeri. Rang undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Negeri mesti mendapat perkenan daripada raja. Majlis Negeri diberi kuasa meluluskan undang-undang dalam hal-hal yang berkaitan

dengan agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Di tiap-tiap negeri Melayu, pegawai eksekutif yang utama ialah Menteri Besar.

Keahlian Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada 3 orang ahli *ex-officio*, 9 orang Menteri Besar dan 2 orang wakil Majlis Petempatan (Pulau Pinang dan Melaka) 11 orang ahli rasmi dan 50 orang ahli tidak rasmi dan kesemuanya dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Jumlah ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada peringkat awal ialah 75.

Salah satu ciri penting Perlembagaan tahun 1948 ialah tentang kewarganegaraan. Perlembagaan itu menyatakan bahawa akan diwujudkan satu kewarganegaraan bersama untuk semua orang yang mengangap Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara mereka yang sebenarnya dan mereka sanggup memberi kesetiaan kepada Tanah Melayu.

Mereka yang dianggap sebagai warga-negara Persekutuan Tanah Melayu ketika Perlembagaan tahun 1948 dikuatkuasakan ialah:

- (a) Semua rakyat raja sesebuah negeri Melayu.
- (b) Semua rakyat British yang dilahirkan di Pulau Pinang atau Melaka yang telah menetap selama 15 tahun berturut-turut di salah sebuah kawasan yang termasuk dalam Persekutuan.
- (c) Semua rakyat British yang dilahirkan di sebarang kawasan yang termasuk dalam Persekutuan yang bapanya sendiri dilahirkan di kawasan yang berkenaan atau telah menetap di situ selama 15 tahun berturut-turut.
- (d) Semua orang yang dilahirkan di kawasan dalam Persekutuan, yang biasanya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu.

- (e) Semua orang yang dilahirkan di kawasan Persekutuan dan ibu bapanya juga dilahirkan di kawasan-kawasan yang berkenaan dan telah menetap di situ selama 15 tahun berturut-turut.
- (f) Semua orang yang bapanya, pada masa mereka dilahirkan, adalah warganegara Persekutuan.

Penduduk lain yang bukan daripada golongan yang disebutkan di atas boleh juga memohon kewarganegaraan. Syarat-syaratnya ialah:

- (a) Mereka yang dilahirkan di kawasan yang termasuk dalam Persekutuan dan telah menetap di situ sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tempoh 12 tahun sebelum permohonan dibuat; atau mereka telah menetap di kawasan yang berkenaan sekurang-kurangnya 15 tahun daripada tempoh 20 tahun sebelum permohonan dibuat.
- (b) Pemohon-pemohon mesti meyakinkan Pesuruhjaya Tinggi bahawa mereka adalah berkelakuan baik, mempunyai pengetahuan sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang memadai. Pemohon-pemohon semestinya berumur tidak kurang daripada 18 tahun.

Perlembagaan yang baru ini, pada sebahagian besarnya telah memenuhi matlamat pihak yang terbabit dalam pertikaian tentang Malayan Union. Kedaulatan Raja-Raja Melayu telah dikembalikan. Sultan-sultan telah menjadi raja-raja yang berdaulat di negeri masing-masing tetapi tetap di bawah naungan British. Kerajaan British berkuasa mengenai pertahanan dan semua hal-ehwal luar Persekutuan Tanah Melayu. Britain juga bertanggungjawab

untuk mempertahankan negeri-negeri Melayu daripada serangan musuh dari luar.

UMNO berjaya memansuhkan Malayan Union dan mengeluarkan Tanah Melayu daripada taraf tanah jajahan. Kedudukan istimewa orang Melayu sebagai bumiputera negeri ini telah dikembalikan. Mengenai kerakyatan, prinsip *jus soli*, yang telah digantung semasa Malayan Union dikemukakan, telah digurukan sama sekali iaitu sejauh yang ia dikenakan kepada penduduk bukan bumiputera di dalam negeri ini. Pembentukan persekutuan merupakan satu kejayaan kerana ia mengiktiraf kedaulatan dan hak negeri-negeri, biarpun terhadap, yang dahulunya telah dihapuskan oleh Malayan Union.

Penyatuan di Bawah Satu Pentadbiran

Sedikit sebanyaknya Britain juga berjaya mencapai sebahagian daripada tujuannya. Sungguhpun ia gagal menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah tanah jajahan, namun ia berjaya menyatukan sebelas buah negeri Melayu, termasuk Melaka dan Pulau Pinang di bawah satu pentadbiran. Dengan yang demikian bentuk-bentuk yang terdapat dahulu seperti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat telah terhapus. Satu Majlis Perundangan Persekutuan telah dibentuk. Mengikut cadangan di bawah Malayan Union, kerajaan British berkehendakkan prinsip *jus soli* digunakan sebagai satu cara memberi hak kerakyatan. Cadangan ini telah ditolak. Namun demikian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, bagi pertama kalinya, memulakan satu undang-undang kerakyatan meliputi seluruh negara dan membolehkan penduduk bukan bumiputera menjadi warganegara Tanah Melayu. Sungguhpun kelayakan yang dikehendaki bagi sese-

orang ini untuk menjadi warganegara adalah agak ketat, tetapi dasar melayakan mereka mendapat hak kerakyatan telah terbentuk, walaupun tidak mengikut prinsip *jus soli*. Ini bermakna orang bukan bumiputera telah diberi hak politik dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu tidak memuaskan hati semua penduduk Tanah Melayu. Kita telah pernah mendengar kegiatan AMCJA dan PUTERA. Kedua-dua kumpulan parti politik ini menentang Perlembagaan Persekutuan dan sebaliknya pula menerbitkan "Usul-usul Perlembagaan Rakyat bagi Tanah Melayu". Usul-usul perlembagaan ini telah digubal oleh wakil-wakil AMCJA dan PUTERA dan diluluskan oleh Persidangan Perwakilan mereka yang diadakan pada bulan Julai dan Ogos 1947.

Salah satu daripada usul ini ialah kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan Tanah Melayu. Kumpulan AMCJA dan PUTERA juga mahukan supaya dikurangkan lagi kuasa British. Misalnya, mereka menyoal kuasa British untuk mendesak Raja-Raja Melayu meminta nasihat daripadanya, dan dipaksa pula menerimanya. Mereka berpendapat maksud perkataan "nasihat" itu menunjukkan suatu keadaan sukarela iaitu pihak yang memohon 'nasihat' berhak sama ada mahu menerima ataupun menolak "nasihat" itu. Tetapi pihak British mewajibkan sultan-sultan meminta 'nasihat' dalam semua hal, kecuali yang berkenaan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu, dan mesti patuh kepada 'nasihat' itu. Adalah jelas bahawa 'nasihat' pihak British ini adalah sebenarnya "arahan".

Mereka juga membangkang terhadap kuasa yang luas yang terletak dalam tangan Pesuruhjaya Tinggi sebagai ketua kerajaan Persekutuan. Mereka mencadangkan supaya ditubuhkan satu

Majlis Perundangan Persekutuan yang anggotanya dipilih sepenuhnya oleh rakyat. Kalau ada satu Majlis Perundangan yang dipilih oleh rakyat, maka agak sukarlah Pesuruhjaya Tinggi British hendak mengetepikan keputusan Majlis tersebut. Kalau beliau tidak mengendahkan keputusan wakil-wakil rakyat, maka tindakan itu adalah bertentangan dengan amalan demokrasi. Walau bagaimanapun, cadangan AMCJA-PUTERA itu tidak dipedulikan dan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan sebagaimana yang dijadualkan.

Menuju Pemerintahan Sendiri

Perjanjian Persekutuan ada menyatakan bahawa adalah menjadi tujuan kerajaan untuk menuju ke arah pemerintahan sendiri pada masa hadapan. Oleh yang demikian, kerajaan akan mengambil langkah bila-bila sahaja keadaan membenarkan, untuk mengadakan pilihanraya bagi melantik ahli-ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian tahun 1948 itu.

Pada tahun 1950-an, pilihanraya untuk melantik ahli Majlis Perbandaran telah dimulakan. Pada tahun 1951 dan 1952, pilihanraya telah diadakan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (1951) dan Kuala Lumpur (1952).

Pada bulan April 1951 juga telah dimulakan Sistem Ahli di peringkat Persekutuan. Ini adalah lebih kurang sama dengan sistem kabinet yang wujud sekarang. Kabinet sekarang terdiri daripada para menteri. Dasar-dasar kerajaan ditentukan oleh kabinet. Sistem Ahli hanya merupakan satu cara untuk memberi latihan kepada pemimpin-pemimpin Tanah Melayu dalam pentadbiran. Ahli-ahli yang dilantik tidak diberi kuasa sepenuhnya untuk menentukan dasar kerajaan. Perlu diingat bahawa ahli-ahli ini bukan dipilih

oleh rakyat dalam satu pilihanraya, tetapi mereka dilantik oleh kerajaan British.

Namun demikian, dengan wujudnya Sistem Ahli, perjalanan pentadbiran tidak lagi tertumpu kepada Ketua Setiausaha Kerajaan. Pada mulanya, beliau hanya menjadi penyelaras sahaja. Beberapa jabatan diwujudkan, setengah-setengahnya diketuai oleh ahli-ahli tidak rasmi Majlis Perundangan Persekutuan, yang lain oleh ahli rasmi. Ahli rasmi terdiri daripada pegawai British. Mula-mula, lima jabatan diserahkan kepada pemimpin tempatan. Jabatan ini adalah hampir sama seperti sebuah kementerian pada masa ini. Jabatan-jabatan itu ialah:

- (i) Hal-ehwal Dalam Negeri (Dato' Onn bin Jaafar).
- (ii) Pertanian dan Perhutanan (Tengku Yaacob bin Sultan Abdul Hamid).
- (iii) Pelajaran (E.E.C. Thuraisingham).
- (iv) Kesihatan (Dr. Lee Tiang Keng).
- (v) Tanah, Lombong dan Perhubungan (Datuk Mahmud bin Mat).

Semasa pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada bulan Februari 1952, buat pertama kalinya UMNO telah bekerjasama dengan MCA. Tujuannya ialah untuk menentang Parti Kemerdekaan Tanah Melayu yang lebih dikenali sebagai IMP, iaitu ringkasan *Independence of Malaya Party*. IMP diketuai oleh Dato' Onn.

Ikatan UMNO-MCA ini telah berjaya

memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Kejayaan ini telah menggalakkan kerjasama yang lebih rapat antara dua parti politik tersebut sehinggalah timbul nama baru bagi gabungan ini, iaitu Perikatan. Perikatan UMNO-MCA telah meminta Britain mengadakan pilihanraya di peringkat negeri dan akhirnya di peringkat Persekutuan. Pihak British telah menubuhkan satu jawatankuasa Majlis Perundangan Persekutuan untuk mengkaji soal pilihanraya ini.

Pada tahun 1954, beberapa perubahan diadakan lagi dan 7 jabatan diserahkan kepada pemimpin tempatan:

- (i) Hal-ehwal Dalam Negeri (Dato' Onn bin Jaafar).
- (ii) Sumber-sumber Semula Jadi (Tengku Yaacob bin Sultan Abdul Hamid);
- (iii) Pelajaran (E.E.C. Thuraisingham);
- (iv) Kesihatan (Dr. Lee Tiang Keng).
- (v) Pengangkutan (Kolonel H.S. Lee);
- (vi) Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar (Datuk Nik Ahmed Kamil bin Haji Nik Mahmud).
- (vii) Pos dan Telekom (Datuk Mahmud bin Mat).

Ahli-ahli itu sama seperti menteri pada masa ini. Hanya sebagaimana telah disebutkan, di bawah pemerintahan penjajah, mereka tidak mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menentukan dasar dan mereka bukan dipilih oleh rakyat.

Bab 21

Kemunculan dan Perkembangan Parti Politik 1948 – 1951

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 memang menggalakkan perkembangan kegiatan politik. Salah satu tujuan Perlembagaan Persekutuan ialah untuk memberikan kerajaan sendiri kepada Tanah Melayu. Sebagai persediaan untuk mencapai matlamat ini pilihanraya akan diadakan apabila sahaja keadaan membenarkan. Pelajar sudah pun belajar tentang kemunculan parti-parti politik di antara tahun 1945–1947. Kesedaran politik sudah begitu kuat sejak tamatnya Perang Dunia Kedua. Pertumbuhan parti politik bertambah sejak wujudnya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

Di antara tahun 1948 dan awal tahun 1950-an, pertubuhan politik yang pertama sekali diasaskan ialah sebuah parti kaum Muslimin. Peristiwa itu berlaku di antara 13 hingga 16 Mac 1948 di Madrasah (Mahad) Il Ihya Assyariff, Gunung Semangol. Pada masa itu satu kongres telah diadakan yang dihadiri oleh beberapa pertubuhan politik yang tidak sealiran dengan UMNO seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf dan Barisan Tani. Persatuan lain juga terlibat dalam kongres itu, seperti Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS), Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA) dan Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR).

Persatuan-persatuan ini lebih dikendalikan oleh golongan alim ulama.

Pertubuhan yang diasaskan di Gunung Semangol diberi nama Hizbul Muslimin (Pertubuhan Kaum Muslimin). Tokoh yang dilantik sebagai ketua parti itu ialah Ustaz Abu Bakar Al-Bakir. Beliau telah memainkan peranan utama menubuhkan Madrasah IL Ihya Assyariff di Gunung Semangol pada tahun 1934. Hizbul Muslimin mencontohi Ikhwan Muslimin di Asia Barat yang telah diwujudkan oleh Hassan Al-Banna pada tahun 1928. Hassan Al-Banna ialah seorang pejuang gerakan islah yang meneruskan perjuangan Sayid Jamaluddin al-Afghani dan Syekh Muhammad Abduh. Mereka adalah tokoh gerakan islah dan pengaruh mereka agak meluas juga di Tanah Melayu.

Dasar Hizbul Muslimin ialah memperjuangkan agama Islam bagi mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, mencipta masyarakat yang berasaskan Islam dan mewujudkan Tanah Melayu Darul-Islam. Itulah tiga tujuan atau matlamat penting Hizbul Muslimin. Tetapi trayat Hizbul Muslimin tidak melebihi setengah tahun. Dalam masa Darurat, pemimpin Hizbul Muslimin, terutamanya Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, telah ditahan oleh pihak British. Kemudian Hizbul Muslimin dibubarkan.



Negeri-negeri di Tanah Melayu.

Percubaan Mengatasi Masalah Perkauman

Tahun 1948 juga penting dalam sejarah Malaysia kerana berlakunya pemberontakan oleh Parti Komunis Tanah Melayu, atau Malaya. Kegiatan komunis itu mendatangkan bahaya kepada hubungan di antara berbagai-bagai kaum di Tanah Melayu. Dalam tempoh tahun 1945 - 1946, perbuatan ganas komunis pernah menimbulkan pergaduhan perkauman. Misalnya, pergaduhan berlaku di Batu Pahat, Sungai Manek dan Bekor. Pergaduhan-pergaduhan itu telah menimbulkan ketegangan dalam hubungan antara kaum. Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin di Tanah Melayu cuba mencari jalan mengatasi masalah perkauman. Pada hujung bulan Disember 1948 telah diadakan perjumpaan di Johor Bahru. Perjumpaan ini diusahakan oleh Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya-Jeneral British bagi Asia Tenggara pada masa itu. Perjumpaan ini dihadiri oleh pemimpin-pemimpin kaum di Tanah Melayu. Perjumpaan kedua diadakan di Pulau Pinang pada awal bulan Januari 1949. Hasil daripada perjumpaan-perjumpaan itu, pada 10 Januari 1949 telah ditubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (Communities Liaison Committee).

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum merupakan satu percubaan untuk mewujudkan perasaan muhibah di kalangan berbagai-bagai kaum di Tanah Melayu. Pesuruhjaya-Jeneral British bagi Asia Tenggara, Malcolm MacDonald, memainkan peranan penting. Beliau merupakan seorang diplomat yang pintar. Selain Dato' Onn, beberapa orang lagi pemimpin Tanah Melayu menjadi ahli Jawatankuasa tersebut. Antara mereka ialah Datuk E.E.C. Thuraisingham dan Datuk Tan Cheng Lock. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Datuk Thuraisingham.

Datuk E.E.C. Thuraisingham

Datuk Thuraisingham dilahirkan di Taiping, Perak, pada tahun 1898. Beliau mendapat pendidikan di St. Thomas College, Colombo; kemudian melanjutkan pelajaran ke Selwyn College, Cambridge. Datuk Thuraisingham lulus sebagai peguam dari Middle Temple, London.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai peguam di Singapura pada tahun 1925 dan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua, beliau tinggal di Singapura. Beliau berpindah ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1945 beliau adalah antara pengasas Persekutuan Ceylon dan dipilih sebagai Yang Dipertua. Apabila Majlis Perundangan



Datuk E.E.C. Thuraisingham.

Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948, Datuk Thuraisingham dilantik sebagai ahlinya. Beliau dilantik sebagai wakil kaum Ceylon.

Datuk Thuraisingham adalah seorang sahabat karib Dato' Onn. Besar kemungkinan beliau mulai berkenalan dengan Dato' Onn semasa beliau berada di Singapura sebelum Perang Dunia Kedua. Beliau bukan hanya bersama-sama Dato' Onn bergiat dalam Jawatankuasa Hubungan Kaum, bahkan ketika Dato' Onn mengasaskan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP), Datuk Thuraisingham adalah antara ahli-ahli yang berkhidmat dalam jawatankuasa pengelola parti itu. Dalam perjuangan untuk melancarkan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu pada bulan September 1951, Datuk Thuraisingham memberi ucapan menuntut bahawa Tanah Melayu yang merdeka semestinya meliputi Singapura, Pulau Pinang dan Melaka.

Semasa beliau bergiat dalam politik Tanah Melayu, Datuk Thuraisingham telah menyedari tentang pentingnya diadakan usaha-usaha bagi membolehkan orang Melayu mengambil bahagian yang lebih luas dalam ekonomi negara. Pada pertengahan tahun 1952, beliau pernah menulis kepada Dato' Onn meminta supaya kaum bumiputera diberi bahagian yang penting dalam semua pertubuhan atau syarikat dagangan serta perusahaan. Menurut Datuk Thuraisingham ini memang sudah berlaku di negara-negara seperti Burma, Ceylon dan negara Thai. Beliau mencadangkan supaya usaha ini dilakukan melalui undang-undang. Menurut Datuk Thuraisingham semua syarikat kepunyaan orang bukan Melayu semestinya memberi pekerjaan kepada warganegara Persekutuan. Di antara jumlah warganegara Persekutuan itu, 50 peratus seharusnya terdiri daripada orang Melayu. Ini boleh dilakukan secara ber-

ansur-ansur. Dalam tahun pertama pelaksanaan dasar itu, 10 peratus pekerja harus daripada golongan bumiputera. Matlamat 50 peratus itu harus dicapai dalam jangka-masa lima tahun. Dengan cara itu ramai orang Melayu akan dapat memasuki berbagai-bagai bidang perniagaan yang pada masa itu amat jelas memperlihatkan sifat perkauman.

Datuk Thuraisingham tetap menyokong Dato' Onn walaupun Parti Kemerdekaan Tanah Melayu gagal dalam pilihanraya Majlis Perbandaraan Kuala Lumpur yang diadakan pada bulan Februari 1952. Bersama-sama dengan Datuk Panglima Bukit Gantang, beliau cuba mencari ikhtiar bagi membina kekuatan parti tersebut. Dengan itu, satu persidangan kebangsaan telah diadakan di Dewan Bandaran, Kuala Lumpur, pada bulan April 1953. Dalam persidangan itu, Datuk Thuraisingham dan Datuk Panglima Bukit Gantang diberi tugas menggubal satu perlembagaan baru untuk mengasaskan sebuah parti baru. Usaha-usaha itu kemudian melahirkan Parti Negara pada tahun 1954, yang diketuai oleh Dato' Onn. Tetapi parti itu tidak juga mencapai kejayaan. Dengan itu, Datuk Thuraisingham telah berundur daripada lapangan politik.

Kongres India Tanah Melayu (MIC)

Penubuhan Kongres ini mendapat ilham daripada perkembangan sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1936 orang India di Tanah Melayu telah mengasaskan sebuah pertubuhan yang diberi nama Persatuan Pusat India Tanah Melayu (*Central Indian Association of Malaya*). Persatuan ini tidak memperjuangkan politik secara berterus-terang tetapi ia bersimpati dengan perjuangan kebangsaan di India yang menentang penjajahan British. Semasa Perang Dunia Kedua, kebanyakan anggota persatuan ini

bersama-sama dengan beribu-ribu orang India di Tanah Melayu melibatkan diri dalam Liga Kemerdekaan India dan Tentera Kebangsaan India. Kedua-dua pertubuhan itu bertujuan memperjuangkan kemerdekaan India dan mendapat galakan yang kuat daripada kerajaan Jepun. Di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose, gerakan itu, yang berpusat di Singapura, menyalaikan semangat kebangsaan orang India yang tinggal di negara lain. Semasa Pendudukan Jepun, kegiatan politik kebanyakan orang India berhaluan kepada kepentingan India dan bukan kepada Tanah Melayu.

Apabila tamatnya Perang Dunia Kedua, perjuangan kebangsaan orang India terus dijalankan. Orang India di Tanah Melayu juga amat sedar tentang perjuangan itu. Apabila Malayan Union diperkenalkan pada bulan April 1946, orang India di Tanah Melayu berpendapat bahawa perkembangan politik yang penting akan berlaku di Tanah Melayu. Mereka ingin bersiap sedia. Usaha-usaha telah dimulakan untuk mengasaskan sebuah pertubuhan untuk orang India di Tanah Melayu. Pertubuhan itu mempunyai dua matlamat yang penting: (a) menyokong perjuangan kebangsaan di India; (b) memupuk dan memelihara kepentingan orang India di Tanah Melayu, di samping memperjuangkan kemajuan politik di Tanah Melayu bersama-sama dengan kaum-kaum lain.

Kongres India Tanah Melayu telah diasaskan pada bulan Ogos 1946. Lima bulan sebelum itu Jawaharlal Nehru melawat Tanah Melayu. Besar kemungkinan beliau telah memberi bimbingan kepada orang India di Tanah Melayu. Adalah dikatakan bahawa Nehru telah meminta orang India di Tanah Melayu membuat pilihan sama ada hendak menyertai perjuangan Parti Kongres India untuk memerdekakan India atau hendak mengambil bahagian dalam politik Tanah Melayu. Yang Dipertua

Kongres itu yang pertama ialah John A. Thivy yang pernah terlibat dalam Persatuan Pusat India Tanah Melayu (1936) dan juga gerakan kemerdekaan India di bawah Subhas Chandra Bose. Kongres India Tanah Melayu terpaksa mengkaji semula kedudukannya setelah India mencapai kemerdekaan pada tahun 1947. Perjuangan utamanya, iaitu kemerdekaan India, selepas tahun 1947 tidak bererti lagi. Dengan beransur-ansur, Kongres itu memberi tumpuan kepada Tanah Melayu. Hanya pada tahun 1955, Kongres ini mengambil keputusan untuk bekerjasama secara tegas dengan UMNO dan Persatuan Cina Tanah Melayu (MCA) bagi menubuhkan Perikatan.

Datuk Tan Cheng Lock

Datuk Tan Cheng Lock dilahirkan di Melaka pada tahun 1883. Beliau berasal daripada keluarga yang kaya. Beliau mendapat pendidikan di sekolah Inggeris. Selama beberapa tahun sesudah beliau tamat persekolahan, beliau melibatkan diri dalam perusahan getah. Dalam bidang inilah beliau mencapai kejayaan yang cemerlang sehingga beliau menjadi pengarah 20 buah syarikat getah dan perusahan.

Pada tahun 1912 beliau dilantik sebagai Jaksa Pendamai dan ahli Suruhanjaya Perbandaran Melaka. Pada tahun 1923 beliau dilantik sebagai ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat dan pada tahun 1933, dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerja Negeri-Negeri Selat. Sejak meletusnya Perang Dunia Pertama, beliau bergiat dalam Persatuan Rakyat British Keturunan Cina Selat (*Straits Chinese British Association*). Walaupun beliau masih belum memasuki bidang politik, beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang politik. Pada pertengahan tahun 1930-an beliau bersara



Datuk Tan Cheng Lock.

daripada Majlis Perundangan dan Majlis Mesyuarat Kerja kerana umurnya sudah melebihi 50 tahun.

Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dalam Perang Dunia Kedua, Tan Cheng Lock telah meninggalkan Tanah Melayu dan pergi ke India. Di sana beliau bergiat semula. Pada tahun 1943, beliau menubuhkan Persatuan Orang Cina Sebarang Laut di India. Pada masa itu juga beliau telah beberapa kali menulis memorandum kepada Pejabat Tanah Jajahan di London. Pada dasarnya, beliau meminta supaya selepas tamatnya Perang Dunia, Britain akan melaksanakan demokrasi yang lebih luas dalam politik Tanah Me-

layu dan memberi kesempatan yang lebih banyak kepada penduduk Tanah Melayu yang bukan Melayu untuk memainkan peranan yang lebih tegas dalam pemerintahan.

Apabila Datuk Tan Cheng Lock kembali ke Tanah Melayu dari India, tujuan Britain untuk mewujudkan Malayan Union telah ditentang dengan hebat oleh orang Melayu. Pegawai-pegawai British telah berunding dengan Dato' Onn dan beberapa orang pemimpin Melayu untuk menggubal perlembagaan yang baru. Datuk Tan tidak bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh pihak British itu. Maka muncullah gerakan membantah tindakan tersebut. Pada hujung tahun 1946 beberapa pertubuhan telah berkumpul untuk mewujudkan sebuah badan raksasa. Badan ini mula-mula diberi nama Majlis Tindakan Bersama (*Council of Joint Action*), kemudian ditukar kepada Majlis Tindakan Bersama Se-Malaya (*Pan-Malaya Council of Joint Action-PMCJA*) dan akhirnya nama dalam bahasa Inggerisnya ditukar menjadi *All-Malaya Council of Joint Action* dengan ringkasannya AMCJA. Datuk Tan Cheng Lock mengetuai AMCJA. Apabila didapati Britain sudah membuat persiapan untuk mewujudkan Persekutuan Tanah Melayu, Datuk Tan dan AMCJA menyeru supaya diadakan Hartal (pemogokan umum) pada 20 Oktober 1947. Hartal telah diadakan pada hari tersebut tetapi tidak dapat menghalang pelaksanaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam bantahannya terhadap tindakan pihak British yang hanya berunding dengan wakil Raja-Raja Melayu, Dato' Onn dan pemimpin Melayu serta pemimpin kaum lain yang dilantik oleh pihak British dalam Jawatankuasa Perundingan, AMCJA disokong oleh beberapa pertubuhan Melayu seperti Parti Kebangsaan Melayu Melayu, Angkatan Pemuda Insaf dan Angkatan Wanita Sedar yang merupakan pesaing

UMNO. Pertubuhan-pertubuhan Melayu itu bergabung menjadi Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Hartal dikendalikan oleh AMCJA dan PUTERA.

Setelah gagalnya gerakan AMCJA, Datuk Tan menumpukan perhatian kepada penubuhan sebuah persatuan politik untuk orang Cina dan juga untuk mencari ikhtiar mengeratkan hubungan antara berbagai-bagai kaum di Tanah Melayu. Kekosongan dalam bidang politik masyarakat Cina berlaku akibat Darurat yang telah bermula pada bulan Jun 1948. Beberapa parti politik telah diharamkan ataupun parti-parti itu dibubarkan. Parti-parti yang terlibat ialah Kesatuan Demokrasi Tanah Melayu atau *Malayan Democratic Union*, Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda *Insaf* dan *Angkatan Wanita Sedar*. Pengharaman atau pembubaran parti-parti politik ini menimbulkan kekosongan dalam bidang politik Tanah Melayu. Pertubuhan AMCJA pula bukanlah parti politik. Sebaliknya ia merupakan gabungan beberapa pertubuhan bukan Melayu yang hampir semuanya bukan parti politik. Misalnya Dewan Perniagaan Cina juga menjadi ahli AMCJA. Namun begitu ia menjadi alat perantaraan bagi orang bukan Melayu melahirkan hasrat politik mereka. Kegagalan mereka menyekat penubuhan Persekutuan Tanah Melayu sedikit sebanyak menyebabkan kemerosotan AMCJA. Pemberontakan bersenjata oleh Parti Komunis Tanah Melayu atau Malaya (PKM) dan sekutu-sekutunya atau yang bersimpati dengannya, yang setengah-setengah daripadanya pernah menjadi ahli AMCJA, mengakibatkan kehancuran AMCJA.

Tokoh-tokoh seperti mendiang Datuk Tan Cheng Lock, sungguhpun membangkang Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tidak pula mahu terlibat dengan pihak yang ingin menggunakan kekerasan bagi mencapai tujuan politik mereka. Tan Cheng Lock memperjuangkan politiknya

menikuti cara berperlembagaan. Oleh itu, buat beberapa waktu masyarakat Cina di Tanah Melayu tidaklah dapat berpaut kepada mana-mana pertubuhan politik, kecuali Parti Komunis Malaya.

Penubuhan Persatuan Cina Tanah Melayu (MCA)

Pada awal tahun 1948. Datuk Tan Cheng Lock cuba menubuhkan Liga Cina Tanah Melayu (*Malayan Chinese League*). Dalam pada itu juga, beliau menyarankan supaya sebuah Liga Melayu (*Malay League*) dan sebuah Liga India Tanah Melayu (*Malayan Indian League*) ditubuhkan. Seterusnya beliau mencadangkan bahawa apabila ketiga-tiga liga ini telah tertubuh, barulah Liga Kesatuan Kebangsaan Tanah Melayu (*Malayan National Unity League*) dibentuk untuk merangkumkan ketiga-tiga pertubuhan itu. Cadangan ini adalah seakan-akan sama dengan Perikatan yang ditubuhkan pada awal tahun 1950-an. Walau bagaimanapun, cadangan Datuk Tan itu tidak mendatangkan hasil. Percubaan-percubaan selanjutnya telah dijalankan.

Dalam satu jamuan yang diadakan di rumah Encik Yong Shook Lin, juga seorang pemimpin masyarakat Cina di Tanah Melayu dan sahabat Datuk Tan Cheng Lock, bagi meraikan perlantikan Sir Henry Gurney sebagai Pesuruhjaya Tinggi British, soal penubuhan persatuan orang Cina telah dibincangkan. Turut hadir dalam jamuan itu ialah 16 orang Cina yang menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Antara mereka ialah Kolonel H.S. Lee, Yong Shook Lin, Khoo Teik Ee dan Tan Siew Sin. Cadangan ini disambut baik oleh Sir Henry Gurney kerana pihak British memang berminat agar sebuah parti politik Cina ditubuhkan.

Salah satu sebab yang mendorong penu-

buan sebuah persatuan yang boleh mewakili sebahagian besar orang Cina di Tanah Melayu ialah kesedaran di kalangan pemimpin Cina bahawa UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn adalah satu pertubuhan yang kuat lagi berpengaruh. Kejayaan UMNO menghapuskan Malayan Union menjadi contoh yang nyata. UMNO terus bergerak dengan cergas dan perisytiharan Darurat tidak begitu menjejaskan kegiatannya. Oleh itu pemimpin masyarakat Cina merasakan mereka perlu bersatu dan mempunyai satu pertubuhan untuk menjaga dan memperjuangkan kepentingan mereka. Usaha-usaha Tan Cheng Lock dan beberapa pemimpin Cina lain seperti Tun Leong Yew Koh akhirnya melahirkan Persatuan Cina Tanah Melayu atau *Malayan Chinese Association* - MCA. Parti ini telah ditubuhkan pada bulan Februari 1949.

Di samping perlunya mewujudkan parti yang boleh menjadi pilihan yang lain daripada PKM bagi masyarakat Cina, MCA juga telah ditubuhkan untuk sebab-sebab yang lain. Oleh kerana anggota PKM kebanyakannya terdiri daripada orang Cina, maka perasaan syak telah timbul di kalangan orang bukan Cina mengenai sikap orang Cina terhadap pemberontakan komunis yang sedang berlaku. Adalah diandaikan bahawa ramai juga mereka itu bersimpati dengan pergerakan komunis, sama ada kerana kecenderungan faham politik ataupun kerana pertalian persaudaraan. Bilangan sebenar orang-orang yang terlibat adalah sukar ditentukan tetapi keadaan yang berlaku telah menjejaskan nama baik seluruh masyarakat Cina.

Oleh itu pemimpin-pemimpin masyarakat Cina merasakan bahawa adalah menjadi kewajipan mereka memberikan gambaran sebenar masyarakat mereka bahawa bukan semuanya orang Cina itu komunis ataupun bersimpati dengannya. Mereka

cuba menunjukkan kepada pihak British dan penduduk lain di Tanah Melayu bahawa mereka turut sama dalam usaha hendak menghapuskan pemberontakan komunis. Misalnya, apabila didapati bahawa belia keturunan Cina tidak begitu berminat untuk menjadi polis, maka MCA telah cuba menggalakkan mereka dengan memberi elaun khas kepada belia yang sedia berkhidmat dalam pasukan polis. Elaun khas ini adalah tambahan kepada gaji biasa.

Pembubaran dan pengharaman parti-parti politik sebagaimana yang telah disebutkan lebih awal tadi, menyebabkan politik di Tanah Melayu seakan-akan dimonopoli oleh UMNO. Britain tidak begitu senang dengan keadaan sedemikian. Oleh yang demikian, kekosongan itu boleh diisi oleh kumpulan politik yang lain, seperti MCA.

Tambahan lagi, pada akhir tahun 1948 dan awal tahun 1949 apabila MCA telah ditubuhkan, Parti Komunis di China telah bertambah luas kuasanya. Kemungkinan Parti Komunis Cina mencapai kemenangan itu menyebabkan penyokong Cina Kebangsaan atau Kuomintang di Tanah Melayu memperhebatkan kegiatan antikomunis. Ramai antara pemimpin MCA yang bersimpati dengan Kuomintang. Di sini terdapat persamaan matlamatnya dengan kerajaan British, khususnya mengenai dasar kerajaan British di Tanah Melayu untuk menentang komunis.

Kejayaan Parti Komunis di China yang hampir pasti tercapai menyebabkan perlunya bagi kebanyakan penduduk yang berketurunan Cina di Tanah Melayu, membuat keputusan mengenai taraf kedudukan mereka, sama ada mereka mahu pulang ke negara asal atau menjadi warganegara Tanah Melayu. Mereka yang kaya atau yang memainkan peranan penting dalam kegiatan permodalan, tentulah bera-sa keberatan untuk pulang. Pada masa itu

ramai daripada pengasas MCA terdiri daripada golongan peniaga.

Kemudiannya MCA telah bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam usaha kerajaan hendak menempatkan semula setinggan Cina dalam perkampungan baru. Penubuhan kampung baru ini adalah sebahagian daripada rancangan kerajaan British hendak menghapuskan ancaman semasa Darurat. MCA telah mengadakan banyak keperluan asas bagi setinggan yang ditempatkan semula itu.

Walaupun bagaimanapun, MCA tidaklah muncul sebagai parti politik dalam erti kata sebenarnya. Pada peringkat permulaan penubuhan parti itu, ia adalah sebuah pertubuhan kebajikan, sungguhpun mempunyai minat dalam politik. Malah MCA banyak menjalankan kegiatan politik seperti meminta agar hak kerakyatan diberi dengan lebih mudah lagi kepada keturunan Cina.

Setengah-setengah daripada anggotanya yang terkemuka ingin mengekalkan sifatnya yang bukan politik itu. Akan tetapi ramai yang merasakan bahawa parti ini patutlah menjadi sebuah parti politik supaya dapat memberikan khidmat yang lebih berkesan dan memajukan kepentingan masyarakat Cina. Tentangan daripada kumpulan yang mahukan MCA jangan dijadikan parti politik itu cukup kuat sehinggakan Datuk Tan Cheng Lock, yang pada masa itu menjadi Yang Dipertua MCA, mengugut akan meletakkan jawatannya jika anggota MCA enggan menjadikan MCA sebagai sebuah parti politik. Ugutan ini dibuat pada bulan Mei 1952. Tentangan terhadap usaha hendak menjadikan MCA sebuah parti politik diketuai oleh Setiausaha agung MCA, iaitu Encik Yong Shook Lin. Namun demikian, Tan Cheng Lock telah berjaya menjadikan MCA sebuah parti politik yang kemudiannya diumumkan dalam satu mesyuarat agung MCA yang diadakan pada bulan

Januari 1953. Berikutan daripada itu, Setiausaha Agung pertubuhan tersebut pada masa itu Yong Shook Lin, telah meletakkan jawatan.

UMNO Menyusun Kedudukannya

Sementara itu UMNO mulai menyusun semula kedudukannya bagi menghadapi cabaran dan perjuangan pada masa depan. Apabila perjuangan menentang Malayan Union menampakkan tanda kejayaan yang terjamin, Dato' Onn bin Jaafar, Yang Dipertua UMNO, cuba memusatkan pemikiran anggota UMNO ke arah perjuangan seterusnya. Perjuangan mereka bukanlah semata-mata untuk menghapuskan Malayan Union itu sahaja. Beliau memberitahu perhimpunan UMNO yang diadakan pada bulan September 1947:

Sungguhpun tugas menentang Malayan Union itu hampir selesai, orang Melayu mestilah insaf bahawa ini hanyalah permulaan perjuangan kita. Banyak lagi perkara lain yang orang Melayu mesti buat ... UMNO telah ditubuhkan bukan sahaja untuk membangkang Malayan Union, tetapi juga untuk menentang orang Melayu sendiri. Kita terpaksa mencari ikhtiar bagaimana kita akan menukar tabiat dan cara hidup orang Melayu supaya membolehkan mereka sedar akan tugas dan tanggungjawab mereka.

Oleh yang demikian, UMNO telah disusun semula. Pentadbirannya telah dipusatkan dan diperkemaskan lagi. Selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, terdapat perubahan dalam cara berfikir kebanyakan pemimpin UMNO terhadap politik Tanah Melayu. Ada tanda-tanda menunjukkan mereka sanggup untuk bekerjasama dengan golongan lain. Usaha untuk merapatkan perhubungan antara kaum memang digalakkan oleh pihak British kerana pada masa itu Britain sedang menghadapi pemberontakan komunis dan tidak mahu pula menambah beban dengan masalah perselisihan

an antara kaum. Oleh itu Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya-Jeneral British bagi Asia Tenggara, telah mengadakan perjumpaan di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat Tanah Melayu. Perjumpaan itu dilakukan di Istana Bukit Serene, Johor Bahru pada akhir bulan Disember 1948. Mereka telah membincangkan cara-cara hendak menjalinkan hubungan yang baik di antara penduduk Tanah Melayu. Hasil daripada perjumpaan itu, satu mesyuarat telah diadakan di Pulau Pinang pada bulan Januari 1949 dan mereka telah membentuk Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengambil langkah ke arah bekerjasama antara kaum. Selepas penubuhan jawatankuasa ini, Dato' Onn bersuara dengan lebih lantang dalam menggalakkan kerjasama yang lebih rapat di antara orang Melayu dengan kaum-kaum lain di Tanah Melayu.

Pada mulanya, UMNO telah dibuka kepada kaum lain sebagai anggota yang bersekutu saja. Pada bulan Oktober 1949, Dato' Onn mencadangkan supaya Tanah Melayu mempunyai hanya satu kewarganegaraan, iaitu satu bangsa yang bertutur dalam satu bahasa sahaja. Ahli-ahli UMNO kebanyakannya berasa curiga terhadap Jawatankuasa Hubungan Kaum kerana ia agak liberal dalam hal memberi hak politik kepada orang bukan Melayu. Cadangannya tidak mendapat sambutan daripada kalangan kebanyakan ahli UMNO.

Dato' Onn Meletakkan Jawatan

Dato' Onn meneruskan langkah ini dengan satu cadangan hendak meminda undang-undang kerakyatan Perjanjian Persekutuan tahun 1948 untuk menjadikannya lebih longgar. Persatuan Penuntut-Penuntut Pelajaran Tinggi Melayu (*The Malay Graduates Association*) menentang cadangan Dato' Onn itu. Ramai ahli UMNO yang tidak bersetuju. Sekali lagi

beliau gagal mendapat sokongan UMNO. Kegagalannya itu telah menyebabkan beliau meletakkan jawatan pada bulan Jun 1950, walaupun UMNO menyatakan kepercayaan kepada Dato' Onn. Walau bagaimanapun pada masa itu, UMNO tidak mahu kehilangan pimpinan Dato' Onn. Tidak berapa lama kemudian, Perhimpunan Agung UMNO menetapkan hendak meminta Dato' Onn memimpin semula UMNO. Rombongan UMNO telah dihantar untuk memujuk Dato' Onn dan satu perarakan telah diadakan di Johor Bahru. Pada bulan Ogos 1950, Dato' Onn telah dilantik semula sebagai Yang Dipertua.

Walaupun bagaimanapun, kesukaran yang dialami pada mulanya mengenai pemberian peluang kepada orang bukan Melayu dalam kegiatan politik Tanah Melayu, Dato' Onn mengorak langkah selanjutnya. Beliau kemudian berura-ura hendak menukar nama UMNO iaitu daripada United Malays National Organisation kepada United Malaya National Organisation. Tujuannya ialah untuk membuka pintu UMNO kepada semua rakyat Tanah Melayu, dengan tidak menghiraukan tentang keturunan bangsa mereka. Cadangan Dato' Onn ini terlampau radikal untuk diterima oleh orang Melayu. Beliau mengajukan perkara ini pada awal tahun 1951.

Dato' Onn pada ketika itu memikirkan bahawa Parti Progressif di Singapura, sebuah parti yang tidak bercorak perkauman, bercadang hendak turut serta dalam kegiatan politik Persekutuan Tanah Melayu. Beliau tidak mahu Parti Progressif mengambil daya utama dalam penubuhan parti yang berbilang bangsa di Tanah Melayu. Beliau berpendapat bahawa jika UMNO mengambil langkah permulaan ini, tentulah ia akan dapat menarik masuk orang bukar Melayu ke dalam UMNO, yang demikian menghalang wujudnya satu parti lawan yang mungkin

menjadi saingan hebat terhadap UMNO. Nampaknya beliau berasa yakin bahwa UMNO boleh mengawal orang bukan Melayu itu, jika mereka memasuki UMNO. Perlu diingat bahawa pada masa itu jumlah orang bukan Melayu yang mempunyai hak kerakyatan Tanah Melayu adalah kecil.

Pada masa ini juga, MCA sedang mendesak supaya diterima prinsip *ius soli*, dalam soal pemberian hak kerakyatan. Bersama-sama dengan Dewan Perniagaan Cina, MCA meminta supaya ditubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menggubal satu perlembagaan baru. Britain pula sedang merancang hendak mengadakan pilihanraya perbandaran pada hujung tahun 1951.

Dato' Onn memikirkan bahawa beliau akan dapat mengelakkan, bukan saja pembentukan satu parti politik yang bercorak berbilang bangsa di luar parti UMNO, tetapi juga mengurangkan peluang MCA menjadi sebuah parti yang kuat dengan menarik masuk rakyat daripada keturunan bukan Melayu ke dalam United Malaya National Organisation yang dicadangkan itu. Walau bagaimanapun, cadangan ini telah dibantah keras oleh sebilangan besar anggota UMNO yang menyoal kesetiaan orang bukan Melayu. Pada ketika itu ramai daripada pemuda bukan Melayu sedang meninggalkan Tanah Melayu

untuk mengelakkan diri daripada dikerah ke dalam Perkhidmatan Negara bagi menentang keganasan komunis.

Ramai anggota UMNO berpendapat bahawa dengan membuka keanggotaan UMNO kepada semua rakyat, maka ini akan membawa kesan yang buruk terhadap sifat kemelayuan UMNO. UMNO tidak akan lagi dapat memperjuangkan hak-hak untuk orang Melayu semata-mata, seperti yang telah dirangkakan pada mulanya. Perjuangan UMNO khusus untuk orang Melayu masih sangat diperlukan kerana kedudukan mereka yang begitu mundur.

Bangkangan terhadap perubahan ini sungguh kuat sehingga menyebabkan Dato' Onn mengambil keputusan untuk keluar daripada UMNO dan memulakan persiapan hendak menubuhkan parti lain. Pada 27 Ogos 1951, Dato' Onn dengan rasminya meletakkan jawatan dalam UMNO. Perhimpunan Agung UMNO kemudian meluluskan satu usul mengiktiraf perkhidmatan beliau dan memberi penghargaan kepadanya sebagai pengasas UMNO dan tokoh yang menyatukan orang Melayu serta memberikan mereka kesedaran terhadap tugas dan hak-hak politik mereka. Tunku Abdul Rahman Putra telah mengambil alih tempat Dato' Onn sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Bab 22

Kemunculan dan Perkembangan Parti Politik
1951 - 1955Penubuhan Parti Kemerdekaan
Tanah Melayu

g

Perletakan jawatan oleh Dato' Onn bin Jaafar sebagai Yang DiPertua UMNO telah diikuti oleh kebanyakan daripada anggota Jawatankuasa Kerja Pusat UMNO. Bersama-sama dengan beberapa orang pemimpin masyarakat bukan Melayu yang terkemuka, bekas pemimpin UMNO ini, telah menubuhkan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (*Independence of Malaya Party* atau IMP). Parti ini ditubuhkan pada 16 September 1951.

Majlis pembukaan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu telah dipengerusikan oleh mendiang Datuk Tan Cheng Lock, iaitu Yang Dipertua MCA. Parti IMP, pada masa yang sama, nampaknya mula menunjukkan keupayaannya untuk maju, kerana parti ini mempunyai sebilangan besar tokoh-tokoh yang terkemuka dalam politik Tanah Melayu. Selain Tan Cheng Lock, terdapat tokoh-tokoh lain seperti Datuk E.E.C. Thuraisingham, Yong Shook Lin (Setiausaha Agung MCA), Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (Dato' Panglima Bukit Gantang), Zainal Abidin bin Haji Abas, P.P. Narayanan (Yang Dipertua Kongres Kesatuan Pekerja Tanah Melayu), Khoo Teik Ee, (Bendahari MCA), Tan Siew Sin dan K.L. Devaser (Yang Dipertua Kongres India

Tanah Melayu atau *Malayan Indian Congress - MIC*) dan R. Ramani, seorang peguam yang terkemuka.

Parti Kemerdekaan Tanah Melayu merupakan parti politik berbilang kaum. Keanggotaannya terbuka kepada semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu, rakyat British dan penduduk Tanah Melayu yang telah tinggal di negeri ini lebih daripada 10 tahun. Matlamat umum Parti Kemerdekaan Tanah Melayu ialah:

- (a) Pemerintahan sendiri untuk Tanah Melayu dalam tempoh 10 tahun.
- (b) Pilihanraya yang demokratis untuk majlis tempatan menjelang tahun 1953 dan untuk Dewan Perundangan Pusat, yang didasarkan kepada prinsip tiap-tiap orang dewasa mempunyai hak mengundi, menjelang tahun 1955.
- (c) Menjadikan Perkhidmatan Awam sebuah badan di bawah penguasaan orang tempatan dan penubuhan sebuah Perkhidmatan Awam Tanah Melayu bagi menggantikan Perkhidmatan Awam penjajah.
- (d) Pendidikan asas yang percuma serta wajib bagi semua kanak-kanak di antara umur 6 tahun hingga 12 tahun menjelang tahun 1953.
- (e) Perkhidmatan sosial yang bertam-

bah baik, terutamanya di kawasan luar bandar.

- (f) Memberikan bantuan dan harga yang terjamin untuk barang keperluan petani.
- (g) Hasil sepenuhnya bagi usaha-usaha pada pekerja.
- (h) Memperbaiki sistem feodal di negeri-negeri Melayu.

Kemunculan IMP ini menimbulkan kesan yang agak aneh. Salah satu daripada sebab utama penubuhan IMP ialah kerana kegagalan Dato' Onn hendak mendesak UMNO supaya menukar corak parti itu menjadi parti berbilang bangsa. Tetapi salah satu daripada kesan serta-merta yang timbul akibat penubuhan IMP ialah lahirnya perikatan di antara UMNO dengan MCA di Selangor yang kemudiannya berkembang menjadi Parti Perikatan yang meliputi seluruh negara. Namun begitu perlu diberi perhatian bahawa IMP terbuka kepada semua warganegara Tanah Melayu tetapi Perikatan adalah terhad kepada kerjasama antara dua parti politik yang bersifat perkauman dari segi keanggotaan.

Akibat daripada kegiatan politik dan tuntutan daripada berbagai-bagai parti dan kumpulan politik di Tanah Melayu, pada hujung tahun 1940-an dan awal tahun 1950-an, kerajaan British mengambil keputusan untuk mengadakan pilihanraya. Keputusan ini berkaitan dengan keadaan Darurat pada masa itu. Britain memerlukan kerjasama dan pertolongan rakyat Tanah Melayu untuk menghancurkan ancaman komunis. Oleh itu Britain perlu memainkan peranan politik yang lebih besar untuk mendapatkan sokongan mereka. Pilihanraya ini dijalankan di peringkat Perbandaran Pulau Pinang dan Kuala Lumpur sahaja. Di Pulau Pinang, pilihanraya dirancang diadakan pada akhir tahun 1951 dan di Kuala Lumpur

pula pilihanraya diadakan pada bulan Februari 1952. IMP mengumumkan hasratnya hendak meletakkan calon-calon untuk pilihanraya Kuala Lumpur. Seperti yang telah disebutkan, pemimpin parti itu bukan sahaja nampaknya mempunyai harapan tetapi kedudukan mereka juga teguh. Sebenarnya ada perasaan khuatir di kalangan pemimpin UMNO dan MCA melihatkan kekuatan parti IMP. Adalah diberitakan bahawa IMP cuba hendak mendapatkan kerjasama MCA dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, tetapi tidak berjaya. Antara UMNO dengan IMP pula, perselisihan faham memang telah wujud. Sungguhpun semasa Dato' Onn mula keluar daripada UMNO tidak begitu nampak pertentangan, malah UMNO telah memberikan dorongan kepada beliau dalam usahanya menubuhkan sebuah parti baru, tetapi selepas tertubuhnya IMP, UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, mengambil keputusan menyingkirkan mana-mana ahli UMNO yang menjadi ahli IMP. Dalam keadaan yang sedemikian, hubungan persahabatan antara seorang tokoh UMNO di Kuala Lumpur dengan seorang tokoh MCA Selangor telah mendorongkan kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor dalam menghadapi pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Peristiwa ini dianggap sebagai permulaan tertubuhnya parti Perikatan.

Kegagalan IMP

Daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya itu, gabungan UMNO-MCA memenangi sembilan kerusi. IMP cuma menang dua kerusi sahaja. Ini adalah satu kemenangan besar bagi Parti Perikatan dan satu pukulan teruk kepada IMP. Sebenarnya, semenjak itu IMP tidak dapat pulih semula.

IMP gagal untuk membentuk corak politik yang baru di Tanah Melayu. Bagi kebanyakan orang Melayu, mereka menaruh syak terhadap IMP. Bukan sahaja kerana parti itu bercorak berbilang bangsa, tetapi juga kerana setengah-setengah daripada pemimpinnya adalah orang-orang yang telah meninggalkan UMNO, iaitu satu parti yang pada masa itu disifatkan sebagai mewakili kepentingan orang Melayu. Pada awal tahun 1950-an, perkembangan perasaan antipenjahad sedang memuncak. Pada masa itu, Dato' Onn sedang memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan British di Tanah Melayu dan ini menjadikan beliau kurang diterima di kalangan orang Melayu. Sebaliknya, UMNO telah membuktikan kebolehannya. UMNO telah berjaya menghapuskan Malayan Union dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. UMNO telah memberikan hasil yang konkrit tetapi IMP, sungguhpun pemimpinnya cerdas dan berkebolehan, masih lagi belum membuktikan kebolehannya.

Kepada masyarakat Cina, IMP kurang menarik perhatian mereka. Pimpinan daripada ketua-ketua kaum Cina menerusi Dewan Perniagaan Cina masih berpengaruh. MCA pula telah pun wujud selama beberapa tahun dan telah mula menarik perhatian orang Cina. Peranan yang dimainkan oleh Tan Cheng Lock, pada ketika itu, tidak juga memudahkan bagi masyarakat Cina untuk membuat satu keputusan sama dan hendak menganggotai parti IMP atau tidak. Sungguhpun Tan Cheng Lock memperkerusi mesyuarat pengasasan parti itu, namun beliau tidak memainkan peranan yang cergas untuk membangunkan IMP. Walau bagaimanapun, beliau ada menyeru orang Cina supaya memberi sokongan kepada IMP. Sebenarnya, apabila cawangan-cawangan MCA meminta arahan apakah mereka patut dibubarkan sahaja dan menjadi cawangan IMP, itu

pejabat MCA gagal memberikan jawapan yang tegas. Peranan yang samar-samar oleh Tan Cheng Lock itu menyebabkan IMP tidak mendapat sokongan daripada masyarakat Cina. Apabila MCA Selangor bekerjasama dengan UMNO dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dan meletakkan calon menentang IMP, maka sambutan daripada masyarakat Cina terhadap IMP menjadi bertambah dingin.

Pilihanraya dan Perkembangan Parti-parti

Tahun-tahun 1951-1952 merupakan tempoh yang amat penting dalam sejarah Malaysia. Pada masa itu pilihanraya diperkenalkan iaitu pada bulan Disember 1951 di Pulau Pinang dan pada bulan Februari 1952 di Kuala Lumpur. Walaupun pilihanraya itu hanya untuk memilih ahli majlis tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, tetapi kesannya sangat penting.

Di Pulau Pinang telah ditubuhkan dua buah parti politik untuk bertanding dalam pilihanraya iaitu Parti Buruh Pulau Pinang dan Parti Radikal. Parti Buruh mendapat sokongan kebanyakannya daripada kesatuan sekerja dan Parti Radikal disokong oleh sebahagian besar pekerja yang berpelajaran Inggeris.

Parti Buruh

Penubuhan sebuah Parti Buruh telah difikirkan oleh segolongan pemimpin kesatuan sekerja sejak tahun 1948 lagi. Pada tahun 1950, ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang mewakili golongan buruh telah menyatakan hasrat hendak menubuhkan sebuah parti politik untuk memperjuangkan kepentingan pekerja.

Hasrat ini tidak dapat dilaksana-

kan. Pada awal tahun 1951, kerajaan British telah mengumumkan hendak mengadakan pilihanraya di peringkat tempatan, khususnya bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Pengumuman pihak British ini telah menggalakkan kegiatan politik. Beberapa orang tokoh kesatuan sekerja telah mengadakan perbincangan dan mesyuarat. Akhirnya pada 15 Mei 1951, Parti Buruh Pulau Pinang ditubuhkan. Tujuan utama parti ini ialah untuk memperjuang kepentingan golongan miskin. Parti Buruh Pulau Pinang telah bertanding dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada akhir tahun 1951.

Dengan tertubuhnya Parti Buruh Pulau Pinang, pemimpin kesatuan sekerja yang lainnya mula bergerak. Pada 23 Disember 1951, Parti Buruh Selangor telah ditubuhkan. Lebih kurang pada masa ini juga, Parti Buruh telah ditubuhkan di Melaka, Perak dan Negeri Sembilan.

Gerakan menubuhkan Parti Buruh ini lebih memuncak apabila Kongres Kesatuan Sekerja Tanah Melayu diadakan pada akhir bulan Jun 1952. Dengan kehadiran wakil-wakil kesatuan sekerja dalam kongres ini, maka mereka telah berusaha memperbaiki kedudukan buruh menerusi politik. Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk menubuhkan Parti Buruh Se-Malaya (*Pan-Malayan Labour Party*). Encik Mohammad Sopiee bin Syekh Ibrahim dilantik menjadi Pengerusi.

Pada masa itu Parti Buruh Se-Malaya tidak mempunyai ahli secara perseorangan. Parti ini merupakan gabungan beberapa parti buruh yang telah ditubuhkan di peringkat negeri.

Selain memperjuangkan kepentingan buruh, parti ini juga, pada peringkat awalnya, menekankan penentangannya terhadap keganasan komunis dan perlunya bekerjasama dengan Britain. Namun demikian, parti ini mengutuk penjajahan Bri-

tish. Parti Buruh Se-Malaya merancang perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu kepada tiga peringkat mulai tahun 1954 dan mencapai kemerdekaan pada tahun 1964. Di peringkat pertama (1954-1957) dan di peringkat kedua (1958-1960). Parti Buruh Se-Malaya meminta pilihanraya diadakan tetapi menerima penubuhan sebuah Majlis Perundangan Persekutuan yang anggotanya tidak semua dipilih oleh rakyat. Pada peringkat ketiga (1961-1964) barulah Parti Buruh menuntut kemerdekaan penuh. Dua tahun selepas penubuhan Parti Buruh Se-Malaya, nama parti ini telah ditukar menjadi Parti Buruh Tanah Melayu (*Labour Party of Malaya*). Mulai tahun 1954, Parti Buruh memulakan keanggotaannya secara perseorangan.

Selain itu, beberapa parti politik telah juga diasaskan pada awal tahun 1950-an. Yang paling awal ialah Kesatuan Melayu Semenanjung yang diketuai oleh Haji Hashim bin Abdul Ghani. Kesatuan ini ditubuhkan semasa Dato' Onn cuba memujuk UMNO supaya melaksanakan dasar yang lebih liberal terhadap orang bukan Melayu pada tahun 1950.

Haji Hashim dilahirkan di Melaka pada tahun 1906. Beliau pernah berkhidmat di mahkamah Melaka sebagai Jurubahasa sehinggalah beliau bersara. Sebelum meletus Perang Dunia Kedua, beliau terlibat dalam gerakan Kesatuan Melayu Singapura pada tahun 1937. Selepas perang, beliau pernah menceburkan diri dalam Pergerakan Melayu Semenanjung yang diasaskan oleh Dato' Onn, bagi menentang Malayan Union. Oleh yang demikian, Haji Hashim Abdul Ghani dengan partinya Kesatuan Melayu Semenanjung menentang Dato' Onn kerana menganjurkan dasar yang cuba memberi hak politik kepada orang bukan Melayu dengan cara yang agak mudah. Walaupun parti itu tidak pernah mencapai kejayaan dalam pilihanraya kebangsaan, selama beberapa

tahun sebelum merdeka, tetapi parti ini telah memberi tentangan yang kuat juga kepada UMNO dan masih terus bergiat setelah Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963.

Pada tahun 1953 muncul dua buah parti politik di Perak. Pada bulan Januari 1953 telah diasaskan Parti Progressif Perak (PPP) diketuai oleh dua orang peguam adik-beradik iaitu S.P. Seenivasagam dan D.R. Seenivasagam. Pada peringkat awal, banyak daripada ahlinya adalah peguam dan PPP tidak mempunyai falsafah politik yang tertentu. D.R. Seenivasagam pernah menjadi ahli Parti Buruh Perak pada tahun 1952. Pada 8 Disember 1953, PPP bersetuju bekerjasama, pada prinsipnya, dengan UMNO-MCA untuk bertanding dalam pilihanraya Majlis Perbandaran di Perak. Pada tahun 1954, D.R. Seenivasagam telah bertanding dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Ipoh sebagai calon UMNO-MCA-PPP dan berjaya memenangkannya. Tetapi menjelang pilihanraya Persekutuan pada tahun 1955, PPP keluar daripada Perikatan. Pada tahun 1959 nama parti itu diubah menjadi Parti Progressif Rakyat (*People's Progressive Party*) selaras dengan dasarnya untuk menjadi sebuah parti yang lebih luas kawasan penglibatannya dan tidak hanya di Perak sahaja.

Parti lain yang muncul di Perak ialah Persatuan Kebangsaan Perak (*National Association of Perak - NAP*). NAP telah dirasmikan penubuhannya pada 4 Oktober 1953 di Ipoh. Parti ini ditubuhkan setelah IMP merosot. Ketua parti ialah Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, Datuk Panglima Bukit Gantang, iaitu penyokong kuat Dato' Onn. Ramai pegawai kerajaan menjadi ahli NAP. Parti ini pada peringkat awalnya bertujuan menyatukan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum. NAP juga hendak membentuk kerajaan sendiri dalam Komanwel British. Pada awal tahun 1954, Datuk Panglima

Bukit Gantang mengumumkan bahawa ahli-ahli NAP juga boleh menjadi ahli Parti Negara yang ditaja oleh Dato' Onn selepas IMP gagal. Ini menunjukkan bahawa Datuk Panglima Bukit Gantang tetap menyokong Dato' Onn. Dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Ipoh, Taiping dan Teluk Anson pada tahun 1954, calon-calon NAP gagal memenangi kerusi.

Parti Negara

Selepas IMP gagal dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada bulan Februari 1952, ahli Melayu dalam IMP merasakan bahawa Tan Cheng Lock dan MCA tidak memberi sokongan kepada IMP, sebagaimana yang telah dijangkakan. Malah MCA telah menentang IMP. Mereka telah cuba menandingi perikatan UMNO-MCA dengan menganjurkan Persidangan Kebangsaan dan menjemput parti-parti politik lain untuk turut serta. Langkah ini juga tidak membawa hasil yang memuaskan. Akhirnya pada bulan Februari 1954, kebanyakan tokoh Melayu, sebahagian besarnya Menteri Besar yang menganggotai IMP dahulu telah menubuhkan Parti Negara. Dato' Onn dipilih menjadi Setiausaha Agung.

Parti Negara mengumumkan partinya sebagai sebuah parti yang berbilang bangsa tetapi kebanyakan ahlinya adalah orang Melayu. Untuk menjadi ahli, seseorang itu mestilah warganegara Tanah Melayu ataupun warganegara British yang telah tinggal di Tanah Melayu tidak kurang daripada lima tahun. Parti Negara memperjuangkan perpaduan kebangsaan dan mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan. Ia juga menuntut taraf berkerajaan sendiri. Parti Negara menerima bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan mendesak supaya kemusakan orang luar dikawal. Parti Negara menekankan

soal kemunduran orang Melayu dan tekanan daripada orang bukan Melayu. Ia juga berjanji akan memberi kedudukan khas kepada agama Islam.

Dalam pilihanraya peringkat negeri di Johor pada bulan Oktober 1954, Parti Negara telah meletakkan 10 calon daripada 16 kerusi yang dipertandingkan. Parti Negara gagal memenangi satu kerusi pun. Dalam pilihanraya di empat negeri yang lain, Parti Negara masih tidak berjaya. Dalam pilihanraya Persekutuan tahun 1955, Parti Negara telah meletakkan 30 orang calon. Jumlah kerusi yang dipertandingkan ialah 52. Parti Negara masih tetap gagal memenangi satu kerusi pun. Namun demikian, dalam pilihanraya tahun 1959, Parti Negara telah berjaya merebut satu kerusi di Terengganu. Calon Parti Negara yang menang itu ialah Dato' Onn bin Jaafar.

Semasa Dato' Onn menjadi ahli Parlimen, beliau telah berkali-kali membawa usul untuk menamatkan kewarganegaraan kita sebagai 'Melayu'. Tetapi usul ini telah ditangguhkan oleh kerajaan Perikatan dari satu sidang Parlimen ke satu lagi sidang sehinggalah Dato' Onn meninggal dunia. Selepas itu Parti Negara pun mullah merosot dan terus hilang dalam arena politik Malaysia.

Penubuhan Parti Islam Se-Tanah Melayu

Antara beberapa parti politik yang muncul pada awal tahun 1950-an ialah Parti Islam Se-Tanah Melayu. Kini parti ini lebih dikenali sebagai PAS. Penubuhan parti ini ada kaitannya dengan UMNO dan juga ada kaitannya dengan Hizbul Muslimin yang telah pun dibincangkan lebih awal lagi. Parti Islam Se-Tanah Melayu muncul semasa UMNO menghadapi kegentingan akibat pertentangan di antara Dato' Onn dengan partinya (UMNO).

Dari mula lagi UMNO memang mengambil berat tentang agama Islam dan telah menubuhkan Jabatan Agama Islam dalam partinya. Namun begitu, UMNO mendapati bahawa sokongan daripada pemimpin Islam masih kurang memuaskan. Untuk membaiki kedudukan itu, satu mesyuarat peringkat kebangsaan di kalangan ulama telah diadakan dari 21 hingga 22 Februari 1950 di Muar. Ramai alim ulama telah hadir. Banyak persetujuan telah dicapai untuk mendesak kerajaan memberikan keutamaan kepada agama Islam, termasuk keputusan untuk menubuhkan Jabatan Agama di Pulau Pinang dan Melaka seperti yang terdapat di negeri-negeri Melayu yang lain. Mesyuarat itu juga telah mengambil keputusan menubuhkan Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu.

Antara matlamat penubuhan Hizbul Muslimin dahulu ialah mewujudkan sebuah negara Islam. Walaupun Hizbul Muslimin tidak lama bergerak kerana pemimpin-pemimpinnya ramai yang ditahan oleh pihak British, namun keinginan untuk menubuhkan sebuah parti politik Islam sebagai gantinya semakin jelas ternampak di kalangan tokoh-tokoh Islam. Pada dasarnya, tujuan mereka merupakan percubaan untuk menjadikan pentadbiran di Tanah Melayu berasaskan agama Islam.

Dalam persidangan Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951, satu ketetapan telah diambil untuk menubuhkan sebuah parti politik yang bebas. Satu jawatankuasa (5 orang ahlinya) yang diketuai oleh Haji Ahmad Fuad bin Hassan (Ketua Jabatan Agama Islam, UMNO) telah dilantik untuk menggubal satu perlembagaan. Beberapa bulan kemudian, dalam satu mesyuarat yang diadakan di Kepala Batas pada 24 November 1951, Parti Islam Se-Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi. Pemimpin-pemimpin parti itu terdiri daripada:

Yang Dipertua: Haji Ahmad Fuad bin Hassan (ahli UMNO)

Naib Yang Dipertua: Haji Ahmad Maliki (ahli UMNO)

Setiausaha: Ustaz Ahmad Saghir

Bendahari: Haji Ahmad bin Long (ahli UMNO).

Antara ahli-ahli lain dalam jawatan-kuasa itu juga terdapat beberapa orang ahli UMNO.

Pada awalnya parti itu tidak begitu kuat. Ketua parti (Haji Ahmad Fuad) amat rapat dengan Dato' Onn. Perubahan yang agak penting mula berlaku pada tahun 1953. Parti itu disusun semula misalnya dalam Perhimpunan Agung yang diadakan pada tahun 1954, perlembagaan parti telah dipinda. Kemerdekaan menjadi tujuan utama dan ini diikuti dengan usaha hendak menjadikan agama Islam sebagai asas kepada masyarakat dan kerajaan. Pada masa inilah Datuk Mohd. Asri, menjadi ahli Parti Islam Se-Tanah Melayu. Ramai juga bekas ahli Hizbul Muslimin dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya menganggotai PAS. Pada tahun 1955, Ustaz Zulkiflee Muhammad pula menjadi ahli PAS. Dari tahun 1956 sehingga tahun 1964, Ustaz Zulkiflee menjadi Timbalan Yang Dipertua parti itu. Pada tahun 1956 Dr. Burhanuddin Helmi dilantik sebagai Yang Dipertua PAS. Dr. Burhanuddin merupakan seorang pejuang kebangsaan yang ulung.

Dalam pilihanraya umum yang pertama pada tahun 1955 hanya PAS sahaja yang berjaya memenangi satu daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. 51 kerusi dimenangi oleh Perikatan. Agak luar biasa bagi PAS memenangi biar pun satu kerusi kerana PAS, pada masa itu, baru sahaja didaftarkan sebagai sebuah parti politik, sehari sebelum pilihanraya tahun 1955 diadakan.



Parti Perikatan mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya umum pada tahun 1955.

Bab 23

Darurat 1948 – 1960

Apabila Jepun telah dapat menakluk Tanah Melayu pada tahun 1942, ada kumpulan-kumpulan di negeri ini yang telah menentang Jepun. Kumpulan yang terbesar sekali terdiri daripada Tentera Rakyat Tanah Melayu Anti-Jepun (*Malayan People's Anti-Japanese Army* – MPAJA). Kumpulan ini juga dikenali sebagai Bintang Tiga. Bintang Tiga sebenarnya dikuasai oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Kumpulan lain yang menentang Jepun terdiri daripada Pasukan 136 (*Force 136*) dan Wataniah yang kebanyakan anggotanya adalah orang Pahang.

Selepas Jepun kalah, kumpulan-kumpulan ini pun membubarkan kumpulan masing-masing, kecuali Bintang Tiga. Pada akhirnya Bintang Tiga telah membubarkan kumpulannya tetapi sebenarnya tidak. PKM yang mengendalikan Bintang Tiga mempunyai rancangan tersendiri. PKM bertujuan hendak mendirikan pemerintahan komunis di Tanah Melayu. Jadi, banyak senjata Bintang Tiga yang disorok supaya boleh digunakan kalau timbul pemberontakan.

Apabila Britain kembali semula ke Tanah Melayu pada akhir tahun 1945, PKM mula pula menguasai, ataupun sekurang-kurangnya mempengaruhi, beberapa persatuan sekerja. Boleh dikatakan bahawa Kesatuan Demokratik Tanah Melayu (*Malayan Democratic Union*), Liga Belia

Demokratik Tanah Melayu (*Malayan Democratic Youth League*), Persatuan Bekas Ahli MPAJA (*Malayan People's Anti-Japanese Ex-Service Comrades' Association*) dan Persekutuan Kesatuan Sekerja Se-Malaya (*Pan-Malayan Federation of Trade Unions* – PMFTU) merupakan pertubuhan yang dipengaruhi oleh PKM. Menerusi pertubuhan-pertubuhan ini, PKM cuba hendak berkuasa. PKM mendalangi mogok dan kegiatan politik seperti yang terdapat dalam AMCJA. Apabila AMCJA berserta PUTERA gagal menghalang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, maka PKM pun menukar cara perjuangannya.

Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan pada 1 Februari 1948. Pada masa itu, kegiatan PKM dan badan-badan yang dipengaruhinya bergerak dengan cergas. Kekacauan pun mula timbul pada 16 Jun 1948, apabila tiga orang pengurus ladang Eropah telah dibunuh oleh anggota PKM, dekat Sungai Siput di Perak. Akibat pembunuhan itu, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan Darurat di Perak dan di Johor. Pada 17 Jun 1948, Darurat telah diisytiharkan di seluruh Tanah Melayu. Pada 23 Julai 1948, PKM telah diharamkan.

Darurat adalah satu istilah yang digunakan oleh Britain untuk menamakan keadaan huru-hara di Tanah Melayu, antara

tahun 1948 sehingga tahun 1960. Huru-hara ini telah dimulakan oleh PKM. Anggota PKM telah cuba mengambil kuasa di Tanah Melayu dengan menggunakan kekerasan dan senjata. Dalam masa Darurat itu PKM cuba melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu dengan membunuh peladang-peladang dan pelombong-pelombong. Anggota PKM juga telah membunuh anggota tentera dan polis serta orang ramai yang mereka anggap menentang perjuangan mereka. Pemberontak komunis ini telah merosakkan ladang getah, jentera lombong, membakar bas dan menggelingcirkan kereta api.

Pemberontakan komunis pada masa itu tidak terhad di Tanah Melayu sahaja. Dalam masa yang sama, pemberontakan komunis juga berlaku di Burma, Indonesia dan Filipina. Keadaan seperti ini menunjukkan seolah-olah pemberontakan memang diatur. Inilah yang menyebabkan ramai orang menganggap bahawa pemberontakan komunis di Asia Tenggara telah dirancang dan diputuskan di Kongres Belia Asia yang telah diadakan di Calcutta pada bulan Februari 1948. Kongres Belia Asia adalah pertubuhan yang dipengaruhi oleh faham komunis. Banyak parti komunis di Asia yang telah menghantar wakil ke Kongres ini. Jadi Kongres Belia Asia itu dianggap sebagai topeng yang melindungi tujuan sebenar parti komunis, iaitu merancang pemberontakan di Asia Tenggara.

Darurat

Darurat telah menyebabkan penderitaan kepada penduduk Tanah Melayu. Ramai yang telah terkorban sama ada di kalangan anggota komunis mahupun pasukan keselamatan dan juga di kalangan orang awam. Pada satu peringkat dalam masa Darurat itu, kerajaan telah membelanjakan \$300 000 sehari semata-mata untuk menentang

pemberontakan komunis. Pada masa itu, jumlah wang sebanyak ini, dengan mudah sahaja dapat membina sebuah sekolah yang besar. Darurat telah berlanjutan selama dua belas tahun. Dalam jangka masa yang panjang itu, kita tentulah dapat membayangkan betapa banyaknya jumlah wang yang terpaksa dibelanjakan untuk menentang pemberontakan komunis ini. Pada hal, kalau tiada angkara komunis ini, maka wang yang begitu banyak boleh digunakan untuk membina banyak sekolah.

Di peringkat awal Darurat, Britain menganggap pemberontakan PKM ini sebagai satu masalah tentera sahaja. Pada masa itu, Britain menggunakan tentera dan polis untuk menyelesaikan pemberontakan itu. Tetapi cara ini tidak berjaya. PKM bukan sahaja memberontak melalui ketenteraan tetapi juga membangkitkan soal politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Britain juga terpaksa menghadapi PKM dalam semua bidang ini.

Bagi menentang PKM, Britain telah menambah bilangan tentera dan polis di Tanah Melayu. Pasukan Askar Melayu telah diperbesarkan, begitu juga pasukan polis. Malah Britain telah menubuhkan pasukan Polis Khas bagi menolong mengawal ladang getah dan lombong bijih timah supaya sumber ekonomi negara tidak dimusnahkan oleh PKM. Britain juga telah membawa tentera dari luar seperti dari Fiji, Kenya, Australia dan Nepal untuk menentang keganasan komunis.

Rancangan Petempatan Semula


Salah satu daripada ciri penting yang terdapat dalam masa Darurat ialah rancangan penempatan semula. Tujuan utama rancangan ini ialah menyekat makanan supaya tidak sampai kepada komunis dengan harapan apabila mereka kebuluran, maka mereka akan keluar dari hutan. Bagi melaksanakan ini, kerajaan mesti-

lah mengambil langkah-langkah yang boleh menyekat mereka daripada mendapat bekalan serta juga kewangan dan maklumat. Salah satu daripada punca bekalan makanan untuk komunis ialah setinggian yang tinggal berdekatan dengan hutan. Setinggian itu barangkali ada yang bersimpati dan ada yang tidak bersimpati dengan faham komunis, tetapi mereka memberikan bekalan makanan, wang, maklumat dan lain-lain kepada komunis. Mereka melakukannya sama ada kerana wujudnya pertalian persaudaraan ataupun kerana mereka sebangsa ataupun kerana diugut. Oleh sebab setinggian-setinggian itu berselerak di merata tempat di pinggir hutan, adalah sukar sekali bagi kerajaan untuk mengawal pemberian barang makanan dan sebagainya kepada komunis itu. Oleh itu, kerajaan memutuskan hendak memulakan Rancangan Briggs yang sesungguhnya merupakan satu rancangan untuk mencegah bekalan makanan dan kemudahan lain daripada sampai kepada komunis. Briggs ialah nama seorang Jeneral British, Harold Briggs, yang telah dilantik menjadi Pengarah Gerakan menentang komunis pada tahun 1950. Dalam rancangan ini, setinggian akan ditempatkan semula di satu kawasan baru dan mereka diberi kemudahan untuk mendirikan rumah masing-masing. Kawasan baru ini lebih dikenali sebagai Kampung Baru.

Kegiatan setinggian membantu komunis, baik secara sukarela atau tidak, menyulitkan langkah-langkah Britain untuk menghapuskan komunis. Penempatan semula setinggian ini di kawasan yang boleh dikawal merupakan salah satu cara hendak mengalahkan komunis. Adalah juga penting bagi pemindahan ini dibuat dengan cara yang mengejut kerana, kalau tidak, setinggian yang bersimpati dengan PKM mungkin mengambil keputusan untuk lari ke hutan menyertai pemberontakan komunis daripada dipindahkan ke kawasan

baru. Ataupun mereka mungkin memberi bekalan yang banyak kepada komunis jika mereka tahu lebih awal yang mereka hendak dipindahkan.

Kampung-kampung baru dipagar sekelilingnya. Penduduk kampung baru diberi tanah untuk mendirikan rumah. Sekolah dan pusat kesihatan juga disediakan. Biasanya satu kawasan untuk bercucuk tanam disediakan di luar kampung itu. Mereka boleh keluar daripada kampung ini mengikut masa yang ditentukan oleh kerajaan. Barang-barang yang hendak dibawa keluar juga dikawal. Kerajaan berharap langkah ini akan menjadi satu cara yang berkesan untuk menyekat bekalan makanan, wang, ubat dan maklumat kepada komunis. Kalau komunis tidak mendapat bekalan ini, maka mereka akan terpaksa keluar dari hutan untuk mencari makanan dan keperluan lain. Apabila mereka keluar, pada masa itulah pihak kerajaan berharap akan dapat menangkap atau membunuh mereka.



Pemeriksaan keselamatan semasa zaman darurat oleh pasukan Pengawal Kampung.



Pasukan keselamatan memeriksa orang awam yang disyaki membawa barang-barang yang dilarang atau bekalan makanan untuk dihantar kepada penganas komunis.

F. Keganasan komunis juga telah menyebabkan Britain mengadakan Undang-undang Darurat pada tahun 1948. Undang-undang Darurat ini memberi kuasa yang lebih kepada Britain untuk menentang keganasan. Misalnya, kerajaan boleh menangkap dan menahan orang untuk beberapa bulan dengan tidak payah bicarakan di mahkamah. Orang ramai boleh ditangkap kalau mereka berkumpul lebih daripada lima orang di luar bangunan, jika tidak mendapat kebenaran daripada polis. Menyimpan atau membawa senjata api boleh dihukum bunuh. Sungguhpun tujuan asal Undang-undang Darurat ini ialah untuk menghapuskan keganasan komunis tetapi Britain juga menggunakannya bagi mengawal dan melemahkan gerakan kebangsaan yang antipenjajah, walaupun bukan berfahaman komunis. Sebagai contoh ialah penangkapan pemimpin Hizbul Muslimin yang berpusat di Gunung Semanggol.

Rancangan petempatan semula itu juga merupakan satu kuasa Darurat kerana orang ramai boleh dipindahkan oleh kerajaan ke tempat lain walaupun mereka tidak bersetuju. Penggunaan kad pengenalan juga dimulakan pada masa Darurat. Menerusi kad pengenalan ini pihak kerajaan boleh mengesan gerakan dan kehadiran

penganas komunis di kampung baru misalnya, kerana kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kad pengenalan.

Pemberontakan PKM menyebabkan ramai anggota tentera, polis dan orang ramai terbunuh dan tercedera. Banyak bas yang telah dibakar dan kereta api digelincirkan oleh komunis. Kebun-kebun getah dan lombong bijih timah juga dirosakkan. Kemuncak keganasan komunis ini ialah pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Sri Henry Gurney, pada 6 Oktober 1951 di jalan antara Kuala Kubu dengan Bukit Fraser. Pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi ini telah menyedarkan Britain dengan lebih tegas lagi tentang beratnya masalah yang dihadapinya di Tanah Melayu. Oleh itu, Britain telah melantik seorang Pesuruhjaya Tinggi yang baru, Sir Gerald Templer, yang dianggap mempunyai kebolehan dan ketegasan untuk mengatasi pemberontakan PKM itu. Sir Gerald Templer ialah seorang jeneral yang dianggap berkebolehan tinggi oleh Britain. Beliau telah dilantik pada bulan Februari 1952.

Sungguhpun Britain telah melantik seorang jeneral sebagai Pesuruhjaya Tinggi tetapi Britain juga sedar bahawa pemberontakan komunis tidak boleh diselesaikan dengan langkah-langkah ketenteraan sahaja. Jadi pada akhir tahun 1951 dan awal tahun 1952, Britain telah mengadakan pilihannya di peringkat Majlis Perbandaran (Pulau Pinang dan Kuala Lumpur) buat pertama kalinya. Langkah untuk memberi peluang kepada penduduk Tanah Melayu bergerak dalam politik telah diperluaskan kemudiannya ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat Persekutuan pada tahun 1955. Tokoh-tokoh masyarakat juga telah diberi peluang untuk turut serta dalam pentadbiran dengan lebih ramai lagi. Satu daripada cara yang digunakan oleh Britain ialah mengadakan Sistem Ahli. Sistem Ahli ini

merupakan peringkat latihan sebelum Sistem Jemaah Menteri atau Kabinet yang biasanya terdapat apabila sesebuah negeri itu merdeka. Dato' Onn bin Jaafar dan Datuk E.E.C. Thuraisingham pernah menjadi Ahli. Dato' Onn menjadi Ahli Hal-Ehwal Dalam Negeri, manakala Datuk E.E.C. Thuraisingham menjadi Ahli Pelajaran.

Bagi menarik hati rakyat yang bukan Melayu supaya menyokong kerajaan dalam usahanya menentang komunis, Britain telah melonggarkan syarat-syarat untuk mendapatkan hak kerakyatan Tanah Melayu pada tahun 1952. Jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (MCS) yang dahulunya terhad kepada orang British dan Melayu sahaja, telah dibuka pada tahun 1952 kepada orang bukan Melayu yang menjadi rakyat Tanah Melayu. Perkhidmatan Awam Tanah Melayu merangkumi jawatan pentadbiran yang kanan. Kemasukan orang bukan Melayu dalam Perkhidmatan ini berasaskan kuota, tiap-tiap empat orang Melayu diambil, seorang bukan Melayu boleh diterima. Orang bukan Melayu juga diberi hak milik tanah dan kemudahan pelajaran serta kesihatan di kampung baru.

Selain memberi kemudahan dalam bidang hak kerakyatan, jawatan dalam pentadbiran, pemilihan tanah dan lain-lain lagi, Britain juga mewujudkan Perkhidmatan Negara pada tahun 1950. Perkhidmatan Negara mewajibkan pemuda-pemuda Tanah Melayu yang berumur antara 18 hingga 28 tahun mendaftar diri dengan kerajaan. Kalau kerajaan berkehendakan perkhidmatan mereka untuk menjalankan tugas tentera atau polis, maka mereka mesti menerima dan menjalankannya. Apabila undang-undang Perkhidmatan Negara hendak dikuatkuasakan, maka beribu-ribu pemuda bukan Melayu telah meninggalkan Tanah Melayu untuk mengelakkan diri daripada berkhidmat sebagai

tentera atau polis bagi menjaga keselamatan negara. Belia Cina tidak berminat untuk berkhidmat dalam pasukan polis biasa biarpun sebelum undang-undang Perkhidmatan Negara diluluskan. Jadi MCA terpaksa memberi elaun khas kepada keluarga belia Cina yang sedia menjadi polis.

Di peringkat awal Darurat, tindakan ganas komunis meliputi seluruh Tanah Melayu. Kawasan-kawasan yang kerap diancam keganasan komunis dinamakan Kawasan Hitam. Apabila keganasan komunis ini dapat dihapuskan di Kawasan Hitam itu, maka kawasan itu dinamakan pula Kawasan Putih. Pada bulan September 1953 sebahagian pantai negeri Melaka telah diumumkan sebagai Kawasan Putih yang pertama.

Britain tidak berjaya menghapuskan komunis. Namun demikian, apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957, keadaan negara telah bertambah selamat. Darurat telah diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960, sungguhpun kegiatan komunis masih berterusan terutamanya di kawasan sempadan Thai.

Dalam masa 12 tahun Darurat dikuatkuasakan, seramai 6710 orang penganas komunis telah dibunuh dan 3989 orang telah ditangkap ataupun menyerah diri. Pihak polis pula telah mengalami 1346 orang terbunuh dan pihak tentera 519 orang. 2473 orang awam terbunuh dan 810 orang hilang. Bukan sahaja begitu banyak nyawa yang telah terkorban kerana pemberontakan komunis itu, malah beribu-ribu juta ringgit terpaksa dibelanjakan untuk menghapuskan kegiatan komunis.

Kesan Darurat

Pada peringkat awalnya, Darurat telah melambatkan perkembangan politik dan perlembagaan di Tanah Melayu kerana Britain bertujuan hendak menumpukan

seluruh perhatiannya untuk menghapuskan Darurat yang dilihat dari segi ketenteraan. Menurut Britain, soal perkembangan politik dan perlembagaan akan dijalankan selepas Darurat diselesaikan. Kemudian apabila Britain sedar bahawa Darurat tidak boleh ditamatkan dengan menggunakan kekuatan tentera sahaja, maka Darurat telah menjadi pendorong kepada perkembangan politik dan perlembagaan. Britain telah memberi beberapa kemudahan kerana hendak "memenangi hati dan fikiran rakyat". Misalnya, Britain mengadakan pilihanraya supaya rakyat boleh berasa yang mereka juga terlibat dalam kerajaan.

Pembukaan kampung-kampung baru yang kebanyakan penduduknya terdiri daripada orang Cina, juga membawa kesan. Oleh kerana Britain hendak memisahkan mereka daripada PKM, dengan harapan mereka akan menyokong kerajaan ataupun sekurang-kurangnya berhenti daripada membantu komunis, maka mereka telah diberi berbagai-bagai kemudahan seperti hak milik tanah, sekolah, klinik kesihatan, bekalan elektrik dan air, dan sebagainya. Apabila orang Melayu di kampung melihat hal ini, mereka merasakan yang mereka telah tidak menerima layanan yang adil. Sungguhpun Britain telah cuba mencabul hak mereka menerusi Malayan Union tetapi mereka tetap menolok Britain menentang komunis. Mereka masuk berkhidmat dalam pasukan tentera dan polis dan tidak lari daripada Perkhidmatan Negara. Tetapi kampung-kampung mereka terus terbiar merana dan tidak mendapat kemudahan seperti di kampung-kampung baru.

Darurat juga telah menggugat demokrasi. Bagi memperkuat Britain menentang keganasan komunis, Undang-undang Darurat tahun 1948 dan pindaan-pindaannya telah dibuat. Undang-undang ini menyekat kebebasan berkumpul dan,

secara tidak langsung, menyekat kebebasan bercakap. Undang-undang Darurat ini juga telah digunakan untuk melumpuhkan kegiatan politik antipenjajah yang agak radikal walaupun tidak berkait dengan faham komunis.

Pada tahun 1949 pemimpin-pemimpin Cina telah menubuhkan Persatuan Cina Tanah Melayu (*Malayan Chinese Association - MCA*). Pemimpin-pemimpinnya hendak membuktikan bahawa bukan semua orang Cina menyokong PKM dan MCA sedia menyokong kerajaan. MCA banyak membantu kerajaan dari segi pertolongan yang diberi olehnya kepada setinggan-setinggan yang baru dipindahkan ke kampung baru.

Darurat juga telah menjadi satu daripada faktor yang menyebabkan penggubalan dasar pelajaran kebangsaan kerana kerajaan merasakan perlu bahawa kanak-kanak di Tanah Melayu mestilah dididik dengan ilmu pengetahuan yang boleh memupuk perasaan cinta dan taat setia terhadap tanah air. Dasar Pelajaran Kebangsaan telah digubal dalam Penyata Pelajaran Razak yang telah dibuat pada tahun 1956. Antara lain, Dasar Pelajaran Kebangsaan ini menetapkan supaya semua kandungan sukatan pelajaran yang berkaitan di sekolah-sekolah di Tanah Melayu hendaklah ditumpukan kepada hal-ehwal negeri ini. Dasar Pelajaran Kebangsaan juga menetapkan supaya sekolah-sekolah Cina tidak menggunakan sukatan pelajaran yang terlampau menumpukan perhatian kepada perkara yang berkaitan dengan negara China. Sekolah-sekolah Tamil juga ditegah daripada menggunakan sukatan pelajaran dari India. Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah. Dengan menggunakan bahasa Melayu diharap akan dapat memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Kalau anggota masyarakat saling

mengerti dan bekerjasama, maka sukar bagi komunis untuk mempengaruhi mereka.

Darurat juga telah menyebabkan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa mengikat satu perjanjian pertahanan dengan kerajaan British selepas merdeka. Perjanjian pertahanan ini diperlukan kerana kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak mempunyai kekuatan tentera yang cukup pada Ogos 1957, untuk menentang komunis. Wujudnya perjanjian pertahanan ini telah menyebabkan timbulnya kecaman yang

mengatakan Persekutuan Tanah Melayu tidak penuh kemerdekaannya kerana masih lagi bergantung pada kerajaan British biarpun selepas merdeka. Sebaliknya, dengan adanya perjanjian pertahanan ini, maka kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak perlu membelanjakan wang yang banyak untuk pertahanan negara. Penjimatan daripada perbelanjaan pertahanan ini boleh digunakan untuk mendirikan lebih banyak sekolah, hospital, membina jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air paip dan sebagainya.

Bab 24

Ke Arah Kemerdekaan dan Selepasnya

Pilihanraya/

Pada tahun 1955 pilihanraya umum yang pertama telah dijalankan di seluruh Tanah Melayu, walaupun pilihanraya itu bukanlah untuk semua anggota Majlis Perundangan Persekutuan. Dalam tahun itu juga, tiga buah parti politik yang mewakili bangsa Melayu dan dua kaum lain di Tanah Melayu, bersetuju menubuhkan satu perikatan dan menghadapi pilihanraya atas rancangan politik yang sama. Pada tahun itu jugalah Persekutuan Tanah Melayu mulai menjadi negara yang mempunyai pemerintahan sendiri.

Bermula daripada pilihanraya peringkat Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952, UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA di peringkat negeri Selangor mula merasakan bahawa kerjasama antara dua parti politik ini boleh memberikan faedah yang baik dari segi kejayaan dalam pilihanraya mahupun perhubungan antara kaum. Mesyuarat-mesyuarat telah diadakan antara dua pihak yang akhirnya bersetuju untuk bekerjasama sebagai satu gabungan di peringkat kebangsaan. Gabungan ini di peringkat awal dikenali sebagai Perikatan.

Perikatan UMNO dan MCA telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya yang telah diadakan di peringkat tempatan ataupun negeri. Kemudian

Perikatan meminta Britain mengadakan pilihanraya di peringkat kebangsaan. Perikatan menuntut agar 60 peratus ahli Majlis Perundangan Persekutuan dipilih oleh rakyat dan 40 peratus dilantik oleh Britain. Britain tidak bersetuju dengan cadangan Perikatan yang bukan sahaja meminta supaya ahli-ahli yang dipilih hendaklah lebih ramai daripada ahli yang dilantik, tetapi Perikatan juga menuntut pilihanraya Persekutuan diadakan pada tahun 1954.

Keengganan Britain menerima cadangan Perikatan itu, selepas berunding beberapa kali di Tanah Melayu dan di London, menyebabkan Perikatan mengambil keputusan memulakan semua majlis mesyuarat kerajaan di peringkat tempatan, negeri ataupun persekutuan. Kongres India Tanah Melayu (MIC), pada masa itu telah menyatakan simpatinya kepada UMNO-MCA tetapi tidak menyertai pemulauan tersebut.

Melihatkan tentangan yang hebat daripada Perikatan yang mendapat sokongan rakyat yang kuat kepada UMNO-MCA ini, maka Britain bersetuju menerima prinsip bahawa Majlis Perundangan Persekutuan hendaklah mempunyai ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat lebih daripada yang dilantik oleh Britain. Britain mencadangkan satu Majlis Perundangan Persekutuan yang dianggotai oleh 98 orang iaitu 52

dipilih dan 46 ahli dilantik. Daripada 46 yang dipilih ini, 7 akan dilantik khas oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

Perikatan menolak cadangan tersebut dan meneruskan pemulauan. Akhirnya Britain mengesyorkan supaya mana-mana parti yang memenangi majoriti daripada 52 kerusi yang dipertandingkan itu akan boleh mencalonkan 5 daripada 7 ahli Majlis yang dihaskan kepada Pesuruhjaya Tinggi. Perikatan menerima tolak ansur Britain ini. Oleh kerana persetujuan ini cuma dicapai pada awal bulan Julai 1954, maka Perikatan bersetuju dengan cadangan pihak British supaya pilihanraya Persekutuan diadakan pada tahun 1955. MIC kemudiannya menyertai Perikatan.

Dalam pilihanraya yang telah diadakan pada 27 Julai 1955, pihak Perikatan (UMNO-MCA-MIC) telah membentangkan satu manifesto yang agak luas kepada orang ramai. Perkara yang penting dalam manifesto itu ialah pihak Perikatan berjanji akan mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun. Perikatan juga merancang hendak menjadikan sebahagian besar daripada perkhidmatan awam bercorak Tanah Melayu, yang akan dilaksanakan dalam tempoh penggal pertama pemerintahannya. Perikatan berusaha hendak mempercepatkan langkah mengambil pegawai-pegawai tempatan. Pegawai luar tidak lagi boleh diambil tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Majlis Mesyuarat Kerja, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam bidang pelajaran, Perikatan hendak menumpukan kandungan sukatan pelajaran kepada hal-ehwal Tanah Melayu. Perikatan merancang hendak menubuhkan satu jenis sekolah kebangsaan yang boleh diterima oleh penduduk Tanah Melayu. Menerusi sekolah kebangsaan ini, Perikatan hendak memajukan pembangunan kebudayaan, ekonomi, kemasyarakatan dan politik mereka sebagai satu bangsa.

Dengan cara ini Perikatan berharap memenuhi tujuannya hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini. Perikatan juga bertujuan hendak membesarkan Universiti Malaya dan membina universiti-universiti lain di Persekutuan Tanah Melayu.

Di bidang perlembagaan dan politik, Perikatan berjanji hendak menegak dan melindungi kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di dalam negeri masing-masing, dan akan mendesak supaya dilantik sebuah Suruhanjaya Bebas yang khas untuk menggubal satu perlembagaan baru. Penggubal perlembagaan ini akan memberi perhatian kepada kedudukan Raja-Raja Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Pihak Perikatan menyatakan tujuannya hendak mengkaji soal imigresen untuk melindungi kedudukan orang Melayu dan rakyat negara ini. Perikatan hendak mengadakan parlimen yang mempunyai dua dewan. Ahli-ahli Dewan Rakyat hendaklah semuanya dipilih oleh rakyat.

Perikatan juga berjanji untuk "menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negeri ini, dalam tempoh sepuluh tahun" Butir-butir yang lain di dalam manifesto pilihanraya Perikatan ialah tentang pertanian, ekonomi dan kewangan, Darurat, perikanan, perumahan, buruh dan lain-lain.

Mengenai keadaan Darurat, Perikatan berazam hendak menamatkannya secepat mungkin dengan menawarkan pengampunan beramai-ramai. Sekiranya tawaran ini gagal, Perikatan akan mengerahkan semua punca tenaga dalam negeri dan mendapatkan bantuan dari luar untuk menghapuskan penganas komunis.

Janji-janji ini telah dibentangkan kepada orang ramai dalam pilihanraya tahun 1955. Ia diterangkan dan kadangkadangkang dihuraikan dengan panjang lebar. Misalnya, Perikatan menyatakan bahawa adalah

menjadi kelaziman sesebuah negara yang merdeka mempunyai Bahasa Kebangsaan-nya sendiri. Ini akan memudahkkan hubungan antara kaum dan menimbulkan kesedaran bersama yang lebih berkesan terhadap negara. Dengan demikian, demokrasi akan dapat berjalan dengan lebih baik.

Sebagai pemimpin Perikatan pada masa itu, Tunku Abdul Rahman Putra, dalam satu ucapan dalam Perhimpunan Khas UMNO pada 4 Jun 1955, telah mengatakan bahawa Perikatan telah membuat keputusan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Ini akan dilaksanakan dalam masa sepuluh tahun. Beliau yakin dalam tempoh tersebut, bahasa Melayu akan digunakan dalam segala aspek pentadbiran, termasuk penggunaannya di mahkamah.



Tunku Abdul Rahman Putra.

Soal rupa bangsa bagi Tanah Melayu yang merdeka akan diserahkan kepada sebuah Suruhanjaya Bebas yang khas untuk mengkaji dan mencari penyelesaian.

Parti-parti Lain

Perikatan ketika itu ditentang secara besar-besaran oleh Parti Negara sahaja. Parti Negara juga bertujuan untuk mencapai kemerdekaan. Menjelang tahun 1955, ramai antara pemimpin parti itu telah berbalik ke pangkal jalan. Mereka menegaskan semula kepentingan orang Melayu, seperti yang telah mereka lakukan semasa menentang Malayan Union dahulu. Perubahan pendirian pimpinan Parti Negara ini disebabkan oleh rasa kecewa mereka terhadap Tan Cheng Lock dan MCA yang pada mulanya dijangkakan akan menyokong IMP, tetapi sebaliknya MCA menentang IMP. Parti-parti lain yang bertanding dalam pilihanraya persekutuan ialah Parti Islam Se-Tanah Melayu, Persatuan Kebangsaan Perak, Liga Melayu Perak, Parti Progresif Perak yang kemudian menjadi Parti Progresif Rakyat, dan juga Parti Buruh.

Parti Perikatan telah meletakkan calon bagi semua 52 kawasan. Parti Negara bertanding dalam 33 kerusi, sementara PAS 11 kerusi. Selain itu, calon-calon daripada parti-parti kecil yang lain, dan 18 orang calon pula bertanding sebagai calon bebas.

Pilihanraya Umum itu telah dimenangi oleh Perikatan dengan kemenangan yang besar. Mereka mendapat 51 daripada 52 kerusi. PAS memenangi satu kerusi. Daripada 80 yang menentang Perikatan, 43 daripadanya telah hilang wang pertaruhan. Kemenangan itu ialah satu kemenangan yang sungguh istimewa, yang dipercayai adalah di luar dugaan pihak British.

Perikatan menganggap bahawa kemenangan itu adalah semata-mata kerana janjinya hendak mencapai kemerdekaan

dengan segera. Memang benar, pada masa itu, semangat hendak mencapai kemerdekaan sangat kuat dan berkembang luas. Akan tetapi ini hanyalah sebahagian daripada sebabnya. Sebab-sebab lain termasuklah janji-janji yang menarik di dalam manifesto Perikatan seperti hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal dalam tempoh 10 tahun. Ini menjadi daya tarik yang kuat kepada pengundi Melayu. Selain itu, faktor kekuatan kewangan MCA, kejayaan UMNO sejak ditubuhkan, penubuhan cawangan-cawangan UMNO ke luar bandar dan kelemahan parti-parti lain yang masuk bertanding menjadi dorongan.

Adalah ditaksirkan bahawa pada masa itu ada seramai 1.6 juta orang yang layak mengundi. Daripada angka ini, 1.28 juta telah mendaftar untuk mengundi. Sejumlah 85 peratus daripada yang mendaftar telah mengundi. Sekiranya digalurkan pengundi-pengundi yang berdaftar itu, didapati 84 peratus orang Melayu. Sungguhpun peratus ini menunjukkan kelebihan yang besar bagi undi Melayu tetapi Perikatan telah meletakkan cuma 35 calon Melayu daripada UMNO, 15 calon Cina daripada MCA, dan dua calon daripada MIC.

Kemenangan Perikatan

Boleh dikatakan bahawa kemenangan Perikatan UMNO-MCA-MIC menunjukkan aliran politik yang bukan bercorak perkauman. Ini ialah kerana 15 daripada 17 calon bukan Melayu daripada Perikatan telah diletakkan bertanding di kawasan yang undinya dikuasai oleh orang Melayu. Kesemua 15 orang calon MCA dan dua orang calon MIC ini telah menang. Perlu diingat bahawa sebahagian daripada calon MCA dan MIC bertanding menentang calon Parti Negara yang berbangsa Melayu dalam kawasan majoriti Melayu

dan mencapai kemenangan. Ini membuktikan orang Melayu tidak bersikap perkauman semasa mengundi. Bagaimanapun, ujian tentang mengundi bercorak bukan perkauman itu hanya dilakukan terhadap pengundi Melayu sahaja. Tidak ada misalnya calon Melayu daripada Perikatan yang masuk bertanding menentang calon Cina dalam kawasan pilihanraya yang dikuasai oleh pengundi Cina.

Kesemua 33 orang calon daripada Parti Negara gagal mendapat sebarang kerusi. Persatuan Kebangsaan Perak (*National Association of Perak*) dan parti-parti politik yang lain, kecuali PAS, mengalami nasib yang sama. Parti Buruh juga tidak mendapat sokongan yang kuat daripada orang ramai. Ini mungkin disebabkan oleh wujudnya anggapan bahawa adanya perkaitan di antara faham sosialis dengan faham komunis. Pengalaman orang ramai mengenai komunis yang militan semasa Darurat menjadikan mereka teragak-agak hendak menyokong Parti Buruh itu. Oleh sebab Parti Buruh berfaham sosialis, maka sudah tentu ia tidak mahu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu. Oleh yang demikian, tentu sahajalah kebanyakan orang Melayu tidak memberikan sokongannya kepada Parti Buruh itu.

Kejayaan Perikatan mendapat 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan juga bermakna parti itu mempunyai bilangan ahli yang cukup untuk menjadi kumpulan yang terbesar dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Dengan itu, ia mempunyai kedudukan yang membolehkannya membentuk sebuah kerajaan. Seterusnya kerajaan pemerintahan sendiri telah diwujudkan dengan serta-merta. Akan tetapi, tujuan Perikatan ialah mencapai kemerdekaan dan ia meminta Britain supaya memulakan rundingan bagi kemerdekaan Tanah Melayu.

Perlu diingat bahawa pada bulan Julai

1954 Perikatan dan Britain telah bersetuju untuk mengadakan sebuah Majlis Perundangan Persekutuan yang mempunyai 98 orang ahli, 52 daripadanya dipilih dan 46 dilantik. Daripada 46 yang dilantik ini, 5 orang daripadanya boleh dicalonkan oleh parti politik yang mendapat majoriti dalam pilihanraya tahun 1955 itu. Mengikut laporan rasmi kerajaan British, 50 daripada 52 kawasan pilihanraya mempunyai majoriti Melayu. Jumlah undi Melayu pada masa itu ialah 84 peratus daripada pengundi seluruh negara. Selain itu, 10 orang daripada 46 yang dilantik itu terdiri daripada orang Melayu iaitu 9 Menteri Besar dan Ketua Menteri Pulau Pinang. Besar kemungkinan ada seorang lagi ahli Melayu daripada 46 ahli ini, iaitu wakil pekebun kecil.

Jadi, kalau orang Melayu pada masa itu bersifat perkauman, maka mereka telah boleh menubuhkan sebuah kerajaan Melayu tanpa penyertaan kaum lain. Mereka boleh memenangi 50 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan, dicampur lima orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang diperuntukkan bagi parti yang menang majoriti ditambah dengan 10 orang Menteri Besar serta Ketua Menteri dan seorang wakil pekebun kecil. Ini menjadikan jumlahnya 66. Dengan 66 ahli daripada 98, orang Melayu mempunyai majoriti lebih daripada dua pertiga, yakni mereka boleh menggubal satu perlembagaan yang bercorak 'apartheid', menjaga kepentingan Melayu dengan mengikut cara-cara demokrasi. Tetapi pemimpin UMNO telah mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan orang keturunan Cina dan India. Ini merupakan satu pengorbanan yang sangat besar demi perpaduan kebangsaan.

Rundingan Baling

Sementara itu, percubaan-percubaan telah dibuat untuk mengadakan gencatan sen-

jata dengan pengganasan komunis. Rundingan antara pihak kerajaan dengan komunis telah diadakan di Baling di antara Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tan Cheng Lock dan David Marshall (Ketua Menteri Singapura) dengan Chin Peng serta Rashid Mydin mewakili PKM. Rundingan itu telah diadakan pada akhir tahun 1955. Tetapi rundingan itu gagal untuk mendapatkan persetujuan. Masalah utama yang timbul pada masa itu ialah kedudukan PKM selepas mereka memberhentikan pemberontakan bersenjata. PKM mahu diberikan kebebasan bergerak sebagai sebuah parti politik yang sah tetapi Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju. Pihak kerajaan sedia membenarkan anggota PKM berkecimpung dalam politik secara perseorangan atau menjadi ahli parti-parti lain.

Walau bagaimanapun pemberontakan komunis itu telah digunakan sebagai satu daya pendorak untuk mendapatkan kemerdekaan yang awal daripada Britain. Tunku menyatakan bahawa dengan berlanjutnya kerajaan penjajahan di Tanah Melayu, maka ini membolehkan komunis mengatakan yang perjuangan mereka adalah bercorak kebangsaan kerana hendak menghapuskan penjajahan. Ini boleh menarik sedikit sebanyak sokongan daripada penduduk Tanah Melayu. Sebaliknya dengan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, maka komunis tidak dapat melung-laungkan dasar yang PKM antipenjajah, bahkan sebaliknya parti itu akan dikutuk sebagai parti antikebangsaan sekiranya ia meneruskan gerakan ganasnya selepas Merdeka.

Rundingan Kemerdekaan

Rundingan Kemerdekaan telah diadakan di London mulai 18 Januari hingga Februari 1956. Empat orang wakil Perikatan dan



Tunku Abdul Rahman berucap dalam majlis perundingan kemerdekaan Tanah Melayu di London.

empat orang wakil Raja-Raja Melayu beserta dengan wakil-wakil kerajaan British, telah menyertai perundingan itu. Wakil Perikatan dan wakil Raja-Raja Melayu semasa bertolak dari Tanah Melayu merupakan dua rombongan yang berasingan tetapi setelah berunding mereka telah pun mencapai persefahaman sebelum mereka tiba di London. Oleh itu, wakil-wakil dari Tanah Melayu merupakan satu barisan yang bersatu. Ini memudahkan persidangan itu untuk menyelesaikan masalah. Tidak berapa lama kemudian, persidangan itu telah mencapai satu persetujuan iaitu untuk melaksanakan penubuhan segera satu Persekutuan Tanah Melayu yang sepenuhnya berpemerintahan sendiri dan merdeka. Persekutuan itu akan menjadi ahli Komanwel Bangsa-Bangsa dan berasaskan kepada prinsip demokrasi berparlimen.

Kerajaan British bukan sahaja menitikberatkan tentang memberikan hak politik, tetapi juga tentang ganti rugi kepada pegawai-pegawai British yang akan diberhentikan dan tempatnya diganti dengan pegawai-pegawai Tanah Melayu.

Perwakilan Perikatan meminta supaya dihapuskan jawatan Setiausaha Kewangan dan digantikan dengan perlantikan seorang Menteri Kewangan daripada rakyat Tanah Melayu. Berhubung dengan perkara

pertahanan dan keselamatan dalam negeri, Perikatan berkehendakkan seorang Menteri Pertahanan daripada rakyat Tanah Melayu menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang oleh orang British. Dalam Majlis Gerakan Darurat pula, Menteri Pertahanan itu hendaklah juga menjadi pengerusi majlis tersebut. Menteri Hal-hwal Ekonomi juga hendaklah digantikan dengan seorang rakyat Tanah Melayu.

Persekutuan Tanah Melayu juga bersetuju membenarkan kerajaan British menempatkan tentera United Kingdom di Tanah Melayu sebagai memenuhi perjanjian dan tanggungjawabnya terhadap Komanwel dan antarabangsa. Selepas merdeka, Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama ditandatangani di antara Tanah Melayu dengan kerajaan British. Singapura juga menyertai perjanjian ini, sementara Australia dan New Zealand menjadi pemerhati.

Kerajaan bercorak pemerintahan sendiri akan dirasmikan dengan serta-merta. Kemerdekaan dalam Komanwel pula akan diisytiharkan menjelang 31 Ogos 1957.



Upacara menandatangani perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu di London.

Suruhanjaya Perlembagaan

Satu perkara penting yang dipersetujui oleh persidangan itu ialah tentang keanggotaan dan bidang tugas Suruhanjaya Perlembagaan. Anggota-anggota Suruhanjaya

ini akan dilantik dengan seberapa segera.

Anggota Suruhanjaya Perlembagaan itu dilantik tidak berapa lama kemudian. Mereka terdiri daripada dua orang dari Britain, seorang dari India, seorang dari Pakistan dan seorang lagi dari Australia. Kanada, sungguhpun diminta, telah tidak melantik wakilnya. Suruhanjaya itu dipengerusikan oleh Lord Reid dari Britain. Suruhanjaya itu telah diminta menggubal satu Perlembagaan Persekutuan berdasarkan demokrasi berparlimen, mengadakan majlis mesyuarat dwi-dewan dan mempunyai kerajaan Persekutuan yang kuat. Dalam tugas ini, Suruhanjaya itu hendaklah menjamin kedudukan dan darjat sultan-sultan sebagai raja yang berperlembagaan di negeri-negeri masing-masing. Hendaklah ada satu rupa bangsa yang sama bagi seluruh Persekutuan, dan seorang ketua negara bagi seluruh negara akan dilantik. Suruhanjaya itu juga diminta menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan hak-hak yang sah bagi kaum-kaum lain.

Dengan bidang tugas yang sedemikian, Suruhanjaya Perlembagaan itu mula memikirkan perlembagaan bagi Tanah Melayu yang merdeka.

Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengadakan persidangan yang pertama pada akhir bulan Jun 1956. Perjumpaan ini dimulakan dengan meminta pertubuhan-pertubuhan dan orang perseorangan yang berminat menghantar memorandum kepada Suruhanjaya itu. Selain memorandum yang bertulis, orang ramai juga boleh memberikan pandangan mereka secara lisan. Mereka yang telah memberi pandangan secara bertulis boleh juga berbuat demikian.

Pendapat Penduduk Tanah Melayu (Memorandum)

Antara 131 buah memorandum yang ber-

tulis itu, dua daripadanya boleh dianggap sebagai lebih penting. Satu daripadanya ialah yang diserahkan oleh Raja-Raja Melayu dan yang satu lagi daripada Perikatan.

Memorandum Perikatan itu telah diserahkan pada 27 September 1956. Memorandum itu telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Perikatan. Ia menegaskan dasar-dasar am Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, corak kerajaannya, pembahagian kuasa dalam perundangan, pemerintahan, serta kehakiman dan juga hubungan di antara negeri-negeri dengan kerajaan Persekutuan. Memorandum itu mempunyai bahagian-bahagian yang mengutarakan perkara mengenai hak asasi, kerakyatan, kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa, agama dan lain-lain lagi.

Sungguhpun memorandum ini telah diserahkan bersama oleh UMNO, MCA dan MIC, tetapi ini bukanlah bermakna bahawa ketiga-tiga pihak bersetuju dalam semua hal. Misalnya, mereka tidak bersetuju dalam hal memberi taraf kerakyatan kepada penduduk yang dilahirkan pada atau selepas hari merdeka, jika ibu bapanya bukan warganegara Tanah Melayu. UMNO berpendapat orang yang seperti ini hendaklah diberi kebebasan memilih hak kerakyatannya apabila mencapai umur 21 tahun dan tidak secara automatik menerima hak kerakyatan Tanah Melayu apabila ia dilahirkan. MCA dan MIC tidak bersetuju. Terdapat juga perselisihan pendapat mengenai penggunaan bahasa Kuo Yu (Mandarin) dan Tamil dalam tempoh sepuluh tahun selepas merdeka. Selain bahasa Melayu, UMNO cuma bersetuju dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam majlis-majlis mesyuarat untuk tempoh 10 tahun selepas merdeka, tetapi MCA dan MIC mahukan agar Kuo Yu dan Tamil boleh digunakan dalam keadaan tertentu. Semua pandangan yang berbeza

ini tercatat dalam memorandum yang diserahkan itu.

Memorandum itu juga dianggap sebagai satu memorandum yang merupakan tolak ansur. Sementara MCA dan MIC menerima kedudukan istimewa orang Melayu dan bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini, UMNO pula bersetuju menerima prinsip *jus soli* berkenaan dengan pemberian hak kerakyatan bagi mereka yang dilahirkan selepas merdeka, dan bersetuju supaya kelayakan yang lebih longgar diberi kepada orang bukan Melayu. *Jus soli* ialah satu prinsip pemberian hak kerakyatan mengikut tempat lahir seseorang itu. Misalnya, kalau ia dilahirkan di Amerika Syarikat, maka ia berhak menjadi rakyat Amerika Syarikat kerana negara itu mengamalkan prinsip *jus soli*. Soal tolak ansur ini telah dipertikaikan kerana kedudukan istimewa orang Melayu memang hak Melayu sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Seterusnya peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi memang telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Tentangan terhadap Memorandum Perikatan

Terdapat tentangan terhadap memorandum Perikatan ini. Banyak Persatuan Perniagaan Cina di Tanah Melayu menentang peruntukan mengekalkan kedudukan istimewa orang Melayu dan terhadap kegagalan untuk menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu daripada bahasa rasmi. Ada juga orang Melayu yang menentang pendirian yang diambil oleh UMNO kerana mereka menganggap UMNO telah terlalu bermurah hati, terutama sekali mengenai soal kerakyatan. Mereka berpendapat bahawa satu undang-undang memberi hak kerakyatan akan mendatangkan kesan yang serta-merta. Orang-orang yang berkelayakan itu boleh menjadi rak-

yat dan menikmati hak-hak dan tanggungjawab kerakyatan dengan sebegitu mudah seumpama menerima makanan yang sedia tersaji, tetapi satu undang-undang mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam bidang perniagaan, peluang bekerja dan kemudahan pelajaran tidak akan membawa hasil dengan serta-merta. Tidak seperti kerakyatan, faedah-faedah daripada kedudukan istimewa itu memerlukan masa yang lama sebelum dapat menikmatinya.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, Suruhanjaya itu telah menerima 131 memorandum. Selain itu, ia juga telah mendapat pandangan-pandangan yang diberi secara lisan. Anggota-anggota Suruhanjaya itu, setelah menamatkan perjumpaannya, telah pergi ke Rom untuk mengugul perlembagaan. Pada bulan Februari 1957 mereka telah mengeluarkan satu rang perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.


Rang Perlembagaan

Rang Perlembagaan ini tidaklah diterima sepenuhnya oleh Perikatan. Suruhanjaya itu mencadangkan bahawa hak bagi rakyat Komanwel untuk memiliki dua kerakyatan hendaklah diiktiraf. Dengan kata lain, seseorang itu, pada masa yang sama, boleh menjadi rakyat India dan juga rakyat Tanah Melayu, sungguhpun orang itu mesti menumpukan sepenuh taat setia terhadap negeri yang didiaminya. Perikatan menolak cadangan ini dan menegaskan tentang perlunya hak kerakyatan yang tunggal.

Suruhanjaya itu bersetuju bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi, tetapi selama sepuluh tahun selepas merdeka, bahasa Inggeris hendaklah juga digunakan sebagai bahasa rasmi di samping bahasa Melayu. Selepas tempoh sepuluh tahun, soal penggunaan

bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi akan dikaji semula oleh Parlimen. Suruhanjaya itu juga mencadangkan bahawa dalam keadaan yang khusus, dalam tempoh sepuluh tahun itu, penggunaan bahasa Kuo Yu dan Tamil hendaklah dibenarkan dalam Majlis Perundangan.

Perikatan bersetuju dengan taraf bahasa Melayu dan Inggeris seperti yang telah dinyatakan, tetapi ia tidak bersetuju dengan penggunaan bahasa Kuo Yu dan Tamil dalam Majlis Perundangan walaupun dalam keadaan yang khusus.




Rombongan kemerdekaan diberi sambutan meriah sekembalinya dari London.

Ada lain pindaan yang dibuat, misalnya, mengenai tanggungjawab memerhatikan fasal kedudukan istimewa orang Melayu. Mula-mulanya tempoh kedudukan istimewa ini dihadkan dan akan dikaji semula selepas 15 tahun, tetapi ianya telah dipinda dan diamanahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, yang akan bertindak dengan nasihat Kabinet. Pada keseluruhannya, rang Perlembagaan itu pada umumnya telah diterima oleh penduduk Tanah Melayu.

Memanglah terdapat beberapa pihak yang tidak berpuas hati, seperti yang telah ditunjukkan apabila Perikatan menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan pada bulan September 1956. Misalnya terdapat Persatuan British Cina Negeri-Negeri Selat (*Straits Chinese British Association*) yang hendak mengemukakan Pulau Pinang dan Melaka sebagai Tanah Jajahan British dan terasing daripada Tanah Melayu yang merdeka supaya mereka dapat terus menjadi rakyat baginda Queen - rakyat Queen berbangsa Cina.

Akan tetapi parti yang berkuasa pada masa itu ialah parti Perikatan. Ia menguasai sebilangan besar daripada kerusi dalam Majlis Perundangan Perse-



Pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada tahun 1957.

kuatan. Oleh itu ia dapat meluluskan rang Perlembagaan ini pada 27 Ogos 1957 dan pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan kemerdekaan daripada Britain.

Mencapai Kemerdekaan

Cara Tanah Melayu mencapai kemerdekaan adalah dianggap istimewa. Dalam pilihanraya yang diadakan pada tahun 1955, Perikatan telah mengemukakan dasar politik yang berharap akan mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun. Namun begitu, dalam tempoh dua tahun Tanah Melayu telah merdeka. Ada dua perkara utama yang menyebabkan demikian, iaitu kesanggupan bangsa Melayu dan kaum-kaum Cina dan India bersatu dalam satu perikatan politik, dan juga wujudnya keadaan Darurat.

Dikatakan kerajaan British mahukan ketiga-tiga bangsa yang besar di Tanah Melayu mestilah terlebih dahulu boleh bekerjasama dalam bidang politik sebagai satu syarat penting bagi mencapai kemerdekaan. Syarat ini dikenakan kononnya kerana Britain hendak menjamin supaya kecacauan tidak akan berlaku ketika kemerdekaan tercapai nanti. Dalam hal ini, Britain mungkin sedar akan perbezaan besar yang wujud di antara bangsa-bangsa

yang berlainan itu. Oleh itu, kerjasama politik di antara mereka sebagai syarat yang perlu sebelum diberikan kemerdekaan akan mengambil masa yang panjang untuk mencapainya. Dengan itu Britain akan dapat melanjutkan kuasanya. Tetapi kejayaan Perikatan yang besar dalam pilihanraya tahun 1955 telah menghampakan anggapan tersebut.

Keadaan Darurat menjadi faktor yang penting dalam mempercepatkan langkah ke arah kemerdekaan. Walau bagaimanapun, di peringkat awal, keadaan Darurat itu lebih merupakan faktor yang menghalang. Pada ketika itu, Britain berpendapat bahawa usaha-usaha mestilah ditumpukan untuk menghapuskan pemberontakan komunis dari segi ketenteraan. Oleh itu, kemajuan perlembagaan dan politik terpaksa ditangguhkan. Akan tetapi Britain kemudiannya sedar bahawa perjuangan menentang komunis tidak boleh dianggap sebagai semata-mata urusan tentera. Dengan kesedaran itu, perkembangan perlembagaan dan politik mendapat keutamaan. Kalau Britain tidak berbuat demikian, maka penduduk Tanah Melayu tidak akan begitu berminat untuk membantu pihak British menghapuskan pengganas komunis. Apa gunanya menolong Britain kalau ia terus menjajah Tanah Melayu.

Pencapaian kemerdekaan juga merupakan satu pukulan yang hebat kepada Parti Komunis Tanah Melayu. Parti itu tidak dapat lagi merayu kepada orang ramai dengan menggunakan dasar antipenjajah. Sebenarnya, selepas merdeka, ia dianggap sebagai parti antikebangsaan. Namun demikian, PKM terus menentang kerajaan Perikatan dengan mengatakan kemerdekaan yang dicapai itu tidak penuh dan Perikatan masih di bawah telunjuk pihak British.

Terdapat faktor-faktor lain yang mendorong ke arah pencapaian kemerdekaan. Misalnya, tahun 1955 ialah tahun Persi-



Perarakan merayakan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

dangan Afro-Asia di Bandung iaitu satu peristiwa yang menggerakkan perjuangan yang lebih bersemangat menentang penjajahan. Dasar dan bentuk Perikatan itu menjadi satu pertimbangan yang menyebabkan kerajaan British tidak keberatan untuk memenuhi tuntutan rakyat Tanah Melayu, terutama sekali apabila Perikatan mendapat sokongan besar daripada rakyat. Perikatan bukannya satu parti sosialis, ia bergantung kepada 'perniagaan besar' untuk mendapatkan wang terutama sekali daripada masyarakat Cina. Oleh yang demikian, kerajaan Perikatan tidak mungkin nampaknya akan menjalankan dasar menjadikan hak milik negara akan harta dan perniagaan orang asing. Oleh itu, kepentingan Britain yang banyak terdapat di sini tetap akan terpelihara. Di samping itu, Britain telah pun mendapatkan perjanjian daripada Perikatan dan Raja-Raja Melayu untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam satu perjanjian pertahanan yang akan menjaga kepentingan ekonomi dan siasah Britain di Tanah Melayu.]

Perlembagaan Tahun 1957

Berbalik kepada Perlembagaan 1957 itu, ia adalah satu dokumen yang agak istimewa. Sungguhpun Perlembagaan itu digubal oleh orang asing, tetapi ia disandarkan kepada beberapa faktor sejarah Tanah Melayu yang lampau. Ini berlaku kerana Suruhanjaya Perlembagaan Reid perlu memberi pertimbangan kepada memorandum yang telah diterimanya dan kenyataan lisan yang telah didengarnya. Perlembagaan ini bercorak demokrasi, iaitu demokrasi berparlimen. Setengah-setengah orang mungkin berkata bahawa demokrasi merupakan konsep Barat dan oleh itu adalah asing bagi Tanah Melayu. Akan tetapi aspek-aspek demokrasi telah diamalkan di negara ini sebelum kedatangan pihak British. Jika seseorang itu menyiasat

tentang adat perpatih yang diamalkan dengan meluasnya di Negeri Sembilan, semenjak beberapa kurun yang lalu, ia akan mendapati bahawa prinsip pilihanraya dan konsep pemerintahan suara terbanyak telah pun diamalkan, sungguhpun dengan cara yang terhad. Misalnya, dalam pemilihan seorang Undang, ia adalah terbuka dan sesiapa yang terpilih biarpun calon itu adalah seorang petani, maka dia akan menjadi Undang.

Menurut Perlembagaan itu, akan dilantik seorang Yang di-Pertuan Agong. Baginda akan dipilih oleh sembilan orang Raja-Raja Melayu daripada kalangan sultan-sultan. Baginda akan berkhidmat selama lima tahun. Pemerintahan beraja yang dipilih ini adalah seolah-olah satu bentuk baru. Akan tetapi, persamaannya sedikit sebanyak juga terdapat dalam



Yang di-Pertuan Agong Tanah Melayu yang pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad.

sistem Undang dan pemilihan Yang Dipertuan Besar di Negeri Sembilan.

Namun demikian, pemilihan seorang raja (Yang di-Pertuan Agong) oleh raja-raja tiap-tiap lima tahun sekali merupakan satu keistimewaan Perlembagaan negara. Biasanya seseorang itu menjadi raja kerana ia keturunan diraja dan akan menjalankan tugasnya sehingga ke akhir hayat, bukan dipilih dengan cara mengundi bagi tempoh yang terhad.

Persekutuan Tanah Melayu juga mempunyai kerajaan berbentuk persekutuan, satu gabungan sebelas buah negeri. Sekali lagi, kita beralih ke Negeri Sembilan sebagai contoh, yang terdapat gabungan sembilan buah negeri atau daerah.

Prinsip *Jus Soli*

Prinsip *jus soli* sebagai asas pemberian hak kerakyatan telah dimasukkan dalam Perlembagaan dan mendapatkan kerakyatan secara pendaftaran juga dimasukkan. Selama setahun selepas merdeka, orang bukan Melayu yang telah memenuhi kelayakan bermastautin boleh mendapat hak kerakyatan tanpa dikehendaki mengetahui bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Pengecualian tentang perlunya mengetahui bahasa merupakan satu kelonggaran yang istimewa untuk tempoh dari 31 Ogos 1957 sehingga 31 Ogos 1958 sahaja. Walau bagaimanapun, adalah dilaporkan bahawa dalam tempoh satu tahun itu, MCA dan MIC telah berkempen dengan hebat sehinggakan jumlah orang bukan Melayu yang telah menjadi rakyat meningkat dengan begitu tinggi menjadi lebih kurang satu juta orang. Nikmat prinsip *jus soli* telah dapat dikecap dengan serta-merta. Misalnya dalam hal politik, jumlah pengundi bukan Melayu telah bertambah lima kali ganda di antara pilihanraya tahun 1955 dan pilihanraya tahun 1959.

Telah dinyatakan bahawa syarat-syarat

longgar yang ditawarkan berkenaan dengan mengurniakan kerakyatan adalah cara tolak-ansur yang dipersetujui oleh UMNO sebagai membalas penerimaan pihak MCA dan MIC tentang kedudukan istimewa orang Melayu dan tentang bahasa Melayu akan dijadikan bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967. Namun demikian, tolak ansur ini sebenarnya merupakan tolak ansur yang telah pun dipertikaikan. Kedudukan istimewa orang Melayu itu juga nampaknya telah menyangkal pendapat bahawa Perlembagaan itu bercorak demokrasi. Sebenarnya apabila kerajaan Tanah Melayu membangkitkan soal apartheid dalam Persidangan Perdana Menteri Komanwel, Afrika Selatan telah membuat tuduhan balik terhadap Perlembagaan kita sendiri. Namun demikian, perbezaan besarnya ialah bahawa Perlembagaan kita telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu, yang sebahagian besar daripada anggotanya telah dipilih oleh rakyat negara ini mengikut prinsip demokrasi. Lagipun keistimewaan itu diberikan kepada penduduk bumiputera, sedangkan di Afrika Selatan keadaan sebaliknya pula yang berlaku. Semasa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mula dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957, hak mengundi untuk parlimen di Afrika Selatan adalah terhad kepada orang kulit putih sahaja. Orang kulit warna atau kulit hitam tidak dibenarkan mengundi sungguhpun mereka merupakan 90 peratus jumlah penduduk Afrika Selatan.

Selain dua unsur yang asas itu, fasal kedudukan istimewa itu dimasukkan kerana berlandaskan sebab-sebab sejarah. Misalnya, kadar kemajuan yang besar perbezaannya dalam bidang ekonomi dan pelajaran di kalangan bumiputera dan kaum-kaum lain di Tanah Melayu telah mewujudkan satu keadaan yang tidak seimbang. Misalnya, semasa menjelang kemerdekaan

an, kekayaan negara yang dimiliki oleh orang Melayu tidak pun sampai 1.5 peratus dan jumlah pelajar Melayu di Universiti Malaya tidak melebihi 14 peratus. Keadaan ini adalah tidak sihat bagi seluruh negara, sekiranya dibiarkan berlanjutan. Perasaan kurang selamat atau terancam di kalangan orang Melayu akan menimbulkan sikap sangsi terhadap orang bukan Melayu. Adalah jelas bahawa satu bangsa Tanah Melayu atau Malaysia tidak akan muncul selagi kedudukan ekonomi dan pelajaran yang tidak seimbang di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini tidak dibetulkan dengan cara yang berkesan. Adalah difikirkan bahawa kedudukan istimewa itu akan dapat meningkatkan kedudukan ekonomi dan pelajaran di kalangan orang Melayu menerusi pemberian peluang yang lebih besar kepada mereka. Misalnya, berasaskan kepada peruntukan kedudukan istimewa yang ada dalam Perlembagaan

Tanah Melayu ini, undang-undang dibuat untuk membolehkan pemberian tawaran kontrak kecil kerajaan khusus kepada bumiputera sahaja. Dalam bidang pelajaran pula, jumlah pemberian biasiswa akan dilebihkan untuk bumiputera daripada yang bukan bumiputera. Menerusi langkah-langkah seperti ini adalah diharapkan jurang perbezaan ekonomi dan pelajaran itu akan dapat diperkecilkan. Apabila keadaan yang agak lebih seimbang dapat dicapai, maka perasaan percaya-mempercayai akan lebih mudah timbul, kerjasama dapat dijalankan dan perasaan muhibah akan terjalin dengan lebih luas lagi. Perkara seperti inilah yang akan menjadi landasan kepada pembentukan satu bangsa Tanah Melayu atau Malaysia.

Adalah mustahak bagi seseorang yang benar-benar hendak mengetahui keadaan di Tanah Melayu atau Malaysia agar ia mengkajinya dari sudut sejarah.

Bab 25

Penubuhan Malaysia: Tujuan dan Tindakan

Selepas merdeka, ada beberapa perkara yang menjadi persoalan, antaranya ialah tentang pelajaran, pertahanan, mengambil alih jawatan daripada pegawai asing, juga penanaman modal luar dan parlimen.

Ordinan Pelajaran tahun 1957 yang di landaskan kepada Penyata Pelajaran Razak tahun 1956 menjadi asas kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan. Ramai orang berasa kurang puas hati tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan ini. Kepada orang bukan Melayu, mereka berpendapat yang dasar ini kurang memberi tekanan kepada pelajaran aliran Cina dan Tamil. Orang Melayu pula menyatakan tidak berpuas hati tentang kegagalan kerajaan Perikatan memulakan pendidikan menengah aliran Melayu pada bulan Januari 1958 sebagaimana yang telah dipersetujui. Parti Perikatan kemudiannya bersetuju mengadakan darjah-darjah menengah aliran Melayu. Juga Perikatan telah memasukkan soal Dasar Pelajaran ini ke dalam manifestonya dalam pilihanraya tahun 1959 dan menyatakan persetujuannya untuk mengkaji semula Penyata Razak, jika parti ini mendapat kemenangan.

Berkenaan dengan pertahanan, ada beberapa kumpulan yang tidak bersetuju dengan langkah kerajaan Perikatan hendak mengadakan perjanjian pertahanan dengan Britain. Antara kumpulan yang menentang ialah Parti Islam Se-Tanah

Melayu (PAS). Malah dalam UMNO pun terdapat golongan yang menentang. Mereka berpendapat bahawa perjanjian pertahanan ini akan menjejaskan kemerdekaan Tanah Melayu.

Dalam soal mengambil alih jawatan-jawatan penting daripada pegawai-pegawai asing, ini telah dilaksanakan secara beransur-ansur tetapi kecaman telah timbul kerana kerajaan Perikatan telah memberi pampasan atau sugu hati yang lumayan kepada pegawai-pegawai asing yang terlibat. Kerajaan juga tidak mengenakan syarat untuk melabur semula sebahagian daripada wang pampasan ini di Tanah Melayu.

Sebagai sebuah negara yang baru diisytiharkan merdeka, Persekutuan Tanah Melayu cuba hendak mempertingkatkan kedudukan ekonominya. Salah satu caranya ialah menggalakkan penanaman modal dari luar. Undang-undang telah digubal untuk memberi kemudahan istimewa kepada penanam modal dari luar. Dalam bidang perusahaan, pemberian kemudahan ini dinamakan taraf perintis.

Berkenaan dengan Parlimen pula, Parlimen yang wujud pada 31 Ogos 1957 adalah lanjutan daripada Majlis Perundangan Persekutuan yang telah ditubuhkan selepas pilihanraya tahun 1955. Majlis itu cuma mempunyai 52 ahli yang dipilih tetapi 46 lagi telah dilantik oleh pihak British. Oleh

itu adalah wajar bagi Parlimen Persekutuan Tanah Melayu agar semua ahlinya dipilih oleh rakyat.

Jadi, pada tahun 1959 kerajaan Perikatan telah mengadakan pilihanraya untuk semua kerusi Parlimen. Jumlah kerusi yang hendak dipertandingkan ialah 104. Dalam pilihanraya tersebut, Perikatan memenangi 74 kerusi tetapi satu daripadanya telah dibatalkan kerana terdapat kejadian rasuah. PAS berjaya dalam 13 kawasan. Parti-parti lain menang 14 dan 3 kerusi dimenangi oleh calon bebas. Perikatan gagal memenangi semula kawasan yang terlibat dalam soal rasuah itu, apabila satu pilihanraya baru diadakan.

Dibandingkan dengan pilihanraya tahun 1955, pencapaian parti Perikatan menurun dalam pilihanraya tahun 1959. Sebab utama kemerosotan kejayaan Perikatan pada tahun 1959 ialah kerana tiadanya soal memperjuangkan kemerdekaan sebagaimana terdapat pada tahun 1955. Selain itu, wujud beberapa perkara yang menjadi masalah kepada kerajaan Perikatan. Misalnya dalam hal pendidikan, MCA tidak begitu berpuas hati tentang Dasar Pelajaran dan ramai orang Melayu terutamanya guru-guru Melayu yang tidak senang tentang kelemahan dalam pelaksanaan dasar tersebut. Ramai juga orang bukan Melayu, terutamanya daripada keturunan Cina, yang tidak bersetuju tentang kedudukan istimewa orang Melayu dan kegagalan kerajaan Perikatan menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu daripada bahasa rasmi. Ada juga orang Melayu, selain penyokong PAS, yang menentang kemurahan hati pimpinan UMNO yang telah bersetuju menerima prinsip *ius soli* dalam pemberian hak kerakyatan.

Faktor-faktor ini, antara lain, telah mengurangkan sokongan pengundi-pengundi kepada parti Perikatan. Dalam pada itu, Parti Progresif Rakyat telah memainkan peranan dengan hebat terutamanya

dalam perkara-perkara yang membangkitkan perasaan perkauman. Politik perkauman yang dimainkan oleh Parti Progresif Rakyat ini telah menyebabkan sebahagian daripada pengundi bukan Melayu tidak mahu mengundi Perikatan. Namun demikian, Perikatan mempunyai kelebihan suara yang cukup, 73 daripada 104 kerusi, untuk terus memegang teraju kerajaan.

Kerajaan parti Perikatan yang telah memenangi pilihanraya tahun 1959 telah dapat memerintah Tanah Melayu dengan agak berkesan. Sungguhpun ancaman pengganasan komunis masih wujud, kerajaan telah dapat mengawal kegiatan tersebut, dan kedudukan ekonomi Tanah Melayu pada masa itu berada dalam keadaan yang kukuh. Tetapi kerajaan Perikatan dapat melihat bahawa keadaan politik di Singapura adalah tidak begitu menyenangkan. Parti Tindakan Rakyat yang memerintah di Singapura nampaknya tidak begitu kuat untuk mempengaruhi penduduk Singapura. Ini jelas kelihatan apabila satu pilihan raya kecil diadakan pada bulan April 1961. Calon Parti Tindakan Rakyat yang disokong penuh oleh kerajaan Singapura tidak dapat mengalahkan lawannya, Ong Eng Guan, yang tidak pun mempunyai sebuah parti politik yang kukuh. Ong Eng Guan adalah bekas ahli Parti Tindakan Rakyat dan pernah menjadi Datuk Bandar Singapura. Keputusan pilihanraya kecil di kawasan Hong Lim di Singapura itu telah merundingkan pemimpin parti Perikatan di Kuala Lumpur.

Pada 27 Mei 1961, Perdana Menteri Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman, telah membuat ucapan kepada Persatuan Wartawan Luar Negeri di Asia Tenggara. Ucapan ini telah dibuat di Hotel Adelphi, Singapura. Dalam ucapan beliau itu, Tunku menyatakan bahawa Tanah Melayu sedar bahawa ia tidak boleh hidup sendirian dan berasingan. Beliau membayangkan bahawa adalah penting bagi

Tanah Melayu untuk mendapatkan kerjasama kerajaan British dan penduduk Borneo Utara (Sabah), Brunei, Sarawak dan Singapura. Bagaimana kerjasama ini akan dapat dihasilkan tidaklah dapat beliau yakinkan pada masa itu tetapi beliau yakin bahawa Tanah Melayu dan wilayah-wilayah ini perlu merapatkan hubungannya dalam bidang politik dan ekonomi. Ucapan Tunku ini telah menarik perhatian wartawan-wartawan yang hadir pada hari itu dan ucapan ini telah dijadikan asas bahawa Tanah Melayu ingin menggabungkan Singapura, Borneo Utara (Sabah), Brunei dan Sarawak dengan Tanah Melayu untuk menubuhkan Malaysia.

Sikap Tanah Melayu terhadap Kemasukan Singapura

Ramai orang terkejut mendengar ucapan Tunku itu kerana sebelum ini kerajaan Tanah Melayu telah menolak banyak kali permintaan daripada kerajaan Singapura untuk turut serta dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi permintaan dari Singapura ini, baik pun daripada Ketua Menteri yang pertama, Encik David Marshall ataupun Ketua Menteri yang kedua, Encik Lim Yew Hock, malah daripada Encik Lee Kuan Yew sendiri telah tidak mendapat sambutan daripada kerajaan Perikatan. Perubahan sikap kerajaan Tanah Melayu ini telah menyebabkan berbagai-bagai andaian dibuat. Ada yang mengatakan bahawa ucapan Tunku itu telah dibuat dengan cara yang agak mengejut dan tiada apa pun persediaan awal yang sebenarnya telah dibuat berkenaan dengan kerjasama di antara wilayah-wilayah British itu dengan Tanah Melayu.

Andaian ini sebenarnya tidak begitu tepat kerana kerajaan Tanah Melayu telah pun membuat sedikit sebanyak kajian terutamanya tentang kedudukan penduduk di

Sabah, Brunei dan Sarawak. Kajian ini juga cuba melihat potensi ekonomi di wilayah-wilayah tersebut sebelum ucapan Tunku itu dibuat. Malah satu perundingan di peringkat pegawai telah pun diadakan di antara pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri Tanah Melayu dengan pegawai-pegawai Pejabat Komanwel British sebelum 27 Mei 1961.

Perubahan sikap kerajaan Tanah Melayu tentang kemasukan Singapura dalam Persekutuan Tanah Melayu memanglah satu perkara yang penting. Melibatkan perkembangan politik di Singapura, iaitu golongan kiri telah bertambah kuat pengaruhnya dan Parti Tindakan Rakyat yang diketuai oleh Lee Kuan Yew telah bertambah merosot kedudukannya, maka kerajaan Tanah Melayu berasa khuatir kalau keadaan yang sedemikian dibiarkan, maka golongan kiri, termasuk komunis, mungkin dapat berkuasa di Singapura. Pada masa itu, kerajaan British telah merancang pada pertengahan tahun 1963, perlembagaan Singapura akan dipinda untuk membolehkan Singapura menjadi sebuah negara yang merdeka, dan satu pilihanraya akan diadakan. Bagi kerajaan Tanah Melayu, kalau pilihanraya diadakan di Singapura seperti yang dirancang, maka besar kemungkinan golongan kiri di Singapura akan dapat mengalahkan Parti Tindakan Rakyat dan berkuasa di pulau itu. Keadaan yang sedemikian dijangka akan merumitkan kedudukan Tanah Melayu yang mempunyai hubungan yang luas dengan Singapura, baik dari segi politik ataupun ekonomi. Kalau wujud satu kerajaan yang mirip ke kiri di Singapura, maka gerakan komunis di Tanah Melayu mungkin mendapat sokongan dari Singapura. Ini akan menambah masalah kerajaan Tanah Melayu. Dalam keadaan yang sedemikian, pemimpin-pemimpin Perikatan merasakan perlu bahawa kedudukan yang mungkin

timbul di Singapura itu hendaklah di-kawal sebelum terlambat. Dengan pendekatan yang sedemikian maka pemimpin-pemimpin Perikatan telah memikirkan bahawa satu cara untuk membendung perkembangan politik yang tidak sihat di Singapura ialah dengan mengadakan percantuman bukan sahaja dengan Singapura, tetapi juga dengan wilayah-wilayah British di Borneo seperti Sarawak, Sabah dan Brunei.

Gabungan 11 negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak bukanlah satu rancangan yang baru. Sejak akhir kurun ke-19 lagi telah ada cadangan untuk mencantumkan wilayah-wilayah ini. Pada tahun 1954 pula Encik Mohd Ghazali bin Shafie (yang pada masa itu menjadi pegawai perkhidmatan awam kerajaan British) telah mengesyorkan penubuhan Komanwel Asia Tenggara yang meliputi kawasan yang sama.

Bumiputera di Sabah dan Sarawak Terbiar

Selain soal kemungkinan wujudnya satu kerajaan yang mirip ke kiri dan membahayakan Tanah Melayu, ada beberapa perkara lain yang menyebabkan penubuhan Malaysia. Penduduk bumiputera di Sabah dan di Sarawak memang begitu terbiar nasibnya pada zaman pemerintahan penjajahan British dahulu. Golongan bumiputera di kedua-dua wilayah British itu tidak mendapat layanan yang istimewa daripada kerajaan British. Oleh yang demikian orang-orang luar yang datang ke Sarawak dan Sabah yang lebih tinggi pencapaian pelajaran mereka, telah dapat membolot sebahagian besar daripada jawatan yang agak penting. Sungguhpun jawatan penting dipegang oleh pegawai-pegawai British, jawatan-jawatan yang agak tinggi juga boleh dikatakan hampir

semuanya dipegang oleh orang-orang luar. Golongan bumiputera sangat sedikit yang mempunyai pelajaran tinggi dan tidak boleh memegang jawatan-jawatan tersebut. Jadi adalah difikirkan bahawa kalaulah kedua-dua tanah jajahan British itu dapat dimasukkan ke dalam Malaysia, maka kemungkinan memberi layanan yang istimewa kepada bumiputera Sabah dan Sarawak adalah lebih besar. Kedudukan istimewa memang telah pun dilaksanakan di Tanah Melayu atas dasar kebumiputeraan dan ini boleh diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

Selain itu, kalaulah Singapura sahaja bercantum dengan Tanah Melayu, maka kedudukan orang Melayu di Tanah Melayu akan terancam dari segi bilangan penduduk. Singapura mempunyai 80 peratus penduduk bukan Melayu. Kalau mereka ini dicampurkan dengan penduduk bukan Melayu di Tanah Melayu, maka golongan yang bukan Melayu akan menjadi golongan yang terbesar. Oleh itu adalah difikirkan bahawa kalau Sabah, Sarawak dan Brunei dibawa menyertai Malaysia, maka kedudukan bumiputera dalam gabungan yang lebih besar ini akan lebih terjamin. Ini adalah disebabkan penduduk di Sabah, Sarawak, Brunei kebanyakannya terdiri daripada golongan bumiputera.

Soal Kemerdekaan Sabah dan Sarawak

Menerusi penubuhan Malaysia juga, Sabah dan Sarawak akan dapat mencapai kemerdekaan dengan lebih segera lagi. Mengikut rancangan Tanah Melayu pada masa itu, Malaysia hendaklah ditubuhkan dalam tempoh lebih kurang dua tahun. Kalau Sabah dan Sarawak cuba mencapai kemerdekaan secara berasingan, maka besar kemungkinan kemerdekaan itu tidak akan tercapai biarpun dalam tempoh lima tahun. Jadi dengan menyertai Malaysia, maka

kemerdekaan bagi Sabah dan Sarawak akan segera dicapai.

Singapura Tidak Boleh Hidup Sendiri

Bagi Singapura pula, sungguhpun ada rancangan kerajaan British hendak memberi kemerdekaan kepada Singapura tetapi ramai yang berpendapat, termasuk pemimpin-pemimpin Singapura bahawa Singapura tidak boleh hidup bersendirian. Singapura dianggap tidak mempunyai sumber ekonomi yang cukup. Kalau Singapura menjadi sebuah negara yang merdeka dan tidak bercantum dengan negara-negara lain, maka kedudukan ekonomi dan keselamatan Singapura mungkin terancam. Oleh yang demikian, kemerdekaan Singapura menerusi percantumannya dalam Malaysia akan memberi satu jalan keluar kepada Singapura dan juga kepada kerajaan British. Britain memang tidak begitu senang kalau Singapura merdeka berasingan daripada Tanah Melayu. Britain menganggap Singapura penting, baik dari segi pertahanan ataupun ekonomi. Britain mungkin telah memikirkan bahawa kalau Singapura mencapai kemerdekaan dengan memasuki Malaysia, maka Britain akan terus dapat mengawal keselamatan Singapura dan kepentingan ekonomi British menerusi perjanjian pertahanannya dengan Persekutuan Tanah Melayu yang akan diperluaskan untuk meliputi Singapura.

Rancangan Malaysia ini juga akan memberi peluang kepada Parti Tindakan Rakyat Singapura yang diketuai oleh Lee Kuan Yew untuk terus memegang tampuk kerajaan. Kalau Malaysia tidak ditubuhkan, Parti Tindakan Rakyat pada masa itu, sedang menghadapi keadaan yang buruk kerana desakan daripada golongan kiri. Sebenarnya, selepas parti itu kalah dalam pilihanraya kecil pada bulan April 1961, parti itu telah kalah sekali lagi pada bulan

Julai 1961 dalam satu pilihanraya kecil. Dalam pilihanraya yang kedua itu Encik David Marshall dari Parti Pekerja telah memenangi pilihanraya tersebut. Golongan kiri telah menyokong David Marshall secara terbuka. Maka dengan menyertai Malaysia, soal keselamatan dalam negeri akan dipegang oleh kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur dan ancaman daripada golongan kiri akan dapat dikawal. Keadaan yang sedemikian akan memberi peluang kepada Lee Kuan Yew dan partinya untuk menguatkan kedudukannya kembali. Jadi rancangan Malaysia itu telah menyelamatkan Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat.

Mendapat Sokongan dan Tentangan

Gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku itu pada umumnya telah mendapat sambutan daripada parti-parti politik dan akhbar-akhbar di Tanah Melayu. Semua parti politik sekurang-kurangnya menerima gagasan Malaysia itu pada prinsipnya, baik Parti Islam Se-Tanah Melayu ataupun Parti Buruh. Tetapi mengenai cara pelaksanaannya itu, mereka semua berlainan pendapat. Ada yang mencadangkan supaya diadakan perbincangan di kalangan pemimpin-pemimpin politik di Tanah Melayu sebelum gagasan ini dikemukakan kepada wilayah-wilayah yang terlibat. Parti Buruh misalnya mencadangkan supaya percantuman antara Singapura dan Tanah Melayu dijalankan dahulu sebelum gagasan ini diluaskan ke Borneo.

Sambutan dari luar negeri pada umumnya adalah menggalakkan. Di Singapura misalnya, Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat yang diketuainya telah menyambut baik rancangan Malaysia ini. Sebenarnya rancangan ini merupakan satu cara untuk menyelamatkan kedudukan Parti Tindakan Rakyat di Singapura. Parti Buruh Singapura telah bersetuju, dari segi

prinsip, tentang gagasan Malaysia ini tetapi menganggapnya juga sebagai satu perkara yang sangat sukar dilaksanakan. Parti Rakyat Singapura menentang rancangan ini biarpun Parti Rakyat Tanah Melayu menerimanya dari segi prinsipnya. Parti Rakyat Singapura menganggap gagasan Malaysia itu sebagai satu rancangan Britain untuk mengekalkan pengaruhnya. Di Australia, akhbar-akhbar seperti *Sydney Morning Herald* menyambut gagasan Malaysia ini dengan baik. Demikian juga di New Zealand. Di Britain dan Amerika Syarikat, sambutan terhadap gagasan Malaysia ini lewat sedikit. Namun demikian, pemimpin-pemimpin di kedua-dua buah negara itu menganggap gagasan Malaysia itu sebagai satu perkara yang patut mendapat galakan.

Di wilayah Borneo dan Brunei, rancangan Malaysia ini mendapat tentangan. Parti Negara Sarawak dan juga Parti Rakyat Bersatu Sarawak telah menyatakan tentangan mereka terhadap rancangan ini. Di Sabah, oleh kerana parti politik belum wujud pada masa itu, tentangan telah dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Sabah, terutamanya Donald Stephens, seorang pengarang suratkhbar. Parti Rakyat Brunei juga turut menentang dengan kerasnya rancangan Malaysia. A.M. Azahari, pada masa itu, menjadi pemimpin Parti Rakyat Brunei. Kebanyakan tentangan ini disebabkan oleh penerangan yang kurang lengkap daripada kerajaan Tanah Melayu tentang rancangan Malaysia dan ulasan yang agak terburu-buru dari pemimpin-pemimpin masyarakat di Borneo. Sebaliknya Sultan Brunei, secara peribadi, menyokong konsep Malaysia itu.

Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

Selepas Tunku membuat ucapannya di Singapura pada akhir bulan Mei 1961, be-

berapa rundingan telah diadakan di antara pegawai kanan Tanah Melayu dengan pegawai British dari wilayahnya di Borneo dan Singapura. Pada peringkat awal, pegawai-pegawai British ini tidak begitu menyokong gagasan Malaysia. Pada bulan Julai 1961 satu mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel, cawangan Tanah Melayu dan Borneo, telah diadakan di Singapura. Pemimpin politik dan pegawai dari Tanah Melayu serta pemimpin politik dari Singapura telah menggunakan peluang ini untuk menerangkan konsep Malaysia kepada perwakilan dari Sabah, Sarawak dan Brunei yang datang menghadiri mesyuarat Persatuan Komanwel itu. Penerangan yang telah diberikan oleh pegawai dan pemimpin dari Tanah Melayu serta Singapura ini telah mengurangkan salah faham tentang konsep Malaysia. Akhirnya mesyuarat tersebut telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi konsep Malaysia ini kepada orang lain, khususnya penduduk Sarawak, Sabah dan Brunei. Perwakilan Brunei menganggap diri mereka sebagai pemerhati sahaja. Pemimpin-pemimpin Tanah Melayu juga telah menjemput ketua-ketua masyarakat dari wilayah Borneo untuk datang melawat ke Tanah Melayu supaya mereka boleh melihat kemajuan yang telah dicapai oleh Tanah Melayu semenjak merdeka. Dalam lawatan itu juga, mereka akan dapat bertanya dan meminta penjelasan daripada pemimpin-pemimpin Tanah Melayu jika ada perkara yang kurang jelas atau tidak berpuas hati. Encik Ainie Dhoby, seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri Sarawak, merupakan pelawat pertama yang datang ke Tanah Melayu di bawah Rancangan Malaysia ini.

Rundingan Tanah Melayu-Singapura

Dalam pada itu kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan Singapura telah mengadakan

perundingan untuk menentukan cara-cara kemasukan Singapura ke dalam Malaysia. Pada bulan Ogos 1961, kerajaan Tanah Melayu dan Singapura telah bersetuju atas beberapa perkara utama. Satu kertas putih telah disediakan menyatakan perkara-perkara yang telah dipersetujui. Antara perkara yang telah dipersetujui ialah pertahanan, hubungan luar dan keselamatan akan menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan Malaysia tetapi kerajaan Singapura berhak dalam bidang pelajaran dan buruh. Dalam Persekutuan Tanah Melayu, soal pelajaran dan buruh adalah hak kerajaan Persekutuan. Oleh kerana kuasa kerajaan Singapura adalah jauh lebih luas daripada kuasa negeri-negeri Melayu yang lain di dalam Persekutuan Tanah Melayu, maka jumlah perwakilan dari Singapura untuk masuk ke Dewan Rakyat Persekutuan ialah 15 orang sahaja.

Rundingan dengan Kerajaan British

Selain berunding dengan Singapura, kerajaan Tanah Melayu juga berunding dengan kerajaan British yang menguasai Sarawak dan Sabah dan menjadi penangung kepada Brunei. Dalam perundingan itu, kedua-dua buah kerajaan, iaitu Tanah Melayu dan Britain, telah bersetuju untuk menerima gagasan Malaysia itu. Kerajaan British bersetuju dengan apa yang telah dirundingkan di antara Tanah Melayu dan Singapura. Tetapi kedua-dua buah kerajaan itu juga telah menyatakan bahawa sebelum Malaysia ditubuhkan, hendaklah diadakan satu tinjauan terhadap pandangan penduduk Sarawak dan Sabah terhadap gagasan Malaysia itu. Pandangan Sultan Brunei juga akan dipinta berkenaan dengan perkara yang sama.

Kerajaan British berhati-hati tentang kedudukan Singapura kerana ia hendak menentukan keselamatan pelaburannya

yang telah begitu banyak di Asia Tenggara. Selain itu, adalah difahamkan bahawa Britain bertanggungjawab untuk mempertahankan Asia Tenggara daripada ancaman komunis. Ini merupakan perkongsian tugas antara Britain dengan Amerika Syarikat. Jadi, dalam perundingan di London itu, Britain telah bersetuju untuk meluaskan perjanjian pertahanannya dengan Tanah Melayu bagi meliputi kawasan baru yang terkandung dalam Malaysia. Kerajaan Tanah Melayu juga bersetuju bahawa ia akan membenarkan Britain mempunyai pangkalannya di Singapura bagi menjaga, membantu dan mempertahankan Malaysia, juga pertahanan Komanwel dan memelihara keamanan di Asia Tenggara.

Keadaan di Wilayah Borneo

Di wilayah Borneo pula, parti-parti politik yang lama dan yang baru ditubuhkan telah cuba menentukan sikap masing-masing terhadap gagasan Malaysia. Di Borneo Utara, beberapa parti politik baru telah ditubuhkan selepas rancangan Malaysia diumumkan. Antara parti-parti politik yang baru ini ialah Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO), Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), Pertubuhan Kebangsaan Pasok Momogun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik. Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu menyokong gagasan Malaysia itu. Pertubuhan Kebangsaan Pasok Momogun menentang rancangan Malaysia. Parti Bersatu dan Parti Demokratik bersetuju dengan konsep Malaysia tetapi kedua-dua parti ini berkehendakkan supaya Borneo Utara diberi kerajaan sendiri terlebih dahulu sebelum menganggotai Malaysia. UNKO telah meminta orang Kadazan supaya menyokong Malaysia. Pengerusi UNKO, Encik Donald Stephens, yang dahulunya



Tun Datu Mustapha Datu Harun.

menentang Malaysia, kini menyokong Malaysia dengan kuatnya. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) diketuai oleh Datu Mustapha bin Datu Harun. USNO lebih merupakan satu parti bagi orang Islam di Sabah, sungguhpun keanggotaan USNO tidak terhad kepada orang Islam sahaja. Parti Bersatu dan Parti Demokratik mendapat sokongan yang kuat daripada orang Cina. Anggota Parti Kebangsaan Pasok Momogun pula terdiri daripada golongan bumiputera keturunan Dusun dan Kadazan.

Di Sarawak, parti-parti politik memang telah wujud sebelum rancangan Malaysia diumumkan. Parti Negara Sarawak atau

PANAS mempunyai ahli yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu tetapi ada juga ahli bukan Melayu. Parti itu pada mulanya menentang penubuhan Malaysia tetapi setelah mendapat penerangan daripada kerajaan Tanah Melayu, maka PANAS telah menyokong Malaysia pula. Yang Dipertua Parti Negara Sarawak pada masa itu ialah Datuk Bandar Abang Haji Mustapha. Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) pula menentang Malaysia. Parti ini diketuai oleh Encik Stephen Kalong Ningkan. Kebanyakan anggotanya terdiri daripada orang Iban di Bahagian Kedua. Parti Rakyat Bersatu Sarawak yang ditubuhkan pada tahun 1959 juga menentang gagasan Malaysia. Parti ini bergantung kebanyakannya pada orang Cina. Ketuanya ialah Encik Ong Kee Hui. Terdapat juga di dalam parti ini golongan kiri yang agak melampau yang bersimpati dengan komunis. Selain itu, ada sebuah parti lagi yang dinamakan Barisan Rakyat Jati Sarawak atau BARJASA yang mendapat sokongan orang Melayu, dan juga orang Iban dan Melanau. Parti ini menyokong Malaysia. Tentangan oleh Parti Kebangsaan Sarawak dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak terhadap rancangan Malay-



Tun Fuad Stephen.

sia itu bukanlah tentangan yang menyeluruh. Kedua-dua parti ini sedia menerima satu pergabungan Malaysia sebagai matlamat akhir. Tetapi sebelum peringkat itu dicapai, mereka mahukan supaya Sarawak diberi taraf pemerintahan sendiri terlebih dahulu. Selepas itu barulah dibuat keputusan tentang pergabungan dengan Malaysia.

Usaha Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia telah ditubuhkan di Singapura pada bulan Julai 1961, semasa diadakan mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat empat kali untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan penubuhan Malaysia. Mesyuarat pertama telah diadakan di Sabah pada bulan Ogos 1961. Kemudian diadakan pula di Kuching, Sarawak, pada bulan Disember 1961 dan seterusnya di Kuala Lumpur pada bulan Januari 1962. Mesyuarat akhir jawatankuasa ini telah diadakan di Singapura pada bulan Februari 1962. Dalam mesyuarat di Singapura itu, ahli jawatankuasa telah bersetuju untuk mengemukakan satu memorandum kepada Suruhanjaya yang dilantik oleh kerajaan British dan Tanah Melayu bagi meninjau pandangan penduduk di Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia. Suruhanjaya ini juga diminta membuat perakuan tentang bentuk Malaysia berasaskan hasil tinjauan tersebut. Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold kerana pengerusinya bernama Lord Cobbold.

Memorandum yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ini mengandungi beberapa perkara penting. Perkara-perkara ini hendak dijadikan asas kepada perlembagaan Malaysia yang sedang dirancang pada masa itu. Jawatankuasa ini memang telah

bersetuju supaya perlembagaan Tanah Melayu tahun 1957 dijadikan asas kepada perlembagaan Malaysia. Dalam pada itu, jawatankuasa berpendapat bahawa beberapa perkara yang dianggap penting perlu dinyatakan dengan tegas kepada Suruhanjaya Cobbold supaya wilayah-wilayah di Borneo akan berasa terjamin tentang masa depan mereka. Antara perkara yang telah dipersetujui ialah Malaysia yang hendak ditubuhkan itu mestilah mempunyai satu kerajaan Persekutuan yang kuat. Kerajaan Persekutuan akan berkuasa dalam bidang hubungan luar, pertahanan dan keselamatan. Agama Islam diterima sebagai agama rasmi Malaysia. Jawatankuasa juga bersetuju supaya perwakilan di Parlimen tidak hanya diasaskan kepada bilangan penduduk dalam satu-satu kawasan tetapi juga luas kawasan perlu diambil kira. Dengan kata lain, bagi Sarawak dan Sabah yang mempunyai kawasan yang luas tetapi penduduk yang tidak begitu ramai akan mendapat pertimbangan khas supaya perwakilannya tidak semata-mata bergantung pada ramainya penduduk. Sebaliknya keluasan kedua-dua buah negeri itu akan diambil kira untuk menentukan berapa ramaiakah perwakilan dari negeri-negeri itu dalam Parlimen Malaysia. Kedudukan orang bumiputera di Sarawak dan Sabah hendaklah diberi layanan yang sama sebagaimana yang diberi kepada orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan negeri Sarawak dan Sabah berhak menentukan kemasukan orang luar termasuk dari Semenanjung Malaysia dan Singapura. Kuasa ini diberi kepada Sabah dan Sarawak kerana mereka takutkan terlampau ramai orang dari Semenanjung Malaysia dan Singapura masuk ke sana. Kalau ramai yang masuk, mungkin ini menyebabkan penduduk di Sabah dan Sarawak tidak akan mendapat peluang untuk memegang jawatan-jawatan penting kerana pada masa itu, kemajuan pelajaran di



Pengisytiharan kemasukan negeri Sarawak ke dalam persekutuan Malaysia.

Sabah dan Sarawak belum lagi sama seperti yang terdapat di Tanah Melayu dan Singapura. Jawatankuasa juga memperakukan supaya Sarawak dan Sabah diberi peruntukan khas untuk menjaga keutuhannya tentang perkara istimewa yang diberi kepada kedua-dua wilayah ini.

Perlu diingat bahawa sungguhpun ada wakil dari Brunei turut serta dalam perbincangan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ini, tetapi mereka hadir sebagai pemerhati sahaja. Mereka tidak semestinya bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat oleh jawatankuasa ini.

Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ini merupakan satu jawatankuasa yang penting kerana ahli-ahlinya mempunyai kedudukan yang tinggi dalam negara dan juga negeri masing-masing. Misalnya, perwakilan dari Tanah Melayu terdiri daripada ahli Parlimen. Ketua perwakilan Tanah Melayu ialah seorang menteri kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Perwakilan dari Singapura juga adalah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Perundingan termasuk seorang ahli parti pembangkang. Anggota perwakilan dari Sarawak terdiri daripada ahli Majlis Negeri Sarawak. Perwakilan dari Sabah juga terdiri daripada ahli Majlis Mesyuarat Un-

dangan Negeri Sabah. Jadi semua anggota Jawatankuasa Perundingan ini adalah orang-orang yang terkemuka di negeri masing-masing. Oleh yang demikian, memorandum yang mereka kemukakan itu mempunyai sokongan yang agak kuat daripada penduduk yang tinggal di negeri-negeri yang hendak menubuhkan Malaysia.



Pengisytiharan kemasukan negeri Sabah ke dalam persekutuan Malaysia.

Suruhanjaya Cobbold

Suruhanjaya Cobbold dibentuk hasil daripada perundingan yang telah diadakan di antara kerajaan Tanah Melayu dengan kerajaan British pada bulan November 1961. Tujuan suruhanjaya ini ialah untuk meninjau pendapat penduduk di Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia. Hasil daripada tinjauan ini, Suruhanjaya diminta membuat perakuan tentang bentuk negara Malaysia. Suruhanjaya Cobbold telah dilantik pada bulan Januari 1962. Pengerusinya bernama Lord Cobbold, bekas Gabenor Bank England. Ahli-ahlinya terdiri daripada Dato' Wong Pow Nee dan Encik Mohd. Ghazali bin Shafie, yang dilantik oleh kerajaan Persekutuan

Tanah Melayu dan Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston yang mewakili kerajaan British. Suruhanjaya Cobbold telah memulakan tugasnya pada bulan Februari 1962 sehinggalah pertengahan bulan April tahun yang sama. Semasa mereka menjalankan tugas di Sarawak dan Sabah, mereka telah berjumpa dengan lebih daripada 4000 orang dan menerima lebih kurang 2000 memorandum yang dikemukakan oleh orang perseorangan dan persatuan-persatuan politik, agama, kemasyarakatan dan kesatuan sekerja. Jadi Suruhanjaya ini boleh dikatakan telah membuat tinjauan yang agak meluas di kedua-dua wilayah ini.

Suruhanjaya ini telah mengemukakan laporannya pada bulan Jun 1962. Mengikut laporan itu, lebih kurang 80 peratus penduduk Sarawak dan Sabah menyokong Malaysia. Kebanyakan mereka yang menyokong terdiri daripada golongan bumiputera. 20 peratus daripada penduduk kedua-dua wilayah itu menentang rancangan Malaysia. Kebanyakan daripada

yang menentang ini adalah golongan bukan bumiputera. Kebanyakan orang Melayu dan Melanau di Sarawak telah menggunakan memorandum Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia itu sebagai asas kepada pandangan mereka terhadap gagasan Malaysia. Jadi mereka bolehlah dikatakan sebagai penyokong Malaysia yang agak kuat mengikut memorandum yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perundingan itu. Kebanyakan orang Iban di Sarawak mengemukakan tuntutan mereka mengikut keputusan persidangan pemimpin Iban yang telah mengadakan mesyuarat secara besar-besaran pada 15 Februari 1962 di Kapit, Sarawak. Persidangan ketua-ketua Iban ini juga dikenali dengan panggilan *Aum*. Ketua-ketua Iban yang bersidang di Kapit ini mewakili lebih kurang 112 000 orang Iban daripada jumlah 238 000 orang Iban di Sarawak. Keputusan yang telah dicapai di Kapit menekankan supaya kedudukan golongan bumiputera di Sarawak akan terjamin dalam Malaysia nanti. Antara perkara yang telah diputuskan ialah Ketua Negeri Sarawak mestilah daripada bumiputera Sarawak. Ketua tiap-tiap negeri di persekutuan Malaysia mestilah layak untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong negara Malaysia. Adat lama hendaklah dikekalkan di bawah kawalan kerajaan negeri Sarawak. Soal tanah hendaklah terus ditadbir di bawah kuasa kerajaan negeri. Keputusan ini juga meminta supaya bahasa Inggeris diteruskan menjadi bahasa rasmi Sarawak dan ia juga meminta supaya bahasa Inggeris terus dijadikan sebagai salah satu daripada bahasa rasmi Malaysia. Ketua-ketua Iban ini juga meminta supaya pegawai British yang berkhidmat di Sarawak diteruskan perkhidmatan mereka sehinggalah orang Sarawak boleh mengambil alih jawatan-jawatan tersebut. Orang Iban di Sarawak yang datang menyatakan pandangan mereka secara lisan kepada Suruhanjaya



Lord Cobbold, ketua Suruhanjaya Cobbold.

Cobbold telah menggunakan keputusan Kapit itu sebagai asas pandangan mereka.

Selain itu, parti-parti politik di Sarawak dan Sabah juga telah mengemukakan pandangan mereka kepada Suruhanjaya Cobbold. Parti Rakyat Bersatu Sarawak, misalnya telah menyatakan tentangannya terhadap Malaysia tetapi bukanlah secara menyeluruh. Parti ini berkehendakkan supaya kemerdekaan diberi dahulu kepada Sarawak. Selepas itu barulah Sarawak akan membuat keputusan untuk bercantum dengan Malaysia ataupun tidak. Pandangan daripada parti ini dianggap sebagai satu usaha untuk melambatkan penu-

buan Malaysia. Parti ini juga tidak dapat menerima bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia.

Di Sabah, Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu menganggap bahawa penubuhan Malaysia merupakan satu jalan keluar bagi Sabah. Parti ini berpendapat bahawa keselamatan Asia Tenggara akan lebih terjamin jika Malaysia ditubuhkan. Ia percaya bahawa menerusi Malaysia, satu masyarakat berbilang bangsa yang aman dan damai akan dapat diwujudkan. Parti ini juga berpendapat jika Malaysia tidak ditubuhkan, maka ada kemungkinan kuasa-kuasa lain akan cuba mengambil Sabah. Parti USNO juga memberi sokongan yang penuh terhadap Malaysia. Parti Pasok Momogun sungguhpun menganggap Malaysia sebagai satu usaha yang baik, tetapi ia lebih suka kalau kerajaan British terus memerintah di Sabah.



Tun Datu Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'cub, pernah menjadi Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sarawak.

Laporan Suruhanjaya Cobbold

Selepas Suruhanjaya Cobbold mengkaji pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh penduduk di Sarawak dan Sabah, mereka telah membuat satu laporan memperakukan beberapa perkara yang hendak dijadikan asas kepada perlembagaan Malaysia. Laporan ini bukanlah satu laporan yang dipersetujui dengan sebulat suara. Ada perkara-perkara dalam mana ahli suruhanjaya berbeza pendapat. Ada pula pendapat-pendapat yang merupakan keputusan sebulat suara. Antara perkara-perkara yang telah dipersetujui dengan sebulat suara ialah penerimaan ahli-ahli Suruhanjaya supaya perlembagaan Malaysia yang hendak ditubuhkan itu diasaskan pada perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957. Suruhanjaya ini juga menganggap bahawa nama Malaysia itu sebagai nama yang sesuai sekali bagi negara yang hendak ditubuhkan itu. Ahli-

ahli Suruhanjaya juga bersetuju dalam soal penghijrahan, baik dari luar ataupun dari Tanah Melayu dan Singapura, kerajaan negeri Sarawak dan Sabah akan mempunyai kuasa untuk menentukan kemaksukan orang dari luar. Dalam soal agama, pengerusi Suruhanjaya dan ahli-ahli yang dilantik oleh kerajaan British bersetuju supaya perkara ini ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Undangan Sarawak dan Sabah. Ahli-ahli dari Persekutuan Tanah Melayu pula merasakan bahawa pengiktirafan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia adalah penting dari segi keseluruhan Malaysia dengan jaminan bahawa kebebasan diberi kepada penganut agama-agama lain untuk mengamalkan agamanya. Dalam soal Bahasa Kebangsaan pula, pengerusi dan ahli-ahli yang dilantik oleh kerajaan Tanah Melayu mencadangkan supaya bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan. Mengenai bahasa rasmi, ahli-ahli dari Tanah Melayu telah mencadangkan supaya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi. Kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi hendaklah dihadkan penggunaannya kepada beberapa tahun yang tertentu. Bahasa-bahasa kaum bumiputera Sabah dan Sarawak yang telah pun digunakan dalam Majlis-majlis Undangan Negeri akan terus digunakan untuk tempoh sepuluh tahun. Selepas itu kedudukannya akan dikaji semula. Anggota-anggota yang dilantik oleh Britain mencadangkan supaya masa yang diperlukan untuk menubuhkan Malaysia hendaklah lebih kurang lima tahun, tetapi wakil-wakil dari Tanah Melayu menyatakan bahawa masa yang diperlukan ialah setahun sahaja. Peruntukan khas juga dicadangkan oleh Suruhanjaya ini mengenai perkara-perkara istimewa yang cuma diberikan kepada Sarawak dan Sabah sahaja. Dalam hal ini, perlembagaan Malaysia hendaklah mengadakan peruntukan iaitu kerajaan Per-

sekutuan tidak boleh meminda perkara-perkara yang khusus untuk Sarawak dan Sabah, yang terkandung dalam perlembagaan Malaysia nanti, kecuali dengan persetujuan Majlis Undangan di kedua-dua buah negeri itu.

Laporan Suruhanjaya Cobbold ini telah dikemukakan kepada Britain dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Jun 1962. Kedua-dua kerajaan ini telah mengkaji laporan Suruhanjaya Cobbold. Pada 1 Ogos 1962 mereka telah membuat pengumuman menyatakan bahawa kedua-dua kerajaan ini menerima dengan sebulat suara hampir semua cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya itu. Mereka juga menyatakan persetujuan untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Perlu diingat bahawa tarikh 31 Ogos itu ialah juga hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Persetujuan untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 bermakna bahawa kerajaan British akan bersedia untuk menyerahkan kedaulatan Singapura, Sarawak dan Sabah kepada Malaysia.

Selain itu, kenyataan bersama kerajaan British dan Tanah Melayu juga menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Antara Kerajaan akan ditubuhkan bagi menyelenggarakan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penubuhan Malaysia. Selepas persetujuan ini dibuat, Majlis Mesyuarat Undangan Sarawak dan Sabah telah menyatakan persetujuan mereka untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963.

Jawatankuasa Antara Kerajaan itu dianggotai oleh wakil-wakil dari Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah. Pengerusi jawatankuasa ini ialah Lord Lansdowne iaitu seorang Menteri Muda Britain. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pada 30 Ogos 1962 dan telah menubuhkan lima jawatankuasa kecil yang berkenaan dengan perlembagaan, kewangan, undang-undang, perkhidmatan

awam, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan bentuk jabatan-jabatan dalam persekutuan Malaysia nanti.

Referendum Singapura

Semasa Suruhanjaya Cobbold menjalankan tugasnya di wilayah-wilayah Borneo, kerajaan Singapura pula menghadapi tentangan hebat terhadap penubuhan Malaysia yang dikemukakan oleh Barisan Sosialis. Barisan Sosialis menganggap rancangan Malaysia itu sebagai satu usaha untuk mengekalkan penjajahan British. Kerajaan Singapura telah membuat satu keputusan untuk mengadakan satu referendum bagi meninjau pendapat penduduk Singapura terhadap penubuhan Malaysia.

Referendum yang hendak dijalankan ini tidaklah bermakna bahawa penduduk Singapura boleh menolak penubuhan Malaysia. Apa yang hendak dipersoalkan ialah bagaimana Malaysia hendak ditubuhkan ataupun apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh penduduk Singapura untuk mempersetujui penubuhan Malaysia nanti. Kerajaan Singapura mengambil keputusan ini kerana tiap-tiap parti politik di Singapura memang menyokong percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Oleh yang demikian, soal percantuman tidaklah perlu dibincangkan lagi. Apa

yang perlu dibicarakan ialah soal bagaimana atau syarat-syarat yang diperlukan untuk membentuk percantuman.

Referendum kerajaan Singapura ini telah diadakan pada 1 September 1962. Pengundi-pengundi Singapura telah diberi tiga pilihan. Pilihan A menyatakan percantuman mengikut cadangan kerajaan sebagaimana yang telah dipersetujui dengan Tanah Melayu pada bulan November 1961. Pilihan B menyatakan percantuman yang tidak bersyarat dan kemasukan Singapura akan meletakkan pulau itu sama keadaannya seperti 11 negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Pilihan C ialah Singapura akan memperoleh faedah yang tidak kurang pentingnya seperti yang diterima oleh wilayah British di Borneo.

Selepas diadakan referendum, rakyat Singapura telah memilih A iaitu pilihan yang dicadangkan oleh kerajaan Singapura sendiri. Dalam hal referendum ini, Barisan Sosialis telah menunjukkan tentangnya terhadap referendum itu dengan meminta penduduk Singapura memulaukan referendum tersebut. Barisan Sosialis menganggap pilihan yang dikemukakan oleh kerajaan Singapura sebagai tidak adil kerana tidak ada pilihan untuk menolak.

Penubuhan Malaysia: Reaksi dan Kesudahan

Brunei dan Malaysia

Sebelum bulan Disember 1962, Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak telah menyatakan persetujuan mereka untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Dalam pada itu Jawatankuasa Antara Kerajaan meneruskan tugasnya untuk menentukan perkara-perkara lain bagi melaksanakan pentadbiran selepas Malaysia ditubuhkan.

Sementara itu terdengar pula keadaan yang tidak begitu menyenangkan di Brunei. Semasa Suruhanjaya Cobbold menjalankan tugasnya di Sarawak dan Sabah, kerajaan Brunei juga telah mengadakan satu tinjauan tentang sikap penduduk Brunei terhadap gagasan Malaysia. Adalah difahamkan bahawa sebahagian besar daripada penduduk Brunei tidak bersetuju Brunei menganggotai Malaysia. Sikap orang Brunei ini bolehlah dikatakan akibat daripada pengaruh Parti Rakyat Brunei. Parti ini diketuai oleh A.M. Azahari. Parti Rakyat Brunei merupakan parti yang berpengaruh di negeri itu. Dalam pilihanraya yang telah diadakan bagi 16 kerusi Majlis Mesyuarat Undangan Brunei, Parti Rakyat telah memenangi 15 daripada 16 kerusi. Calon yang telah berjaya tetapi bukan daripada Parti Rakyat itu kemudiannya telah menyertai Parti Rakyat. Jumlah penuh ahli Majlis Mesyua-

rat Undangan Negeri Brunei ialah 33. Kerajaan Brunei melantik 17 daripadanya. Namun demikian, kejayaan Parti Rakyat itu menunjukkan bahawa ia mendapat sokongan daripada sebahagian besar rakyat Brunei. Parti Rakyat ini menentang kemasukan Brunei ke dalam Malaysia.

Azahari mahukan supaya sebuah kerajaan Borneo Utara dibentuk. Kerajaan itu dinamakan kerajaan Kalimantan Utara yang akan diketuai oleh Sultan Brunei dan mengandungi negeri Brunei, Sarawak dan Sabah. Parti Rakyat telah cuba membawa satu usul menentang Malaysia ke dalam Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Brunei. Tetapi mesyuarat itu telah ditangguhkan dari semasa ke semasa. Akhirnya, pada 8 Disember 1962, Parti Rakyat Brunei telah mengadakan pemberontakan terhadap kerajaan Brunei. Pemberontakan itu telah dapat dihapuskan oleh kerajaan Brunei yang dibantu oleh kerajaan British dan kerajaan Tanah Melayu. Sungguhpun pemberontakan itu telah dapat dipatahkan, tetapi Britain dan Tanah Melayu serta Sultan Brunei sedar bahawa besar kemungkinan sesuatu yang tidak baik akan berlaku kalau Brunei menganggotai persekutuan Malaysia.

Parti Rakyat Brunei berpendapat bahawa gagasan Malaysia merupakan satu cara kerajaan British hendak melanjutkan pengaruhnya di wilayah-wilayah yang



Negara-Negara jiran Malaysia.

pernah dijajahnya dan dengan itu akan dapat pula menjaga kepentingan ekonominya serta keselamatan Britain khususnya dan pihak Barat amnya. Parti Rakyat dan golongan lain juga kluatir kalau penyertaan Brunei dalam Malaysia akan menyebabkan Brunei kehilangan sebahagian besar daripada kekayaannya. Juga, A.M. Azahari mempunyai hubungan yang rapat dengan Indonesia dan dianggap sebagai seorang yang memperjuangkan kepentingan Indonesia, khususnya dalam usaha Indonesia menggagalkan penubuhan Malaysia.

Indonesia dan Malaysia

Dalam pada itu, pemberontakan yang telah dilancarkan oleh Parti Rakyat Brunei pada 8 Disember 1962 telah mendapat sambutan daripada Indonesia yang dipimpin oleh Presiden Sukarno. Kerajaan Indonesia pada peringkat awal gagasan Malaysia diumumkan telah menyatakan bahawa ia tidak berminat dalam soal penubuhan Malaysia kerana kawasan Indonesia tidak terlibat. Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio, pernah menghantar ucapan

tahniah di atas usaha kerajaan Tanah Melayu untuk menubuhkan Malaysia. Tetapi kemudiannya Indonesia mengecam langkah kerajaan Tanah Melayu tentang penubuhan Malaysia, dan seterusnya menentang dengan menggunakan kekerasan terhadap Malaysia.

Parti Komunis Indonesia merupakan satu punca dalam negara Indonesia yang membuat kecaman dari semasa ke semasa terhadap penubuhan Malaysia. Golongan lain yang mempersoalkan gagasan Malaysia termasuk pemimpin-pemimpin terkemuka dan kemudiannya pihak kerajaan Indonesia sendiri. Jadi sambutan daripada Indonesia tentang pemberontakan Parti Rakyat di Brunei itu merupakan lanjutan kepada kecaman Indonesia terhadap gagasan Malaysia. Tuduh menuduh telah berlaku menerusi akhbar di antara pemimpin-pemimpin Indonesia dan Tanah Melayu. Akhirnya pada 20 Januari 1963 Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio, telah mengumumkan konfrontasi Indonesia terhadap gagasan Malaysia. Konfrontasi adalah satu dasar tentangan yang dibuat oleh Indonesia terhadap rancangan Malaysia baik dari segi ekonomi ataupun kemasyarakatan. Pada peringkat awalnya, Indonesia mengatakan ia tidak akan melancarkan konfrontasi tentera. Tentangan daripada Indonesia ini akhirnya meluas sehinggalah timbul pertempuran tentera di antara Indonesia dengan Tanah Melayu dan kemudiannya terhadap Malaysia. Pada masa itu, Britain turut serta untuk mempertahankan Tanah Melayu dan juga wilayah-wilayah British di Borneo dan Singapura.

Filipina dan Malaysia

Selain tentangan Indonesia, gagasan Malaysia ini juga menghadapi ancaman daripada kerajaan Filipina. Pada tahun 1962, Filipina telah menuntut daripada kerajaan

British supaya Sabah dikembalikan kepada Filipina. Menurut Filipina, Sabah atau Borneo Utara adalah sebahagian daripada Kesultanan Sulu. Oleh yang demikian, Sabah perlu dikembalikan kepada Filipina kerana Sulu adalah sebahagian daripada negara Filipina. Britain tidak melayan tuntutan Filipina, malah dalam satu perundingan antara pihak British dan Filipina yang telah diadakan sebelum Malaysia ditubuhkan, Britain telah menolak tuntutan Filipina. Tetapi Filipina telah meneruskan tuntutannya terhadap Sabah selepas Malaysia ditubuhkan. Tuntutan ini dibuat kepada kerajaan Malaysia. Tuntutan Filipina ini juga menyebabkan timbul beberapa masalah terhadap kerajaan Tanah Melayu dalam usahanya hendak menubuhkan Malaysia. Malaysia tidak dapat menerima tuntutan Filipina itu kerana Malaysia tidak pernah menyalahi apa-apa syarat pun sebagaimana yang terkandung dalam surat perjanjian antara Sultan Sulu dan Baron von Overbeck pada tahun 1878. Rakyat Sabah juga telah membuat keputusan untuk menyertai Malaysia.

Maphilindo

Tentangan daripada kedua-dua kuasa luar ini telah menyebabkan kesukaran menubuhkan Malaysia. Perlu diingat bahawa sebahagian besar penduduk Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura memang telah pun bersetuju menubuhkan Malaysia. Usaha-usaha telah dijalankan untuk mencari penyelesaian daripada persengketaan yang telah timbul di antara Indonesia dan Filipina pada satu pihak dan Tanah Melayu serta wilayah-wilayah yang hendak menubuhkan Malaysia pada bulan April 1963. Persidangan di peringkat pegawai ini telah diikuti pula dengan Persidangan Menteri-Menteri Luar ketiga-tiga negara ini yang juga telah diadakan di Manila dari 7 hingga 14 Jun 1963. Persi-

dangan Menteri-Menteri Luar ini telah mencadangkan supaya satu gabungan di antara ketiga-tiga negara ini ditubuhkan. Gabungan ini dinamakan MAPHILINDO yang menggunakan singkatan daripada nama Malaysia, Filipina (Philippines) dan Indonesia. Menerusi Maphilindo inilah diharapkan satu penyelesaian akan dapat dicapai di antara ketiga-tiga negara ini. Menurut rancangan pada masa itu, mesyuarat Menteri-Menteri Luar ini akan disusuli dengan sidang kemuncak.

Tentang Indonesia

Sementara itu, kerajaan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan British serta Brunei telah mengadakan perundingan di London dari 7 hingga 9 Julai 1963. Dalam perundingan itu persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Brunei tidak bersetuju dengan penubuhan Malaysia dan tidak menandatangani perjanjian tersebut.

Apabila keputusan perundingan ini diumumkan, Indonesia telah menyatakan tentangannya terhadap gagasan Malaysia kerana menurutnya Tanah Melayu telah bersetuju supaya masalah penubuhan Malaysia diselenggarakan menerusi Maphilindo. Kerajaan Tanah Melayu cuba menerangkan sebab-sebab perjanjian di London itu perlu ditandatangani dan menerangkan bahawa persetujuan di London itu tidak menghalang usaha untuk mencapai penyelesaian menerusi Maphilindo.

Selepas mengadakan persidangan di peringkat Menteri-Menteri Luar, kerajaan Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina telah mengadakan pula sidang kemuncak. Persidangan ini telah diadakan di Manila, di antara Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Tanah Melayu; Sukarno, Presiden Indonesia dan Presiden Macapagal dari Filipina. Dalam sidang kemuncak ini, ketiga-tiga ketua kerajaan itu

telah bersetuju untuk menubuhkan Maphilindo. Mereka juga bersetuju untuk mencari penyelesaian tentang penubuhan Malaysia dengan bantuan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ketiga-tiga negara telah meminta Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, U Thant, ataupun wakilnya untuk meninjau semula tentang pandangan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap penubuhan Malaysia. Tinjauan itu akan cuba menentukan sama ada rakyat Sabah dan Sarawak telah sebenarnya diberi peluang menyatakan pendapat mereka tentang penubuhan Malaysia dan adakah betul yang sebahagian besar daripada mereka menyokong penubuhan Malaysia. Setiausaha Agung telah bersetuju untuk menjalankan tugas ini dengan syarat bahawa keputusan beliau nanti akan diterima oleh ketiga-tiga negara tersebut tanpa syarat. Setelah mendapat persetujuan daripada ketiga-tiga ketua kerajaan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menghantarkan wakilnya, Encik Michaelmore, dengan satu rombongan bagi meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak.

Sidang kemuncak itu juga bersetuju agar ketiga-tiga negara yang terlibat melantik pemerhati untuk melihat tinjauan yang dijalankan oleh kumpulan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu merasakan hal ini tidak perlu tetapi ia bersetuju juga dengan harapan mencari penyelesaian.

Dalam pada itu, timbul pula perselisihan tentang cara-cara hendak menjalankan tinjauan ini. Oleh kerana begitu banyak salah faham timbul akibat daripada berlainan tanggapan tentang peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pemerintahnya, maka apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengumumkan dan mengesahkan bahawa sebahagian besar rakyat Sarawak dan Sabah menyokong penubuhan

Malaysia, Indonesia dan Filipina telah tidak mahu menerima keputusan tersebut.

Semasa Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyediakan laporannya, penubuhan Malaysia yang telah dirancang pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditangguhkan, kerana laporan itu tidak dapat disiapkan sebelum 31 Ogos. Bagi pihak Tanah Melayu, oleh kerana satu persetujuan telah dicapai di antara negeri-negeri yang hendak menubuhkan Malaysia dan juga Britain bahawa Malaysia akan ditubuhkan pada 31 Ogos 1963, maka penangguhan diperlukan untuk membolehkan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyediakan laporannya. Kerajaan Tanah Melayu telah bertanya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang tarikh laporan itu di siapkan. Setiausaha Agung menganggarkan bahawa laporan itu akan siap pada 14 September 1963. Jadi kerajaan Tanah Melayu telah memberitahu Indonesia dan Filipina bahawa ia perlu mengumumkan satu tarikh baru bagi penubuhan Malaysia. Kalau tidak nanti, Malaysia akan tertubuh secara automatik pada 31 Ogos 1963 kerana negeri-negeri yang terlibat dalam penu-

buhan Malaysia telah pun bersetuju tentang hal ini menerusi keputusan yang telah pun dibuat dalam Majlis Perundangan masing-masing. Jadi, tarikh baru untuk mengumumkan pengisytiharan Malaysia ialah pada 16 September 1963. Sungguhpun perkara ini telah diterangkan kepada Indonesia tetapi Indonesia telah membuat bantahan yang kuat dan menuduh Tanah Melayu tidak menghormati persetujuan yang telah dicapai dalam persidangan Maphilindo di Manila dan juga tidak menghormati kedudukan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi apabila keputusan Setiausaha Agung diumumkan, Indonesia dan Filipina tidak mahu menerimanya. Dengan itu konfrontasi berlaku sekali lagi. Namun demikian, Malaysia telah diisytiharkan penubuhannya pada 16 September 1963 kerana sebahagian besar daripada penduduknya telah bersetuju supaya Malaysia ditubuhkan. Kemahuan rakyat telah ditunjukkan menerusi laporan Suruhanjaya Cobbold dan disahkan oleh perwakilan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Pengisytiharan penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Indeks

- A Famosa, 58, 61, 62, 76
A.E. Percival, 174
A.M. Azahari, 229
Abbasiyah, 30
Abdi, 43
Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, 219
Abdullah Juru Kaka, 145
Abu Bakar Chinting, 145
Acheh, 61, 67, 73
Adat istiadat, 15, 17, 29, 30, 70
Adat istiadat Melayu, 86
Adat perpatih, 70
Adat resam, 46
Aden, 55
Adrian Koek, 77
Afrika, 55, 61, 112
Afrika Selatan, 222
Agama Buddha, 11, 12
Agama Buddha Mahayana, 12
Agama Hindu, 17, 18, 26-27, 40
Agama Islam, 20, 23-30, 37, 40-41, 46, 48, 50, 54, 86, 89, 129, 180
Agama Katolik, 62
Agama Kristian, 54, 62
Ahl Majlis Mesyuarat Kerja Negeri-Negeri Selat, 208
Amie Dhoby, 247
Akar, 47
Akek, 47
Akhbar-akhbar Melayu, 192
al-Quran, 29, 30
Alam Melayu, 15, 55, 67
Alat-alat kebesaran, 66
Albert Kwok, 186
Alexander Dalrymple, 74
Alfonso d'Albuquerque, 26, 40, 55, 56, 61
Alim ulama, 24, 25
All Malaya Council of Joint Action (AMCJA), 197, 202
Alor Limbat, 145
Amerika Syarikat, 89, 155
Ampang, 116
Anak Acheh, 70
Anak buah, 70
Anak gahara, 31
Anak Melaka, 70
Andalusia, 54
Andrew Clarke, 90
Angkatan Ceylon (Sri Lanka), 55
Angkatan Laut Melaka, 35, 38
Angkatan Pemuda Insaf (API), 198, 204, 209
Angkatan Wanita Sedar (AWAS), 198, 209
Animisme, 26-27
Annam, 49
Antonio d'Abreu, 61
Arab, 10, 54
Aria Pateh Gajah Mada, 51
Arkeologi, 1
Asia, 60
Asia Barat, 25, 34, 47, 60, 62-63
Asia Tenggara, 3, 6, 15, 19, 23-25, 27, 29, 33-34, 37-38, 46, 188
Asia Timur, 47, 62
Askar Kebangsaan India, 208
Askar Sepoi, 96
Askar Turki, 62
Askar-askar upahan, 56-57
Australia, 112
Avadi, 163
Ayer Leleh, 53
Azad Hind, 184
Bahasa Melayu, 28, 198
Bahasa Sanskrit, 11-12
Bahasa Tamil, 11
Bahtera, 39
Balai Polis Pasir Puteh, 140
Bali Makasar, 14
Bahtera, 39
Banda, 47, 73
Bandar Baharu, 91
Bandar Melaka, 41
Bandar pelabuhan, 46
Bangkahulu, 161
Bangkok, 81
Bangsa bangsawan, 17
Bangsa hamba abdi, 17
Bangsa "orang kaya-kaya", 44
Bangsa raja, 17, 41, 43-45
Bangsawan, 43-45
Banjaran Titiwangsa, 111
Bapa Johor Moden, 130
Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA), 249
Barisan Sosialis, 255
Barisan Tani, 204
Baron von Overbeck, 258
Bartholomew Diaz, 55, 60
Batu Belang, 70
Batu Bersurat, 25
Batu Buruk, 8
Batu Hampar, 59, 70
Batu Pahat, 33, 46
Batu Sawar, 62-63

- Bekor, 188
 Belanda, 58, 63-64, 67-68, 70-73, 76, 133
 Benang emas, 47, 64
 Bendahara, 31-32, 35-36, 38, 42, 49, 51, 53, 64-65, 68
 Bendahara Abdul Jalil, 68
 Bendahara Melaka, 32, 36-37, 41, 51
 Bendahara Paduka Raja, 34, 38, 42, 51, 53-54, 64
 Bendahara Paduka Tuan, 54
 Bendahara Perak, 44
 Bendahara Seri Amar Diraja, 31
 Bendahara Seri Maharaja, 42, 51, 53
 Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, 51, 56
 Bendahara Seri Wak Raja, 32, 36
 Bendahara Tepok, 58
 Bendahara Tun Mutahir, 44, 52, 53
 Bendahara Tun Perak, 33, 53, 59
 Bendahara Wan Ahmad, 101, 111
 Benggala, 61, 67
 Bengkalis, 37
 Bengkulu, 76
 Bentan, 35, 59, 63-64
 Bentara, 36
 Benua Afrika, 54-55
 Berbangsa raja, 41
 Berbangsa-bangsa, 17, 38, 40-41, 43
 Berinai, 17, 30
 Bernam, 35
 Bersanding dan "makan beradap", 17, 30
 Beruas (Perak), 37, 51
 Beruas Ujung Karang, 35
 Betawi, 67
 Bharukeccha, 10
 Bhatara, 14
 Biawak Busuk, 16
 Biduanda, 70
 Bintang Tiga, 185, 204
 Birch, 89, 91-92
 Bone, 68
 Borneo Utara (Sabah), 244, 256
 Brahman, 12
 Brahmin, 17
 Brazil, 154
 Britain dengan Siam, 81
 Bruas (Perak), 51
 Brunei, 34, 244
 Buapak, 70
 Budu, 105
 Bugis, 71, 76
 Bukit Chuping, 4, 7
 Bukit Jati, 9
 Bukit Seguntang Maha Meru, 17
 Bunga Emas, 132, 141
 Burma (Raja Bodawpaya), 75
 Burma, 34, 47-48, 80, 133
 Buruh bebas-merdeka, 162
 Buruh Cina, 158, 162
 Buruh India, 160
 Buruh kangany, 162
 Buruh kontrak, 162
Bustanul Salatin, 28
 Calcutta, 75
 Calicut, 55, 60
 Cambridge, 206
 Campa, 23
 Cananore, 55
 Canda, 47, 64, 72
 Canton, 61
 Cecil Clementi, 121
 Cendana, 47
 Cengkih, 47
 Ceylon (Sri Lanka), 88
 Chao Ju-kua, 11
 Charles Goodyear, 155
 Che Salleh, 139
 Cheka, 105
 Cheng Tee, 88
 Chi-la-tan, 11
 Chieh-cha, 11
 Chien Han Shu, 10
 Chih-tu, 11 12
 Chin-li-pi-shih, 11
 China, 10, 18-23, 25, 31, 33, 35, 38, 46-49, 61, 64
 Chiu-Chih, 11
 Chu-tu-kun, 11
 Cina Kebangsaan, 211
 Cina Teochew, 83
 Cochín, 55
 Coimbatore, 161
 Colombo, 188
 Constantinople, 60
 Cukai, 49, 139
 Cura Si Manjakini, 66
 D.R. Seenivasagam, 219
 Daeng Celak, 68
 Daeng Kemasi, 68
 Daeng Kemboja, 71-72
 Daeng Menambun, 68
 Daeng Merewah, 68
 Daeng Parani, 68
 Daeng Rilaka, 68
 Daerah Kerian, 88
 Dagang Islam, 20
 Dakwah, 24, 25, 26
 Dakwah Islamiah, 26-27
 Damar, 47
 Darurat, 186
 Dasar Pelajaran Kebangsaan, 227, 242
 Dato' Kelana Sungai Ujong, 99
 Dato' Onn bin Jaafar, 192, 194, 203, 206, 207
 Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman, 127
 Dato' Wong Poo Nee, 251
 Datu Mustapha bin Datu Harun, 186, 249
 Datuk, 45
 Datuk Abang Haji Mustapha, 249
 Datuk Bahaman, 104
 Datuk E.E.C. Thuraisingham, 206, 207
 Datuk Laksamana, 93
 Datuk Maharaja Purba Jelai, 103
 Datuk Maharajalela, 91-92
 Datuk Mohd. Asri, 203
 Datuk Panglima Bukit Gantang, 207
 Datuk Sagor, 91-93
 Datuk Setia Perkasa Pahlawan, 102
 Datuk Syahbandar, 93
 Datuk Syahbandar Serun, 99
 Datuk Tan Cheng Lock, 206
 Daun kayu, 47
 David Marshall, 244
 de Barros, 15

de Eredia, 28
 Delima, 47
 Demokrasi, 193
 Deraman Haji Daud Peris, 145
 Dewan Bandaran Kuala Lumpur, 207
 Dewan Perniagaan Cina, 210
 Dewan Perundangan Pusat, 215
 Dewan Rakyat British, 193
 Dewan Undangan Pusat, 197
 Diego Lopez de Sequeira, 60
 Diego Mendez de Vasconcellos, 61
 Dinding, 35
 Diplomat, 38
 Diplomat Melayu, 33, 34
 Donald Stephens, 247
 Dong Son, 8
 Dr. Burhanuddin Helmi, 198
 Dr. Subandrio, 257
 Duarte Coelho, 62
 Duff, 134
 Duit Pisang, 179
 Duku, 47
 Dunia Islam, 60
 Dunia Melayu, 64
 Durbar, 114, 121
 Durian Sebatang, 91

Emanuel Godinho de Eredia, 69
 Emas, 47, 50, 52
 Empat golongan, 30, 43
 Empat orang pahlawan Melaka, 38
 Empayar Johor-Riau, 59, 86
 Empayar kelautan, 27-28, 30, 34, 36-39
 Empayar Majapahit, 51
 Empayar Melaka, 28-30, 37-42, 49, 52-53, 58-59
 Empayar Melayu, 15, 42
 Empayar Melayu Melaka, 59, 125
 Empayar Melayu Srivijaya, 15, 42
 Encik Latiff, 139
 Engku Besar Tuan Ahmad, 138
 Engku Besar, 139
 Engku Sayid, 105
 England, 73, 76, 93, 127
 Eropah, 54, 55, 60

F.A. Stephens (1897), 154
 Farquhar, 77
 Fernao Peres d'Andrade, 61
 Filipina, 240
 Fo-lo-an, 11
 Foshih-pu-lo, 11
 Francis Light, 74-75, 136
 Francis Xavier, 62
 Francisco d'Almeida, 55
 Francisco Serrao, 61
 Frank Swettenham, 91, 96, 141
 Funan, 13

Gabonor Andrew Clarke, 89
 Gabonor Bank England, 251
 Gabonor Bannerman, 78
 Gabonor Frederick Weld, 127
 Gabonor Jervois, 93, 94
 Gabonor Malayan Union, 194, 195

Gabonor Negeri-Negeri Selat, 87, 112
 Gabonor-Jeneral India, 77
 Gabonor-Jeneral MacPherson, 75
 Gabonor-Jeneral Waren Hastings, 77
 Gajah Mada, 14
 Gasper Correa, 15
 Geliang, 39
 Genoa, 54
 George Maxwell, 137
 Gerakan Islam, 186
 Gerakan Melayu Semenanjung, 192
 Gereja *Our Lady of the Visitation*, 62
 Gereja St. Paul, 62
 Getah tiruan, 157
 Ghali, 39
 Ghalias, 39
 Goa, 53, 55-56
 Goa India, 61
 Golongan Hokkien, 83
 Golongan bangsawan, 41, 44
 Golongan hamba, 44
 Golongan pembesar, 41
 Golongan pemerintah, 41
 Golongan pertengahan, 48
 Golongan rakyat, 41
 Grisek, 23
 Gua batu kapur, 3
 Gua Debu, 4
 Gua Gomantong, 4
 Gua Harimau, 8
 Gua Kechil, 4
 Gua Kerbau, 4
 Gua Kurong Batang, 11, 12
 Gua Madai, 4
 Gua Musang, 4
 Gua Niah Sarawak, 1, 4
 Gua Tengkorak, 4
 Guar Kepah, 4
 Gudang, 48
 Gugusan Kepulauan Melayu, 23-25, 27, 47-48, 61-63, 67-68, 73-74, 80, 189
 Gujerat, 54, 56, 61
 Gunung Semanggol, 204, 225

H.E. Duke, 137
 H.N. Ridley, 154
 Haji Ahmad Fuad bin Hassan, 220, 221
 Haji Ahmad Maliki, 221
 Haji Ahmad bin Long, 221
 Haji Hashim bin Abdul Ghani, 218
 Hak memungut cukai, 88
 Hak keistimewaan, 41, 43
 Hakim Besar Perak, 93, 118
 Hamba abdi, 42-44
 Hamba berhutang, 18
 Hamba hutang, 43, 89
 Hamba raja, 42-44, 52
 Hang Jebat, 38
 Hang Kasturi, 38
 Hang Lekiu, 38
 Hang Li Po, 34
 Hang Tuah, 37-38, 44
 Hari Raya Haji, 29
 Hari Raya Puasa, 29
Hartal, 181, 191
 Haru, 24, 28, 37

- Hassan Al-Banna, 204
 Hayam Wuruk, 14, 16
 Henry Pelayar, 55
 Heslop Hill (1898), 154
Hikayat Amir Hamzah, 28
Hikayat Hang Tuah, 38
Hikayat Iskandar Dzulkarnain, 28
Hikayat Muhammad Hanafiah, 28
 Hindu, 16, 17
 Hindia Belanda, 157
 Hirakana, 177
Hizbul Muslimin (Pertubuhan Kaum Muslimin), 204, 220
 Holosen, 3
 Hong Kong, 92
 Hong Lim, 243
 Hotel Adelphi, 243
 Hubungan kemasyarakatan, 46
 Hugh Clifford, 101
 Hugh Low, 93, 96
 Hukum Kanun Melaka, 28, 29, 38, 45
 Hukum Islam, 46
 Hukum-hukum Melaka, 41
 Hulu Bertam, 34
 Hulu Muar, 59
 Hulu Pahang, 102
 Hulu Selangor, 9
 Hulu Terengganu, 143, 144
Hydraulicking, 151
- I Ching, 12
 IMP, 203
 Iban, 249
Ibidem, 154
 Ibnu Battuta, 24
 Ibrahim Haji Yaakob, 173, 181
 Ikatan UMNO-MCA, 203
 Ikhwan Muslimin, 204
 Indera Pura, 37
 Inderagiri, 27, 35, 37
 India, 1, 10, 17, 24, 25, 46, 49, 55-57, 61, 63, 92
 India-Muslim, 31
 IndoChina, 23, 47, 133
 Indonesia, 134
 Inggeris, 58, 69-70, 91, 92, 101, 117
 Iskandar Thani, 63
 Iskandar Zulkarnain, 66
 Islam, 19, 27, 29, 40
 Ismail Kuala Pos, 145
 Isomonger, 99
 Istana Bukit Sarene, 213
 Itali, 54
- J.B. Dunlop, 155
 J.G. Davidson Pemangku Residen, 93
 J.L. Humphreys, 143
 J.P. Rodger, 101, 103
 J.W.W. Birch, 88
 Jabatan Agama Islam, 220
 Jabatan Kereta Api, 120
 Jajahan takluk Melaka, 36, 38, 51
 Jalaludin, 31
 Jalan Kereta api Maut, 180
 Jalan Penarikan, 59
 Jalan Selegi, 94
 Jambi, 13, 24, 28, 37, 64, 68, 73
 James Lancaster, 73
- Japara, 62
 Jatuka, 10
 Jawa, 46, 64, 67
 Jawaharlal Nehru, 208
 Jawatankuasa Kerja, 197
 Jawatankuasa Hubungan Kaum, 206, 213
 Jawatankuasa Perundingan, 196
 Jeddah, 24
 Jelebu, 71, 99
 Jempul, 69
 Jenayah yang berat, 43
 Jenderam Hilir, 4, 11
 Jepun, 61, 64, 188, 193, 222
 Jeram, 138
 Jerman, 133, 193
 Jesuit, 62
 John A. Thivy, 208
 John Anderson, 117
 John Crawford, 80
 Johol, 69, 71
 Johor, 10, 27, 59, 62, 65, 67, 68, 71-72, 93, 124
 Johor (Lama), 66
 Johor Bahru, 177
 Johor Riau-Lingga, 37
 Jong, 39
 Jugra, 46
 Jurunikah, 29
- Kabinet Perang British, 188
 Kadaram, 11
 Kadi Melaka, 29
 Kadi Yusuf, 29
 Kain benang kapas, 47
 Kain hiasan, 47
 Kain satin, 47
 Kain sutera, 47
 Kalimantan (Borneo), 47, 68
 Kamikaze, 171
 Kampar, 35, 37, 63
 Kampung Baru, 192, 224
 Kampung Keling, 46, 53
 Kampung Paya Bunga, 144
 Kampung Pencu, 8
 Kampung Sungai Lang, 8
 Kampung Sungai Mas, 11
 Kangcu, 126
 Kangkar, 126
 Kanun Tanah, 137
 Kapak batu, 4
 Kapal Inggeris, 72
 Kapal Perancis, 72
 Kapal korek, 116, 150-151
 Kapit, 234
 Kapitan Cina, 84
 Kapitan Cina Yap Ah Loy, 97
 Kapten Bloomfield Dauglas (1876-1880), 98
 Kapten Henry Burney, 81
 Kapten Kones, 77
 Kapten Meadows Frost, 137
 Kapten Tatham, 99
 Kapur baru, 47
 Karya kesuasasteraan, 28
 Kasta, 17
 Kasta rendah, 161
 Kastam dan Eksais, 120

Katiba, 10
 Katakana, 177
 Kaum kerabat, 41 - 42, 50
 Kawasan Hitam, 226
 Kawasan Putih, 226
 Kayu gaharu, 47
 Kebudayaan Hoabinh, 3
 Kedah, 12, 27, 37, 51, 66, 67, 73, 75, 81
 Kedah-Perlis, 124
 Kedaulatan Raja-raja Melayu, 193
 Kelab Sultan Sulaiman, 192
 Kelantan, 11, 13, 37, 51, 68, 124
 Kelantan dan Terengganu, 81
 Kemboja, 49
 Kemelesetan Besar Ekonomi Dunia, 147, 159
 Kepala Batas, 220
 Kepulauan Karimon, 37
 Kepulauan Riau-Lingga, 35 - 36
 Kerabat, 17, 43, 45
 Kerajaan Goa, 68
 Kerajaan Melaka, 52
 Kerajaan Melayu, 23, 62
 Kerajaan Melayu Srivijaya, 12
 Kerajaan Perikatan, 220
 Kerajaan Portugis, 55
 Kerajaan Singapura, 255
 Kerajaan Tambralinga, 13
 Kesan Persetiaan 1824, 80
 Kesang, 125
 Kesatuan Demokrasi Tanah Melayu, 197
 Kesatuan Melayu Kedah, 192
 Kesatuan Melayu Melaka, 192
 Kesatuan Melayu Muda, 173, 181, 189
 Kesatuan Melayu Pulau Pinang, 192
 Kesatuan Melayu Semenanjung, 218
 Kesatuan Melayu Singapura, 192
 Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung, 183
 Kesatuan Sekerja, 197
 Kesatuan Tanah Melayu, 188
 Kesultanan Delhi, 55
 Kesultanan Johor (Lama), 69
 Kesultanan Melayu Melaka, 14 - 15, 28, 59, 87, 147, 236
 Kesultanan Melayu, 68
 Kesultanan Sulu, 240
 Ketua Jajahan (Pegawai Daerah), 138
 Ketua Menteri Pulau Pinang, 233
 Ketua pentadbir, 36
 Ketua turus angkatan tentera, 35
 Ketua turus angkatan tentera darat, 39
 Keturunan hamba, 43
 Khalifah-ur Rasyidin, 30
 Khatib, 29
 Khazanah, 58
 Kheh-Thau, 159
 Khoo Teik Ee, 210
 Kidaram, 11
 Kimigayo, 177
 Kincir angin, 60
 Kindersley (1898), 154
 King Dom Manuel I, 55
 Kinta dan Larut Matang, 148
 Kipas, 47
 Kitab *Duri'l-Mazlum*, 28
 Kitul, 52, 53
 Klang, 32, 57
Knight Commander of the Star of India, 126

Kolonel H.S. Lee, 210
 Komanwel Asia Tenggara, 245
 Komanwel British, 220
 Kongres, 193
 Kongres India Se-Tanah Melayu, 197
 Kongres India Tanah Melayu (MIC), 229
 Kongres Melayu Se-Malaya, 192, 193, 194, 198
 Koneksi kerajaan Kelantan, 134
 Konsul Inggeris, 127
 Koromandel, 17
 Kota Melaka, 63
 Kota Tampan, 2
 Kota Tinggi, 63
 Kota Tongkat, 4
 Kristian, 190
 Krisyna, 18
 Krisyna Pandita, 17
 Kayatriya, 17, 18
 Kuala Berang, 11, 14, 145
 Kuala Kangsar, 94
 Kuala Kedah, 74
 Kuala Kesang, 35
 Kuala Linggi, 35
 Kuala Lipis, 104 - 105
 Kuala Lumpur, 98, 113, 124
 Kuala Muar Pasar, 63
 Kuala Pahang, 68
 Kuala Penajah, 46, 53
 Kuala Selangor, 68, 73
 Kuala Selinsing, 11
 Kuala Sungai Bertam, 16
 Kuala Sungai Perak, 88
 Kuala Tembeling, 105
 Kuala Terengganu, 8, 73, 142
 Kuasa politik dan jajahan takluk Melaka, 35
 Kunlun, 10
 Kuo Yu (Mandarin), 235
 Kuomintang, 211
 Labuan, 88, 95
 Lada hitam, 47, 83
 Laksamana, 35, 38 - 39, 42, 44, 64
 Laksamana Cheng Ho, 19 - 21
 Laksamana Khoja Hassan, 52 - 53
 Lancaran, 39
 Langa, 77
 Langsat, 47
 Laporan Suruhanjaya Cobbold, 260
 Larut, 83
 Lasykar, 56
 Laut China Selatan, 3, 47
 Laut Merah, 55
 Lautan Hindi, 21, 47, 55, 93
 Lawrence Guillemond, 120
 Lee Kuan Yew, 244, 246
 Leftenan-Gabenor Jawa, 76
 Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR), 204
 Lembah Bujang, 11 - 12
 Lembah Klang, 83, 155, 156
 Lembah Menang Chao Praya, 133
 Lembah Sungai Bujang, 11
 Lembah Sungai Kinta, 11
 Lembah Sungai Mekong, 13
 Lembah Sungai Muda, 11
 Lembing, 67
 Lenggong, 2

- Liberal, 218
 Liga Belia Demokrasi Baru Tanah Melayu, 197
 Liga Cina Tanah Melayu, 210
 Liga India Tanah Melayu, 209
 Liga Kemerdekaan India, 183, 208
 Liga Kesatuan Kebangsaan Tanah Melayu, 210
 Liga Melayu, 192, 209
 Liga Melayu Perak, 213
 Ligor, 81
 Lim Yew Hock, 244
 Lingga, 64
 Linggi (Kuala Linggi), 68, 69, 71, 73
 Lo-Yueh, 11
 Loji di Bantam, 73
 London, 73, 127, 206
 Long Jaafar, 148
 Lopez de Sequeira 55-56
 Lord Cobbold, 250
 Lord Kimberley, 84
 Lord Landsdowne, 254
 Lord Lugard, 86
 Lord Reid, 234
 Lt. Kolonel Walker, 105
 Luak, 70
 Lubuk Tena, 102
 Lukut, 83

 MCA, 203, 240
 MCA Selangor, 216
 MIC, 240
 Ma Huan, 24, 147
 MacMichael, 193
 Macau, 61
 Madinah, 30
 Madras, 161, 163
 Madrasah (Maahad) IL Ihya Assyarif, 204
 Maharaja, 125
 Maharaja Cina, 20-21, 34
 Maharaja Johor, 105
 Maharaja Wangsa Ming, 19, 21
 Maharaja Yung Lo, 19-22
 Mahkota Iskandar Shah, 20, 35, 46
 Majapahit, 14-15
 Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA), 204
 Majlis Gerakan Darurat, 234
 Majlis Kerja, 130
 Majlis Menteri-Menteri, 130
 Majlis Mesyuarat, 189
 Majlis Mesyuarat Negeri, 95, 103, 118, 122, 193
 Majlis Mesyuarat Negeri Sarawak, 247
 Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu, 114
 Majlis Mesyuarat Undangan Brunei, 256
 Majlis Penasihat Pusat, 190
 Majlis Perbandaran, 202
 Majlis Perbandaran Pua Pinang, 202
 Majlis Perundangan, 82, 260
 Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu, 199-201, 206, 229
 Majlis Tindakan Bersama Se-Malaya, 209
 Majlis Tindakan Bersama Seluruh Tanah Melayu, 197, 209,
 Makasar, 64, 67-68
 Makhdum, 29
 Makhdum Sadar Johan, 29
 Makkah, 29, 145
 Malayan Union, 188, 190, 191, 197, 199
 Malcolm MacDonald, 206
 Maluku, 34, 47, 49, 61-62, 73
 Mandulika, 42
 Manjong dan Beraus, 37, 51, 148
 Mapatih, 14
 Maphilindo, 258
 Marco Polo, 14, 23
 Markas orang Portugis di Timur, 56
 Martin Lister, 100
 Masyarakat Eropah, 40
 Masyarakat Hindu, 43
 Masyarakat Melaka, 38, 40, 43, 46, 48, 49
 Masyarakat Melayu Islam, 42
 Masyarakat Minangkabau, 70
 Masyarakat tradisi Melayu, 44
 Mat Arshad, 92
 Mat Kilau, 104
 Mat Tok Pitas, 145
 Mata wang, 49
 Mata wang emas, 49
 Matang, 155
 Matematik, 60
 Maulana, 28, 28
 Maulana Abu Bakar, 29
 Maulana Yusuf, 29
 Mazhab Siva, 11
 Megat Seri Rama, 68
 Megat Terawis, 44
 Mejar Fujiwara Waichi, 172, 173
 Melaka, 15, 37, 39, 41-42, 46, 48, 51, 56, 58-63, 65, 67, 69,
 72, 76, 92, 124, 158, 201
 Melaka-Johor, 68
 Melampau, 148
 Melanau, 249
 Melayu, 54
 Melayu Johor, 192
 Melayu Raya, 189
 Melayu-Jambi, 12
 Membuang kerajaan, 52, 53, 54
 Memorandum pelajar-pelajar Melayu, 189
 Mendulang, 148
 Mengandam, 30
 Menghantar tanda, 30
 Menteri Besar, 131, 233
 Menteri Jana Putera, 33, 34
 Menteri Larut, 93
 Menteri Luar Indonesia, 257
 Menteri Muda Britain, 254
 Merdeka, 242
 Merisik, 30
 Mesir, 54
 Mesolitik, 3
 Michealmore, 259
 Middle Temple, 206
 Minangkabau, 69
 Mohammad Sopiex bin Syekh Ibrahim, 218
 Mohan Singh, 184
 Mohd Ghazali bin Shafie, 245
 Monopoli perdagangan, 54
 Mualim, 28-29
 Muang Bao Tapan, 133
 Muar, 16, 32, 35
 Mubaligh, 62
 Mungkal, 70
 Musah, 186
 Muslimin, 204
 Muzakarrah, 29

- Nabi Muhammad S.A.W., 30
 Nagarakertagama, 14
 Naina Catu, 57
 Nakhoda Kassim, 65
 Naning, 63, 69-70
 Natural History, 10
 Negapatnam, 161, 163
 Negara Belanda, 67
 Negara Islam, 34
 Negara pelabuhan, 34
 Negeri Sembilan, 69, 70, 71, 86, 111, 155
 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 108
 Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, 145
 Negeri-negeri Melayu utara, 132
 Negeri-Negeri Selat, 82, 86, 124, 159
 New Zealand, 247
 Nigeria (Afrika), 86
 Nila Pahlawan, 17
 Nina Sura Dewana, 52
- Oliver Cromwell, 73
 Ong Eng Guan, 243
 Ong Kee Hui, 249
 Orang berhutang, 43-44
 Orang Bugis, 67-71, 74
 Orang Cham, 10
 Orang Kaya Datuk Bahaman, 102
 Orang Kaya Jajahan Pulau Tawar, 104
 Orang Kaya Pahlawan Semantan, 102
 Orang Kaya-Kaya, 17, 42
 Orang Kiwi, 42, 48
 Orang Laut, 16, 68
 Orang merdeheka, 17-18, 42-44, 48
 Orang Pegu, 61
 Orang Portugis, 28, 47, 53-55
 Orang raja, 42-43
 Orang Selat, 16
 Orang suruhan, 42
 Orang-orang besar, 43
 Order Baru Asia Timur Raya, 170, 172
 Ordinan Orang Asing, 160
 Ordinan Pelajaran 1957, 242
- PAS, 220
 Padang Besar, 138
 Padang Merdeka, 140
 Paduka Raja Tun Perak, 38
 Paduka Raja, 36, 42
 Paduka Sri Maharaja, 14
 Paduka Sri Pikrama Wira, 14
 Paduka Tuan, 51, 53
 Pagar Ruyung, 69-71
 Pagoh, 59
 Pahang, 11, 14, 27, 33, 35, 37, 57, 59, 62-64, 66, 68, 86
 Pahlawan-pahlawan Melaka, 58
 Pai-li-mi-sula, 16
 Paka, 14
 Pakatan Britain-Perancis, 135
 Pakistan, 234
 Palembang 14-17, 68, 77
 Pam kelikir, 151
 Pam-rantai, 150
 Pan-Malayan Council of Joint Action, 197
 Pandak Endut, 92-93
 Pangkalan Belanda, 67
 Pangkalan Bujang, 11
 Panglima Ali, 186
 Panglima Muda, 104
 Pantai Koromandel, 67
 Parameswara, 15-16, 18-20, 24-25, 40, 66
 Parlimen, 220
 Parlimen British, 93, 195
 Parlimen Malaysia, 250
 Parsi, 10, 28, 46, 54, 61
 Parsi Kalah, 11
 Parti Bersatu, 248
 Parti Buruh Perak, 219
 Parti Buruh Pulau Pinang, 217, 218
 Parti Buruh Selangor, 218
 Parti Buruh, 218, 231, 232, 246
 Parti Demokratik, 248
 Parti Islam Se-Tanah Melayu, 220, 231, 242
 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), 192, 198, 209
 Parti Kebangsaan Sarawak (SNP), 249
 Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP), 203, 207, 215
 Parti Komunis, 211
 Parti Komunis Cina, 211
 Parti Komunis Indonesia, 250
 Parti Komunis Tanah Melayu, 185, 238
 Parti Negara, 207, 219, 220
 Parti Negara Sarawak (PANAS), 249
 Parti Progressif Rakyat, 219, 231, 243
 Parti Radikal, 217
 Parti Rakyat Brunei, 256, 258
 Parti Tindakan Rakyat Singapura, 244, 246
 Pasai, 24, 26, 37, 61
 Pasir Mas, 167
 Pasir Puteh, 138
 Pasir Salak, 92
 Pasok Momong, 253
 Pasukan 136 (Force 136), 222
 Patani, 14, 27, 35-37, 61, 64, 73
 Patik, 45
 Patung agama Buddha, 11
 Paya Kumbuh, 70
 Pearl Harbour, 174
 Pedagang Arab dan India, 24
 Pedagang Gujarat, 61
 Pedagang Islam, 24-26, 46, 55-56, 61-62
 Pedagang Melaka, 48-49
 Pedagang negeri, 73
 Pedagang persendirian, 73
 Pedir, 24, 28, 61-62
 Pegawai Muda, 94
 Pegawai kastam, 49
 Pegu, 49
 Pejabat Tanah Jajahan British, 87, 189
 Pekan, 101
 PEKEMBAR, 195
 Pelabuhan Klang, 156, 191
 Pelabuhan Port Dickson, 165
 Pelabuhan Teluk Intan, 165
 Pelabuhan Weld, 96, 165
 Pembela Tanah air, 182
 Pembentuk empayar Melaka, 51
 Pembesar Melaka, 37
 Pembesar Melayu Perak, 93
 Pembesar-pembesar Pahang, 102
 Pembesar-pembesar Perak, 90
 Pembesar-pembesar negara, 42
 Pemerintahan Tentera Tanah Melayu, 174
 Pemodal-pemodal Eropah, 116

- Pemungut Hasil Tanah, 99
 Penasihat British, 120, 138
 Pendakwah, 24, 26-28
 Pendakwah Islam, 26
 Pendeta tassawuf, 28
 Penduduk Melaka, 41
 Pendudukan Jepun, 208
 Peng-feng, 11
 Pengambilan Singapura, 78
 Pengerusi Jawatankuasa Imigresen India, 163
 Pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, 97
 Penghapusan Amalan Hamba Abdi, 89
 Penghijrahan Buruh, 160
 Penghulu, 32, 71
 Penghulu bendahari, 65
 Penghulu Klang, 36
 Penghulu Salleh Pasir Nyior, 145
 Penghulu Syed Ali, 100
 Penjajahan orang Eropah, 106
 Pentas Sunda, 2
 Penyata Pelajaran Razak, 227
 Penyatuan Tanah Melayu, 197
 Peperangan Tok Janggut, 139
 Peradaban Barat, 40
 Perak, 1, 12, 33, 35, 44, 50, 62-63, 65-67, 81, 86-87, 89, 93-94, 135
 Perancis, 76, 133, 135
 Perang Dunia Kedua, 137, 141, 147, 204, 207
 Perang Dunia Pertama, 120
 Perang Klang, 84, 97, 98, 102
 Perang Melaka-Portugis yang pertama, 56-57
 Perang Napoleon, 76
 Perang Pahang 1891-1895, 102, 140
 Perang Perak, 92
 Perang Portugis-Melaka, 61
 Perang Salih, 54, 60
 Perang saudara, 68, 83
 Perang tiga penjuru, 63
 Perbendaharaan Kerajaan British, 114
 Perdagangan British-China, 74
 Perdagangan primitif, 5
 Perdagangan rempah, 67
 Perdana Menteri, 140
 Perdana Menteri Tanah Melayu, 243
 Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, 192
 Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, 192
 Perhimpunan Agung, 221
 Perhimpunan Khas UMNO, 231
 Perhubungan kemasyarakatan, 44
 Perikatan, 221
 Perikatan Melayu Perak, 192
 Peristiwa pembunuhan Bendahara Tun Mutahir dan kerabatnya, 53
 Peristiwa rampasan kuasa, 31-32
 Pengisytiharan Siam-British, 135
 Perjanjian Bangkok 1909, 135, 137, 142
 Perjanjian Burney 1826, 80, 132
 Perjanjian Pangkor 1874, 86, 88
 Perjanjian Persahabatan, 127
 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 117, 202, 209
 Perjanjian Pertahanan, 234
 Perjanjian Sempadan dengan Siam 1899, 134
 Perjanjian Sulit 1897, 133, 134, 135
 Perkhidmatan Awam Tanah Melayu, 215
 Perkhidmatan Awam Melayu (MCS), 226
 Perkhidmatan Awam Penjajah, 215
 Perkhidmatan Tadbir Awam Siam, 134
 Perlak, 23
 Perlembagaan 1957, 239
 Perlembagaan bertulis, 200
 Perlembagaan Malayan Union, 191
 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 202
 Perlembagaan negara, 240
 Perlis, 137
 Perluasan kuasa, 36
 Persatuan British Cina Negeri-Negeri Selat, 237
 Persatuan British Malaya, 189
 Persatuan Cina Tanah Melayu, 208, 211
 Persatuan Kebangsaan Perak, 219, 231, 232
 Persatuan Melayu Kelantan, 192
 Persatuan Melayu Negeri Sembilan, 192
 Persatuan Melayu Pahang, 192
 Persatuan Melayu Terengganu, 192
 Persatuan Orang Asli, 192
 Persatuan Orang Cina Seberang Laut, 209
 Persatuan Parlimen Komanwel, 247
 Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Britain, 189
 Persatuan Penuntut-Penuntut Pelajaran Tinggi Melayu, 213
 Persatuan Perniagaan Cina, 236
 Persatuan Pusat India Tanah Melayu, 207-208
 Persatuan Rakyat British Keturunan Cina Selat, 208
 Persekutuan Ceylon, 206
 Persekutuan Malaysia, 255
 Persekutuan Tanah Melayu, 199, 212, 234
 Persetiaan Inggeris-Belanda, 79
 Persetiaan Muslim Teluk Anson, 192
 Persidangan Afro-Asia, 238
 Persidangan Kebangsaan, 207, 219
 Persidangan Menteri-Menteri Luar, 258
 Persidangan Perdana Menteri Komanwel, 240
 Persidangan Ketua-ketua Iban (Aum), 252
 Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO), 248
 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, 195
 Pertubuhan Kebangsaan Pasok Momogun, 248
 Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), 248
 Perut, 70
 Pesuruhjaya Tinggi British, 119, 120, 196
 Pesuruhjaya-Jeneral British, 206
 Piagam Atlantik, 193
 Piagam diraja, 73
 Pilihanraya, 229
 Pliny, 10
 Polis Khas, 223
 Polis Melayu, 102
 Polis Sikh, 102
 Portugal, 60
 Portugis, 15-16, 26, 40, 46, 52, 53, 56-59, 62, 63, 65, 67, 69, 158
 Portugis Melaka, 64, 67
 Prapanca, 14
 Presiden Sukarno, 257
 Prince of Wales, 171
 Prinsip *jus soli*, 189, 210
 Pritam Singh, 183
 Province Wellesley (Seberang Perai), 83
 Puket, 67
 Pulasan, 47
 Pulau Balambangan, 74
 Pulau Banda, 61
 Pulau Bentan, 65
 Pulau Borneo, 27

Pulau Jawa, 27, 48 - 49, 68, 76
 Pulau Makasar, 67
 Pulau Maluku, 67
 Pulau Pahlawan Filipina, 2
 Pulau Pinang, 124, 58, 75 - 76, 82 - 83, 91, 136, 160
 Pulau Pisang, 10
 Pulau Ryukyuu, 49
 Pulau Seychelles, 93
 Pulau Sumatera, 62
 Pulau Tambelan, 64
 Pulau Tawar, 102, 103
 Pusat Islam, 29
 Pusat Pengajian Perkembangan dan Penyebaran Agama Islam, 27
 Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS), 204
 Pusat Perkembangan Islam, 26
 Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), 198, 210
 Pusat perdagangan, 47
 Putera Henry, 55, 60
 Putera Sultan Johor, 65
 Putera Sultan Mahmud (Mangkat Dijulang), 68
 PUTERA, 198
 PUTERA-AMCJA, 199
 Putera-putera Sultan Abdullah, 94

R. Ramani, 215
 Radikal, 198
 Raffles, 78
 Raja Abdullah, 33, 84
 Raja Adil, 70
 Raja Ahmad, 54
 Raja Ali Haji, 72
 Raja Bajau, 65
 Raja Bugis, 86
 Raja Bujang, 65
 Raja Charles I, 73
 Raja Chola, 11 - 13
 Raja Di Baroh, 71
 Raja Haji, 71 - 72
 Raja Hitam, 70
 Raja Hussein (atau Tengku Long), 77
 Raja Ibrahim, 31, 69
 Raja Idris, 90, 93
 Raja Indra Bongsu, 64
 Raja Iskandar Shah, 15 - 17, 25
 Raja Iskandar Zulkarnain, 17
 Raja Ismail, 88, 91 - 93
 Raja Jaafar, 77
 Raja Jumaat, 148
 Raja Kasah, 69
 Raja Kassim, 31
 Raja Kecil, 68 - 69
 Raja Kecil Besar, 24
 Raja Kedah, 173
 Raja Khatib, 69
 Raja Labu, 70
 Raja Lenggang Laut, 70
 Raja Mahdi, 84
 Raja Mahkota Iskandar Shah, 23, 26, 29
 Raja Mahmud, 71
 Raja Majapahit, 16
 Raja Makaduniyah, 17
 Raja Mamad, 51
 Raja Melaka, 25, 28, 31 - 32, 34 - 35

Raja Melewar, 69 - 70
 Raja Mudaliar, 52, 53
 Raja Muhammad, 21, 37, 64 - 66
 Raja Muhammad di Pahang, 65
 Raja Muzaffar, 65 - 66
 Raja Ngah Mansur, 93 - 94
 Raja Pasai, 26
 Raja Perempuan Besar Melaka, 44
 Raja Portugal, 61
 Raja Putih, 44
 Raja Rama Kamheng, 13
 Raja Rembau, 69
 Raja Rokan, 31
 Raja Samudera, 23
 Raja Samudera-Pasai, 24
 Raja Seberang, 64
 Raja Seberang (Raja Abdullah), 63
 Raja Singapura, 16
 Raja Sulaiman, 68
 Raja Sulung, 66
 Raja Syed Alwi, 138
 Raja Yusof, 90 - 91, 93
 Raja Zainal, 45
 Raja Langit, 34
 Raja Rembau, 70
 Raksa, 47
 Rancangan Briggs, 224
 Rancangan Sekatan Getah Stevenson, 156
 Rang Perlembagaan, 236
 Ratu England, 93
 Ratu Victoria, 125
 Referendum Singapura, 255
 Rembau, 69 - 72, 99
 Rempah, 47, 54
 Republik Indonesia, 198
 Repulse, 171
 Residen Belanda, 77
 Residen British, 86, 90
 Residen J. G. Davidson, 96
 Residen-Jeneral, 118
 Rev. Keasberry, 126
 Riau, 59, 64, 68, 71
 Robert Fullerton, 81
 Roh dan semangat, 18
 Rokan, 27, 37
 Rom, 218
 Rukun Sepuluh, 62
 Rundingan Baling, 233
 Rundingan Tanah Melayu-Singapura, 247
 Rusia, 89
 Ruy d'Araujo, 56

S.P. Seenivasagam, 219
 Sabah, 2
 Sahaya, 43
 Salasilah Perak, 65
 Salem, 161
 Samsuddin, 23
 Samudera, 24
 Samudera-Pasai, 24, 28
 Samuel Wilson, 122
 Sang Nila Utama, 17
 Sang Sapurba, 17
 Sanskrit, 10
 Santubong, 11 - 12

- Sarawak, 11, 95, 244
 Sarjan Che Wan, 139
 Sayid Jamaluddin al-Afghani, 204
 Seberang Prai, 5, 160, 171
 Sedili Besar, 65
 Segenting Kra, 133
Sejarah Melayu, 14, 16, 23, 24, 28, 35, 39, 40, 46, 51, 52, 53, 54, 56, 58, 65
 Sejarah kebudayaan, 1
 Sekolah St. Paul, 62
 Sekolah Tinggi Melaka, 94
 Selangor, 67, 71 - 72, 86
 Selat Melaka, 3, 12, 14, 37 - 38, 61, 63, 71 - 73, 75 - 76, 82
 Selat Sunda, 76
 Selatan Eropah, 40
 Selatan Filipina, 27
 Selatan Perak, 9
 Selwyn College, 206
 Semenanjung Tanah Melayu, 27, 34, 63, 68, 80, 111, 124, 188, 191
 Sepanyol, 60
 Seri Bija Diraja, 32, 37, 65
 Seri Lemak, 70
 Seri Maharaja, 20, 42
 Seri Melenggang, 70
 Seri Menanti, 100, 121
 Seri Nara Diraja, 31, 34, 52
 Seri Nara Diraja (Tun Ali), 36
 Seri Parameswara Dewa Shah, 31
 Seri Wak Raja, 32
 Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 241
 Setiausaha Negara Tanah Jajahan British, 87
 Setiausaha Persekutuan, 122
 Setiausaha Rendah Tanah Jajahan British, 122
 Setiausaha Tanah Jajahan, 84
 Siak, 35, 37, 66, 68 - 69
 Siam, 16, 19, 21 - 22, 32 - 34, 36, 64, 81, 124, 133
 Siam-Kampuchea, 135
 Siew Sin, 191
 Singapura, 14, 16, 35 - 36, 57 - 58, 78, 88, 93, 104, 124, 244
 Sinkheh, 159
 Sir Andrew Clarke, 85
 Sir Anthony Abell, 252
 Sir David Watherston, 252
 Sir Edward Gent, 195
 Sir Gerald Templar, 225
 Sir Harold MacMichael, 190, 191
 Sir Harry Ord, 83
 Sir Henry Gurney, 210
 Sir Henry Wickham, 154
 Sir Hugh Low, 154
 Sistem Adat Perpatih, 101
 Sistem Ahli, 202, 225
 Sistem Perhubungan, 163
 Sistem Residen, 87 - 89, 93, 110
 Sistem Tiket Kredit, 159
 Sistem Undang, 239
 Sistem berbangsa-bangsa, 46
 Sistem feudal, 216
 Sistem kabinet, 202
 Sistem kangcu, 128
 Sistem kasta, 43
 Sistem kerajaan, 30
 Sistem pengambilan personel, 159
 Sistem pengambilan rumah kongsi, 169
 Sistem pentadbiran, 38
 Sistem penukaran, 49
 Sistem perekonomian, 49
 Sistem pertahanan, 38 - 39
 Sistem undang-undang, 38
 Scottra, 55
 Soppeng, 68
 Sri Menanti, 69 - 70
 Sri Rana Wikarma, 14
 Sri Tri Buana, 14, 17
 Srivijaya, 13 - 14, 16 - 18, 20, 40
 St. Thomas College, 206
 Stamford Raffles, 76
 Stephen Kalong Ningkan, 249
 Suasana dukacita, 53
 Subhas Chandra Bose, 184, 208
 Sudra, 17
 Sulaiman, 23
 Sulatus Salatin, 28
 Sulawesi Selatan, 67
 Sullivan, 74
 Sultan Abdul Ghafar, 65
 Sultan Abdul Hamid, 137
 Sultan Abdul Jalil, 64, 68
 Sultan Abdul Jalil Muazam Shah, 71
 Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, 68
 Sultan Abdul Kadir Shah, 65
 Sultan Abdul Rahman, 58
 Sultan Abdul Rahman Shah, 77
 Sultan Abdul Samad, 96
 Sultan Abdullah, 64, 75, 88, 94
 Sultan Abdullah Mukaram Shah, 74
 Sultan Abu Shahid, 35
 Sultan Aceh, 66
 Sultan Ahmad Riayat Shah, 71
 Sultan Ahmad Shah, 53, 65
 Sultan Ahmad Tajuddin, 66
 Sultan Ahmad, 45, 52, 54, 57 - 59, 65
 Sultan Al-Malik As-Zabir, 24
 Sultan Alauddin Mansur Shah, 66
 Sultan Alauddin Riayat Shah, 29, 35, 38, 40, 51, 62 - 63, 65
 Sultan Ali Mughayat Shah, 62
 Sultan Ali, 127
 Sultan Brunei, 247
 Sultan Hammam Shah, 64
 Sultan Hussein, 78
 Sultan Ibrahim, 65, 128
 Sultan Idris, 118, 120
 Sultan Iskandar Muda, 62 - 66
 Sultan Iskandar Thani, 64, 65 - 66
 Sultan Johor, 65, 68, 71
 Sultan Johor (Abdul Jalil III), 65
 Sultan Kedah, 58, 172, 173
 Sultan Kedah (Muhammad Jiwa), 74
 Sultan Kelantan, 140
 Sultan Mahmud, 44 - 45, 52 - 54, 58 - 59, 63, 65 - 66, 68
 Sultan Mahmud Iskandar, 66
 Sultan Mahmud Shah, 29, 35 - 36, 51, 56
 Sultan Mahmud mangkat, 77
 Sultan Malik-ul-Salleh, 23
 Sultan Mansur Shah, 23, 27, 29, 34 - 38, 64 - 66
 Sultan Melaka, 27, 29, 36 - 38, 59
 Sultan Muhammad II, 142
 Sultan Muhammad IV, 141
 Sultan Muhammad Jiwa, 74
 Sultan Muhammad Shah, 20 - 22, 26 - 27, 29, 31 - 33, 35 - 36, 49, 63, 65 - 66

- Sultan Muzaffar, 32
 Sultan Pahang, 64-65, 113
 Sultan Perak, 65, 86, 88, 90
 Sultan Sallehuddin, 66
 Sultan Sulaiman, 71
 Sultan Sulu, 240
 Sultan Ternate, 61
 Sultan Zainal Abidin III, 141, 142
 Sulu, 240
 Sumatera, 23-25, 27-28, 34-37, 39, 47, 61, 69, 70
 Sumber arkeologi, 11
 Sumber ekonomi raja, 50
 Sungai Batu Pahat, 126
 Sungai Bernam, 9
 Sungai Golok, 165
 Sungai Johor, 62-64, 126
 Sungai Johor atau Riau, 73
 Sungai Manek, 206
 Sungai Muar, 125-126
 Sungai Perak, 11, 66, 92
 Sungai Salang, 73
 Sungai Sedili, 126
 Sungai Slim, 9
 Sungai Tembeling, 8
 Sungai Terebat di Terengganu, 25
 Sungai Ujong, 16, 69-71, 83, 109
Superintendent, 102
 Surat sungai, 126
 Suruhan Bebas, 230
 Suruhanjaya Cobbold, 250
 Suruhanjaya Perlembagaan Reid, 239
 Suvarnabhumi, 10
 Syarikat Hindia Timur Bersatu, 67
 Syarikat Hindia Timur Inggeris, 73-74, 76
 Syarikat Jourdain, 74
 Syarat-syarat Perjanjian Burney (1826), 81
Sydney Morning Herald, 247
 Syed Abdul Aziz, 24
 Syekh Muhammad Abduh, 204
 Syiva, 18

 Tahir Pasir Panjang, 145
 Taiping, 96, 206
Tajus Salatin, 28
 Taman Bunga Diraja Kew, England, 154
 Taman Bunga Singapura, 154
 Tambak Johor, 165
 Tampin, 69, 100
 Tan Chay Yan (1896), 154
 Tan Cheng Lock, 189, 197
 Tan-tan, 11
 Tanah Arab, 28, 30, 46-47, 49, 61
 Tanah Datar, 70
 Tanah Jawa, 23, 47
 Tanah Melayu, 15, 25, 35-36, 39, 86, 88, 163
 Tanah Melayu Darul-Islam, 204
 Tanjore, 161
 Tanjung Pengharapan, 55, 60
 Tanjung Puteri, 130
 Taraf bangsawan, 42
 Taraf orang merdeheka, 44
 Taraf perintis, 242
 Tatasusila masyarakat Melayu, 89
 Tauke labur, 83
 Tauke lombong, 84

 Teh, 47
 Telegraf dan Pos, 120
 Telemong, 143
 Teluk Algoa, 60
 Teluk Anson, 219
 Teluk Belanga, 125
 Teluk Ketapang, 72
 Teluk Semangka, 76
 Temasik, 14, 16
 Tembaga merah, 47
 Tembikar, 22, 47
 Temenggung Daeng Ibrahim, 125
 Temenggung Johor, 125
 Temenggung Seri Maharaja Tun Mutahir, 51
 Temenggung Wan Abu Bakar, 126
 Tempasuk, 8
 Tempat penginapan, 48
 Teng-ya-nung, 11
 Tengku Abdul Rahman, 77
 Tengku Hussein, 77, 78
 Tengku Kudin, 97
 Tengku Nik, 144
 Tentera Rakyat Tanah Melayu Anti-Jepun, 185, 222
 Tepak sirih, 30
 Terengganu, 11, 14, 25, 27, 35, 37, 65, 68, 124
 Tersat, 145
 Terusan Segenting Kra, 136
 Thailand, 191
The Suma Oriental, 40
 Tiga Batu, 70
 Tiga Nenek, 70
 Tim Kap, 57
 Timah, 47, 49, 66
 Timah Selat, 83
 Timur, 47, 49, 54-55, 58, 61, 67
 Tingkayu, 2
 Tok Gajah, 104
 Tok Janggut, 138-39
 Tok Kelana, 71
 Tok Ku Paloh, 144
 Tok Raja, 103-104
 Tombak, 57
 Tome Pires, 16, 26, 40
 Trichinopoly, 161
 Tuan Besar, 64
 Tuan Haji Abdul Rahman Limbong, 144
 Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid, 144
 Tuan Haji Mat Hassan, 138
 Tuan Haji Yaakob, 144
 Tuan hamba, 45
Tuhfat al-Nafis, 28, 72
 Tukang yang mahir, 42
 Tulisan Jawi, 28, 116
 Tumagi, 16
 Tumpat, 165
 Tun Ali (Seri Nara Diraja), 32
 Tun Ali, 31, 33, 52
 Tun Bija Setia, 37
 Tun Fatimah, 44, 52-53
 Tun Hamzah (anak Seri Nara Diraja), 62
 Tun Hassan Temenggung, 52
 Tun Indera Segara, 52
 Tun Kudu, 32-33, 36
 Tun Leong Yew Koh, 211
 Tun Mutahir, 37, 42, 52-53
 Tun Omar, 32

- Tun Perak, 32-34, 36-37, 41-42, 51, 53
 Tun Perpatih Putih, 34, 52
 Tun Pikrama, 37
 Tun Putih, 34, 37, 51
 Tun Saban, 65
 Tun Sura Diraja, 52
 Tun Telanai, 33-34
 Tun Wijaya Maha Menteri, 37
 Tun-Sun, 11-12
 Tunku Abdul Rahman Putra, 214
 Turki, 60
- UMNO, 195, 201, 209, 220
 Ujung Salang, 67, 75
 Umayyah, 30
 Umuyukaba, 177
 Undang, 71
 Undang Rembau, 99
 Undang-undang adat, 29
 Undang-undang awam, 29
 Undang-undang dan peraturan, 45
 Undang-undang Darurat, 225
 Undang-undang Islam, 29
 Undang-undang Laut Melaka, 29, 38, 42, 45
 Undang-undang Melaka, 28, 43
 Undang-undang raja, 45
 Undang-undang syariah, 29, 38
 Undang-undang Tabung Imigresen India, 162
 Undang-undang Tanah 1921, 144
 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, 190
 Unit Perancangan Tanah Melayu, 189
 United Kingdom, 169, 234
 United Malay National Organization, 195, 213
 Universiti Malaya, 230
 Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, 204
 Ustaz Ahmad Saghir, 221
 Ustaz Zulkiflee Muhammd, 221
- Vaisya, 17
 Vasco da Gama, 55, 60
 Venice, 40, 54
 Vietnam, 3
 Visynu, 18
 Vulcanization, 154
- W.E. Maxwello, 103
 W.J.F. Williamson, 137
 Wali, 71
 Wang perak, 49
 Warganegara Persekutuan, 207
 Wasiat Sultan Alauddin Riayat Shah, 45
 Wataniah, 222
 Wazir Goa, 56
 William Farquhar, 77
 William Jervois, 90
 Wizurai, 55
- Yamashita Tomoyuki, 174
 Yamtuan Besar Seri Menanti, 100
 Yamtuan Muda, 65, 68, 72, 77, 86-87
 Yamtuan Muda Abdullah, 100
 Yamtuan Muda Johor, 69
 Yang Dipertua PAS, 221
 Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, 214
 Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, 69, 70-71, 77, 78, 113
 Yang di-Pertuan Agong, 239
 Yin Ching, 19
 Yong Shook Lin, 210
 Yunani, 1, 10
- Zaman Air Batu, 2
 Zaman akhir prasejarah, 10
 Zaman Besi, 9
 Zaman Gangsa, 6, 9
 Zaman Gangsa-Besi Malaysia, 9
 Zaman Hoabinh, 3-6
 Zaman Johor, 68
 Zaman Kegelapan, 60
 Zaman Melaka, 68
 Zaman Neolitik, 5, 7
 Zaman Paleolitik, 1
 Zaman Pleistosen, 2
 Zaman prasejarah, 1, 9
 Zaman protosejarah, 1, 9
 Zaman sejarah, 1